

**KEBANGKITAN SEMULA ISLAM DI MALAYSIA: PERANAN
DAN SUMBANGAN ANGKATAN BELIA ISLAM MALAYSIA,
1971-2008**

NORAZLAN HADI YAACOB

FAKULTI SASTERA DAN SAINS SOSIAL

UNIVERSITI MALAYA

KUALA LUMPUR

2017

**KEBANGKITAN SEMULA ISLAM DI MALAYSIA:
PERANAN DAN SUMBANGAN ANGKATAN BELIA
ISLAM MALAYSIA, 1971-2008**

NORAZLAN HADI YAACOB

**TESIS DIKEMUKAKAN
SEBAGAI MEMENUHI KEPERLUAN BAGI
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH**

**FAKULTI SASTERA DAN SAINS SOSIAL
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2017

**UNIVERSITI MALAYA
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Nama: Norazlan Hadi Yaacob

No. Matrik: AHA 070002

Nama Ijazah: PhD

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis ("Hasil Kerja ini"):

Kebangkitan Semula Islam Di Malaysia : Peranan Dan Sumbangan Angkatan Belia Islam Malaysia, 1971-2008.

Bidang Penyelidikan: Sejarah Islam

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya ("UM") yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa jua cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tarikh: 21/03/2017

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Ta

Tarikh: 21/03/2017

Nama:

Jawatan

PROF. DATO' DR. MOHAMMAD REDZUAN OTHMAN
PRESIDENT & VICE CHANCELLOR
UNIVERSITI SELANGOR

PENGHARGAAN

Alhamdulillah rabbil 'alamiin... Puji syukur ke hadrat Allah SWT di atas limpahan rahmat, inayah dan hidayah-Nya sehingga penulis dapat menyiapkan tesis PhD. Sesungguhnya penulisan tesis ini tidak akan selesai tanpa adanya sumbangan dan bantuan dari pelbagai pihak. Secara khusus penulis ingin merakamkan penghargaan yang setinggi-tingginya kepada penyelia Prof. Dato' Dr Mohammad Redzuan Othman yang telah memberikan penyeliaan, tunjuk ajar, kritik, analisis dan kesabaran menghadapi kerenah anak muridnya. Ketelitian, kecermatan dan sikap disiplin beliau telah memantapkan tesis ini meskipun masih jauh dari sempurna. Menjadi muridnya menjadi kebanggaan peribadi.

Penulis juga ingin menyampaikan ucapan terima kasih kepada Prof Dr Md Sidin Ahmad Ishak selaku Dekan Fakulti Sastera dan Sains Sosial Universiti Malaya, Prof Madya Dr Zulkanain Abdul Rahman selaku Timbalan Dekan, Ketua Jabatan Sejarah Prof. Madya Dr. Sivachandralingam Sundara Raja di atas bantuan bagi melicinkan penyiapan tesis ini. Juga kepada para pensyarah di Jabatan Sejarah Dr Abu Hanifah Haris, Salina Zainol dan para kakitangan Jabatan Sejarah Semuanya telah banyak membantu penulis dengan caranya masing-masing. Penulis juga mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan dan pimpinan ABIM yang banyak membantu seperti Dato Dr Sidek Fadzil, Prof Dr Shahrudin Badaruddin, Khairul Ariffin Munir, Mohd Firdaus Hamsin, Puan Fathiah Makhtar dan Akmal Hisham Abdul Rahim.

Kepada ibubapa penulis dan keluarga terutamanya Nurul Ashikin, Syifa dan Ihsan. Akhir kalam, semoga karya tulis ini dapat memperkaya khazanah intelektual dan menambah literatur di kalangan keilmuan Islam yang dapat dimanfaatkan seluruh masyarakat dan umat Islam.

Tanjong Malim, 24 Desember 2015.

Norazlan Hadi Yaacob

ABSTRAK

Tesis ini mengkaji tentang Kebangkitan Semula Islam di Malaysia: Peranan dan Sumbangan Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) mulai tahun 1971 sehingga 2008. Proses kebangkitan semula Islam di Malaysia telah memberi impak yang besar terhadap perubahan dan pengamalan Islam dalam kalangan masyarakat Muslim, sekali gus melahirkan kesedaran mendalam terhadap penghayatan dan amalan beragama. Bagi memahami kebangkitan Islam di Malaysia, peranan dan sumbangan ABIM tidak boleh dikesampingkan. ABIM telah memainkan peranan sebagai sebuah pertubuhan belia Islam yang bertindak sebagai sebuah kumpulan pendesak dalam melaksanakan pelbagai tuntutan dan melaksanakan pelbagai program yang memberi kesan besar terhadap masyarakat. Kajian ini meliputi tahun 1971 hingga 2008. Kebangkitan semula Islam di Malaysia dilihat sebagai kesan daripada kebangkitan Islam global yang berlaku di seluruh dunia pada tahun 1970-an. Kedah kualitatif digunakan dalam kajian ini yang mana penyelidikan perpustakaan dijadikan sebagai mekanisme bagi memilih dan memilah sumber-sumber primer dan sekunder serta diperkukuhkan dengan temu bual mendalam dengan informan berkaitan. Tumpuan analisis adalah mengenai peranan dan sumbangan ABIM dalam mewujudkan generasi Islamiy yang mempunyai kesedaran Islam terutamanya terhadap pelajar Islam yang dalam jangka masa panjang dapat melahirkan golongan muda Islam yang komited terhadap agama mereka. Tambahan pula, tumpuan juga diberikan terhadap peranan dan sumbangan ABIM dalam kegiatan dakwah melalui penyebaran idea Islamisasi, serta penubuhan institusi tertentu serta mewujudkan hubungan yang baik dengan orang bukan Islam dan masyarakat antarabangsa. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kelahiran ABIM pada tahun 1971 merupakan titik penting dalam proses kebangkitan semula Islam di Malaysia. Perkara tersebut dapat dilihat melalui kejayaan ABIM mempelopori proses perubahan yang

membawa kepada lahirnya satu generasi Islam yang komited terhadap Islam terutamanya di institusi pengajian tinggi. Perubahan ini yang turut disokong oleh aktiviti bercorak pengetahuan yang dianjurkan oleh ABIM seperti mewujudkan kumpulan usrah, menerbit dan menterjemah buku-buku Islam. Sebagai sebuah organisasi belia berasaskan Islam, ABIM juga telah berjaya menjalankan fungsinya dalam menyatukan umat dengan mengambil inisiatif memberikan pandangan tentang idea-idea bukan partisan dan mewujudkan pemikiran *Manhaj Maliziy* kerana Malaysia adalah masyarakat berbilang kaum yang berbeza daripada kebanyakan negara lain. Oleh itu, kejayaan pendekatan ini telah membawa kepada kelancaran penyebaran idea Islam dalam masyarakat.

ABSTRACT

This thesis examines the Islamic Resurgence in Malaysia: The Role and Contribution of Muslim Youth Movement of Malaysia (ABIM) from 1971 until 2008. The revival of Islam in Malaysia has a major impact on the changes and the practice of Islam among the Muslim community in Malaysia. The revival process spawned a deep sense of appreciation and religious practice. In order to understand the process of Islamic resurgence in Malaysia, the role and contribution made by ABIM cannot be ignored. ABIM has played as role as an Islamic youth organization that can be characterized as a pressure group in carrying out various demands and programs which have significant impact on society. This study covers the years between 1971 to 2008. Islamic resurgence in Malaysia was seen as the impact of the global Islamic resurgence which took place throughout the world in 1970s. Qualitative method is used in conducting this study whereby library research has been chosen as the key mechanism to select and sort out primary and secondary sources as well as reinforcing them with in-depth interviews with relevant informants. The focus of the analysis is on the role and contribution played by ABIM in creating awareness of Islam to Muslim students in the long run would produce young Muslims who are committed to their religion. In addition, the focus will also be made on the role and contribution of ABIM in the spreading of the idea of Islamization or the setting up of certain institutions as well as establishing good relationships with non-Muslims and the international community. The results of the study exhibit that the birth ABIM in 1971 is a pivotal point in the process of Islamic resurgence in Malaysia. This can be seen from the success of ABIM in spearheading the process of change that led to the birth of a generation of Muslims who are committed to Islam, especially in higher education institutions. These changes which were also supported by the knowledge related activities carried out by ABIM such as

establishing *usrah* groups, publishing and translating of important Islamic books and organizing seminars on Islam. As an Islamic youth organization based, ABIM has also succeeded in carrying out its functions to unify people by taking the initiative to give their views on non-partisan ideas and creating the thoughts on *Manhaj Maliziy* because Malaysia is a multiracial society that is different from most other countries. Thus, the success of this approach has led to the smooth propagation of Islamic ideas in the society.

University of Malaya

JADUAL KANDUNGAN

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACTS	v
PENGHARGAAN	vii
JADUAL KANDUNGAN	viii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI SINGKATAN	xii
SENARAI LAMPIRAN	xiii

BAB 1: PENDAHULUAN

Pengenalan	1
Latar belakang Kajian	2
Permasalahan Kajian	8
Kerangka Teori	14
Objektif Kajian	20
Skop Kajian	21
Kepentingan Kajian	23
Kajian Literatur	24
Metodologi Penyelidikan	37
Organisasi Bab	39
Kesimpulan	41

BAB 2: LATAR BELAKANG DAN PERKEMBANGAN KEBANGKITAN SEMULA ISLAM DI MALAYSIA

Pengenalan	42
Pengislaman Masyarakat Melayu	43
Ulama, Gerakan Islah dan Kesedaran Islam	48
Fenomena Kebangkitan Semula Islam	61
Faktor Kebangkitan Semula Islam Di Malaysia	66
Kesimpulan	87

BAB 3: PENUBUHAN, STRUKTUR ORGANISASI DAN PERKEMBANGAN KEPIMPINAN ABIM

Pengenalan	90
Idea Penubuhan	91
Peranan Anwar Ibrahim	96
Dasar dan Objektif	98
Struktur Organisasi	99
Pentadbiran Sekretariat ABIM	112
Perkembangan Kepimpinan ABIM	119
Kesimpulan	142

BAB 4: MEMBINA GENERASI ISLAMIK

Pengenalan	145
Hubungan ABIM dengan Persatuan Pelajar dan Belia	146
Kepimpinan Pelajar Islam Di Kampus	172
Memperkuh Sistem <i>Usrah</i> dan <i>Tarbiyah</i>	180
Pembudayaan Ilmu Dalam Membina Generasi	189
Kesimpulan	202

BAB 5: MEMPERKASA KEGIATAN DAKWAH

Pengenalan	205
Faham Islamisasi	206
ABIM dan Idea Islamisasi	217
Dakwah Melalui Institusi Pendidikan	226
Dakwah Masyarakat Bukan Islam	235
Penglibatan Dakwah Pada Peringkat Antarabangsa	242
Kesimpulan	258

BAB 6: MEMPERKUKUH PENYATUAN UMMAH

Pengenalan	261
Menentang Akta Pertubuhan	262
Membudaya Pendekatan Non Partisan	267
Pemikiran <i>Manhaj Maliziy</i> dan Penyatuan Ummah	280
Politik Penyatuan Ummah	294
Kumpulan PEMBELA dan Isu Kedaulatan Islam	308
Kesimpulan	311

BAB 7: REAKSI TERHADAP PERANAN DAN SUMBANGAN ABIM

Pengenalan	314
Reaksi Kerajaan Pada Peringkat Awal	316
Kerajaan dan Dasar Islamisasi	321
Reaksi Parti Islam SeMalaysia PAS	340
Reaksi Jemaah Islamiyah Malaysia (JIM)	353
Reaksi Masyarakat Bukan Islam	360
Kesimpulan	369

BAB 8: KESIMPULAN

BIBLIOGRAFI	381
LAMPIRAN	425

SENARAI JADUAL

JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
Jadual 1	Struktur Kepimpinan ABIM	101
Jadual 2	Senarai Jawatankuasa Tetap ABIM	106
Jadual 3	Struktur ABIM Peringkat Negeri	111
Jadual 4	Senarai AJK PKPIM 1968-1969	150
Jadual 5	Senarai AJK PKPIM 1969-1970	151
Jadual 6	Senarai AJK PKPIM 1970-1971	152
Jadual 7	Senarai AJK PKPIM 1971-1972	153
Jadual 8	Senarai AJK PKPIM 1972-1973	154
Jadual 9	Kepimpinan PMIUM 1971-1972	159
Jadual 10	Kepimpinan PMIUM 1972-1973	161
Jadual 11	EXCO PMIUM Sesi 1980 – 1981	163
Jadual 12	EXCO MBM 1974/1975	168
Jadual 13	Jadual Pemelukan Islam Program IOA	242

SENARAI SINGKATAN

ABIM	Angkatan Belia Islam Malaysia
AUKU	Akta Universiti dan Kolej
AWAS	Angkatan Wanita Sedar
BN	Barisan Nasional
BA	Barisan Alternatif
CCC	Chinese Consultative Council
CAP	Persatuan Pengguna Pulau Pinang
DAP	Democratic Action Party
DDII	Dewan Dakwah Islam Indonesia
DEB	Dasar Ekonomi Baru
ICMI	Ikatan Cendikawan Muslim Indonesia
IKIM	Institut Kefahaman Islam Malaysia
IRC	Islamic Representative Council
ISA	Internal Security Act
IPI	Institut Pengajian Ilmu Islam
JAKIM	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
JAWI	Jabatan Agama Islam Wilayah
JIM	Jamaah Islah Malaysia
JKSM	Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
KMM	Kesatuan Melayu Muda
KBSM	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
KDH	Kolej Dar al Hikmah
LDK	Lembaga Dakwah Kampus
LMD	Latihan Mujahid Dakwah
MATA	Majlis Agama Tertinggi Se-Malaya
MBM	Majlis Belia Islam
OIC	Organization of Islamic Countries
PAS	Parti Islam se-Malaysia
PERKIM	Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia
PKN	Parti Keadilan Nasional
PKMM	Partai Kebangsaan Melayu Malaya
PKPIM	Persatuan Kebangsaan Pelajar-pelajar Islam Malaysia
PMI	Persatuan Mahasiswa Islam
PMIUM	Persatuan Mahasiswa Islam Universiti Malaya.
PR	Pakatan Rakyat
SIS	Sister in Islam
SERI	Sekolah Rendah Islam
SEMI	Sekolah Menengah Islam
TASKI	Taman Asuhan Kanak-Kanak Islam
UIA	Universiti Islam Antarabangsa
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UM	Universiti Malaya
UIAM	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
UMNO	United Malayan National Organization
YADIM	Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia
YAPEIM	Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia
WAMY	World Assembly Muslim Youth

SENARAI LAMPIRAN

JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
Lampiran A	Soalan Temu bual	423
Lampiran B	Senarai AJK ABIM 1971-2008	424

University of Malaya

memperjuangkan Islam sebagai *addin* atau satu cara hidup berjaya merubah persepsi dan amalan masyarakat Melayu terhadap Islam. Mulai tahun 1970-an bermula era kebangkitan semula Islam yang menimbulkan kecenderungan mendalam dalam kalangan masyarakat Islam untuk kembali menghayati agama Islam dalam ertikata sebenarnya.

Latar belakang Kajian

Fenomena kebangkitan semula Islam telah menarik minat ramai sarjana untuk mengkaji lebih mendalam tentang negara Islam.¹ Malaysia yang dikenali sebagai salah sebuah negara Islam yang mencapai kemajuan dalam aspek pembangunan, ekonomi dan kestabilan politik juga telah menarik minat pengkaji dalam dan luar negara. Kebangkitan semula Islam di Malaysia merupakan satu proses yang panjang, iaitu bermula pada zaman perkembangan Islam sehingga era penjajahan. Proses pembaratan melalui penjajahan ini serba sedikit membantutkan usaha Islamisasi masyarakat Melayu. Setelah melalui proses penjajahan yang lama, pada awal abad ke-20, ulama-ulama Melayu yang berwibawa telah berperanan menyebarkan dan memberi kesedaran tentang Islam sehinggalah Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada tahun 1957.²

Pada akhir tahun 1960-an dan awal tahun 1970-an, kesedaran mendalam dalam kalangan generasi terpelajar Melayu menyaksikan tertubuhnya banyak organisasi

¹ Kebangkitan semula Islam merupakan satu istilah yang popular ditemukan dalam penulisan ilmiah pada awal tahun 1970-an. Kemajuan pesat yang dialami oleh masyarakat Islam serta kekejutan yang diakibatkan oleh keadaan ini telah menarik minat banyak pihak, termasuk penganalisis politik dan pengkaji akademik. Oleh itu, lahirlah pelbagai pandangan, teori dan kajian tentang apa yang diistilahkan sebagai kebangkitan semula Islam. Untuk maklumat lanjut, lihat Muhammad Abu Bakar, *Penghayatan Sebuah Ideal: Suatu Tafsiran Tentang Islam Semasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1987, khususnya bab "Sorotan dan Saranan Islam Semasa". Berkaitan dengan reaksi masyarakat Islam terhadap Barat kerana kegagalan beberapa percubaan untuk menggunakan kaedah Barat dalam mentadbir negara seperti Turki dan Mesir, lihat R. Hrair Dekmejian, "The Anatomy of Islamic Revival: Legitimacy Crisis, Ethnic Conflict and the Search for Islamic Alternative" dlm. *Middle East Journal*, Vol. 34, No. 1, 1980. hlm. 1-12.

² Ahmad Zaki Haji Abd. Latiff, *Pengaruh Gerakan Islam Timur Tengah Terhadap Pemikiran Agama dan Politik Gerakan Islam di Malaysia, 1971-1998*. Tesis PhD, Universiti Malaya, 2003. hlm. 108.

dakwah terutamanya Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) pada tahun 1971. Tahap ini dianggap sebagai tahap keempat kebangkitan semula Islam di Malaysia pada zaman moden³. Namun begitu, ramai pengkaji berpendapat bahawa terdapat banyak tahap lagi selepas tahap keempat ini.

Chandra Muzaffar menjelaskan bahawa kebangkitan Islam ialah suatu proses untuk bangkit kembali.⁴ Menurut beliau, kebangkitan Islam mengandungi tiga tahap. Pertama, ia mengandungi pengertian sebagai pandangan dari dalam, yakni ramai orang Islam sendiri melihat pengaruh Islam yang berkembang antara pemeluknya, ia melahirkan kesan bahawa Islam menjadi penting kembali, mendapat kembali prestij dan harga dirinya. Kedua, kebangkitan merujuk kepada suatu fenomena yang telah terjadi sebelumnya, ia tanda-tanda menunjukkan ada unsur-unsur dalam kebangkitan Islam sekarang yang berkait dengan masa lalu, dan kesan kebangkitan yang lalu yang dipelopori oleh Rasulullah SAW dan para sahabat yang mempunyai pengaruh kepada generasi sekarang. Ketiga, ia sebagai satu kata mengandungi pengertian sebagai cabaran, bahkan ancaman terhadap mereka yang memegang teguh pandangan dunia lain.⁵

Mohammad Abu Bakar pula melihat kebangkitan Islam sebagai penguatan orang Islam untuk kembali menghayati Islam sebagai *addin*.⁶ Walaupun begitu, beliau menyenaraikan dua persoalan yang harus dilihat dalam proses kebangkitan Islam. Pertama, sejauh mana realiti yang terkandung dalam kebangkitan tersebut merupakan

³ Ibid.

⁴ Chandra Muzaffar, *Kebangkitan Islam di Malaysia*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti, 1987, hlm. 27.

⁵ Ibid. Lihat juga Chandra Muzaffar. "Kebangkitan Islam di Asia Tenggara: Satu Pandangan Global" dlm. Saiful Muzani (ed.). *Pembangunan dan Kebangkitan Islam di Asia Tenggara*. Jakarta: LP3ES, 1993. hlm. 60-101

⁶ Mohamad Abu Bakar, "Selepas Kebangkitan Semula Islam, Pengislaman dan Pendakwahan Masa Kini: Satu Overview" dlm. Ahmad Azam Abdul Rahman (ed.). *Gerakan Dakwah dan Orde Baru Di Malaysia*. Petaling Jaya: ABIM, 1993. hlm. 12.

pengulangan realiti dalam sejarah Islam. Kedua, sejauh mana realiti tersebut mampu untuk bertahan bagi mendepani arus masa hadapan.⁷

Era 1970-an dianggap sebagai era kebangkitan Islam kerana berlaku kecenderungan mendalam pada tempoh itu bagi masyarakat Islam untuk kembali menghayati agama termasuklah di Malaysia.⁸ Peristiwa rusuhan kaum 13 Mei 1969 mencorakkan kesedaran kepada orang Melayu tentang kekurangan dan ketinggalan mereka.⁹ Kesedaran yang timbul ini menyebabkan kerajaan ketika itu melaksanakan Dasar Ekonomi Baharu (DEB) untuk menyelesaikan masalah tersebut.¹⁰ Penubuhan ABIM pada tahun 1971 pula merupakan reaksi golongan muda terpelajar Melayu untuk menyelesaikan masalah ummah, dan ABIM merasakan kerajaan gagal untuk menyelesaikan ketidakharmonian kaum.¹¹

Pada waktu yang sama, pemikiran menyesatkan yang ditinggalkan oleh British telah menyebabkan kebanyakan orang Islam tidak memahami ajaran Islam dengan betul. Pemikiran yang berasaskan sekularisme telah menyebabkan masyarakat Melayu melihat sesuatu perkara daripada perspektif dualisme, iaitu Islam tidak lagi dilihat kebenarannya. Sementara itu fahaman khurafat juga berkembang dengan begitu pesat dalam kalangan masyarakat Melayu.¹² Implikasi yang paling besar adalah dalam bidang pendidikan apabila sistem pendidikan terbahagi kepada dua aliran, iaitu agama dan

⁷ Ibid.,

⁸ Ahmad Zaki Haji Abd. Latif, *Transformasi Gerakan Islah dan Dakwah di Timur Tengah dan di Malaysia*. Shah Alam: Penerbit Universiti Teknologi MARA. 2006. hlm.108.

⁹ Chandra Muzaffar, *Kebangkitan Islam di Malaysia*, hlm. 27.

¹⁰ Ibid.,

¹¹ Mohammad Redzuan Othman, "Islam dan Proses Politik dalam Peradaban Malaysia" dlm. A. Aziz Deraman (ed.). *Globalisasi dan Islam: Kumpulan Kertas Kerja*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2003. hlm. 162. ABIM pada dekad awal penubuhannya telah mengkritik pelbagai dasar kerajaan kerana gagal menyelesaikan masalah perpaduan kaum dan juga pelbagai isu moral dan politik. Lihat ucapan dasar mantan Presiden ABIM, Anwar Ibrahim. *Islam Sebagai Penyelesaian Masalah Masyarakat Majmuk*. Kuala Lumpur: ABIM, 1979. hlm. 1-10.

¹² Ahmad Mohamad Said, *Dualisme dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Bahagian Dakwah dan Kepimpinan, Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, Kementerian Pendidikan Malaysia, 1996. hlm. 1-17.

bukan agama.¹³ Ini menyebabkan kefahaman masyarakat Melayu tidak komprehensif. Oleh sebab itulah masyarakat Melayu pada waktu itu mudah menerima kebudayaan Barat. Dalam suasana sebeginilah, pertubuhan dakwah seperti ABIM memperkenalkan agenda pembudayaan Islam untuk mengembalikan ummah kepada Islam yang sebenar. Oleh yang demikian, ia memerlukan usaha pembaharuan pemikiran dan pengislaman semula ilmu-ilmu yang diwarisi.¹⁴

Kebangkitan Semula Islam pada peringkat awal tahun 1970-an sinonim dengan berkembangnya fahaman radikalisme. Keadaan ini disebabkan oleh dua faktor. Pertama, kekecewaan generasi muda terhadap sikap elit pemerintah yang bergelumang dengan sekularisme. Kedua, pengaruh kebangkitan Islam terutamanya di Timur Tengah yang telah melahirkan semangat baharu bagi generasi terpelajar Melayu. Faktor luaran dan dalaman inilah yang merancakkan proses kebangkitan Islam di Malaysia.¹⁵

Menurut Muhammad Kamal Hassan, perkembangan dakwah pada dekad 1970-an ialah penerusan kepada perkembangan ajaran Islam di Alam Melayu bermula dengan fasa penjajahan yang memberi perhatian kepada ibadat asas, diikuti dengan fasa kedua, iaitu fasa peningkatan ilmu pengetahuan Islam melalui institusi pondok. Fasa ketiga ialah fasa selepas penjajahan politik, iaitu kemunculan golongan dakwah sebagai satu cara hidup. Fasa ini dikenali sebagai fasa penghayatan Islam secara meluas dan bersepadu. Ini merupakan perkembangan tabii daripada agama itu sendiri dan bukan

¹³ Mohammad Redzuan Othman, "*Islam dan Proses Politik*", hlm . 163.

¹⁴ Osman Bakar, "Memorandum Pelajaran 1974" dlm. Md Sidin Ahmad Ishak (ed.). *ABIM, 1971-2006*. Kuala Lumpur: ABIM. 2006. hlm 3-5. Lihat juga Rosnani Hashim, "Menilai Generasi Berilmu: Menilai Sumbangan ABIM dalam Pendidikan" dlm. *Risalah ABIM*. Kuala Lumpur: ABIM, 2000. hlm. 6-11.

¹⁵ Muhammad Abu Bakar, *Penghayatan Sebuah Ideal*, hlm. 73-115. Ahmad Zaki Haji Abd. Latif, *Transformasi Gerakan Islah* hlm. 112-116.

suatu yang diimport dari luar.¹⁶ Walaupun begitu, ramai pengkaji terutamanya pengkaji Barat lebih cenderung memberikan penekanan terhadap faktor luaran sebagai faktor yang banyak mempengaruhi kebangkitan semula Islam berbanding faktor dalaman.¹⁷

Para pengasas gerakan dakwah mengadakan halakah ilmu dengan tokoh-tokoh utama tempatan untuk mengkaji kitab tradisi dan moden.¹⁸ Faktor kesedaran Islam ini mungkin juga berpunca daripada faktor dalaman yang tidak nampak, iaitu faktor petunjuk Ilahi yang memberi kesedaran mendalam terhadap kesalahan perlakuan dosa dan kemungkaran yang dilakukan. Oleh yang demikian, kefahaman akidah, ibadat, syariat dan akhlak Islam dipertingkatkan dengan melibatkan diri-dalam dakwah dan tarbiyah bagi mengisi kesedaran tersebut. Keadaan ini boleh ditafsirkan sebagai proses pematangan identiti para belia Islam, iaitu budaya berdakwah.

Faktor yang lain ialah kefahaman baharu Islam sebagai *nizam al-hayah* yang didakwahkan oleh tokoh Islam antarabangsa seperti Hasan al-Banna dan Abu Ala al-Maududi. Kefahaman baharu ini terjadi akibat daripada gerakan *islah* dan *tajdid* dalam bentuk organisasi. Faktor kefahaman baharu yang mentafsir Islam sebagai satu cara hidup yang menyeluruh, sempurna, dan dinamik juga telah menarik minat ramai penuntut Melayu dan berjaya merubah pemikiran mereka yang sekular sebelum ini.¹⁹

Di samping itu, sebilangan penuntut Melayu yang belajar di dalam dan luar negara juga berasa kecewa dengan krisis nilai yang berlaku di Barat dan kegagalan kaum elit pemerintah yang lebih cenderung mengikuti cara hidup Barat, selain tindakan

¹⁶ Muhammad Kamal Hassan, "Pendekatan Dakwah Islam di Malaysia." Kertas kerja Seminar Islam dan Kebudayaan Melayu. Universiti Kebangsaan Malaysia, 13-15 Februari 1986, hlm. 79.

¹⁷ Ahmad Zaki Haji Abd. Latiff, *Transformasi Gerakan Islah*, hlm. 113.

¹⁸ Ibid., hlm. 114.

¹⁹ Mohammad Abu Bakar, "Islam Sebagai Addin Sebagai Slogan dalam Penulisan Islam Semasa". Kertas kerja Pemikiran Islam Semasa. Fakulti Usuluddin, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1987, 9 Oktober, hlm. 2.

mereka mengatasi masalah-masalah masyarakat dan negara melalui ideologi kapitalis dan sosialis.²⁰ Oleh itu, penyertaan mereka dalam kegiatan dakwah pada ketika itu bertujuan membentuk idealisme baharu dalam perjuangan belia bagi menangani kegagalan ideologi manusia dan menawarkan Islam sebagai alternatif kepada penyelesaian hidup bermasyarakat dan negara.²¹

Penyertaan generasi muda terpelajar secara menyeluruh dalam gerakan dakwah pada dekad 1970-an mempunyai hubungan dengan pelbagai faktor dalaman dan luaran yang saling berkaitan antara satu sama lain, seperti faktor kegagalan Barat dengan kefahaman Islam sebagai cara hidup. Terdapat juga faktor yang sifatnya bersepadu dan mengukuhkan antara satu sama lain, seperti faktor dasar luar kerajaan yang pro-Islam dan bantuan dana dari Timur Tengah terhadap perkembangan dakwah. Malah faktor etnik, peristiwa 13 Mei 1969, dan kelesuan parti pembangkang tetap mempengaruhi kebangkitan Islam walaupun sering disebut sebagai faktor sampingan sahaja. Inilah fenomena sebenar kebangkitan Islam yang mencirikan kesedaran menyeluruh bagi menentang arus kebangkitan sekularisme yang berkembang hebat pada ketika itu.²²

Penulisan mereka memberikan perhatian kepada menjawab segala tuduhan Barat terhadap Islam. Mereka berjaya memperkenalkan semula Islam dalam bentuk yang *syumul* dan *kamil*. Mereka berusaha meyakinkan umat Islam bahawa Islam boleh dilaksanakan pada zaman moden ini, dan Islam boleh dijadikan sebagai suatu cara hidup. Mereka mewujudkan aliran pemikiran Islam semasa bagi menjawab serangan pemikiran Barat terhadap Islam. Di samping itu, mereka juga berjaya mendedahkan kelemahan peradaban Barat, membuat perbandingan Islam dengan ideologi sekular, serta

²⁰ Ahmad Zaki Haji Abd. Latiff, *Transformasi Gerakan Islam*, hlm. 114.

²¹ Ibid.,

²² Ghazali Basri, "Malaysia Responses to Islamic Resurgence: A Socio Religion Political Analysis". Kertas kerja Post Graduates Seminar. Department of Religious Studies, University of Aberdeen, 22 Oktober 1995, hlm. 2.

mencadangan Islam sebagai penyelesaian kepada kemelut yang sedang dihadapi oleh manusia.

Permasalahan Kajian

Persoalan kebangkitan semula Islam pada dekad 1970-an juga telah menimbulkan polemik dalam kalangan beberapa pengkaji. Ada pengkaji yang melihat peristiwa demonstrasi pelajar di Baling pada tahun 1974 sebagai pencetus awal kebangkitan semula Islam di Malaysia,²³ dan ada yang melihat peristiwa 13 Mei 1969.²⁴ Beberapa orang pengkaji melihat kebangkitan semula Islam bermula dengan peningkatan aktiviti dakwah dan penubuhan organisasi dakwah terutamanya ABIM pada tahun 1971. Hujah yang menyokong penubuhan ABIM sebagai pencetus terhadap fenomena kebangkitan semula Islam di Malaysia pada era moden ini ada kebenarannya. Ini kerana ABIM merupakan lanjutan daripada gerakan dakwah yang dibuat oleh golongan terpelajar Melayu di universiti tempatan terutamanya pelajar Islam dalam Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM) pada penghujung tahun 1960-an. Apabila pelajar ini keluar dari universiti, mereka memerlukan wadah baharu bagi menggerakkan kegiatan dakwah Islam, sekali gus menyaksikan penubuhan ABIM pada tahun 1971.²⁵

Kelahiran ABIM sebagai badan dakwah juga boleh dianggap sebagai penggerak utama atau paksi utama kepada pengislaman semula atau reislamisasi di Malaysia. Kebangkitan itu selaras pula dengan semangat dan cita-cita pengasas ABIM (alumni PKPIM) yang ingin menjadikan ABIM sebagai sebuah gerakan Islam ketika pertubuhan itu diasaskan. Di samping itu, terdapat juga beberapa fenomena yang menjelaskan

²³ Mohamad Abu Bakar, "Selepas Kebangkitan Semula Islam", hlm. 12.

²⁴ John C. Raines, "Post Colonial Struggles in Malaysia, Tell Story of ABIM". Kertas kerja Simposium Islam dan Masa Depan. Muktamar ABIM Ke-25. Dewan Muktamar, Kuala Lumpur, 16-19 Ogos 1987, hlm. 1-4.

²⁵ Ahmad Zaki Haji Abd. Latiff, *Transformasi Gerakan Islah*, hlm. 108.

kepentingan penubuhan ABIM. Pertama, Islam sebagai satu cara hidup dikembangkan secara pesat dan sistematik. Kedua, kemunculan ABIM dapat memenuhi kekosongan perjuangan belia secara Islam. Ketiga, munculnya kader-kader dakwah, intelektual Islam dan ulama hasil latihan dakwah dekad 1960-an. Keempat, kewujudan organisasi dakwah secara tersusun strukturnya yang berpusat dan mempunyai skema *tarbiyyah* dan pengkaderan tersendiri.²⁶

Kemunculan ABIM sebagai organisasi dakwah yang terpenting dan berpengaruh pada ketika itu telah membawa perubahan yang nyata dalam perkembangan agama, politik, pendidikan, sosial, ekonomi dan kebudayaan masyarakat Melayu. Perubahan ini berpunca akibat dasar perjuangan dakwah ABIM yang lengkap dengan menjadikan Islam sebagai satu cara hidup. Perubahan yang menyeluruh ini termasuk dari sudut agama dan politik, selain kebangkitan dakwah yang menyedarkan masyarakat Melayu tentang Islam sebagai satu cara hidup.²⁷

Kebanyakan penulis Barat dan sebilangan penulisan sarjana Islam sendiri menumpukan kepada faktor-faktor luaran dan sampingan sebagai faktor utama kebangkitan Islam di Malaysia. Seseengah pihak melihat faktor peristiwa 13 Mei 1969 yang menyebabkan kerajaan memperkenalkan Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang menyebabkan berlaku proses urbanisasi dan penghijrahan masyarakat kampung ke bandar sebagai reaksi perkembangan Islam.²⁸ Namun begitu, terdapat juga pihak yang

²⁶ Ibid.,

²⁷ Ibid.,

²⁸ Selain urbanisasi, ada juga sarjana yang melihat faktor Revolusi Iran sebagai faktor kebangkitan Islam. Lihat Ozay Mehmet, *Islamic Identity and Developments: Studies of the Islamic Periphery*. London: Routledge, 1990. hlm. 110.

melihat kemajuan yang dibuat oleh pihak kerajaan sebagai reaksi terhadap perkembangan Islam di Malaysia.²⁹

Sebelum era kebangkitan Islam, politik Melayu ialah berasaskan kepada kaum semata-mata. Namun begitu, politik Melayu mula berubah pada era kebangkitan Islam, terutamanya setelah menerima pengaruh Timur Tengah.³⁰ Perubahan sikap umat Islam yang mula menentang pengaruh Barat berpunca daripada kesedaran yang diperjuangkan oleh gerakan *tajdid* yang bersumber dari Timur Tengah, serta perkembangan semasa yang berlaku pada sekitar tahun 1960-an dan 1970-an seperti Perang Arab-Israel tahun 1967, dan Revolusi Iran tahun 1979. Oleh itu, pengaruh tersebut secara global telah memasuki Malaysia pada peringkat awal selain mempengaruhi aktivis ABIM bagi menggerakkan masyarakat ke arah kehidupan yang lebih Islamik.³¹

Kebangkitan gerakan dakwah dan percambahan aktiviti mereka menjadi bukti bahawa era kebangkitan semula Islam pada zaman moden bermula di sini. Pertumbuhan subur organisasi dakwah selain ABIM seperti Jamaah Tabligh,³² al-Arqam,³³ dan al-

²⁹ Badariyah Hj. Salleh, "Perkembangan Intelektualisme Melayu Selepas Merdeka: Pengaruh dan Peranan Malaysia". Kertas kerja Seminar Simposium Siswazah Zon Utara. Anjuran Pusat Islam, Universiti Sains Malaysia dengan kerjasama ABIM, 1987. hlm. 16.

³⁰ Ibid., hlm. 112-116.

³¹ Ahmad Zaki Abdul Latif, *Transformasi Gerakan Islah*. hlm 13-15.

³² Dari segi sejarahnya, Jamaah Tabligh diasaskan oleh Maulana Muhammad Ilyas (1885-1944). Di Malaysia, gerakan ini hanya berkembang dalam kalangan India Muslim pada peringkat awal. Tokoh yang berjasa memperkenalkan Jamaah Tabligh di Malaysia ialah Maulana Abdul Malik Madani yang datang ke Singapura dan Selangor pada sekitar tahun 1952. Bermula pada awal tahun 1970-an, Jamaah Tabligh memasuki tahap kedua dalam perkembangannya apabila mula disertai oleh orang Melayu. Untuk perbincangan lanjut, lihat Abdul Rahman Abdullah, *Gerakan Tradisional Islam di Malaysia: Sejarah dan Pemikiran*. Kuala Lumpur: Karisma Publications, 2007. hlm. 3-9.

³³ Pada peringkat awal, al-Arqam hanya sebuah kumpulan pengajian fardu ain yang memperkatakan hak keagamaan dan hukum Islam. Menjelang akhir tahun 1970-an, al-Arqam bertukar haluan daripada sebuah perkumpulan agama menjadi gerakan yang berhasil membawa perubahan sosial dalam masyarakat Islam di Malaysia. Pada pertengahan tahun 1980-an, al-Arqam mula menukar corak perjuangannya dengan memperluas dimensi dakwah ke dalam bidang politik sehingga diharamkan oleh kerajaan pada akhir tahun 1990-an. Untuk perbincangan lanjut, lihat Ahmad Fauzi Abdul Hamid, "Pemerintah dan Gerakan Islam di Malaysia" dlm. *Pemikir*, No. 23, 2002. hlm 111-158.

Rahmaniyah³⁴ juga turut menyumbang ke arah kesedaran Islam dalam masyarakat. PERKIM juga ditubuhkan pada tahun 1961 oleh Tunku Abdul Rahman, manakala al-Arqam pula mula bergerak pada tahun 1969. Jamaah Tabligh mulai aktif dalam kalangan masyarakat Melayu di Malaysia seawal tahun 1970-an.³⁵ Walaupun begitu, banyak pengkaji menganggap ABIM antara organisasi dakwah paling berpengaruh kerana ABIM memperjuangkan Islam sebagai satu cara hidup melalui slogan *way of life*. Menurut pandangan ABIM, Islam mempunyai jawapan kepada seluruh persoalan hidup manusia. Di samping itu, sejumlah organisasi pelajar yang bergiat di kampus juga telah mula menunjukkan kecondongan kepada aktiviti kesedaran Islam.³⁶

Dari sudut sosial dan cara hidup, wanita Islam juga mula memakai pakaian yang menutup aurat secara sedar dan beramai-ramai pada awal dekad 1970-an, orang lelaki memakai serban dan berjanggut mengikut sunah, serta peningkatan pengunjung ke tempat ibadah dan kuliah agama seperti kuliah subuh, ceramah tasawuf, tauhid dan fiqah. Amalan bidaah juga dikritik hebat.³⁷ Perhatian juga diberikan kepada pendidikan agama kepada kanak-kanak dengan mengucapkan salam apabila bertemu.³⁸ Dari sudut perundangan, desakan juga dibuat agar Islamisasi undang-undang dapat dilakukan dengan segera.³⁹

Dari sudut identiti pula, kemunculan gerakan dakwah pada tahun 1971 telah memberi imej baharu kepada identiti masyarakat Melayu. Misalnya orang Melayu

³⁴ Al-Rahmaniyah ditubuhkan pada 20 Oktober 1963 di Masjid al-Rahman, Universiti Malaya. Ia merupakan sebuah pertubuhan yang bersifat dakwah dan juga pertubuhan bukan kerajaan. Al-Rahmaniyah aktif pada sekitar tahun 1960-an dan awal tahun 1970-an. Lihat Zulkifli Dahlan, "Al-Rahmaniyah: Perkembangan dan Peranannya dalam Aktiviti Dakwah Islamiyah di Malaysia". Latihan Ilmiah B.A., Universiti Kebangsaan Malaysia, 1989. hlm. 1-20.

³⁵ Abdul Rahman Abdullah, *Gerakan Tradisional Islam di Malaysia*, hlm. 3-9.

³⁶ Zainah Anwar, *Kebangkitan Islam*, hlm. 16-17.

³⁷ Mohd Jamil Mukmin, *Gerakan Islam di Malaysia: Kesenambungan, Respons dan Perubahan (1957-2000)*. Tesis Ph.D., Universiti Kebangsaan Malaysia, 2005. hlm. 136-137.

³⁸ Ibid., hlm. 136-137.

³⁹ Ibid., hlm. 62-82.

menerangkan kepada pelawat asing tentang adat mereka dengan mengatakan, "...kita orang Islam tidak seperti sebelumnya, kita orang Melayu, apabila mereka masuk Islam di Malaysia dikatakan sebagai masuk Melayu". Namun begitu, paradigma tersebut telah berubah.⁴⁰ Kemunculan gerakan dakwah pada dekad 1970-an menimbulkan rangsangan pertumbuhan badan dakwah kerajaan dan bukan kerajaan. Sejak tahun 1974, muncul beberapa badan dakwah seperti Persatuan Ulama Malaysia (PUM), Institut Dakwah dan Latihan Islam, serta Jamiyyah Dakwah Se-Malaysia.⁴¹

Kajian ini membuktikan bahawa fenomena kebangkitan semula Islam di Malaysia yang menyebabkan masyarakat Melayu Islam di Malaysia mula mengamalkan cara hidup *islamiy* pada awal tahun 1970-an merupakan sumbangan terbesar ABIM dalam proses pendakwahan dalam masyarakat. Perubahan ini tidak dapat dipisahkan daripada peranan ABIM. Satu bentuk kejayaan yang terhasil daripada perjuangan gerakan Islam yang dimainkan oleh para pelajar institut pengajian tinggi sejak tahun 1960-an ialah perubahan persepsi terhadap Islam. Persepsi terhadap agama Islam telah berubah daripada fahaman agama yang menjurus kepada ritualisme semata-mata kepada kefahaman bahawa Islam adalah sebagai satu cara hidup.⁴² Kefahaman tersebut kemudiannya menjadi asas pemikiran organisasi dakwah seperti ABIM dan disebarluaskan ke dalam masyarakat Melayu.⁴³

Faktor utama yang membantu perubahan persepsi tersebut ialah pembacaan terhadap hasil karya tokoh-tokoh gerakan Islam seperti al-Maududi, Abdul Qadir Audah, Hasan al-Banna, dan Maryam Jameelah.⁴⁴ ABIM telah menggiatkan penerbitan

⁴⁰ Ahmad Zaki Haji Abd. Latif, *Transformasi Gerakan Islah*, hlm. 111.

⁴¹ Ibid.,

⁴² Ibid., Mohammad Abu Bakar, hlm. 13.

⁴³ Ibid., hlm. 115.

⁴⁴ Kebanyakan buku popular Islam diterbitkan oleh *Islamic Publication Lahore* dalam bahasa Inggeris sekitar akhir tahun 1960-an dan awal tahun 1970-an seperti *Toward Understanding Islam*, *The Process*

karya-karya Islamnya melalui Dewan Pustaka Islam, dan menonjolkan pemikiran tokoh-tokoh *mujaddid* dan *muslih* untuk pedoman para pendakwah dan masyarakat pada sekitar tahun 1970-an.⁴⁵ Pada pertengahan tahun 1970-an, kegiatan penterjemahan karya gerakan Islam dalam bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu mula dilakukan dan diedarkan di pasaran. Penerbitannya mendapat sambutan para pendakwah lebih-lebih lagi kesusasteraan Islam dalam pelbagai bahasa.⁴⁶

Sesungguhnya dekad 1970-an menyaksikan berlakunya krisis identiti umat Islam yang dapat dilihat tanda-tanda kewujudannya melalui pertembungan pemikiran antara para pendukung status quo. Pertembungan berlaku dalam semua bidang Islam dan isu semasa seperti isu agama dan politik, dakwah dan diayah, Islam dan kebangsaan, Islam dan ketidakadilan sosial, budaya Islam dan budaya Barat, pendidikan Islam dan pengajaran sekular.⁴⁷ ABIM bertindak sebagai jurubicara ummah dan menjadikan Islam sebagai ideologi perjuangan dakwahnya dan menolak segala bentuk ideologi ciptaan manusia seperti sekularisme, kapitalisme dan sosialisme. Ini dapat dilihat dengan begitu banyak program seminar dan diskusi yang membincangkan soal itu dan mewujudkan budaya baharu dalam arah aliran pemikiran intelektual Muslim di Malaysia.⁴⁸

Penubuhan ABIM telah memberi implikasi besar terhadap perkembangan kesedaran Islam dalam kalangan masyarakat. Peranan dan sumbangan mereka dalam melahirkan satu generasi Islam terutamanya di kampus universiti dan pertubuhan belia,

of Islamic Revolution, Islamic Way of Life, The Meaning of al-Quran, Islam Religion the Future, dan Islam and The World. Sementara itu, karya-karya gerakan Islam dalam bahasa Arab juga diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu-Indonesia pada sekitar tahun 1960-an seperti *Inilah Islam* oleh Sayed Qutb, dan *Islam dan Perundangan* oleh Abdul Qadir Audah. Antara buku gerakan Islam yang diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu termasuklah *Berjihad Pada Jalan Allah* oleh al-Maududi, *Islam, Pemeluk dan Ulama* oleh Abdul Qadir Audah, dan *Peraturan dan Arahan* oleh Hasan al-Banna. Lihat Ahmad Zaki Haji Abd. Latif, *Transformasi Gerakan Islah*, hlm. 119.

⁴⁵ Ibid.

⁴⁶ Ibid.

⁴⁷ Ahmad Zaki Abdul Latif, *Dakwah Dan Politik*. Shah Alam. UNIPENA. 2014, hlm. 20-30.

⁴⁸ Ibid.

selain daripada peranan dan sumbangan mereka dalam pembudayaan ilmu dengan mengadakan pelbagai kegiatan usrah, penerbitan serta penterjemahan buku dan jurnal, dan penganjuran seminar memberi implikasi besar terhadap proses kebangkitan semula Islam di Malaysia. Penglibatan mereka dalam kegiatan memajukan ummah dengan menyebarkan idea islamisasi, menubuhkan institusi pendidikan dan menjalin hubungan dengan masyarakat bukan Islam dan antarabangsa juga memberi kesan besar terhadap perkembangan kefahaman Islam. Di samping itu, ABIM menjalankan fungsi sebagai pemersatu ummah dengan idea-idea non-partisan, *manhaj maliziy* serta memperjuangkan keadilan dalam menghadapi krisis politik dan menganjurkan syarahan Palestin untuk perpaduan telah memberi kesan besar terhadap perkembangan dan penghayatan Islam di Malaysia.

Kerangka Teori dan Konseptual

Sebagai sebuah gerakan Islam dan NGO belia Islam, ABIM dapat dikategorikan sebagai sebuah kumpulan pendesak yang mempunyai peranan yang positif dalam proses demokrasi.⁴⁹ Ini adalah kerana pada teorinya, kewujudan kumpulan pendesak akan menimbulkan suasana politik yang sihat bila mana kumpulan tersebut bertindak sebagai penasihat kepada pihak berkuasa untuk melaksanakan perubahan-perubahan tertentu berkaitan dasar yang akan dilaksanakan oleh kerajaan.⁵⁰ Justeru itu, rata-rata ahli teori politik beranggapan bahawa tindakan dan operasi kumpulan-kumpulan pendesak itu sebagai pengawal sistem demokrasi (*safeguard of democracy*). Maurice Duverger mendefinisikan kumpulan pendesak sebagai:

⁴⁹ Hairany Naffis, "Politik Kumpulan Pendesak Islam Dalam Pembentukan Dan Perlaksanaan Dasar-Dasar Di Malaysia:1970-1985." dlm. Hairany Naffis (ed) *Amalan Politik di Malaysia:Esei Pilihan*. Bangi: Penerbit Jabatan Sains Politik. Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan. UKM. 1993. hlm. 57-61.

⁵⁰ Bridget, *Pressure Group and Permissive Society*, Newton Abbot: David and Charles, 1974. hlm.11.

“Sesebuah organisasi non-politik yang menjadikan aspek politik sebahagian daripada seluruh aktiviti. Organisasi yang tidak mempunyai penekanan kepada soal-soal politik, masih lagi boleh dianggap sebagai kumpulan pendesak dalam konteks tertentu dan dalam keadaan tertentu pula”.⁵¹

Manakala menurut W. N Coxall pula berpendapat bahawa kumpulan pendesak ini biasanya merujuk kepada satu bentuk pertubuhan politik yang informal yang mana segala aktiviti mempunyai pengaruh yang agak besar dalam proses pembuatan keputusan (*decision making*) dalam sesebuah negara. Mereka bertindak melalui tindakan politik (*political action*) dalam menuntut perubahan berhubung dengan perkara atau isu-isu yang dianggap munasabah, sebaliknya mereka akan cuba menyekat atau menentang sebarang perubahan yang dianggap tidak sesuai atau tidak munasabah mengikut perkiraan atau pertimbangan tertentu.⁵² Walau bagaimanapun, kumpulan pendesak ini tidaklah sama pengertian dan peranannya dengan parti politik walaupun masih mempunyai hubungan dengan sesebuah parti politik.⁵³ Kenyataan ini ada rasionalnya dengan realiti politik di kebanyakan negara seperti di Britain dan negara-negara yang mengamalkan sistem demokrasi.⁵⁴

Terdapat juga beberapa kumpulan pendesak yang mempunyai dasar atau aliran perjuangan yang hampir sama atau sama dengan sesebuah parti politik tertentu, seperti yang berlaku antara kesatuan sekerja dan Parti Buruh di England. Ini disebabkan terdapat ahli-ahli sesebuah parti tertentu kadangkala merupakan ahli-ahli yang aktif dalam kumpulan pendesak tertentu. Di samping itu, ada juga parti politik tertentu yang membuat tuntutan memperjuangkan atau turut menyokong tuntutan kumpulan-

⁵¹ Duverger, *Partai politik dan kelompok-kelompok penekan*, (terjemahan), Maurice Hasyim, Laila Ghofar, Afan, Jakarta :Bima Aksara.1984, hlm.120.

⁵² Coxall, *Parties And Pressure Group*, Prentice Hall Press,1981. hlm.10.

⁵³ Ibid., hlm.12

⁵⁴ Ibid.

kumpulan pendesak tertentu, sama ada atas rasa simpati atau rasional perjuangannya sendiri.⁵⁵

Menurut Maurice Duverger, pada umumnya kumpulan pendesak itu boleh dibahagikan kepada dua jenis, iaitu kumpulan eksklusif dan kumpulan partial. Kumpulan eksklusif adalah merujuk kepada mana-mana kumpulan pendesak yang menjadikan aktiviti-aktiviti yang bersifat politik sebagai keutamaan dalam rangka pergerakannya. Sementara itu, kumpulan partial pula adalah merujuk kepada kumpulan pendesak yang hanya menjadikan aspek politik sebagai sebahagian daripada seluruh aktivitinya atau tidak diberi keutamaan.⁵⁶ Di samping itu, pengaruh dan keberkesanan kumpulan-kumpulan pendesak lazimnya ditentukan oleh keramaian ahli, ketokohan pemimpin, adanya hubungan yang mudah atau erat dengan golongan pembuat keputusan (*decision maker*) dan terdapatnya perpaduan dalaman di dalam organisasi kumpulan pendesak itu sendiri.⁵⁷

Ahli-ahli teori pada umumnya berpendapat bahawa dasar awam (*public policy*) atau sebarang dasar kerajaan pada bila-bila masa pun adalah merupakan titik keseimbangan (*equilibrium*) yang dicapai dalam persaingan atau perjuangan kelompok atau kumpulan-kumpulan tertentu. Kenyataan seumpama ini ada disebut oleh Kimber dan Richardson seperti berikut:

“What may be called public policy is the equilibrium reached in this struggle at any given moment, and it represents a balance which the contending factions of group constantly trying to weight in their favour”⁵⁸

Dalam persaingan tersebut, kumpulan-kumpulan tertentu (kumpulan pendesak) mempunyai pengaruh, kepentingan dan pendekatan yang tersendiri, sehingga

⁵⁵ Robert, Bargent, *Pressure Group Today*, Manchester, 1971. hlm. 99-100

⁵⁶ Duverger, *Partai Politik dan Kelompok-Kelompok Penekan*, hlm. 122.

⁵⁷ Thomas R, Dye. *Understanding Public Policy*, Prentice Hall, 1981. hlm . 27.

⁵⁸ Kimber and Richardson. *Pressure Group In Britain*, Practice Hall, 1974. hlm. 5

memungkinkan wujudnya konflik kumpulan (*group conflict*). Biasanya, pihak berkuasa tidak akan membiarkan konflik itu berterusan yang boleh menggugat kestabilan politik negara. Dalam konteks ini, peranan dan tanggungjawab sistem politik ialah menyelaraskan konflik kumpulan ini dengan cara menentukan satu sikap dan pendirian yang tegas berhubung dengan perjuangan dan tuntutan kumpulan-kumpulan, mengatur perundingan dan kompromi serta mengimbangi kepentingan (*interest*) kedua-dua belah pihak atau antara pihak-pihak tertentu, mengambil kira dengan memberikan pertimbangan yang wajar terhadap keputusan kompromi tersebut dalam penggubalan atau penyelesaian dasar awam.⁵⁹ Dengan ini jelaslah, bahawa pembuat dasar atau kerajaan akan menjadi pengadil untuk menyelesaikan konflik yang berlaku antara kumpulan-kumpulan pendesak dan sekali gus akan mempengaruhi penyesuaian dan penggubalan dasar awam.

Walau bagaimanapun, titik keseimbangan (*equilibrium*) yang dicapai melalui persaingan kumpulan tersebut masih bergantung kepada sejauh mana pengaruh dan kepentingan-kepentingan tertentu. Ini bermaksud bahawa perubahan dalam dasar awam akan ditentukan oleh kumpulan yang lebih berpengaruh atau lebih besar menurut penilaian pembuat dasar atau kerajaan. Dalam konteks ini, kumpulan-kumpulan yang lebih kecil atau kurang berpengaruh akan mengalami kegagalan dalam tuntutan yang diperjuangkannya itu. Keadaan inilah yang sebenarnya merupakan titik keseimbangan dalam persaingan kumpulan, dan sekali gus ia adalah sebuah dasar awam yang dihasilkan melalui persaingan atau konflik yang berlaku di antara kumpulan-kumpulan pendesak itu.⁶⁰

⁵⁹ Thomas R, Dye. *Understanding Public Policy* ,hlm. 27.

⁶⁰ Ibid., hlm.29.

Peranan dan persepsi pimpinan yang menerajui organisasi sesebuah kumpulan pendesak begitu menonjol dalam menentukan arah haluan perjuangannya. Sama ada sederhana atau radikal bentuk perjuangan kumpulan-kumpulan tertentu pada lazimnya, amat bergantung kepada bentuk kepimpinan (*pattern of leadership*) mereka dalam sesuatu masa. Sehubungan dengan realiti ini, Kimber dan Richardson ada menyebut,

*“The pattern of activity of a pressure group is determined by its perception (usually its leader’s perception) of the nature of the strategic situation it confronts in relation to its resources”.*⁶¹

Justeru itu, tidaklah menjadi suatu perkara yang menghairankan jika strategi dan taktik, malah prinsip-prinsip perjuangannya turut berubah mengikut era kepimpinan tertentu.

Menjadi suatu kelaziman, mana-mana kumpulan pendesak tertentu menggunakan teknik, strategi dan pendekatan tertentu dalam operasinya dalam usaha mendapatkan sokongan atau bantuan daripada ahli-ahli atau masyarakat massa dalam konteks memperjuangkan sebarang tuntutan atau dalam mempertahankan sikap dan pendirian mereka berhubung dengan isu-isu tertentu. Dalam keadaan tertentu pula, mereka kadangkala secara langsungnya menekan atau mendesak agensi-agensi kerajaan seperti menteri-menteri, ahli-ahli parlimen atau sesebuah kementerian. Mereka juga berkemungkinannya akan cuba memperoleh pengaruhnya secara langsung dalam usaha membentuk suatu pendapat umum (*public opinion*)⁶², yang kemudiannya amat berguna untuk mempengaruhi golongan pemerintah atau pembuat keputusan (*decision maker*) memenuhi tuntutan dan kehendak mereka. Tidak dapat dinafikan bahawa kerajaan atau pembuat keputusan akan cuba sedaya upaya mungkin untuk menyesuaikan pendapat umum tertentu dengan dasar yang akan diimplementasikan kemudiannya.⁶³

⁶¹ Kimber and Richardson, *Pressure Group In Britain*, hlm.12.

⁶² Untuk perbincangan lanjut, lihat Geoffrey K. Robert, *Political Parties and Pressure Groups in Britain*, Mac Millan & Co, Ltd., New York, 1971, hal. 79 dan lihat juga, Thomas A. Reilly and Michael W. Siggall, *Political Bargaining*, W.H. Freeman and Company, San Francisco, 1976, hal. 82-83.

⁶³ Duverger, *Partai Politik dan Kelompok-Kelompok Penekan*, hlm. 143-144.

Duverger juga menjelaskan bahawa kumpulan pendesak selalunya menggunakan salah satu daripada dua pendekatan atau kedua-duanya sekali, iaitu apa yang disebut sebagai tindakan terbuka dan tindakan tertutup.⁶⁴ Pada dasarnya, teknik-teknik ini digunakan mengikut kesesuaian tertentu sebagai suatu cara untuk mempengaruhi ahli-ahlinya dan masyarakat umum dan tidaklah mustahil akan dapat mempengaruhi pendapat umum (*public opinion*).

Berdasarkan perbincangan di atas, dapat disimpulkan bahawa kumpulan pendesak merupakan sebuah kumpulan atau organisasi yang pada umumnya menjadikan aspek politik sebagai sebahagian daripada seluruh aktivitinya, baik secara langsung atau tidak langsung. Walaupun penulis-penulis nampaknya tidak sepakat dalam memberikan definisi, namun pada hakikatnya mereka bersama dalam menunjukkan bahawa adanya hubungan yang erat antara kumpulan pendesak itu dengan parti politik dalam sistem demokrasi, khususnya. Walau apa pun penjenisan yang diberikan terhadap kumpulan-kumpulan pendesak itu, tetapi jelasnya mereka tetap memperakui pentingnya peranan kumpulan tersebut dalam sistem demokrasi.

Pada umumnya, kumpulan pendesak ini mempunyai ciri-ciri yang tertentu. Daripada segi praktiknya, tidak semua kumpulan tersebut mempunyai keseluruhan ciri yang disebutkan itu. Organisasi atau kumpulan tertentu yang mempunyai sebahagian besar daripada ciri-ciri tersebut, sudah memadai dikenali sebagai kumpulan pendesak. Kesemua pendekatan dan teknik yang disebutkan dalam perbincangan di atas, tidak lain dan tidak bukan adalah bertujuan untuk memastikan kejayaan tuntutan-tuntutan yang mereka perjuangkan. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa ABIM sebagai sebuah

⁶⁴ Tindakan terbuka adalah merujuk kepada suatu bentuk tuntutan yang semata-mata untuk memenuhi janji-janji kerajaan atau menteri-menteri, manakala tindakan tertutup pula ialah merujuk kepada sebarang bentuk tekanan atau tuntutan dalam perkara-perkara pembiayaan atau bantuan kerajaan. Propaganda pula merupakan salah satu kaedah atau pendekatan yang paling popular dalam kalangan kumpulan pendesak. Ibid.

pertubuhan belia Islam juga merupakan sebuah badan yang menjalankan fungsinya sebagai kumpulan pendesak sehingga menyebabkan berlaku perubahan dalam masyarakat di Malaysia.

Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mencapai beberapa objektif:

1. Menelusuri bagaimana berlakunya proses kebangkitan semula Islam di Malaysia dengan menganalisis perkembangan Islam pada peringkat awal dan juga proses penubuhan ABIM, struktur organisasinya, pentadbiran sekretariat ABIM dan perkembangan pemikiran kepimpinan ABIM. Analisis dibuat untuk membuktikan bahawa proses perkembangan kebangkitan semula Islam ini bersifat kesinambungan dari sebelum kemerdekaan lagi.
2. Membincangkan peranan dan sumbangan dalam membina generasi *Islamik*. Peranan ABIM dalam membina generasi *Islamik* dengan memperkukuhkan kefahaman Islam di kampus dikaji terutamanya penglibatan mereka dalam Persatuan Mahasiswa Islam, Universiti Malaya (PMIUM), Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM) dan Majlis Belia Malaysia (MBM). Penglibatan ABIM dalam kegiatan pelajar dan belia ini dianalisis untuk melihat hubungan simbiosis antara aktivis ABIM dengan generasi pelajar dan belia ini dalam melahirkan generasi *Islamik*. Selain dari itu juga peranan mereka dalam memperkukuhkan sistem usrah dan pembudayaan ilmu dalam membina generasi juga akan dibincangkan. Kegiatan keilmuan dalam bentuk pengamalan usrah, penterjemahan dan penerbitan buku dianalisis untuk membuktikan bahawa kegiatan ini menyumbang kearah kesedaran dan pengamalan Islam yang lebih baik dalam kalangan umat Islam di Malaysia.

3. Menghuraikan peranan dan sumbangan ABIM dalam memperkasa usaha dakwah dengan meneliti secara mendalam usaha menyebarkan idea islamisasi ke dalam masyarakat. Huraian juga berkaitan dakwah yang dilakukan melalui Institusi pendidikan yang ditubuhkan juga turut menjadi tumpuan analisis. Manakala usaha dakwah terhadap masyarakat bukan Islam dan penglibatannya pada peringkat antarabangsa juga dibincangkan. Huraian juga di buat diatas peranan dan sumbangan ABIM terhadap memperkukuhkan penyatuan ummah di Malaysia. Tumpuan huraian adalah berkaitan isu penentangan Akta Pertubuhan, menyebarkan idea non partisan ke dalam masyarakat serta membincangkan aspek pemikiran *Manhaj Malizy* dan penglibatan ABIM dalam politik penyatuan ummah . Analisis dibuat untuk membuktikan bahawa peranan ini menyumbang kearah kesedaran Islam dalam masyarakat.
4. Menganalisis reaksi pelbagai pihak terhadap peranan dan sumbangan ABIM. Reaksi dari pihak kerajaan, PAS dan JIM menjadi tumpuan analisis. Reaksi masyarakat bukan Islam juga diberi tumpuan. Reaksi ini sangat penting untuk dianalisis untuk melihat sejauh mana usaha-usaha yang dilakukan ABIM mempunyai kesan terhadap masyarakat.

Skop Kajian

Kajian ini hanya menumpukan kepada peranan dan sumbangan ABIM dalam menyebarkan fahaman kesedaran Islam yang mana fenomena ini dikenali sebagai kebangkitan semula Islam di Malaysia. Tumpuan terhadap peranan ABIM adalah sangat penting untuk membuktikan bahawa kesedaran Islam dalam kalangan masyarakat Islam

di Malaysia adalah disebabkan oleh usaha pendakwaan yang serius yang dilakukan oleh aktivis dakwah yang diketuai oleh golongan terpelajar Melayu yang aktif di dalam ABIM.

Tempoh kajian yang dipilih bermula daripada 1971 sehingga 2008 memandangkan ABIM ditubuhkan pada 1971. Walaupun ABIM merupakan sebuah gerakan belia dan bukan sebagai sebuah parti politik, tetapi aktivis mereka juga terlibat dalam proses politik negara dalam bentuk mendesak kerajaan dalam pelbagai isu termasuk isu politik seawal tahun penubuhannya lagi iaitu seawal tahun 1971. Tahun 1971 juga menjadi tahun penting yang merujuk kepada tahap kebangkitan semula Islam di Malaysia berikutan penubuhan ABIM. Penubuhannya yang juga merupakan lanjutan daripada peranan yang dimulakan oleh aktivis belia Islam di dalam PKPIM yang menjadi faktor utama terhadap kemunculan kesedaran Islam sekali gus menolak faktor 13 Mei 1969 dan juga peristiwa demonstrasi Baling pada tahun 1974 sebagai faktor utama yang mencetuskan kesedaran Islam di Malaysia. ABIM menggunakan pendekatan Islam yang bersifat non partisan dalam menyelesaikan isu masyarakat .

Manakala tahun 2008 pula merupakan tahun yang penting dimana ABIM dilihat kembali menjadi kumpulan pendesak yang aktif yang mengambil pendekatan keagamaan samada dalam isu yang melibatkan kepentingan politik umat Islam dan masyarakat Malaysia secara keseluruhannya. Tahun ini adalah penting kerana memperlihatkan peranan aktif ABIM dalam politik nasional ketika itu. Tempoh selama 38 tahun adalah tempoh yang sesuai dikaji memandangkan ia merupakan tempoh yang lama. Ini memandangkan tempoh 30-40 tahun ini merupakan tempoh yang membolehkan perubahan berlaku dan kesannya sudah dapat dilihat di dalam masyarakat.

Perbincangan juga akan meneliti sekitar proses penubuhan ABIM sehingga berjaya menjadi sebuah pertubuhan belia Islam yang berjaya merubah masyarakat dengan pelbagai kegiatannya. Tumpuan kajian adalah terhadap peranan dan sumbangan ABIM dalam membina generasi *islamiy* sehingga menjadi pertubuhan bukan kerajaan yang berpengaruh pada ketika itu. Tumpuan juga turut dilakukan terhadap peranan dan sumbangan ABIM dalam usaha dakwah sehingga melahirkan satu generasi yang mempunyai kesedaran dan kefahaman baru Islam. Kajian ini juga memberi tumpuan terhadap peranan dan sumbangan ABIM dalam penyatuan ummah di Malaysia. Selain itu, tumpuan juga dibuat keatas reaksi pelbagai pihak terhadap usaha yang dilakukan oleh ABIM.

Kepentingan Kajian

Kajian ini penting terutamanya berkaitan kajian persoalan Islam semasa kerana ia merupakan kajian lengkap dari sudut jangka masa kerana ia merangkumi tahun kelahiran ABIM 1971 sehingga 2008. Kajian ini juga merupakan satu tempoh yang paling lama dikaji kerana sebelum ini banyak pengkaji hanya mengkaji sehingga tahun 1990-an. Dalam waktu yang sama kajian ini cuba melihat daripada perspektif sarjana tempatan kerana persoalan kajian Islam di Malaysia banyak didominasi oleh sarjana dari luar negara.

Melihat dan menganalisis fenomena Islam daripada perspektif tempatan adalah sangat penting kerana hampir semua kajian dilihat daripada perspektif luar. Kajian ini juga penting untuk melihat perkembangan Islam daripada perspektif gerakan Islam sendiri berbanding kajian-kajian lain yang hanya menumpukan semata-mata daripada aspek politik dan kajian antropologi. Perspektif baru ini harus diteruskan untuk

mendapat maklumat yang betul berkaitan perkembangan dan perbincangan Islam semasa di Malaysia.

Kajian ini juga diharapkan menjadi kajian rintis dan dapat menjelaskan kepada masyarakat dengan lebih terperinci tentang perubahan-perubahan yang berlaku dalam masyarakat yang dikenali sebagai fenomena kebangkitan semula Islam di Malaysia yang diakibatkan oleh peranan yang dijalankan oleh ABIM. Kajian ini juga diharapkan mampu menjadi rujukan bagi pembuat dasar dan pergerakan dakwah di Malaysia dalam menyusun aktivitinya.

Kajian Literatur

Kajian tentang persoalan kebangkitan semula Islam di Malaysia telah bermula di sekitar tahun 1970-an lagi akibat daripada proses kebangkitan Islam di seluruh dunia. Penulisan dalam bentuk jurnal dan penulisan ilmiah serta majalah cukup banyak, ada sebahagiannya yang diterbitkan sekitar tahun 1970-an sehingga tahun 1980-an dianalisis secara baik oleh penganalisis tempatan.⁶⁵

⁶⁵ Mohammad Abu Bakar telah menghuraikan dengan begitu baik persoalan banyaknya tulisan berkaitan kebangkitan semula Islam termasuk di Malaysia, beliau melihat banyaknya kajian ini akibat daripada arus kesedaran Islam di negara umat Islam di seluruh dunia, beliau membahagikan fenomena ini kepada beberapa kategori, iaitu Islam semasa sebagai kesedaran mengenai kekuatan dan keupayaan sendiri;- ini menyangkut terhadap kesan Perang Arab- Israel menyebabkan masyarakat Islam mulai menilai kekuatan diri sendiri, beliau juga melihat Islam semasa sebagai reaksi kepada pemodenan dan pembaratan;-Islam semasa sebagai tindak balas terhadap ideologi sekular;-Islam semasa sebagai gambaran ketidakstabilan hidup atau kemelesetan hidup;-Islam semasa sebagai lanjutan daripada perkembangan Islam itu sendiri, Islam semasa sebagai rangkaian perjuangan menegak syariah. Menurut beliau, tema inilah yang merangkumi hampir semua penulisan berkaitan kebangkitan semula Islam. Dalam kajian beliau ini, beliau berjaya menganalisis serta memberi komentar tentang bahan bacaan berkaitan Islam semasa sehingga 1987, lihat Mohammad Abu Bakar, “ Penulisan Islam Semasa : Satu Sorotan” dan “Penerbitan Dan Penulisan Islam Semasa” dalam *Penghayatan Sebuah Ideal*, Kuala Lumpur : DBP,1987. hlm. 230-250.

Kajian berbentuk antropologi-sosiologi adalah antara kajian terawal yang menarik minat sarjana seperti Judith Nagata, Chandra Muzaffar dan Shamsul Amri Baharuddin.⁶⁶ Tema kajian ini ialah dengan melihat faktor ketinggalan masyarakat Melayu yang diakibatkan oleh peristiwa 13 Mei 1969 menyebabkan timbul kesedaran dalam kalangan mereka untuk bangkit kembali.⁶⁷ Pada waktu yang sama berlaku proses urbanisasi akibat dasar baru kerajaan iaitu Dasar Ekonomi Baru (DEB). Ini menyebabkan ada sebahagian masyarakat Melayu berhijrah ke kota untuk memulai kehidupan baru.⁶⁸ Pada awal tahun 1970-an, mahasiswa Melayu daripada perkampungan luar bandar datang ke Kuala Lumpur, menurut mereka, proses urbanisasi ini menyebabkan mereka menerima kejutan budaya dan cuba kembali kepada Islam sebagai pelarian rasa rendah diri,⁶⁹ dan proses mencari identiti baru.⁷⁰ Terdapat juga sarjana yang berhujah bahawa ketidakmampuan setengah pendakwah dan golongan terpelajar Melayu yang tidak menguasai bahasa Inggeris juga menyebabkan mereka menjadi radikal dan terlibat dengan gerakan dakwah

⁶⁶ Kajian sosiologi-antropologi ialah kerana latarbelakang pengkaji dalam bidang sosiologi dan sering menggunakan teori perubahan masyarakat dalam membuat kajian seperti teori pertentangan kelas, teori perhubungan kaum, teori perbandaran dan urbanisasi yang popular dalam kajian sosiologi. Lihat kajian Judith Nagata, *The Reflowering Of Malaysian Islam: Modern Religious Radicals and Their Roots*, Vancouver: University British Colombia, 1987. Lihat juga kajian beliau yang lain yang turut mengekalkan sudut pandang sosiologi dalam analisisnya seperti, Nagata, Judith, "Religious Ideology and Social Change: The Islamic Revival in Malaysia", *Pacific Affair*, 53(3), Nagata, Judith, "How To Be Islamic Without Being An Islamic State: Contested Model of Development in Malaysia", dalam Akhbar S Ahmed, *Islam, Globalizations And Postmodernity*, New York: Routledge.1994. Nagata, Judith, "Islam Ethnonationalism Versus Religious Transnationalism: Nation Building And Islam In Malaysia", *The Muslim World*, LXXXV:2:April.1997. Manakala sarjana tempatan juga mempunyai cara pandang yang sama, lihat kajian Chandra Muzaffar, *Kebangkitan Semula Islam Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti,1987. Shamsul Amri Baharuddin, "A Revival In The Study Of Islam In Malaysia", *Man*,1983, 18(2):399-404., Shamsul Amri Baharuddin, "From Urban to Rural: The Migration Of The Islamic Revival Phenomenon In Malaysia", dalam *proseding Congress Urbanism dan Islam*,vol 4, hlm. 1-34, Tokyo: Institute Of Oriental Culture,University Of Tokyo, Shamsul Amri Baharuddin, "Religion And The Ethnic Politics in Malaysia: The Significance Of The Islamic Revivalist Movement", dalam Charles Keyes L.Kendll, *Asian Vision Of Authority*,hlm 99-116, Honolulu, University Of Hawai Press .

⁶⁷ Chandra Muzaffar, *Kebangkitan Semula Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti, 1987, lihat juga Nagata, *The Reflowering of Malaysian Islam: Modern Religious Radicals and Their Roots*,Vancouver:University British Colombia, 1987 dan juga Kamarulnizam Abdullah, *The Politics Of Cotemporary Islam In Malaysia*, Bangi: UKM, 2003.

⁶⁸ Persoalan urbanisasi, penghijrahan masyarakat kampung ke bandar dan juga pengenalan Dasar Ekonomi Baru (DEB) oleh kerajaan menarik minat Chandra Muzaffar. Lihat Chandra Muzaffar, *Kebangkitan Islam Di Malaysia*, Fajar Bakti: Kuala Lumpur, 1987, hlm 15-25.

⁶⁹ Istilah ini banyak di jumpai dalam kajian Chandra Muzaffar dan Judith Nagata. Lihat Chandra Muzaffar, *Kebangkitan Semula Islam Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti,1987. Nagata, *The Reflowering Of Malaysian Islam: Modern Religious Radicals and Their Roots*, Vancouver: University British Colombia, 1987.

⁷⁰Ini dengan jelas dapat dilihat dalam kajian Nagata, *The Reflowering Of Malaysian Islam: Modern Religious Radicals and Their Roots*, Vancouver: University British Colombia, 1987.

terutamanya ABIM.⁷¹ Hujah-hujah ini mengalami kelemahan yang nyata kerana mereka tidak mengambil kira faktor keimanan atau kesedaran dalaman yang diakibatkan oleh peranan kesedaran Islam dalam bentuk dalaman terutama prinsip wahyu dan usaha pendakwaan tokoh-tokoh dakwah Islam.⁷²

Judith Nagata dalam bukunya *The Reflowering of Malaysian Islam* telah membuat satu kesimpulan bahawa kebangkitan Islam di Malaysia tidak pernah mengakibatkan pengikisan sepenuhnya ciri-ciri kemelayuan yang murni. Bahkan berkembangnya gerakan dakwah sejak tahun 1970-an datangnya daripada manifestasi kesatuan orang Melayu untuk melindungi kepentingan mereka terutamanya dalam menghadapi kelompok bukan Melayu.⁷³ Idea utama yang dikemukakan oleh Nagata ialah kebangkitan Islam atau kebangkitan gerakan dakwah di Malaysia tergabung daripada keperluan orang Melayu untuk menyatakan kembali identiti mereka dan kekuatan politik yang dimiliki. Nagata melihat bahawa Islam adalah sebagai alat untuk menggabungkan kekuatan politik Melayu yang berhadapan dengan cabaran besar setelah berlakunya peristiwa 13 Mei 1969. Memandangkan ia lebih melihat kepada persoalan etnik Melayu tanpa memerihalkan bahawa kekuatan Islam secara dalaman yang dimiliki oleh orang Melayu merupakan kekuatan penting menyebabkan tesis ini mempunyai sedikit kelemahan untuk menjelaskan secara tepat proses kebangkitan semula Islam.

⁷¹ Chandra Muzaffar, *Kebangkitan Semula Islam di Malayasia*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti, 1987. Penganalisis sosial terkenal Malaysia iaitu Mohammad Abu Bakar mengkritik pandangan Chandra berkaitan soal ini. Lihat Mohammad Abu Bakar, *Penghayatan Sebuah Ideal*. Kuala Lumpur: DBP, 1987. hlm. 123-125.

⁷² Kelemahan faktor etnik sebagai faktor utama adalah jelas. Ini adalah kerana di peringkat awal kesedaran Islam di kalangan generasi terpelajar pada awal 1970-an adalah kerana faktor kesedaran dalaman. Ini adalah kerana aktivis pelajar ketika itu terpengaruh dengan penulisan tokoh-tokoh dakwah, mereka menghidupkan program qiyamulai, tamrin qiyadi, usrah dan pengajian halaqah bagi meningkatkan kefahaman berkaitan Islam. Ahmad Zaki Abdul Latif, *Pengaruh Gerakan Islam Timur Tengah Terhadap Pemikiran Agama dan Politik Gerakan Islam di Malaysia 1971-1998*, Tesis PhD, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 2003. hlm. 53-60.

⁷³ Judith Nagata, *The Reflowering*, hlm. 232.

Kajian Kamarulnizam Abdullah⁷⁴ melihat ABIM berperanan menyebarkan pengaruh Islam di Malaysia. Tumpuan diberi terhadap kebangkitan Islam dan implikasinya terhadap keselamatan negara. Tesis ini cuba untuk menghubungkan antara Islam dan penyatuan Melayu yang mempunyai kaitan secara langsung dengan soal-soal keselamatan negara. Dengan mengambil tempoh tahun 1980-an dan 1990-an, kajian yang dilakukan adalah menjurus kepada persaingan politik antara UMNO dan PAS yang menurut pandangan beliau, jika persaingan ini berlanjutan akan merosakkan keseimbangan politik, sosial dan ekonomi. Beliau juga menghuraikan peranan ABIM sebagai organisasi utama dalam kebangkitan semula Islam di Malaysia. Tema utama kajian ini ialah etnik dan agama, kerana menurut beliau faktor etnik iaitu kesedaran orang Melayu akibat daripada ketinggalan mereka adalah menyumbangkan ke arah kesedaran Islam. Walau bagaimanapun kerana ia lebih melihat kepada persoalan seluruh gerakan Islam di Malaysia termasuk PAS menyebabkan kajiannya terhadap ABIM hanya bersifat ringkas.

Manakala kajian Hussain Mutalib⁷⁵ membuktikan bahawa ABIM merupakan gerakan Islam terawal yang menyumbang kepada kesedaran Islam di dalam masyarakat Malaysia. Pada tahun 1970-an, ABIM memainkan peranan yang sangat besar dalam mentransformasikan pemikiran golongan terpelajar Melayu kepada kehidupan Islam. Beliau menganalisis bagaimana kekuatan utama gabungan nasionalisme dan Islam dapat bekerjasama untuk membentuk satu sistem dalam politik Malaysia semenjak pembentukannya pada tahun 1963 sehingga tahun 1987. Kekuatan Islam dan kebangsaan tidak dapat dipisahkan dan kekuatan ini berakar umbi dalam *psyche* orang Melayu. Hussain Mutalib juga menjelaskan bahawa salah satu jasa besar ABIM ialah dapat membuat hubungan yang positif dengan gerakan Islam seluruh dunia yang menyebabkan

⁷⁴ Kamarulnizam Abdullah, *The Politics of Cotemporary Islamin Malaysia*. Bangi: UKM, 2002.

⁷⁵ Hussin Mutalib, *Islam and Ethnicity in Malay Politics*, Singapore: Oxford University Press. 1990.

Malaysia terkenal sebagai sebuah negara Islam pada ketika itu. Menurut beliau, kebangkitan Islam di awal tahun 1970-an adalah akibat kesedaran masyarakat Islam terhadap ajaran Islam yang sebenar dan bukanlah semata-mata kerana faktor etnik. Kajian ini sering dirujuk sebagai kajian utama terhadap perkembangan gerakan Islam di Malaysia, walaupun begitu kajian ini hanya menumpukan terhadap perkembangan Islam di Malaysia sehingga tahun 1987 sahaja sehingga tidak dapat menjelaskan fenomena pada tahun 1990-an dan 2000-an yang sangat berbeza sifatnya.

Kejayaan proses islamisasi kerajaan terutamanya berkaitan penubuhan beberapa institusi Islam juga diakui oleh beberapa pengkaji, misalnya Norhashimah Mohammad Yasin⁷⁶ mengakui keberhasilan proses islamisasi terutamanya dalam bidang sistem kewangan Islam. Walaupun tidak diterangkan secara jelas penglibatan ABIM dalam proses islamisasi ekonomi, ia membayangkan pengaruh pemikiran islamisasi yang dicetuskan oleh aktivis ABIM yang mempengaruhi penubuhan pelbagai institusi kewangan di Malaysia. Manakala Mohammad Kamal Hassan dalam tulisannya “ABIM Responses To Political Change” dalam Md Sidin Ishak *Angkatan Belia Islam Malaysia 1971-1996*,⁷⁷ melihat ABIM telah mengalami proses kematangan dalam era ini dengan banyak menyumbangkan kepada proses islamisasi kerajaan. Kajian Muhammad Kamal Hassan ini telah dijadikan hujah oleh ABIM terutamanya sewaktu keberadaan bekas pimpinan utama mereka berada di dalam kerajaan untuk mengukuhkan hujah tindakan mereka bersama kerajaan. Ini dapat dilihat bagaimana tulisan ini telah dimasukkan dalam bab buku Angkatan Belia Islam 1971-1996 yang boleh dianggap sebagai buku rasmi ABIM.

⁷⁶ Norhashimah Mohammad Yasin, *Islamisation/Malaynisations: A Study on The Role Islamic Law in Economic Deveolpment of Malaysia 1969-1993*. Kuala Lumpur: AS Noorden, 1996.

⁷⁷ Mohammad Kamal Hassan, “ABIM Responses To Political Change” dalam Md Sidin Ishak *Angkatan Belia Islam Malaysia 1971-1996*. Kuala Lumpur: Blue T Sdn Bhd, 1996.

Peranan ABIM terhadap kesedaran Islam dalam kalangan pelajar telah dianalisis dengan baik oleh Zainah Anwar melalui kajiannya yang berjudul *Kebangkitan Islam Di Kalangan Pelajar*,⁷⁸ Dalam kajian ini membuktikan bahawa ABIM cukup berpengaruh memberi kesedaran Islam kepada masyarakat kampus, kajian ini menyumbangkan satu kefahaman baru tentang gerakan pelajar Islam di Malaysia. Menurut Zainah Anwar, gelombang kebangkitan Islam pertama yang dipelopori oleh Anwar Ibrahim dan ABIM telah mengambil sikap yang lebih sederhana. Islam yang dipaparkan oleh ABIM mengakui akan kelemahan manusia daripada segi komitmen terhadap agama yang berbeza-beza antara satu kumpulan dengan kumpulan yang lain. Gelombang dakwah kedua pada akhir tahun 1970-an pula mengambil pendekatan yang lebih radikal. Gelombang ini dipelopori oleh kembalinya mahasiswa Islam daripada United Kingdom yang telah dipengaruhi oleh corak Islam yang lebih fundamentalis sifatnya yang mendapat pengaruh daripada Ikhwanul Muslimun (Mesir) dan Jamaat Islami (Pakistan). Melalui kumpulan pelajar yang dinamakan sebagai IRC dan juga Suara Islam (Voices of Islam), kumpulan ini telah cuba untuk menyerap masuk ke dalam parti politik seperti PAS dan juga Pertubuhan Sukarela Islam seperti ABIM untuk mencapai cita-cita yang dihasratkan. Walaupun begitu, kajian ini juga terhenti setakat tahun 1987.⁷⁹

Peristiwa pemecatan Anwar Ibrahim daripada kerajaan telah menjadi persoalan baru dalam kajian kebangkitan semula Islam di Malaysia. Sesetengah sarjana melihat ABIM telah kembali menjadi radikal seperti kajian Mohammad Syukri Salleh, "*Recent Trends in Islamic Revivalism in Malaysia* ",⁸⁰ walau bagaimanapun keradikalan ABIM ini hanya bersifat sementara kerana selepas peristiwa 11 September 2011, ABIM mulai

⁷⁸ Kajian beliau ini adalah sangat penting kerana ia merupakan kajian asas sehingga menjadi rujukan kepada penulis lain. Hampir semua penulis terutamanya sarjana dari luar Malaysia menjadikan kajian ini sebagai kerangka utama dalam memahami gerakan pelajar dan Islam di Malaysia. Lihat Zainah Anwar, *Kebangkitan Islam di Kalangan Pelajar*. Kuala Lumpur:IBS,1987.

⁷⁹ Ibid., hlm. 38.

⁸⁰ Lihat Mohd Syukri Salleh, "Recent Trends in Islamic Revivalism in Malaysia ", *Journal Studi Islamika*, Vol 6, No 2, 1999.

kembali kepada fungsi asalnya sebagai badan dakwah demi kepentingan ummah terbanyak. Ada juga kajian yang mengaitkan ABIM dengan proses reformasi dan pembentukan masyarakat sivil seperti kajian Meredith Weiss⁸¹ yang memerihalkan bagaimana proses reformasi dan pembentukan masyarakat sivil di Malaysia turut disumbangkan juga oleh ABIM. Kajian ini menjelaskan proses politik di Malaysia akibat pemecatan Anwar Ibrahim dan bagaimana posisi yang diambil ABIM. Memandangkan kajian ini hanya memfokuskan kepada pembentukan masyarakat sivil, ia tidak dapat menggambarkan keseluruhan perkembangan Islam di Malaysia.

Ahmad Fauzi Abdul Hamid dalam kajiannya, *Islamist Realignments and The Rebranding of The Muslim Youth Movement of Malaysia*,⁸² membahagikan perkembangan Islam kepada beberapa tahap, *pertama* (1971-1981), *kedua*, fasa (1981-1993) dan *era yang terakhir* (1998-2003). Beliau melihat Islamisasi di Malaysia secara bertahap yang mana perkembangan ini boleh dibahagikan kepada lima fasa. Kajian ini cuba mencorakkan ABIM kepada period tertentu untuk membezakan pendekatan yang diambil. Kelemahan kajian ini ialah hanya bergantung kepada sumber temu bual semata-mata dengan Presiden ABIM dengan mengabaikan sumber rasmi ABIM yang lain. Pada waktu yang sama, kajian ini di corakkan hanya berdasarkan kepada pendekatan politik ABIM semata-mata.

Persoalan pengaruh pemikiran agama yang dikembangkan oleh ABIM juga menarik sarjana untuk menelitinya seperti kajian Ahmad Zaki Abdul Latif.⁸³ Kajian ini banyak memerihalkan dan memperjelaskan bagaimana pengaruh gerakan *islah* Timur

⁸¹ Meredith Weiss, *Protest and Possibilities: Civil Society and Colitions for Political Change in Malaysia*, California: Stanford University Press, 2005.

⁸² Ahmad Fauzi Abdul Hamid, “ Islamist Realignments And The Rebranding of The Muslim Youth Movement of Malaysia”, *Contemporaray Southeast Asia*, Vol.3. 2008.

⁸³ Ahmad Zaki Abdul Latif, Pengaruh Gerakan Islam Timur Tengah Terhadap Pemikiran Agama dan Politik Gerakan Islam di Malaysia 1971-1998, Tesis PhD, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 2003.

Tengah mempengaruhi gerakan Islam di Malaysia terutamanya ABIM dan PAS. Kajian beliau ini memperjelaskan bagaimana ABIM mendapat pengaruh radikalisme dari gerakan Islam Timur Tengah. Pengaruh ini cukup terasa pada tahun 1970-an. Walaupun begitu akibat daripada proses kematangan, ABIM telah meninggalkan fahaman radikalisme dengan menggantikan kaedah yang lebih bersifat kemalaysiaan yang dikenali sebagai *Manhaj Malizy* sesuai dengan realiti semasa masyarakat Malaysia. Kajian ini hanya menumpukan aspek pemikiran dan ia tidak dapat menggambarkan secara keseluruhan peranan ABIM dalam kesedaran Islam di Malaysia.

Manakala kajian Fadzullah Jamil⁸⁴ cuba menjelaskan berkaitan kebangkitan Islam di Malaysia yang turut di sumbangkan oleh gerakan pelajar yang membentuk ABIM. Walaupun judul kajian beliau berkaitan kebangkitan Islam secara umum, ia sebenarnya mengkaji peranan ABIM. Kajian ini bersifat umum dan ia tidak dapat menjelaskan secara terperinci tentang peranan ABIM apalagi kajian ini juga terhenti setakat 1987. Selain daripada itu, kajian ini tidak merujuk sepenuhnya kepada sumber utama ABIM terutamanya laporan Mukhtar Sanawi mahupun minit mesyuarat.

Mohammad Nor Manuty⁸⁵ cuba menjelaskan ABIM sebagai organisasi belia dan gerakan Islam yang berjaya merubah dan mempengaruhi generasi muda Malaysia dalam perkembangan Islam. Beliau berhujah dengan mengatakan bahawa ABIM berjaya merubah persepsi masyarakat Melayu dalam melihat persoalan agama sebagai ibadah ritualisme semata-mata telah berubah menjadi 'Islam sebagai satu cara hidup'. Kajian ini hanya menumpukan kepada perubahan sikap belia sahaja tanpa melihat persoalan ABIM

⁸⁴ Fadzullah Jamil, *The Reawakening The Islamic Consciousness In Malaysia:1970-1987*. Tesis PhD, University of Edinburgh.1987.

⁸⁵ Mohammad Nor Manuty, *Perception of Social Change in Cotemporary Malaysia: A Critical Analysis of ABIM Role and Impact Among Muslim Youth*. Tesis PhD, Temple University, 1987.

yang lebih luas, apalagi kajian ini hanya setakat 1987 menyebabkan mengalami kekurangan untuk menggambarkan persoalan kebangkitan semula Islam sehingga 2008.

Kajian Mohd Jamil Mukmin⁸⁶ pula menjelaskan tentang peranan yang dijalankan oleh gerakan Islam seperti, ABIM, PKPIM, al-Arqam dan JIM. Tesis ini menjelaskan bahawa gerakan Islam terus menerus bergerak mengikut suasana politik dan masyarakat di sekelilingnya tanpa mengorbankan prinsip-prinsip asasnya bagi menegakkan kebenaran dan keadilan. Momentum gerakan dakwah yang diperjuangkan lebih daripada tiga dekad itu tidak terhenti walaupun menghadapi pelbagai halangan yang besar yang mana mereka menganggap kesemuanya itu hanyalah sebagai cabaran, ujian dan pengorbanan yang mesti dilalui di dalam satu-satu perjuangan jihad. Dalam tesis ini, penulis telah mengulas bagaimana pihak kerajaan telah membuat perubahan-perubahan ke atas dasar pemerintahan dan pentadbiran kesan daripada perkembangan gerakan Islam di dalam negara. Menurut beliau respons dan perubahan atas sistem pentadbiran undang-undang Islam dan mahkamah syariah serta perubahan ke atas sistem pendidikan, ekonomi, budaya yang disentuh secara sepintas lalu khususnya perkara yang melibatkan gerakan Islam ABIM. Perbandingan antara ABIM, PKPIM dan al-Arqam. Oleh sebab kajian yang melibatkan ABIM, PKPIM dan al-Arqam, ia tidak mampu untuk mengupas secara mendalam tentang peranan dan perjuangan keseluruhan pertubuhan bukan kerajaan tersebut.

Penglibatan ABIM dalam kegiatan politik juga mendapat sorotan daripada beberapa pengkaji, antara kajian terawal ialah kajian Mohd Noor Harun⁸⁷, walaupun kajian ini hanyalah kajian latihan ilmiah sarjana muda, tetapi ia mempunyai maklumat

⁸⁶ Mohd Jamil Mukmin, *Gerakan Islam di Malaysia Kesenambungan, Respons dan Perubahan (1957-2000)*, Tesis PhD, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM, Bangi, 2005.

⁸⁷ Mohd Noor Harun, *Isu-Isu Politik Yang Diperjuangkan ABIM, 1971-1982*. Latihan Ilmiah, Fakulti Sains Sosial UKM, 1987.

yang berguna. Mohd Noor menjelaskan ABIM telah memainkan peranan sebagai kumpulan pendesak terhadap kerajaan. Kajian ABIM sebagai kumpulan pendesak juga telah diperihalkan dengan jelas dalam kajian Makmor Tumim.⁸⁸ Walau bagaimanapun kajian ini hanya menumpukan kepada isu-isu yang diperjuangkan sekitar tahun 1990-an dan tidak dapat menggambarkan peranan ABIM dalam kebangkitan semula Islam di Malaysia.

Kajian Shahrudin Baharuddin⁸⁹ telah dapat menjelaskan penglibatan ABIM dalam politik negara dalam era gerakan reformasi pada tahun 1998. ABIM terlibat secara langsung dalam penubuhan beberapa pertubuhan reformasi terutamanya GERAK (Gerakan Keadilan Rakyat). Penglibatan ABIM dalam Pilihanraya Umum tahun 1999 merupakan penglibatan yang aktif dimana terdapat bekas pimpinan utamanya telah menyertai Parti Keadilan Nasional dan PAS sebagai calon pilihanraya. Penyingkiran ABIM daripada Parti Keadilan Nasional juga menjadi menyebabkan ABIM lebih banyak memainkan peranan sebagai gerakan dakwah ketimbang politik. Memandangkan kajian ini hanya menumpukan penglibatan ABIM dalam krisis politik Malaysia pada tahun 1998 tidak dapat menggambarkan keseluruhan peranan ABIM dalam kebangkitan Islam.

Perkembangan politik Islam dan peranan ABIM dalam memperkembangkannya mendapat perhatian Syed Ahmad Hussain⁹⁰ yang menjelaskan asal usul penubuhan ABIM dan kegiatannya sekitar tahun 1970-an, ia juga telah memerihalkan dengan baik beberapa kegiatan ABIM seperti usrah, tamrin, muktamar serta beberapa program ABIM dalam kegiatan ekonomi khususnya dalam Koperasi Belia Islam dan pendidikan. Kajian ini menjelaskan bahawa ABIM mendapat sambutan di sekitar tahun 70-an

⁸⁸ Makmor Tumin, *Organisasi Bukan Kerajaan: Kajian Kes ABIM*, Tesis MPA, Fakulti Ekonomi Dan Pentadbiran, Universiti Malaya. 1987.

⁸⁹ Shahrudin Badaruddin, *ABIM dan Politik 1998-2005*, Bangi : ABIM, 2005.

⁹⁰ Syed Ahmad Hussin, *Islam And Politics in Malaysia 1969-1982: The Dynamic of Competing Tradition*. Tesis PhD, University Yale. 1988.

memandangkan *Risalah* terbitannya dijual sebanyak 20,000 naskhah dan sentiasa habis dijual. Kajian ini menjadi rujukan penting bagi pengkaji politik dan kebangkitan Islam di Malaysia. Analisisnya sangat berguna walaupun begitu, harus diteliti lagi memandangkan sumber yang digunakan dalam mengkaji ABIM hanyalah sumber kedua tanpa melibatkan minit mesyuarat, apa lagi kajian ini hanya terhenti setakat tahun 1987.

Terdapat juga kajian yang menumpukan kepada persoalan pendidikan dan islamisasi yang diasaskan oleh ABIM. Kajian Sidek Baba⁹¹ yang menyentuh tentang peranan institusi usrah yang membina pemikiran Islam yang syumul yang kemudian dijelmakan dalam bentuk kelahiran institusi pendidikan Islam kanak-kanak seperti TASKI, ekonomi Islam seperti Koperasi Belia Islam dan Falsafah Pendidikan Negara. Kajian ini juga tidak dapat menjelaskan secara terperinci berkaitan kebangkitan Islam kerana penulis hanya memberi tumpuan terhadap pendidikan sehaja. Terdapat juga beberapa kajian tentang peranan ABIM dalam institusi pendidikan terutamanya projek latihan ilmiah seperti kajian Helwana Mohammad,⁹² Wan Zalina Wan Salleh,⁹³ Azmah Lambak⁹⁴ dan Jamaruslam Abdullah.⁹⁵ Kajian ini tidak menyumbang kepada penemuan baru berkaitan ABIM dan kerana tidak menggunakan sumber utama ABIM dalam bentuk laporan rasmi dan juga minit mesyuarat.

⁹¹ Sidek Baba, *The Malaysian Study Circle Movement and Some Implication For Educational Development*. Tesis PhD, Indiana University. 1992.

⁹² Helwana Mohammad, *Keberkesanan Pendidikan Islam di Kalangan Pelajar Pra Sekolah: Kajian Terhadap Taski ABIM di Johor*, Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2005.

⁹³ Kajian Wan Zalina Wan Salleh, *Peranan TASKI (ABIM) Falahiyah Pasir Pekan, Kelantan dalam Pendidikan Islam*, Latihan Ilmiah, Fakulti Usuluddin, Akademi Islam, Universti Malaya, 1991.

⁹⁴ Azmah Lambak, *Peranan Taski ABIM dan Keberkesannya dalam Pendidikan Islam di Kota Bharu*. Latihan Ilmiah, Fakulti Usuludin, Akademi Islam, Universiti Malaya, 1989.

⁹⁵ Jamaruslam Abdullah, *Sumbangan Gerakan Islam dalam Pembangunan Keintelektualan: Satu Kajian ke atas Institut Pengajian Ilmu-ilmu Islam ABIM*, Sungai Ramal Dalam, Kajang, Selangor. Latihan Ilmiah, Fakulti Usuludin, Akademi Islam, Universiti Malaya, 1996.

Kajian sejarah perkembangan ABIM sepanjang 30 tahun telah diusahakan oleh Mohd Farid Shahrar⁹⁶ yang menghuraikan sejarah penubuhan ABIM dan menyentuh secara ringkas berkaitan peranan ABIM dalam pendidikan. Buku ini juga diperjelaskan usaha-usaha ABIM dalam mengatasi masalah murtad di Malaysia. ABIM telah menganjurkan pelbagai program sama ada dalam bentuk bengkel, seminar dan penyerahan memorandum untuk menyedarkan orang ramai betapa seriusnya masalah murtad di Malaysia. Buku ini walaupun ringkas tetapi mempunyai maklumat yang baik, namun begitu ia juga tidak dapat menggambarkan keseluruhan peranan ABIM terutama pada peringkat awal penubuhannya.

Terdapat juga beberapa kajian yang menonjolkan ABIM sebagai sebuah organisasi dakwah. Badlihiham Mohammad Nasir⁹⁷ dalam kajiannya melihat ABIM berperanan sebagai gerakan dakwah dengan menggunakan pelbagai kaedah bagi menjamin kelangsungan dakwah di Malaysia. Kajian ini memerihalkan bahawa dakwah adalah merupakan asas bagi penubuhan ABIM sebagaimana yang terdapat dalam perlembagaannya. ABIM berhasil membentuk institusi pendidikan tersendiri dan menyumbangkan ke arah kesedaran Islam masyarakat. Dalam kajian ini juga dijelaskan pendekatan ABIM dalam berdakwah termasuklah kaedah infiltrasi dan sangat berguna untuk memahami peranan ABIM dalam kegiatan dakwah. Kajian ini tidak menggunakan keseluruhan bahan utama ABIM seperti minit mesyuarat menyebabkan hasil dapatanya tidak dapat melihat ABIM secara keseluruhannya. Memandangkan beliau juga lebih menumpukan terhadap aktiviti dakwah, maka kajian ini tidak dapat menggambarkan peranan ABIM lebih luas terhadap kebangkitan semula Islam di Malaysia.

⁹⁶ Mohd Farid Shahrar, *ABIM 30 Tahun: Beberapa Isu Penting Sepanjang Tiga Dekad*, Kuala Lumpur : ABIM. 2001.

⁹⁷ Badlihiham Mohammad Nasir, *Islamic Movement in Malaysia: A Study of PAS and ABIM*. Tesis PhD, University Edinburgh, 1987.

Terdapat juga beberapa kajian yang lain berkaitan dakwah ditulis oleh pelajar sama ada di peringkat latihan ilmiah dan sarjana di universiti tempatan. Kajian Mohd Ali Baharum,⁹⁸ Azmi Mohammed,⁹⁹ Norazura Selamat,¹⁰⁰ Nor Shaidayani Samah,¹⁰¹ Zarina Zain¹⁰² dan Muhammad Nazmi Ishak.¹⁰³ Kesemua kajian ini terlalu ringkas dan tidak dapat menjelaskan kedudukan sebenar ABIM dalam mencetus fenomena kebangkitan Islam di Malaysia. Selain itu juga terdapat kajian di peringkat latihan ilmiah yang meneliti kepimpinan dan struktur organisasi ABIM seperti kajian Siti Arifah Mahfuzah Abdul Razab.¹⁰⁴ Majdah Mohammad,¹⁰⁵ Harun Salleh¹⁰⁶ dan Ahmad Fathi.¹⁰⁷ Kajian ini tidak menggunakan sumber utama ABIM menyebabkan fakta yang ditemui tidak ada yang baru.

Beberapa pengkaji membuat kajian berkaitan cara dan pendekatan ABIM dalam pelaksanaan Islam di Malaysia seperti kajian Mohd Fadzli Hussain¹⁰⁸ Md Afrizal Md

⁹⁸ Mohd Ali Baharum, *Keberkesanan Program Dakwah Islamic Outreach ABIM Terhadap Orang Asli Pos Hendrop, Gua Musang, Kelantan. Latihan Ilmiah, Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sastera Dan Sains Sosial, Universiti Malaya*, 2004.

⁹⁹ Azmi Mohammed, *Peranan Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) Dalam Pembangunan Masyarakat Islam Bandar Sarikei, Sarawak. Tesis MA, Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Universiti Malaya*. 2003.

¹⁰⁰ Norazura Selamat, *Dorongan Menerima Islam di kalangan Orang Cina Muslim: Satu Kajian Islamic Outreach ABIM (IOA), Latihan Ilmiah, Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya*, 2002.

¹⁰¹ Nor Shaidayani Samah, *Dakwah Kepada Golongan Mualaf-Islamic Outreach ABIM Ampang Hilir 2 Kuala Lumpur. Latihan Ilmiah, Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Islam, Universiti Malaya*, 2002.

¹⁰² Zarina Zain, *Islamic Outreach ABIM(IOA): Peranan dan Perkembangannya dalam Kegiatan Dakwah, Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya*, 2003.

¹⁰³ Muhammad Nazmi Ishak, *Uslub Dakwah dalam Masyarakat Majmuk: Suatu Kajian Perbandingan Metodologi dakwah ABIM dan Metodologi Dakwah PAS, Latihan Ilmiah, Fakulti Usuluddin, Akademi Islam, Universiti Malaya*, 1994.

¹⁰⁴ Siti Arifah Mahfuzah Abdul Razab, *Program Pembangunan Ahli: Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) Pusat. Tesis MA, Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Islam, Universiti Malaya*. 2008.

¹⁰⁵ Majdah Mohammad, *Gabungjalin Kepimpinan Ulama dan Intelektual dalam Usaha Pembentukan Masyarakat Islam di Malaysia: Kajian Terhadap ABIM. Latihan Ilmiah, Fakulti Usuluddin, Akademi Islam, Universiti Malaya*. 1994.

¹⁰⁶ Harun Salleh, *(Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Latihan Ilmiah, Universiti Malaya*. 1976.

¹⁰⁷ Ahmad Fathi Zainuddin, *Syura : Perlaksanaan dalam Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) dan Parti Islam Se Malaysia (PAS), Latihan Ilmiah, Fakulti Syariah, Universiti Malaya*. 1990.

¹⁰⁸ Mohd Fadzli Hussain, *Konsep Non Partisan dalam Perlembagaan ABIM: Satu Analisis. Latihan Ilmiah Fakulti Syariah, Universiti Malaya*. 1996.

Arifin,¹⁰⁹Hasahudin Hassan,¹¹⁰Mohd Faizal Ramli¹¹¹dan Juwairiah Hassan¹¹²

Walaupun semua kajian ini ditulis pada peringkat latihan ilmiah tapi ia membekalkan maklumat yang berguna. Pembacaan dan sorotan literatur yang telah dibuat samada kajian yang sudah diterbitkan atau belum diterbitkan menunjukkan bahawa belum terdapat satu kajian yang sangat lengkap memaparkan peranan dan sumbangan ABIM dalam proses kebangkitan semula Islam di Malaysia yang di analisa semenjak penubuhannya pada tahun 1971 sehingga tahun 2008.

Metodologi Kajian

Bagi memantapkan penulisan tesis ini, kaedah penyelidikan sejarah iaitu dengan menggunakan pendekatan kaedah kaulitatif untuk menghasilkan sebuah penulisan yang baik. Kajian ini merangkumi tempoh 37 tahun iaitu semenjak tahun 1971 sehingga tahun 2008, penggunaan sumber pertama yang utama dan sumber kedua amat penting bagi menghasilkan penulisan sejarah yang baik. Bagi menguatkan hujah dalam penulisan tesis ini penggunaan sumber pertama amat penting. Sumber pertama merupakan sumber asli seperti dokumen rasmi penerbitan ABIM iaitu minit mesyuarat ABIM semenjak 1971 sehingga 2008. Surat-surat persendirian dan catatan pengalaman hidup mereka yang terlibat juga dianalisis. Laporan Muktamar ABIM sepanjang tahun 1971-2008 dianalisis secara mendalam untuk melihat perkembangan ABIM Minit Mesyuarat ABIM tahun

¹⁰⁹ Md Afrizal Md Arifin, Peranan Gerakan Islam dalam Masyarakat Moden : Kajian ke Atas Manhaj Malizie Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Latihan Ilmiah Fakulti Ushuludin, Akademi Islam,Universiti Malaya.1997.

¹¹⁰ Hasahudin Hassan, Pengamalan Konsep Siyasa Shariyyah dalam ABIM dan PAS. Latihan Ilmiah Fakulti Ushuluddin, Akademi Islam,Universiti Malaya,1998.

¹¹¹ Mohd Faizal Ramli, ABIM di Bawah Kepimpinan Anwar Ibrahim (1971-1982), Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah , Fakulti Sastera Dan Sains Sosial,Universiti Malaya. 2003.

¹¹² Juwairiah Hassan, Pemikiran Dato Dr Siddiq Fadil dalam Koleksi Ucapan Dasar Muktamar Senawi Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Latihan Ilmiah, Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Islam, Universiti Malaya. 2005.

1971-2008 yang bersangkutan dibaca dan dianalisis untuk mengetahui setiap keputusan yang dibuat.

Semua penerbitan rasmi ABIM dianalisis seperti kenyataan akhbar, majalah *Risalah*, *Berita ABIM* dan *DEMI MASSA*. Ucapan dasar Presiden ABIM semenjak tahun 1971-2008 yang merangkumi ucapan dasar ke lima-lima Presiden dalam tempoh kajian ini dianalisis kerana ia merupakan pemikiran penting yang menjadi hala tuju ABIM. Semua kertas kerja *tamrin qiyadi* ABIM dibaca dan dianalisis kerana ia merupakan perbincangan yang menentukan hala tuju ABIM. Dokumen rasmi ABIM ini diteliti dan dianalisis.

Selain daripada itu, temubual mendalam dengan beberapa tokoh pimpinan ABIM merentasi zaman juga di lakukan. Temubual ini untuk mencungkil pengalaman mereka ketika mentadbir serta terlibat dalam keputusan penting dalam ABIM. Menemu bual tokoh-tokoh pengasas dan pimpinan yang masih hidup untuk mendapatkan penjelasan yang utama. Ini adalah penting kerana sebahagian besar penulisan tentang kebangkitan Semula Islam di Malaysia yang melibatkan ABIM tidak di tulis menggunakan sumber utama. Ini dibuat bagi menghasilkan sebuah kajian sejarah kebangkitan semula Islam dan penglibatan ABIM yang boleh dijadikan rujukan pengkaji sejarah kemudian nanti.

Bagi memantapkan kajian ini, penulis telah membuat lawatan ke beberapa pejabat ABIM di setiap negeri serta institusi ABIM seperti TASKI, Kolej Darl Hikmah dan Sekolah Menengah Rendah Islam ABIM (SERI) bagi melihat sendiri aktiviti yang dijalankan. Pada waktu yang sama, penulis juga turut aktif dalam beberapa program ABIM bagi melihat bagaimana pengaruh mereka terhadap masyarakat.

Selain sumber pertama, penulis meneliti sumber-sumber kedua bagi menguatkan penulisan tesis ini. Ini amat penting untuk dilakukan bagi memastikan wujudnya kesinambungan dan keseragaman antara sumber pertama yang diperoleh tadi dengan sumber kedua yang terdapat dalam bentuk buku, penulisan di jurnal dan tesis serta kertas kerja. Lantaran itu penyelidik melakukan kajian terutamanya di Arkib ABIM untuk mendapatkan bahan tentang ABIM dan juga perpustakaan utama universiti-universiti tempatan seperti Perpustakaan Utama dan Za'ba, Universiti Malaya, Perpustakaan Undang-undang, Universiti Malaya, Perpustakaan Tun Seri Lanang di Universiti Kebangsaan Malaysia, Perpustakaan ATMA di UKM, Perpustakaan Universiti Pendidikan Sultan Idris dan Perpustakaan Universiti Sains Malaysia. Dalam kajian ini, penulis gagal menemukan bahan utama berkaitan ABIM di universiti-universiti tersebut kecuali di Arkib ABIM. Selain itu penulis juga mengunjungi Arkib Negara perpustakaan peribadi beberapa orang tokoh tertentu. Jurnal dan tesis yang sukar didapati di Malaysia, penulis mendapatkannya dengan membeli secara *online* di Proquest Umi Michigan.

Organisasi Bab

Penulisan tesis ini mengandungi lapan bab. Bab satu mengandungi bab pendahuluan yang membincangkan berkaitan latar belakang kajian, permasalahan kajian, objektif kajian, skop kajian, kerangka teori, kepentingan kajian, kajian literatur, metodologi kajian dan pembahagian bab. Manakala bab kedua membincangkan latar belakang kebangkitan semula Islam di Malaysia iaitu proses kedatangan dan perkembangan Islam, peranan ulama dan gerakan *Islah* pada masa sebelum kemerdekaan yang telah memberi kesedaran Islam kepada masyarakat, selain itu fenomena kebangkitan semula Islam dan faktor kebangkitan semula Islam di Malaysia selepas kemerdekaan turut menjadi tumpuan penulisan pada bab ini.

Bab ketiga pula membincangkan proses sejarah penubuhan ABIM semenjak daripada peringkat awal, melihat struktur organisasi serta pengurusan sekretariat ABIM. Bab ini juga memberi tumpuan kepada perkembangan pemikiran kepimpinan ABIM. Tumpuan perbincangan juga terhadap kelima-lima Presiden sepanjang tempoh kajian. Manakala bab Keempat pula membincangkan berkaitan membina generasi *Islamik*. Dalam bab ini membincangkan bagaimana ABIM membina generasi dengan melatih kepimpinan pelajar Islam. Penglibatan aktivis ABIM di Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM), Persatuan Mahasiswa Islam, Universiti Malaya (PMIUM) dan wacana Islam di kampus turut diberi tumpuan. Penglibatan aktivis ABIM di Majlis Belia Malaysia (MBM) juga dibincangkan kerana ia sebahagian daripada membina generasi. Selain dari itu, turut dibincangkan berkaitan pengukuhan sistem *usrah* dan *tarbiyah* dalam ABIM serta pembudayaan ilmu bagi membina generasi *Islamik* dengan menggunakan pendekatan penerbitan dan penterjemahan buku.

Bab kelima pula membincangkan usaha ABIM memperkasa usaha dakwah. Dalam bab ini diterangkan perkembangan faham Islamisasi dan bagaimana ABIM turut sama mengembangkannya sehingga menjadi salah satu asas dan kerangka berfikir ABIM. Turut dibincangkan bagaimana ABIM menubuhkan pelbagai intitusi pendidikan untuk mengembangkan dakwah. Turut dibincangkan juga usaha ABIM dalam berdakwah terhadap masyarakat bukan Islam dan turut terlibat dengan gerakan dakwah pada peringkat antarabangsa.

Bab keenam pula dibincangkan berkaitan memperkukuh pernyatuan ummah. Tumpuan perbincangan berkaitan peranan ABIM dalam menentang Akta Pertubuhan yang menjadi isu besar ketika itu. Turut dibincangkan bagaimana ABIM mempopulerkan konsep non partisan dan *Manhaj Maliziy* yang bertujuan untuk

memastikan kepentingan umat Islam terjaga. Selain dari itu juga turut disorot bagaimana ABIM menggunakan pendekatan politik penyatuan ummah serta menubuhkan kumpulan PEMBELA bagi kepentingan umat Islam. Manakala bab ke tujuh membincangkan reaksi terhadap peranan dan sumbangan ABIM. Tumpuan dalam bab ini membincangkan bagaimana tindakan ABIM ini direspons oleh pihak - pihak tertentu di Malaysia terutamanya pihak kerajaan yang sering berhadapan dengan tindakan ABIM. Selain pihak kerajaan, reaksi dari pelbagai gerakan Islam lain seperti PAS dan JIM juga akan diulas. Turut dibincangkan dalam bab ini ialah reaksi masyarakat bukan Islam terhadap usaha ABIM dalam proses kebangkitan Islam di Malaysia. Manakala bab ke lapan ialah akan membincangkan secara keseluruhan kesimpulan daripada tesis ini. Dalam bab kesimpulan ini akan dirumuskan berkaitan penemuan signifikan dalam keseluruhan kajian ini.

Kesimpulan

Kebangkitan semula Islam di Malaysia yang merubah hampir keseluruhan cara hidup dan cara pandang keislaman masyarakat Melayu terutamanya dalam kelas menengah disumbangkan oleh ABIM. Penubuhannya pada 1971 telah memberi pengaruh besar terhadap perkembangan Islam di Malaysia. Kegiatan yang dilakukan oleh ABIM telah menyebabkan masyarakat Melayu Islam di Malaysia berubah menjadi masyarakat yang cenderung kepada pengamalan Islam sehingga sekarang. Pada bab ini diperihalkan bagaimana pentingnya kajian ini dilakukan penelitian dan menunjukkan kewajaran tajuk ini dikaji. Secara keseluruhannya membuktikan bahawa objektif dan kajian yang dibuat dalam penelitian ini akan memberi sumbangan besar dalam menjelaskan fenomena kebangkitan semula Islam di Malaysia.

memperkenalkan pendidikan sekular kepada anak-anak Melayu dan pendatang, sehingga anak Melayu semakin melupakan cara kehidupan yang bersifat Islam. Pada tahun 1957, apabila negara Malaysia bebas daripada penjajahan British, bermulanya pemerintahan sendiri dan Islam dijadikan sebagai agama rasmi persekutuan. Dalam era pertama pemerintahan ini, pengaruh sekularisme dan fahaman Barat masih menebal dalam pentadbiran kerajaan.

Pengislaman Masyarakat Melayu

Proses yang membawa kepada pengislaman orang Melayu telah menimbulkan minat serta pengkaji dan orientalis Barat. Proses yang berlaku ini agak berbeza jika dibandingkan dengan proses yang sama yang berlaku di tempat-tempat lain di dunia. Mohammad Redzuan Othman menjelaskan bahawa proses pengislaman yang berlaku di antara abad ke-13 hingga abad ke-16 terbukti telah meninggalkan kesan yang mendalam kepada kehidupan mereka dan merupakan pemisah penting dalam perkembangan sejarah umat Melayu di rantau ini.¹ Transformasi penting dalam pemikiran dan amalan masyarakat Melayu yang merangkumi keseluruhan aspek kehidupan mereka telah berlaku akibat proses pengislaman ini.

Sarjana Barat yang mempelopori sebahagian besar kajian tentang proses yang membawa kepada pengislaman orang Melayu menulis mengikut tafsiran sendiri dengan interpretasinya yang berlatarbelakangkan budaya sering berkonflik dengan perspektif tempatan.² Isu pertama yang mencetuskan polemik berkisar kepada persoalan berkaitan

¹ Mohammad Redzuan Othman, *Islam dalam Masyarakat Melayu*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2005, hlm 17-25. Untuk perbincangan tentang kepentingan Islam dalam membentuk sejarah orang Melayu dan penolakan pandangan orientalis Barat yang menafikan kepentingannya, lihat Syed Hussein al-Atas, "Reconstruction of Malaysian History", *Revue du sud-est Asiatique*, Vol. III, 1962, hlm. 219-245.

² Syed Farid Alatas, "Notes on Various Theories Regarding the Islamization of the Malay Archipelago", *The Muslim World*, Vol. LXXV, Nos. 3-4, July-October 1985, hlm. 162-175. Ismail Hamid, "A Survey of

dengan mereka yang berperanan penting dalam memperkenalkan agama tersebut kepada orang Melayu. Sebahagian besar orientalis dan sarjana Barat yang mengkaji dan menulis tentang proses yang membawa kepada pengislaman orang Melayu membuat kesimpulan bahawa Islam yang dibawa ke rantau ini datangnya dari Benua Kecil India, bukan dari Semenanjung Tanah Arab atau tempat-tempat lain. Kesimpulan yang dibuat oleh para orientalis ini dipertikaikan daripada segi keserjanaan dan motifnya kerana seolah-olah wujud satu kesepakatan bahawa Islam yang diterima oleh orang Melayu bukan Islam yang dibawa dari sumbernya yang asal, tetapi sebaliknya daripada sumber kedua yang tidak asli dan diragui kesahihannya.³

Walaupun begitu terdapat juga orientalis yang menganggap terdapatnya “faktor Arab” dalam proses ini.⁴ Manakala T. W. Arnold yang mengkaji tentang proses pengislaman yang berlaku ke atas beberapa buah rantau, termasuklah Alam Melayu, walaupun menyimpulkan bahawa Islam yang diperkenalkan ke rantau ini dibawa melalui India Selatan, namun beliau tidak menafikan peranan penting yang dimainkan oleh orang Arab.⁵

Penulis tempatan berpendapat bahawa terdapat bukti kukuh menunjukkan bahawa Islam yang dibawa ke rantau ini datang terus dari Semenanjung Tanah Arab, bukan dari Benua Kecil India. Sarjana tempatan merujuk sumber yang digunakan oleh pengkaji Barat tentang proses yang membawa kepada pengislaman orang Melayu, mereka juga turut menjadikan sumber tempatan sebagai rujukan yang bermakna.⁶ Dalam karya-karya sastera

Theories on the Introduction of Islam in the Malay Archipelago", *Islamic Studies*, Vol. XX1, No. 3, 1982, hlm. 89.

³ Mohammad Redzuan Othman, *Islam dalam Masyarakat Melayu*, hlm. 12-16.

⁴ Ismail Hamid, "A Survey of Theories", hlm. 93.

⁵ T.W. Arnold, *The Preaching of Islam, A History of the Propagation of the Muslim Faith*, (Lahore: Sh. Muhammad Ashraf, 1979, hlm. 368-369.

⁶ Kajian tentang proses ini tidak akan menjadi lengkap jika sumber sejarah tempatan tidak dianggap berguna, sama pentingnya seperti sumber-sumber yang lain. Kegagalan merujuk dan mengiktiraf kepentingan

Melayu tradisional seperti *Hikayat Raja-raja Pasai* dan *Sejarah Melayu* terdapat huraian jelas yang menunjukkan peranan yang dimainkan oleh orang Arab dalam proses yang mengislamkan orang Melayu.⁷

Isu kedua yang menjadi polemik berkaitan dengan proses yang membawa kepada pengislaman orang Melayu ialah bilakah Islam mula-mula diperkenalkan di rantau ini.⁸ Hamka yang merupakan sejarawan terkemuka Indonesia yang pernah membuat kajian tentang penyebaran Islam di Alam Melayu merujuk kepada sumber Cina cenderung berpendapat bahawa agama tersebut telah diperkenalkan kepada penduduk di Alam Melayu sejak awal abad Hijrah (abad ketujuh Masihi).⁹ Pandangan Hamka ini juga turut bersandar kepada tulisan yang dibuat oleh T. W. Arnold yang menyebut tentang peranan yang dimainkan oleh pedagang Arab dalam kegiatan perdagangan di rantau ini dan dunia sebelah timur sejak sebelum abad Masihi lagi.¹⁰

Isu ketiga yang mencetuskan polemik dalam perbincangan tentang proses yang membawa kepada pengislaman orang Melayu ialah bagaimana proses ini berlaku dan apakah faktor yang menyebabkan proses tersebut berlaku dengan begitu berkesan. Sarjana dan orientalis Barat sepakat berpendapat bahawa faktor perdagangan merupakan faktor terpenting yang membawa kepada berlakunya proses tersebut. Pandangan ini berdasarkan penelitian sejarawan Portugis, iaitu Tome Pires yang menulis pada sekitar tahun 1515 Masihi.¹¹ Walaupun tidak dapat dinafikan bahawa Islam disebarkan ke Alam Melayu

sumber-sumber tempatan sebagai bahan rujukan yang berwibawa merupakan kelemahan utama tulisan yang dibuat oleh sarjana dan orientalis Barat sehingga menyebabkan tulisan mereka menyimpang jauh daripada realiti sebenar jika dilihat daripada perspektif tempatan. Mohammad Redzuan Othman, *Islam dalam Masyarakat Melayu*, hlm. 12-16.

⁷ Ibid.

⁸ Shamsudin Arif, "Islam di Nusantara: Histriografi dan Metodologi" dalam *Majalah Islamia*, Juni 2013, Jakarta, hlm. 1-7.

⁹ Hamka, *Sejarah Umat Islam*, hlm. 670.

¹⁰ Mohammad Redzuan Othman, *Islam dalam Masyarakat Melayu*, hlm. 12-16.

¹¹ Ismail Hamid, "A Survey of Theories", hlm. 97; Lihat juga Raymond Leroy Archer, "Muhammadian Mysticism in Sumatra", *The Moslem World*, Vol. XXVIII, No. 3, July 1938, hlm. 231.

melalui kegiatan perdagangan, namun persoalan yang timbul adakah dengan faktor ini orang Melayu berjaya diislamkan secara besar-besaran pada abad ke-13 dan abad ke-14.¹²

Bagi membolehkan proses ini berlaku dengan pesat dan berkesan sudah tentu terdapat faktor yang lebih penting yang memainkan peranan sehingga membawa kepada kejayaan dan keberkesanannya. Menurut Mohamad Redzuan Othman, sumber tempatan jelas menunjukkan bahawa proses yang membawa penyebaran Islam ke Alam Melayu berlaku apabila pendakwah yang datang terus dari Semenanjung Tanah Arab menukarkan agama ketua-ketua orang Melayu tempatan kepada agama Islam dan langkah tersebut seterusnya diikuti oleh rakyat jelata. Sumber tempatan ini juga menunjukkan bahawa orang Arab yang datang menjalankan kegiatan dakwah ini bukanlah pedagang, tetapi pendakwah yang datang secara khusus bagi menyebarkan agama Islam.¹³

Di samping faktor peranan yang dimainkan oleh para pedagang dan pendakwah, perkembangan pesat penyebaran agama Islam kepada orang Melayu juga disumbangkan oleh beberapa faktor lain. Seorang sarjana, iaitu S. Q. Fatimi dalam bukunya *Islam Comes to Malaysia* turut mengemukakan pandangan bahawa penyebaran pesat agama Islam dalam kalangan orang Melayu juga disumbangkan oleh sikap keterbukaan yang ditunjukkan oleh pendakwah yang menjalankan kegiatan menyebarkan agama tersebut.¹⁴

S.Q Fatimi menyimpulkan bahawa penyebaran agama Islam dan penerimaannya di Alam Melayu berlaku secara sukarela bukan kerana paksaan atau melalui ekspedisi ketenteraan yang dihantar ke rantau ini secara khusus oleh mana-mana pemimpin Islam

¹² Syed Farid Alatas, "Notes on Various Theories", hlm. 165.

¹³ Mohammad Redzuan Othman, *Islam dan Masyarakat Melayu di Malaysia: Sejarah dan Perkembangan*. Melaka: IKSEP. Proses penerbitan. hlm. 5-10.

¹⁴ S.Q. Fatimi, *Islam Comes to Malaysia*, hlm. 83; Lihat juga S. M. Imamuddin, "Islam in Malaysia. Impact of Bengal, the Deccan, Gujerat dan Persia in the Early Middle Ages", *Journal of Pakistan Historical Society*, Vol. XXIX, Part IV, October 1981, hlm. 278.

dari Timur Tengah atau Benua Kecil India.¹⁵ Transformasi budaya dan perubahan kepada ideologi Islam telah menjadi landasan kepada pembentukan peradaban Melayu dengan pembentukan kerajaan Islam Samudra-Pasai. Penggunaan Bahasa Melayu kemudiannya digunakan secara meluas di Aceh bagi menyebarkan ajaran Islam membolehkan bahasa ini mengalami perkembangan yang pesat dan disebarkan ke seluruh Alam Melayu serta memperkayakan perbendaharaan katanya melalui proses peminjaman perkataan daripada bahasa Arab, Parsi dan Turki.¹⁶

Huruf-huruf Arab yang dimelayukan yang dikenali tulisan Jawi telah berkembang pesat sehingga membolehkan Bahasa Melayu menjadi bahasa yang dinamik dan berjaya menggantikan bahasa tempatan yang lain sebagai *lingua franca* yang berpengaruh di seluruh Alam Melayu. Penggunaannya yang meluas juga membawa kepada berkembangnya ilmu-ilmu lain dalam bidang sastera dan bahasa. Ilmu-ilmu yang berkaitan dengan Ilmu Kalam, Fikah, Sufi, Tafsir, falsafah dan lain-lain juga berkembang dengan pesat melalui peranan yang dimainkan oleh para ulama yang menjadikan tulisan Jawi sebagai perantaraan bagi menyampaikan ilmu pengetahuan.¹⁷

Selepas beberapa abad tulisan Jawi digunakan sebagai perantaraan bagi menyebarkan pengetahuan agama, tulisan ini akhir bertapak kukuh di seluruh Alam Melayu.¹⁸ Berikutan kedatangan penjajah Inggeris, penggunaan tulisan rumi telah diperkenalkan. Apabila penjajah meluaskan pengaruh pentadbirannya ke negeri-negeri Melayu, penggunaan tulisan rumi semakin digalakkan. Namun begitu, penggunaan

¹⁵Muhammad Saleem Ahmad, "Islam in Southeast Asia: A Study of the Emergence and Growth in Malaysia and Indonesia", *Islamic Studies*, Vol. XIX, No. 2, 1980, hlm. 134-135.

¹⁶ Untuk tulisan yang berkaitan dengan peminjaman perkataan dalam bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu, lihat umpamanya Amran Kasimin, *Perbendaharaan Kata Arab dalam Bahasa Melayu*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1987; Muhammad Abdul Jabbar Beg, *Arabic Loan-Words in Malay - A Comparative Study*, Kuala Lumpur: The University of Malaya Press, 1983.

¹⁷ Mohammad Redzuan Othman, *Islam dan Masyarakat Melayu di Malaysia*, hlm. 15-20.

¹⁸ Untuk perbincangan tentang perkembangan tulisan Jawi, lihat, W. G Shellabear, "The Evolution of Malay Spelling", *JSBRAS*, July 1901, hlm. 75-135.

tulisan Jawi lebih diminati oleh orang Melayu kerana mereka menganggap tulisan tersebut adalah tulisan ibunda mereka. Ternyata bahawa penyebaran agama Islam telah membawa perubahan yang besar kepada perjalanan hidup dan pemikiran orang Melayu yang seterusnya mencorakkan perjalanan sejarah mereka.¹⁹

Ulama, Gerakan Islah dan Kesedaran Islam

Ulama berperanan mengembangkan Islam di negara ini ataupun sekurang-kurangnya pendakwah yang mempunyai pengetahuan asas tentang Islam.²⁰ Corak kehidupan beragama masyarakat bertambah baik terutamanya pada awal abad ke-19 kerana usaha dan peranan yang dimainkan oleh para ulama. Kesedaran Islam yang timbul dalam kalangan masyarakat Islam yang mahukan pengajaran Islam di tempat mereka telah menyebabkan munculnya ulama yang membuka pondok-pondok di Tanah Melayu ketika itu.²¹ Pada waktu yang sama jikalau tidak terdapat ulama dan guru tempatan, anak-anak watan dihantar belajar di tempat-tempat lain, seperti Makkah, Mesir, India dan lain-lain.²²

Ulama pondok berperanan membangunkan corak hidup beragama dan akhlak masyarakat Islam, malah turut menjana aktiviti ekonomi masyarakat. Mereka inilah yang bertanggungjawab membentuk pemikiran agama masyarakat setempat. Syarifah Zaleha menyifatkan mereka sebagai berikut:

¹⁹ Mohammad Redzuan Othman, *Islam dan Masyarakat Melayu di Malaysia*, hlm. 20-25.

²⁰ Mohamad Abu Bakar, "Sejarah dan Kebangkitan Ulama Terengganu" dalam *Ulama Terengganu: Suatu Sorotan*. Suntingan dan Pengenalan Mohamad Abu Bakar. Kuala Lumpur: Utusan Publications, 1991, hlm.3-8.

²¹ Barbara Watson, Andaya dan Leonard Y.Andaya, *A History of Malaysia*. London: MacMillan Asian Histories Series, 1982, hlm. 233.

²² Ismail Yusof, *Pemikiran dan Perjuangan Nik Aziz Nik Mat dalam Bidang Politik dan Dakwah*. Sintok:UUM, hlm. 12-25.

*“ the teacher-scholars served as cultural embodiments of an activist approach to life that Islam encouraged because of their efforts at accumulating and mobilizing economic resources in order to respond to God’s command to go on the haj and set up learning institutions ”*²³

Ulama telah mengerakkan institusi pengajian pondok, masjid dan surau secara berkesan sehingga berlaku interaksi antara tokoh-tokoh agama dengan masyarakat sekeliling.²⁴ Mereka dapat menyusun kehidupan bermasyarakat berteraskan Islam dan menjadikan kawasan tempat mereka mengajar bertukar menjadi daerah budaya Islam, yang berpaksikan masjid atau madrasah dan pusat pengajiannya bertukar menjadi perkampungan Islam atau perkampungan pondok.²⁵

Menurut Mohamad Abu Bakar, perhubungan dengan istana merupakan antara tiga faktor besar membantu kemunculan ulama dalam masyarakat tradisi.²⁶ Raja-raja Melayu turut juga berperanan menyokong kedudukan ulama sehingga mereka dapat berkembang dengan berkesan. Dalam masyarakat tradisi yang diselubungi nilai-nilai Melayu Islam, hubungan simbiosis antara ulama dan umara ini jelas menguntungkan kedua-dua belah pihak. Daripada segi kerajaan ia mengesahkan lagi kedudukannya di kaca mata rakyat.²⁷ Memandangkan ulama menerima raja Melayu, maka raja-raja Melayu pula menaungi mereka. Hasilnya, ulama akan mendapat jawatan keagamaan dalam kerajaan.²⁸

Penubuhan institusi-institusi pengajian dan pentadbiran seperti pondok, madrasah dan masjid juga lebih mudah mendapat kerjasama daripada pemimpin

²³ Syarifah Zaleha Syed Hassan, *From Saints to Bureaucrats: A Study of the Development of Islam in the State of Kedah, Malaysia*. Tesis Ph.D, Universiti Cornell, 1985, hlm.97.

²⁴ Hiroko, Hirokoshi, *Kyai dan Perubahan Sosial*, hlm.116

²⁵ Mohamad Abu Bakar, *Sejarah dan Kebangkitan Ulama Terengganu*, hlm.11

²⁶ Ibid., hlm.3-11.

²⁷ Afifuddin bin Haji Omar, *Peasants, Institutions and Development in Malaysia: The Political Economy in the Muda Region*. Tesis Ph.D, Universiti Cornell, 1978, hlm., 50

²⁸ Ibrahim Abu Bakar, *Islamic Modernism in Malaya: the Life and Thought of Sayid Syekh al-Hadi 1867-1934*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press, 1994, hlm.13

istana.²⁹ Selain itu, raja-raja dan pembesar juga memberikan perhatian kepada fatwa yang dikeluarkan oleh ulama ini yang melibatkan persoalan keagamaan dan budaya.³⁰ Umumnya pada abad ke-19 sehingga pertengahan abad ke-20, ulama menjadi satu kumpulan yang tinggi status sosialnya dalam masyarakat, kedudukan mereka sebagai intelektual Islam disanjung tinggi oleh masyarakat dan dianggap sebagai golongan elit agama yang berpengaruh.³¹

Dua faktor lain ialah pertama, latar sosial sesuatu masyarakat itu sendiri sama ada berkecenderungan kepada Islam mahupun sebaliknya. Maksudnya realiti sosial tersebut yang membuka ruang untuk ulama berpeluang melibatkan diri membentuk masyarakat mengikut landasan keagamaan. Kedua, ulama jarang menghadapi saingan daripada golongan-golongan lain sebagai pemimpin sosial seperti penghulu dan sebagainya. Ini memudahkan mereka untuk memandu dan mencorakkan masyarakat.³²

Amalan sintesis Islam dan semangat kebangsaan Melayu di samping mahu mengekalkan cara hidup tradisional yang diamalkan oleh mereka telah didefinisikan oleh seorang sarjana Barat iaitu Von Mehden sebagai ulama tradisional.³³ Pada waktu yang sama mereka juga dikatakan mudah bersikap curiga terhadap pengaruh baru dan asing yang menyentuh mengenai Islam.³⁴ Dakwaan ini ada benarnya, kerana ulama

²⁹ Rahmat Saripan, "Konsep, Peranan dan Institusi Penasihat di Terengganu, Kedah dan Johor pada akhir abad ke-19 daripada Perspektif Islam" dalam *Masyarakat Melayu abad ke-19*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991, hlm.219.

³⁰ Ishak Mohd. Rejab, "Peranan Ulama dalam Masyarakat di Kedah dengan diberi penekanan kepada Tuan Husain bin Muhammad Nasir al-Mas'udi dan Haji Wan Sulaiman Wan Sidek", dalam *Negeri Kedah Darulaman*. Diselenggara oleh Mohd. Nor Salleh. Alor Setar: Majlis Kebudayaan Negeri Kedah, 1983, hlm.130

³¹ Mohamad Jamil, Hanifi, *Islam and The Transformation of Culture*. London: Asia Publishing House, 1974, hlm.57

³² Mohammad Abu Bakar, *Sejarah dan Kebangkitan Ulama Terengganu*. hlm 13.

³³ Anthony Johns, "Sufism as a Category in Indonesia Literature and History," *Journal of Southeast Asia History* 2 (1961), hlm.10-23.

³⁴ Fred, Von der Mehden, "Malaysia: A Political Survey" dalam *Malaysia: Past, Present and Society*. Kuala Lumpur: ISIS, 1987, hlm.185

Melayu memainkan peranan utama dalam aspek politik negara apabila mereka mencetuskan sentimen anti-penjajah sama terhadap Siam mahupun Inggeris.³⁵

Pada awal abad ke-20, kesedaran politik penentangan terhadap Inggeris di Tanah Melayu semakin kuat. Kemunculan beberapa tokoh agama yang dikenali sebagai ulama reformis menyebabkan kesedaran ini semakin kuat dalam masyarakat Melayu. Pada waktu itu, sebahagian ulama reformis menjadikan majalah sebagai wahana untuk membangkitkan kesedaran nasionalisme Melayu. Antara majalah terpenting ialah *al Imam* yang dipelopori oleh Syeikh Tahir Jalaluddin, Syed Syeikh bin Ahmad al-Hadi dan Haji Abbas Mohd. Taha. Milner menegaskan hal ini sebagai “*al-imam own’s ulema editors*”.³⁶ Oleh itu jelas menunjukkan bahawa golongan ulama adalah merupakan pelopor utama membentuk kesedaran politik di Tanah Melayu pada ketika itu.³⁷

Mohammad Redzuan Othman menjelaskan bahawa tahun 1906 dianggap sebagai pemisah yang penting dalam perkembangan Islam di Tanah Melayu apabila majalah diterbitkan sebagai menandakan bermulanya gerakan Islah. Gerakan Islah tidak merubah struktur politik orang Melayu atau memberi kesan buruk kepada penjajah British, kerana gerakan ini lebih bersifat dalaman dalam proses memurnikan semula amalan agama umat Islam supaya kembali kepada ajaran al-Quran dan Sunnah.³⁸ Bagi pendukung reformis, kelemahan yang dialami oleh umat Islam diyakini disebabkan Islam yang diamalkan oleh masyarakat Melayu bercampur-aduk dengan amalan bidaah dan khurafat sehingga menjadi penyumbang kepada kemunduran mereka. Perjuangan

³⁵ Barbara Watson, Andaya dan Leonard Y. Andaya, *A History of Malaysia*. London: MacMillan, 1982, hlm.233.

³⁶ Anthony, Milner, *The Invention of Politics in Colonial Malaya*. Cambridge: Cambridge University Press, 1994, hlm.172

³⁷ Mohammad Redzuan Othman, *The Middle Eastern Influence on the Development of Religious and Political Thought in Malay Society, 1880-1940*. Tesis PhD, Universiti Edinburgh, 1994, hlm.1

³⁸ Mohammad Redzuan Othman, *Merentasi Sempadan Yang Melewati Zaman: Timur Tengah, Islam dan Masyarakat Melayu*, Syarahan Perdana, 25 Februari 2015 di Universiti Malaya. hlm.31.

pendukung Gerakan Islah yang juga dikenali kumpulan modenis atau kaum yang dikenali sebagai Kaum Muda. Bagi menyampaikan risalah pemikiran mereka Kaum Muda menggunakan akhbar dan madrasah sebagai wahana dan berpangkalan di negeri-negeri Selat bagi membolehkan kegiatan mereka berjalan lancar tanpa banyak gangguan daripada pentadbir agama yang dilindungi sultan.³⁹

Gerakan pembaharuan pemikiran Islam atau dikenali juga *Islah* yang berkembang dalam kalangan golongan terpelajar di pusat-pusat pengajian tinggi di Asia Barat itu telah mempengaruhi pelajar-pelajar Melayu dan Indonesia yang menuntut di sana. Tokoh-tokoh agama Melayu yang terpengaruh dengan arus gerakan modenisasi dari Asia Barat itu dan muncul sebagai tokoh gerakan Islah di Tanah Melayu di antara yang terkenal ialah Syeikh Tahir Jalaluddin, Haji Abbas bin Mohd. Taha dan Syed Syeikh al-Hadi.⁴⁰ Secara umumnya, para cendekiawan dan sejarawan yang mengkaji sejarah tanah air sepakat mengatakan bahawa semangat nasionalisme dalam kalangan orang-orang Melayu khususnya di Tanah Melayu, tercetus ekoran daripada gerakan Islah yang dibawa oleh golongan intelek Melayu yang berlatarbelakangkan pendidikan agama.⁴¹

Golongan ini menekankan tentang kepentingan kemajuan orang-orang Melayu dengan membuktikan bahawa agama Islam tidak bertentangan dengan ilmu sains dan teknologi Barat. Mereka telah mengusahakan berbagai-bagai penerbitan yang berbentuk majalah dan buku-buku bagi memberi kesedaran kepada masyarakat Melayu dari segala kelemahan dan kemunduran. Misalnya Syeikh Tahir Jalaluddin dan rakan-rakannya

³⁹ Ibid., hlm.31-32.

⁴⁰ Mohd. Sarim Haji Mustajab, "*Gerakan Islah Islamiah di Malaysia*", Kertas kerja Seminar Kebangsaan: Melaka Dalam Arus Gerakan Kebangsaan di Malaysia, di Melaka pada 16 – 18 Disember 1994, hlm. 2. Sila lihat juga William Roff, *The Origins of Malay Nationalism*, Yale University Press, New Havem and London, 1976, hlm. 59.

⁴¹ Mohd. Sarim Haji Mustajab, "*Gerakan Islah Islamiah di Malaysia*", Kertas kerja Seminar Kebangsaan: Melaka dalam Arus Gerakan Kebangsaan di Malaysia, hlm. 1.

melalui majalah *al-Imam* ini telah memaparkan kemunduran masyarakat Melayu atau Islam khususnya di dalam bidang ekonomi dan pendidikan adalah disebabkan mereka itu tidak mengamalkan ajaran Islam yang sebenarnya.⁴²

Contohnya majalah *al-Imam* telah mengajak umat Islam di Tanah Melayu supaya meninggalkan adat resam, bidaah dan khurafat yang diwarisi daripada agama Hindu dan animisme yang bertentangan dengan ajaran Islam.⁴³ Setelah penerbitan *al-Imam* dihentikan, Haji Abbas Mohd. Taha telah menerbitkan majalah *Neraca* pada tahun 1910 dan majalah *Tunas Melayu* pada tahun 1913 di Singapura.⁴⁴ Kemunculan *Neraca* dan *Tunas Melayu* itu telah mendapat sambutan daripada masyarakat Melayu Singapura dan Tanah Melayu. Melalui kedua-dua penerbitan ini, beliau telah berjaya menyebarkan cita-cita Islahnya. Beliau menegaskan bahawa kemunduran masyarakat Melayu ketika itu adalah disebabkan oleh teknik pengajaran agama Islam tradisional yang dibawa oleh ulama-ulama pada masa itu gagal memajukan mereka. Beliau seterusnya menyeru agar pembaharuan dan pengubahsuaian dilakukan ke atas sistem pendidikan agama Islam demi memajukan masyarakat Melayu.⁴⁵

Selain dikenali sebagai ulama Syed Syaikh al Hadi juga dikenali sebagai penulis yang aktif yang banyak menulis makalah, cerpen, novel dan buku sejarah. Bukunya yang pertama berjudul *Al-Tarikh al-Islami* pada tahun 1922. Beliau juga telah menghasilkan novel yang disadur dari novel Mesir yang diberi tajuk *Hikayat Setia Ashek Kepada Maashoknya* atau lebih dikenali dengan nama *Hikayat Faridah*

⁴² Mohd. Sarim Haji Mustajab, “Gerakan Islah Islam dan Evolusi Pemikiran dalam Masyarakat Melayu Hingga 1957”, Kertas kerja Konvensyen Sejarah Malaysia, di Melaka, pada 16-18 Ogos 1994, hlm. 11. Sila lihat juga William Roff, *Origins of Malay Nationalism*, *op.cit.*, hlm. 59-60.

⁴³ Ismail Haji Ibrahim, Ismail Abd. Rahman dan Mat Asin Dollah, “Syeikh Tahir Jalaluddin”, dalam Ismail Mat (pnyt.) *Ulama Silam dalam Kenangan*, Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1993, hlm. 27.

⁴⁴ Mohd. Sarim Haji Mustajab, “Satu Nota Tentang Haji Abbas Mohd. Taha”, dalam *Malaysia in History*, Vol. XXI, No. 1, Jun 1978, hlm.1.

⁴⁵ *Ibid.*, hlm. 3.

Hanum.⁴⁶ *Hikayat Faridah Hanum*, menekankan konsep kebebasan kaum wanita dalam masyarakat Melayu melalui watak utamanya *Faridah Hanum*. Kelahiran novel ini telah menjadikan beliau tokoh Islah yang paling kontroversial kerana novel ini membincangkan tentang kebebasan wanita dalam masyarakat Melayu melalui watak utamanya, Faridah Hanum ini telah dituduh oleh golongan ulama tradisional pada masa itu sebagai menggalakkan percintaan bebas di kalangan remaja.⁴⁷ Hasil daripada keuntungan dari penjualan buku ini digunakan untuk membiayai percetakan *The Jelutong Press*⁴⁸ dan mendorongnya menerbitkan akhbar *Saudara*. Melalui akhbar ini, beliau dan rakan-rakannya telah menyatukan fahaman Islah mereka dalam konteks gerakan Islah Islamiah di Tanah Melayu.⁴⁹

Menjelang tahun 1920-an berlaku pertambahan bilangan orang Melayu yang berpendidikan tinggi. Pada tahun 1905, Kolej Melayu Kuala Kangsar (MCKK) yang beraliran Inggeris telah ditubuhkan dan telah memperbanyakkan golongan Melayu yang berpendidikan. Maktab ini merupakan maktab Melayu elit yang pertama ditubuhkan atas cadangan Sultan Idris Shah, Sultan Perak sejak tahun 1887 lagi yang pada mulanya bertujuan untuk memberi pendidikan Inggeris kepada anak-anak raja.⁵⁰ Manakala penubuhan Sultan Idris Training College (SITC) pada tahun 1922 juga turut memberi kesan terhadap pendidikan orang Melayu.⁵¹ Maktab ini yang ditubuhkan pada 23 November 1922 bertujuan untuk melatih guru-guru lelaki yang bakal mengajar di

⁴⁶ Sarji Kasim, "Emansipasi Wanita Islam dalam Faridah Hanum : Penilaian Semula" dalam Sohaimi Abdul Aziz (Editor), *Syed Syeikh al-Hadi : Cendekia dan Sasterawan Ulung*, Penerbit Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, 2003, hlm. 109-114.

⁴⁷ Mohd. Sarim Haji Mustajab, "Gerakan Islah Islamiah di Malaysia", Kertas kerja Seminar Kebangsaan: Melaka dalam Arus Gerakan Kebangsaan di Malaysia, hlm. 22.

⁴⁸ Talib Samat, "Syed Syeikh al-Hadi : Kehidupan dan Pandangan Hidupnya yang Terpancar dalam Karya Sastera", dalam Sohaimi Abdul Aziz (editor), *Syed Syeikh al-Hadi : Cendekia dan Sasterawan Ulung*, Penerbitan Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, 2003, hlm. 81-85.

⁴⁹ William Roff, "*Kaum Muda Kaum Tua: Innovation and Reaction Among the Malays, 1900 – 41*", K.G. Tregonning (ed.), *Papers on Malayan History, University of Singapore, Singapore, 1992*.

⁵⁰ William R. Roff, *Nasionalisme Melayu* (penterjemah : Ahmad Bustaman), Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2003, hlm. 113-11.

⁵¹ Ibid., hlm. 155-159.

sekolah-sekolah Melayu.⁵² Melalui pelajar-pelajar lepasan institusi berkenaan yang berasal daripada keluarga Melayu biasa terutamanya pelajar di SITC yang kemudian dihantar balik ke dalam sekolah Melayu di kampung-kampung, telah melahirkan sekumpulan pemimpin Melayu dan Islam yang jauh bezanya dengan pemimpin-pemimpin yang muncul daripada golongan bangsawan.⁵³

Parti politik juga mula ditubuhkan, antara yang terawal ialah Kesatuan Melayu Muda (KMM) yang ditubuhkan pada 1938. KMM ini dipelopori oleh golongan cendekiawan Melayu lepasan pusat-pusat pengajian Melayu.⁵⁴ Penubuhan parti ini bertujuan untuk mendapatkan kuasa politik orang-orang Melayu di tanah air mereka.⁵⁵ Gerakan nasionalisme di Tanah Melayu yang tercetus daripada gerakan Islah Islamiah itu telah sampai ke tahap yang penting selepas Perang Dunia Kedua (1945 – 1957). Setelah memulihkan pemerintahannya di Tanah Melayu, kerajaan British telah mengumumkan rancangannya untuk menubuhkan Malayan Union.⁵⁶ Walau bagaimanapun orang-orang Melayu membantah gagasan Malayan Union kerana menganggap sebagai ancaman kepada hak-hak orang-orang Melayu dan hanya akan memberi faedah kepada penjajah Inggeris. Penubuhan UMNO di Johor Bahru pada 11 Mei 1946 telah menyemarakkan lagi kesedaran dan mereka melancarkan kempen secara besar-besaran membantah Malayan Union.⁵⁷ Ini memaksa kerajaan British untuk

⁵² Ibid.

⁵³ Jagjit Singh Sidhu, “Nasionalisme Melayu Sebelum Perang”, dalam R. Suntharalingam dan Abdul Rahman Haji Ismail (pnyt), *Nasionalisme : Satu Tinjauan Sejarah*, Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., Petaling Jaya, 1985, hlm. 74.

⁵⁴ Safie Ibrahim, “Islamic Elements in Malay Politics in Pre-Independent Malaya: 1937 – 1948”, *Islamic Culture*, No. 111, No. 3, Julai 1978, hlm. 186.

⁵⁵ Ibid.

⁵⁶ Cheah Boon Kheng, “Asal Usul dan Asas Nasionalisme Malaya”, dalam R. Suntharalingam dan Abdul Rahman Haji Ismail (pnyt), *Nasionalisme : Satu Tinjauan Sejarah*, hlm. 94.

⁵⁷ B.H. Shafruddin, *The Federal Factor in the Government and Politics of Peninsular Malaysia*, Oxford University Press, Singapore, 1987, hlm. 276.

membubarkan Malayan Union, dan diganti dengan Persekutuan Tanah Melayu pada 1 Februari 1948.⁵⁸

Golongan yang berpendidikan agama Islam dan Melayu ini aktif mengerakkan gerakan nasionalisme. Pada 14 Mac 1948, Hizb ul-Muslimin yang dianggap sebagai parti Islam telah ditubuhkan dalam satu Kongres Islam (MATA) yang diadakan di Ma'had al-Ihya al-Syariff di Gunung Semanggol, Perak.⁵⁹ UMNO juga telah menganjurkan satu Persidangan Alim Ulama di Muar pada 21 Februari 1950 bagi mengimbangi pengaruh Hizbul Muslimin. Hasil daripada persidangan tersebut sebuah pertubuhan Islam yang dinamakan Persatuan Ulama Se Malaya telah ditubuhkan.⁶⁰ Kemudian pada 23 Ogos 1951, persatuan ini telah mengadakan persidangannya yang pertama di Kepala Batas, Pulau Pinang dengan nama barunya Parti Islam Se Malaya (PAS).⁶¹ Di samping itu, UMNO terus berjuang untuk menuntut kemerdekaan Tanah Melayu daripada pemerintahan British. Perjuangan UMNO melalui Parti Perikatan di bawah pimpinan Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj sehingga memaksa kerajaan British bersetuju memberi kemerdekaan Tanah Melayu pada 31 Ogos 1957.⁶²

Selain peristiwa Malayan Union, pendudukan Jepun pada 1941-1945 dan perkembangan yang berlaku selepas Jepun menyerah kalah turut memberi kesan kepada Islam dan masyarakat Melayu.⁶³ Pemerintahan Bintang Tiga selama empat belas hari dan pergaduhan kaum yang tercetus di banyak lokasi di Semenanjung Malaysia memberikan kesedaran kepada orang Melayu bahawa mereka tidak boleh bergantung

⁵⁸ Ibid., hlm. 95.

⁵⁹ Nabir Haji Abdullah, *Maahad II Ihya Assyariff Gunung Semanggol (1934-1959)*, Jabatan Sejarah Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, 1976, hlm. 171-172.

⁶⁰ Ismail Yusuf, *Pemikiran dan Perjuangan Nik Aziz Nik Mat*, hlm. 23-28.

⁶¹ Ramlah Adam, *Burhanuddin Al-Helmi: Suatu Kemelut Politik*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1996, hlm. 251-252.

⁶² Ismail Yusuf, *Pemikiran dan Perjuangan Nik Aziz Nik Mat*, hlm. 30-45.

⁶³ Mohammad Redzuan Othman, *Merentasi Sempadan Yang Melewati Zaman*, hlm. 31.

nasib kepada British atau pihak-pihak yang lain melindungi nasib mereka. Peristiwa pembunuhan orang Melayu dan pergaduhan kaum yang berlaku di Batu Pahat, Parit, Sungai Manik, Batu Malim, Padang Lebar dan lain-lain menyedarkan orang Melayu bahawa hanya Islam dan pemimpin agama yang boleh disandarkan harapan.⁶⁴ Peristiwa yang berlaku selepas Perang Dunia Kedua ini menyebabkan orang Melayu mengetepikan perselisihan sesama mereka dan bersama-sama mempelajari pelbagai ilmu mempertahankan diri, terutamanya ilmu kebal.⁶⁵ Kesedaran Islam yang timbul akibat peristiwa yang berlaku hanya bersifat sementara dan tidak melonjakkan kesedaran baru dalam masyarakat Melayu yang merubah.

Selepas merdeka, momentum Gerakan Islah masih belum mengalami lonjakan yang mampu merubah masyarakat dan memberi makna pelaksanaan Islam dalam negara yang baru merdeka kerana Islam sekadar dipraktikkan bagi meneruskan kesinambungan sebelumnya.⁶⁶ Pada waktu ini masyarakat Melayu secara umumnya masih belum mempunyai pendirian yang tegas dan jelas dalam banyak isu. Ini termasuklah isu yang dianggap prinsip seperti penjualan Loteri Kebajikan Masyarakat. Sebenarnya loteri ini telah pun wujud sejak sebelum merdeka dan tuntutan pengharamannya telah disuarakan sejak tahun 1949 lagi. Selepas merdeka,

⁶⁴ Pergaduhan kaum yang terburuk berlaku pada 6 Mac 1946 apabila sekumpulan orang Cina menyerang Kampung Bekor, Manong, Perak pada waktu subuh. Dalam serangan yang dilakukan ini sebanyak 40 buah rumah telah dibakar dan seramai 80 orang Melayu termasuk kanak-kanak telah dibunuh. Lihat Mohammad Redzuan Othman, *Merentasi Sempadan Melewati Zaman*, hlm. 32. Lihat Mohamed Ali Haniffa, "Darah dan Air Mata Bekor: Mengimbau Kembali Peristiwa 6 Mac 1946". *Jurnal Sejarah*, Vol 25. Jun 2016. hlm. 65-76.

⁶⁵ Di merata tempat di Semenanjung lahir mereka yang mengajar ilmu ini dengan kumpulan yang paling terkenal ialah kumpulan Selendang Merah yang diketuai oleh Kiyai Salleh di Batu Pahat. Ibid., Lihat Mohamed Ali Haniffa, "Pergaduhan Kaum di Tanah Melayu Selepas Pendudukan Jepun Hingga Darurat di Istiharkan", *Jurnal Sejarah*. hlm. 100-102.

⁶⁶ Pembinaan masjid terus dilakukan dan kegiatan Islam berjalan seperti biasa dengan kemuncaknya yang sering ditunggu setiap bulan Ramadan, iaitu Pertandingan (Musabaqah dan kini Tilawah) membaca al-Quran. Penghayatan Islam ini amat dibanggakan apabila hamper saban tahun Qari dan Qariah dari Malaysia muncul johan dan Malaysia diiktiraf sebagai negara yang memberikan penekanan kepada ajaran Islam. Ibid., hlm. 33.

penjualannya didukung oleh kerajaan, termasuklah oleh UMNO.⁶⁷ Bagi Tunku, “jangan menghiraukan sangat soal halal dan haram wang itu, asalkan tujuan untuk kebajikan”. Bagi menjawab pandangan negatif terhadap hasil wang loteri, Tunku juga pernah mengeluarkan kenyataan bahawa biarlah dosanya beliau yang tanggung. Kontroversi yang berterusan tentang sumber wang loteri mendorong Tunku mengeluarkan kenyataan pada bulan Januari 1959 bahawa tidak berdosa menggunakan wang daripada sumber ini untuk tujuan agama.⁶⁸

Perbezaan pendapat dan perbincangan yang berpanjangan mengenai hukum Loteri Kebajikan Masyarakat dan penggunaan wang hasilnya untuk tujuan kebajikan seterusnya dibawa ke dalam perbincangan Majlis Jawatankuasa Tetap Majlis Agama Raja-raja Melayu yang bersidang pada 8 Julai 1961. Majlis ini diadakan di Dewan Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor yang dihadiri oleh wakil setiap negeri. Walaupun keputusan persidangan berpendapat bahawa loteri itu adalah sejenis judi dan hukumnya adalah haram, namun tiada kata sepakat dalam isu penggunaan wangnya untuk tujuan kebajikan.⁶⁹ Kes yang membabitkan halal atau haram penggunaan wang hasil Loteri Kebajikan Masyarakat memperlihatkan betapa bercelarnya pandangan pelbagai pihak dalam masyarakat Melayu.

⁶⁷ Pada tahun 1951, UMNO Bahagian Klang, Selangor mendapat kebenaran daripada Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor untuk menjalankan penjualan loteri dalam kalangan ahlinya bagi mengumpulkan dana membina bangunan Dewan Melayu di Klang. Ibid.

⁶⁸ Pandangan Tunku Abdul Rahman ini ditolak oleh ulama seperti Muhamad Fadhullah Suhaimi yang menulis buku khusus bagi menjawab isu tersebut yang menyimpulkan bahawa hasil wang loteri adalah haram, walaupun namanya untuk tujuan kebajikan kerana lebih banyak mendatangkan mudarat. Ibid.

⁶⁹ Lanjutan isu Loteri Kebajikan Masyarakat yang tidak selesai satu muzakarah ulama yang dihadiri oleh 18 orang ulama terkemuka, termasuk mufti-mufti kerajaan negeri, kecuali Negeri Sembilan dan Kelantan telah diadakan pada bulan Oktober 1961. Persidangan secara terbuka ini diadakan di Dewan Tunku Abdul Rahman dan disaksikan oleh lebih 500 orang Islam. Muzakarah yang diadakan hampir bersepakat mengharuskan penggunaan wang ini untuk tujuan kebajikan, tetapi ditentang hebat oleh Hj. Muhamad Yusof Shabuddin, Mufti Selangor dan Hj. Hassan Hj. Abu Bakar, Mufti Melaka yang dengan tegas berpendirian bahawa wang judi adalah haram digunakan. Ibid., 33-35.

Kecelaruan ini juga terdapat dalam persepsi mereka terhadap politik Timur Tengah, khususnya politik Mesir. Agak mengejutkan apabila pada awal tahun 1970-an tokoh yang mendapat sanjungan masyarakat Melayu adalah Presiden Mesir, Gamal Abdul al-Nasser. Beliau turut disanjung oleh kalangan mereka yang pulang dari Mesir pada waktu itu. Walaupun Nasser menindas dengan kejam gerakan Ikhwan Muslimin, termasuk menjatuhkan hukuman gantung sampai mati pemimpin utamanya seperti Abd al-Kader Audah, Abd al-Fattah Ismail, Sayyid Qutb dan lain-lain, namun ini tidak disedari oleh sebahagian besar lepasan Mesir pada waktu itu. Pengagungan terhadap Nasser ini berlaku dengan jelas berikutan kesedihan yang ditunjukkan ketika Presiden Mesir ini meninggal dunia pada 28 September 1970.⁷⁰

Senario penghayatan Islam dalam masyarakat Melayu sebelum tahun 1970-an memperlihatkan bahawa terdapat kekeliruan dalam menentukan perbezaan antara hak dengan batil dan antara ajaran Islam yang sebenar dengan Islam yang bercampur aduk dengan budaya. Penghormatan tinggi diberikan kepada Nasser sebagai contoh, adalah kerana penilaian ini, sedangkan tokoh yang disanjung ini, tanpa disedari bertindak kejam terhadap Ikhwan Muslimin yang memperjuangkan kebangkitan umat Islam. Faktor inilah yang menyumbang kepada sebab mengapa, walaupun idea tentang Islam sebagai *addin* yang menjadi teras kepada kebangkitan Islam bersumber dari Mesir, tetapi tidak dipelopori oleh pelajar lulusan dari negara tersebut. Tindakan kejam Nasser ke atas Ikhwan Muslimin sejak tahun 1954 dengan menggantung sampai mati dan hukuman penjara yang panjang terhadap sebahagian besar pemimpinnya menyebabkan

⁷⁰ Berikutan kematiannya Setiausaha Agong PAS, Baharuddin Latiff dan Setiausaha Agong Parti Marhein, Ishak Surin menandatangani buku takziah sebagai tanda berkabung. Haji Ismail Panjang Aris, Setiausaha Majlis Hal Ehwal Agama Islam Malaysia Barat juga mengucapkan takziah kepada keluarga Presiden Nasser dengan melawat Kedutaan UAR, Kuala Lumpur. Bagi menghormati pemergian Presiden Nasser, Persatuan Pelajar Kolej Islam Malaya, Petaling Jaya menganjurkan solat jenazah ghaib pada 2 Oktober 1970. Selain itu, pensyarah Fakulti Pengajian Islam, UKM dan pensyarah Kolej Islam Malaya, Setiausaha Agong PAS, Baharuddin Latiff dilaporkan bersetuju menghadiri solat jenazah ghaib yang diadakan itu. Pada hari pengebumian Presiden Nasser pada 2 Oktober 1970, kerajaan Malaysia mengumumkan bendera dikibarkan separuh tiang di seluruh negara bagi menghormati kematiannya. Ibid., 35-36.

gerakan Ikhwan Muslimin berjaya dilumpuhkan, sehingga gerakan dan pemikirannya tidak menarik perhatian pelajar-pelajar Melayu yang belajar di sana.⁷¹

Perbezaan latar belakang pelajar Melayu yang pergi belajar di Mesir pada tahun 1920-an dan 1930-an dengan pelajar Melayu yang pergi ke sana pada tahun 1950-an hingga awal 1970-an juga mempengaruhi situasi ini. Pelajar Melayu yang menuntut di Mesir pada tahun 1920-an dan 1930-an membiayai sendiri pengajian mereka, dengan permastautinan di Kaherah turut mendedahkan mereka perkembangan politik Mesir dan dunia Islam secara keseluruhannya sehingga menjadi latar belakang kepada penglibatan mereka apabila kembali ke tanah air.⁷² Menurut Mohammad Redzuan Othman, perbezaan pelajar Melayu yang pergi ke Mesir pada tahun 1950-an hingga awal 1970-an yang ramai dalam kalangan mereka menerima pelbagai bentuk pembiayaan kerajaan dan amat mematuhi cita-cita ke sana semata-mata bagi menuntut ilmu. Walaupun masih aktif dalam kegiatan berpersatuan, namun penumpuannya lebih kepada kegiatan kebudayaan dan kebajikan serta perjuangan yang persekitarannya masyarakat Melayu. Setelah menamatkan pengajian dan pulang ke tanah air mereka diserapkan ke dalam pentadbiran kerajaan seperti menjadi guru sekolah, pensyarah universiti dan bekerja di jabatan agama.⁷³

Berbeza dengan mereka yang pulang dari Mesir setelah menamatkan pengajian pada tahun 1920-an dan 1930-an, ramai dalam kalangan mereka terlibat dengan pendidikan madrasah dan menerbitkan akhbar. Berbeza dengan gerakan Islah yang berkembang pada awal abad ke- 20 yang digerakkan oleh mereka yang mempunyai kaitan langsung dengan Mesir, Kebangkitan Semula Islam pada tahun 1970-an

⁷¹ Ibid.,

⁷² Ibid.,

⁷³ Ibid.,

digerakkan oleh pelajar-pelajar universiti tempatan. Walaupun tidak datang terus dari Mesir, namun kebangkitan ini sebenarnya mendapat inspirasi daripada pemikiran ramai tokoh Ikhwan Muslimin, Mesir melalui buku yang diedarkan dan kegiatan kalangan aktivis mereka yang tinggal dalam buangan di Eropah.⁷⁴ Pemikiran yang menekankan kepada membina cara hidup berteraskan Islam dan Islam sebagai agama yang lengkap menjadi asas kepada kebangkitan yang berlaku.

Kebangkitan Semula Islam di Malaysia pada awal tahun 1970-an seperti juga dengan Gerakan Islah yang berlaku pada awal abad ke-20 menimbulkan pelbagai reaksi dalam masyarakat Melayu. Pemakaian tudung kepala dalam kalangan wanita, khusus pelajar universiti, pembudayaan Islam sebagai cara hidup seperti pengucapan salam dan kecenderungan kepada hidup yang berlandaskan Islam dengan pada masa yang sama menolak amalan yang tidak Islamik seperti bersanding ketika kenduri kahwin, mencetuskan kesedaran baru Islam.⁷⁵

Fenomena Kebangkitan Semula Islam di Malaysia

Gelombang kebangkitan semula Islam di Timur Tengah muncul pada awal abad ke-20 yang bersamaan dengan abad baru hijriah, iaitu abad ke-15. Kepercayaan utama umat Islam bahawa setiap abad baru akan melahirkan seorang pembaharu (mujaddid) yang akan membuat perbaikan keadaan masyarakat umat Islam. Sejak abad inilah gerakan-gerakan Islam berada di arus utama dunia termasuk Malaysia. Pemahaman umat Islam

⁷⁴ Ibid. Lihat juga Ahmad Zaki Abdul Latif, *Transformasi Gerakan Islam*, hlm. 112-116.

⁷⁵ Ibid. Ahmad Zaki Abdul Latiff, *Transformasi Gerakan Islam*, hlm 55-58. Zainah Anwar, *Kebangkitan Islam di Kalangan Pelajar*, hlm. 112-116.

akan berlaku tajdid ini menjadi motivasi teramat besar pada saat mereka sedang dilanda krisis.⁷⁶

Menurut Hrair Dekmejian, krisis umat Islam pada waktu itu sangat teruk keadaannya jika dibandingkan dengan krisis sebelumnya. Ciri-ciri yang paling menonjol ialah ia bukan hanya terbatas pada negara tertentu sahaja, tetapi meresap ke seluruh dunia Islam, krisis ini meliputi pelbagai bidang sekali gus sosial, ekonomi, politik, kebudayaan, psikologi dan spiritual. Krisis ini bersifat kumulatif iaitu terdiri dari pelbagai krisis seperti kegagalan pembangunan bangsa, pembangunan sosial ekonomi dan runtuhnya kekuatan ketenteraan. Berkembangnya fenomena kebencian terhadap perkara yang berbau asing terutamanya dari Barat. Dalam pandangan masyarakat Muslim, kehidupan masyarakat Islam telah terancam oleh kekuatan-kekuatan bukan Islam seperti sekularisme dan modenisme yang dianjurkan oleh pemerintah Muslim sendiri.⁷⁷

Pandangan ini juga dikongsi oleh pengkaji barat terkemuka berkaitan masalah Islam semasa, Esposito menghuraikan ini dengan menghuraikan ideologi kebangkitan Islam,

"Pandangan dunia mengenai kebangkitan Islam adalah bahawa dunia Islam sedang berada dalam keadaan menurun. Penyebabnya adalah berpisahnya Muslim dari jalannya yang lurus, sedangkan jalan keluarnya adalah dengan cara kembali kepada Islam baik dalam kehidupan peribadi mahupun umum. Perkara ini akan menjamin kembalinya identiti, nilai-nilai serta kekuasaan Islam. Bagi para aktivis politik, Islam merupakan jalan hidup yang menyeluruh seperti yang dijelaskan dalam al-Quran, wahyu tuhan yang tercermin dalam teladan Muhammad dan sifat negara komuniti Muslim yang pertama. Perkara ini juga tercakup dalam sifat syariah, hukum tuhan yang diwahyukan yang lengkap. Dengan demikian pengaktifan kembali pemerintah dan masyarakat Muslim memerlukan penerapan kembali hukum Islam, cetak biru dari negara dan masyarakat yang Islami dan berkeadilan sosial".⁷⁸

⁷⁶ M.Imaddun Rahmat, *Arus Baru Islam Radikal: Transmisi Revivalisme Islam Timur Tengah ke Indonesia*, Jakarta: Penerbit Erlangga. 2005. hlm. 2.

⁷⁷ Shireen T. Hunter. *Politik Kebangkitan Islam*. Yogyakarta: PT Tiara Wacana, 1998. hlm. 12-13.

⁷⁸ Esposito, *Ancaman Islam: Mitos atau Realitas*. Bandung: Penerbit Mizan. 1994. hlm. 29.

Selain fenomena politik, kebangkitan semula Islam juga menggambarkan tingginya kesedaran Islam dalam kalangan umat Islam yang ditandai dengan menyebarnya masyarakat yang terlibat dalam persaudaraan-persaudaraan sufi dan ketaatan untuk mengamalkan ajaran-ajaran Islam. Keghairahan masyarakat Arab untuk menjadi lebih Islami, baik dalam ritual keagamaan mahupun penampilan dalam berpakaian sangat menonjol. Peningkatan kelas-kelas pengajian keagamaan menjadi kegiatan baru dari kebangkitan Islam ini.⁷⁹ Gelombang yang sering disebut *al-bas al-alami* (kebangkitan kembali Islam), *al sahwah al islamiyah* (kebangkitan Islam) dan *ihya al din* (kebangkitan agama) semakin kuat apabila Ayatollah Khomeini dalam revolusi Iran pada tahun 1979. Perkara ini menaikkan moral bagi pendukung Islam kerana ternyata kekuatan Islam mampu mengalahkan rejim Shah Iran.⁸⁰

Para penganjur kebangkitan semula Islam ini menginginkan perubahan radikal dalam sistem politik dan masyarakat ke arah yang lebih *Islamiy*. Para ideologi revivalisme ini yang terkemuka ialah Hassan al Banna, Abu Ala Maududi, Syed Qutb dan sebagainya. Mereka adalah penulis yang sangat produktif dan banyak buku mereka diterjemahkan ke seluruh dunia Islam termasuk ke bahasa Melayu. Pentafsiran mereka tentang Islam banyak memberikan landasan tentang kebangkitan Islam kini. Walaupun setiap tokoh kebangkitan Islam mempunyai ideologi yang berbeza, tetapi mereka telah meletakkan beberapa idea asas sebagai kerangka ideologi gerakan Islam. Memandangkan mereka merupakan tokoh utama umat Islam, idea-idea mereka ini telah tersebar dengan meluas di negara-negara umat Islam melalui hubungan dengan kaum intelektual dan terpelajar termasuk Malaysia seawal tahun 1960-an lagi.⁸¹

⁷⁹ M. Imaddun Rahmat, *Arus Baru Islam Radikal*, hlm. 2.

⁸⁰ Ibid., hlm. 2-5.

⁸¹ Ahmad Zaki Abdul Latif, *Transformasi Gerakan Islam*, hlm. 112-125.

Chandra Muzaffar menjelaskan bahawa kebangkitan Islam ialah suatu proses untuk bangkit kembali yang mengandungi tiga tahap.⁸² Istilah kebangkitan Islam itu sendiri secara umumnya merujuk kepada fenomena semakin meningkatnya kesedaran dan aktiviti keagamaan masyarakat Islam. Namun demikian, istilah kebangkitan Islam sendiri sebenarnya bukan merupakan istilah tunggal bagi merujuk fenomena berkenaan. Para pengkaji dengan pelbagai hujah dan rasional masing-masing memberi istilah yang berbeza-beza seperti menghidupkan kembali (*revival*),⁸³ menegaskan kembali (*reassertion*)⁸⁴ dan kebangkitan kembali (*resurgence*).⁸⁵ Bagaimanapun, meskipun berbeza secara penggunaan istilah, akan tetapi daripada segi isi kandungan, fokus kajian dan kesimpulan kebanyakan para pengkaji tidak jauh berbeza.⁸⁶ Oleh itu, penggunaan istilah yang dipakai tidak menggambarkan adanya perbezaan yang ketara di dalam rumusan kajian mereka.⁸⁷

Secara umumnya menurut Mohamad Abu Bakar sekurang-kurangnya terdapat tujuh jenis kebangkitan Islam iaitu pertama, peningkatan kesedaran tentang keagungan masa lepas yang diwujudkan oleh penambahan pengetahuan atau pemahaman baru tentang zaman tersebut; kedua, perubahan sikap atau orientasi terhadap Islam sebagai

⁸² Chandra Muzaffar, *Kebangkitan Islam di Malaysia*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti, 1987. hlm. 27. Lihat juga Chandra Muzaffar, "Kebangkitan Islam di Asia Tenggara: Satu Pandangan Global" dlm. Saiful Muzani (ed.). *Pembangunan dan Kebangkitan Islam di Asia Tenggara*. Jakarta: LP3ES, 1993. hlm. 60-101.

⁸³ Lihat, Judith Nagata, Ideology and Social Change: The Islamic Revival in Malaysia, *Pacific Affair* 53(3), 1980, Simon Barraclough, Managing The Challenging Of Islamic Revival in Malaysia, *Asian Survey*, Jil XXIII, Bil 8, 1983. Zainah Anwar, *Islamic Revivalism in Malaysia, Dakwah Among the Students*, Petaling Jaya: Pelanduk Publication, 1989. Muhammad Syukri Salleh, Recent Trends in Islamic Revivalism in Malaysia, *Studia Islamika*, Vol.6, No. 2, 1999.

⁸⁴ Lihat, Mohammad Ayoob (pnyt), *The Politics of Islamic Reassertion*, London: Croom Helm, 1981.

⁸⁵ Lihat Chandra Muzaffar, *Islamic Resurgence in Malaysia*, Petaling Jaya: Fajar Bakti, 1987, Mohamad Abu Bakar, External Influences on Contemporary Islamic Resurgence in Malaysia, *Contemporary Southeast Asia*, No. 2, September 1991.

⁸⁶ Meskipun dalam istilah bahasa Inggeris banyak menggunakan istilah yang berbeza-beza, akan tetapi yang menariknya adalah dalam menterjemahkan ke bahasa Melayu hampir kesemua pengkaji menggunakan istilah yang sama iaitu kebangkitan Islam.

⁸⁷ Walau bagaimanapun, bagi tujuan konsistensi dalam penggunaan istilah dalam kajian ini maka istilah kebangkitan Islam akan dipakai untuk penyebutan seterusnya memandangkan istilah berkenaan adalah istilah yang membawa pengertian yang lebih ideologis. Lebih daripada itu, istilah ini juga merupakan istilah yang paling popular digunakan oleh semua kalangan terutama di kalangan pengkaji.

agama dan sebagai satu cara hidup dengan visinya yang tersendiri; ketiga, peningkatan amalan dan syariat Islam baik di peringkat peribadi mahupun sosial; keempat, pembaikan kehidupan yang menyimpang ke arah yang selari dengan tuntutan keislaman; kelima, penggilapan dan kemurnian fikiran dan tindakan ke arah Islam yang ideal; keenam, penguasaan dan warisan khazanah keilmuan Islam; ketujuh, keyakinan terhadap potensi Islam sebagai penawar atau penyelesaian kepada pelbagai penyakit individu dan masyarakat.⁸⁸

Dalam hal ini, Jomo dan Ahmad berpendapat bahawa kemunculan kebangkitan Islam di Malaysia cukup unik dan cukup berbeza dengan negara lain kerana kemampuannya menarik minat orang Melayu-Islam yang bebas daripada unsur-unsur ketaksuban politik. Kebangkitan Islam telah melangkaui sempadan politik kerana ia tidak hanya dimonopoli pihak tertentu sahaja. Menurut Jomo dan Ahmad:

" ... the development of the major Islamic movements in the contemporary Islamic resurgence reflects the relative autonomy of ideology, culture and the state, without attempting to root them in their larger social context".⁸⁹

Pada waktu yang sama, pemikiran menyesatkan yang ditinggalkan oleh British telah menyebabkan kebanyakan orang Islam tidak memahami ajaran Islam dengan betul. Pemikiran yang diasaskan pada sekularisme telah menyebabkan masyarakat Melayu melihat sesuatu perkara dari perspektif dualisme iaitu Islam tidak lagi dilihat kebenarannya, sementara fahaman khurafat berkembang dengan begitu pesat.⁹⁰ Kesan yang paling besar adalah dalam bidang pendidikan apabila terdapat dua aliran, iaitu

⁸⁸ Mohamad Abu Bakar, "Selepas Kebangkitan Semula Islam? Pengislaman dan Pendakwahan Masa Kini: Satu Overview" dalam ABIM, *Gerakan Dakwah dan Orde Islam di Malaysia: Strategi Masa Depan*, Petaling Jaya: ABIM, 1993, hlm. 2.

⁸⁹ Lihat Jomo K. Sundaram dan Ahmed Shabery Cheek, "The Politics of Malaysia's Islamic Resurgence", *Third World Quarterly*, Vol. 10, No. 2, April 1988, hlm. 844.

⁹⁰ Ahmad Mohamad Said, *Dualisme dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Bahagian Dakwah dan Kepimpinan, Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, Kementerian Pendidikan Malaysia, 1996. hlm. 1-17.

agama dan bukan agama.⁹¹ Keadaan ini menyebabkan kefahaman masyarakat Melayu tidak komprehensif. Oleh sebab itulah masyarakat Melayu pada waktu itu mudah menerima kebudayaan Barat. Dalam suasana beginilah, pertubuhan dakwah seperti ABIM memperkenalkan agenda pembudayaan Islam untuk mengembalikan ummah kepada Islam yang sebenar. Oleh yang demikian, ia memerlukan usaha pembaharuan pemikiran dan pengislaman semula ilmu-ilmu yang diwarisi.⁹²

Faktor Kebangkitan Semula Islam di Malaysia

Clive S. Kessler menyatakan terdapat empat bentuk utama yang mempengaruhi perkembangan dakwah Islam di Malaysia. Pertama, kemuncak daripada perkembangan pengaruh Islam yang berkembang pesat sejak dahulu lagi. Kedua, kekalahan negara-negara Arab di tangan Israel dalam peperangan pada tahun 1967 di Timur Tengah telah meningkatkan kesedaran umat Islam tentang kepentingan kesatuan umat Islam menentang musuh mereka. Ketiga, sejak tahun 1973 negara Arab menjadikan minyak sebagai tekanan politik kepada Barat di peringkat antarabangsa. Keempat, asas persaudaraan Islam berkembang sejak akhir tahun 1960-an.⁹³

Terdapat juga pihak yang mengatakan peranan yang dimainkan oleh Libya dan Arab Saudi dalam usaha mengembangkan dakwah melalui persidangan dan latihan dakwah untuk para pendakwah serta bantuan kewangan untuk menyebarkan ajaran

⁹¹ Mohammad Redzuan Othman, "Islam dan Proses Politik", hlm. 163. Osman Bakar, "Memorandum Pelajaran 1974" dlm. Md Sidin Ahmad Ishak (ed.). *ABIM, 1971-2006*. Kuala Lumpur: ABIM, 2006. Lihat juga Rosnani Hashim, "Menilai Generasi Berilmu: Menilai Sumbangan ABIM dalam Pendidikan" dlm. *Risalah ABIM*. Kuala Lumpur: ABIM, 2000. hlm. 6-11.

⁹² Mohammad Redzuan Othman, "Islam dan Proses Politik", hlm. 163.

⁹³ Clive S. Kessler, "Malaysia: Islamic Revivalism and Political Disaffection in a Divide Society" dlm. *South East Asia Chronicle*, No. 75, 1980. hlm. 4.

Islam di negara Islam dan bukan Islam.⁹⁴ Peristiwa Revolusi Iran dan pengaruh gerakan Islam dari Pakistan juga menambahkan kesedaran umat Islam di Malaysia⁹⁵. Selain itu, persoalan ingin memelihara identiti Melayu dan penglibatan mereka dalam kebangkitan Islam sebagai faktor pelarian kerana perasaan rendah diri juga turut dibahasakan.⁹⁶ Sementara itu, faktor etnik atau persoalan perkauman sebagai faktor sebenar kebangkitan Islam juga dikritik hebat oleh pemikir dakwah.⁹⁷ Hujah mereka ialah gerakan dakwah tidak lahir daripada kumpulan etnik seperti pertubuhan parti politik, persatuan seni silat Melayu, dan kumpulan penyeleweng agama.⁹⁸

Kebangkitan gerakan Islam bersifat universal dan berkembang ke seluruh dunia Islam termasuk Malaysia. Pengaruh pemikiran Islam sebagai sistem hidup daripada tokoh-tokoh ulama Islam semasa seperti Abu al-A'la al-Maududi, Hasan al-Banna, dan Sayyid Qutb. Amalan *usrah*, *qiamulail*, dan *tamrin qiyadi* bukan amalan golongan etnik tertentu yang berlaku dalam sistem pertentangan kelas dalam masyarakat Melayu.⁹⁹ Dalam ucapan dan penulisan yang dihasilkan oleh tokoh-tokoh gerakan Islam seperti yang diutarakan oleh pimpinan Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM) dan ABIM tidak menggambarkan asas perkauman tetapi bersifat universal.¹⁰⁰

Selain faktor tersebut, pembentukan Barisan Nasional (BN) pada 13 Disember 1974 yang menyebabkan kekosongan dalam barisan pembangkang dan tidak adanya parti pembangkang yang mengkritik kerajaan, serta perlaksanaan undang-undang

⁹⁴Fred R. Von Der Mehden, "Islamic Resurgence in Malaysia" dlm. John L. Esposito (ed.). *Islam and Development: Religion and Socio Political Change*. New York: Syracuse University Press, 1980. hlm. 170.

⁹⁵Ahmad Zaki Haji Abd. Latiff, *Pengaruh Gerakan Islam*, hlm. 120.

⁹⁶Chandra Muzaffar, "Islam in Malaysia: Resurgence and Responses" dlm. Asghar Ali Engineer (ed.). *Islam in Southeast Asia*. New Delhi: Ajanta Publication, 1985. hlm. 14-16

⁹⁷Mohamad Nor Nawawi, "Buku *Islamic Resurgence In Malaysia*: Banyak Kekeliruan daripada Kesahihan" dlm. *Berita Harian*, 27 Februari 1987.

⁹⁸Fadzullah Mohd. Jamil, *The Reawakening of Islamic Consciousness in Malaysia, 1970-1987*. Tesis Ph.D., University of Edinburgh, 1987. hlm. 209-220.

⁹⁹Ahmad Zaki Haji Abd. Latiff, *Transformasi Gerakan Islah*, hlm. 120-121.

¹⁰⁰*Ibid.*, hlm. 115.

seperti *Internal Security Act* (ISA) yang menghalang pemimpin pembangkang untuk mengkritik kerajaan juga dianggap sebagai salah satu faktor.¹⁰¹ Kesedaran Islam peringkat dalaman daripada petunjuk *wa'yu* merupakan faktor penting dalam proses kebangkitan semula Islam. Kesedaran diri yang tinggi untuk kembali menghayati Islam tulen sebenarnya menjadi faktor dalaman utama yang berjaya membangkitkan kesedaran generasi muda di institut pengajian tinggi yang terlibat dengan kegiatan dakwah ketika itu.¹⁰²

Para pengasas gerakan dakwah mengadakan halakah ilmu dengan tokoh-tokoh utama tempatan mengkaji kitab tradisi dan moden.¹⁰³ Faktor kesedaran Islam ini mungkin juga berpunca daripada faktor dalaman yang tidak nampak, iaitu faktor petunjuk Ilahi daripada kesedaran mendalam terhadap kesalahan perlakuan dosa dan kemungkaran yang dilakukan. Oleh yang demikian, mereka mempertingkatkan kefahaman akidah, ibadat, syariat dan akhlak Islam dengan melibatkan diri dengan dakwah dan tarbiah bagi mengisi kesedaran tersebut. Keadaan ini boleh ditafsirkan sebagai proses pematangan identiti para belia Islam iaitu budaya berdakwah.¹⁰⁴

Faktor yang lain ialah kefahaman baharu Islam sebagai *nizam al-hayah* yang didakwahkan oleh tokoh Ikhwan al-Muslimin seperti Hasan al-Banna dan tokoh Jamaah Islam seperti al-Maududi. Kefahaman baharu ini terjadi akibat daripada gerakan islah dan *tajdid* dalam bentuk organisasi. Faktor kefahaman baharu yang mentafsir Islam sebagai satu cara hidup yang menyeluruh, sempurna, dan dinamik juga telah menarik

¹⁰¹ Hairany Naffis, "Politik Kumpulan Pendesak Islam Dalam Pembentukan Dan Perlaksanaan Dasar-Dasar Di Malaysia:1970-1985." dlm. Hairany Naffis (ed) *Amalan Politik di Malaysia:Esei Pilihan*. Bangi: Penerbit Jabatan Sains Politik. Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan. UKM. 1993. hlm. 57-61.

¹⁰² Ahmad Zaki Haji Abd. Latif, *Transformasi Gerakan Islah*, hlm. 115.

¹⁰³ Ibid., hlm. 114.

¹⁰⁴ Ibid.

minat ramai penuntut Melayu dan berjaya merubah pemikiran mereka yang sekular sebelum ini.¹⁰⁵

Di samping itu, sebilangan penuntut Melayu yang belajar di luar negara dan juga dalam negara juga berasa kecewa dengan krisis nilai yang berlaku di Barat dan kegagalan kaum elit pemerintah yang mengikuti cara hidup Barat, selain mengatasi masalah-masalah masyarakat dan negara melalui ideologi kapitalis dan sosialis.¹⁰⁶ Oleh itu, penyertaan mereka dalam kegiatan dakwah ketika itu bertujuan membentuk idealisme baharu dalam perjuangan belia bagi menangani kegagalan ideologi manusia dan menawarkan Islam sebagai alternatif kepada penyelesaian hidup bermasyarakat dan negara.¹⁰⁷

Penyertaan generasi muda terpelajar secara menyeluruh dalam gerakan dakwah pada dekad 1970-an mempunyai hubungan dengan pelbagai faktor dalaman dan luaran yang saling berkaitan antara satu sama lain seperti faktor kegagalan Barat dengan kefahaman Islam sebagai cara hidup. Terdapat juga faktor yang sifatnya bersepadu dan mengukuhkan antara satu sama lain seperti faktor dasar luar kerajaan yang pro-Islam dan bantuan dana dari Timur Tengah terhadap perkembangan dakwah. Malah faktor etnik, peristiwa 13 Mei 1969, dan kelesuan parti pembangkang tetap berpengaruh dalam kebangkitan Islam, walaupun sering disebut sebagai faktor sampingan sahaja. Inilah fenomena sebenar kebangkitan Islam yang mencirikan kesedaran menyeluruh bagi menentang arus kebangkitan sekularisme yang berkembang hebat ketika itu.¹⁰⁸

¹⁰⁵ Mohammad Abu Bakar, "Islam Sebagai Addin Sebagai Slogan dalam Penulisan Islam Semasa". Kertas kerja Pemikiran Islam Semasa. Fakulti Usuluddin, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 9 Oktober 1987, hlm. 2.

¹⁰⁶ Ahmad Zaki Haji Abd. Latif, *Transformasi Gerakan Islah*, hlm. 114.

¹⁰⁷ Ibid., hlm 115.

¹⁰⁸ Ghazali Basri, "Malaysia Responses to Islamic Resurgence: A Socio Religion Political Analysis". Kertas kerja Post Graduates Seminar. Department of Religious Studies, University of Aberdeen, 22 Oktober 1995, hlm. 2.

Ramai pengkaji melihat faktor luaran, terutamanya dari Timur Tengah pada awal tahun 1970-an, dan dari UK-Eire akibat banjir penuntut Malaysia yang belajar di seberang laut sebagai faktor luaran yang banyak mempengaruhi kebangkitan semula Islam di Malaysia.¹⁰⁹Ini merupakan fenomena global akibat proses globalisasi yang menyebabkan ajaran Islam mudah tersebar ke serata dunia, apatah lagi pada era 1970-an memang dikenali sebagai kebangkitan Islam global. Perkembangan Islam di Timur Tengah dan komuniti Arab juga telah memainkan peranan yang signifikan dalam perubahan asas ini. Sebilangan penulis menamakan dekad ini sebagai dekad Arab. Perkembangan Islam di Timur Tengah merupakan salah satu kuasa ideologi terkuat di dunia pada akhir abad ke-20.¹¹⁰

Umat Islam juga telah bangkit semula sebagai satu kuasa global yang terpenting dalam politik umat Islam semasa, terutamanya pada tahun 1970-an dan tahun 1980-an. Arah aliran ini merebak ke seluruh dunia Islam termasuklah Malaysia. Kebangkitan dekad 1970-an sebenarnya merupakan kesinambungan daripada kebangkitan islah sebelumnya. Kebangkitan tersebut dianggap sebagai kebangkitan yang tulen kerana diasaskan oleh tokoh pemikiran dakwah dan politik Islam serta peranan pertubuhan yang ditubuhkan oleh tokoh gerakan Islam. Sebagai contoh, Hasan al-Banna (1906-1949) mengasaskan Ikhwan al-Muslimin, Abu al-A'la al-Maududi (1903-1978) mengasaskan Jamaah Islamiy, dan Ayatollah Khomeini (1902-1989) dan Ali Shariati (1933-1977) mengasaskan Revolusi Iran.¹¹¹

Kemunculan gerakan Islam di Mesir juga mempengaruhi dunia Islam. Ketika dunia Islam menghadapi kekalahan dengan ancaman sekularisme yang menguasai

¹⁰⁹ Ahmad Zaki Haji Abd. Latif, *Transformasi Gerakan Islah*, hlm. 108-116.

¹¹⁰ Robin Wright, "The Islamic Resurgence: A New Phase?" dlm. *Current History*, Vol. 87, 1988. hlm. 1.

¹¹¹ Laura Guazzoone, *The Islamist Dilemma: The Political Role of Islamist Movements in the Cotemporary Arab World*. Berkshire: Ithaca Press, 1995. hlm. 13.

kebanyakan negara Islam, maka muncul pula gerakan islah dalam bentuk baharu pada awal abad ke-20. Gerakan ini yang diasaskan oleh Hasan al-Banna dan dikenali sebagai Ikhwan al-Muslimin cuba menggabungkan keaslian salaf dengan kemodenan Barat yang bermanfaat.¹¹² Sesuai dengan zaman itu, gerakan ini memperkenalkan istilah *harakah Islamiyyah* (gerakan Islam) yang memperjuangkan Islam sebagai satu sistem hidup.

Di Pakistan pula, bangkit gerakan Islam yang mengambil pendekatan politik dikenali sebagai Jamaat Islamiy pimpinan Abu al-A'la al-Maududi, seorang pemikir dan aktivis yang cukup dihormati.¹¹³ Dalam masa yang sama, muncul sebuah gerakan Islam di Indonesia, iaitu Masyumi yang diasaskan oleh Muhammad Natsir, tokoh gerakan dakwah terkenal Indonesia.¹¹⁴ Kemunculan serangkaian gerakan Islam yang senada, merata dan seangkatan ini dikatakan sebagai gelombang baharu kebangkitan Islam yang merupakan lanjutan daripada gerakan salafiyah dan *tajdid* yang terdahulu. Satu dimensi baharu dalam gerakan ini ialah sikap menyaring tamadun Barat menurut kaca mata Islam. Banyak karya Islam yang dihasilkan dalam semua bidang kehidupan oleh tokoh gerakan Islam yang terkenal seperti Hasan al-Banna, Syed Qutb, Muhammad al-Ghazali, Yusuf al-Qardawi, Abu al-A'la al-Maududi, Khursid Ahmad, Maryam Jameelah, Abu Hasan Ali al-Nadwi, Muhammad Natsir, dan Hasan Turabi.¹¹⁵

Penulisan mereka memberikan perhatian kepada menjawab segala tuduhan Barat terhadap Islam. Mereka berjaya memperkenalkan semula Islam dalam bentuk yang *syumul* dan *kamil*. Mereka berusaha meyakinkan umat Islam bahawa Islam boleh

¹¹² Ahmad Zaki Haji Abd. Latif, *Transformasi Gerakan Islah*, hlm. 74-92.

¹¹³ Syed Reza Nadwi, *Mawdudi: Making the State*. New York: Oxford University Press, 1997. hlm. 3-4.

¹¹⁴ Untuk maklumat lanjut tentang biografi dan pemikiran Muhammad Natsir, lihat Mohammad Noer, Mohammad Natsir: Perjuangan dan Pemikiran Politik. Tesis Ph.D, Universiti Sains Malaysia. 1998.

¹¹⁵ Ahmad Zaki Haji Abd. Latif, *Transformasi Gerakan Islah*, hlm. 118-121.

dilaksanakan pada zaman moden ini, dan Islam boleh dijadikan sebagai suatu cara hidup. Mereka mewujudkan aliran pemikiran Islam semasa bagi menjawab serangan pemikiran Barat terhadap Islam. Di samping itu, mereka juga berjaya mendedahkan kelemahan peradaban Barat, membuat perbandingan Islam dengan ideologi sekular, serta mencadangkan Islam sebagai penyelesaian kepada kemelut yang sedang dihadapi oleh manusia.¹¹⁶

Revolusi Iran dan Aliran Radikalisme

Kebangkitan gerakan Islam pada awal tahun 1970-an menyaksikan lahirnya gejala ekstrem, suatu fenomena yang asing dalam tradisi Islam. Ia bukan hakikat ajaran agama Islam yang sebenar kerana agama Islam merupakan agama yang sederhana dan bukannya agama ekstrem. Gejala ekstrem merupakan bentuk penyelewengan daripada ajaran Islam yang sebenar.¹¹⁷ Terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi lahirnya gerakan ekstrem di Timur Tengah. Antara tokoh yang terkenal dengan pemikiran yang agak radikal termasuklah Abu al-A'la al-Maududi dari Pakistan. Pengaruh pemikiran beliau ini mempengaruhi Syed Qutb dan dikembangkan di Mesir. Pengaruh pemikiran Syed Qutb inilah yang berkembang ke seluruh dunia termasuk Malaysia.¹¹⁸ Doktrin pemikiran agama yang radikal daripada beliau itu dikatakan sebagai punca lahirnya aliran pemikiran radikal dan gerakan revolusi gerakan Islam di Mesir.¹¹⁹

Dalam konteks Mesir, radikalisme berpunca daripada sikap golongan muda Islam yang tertindas dan dipenjarakan oleh rejim Gamal Abdul Nasser yang mengambil

¹¹⁶ Ibid.,

¹¹⁷ Ibid., hlm 74-77.

¹¹⁸ Mohd. Fauzi Zakaria, *Al-Ilahiyat Menurut Sayyid Qutub: Kajian Terhadap Konsep al-Hakimiyah dan Pengaruhnya Kepada Gerakan Islam di Malaysia*, Tesis M.A., Universiti Malaya, 1991. hlm. 70-115.

¹¹⁹ Ahmad Zaki Haji Abd. Latiff, *Transformasi Gerakan Islah*, hlm. 119.

pendekatan memerangi golongan jahiliah moden. Golongan muda mendapat inspirasi daripada pemikiran Syed Qutb yang menegaskan bahawa penghapusan jahiliah adalah dengan kembali kepada al-Quran. Selepas satu dekad daripada cetusan idea berkenaan, maka lahirlah fenomena takfir.¹²⁰ Pengaruh radikalisme ini terus berkembang di luar Mesir termasuk Malaysia yang dipelopori oleh ABIM dengan menterjemah pemikiran Syed Qutb dalam majalah rasmi mereka berjudul *Risalah* pada awal tahun 1970-an.¹²¹

Gerakan radikal berkembang subur dan lebih drastik di negara-negara Islam, terutamanya di Timur Tengah apabila berlaku Revolusi Iran pada tahun 1979 yang dipimpin oleh Ayatollah Khomeini.¹²² Kejayaan revolusi ini menarik minat pendukung gerakan Islam untuk terus berjuang menegakkan negara Islam sebagai mencontohi kejayaan revolusi tersebut. Revolusi Iran dianggap sebagai peristiwa yang membawa perubahan besar atau satu daripada ledakan peristiwa terbesar dalam sejarah kehidupan manusia itu berjaya menumbangkan rejim Muhammad Reza Shah yang dianggap sebagai boneka bagi menjamin kepentingan Amerika Syarikat, khususnya di Iran. Dua tokoh utama yang terlibat menjadikan revolusi itu satu realiti ialah Ali Shariati dan Ayatollah Khomeini.¹²³

Kebangkitan Revolusi Iran ini telah menimbulkan dampak yang signifikan kepada negara-negara Islam, selain memberi kekuatan baharu kepada gerakan Islam menentang rejim diktator dan sekular.¹²⁴ Ini diperkuat lagi oleh penularan pengaruh ini yang secara langsung dibawa ke luar Iran oleh pimpinan tertinggi revolusi Iran. Khomeini percaya bahawa perluasan pengaruh revolusi kepada dunia luar adalah satu

¹²⁰ Ibid.,

¹²¹ Ibid., hlm. 119.

¹²² William L. Cleveland, *A History of the Modern Middle East*. Boulder, Colorado: Westview East Press, 1994. hlm. 398-420.

¹²³ Ahmad Zaki Abdul Latif, *Transformasi Gerakan Islam*, hlm. 78-83.

¹²⁴ Ibid.,

kewajipan. Kewajipannya ialah menubuhkan *Islamic World Order* atau kerajaan dunia Islam. Terdapat dua kaedah utama yang digunakan untuk membawa keluar revolusi Iran ini. Pertama, melalui kelakuan baik orang Islam Iran yang berada di luar Iran seperti pelajar, olahragawan dan sebagainya. Kedua, melalui usaha dakwah yang dijalankan oleh ulama Iran dan para ulama luar yang bersimpati dengan Iran.¹²⁵

Dalam konteks Malaysia, idea revolusi ini banyak mempengaruhi gerakan dan penyebaran Islam di Malaysia. Walaupun begitu, idea radikalisme berjaya berkembang subur dalam sesetengah pemimpin gerakan Islam seperti ABIM dan PAS. Pimpinan ABIM dan PAS menyokong gerakan Revolusi Iran dari sudut kejayaannya menegakkan keadilan dan menghapuskan kezaliman. Namun demikian, pimpinan gerakan Islam sama ada ABIM mahupun PAS tidak menerima pengaruh Syiah, malah gerakan Islam ketika itu menolak pendekatan revolusi dalam perjuangan Islam di Malaysia kerana iklim politik, latar belakang, dan kebudayaan masyarakat yang berbeza dengan Iran.¹²⁶ Tahap radikalisme ini bukanlah sampai ke peringkat mengikuti ideologi Syiah. Walaupun begitu, kejayaan Revolusi Iran ini juga berjaya menyuntik semangat baharu terhadap aliran agama di Malaysia bahawa mereka mampu membentuk kerajaan. Keberhasilan ulama menumbangkan rejim Shah Iran telah mempengaruhi PAS menukar kepimpinan yang ada. Mereka bangkit dengan slogan baharu, iaitu “kepimpinan ulama” sehingga dapat mengambil alih kepimpinan PAS pada tahun 1982 dan terus kekal mendominasinya hingga sekarang.¹²⁷

Idea radikalisme dari Timur Tengah, Pakistan, dan Revolusi Iran ini sedikit sebanyak mempengaruhi perkembangan kefahaman masyarakat Islam di Malaysia.

¹²⁵ R. K. Ramazani, *Revolutionary Iran: Challenge and Response in the Middle East*. Baltimore: John Hopkins University. 1998. hlm. 24-25.

¹²⁶ Ahmad Zaki Haji Abd. Latif, *Transformasi Gerakan Islam*, hlm. 118.

¹²⁷ Ibid.

Pada dekad awal tahun 1970-an khususnya setelah penubuhan ABIM pada 1971, ABIM sebagai sebuah organisasi yang tersusun dan mempunyai jaringan antarabangsa dapat mengakses idea-idea baharu dalam gerakan Islam dengan mudah. Kemunculan fahaman radikalisme ini telah memberi semangat baharu pada gerakan Islam. Keberanian mereka menentang pemerintah pada tahun 1970-an cukup terasa. Gerakan dakwah dan segala aktiviti dakwah berkembang dengan cukup pesat pada waktu ini. Walaupun begitu, idea radikalisme ini telah ditinggalkan oleh ABIM apabila pimpinan utamanya memasuki kerajaan pada tahun 1982 dan juga usaha berterusan pimpinan utamanya untuk cuba menyesuaikan pendekatan dakwah di Malaysia yang berbeza dengan suasana Timur Tengah.¹²⁸

Umumnya idea radikalisme ini sangat mempengaruhi di peringkat awal tahun 1970-an sehingga berjaya mengerakkan dan meniup semangat kepada generasi muda Islam ketika itu. Pembacaan karya-karya tokoh Timur Tengah dan peristiwa Revolusi Iran sangat mempercepatkan idea ini tersebar sehingga berjaya merangsang semangat kepada masyarakat untuk mempelajari dan menghayati Islam. Walau bagaimanapun, akibat proses kematangan dalam kalangan pendakwah di Malaysia, idea radikalisme ini telah ditinggalkan bersesuaian dengan suasana Islam di Malaysia di mana mulai tahun 1980-an, pelaksanaan Islam yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan berjaya memberi kefahaman Islam yang lebih menyeluruh dan praktikal kepada masyarakat.

Peranan Pelajar Dalam dan Luar Negeri

Peristiwa 13 Mei 1969, iaitu rusuhan antara kaum, khususnya antara Melayu dengan Cina telah memberi impak mendalam terhadap hubungan antara kaum di Malaysia.

¹²⁸ Ibid., hlm. 118-125.

Salah satu cara yang digunakan oleh kerajaan untuk memperbaiki ketidakseimbangan kaum ialah pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB). Salah satu tujuan DEB ialah mempertingkatkan kemajuan masyarakat Melayu dengan memberi peluang pendidikan yang lebih tinggi sama ada di dalam atau luar negara.¹²⁹ Bermula pada awal tahun 1970-an, kerajaan mula menghantar pelajar cemerlang Melayu ke luar negara termasuk United Kingdom (UK).

Pada peringkat awal kedatangan pelajar ke luar negara, kesedaran Islam baharu tumbuh. Kesannya belum menyeluruh memandangkan gerakan Islam di dalam negara seperti ABIM baharu ditubuhkan pada tahun 1971. Kelahiran ABIM merupakan batu asas terhadap perkembangan kesedaran Islam pada tahun-tahun berikutnya.¹³⁰ Rata-rata pelajar Melayu yang belajar di luar negara juga belum terdedah sepenuhnya dengan kegiatan kesedaran Islam di tanah air. Menjelang pertengahan tahun 1970-an, golongan yang dihantar belajar di luar negara mula mempunyai kesedaran Islam yang baik. Pada waktu ini kesedaran terhadap penghayatan Islam mula tersebar hasil kegigihan ABIM yang muncul sebagai sebuah organisasi dakwah yang aktif menyeru generasi terpelajar Melayu agar kembali semula kepada Islam.¹³¹

Ketika kerajaan mula menghantar pelajar Melayu dengan bilangan yang ramai ke luar negara pada tahun 1971, sudah ada pertubuhan Islam yang ditubuhkan sama ada oleh pelajar Melayu sendiri atau pelajar Islam dari negara lain. Antara persatuan Islam yang telah wujud di UK pada sekitar tahun 1960-an termasuklah *Muslim Student*

¹²⁹ Dasar Ekonomi Baru (DEB) merupakan usaha penting kerajaan bagi menyelesaikan masalah hubungan kaum akibat daripada peristiwa 13 Mei, Lihat Just Fakland, *DEB: Pencapaian Masyarakat Melayu*, Kuala Lumpur: Utusan, 2004. hlm. 5-30. Ho Khai Leong, *Indigenizing The State: The New Economic Policy and The Bumiputra State In Peninsular Malaysia*, Tesis PhD, University of Ohio, 2004. hlm 20-35. Mohd Yusuf Ismail, *Malaysia New Economic Policy: Its Impact on Urban, Regional and Sectoral Distribution of Income, Inequality and Poverty 1970-1980*, Tesis PhD. University Of Cornell, 1987. hlm 15-45.

¹³⁰ Zainah Anwar, *Kebangkitan Islam di Kalangan Pelajar*. Kuala Lumpur: IBS, 1987. hlm. 54-63.

¹³¹ Ibid, hlm. 54-63.

Society (MSS),¹³² *Federation of Student Islamic Societies* (FOSIS),¹³³ dan *United Kingdom Islamic Mission* (UKIM).¹³⁴

Pada masa yang sama, kesedaran berpersatuan dalam kalangan pelajar Malaysia dengan menubuhkan beberapa persatuan tersendiri juga menyumbang ke arah kefahaman Islam di UK. Kesatuan Melayu United Kingdom (KMUK) merupakan persatuan tertua di UK yang ditubuhkan pada 1927. Pada peringkat awal penubuhannya, KMUK hanya sebuah pertubuhan yang menumpukan pelajar dalam aktiviti berkaitan negara, serta bersifat hiburan semata-mata. Setelah kebangkitan Islam dalam kalangan pelajar Melayu semakin rancak, aktiviti KMUK mula berubah haluan dengan menjalankan aktiviti berbentuk Islam dengan menganjurkan forum, dialog dan seminar sejak tahun 1976.¹³⁵

Pertubuhan pelajar yang paling jelas orientasi Islamnya ialah *Malaysia Islamic Student Group* (MISG) yang ditubuhkan pada tahun 1962. Mereka yang terlibat dalam penubuhan MISG ialah Muhamad Dahlan Arshad dan Razali Nawawi yang juga

¹³²MSS memulakan aktivitinya di UK pada hujung tahun 1950-an, walaupun hanya ditubuhkan secara rasmi pada tahun 1962. Kewujudan MSS telah memberi pengaruh yang besar kepada pelajar Malaysia terutamanya mereka yang dihantar belajar di UK pada awal tahun 1970-an. Penglibatan pelajar Melayu dalam kegiatan MSS ini telah membuka pemikiran dan pandangan mereka terhadap kehidupan Islam yang sebenar melalui aktiviti yang dijalankan dan bahan bacaan yang digunakan termasuk karya Abu al-A'la al-Maududi. Siti Hamisah Manan, *Kebangkitan Islam dalam Kalangan Pelajar di United Kingdom: Peranan Islamic Representative Council, 1975-1990*, Tesis M.A., Universiti Kebangsaan Malaysia, 2003. hlm. 79-81.

¹³³FOSIS ditubuhkan pada tahun 1962 atas kesedaran untuk mewujudkan satu kerjasama yang tersusun terhadap kegiatan Islam yang dijalankan oleh organisasi pelajar sedia ada. Ibid., hlm. 82-84. Lihat juga Fariza Md Sham. "Perkembangan Organisasi Dakwah Di Britain". dalam Ahmad Redzuan Mohd Yunus et.al, *Dakwah Gerakan Islam Alaf Baru*. Bangi:UKM, 2000. hlm. 133-155.

¹³⁴UKIM ditubuhkan pada tahun 1962, dan majoriti anggotanya merupakan keturunan Pakistan, India dan Bangladesh. Peranan UKIM agak kurang dalam mempengaruhi pelajar Malaysia, namun UKIM telah memberi sumbangan yang besar dalam menterjemahkan bahan bacaan dalam bahasa Urdu ke dalam bahasa Inggeris. UKIM juga telah mengusahakan penterjemahan buku-buku dalam bahasa Arab dan bahasa Urdu yang ditulis oleh tokoh-tokoh seperti Hasan al-Banna dan Abu al-A'la al-Maududi. Bahan bacaan tersebut penting dan besar pengaruhnya kepada pelajar Malaysia. ibid., hlm. 85-86.

¹³⁵ Ibid., hlm. 87-89.

merupakan pengasas ABIM.¹³⁶ MISG ditubuhkan untuk memudahkan kegiatan pelajar Islam yang ada di UK, dan berusaha menyampaikan ajaran Islam sebagai satu cara hidup. Walaupun aktiviti MISG dijalankan di seluruh UK, tetapi pada awal tahun 1970-an MISG hanya tertumpu di sekitar London.¹³⁷

Zainah Anwar menyatakan terdapat juga aktiviti di luar London apabila ada beberapa anggota MISG di London mengambil inisiatif pergi ke wilayah lain untuk menyambut pelajar-pelajar sekolah menengah yang menyambung pelajaran mereka di peringkat A Level. MISG juga menganjurkan pelbagai aktiviti kerana bagi mereka, hubungan awal ini penting bagi membimbing para pelajar tersebut agar melibatkan diri dengan aktiviti bercorak Islam. Ramai daripada pimpinan MISG juga dikuasai oleh kelompok ABIM dan mereka banyak berperanan dalam perkembangan Islam apabila pulang ke tanah air.¹³⁸

Terdapat juga kelompok yang agak radikal seperti aktivis *Suara Islam* yang berhasrat membentuk sebuah gerakan Islam yang mampu membawa perubahan menyeluruh kepada masyarakat dan negara apabila kembali ke tanah air.¹³⁹ Istilah yang selalu digunakan ialah Revolusi Islam kerana perubahan yang diinginkan oleh Islam adalah bersifat revolusi serta bermula dengan akidah yang mencetuskan segala pandangan, perundangan dan sistem kehidupan manusia. Selain menerbitkan majalah, mereka juga menganjurkan debat dan seminar. Mereka juga menjalankan aktiviti *usrah* dengan membaca buku Syed Qutb, Abu al-A'la al-Maududi, Hasan al-Banna dan

¹³⁶ Siti Rafiah Abd Hamid, *Malaysian Islamic Study Group (MISG) Di Great Britain: Satu Analisa Mengenai Perkembangan, Pencapaian dan Masalah, 1963-1986*. Latihan Ilmiah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, 1989. hlm. 17.

¹³⁷ Siti Hamisah Manan, *Kebangkitan Islam dalam Kalangan Pelajar di United Kingdom*, hlm. 60.

¹³⁸ Zainah Anwar, *Kebangkitan Islam di Kalangan Pelajar*. hlm. 57.

¹³⁹ Mohamad Abu Bakar, "Pengaruh Luar dan Pengislaman dalam Negeri: United Kingdom dan Eire dalam Kebangkitan Semula Islam di Malaysia" dlm. Mohammad Redzuan Othman (ed.). *Jendela Masa: Kumpulan Esei Sempena Persaraan Dato' Khoo Kay Kim*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2003. hlm. 403-422.

Badiuzzaman Said Nursi.¹⁴⁰ Aktivis pelajar ini menerbitkan majalah yang diterbitkan secara bulanan dan mengandungi analisa sosial dan artikel berunsur Islam. Tujuan asal Suara Islam ialah mengkaji corak dan bentuk gerakan Islam yang paling sesuai di Malaysia.¹⁴¹ Idea radikalisme yang diperjuangkan pimpinan Suara Islam terbawa-bawa apabila mereka pulang ke tanah air dengan menubuhkan Parti Negara Islam. Namun begitu, penubuhan parti tersebut tidak diluluskan oleh kerajaan, sekali gus menyaksikan pimpinan Suara Islam akhirnya memasuki PAS.¹⁴²

Menurut Mohamad Abu Bakar, peranan pelajar seberang laut juga menduduki tempat tersendiri dalam gerakan Islam. Ketika berada di seberang laut, pelajar Melayu menjadi sebahagian daripada masyarakat dan negara asing. Selain terdedah kepada pelbagai pengaruh, pada masa yang sama mereka juga bergaul bersama-sama dengan masyarakat Islam melalui aktiviti bersama. Kedatangan pelajar lulusan Timur Tengah yang menyambung pelajaran di United Kingdom juga telah menimbulkan suasana baharu terhadap kehidupan pelajar secara umumnya. Peningkatan kefahaman agama telah memberi erti tersendiri dengan menolak ideologi sekular yang berlawanan dengan Islam, dan dalam waktu yang sama meningkatkan amalan Islam seperti puasa dan sembahyang.¹⁴³ Walaupun begitu, pengaruh kesedaran Islam bagi penuntut Malaysia di luar negara ini sekadar menyemarakkan lagi arus perkembangan Islam di tanah air apabila pulang kerana faktor dalaman di Malaysia masih merupakan faktor utama dalam perkembangan kebangkitan kesedaran Islam di Malaysia.¹⁴⁴

¹⁴⁰ *Suara Islam* merupakan salah sebuah majalah yang popular bagi pelajar Malaysia di London sekitar tahun 1970-an. Antara tokoh utama yang mengasaskannya ialah Khalid Samad, anggota PAS yang juga Ahli Parlimen Shah Alam sejak Pilihan Raya Umum Ke-12 (2008). Siti Hamisah Manan, *Kebangkitan Islam*, hlm. 92-95.

¹⁴¹ Ibid, hlm. 94.

¹⁴² Ibid.

¹⁴³ Lihat Mohamad Abu Bakar, "Pengaruh Luar dan Pengislaman dalam Negeri: United Kingdom dan Eire, hlm. 415.

¹⁴⁴ Ibid., 403-422.

Persoalan kebangkitan semula Islam pada dekad 1970-an juga telah menimbulkan polemik dalam kalangan beberapa pengkaji. Ada pengkaji yang melihat peristiwa demonstrasi pelajar di Baling pada tahun 1974 sebagai pencetus awal kebangkitan semula Islam di Malaysia,¹⁴⁵ dan ada yang melihat peristiwa 13 Mei 1969.¹⁴⁶ Beberapa orang pengkaji melihat kebangkitan semula Islam bermula dengan peningkatan aktiviti dakwah dan penubuhan organisasi dakwah terutamanya ABIM pada tahun 1971. Hujah penubuhan ABIM sebagai pencetus terhadap fenomena kebangkitan semula Islam di Malaysia pada era moden ini ada kebenarannya. Ini kerana ABIM merupakan lanjutan daripada gerakan dakwah yang dibuat oleh golongan terpelajar Melayu di universiti tempatan terutamanya pelajar Islam dalam Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM) pada penghujung tahun 1960-an. Apabila pelajar ini keluar dari universiti, mereka memerlukan wadah baharu bagi mengerakkan kegiatan dakwah Islam, sekali gus menyaksikan penubuhan ABIM pada tahun 1971.¹⁴⁷

Kelahiran ABIM sebagai badan dakwah juga boleh dianggap sebagai penggerak utama atau paksi utama kepada pengislaman semula atau reislamisasi di Malaysia. Kebangkitan itu selaras pula dengan semangat dan cita-cita pengasas ABIM (alumni PKPIM) yang ingin menjadikan ABIM sebagai sebuah gerakan Islam ketika pertubuhan itu diasaskan. Di samping itu, terdapat juga beberapa fenomena yang menjelaskan kepentingan penubuhan ABIM. Pertama, Islam sebagai satu cara hidup dikembangkan secara pesat dan sistematik. Kedua, kemunculan ABIM dapat memenuhi kekosongan perjuangan belia secara Islam. Ketiga, munculnya kader-kader dakwah, intelektual Islam dan ulama hasil latihan dakwah dekad 1960-an. Keempat, kewujudan organisasi

¹⁴⁵ Mohamad Abu Bakar, "Selepas Kebangkitan Semula Islam", hlm. 12.

¹⁴⁶ John C. Raines, "Post Colonial Struggles in Malaysia, Tell Story of ABIM". Kertas kerja Simposium Islam dan Masa Depan. Muktamar ABIM Ke-25. Dewan Muktamar, Kuala Lumpur, 16-19 Ogos 1987, hlm. 1-4.

¹⁴⁷ Ahmad Zaki Haji Abd. Latif, *Transformasi Gerakan Islah*, hlm. 108.

dakwah secara tersusun strukturnya yang berpusat dan mempunyai skema *tarbiah* dan pengkaderan tersendiri.¹⁴⁸

Kemunculan ABIM sebagai organisasi dakwah yang terpenting dan berpengaruh ketika itu telah membawa perubahan yang nyata dalam perkembangan agama, politik, pendidikan, sosial, ekonomi dan kebudayaan masyarakat Melayu. Perubahan ini berpunca akibat dasar perjuangan dakwah ABIM yang lengkap dengan menjadikan Islam sebagai suatu cara hidup. Perubahan yang menyeluruh ini termasuklah dari sudut agama dan politik, selain kebangkitan dakwah yang menyedarkan masyarakat Melayu tentang Islam sebagai satu cara hidup.¹⁴⁹ Sebelum era kebangkitan Islam, politik Melayu ialah berasaskan kepada kaum semata-mata. Namun begitu, politik Melayu mula berubah pada era kebangkitan Islam, terutamanya setelah menerima pengaruh Timur Tengah.¹⁵⁰ Perubahan sikap umat Islam yang mula menentang pengaruh Barat berpunca daripada kesedaran yang diperjuangkan oleh gerakan *tajdid* yang bersumber dari Timur Tengah, serta perkembangan semasa yang berlaku pada sekitar tahun 1970-an seperti Perang Arab-Israel tahun 1967, dan Revolusi Iran tahun 1979.¹⁵¹ Oleh itu, pengaruh tersebut secara global telah memasuki Malaysia pada peringkat awal selain mempengaruhi aktivis ABIM bagi menggerakkan masyarakat ke arah kehidupan yang lebih Islamik.¹⁵² Satu bentuk kejayaan yang terhasil daripada perjuangan gerakan Islam yang dimainkan oleh para pelajar institut pengajian tinggi sejak tahun 1960-an ialah perubahan persepsi terhadap Islam. Persepsi terhadap

¹⁴⁸ Ibid.

¹⁴⁹ Lihat juga Nagata, Judith, "Religious Ideology and Social Change: The Islamic Revival in Malaysia". *Pacific Affair*, 53.3 (Autumn 1980): 405-439; Chandra Muzaffar, *Islamic Resurgence in Malaysia*. hlm. 5; Hussin Mutalib, *Islam in Malaysia: From Revivalism to Islamic State*. Singapore: Singapore University Press, 1993, hlm. 27-28.

¹⁵⁰ Ahmad Zaki Haji Abd. Latif, *Transformasi Gerakan Islah*, hlm. 112-116.

¹⁵¹ Clive Kessler, "Malaysia: Islamic Revivalism in Malaysia and Political Disaffection in a Divided Society". *South East Asia Chronicle*. No 75. 1980. hlm.4. Lihat juga Fred R.Von Der Mehden."Islamic Resurgance and Responses" dlm. Asghar ali Engineer(ed) *Islam in South and South East Asia*. New Delhi: Ajanta Publication, 1985. hlm. 170.

¹⁵² Ahmad Zaki Haji Abd. Latif, *Transformasi Gerakan Islah*, hlm .115.

agama Islam telah berubah daripada fahaman agama yang menjurus kepada ritualisme semata-mata kepada kefahaman bahawa Islam adalah sebagai satu cara hidup. Kefahaman tersebut kemudiannya menjadi asas pemikiran organisasi dakwah seperti ABIM dan disebar luaskan ke dalam masyarakat Melayu.¹⁵³

Faktor utama yang membantu perubahan persepsi tersebut ialah pembacaan terhadap hasil karya tokoh-tokoh gerakan Islam seperti al-Maududi, Abdul Qadir Audah, Hasan al-Banna, dan Maryam Jameelah. Antara buku-buku penting yang diterjemahkan pada dekad itu kebanyakannya buku popular Islam yang diterbitkan oleh *Islamic Publication Lahore* dalam bahasa Inggeris sekitar akhir tahun 1960-an dan awal tahun 1970-an seperti *Toward Understanding Islam*, *The Procecs of Islamic Revolution*, *Islamic Way of Life*, *The Meaning of al-Quran*, *Islam Religion the Future*, dan *Islam and The World*. Sementara itu, karya-karya gerakan Islam dalam bahasa Arab juga diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu-Indonesia pada sekitar tahun 1960-an seperti *Inilah Islam* oleh Sayed Qutb, dan *Islam dan Perundangan* oleh Abdul Qadir Audah. Antara buku gerakan Islam yang diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu termasuklah *Berjihad Pada Jalan Allah* oleh al-Maududi, *Islam, Pemeluk dan Ulamak* oleh Abdul Qadir Audah, dan *Peraturan dan Arahan* oleh Hasan al-Banna.¹⁵⁴

ABIM telah menggiatkan penerbitan karya-karya Islamnya melalui Dewan Pustaka Islam, dan menonjolkan pemikiran tokoh-tokoh *mujaddid* dan *muslih* untuk pedoman para pendakwah dan masyarakat pada sekitar tahun 1970-an.¹⁵⁵ Pada pertengahan tahun 1970-an, kegiatan penterjemahan karya gerakan Islam dalam bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu mula dilakukan dan diedarkan di pasaran. Penerbitannya

¹⁵³ Ibid.,

¹⁵⁴ Ibid., hlm. 119.

¹⁵⁵ Ibid.

mendapat sambutan para pendakwah lebih-lebih lagi kesusasteraan Islam dalam pelbagai bahasa.¹⁵⁶

Sesungguhnya dekad 1970-an menyaksikan berlakunya krisis identiti umat Islam yang dapat dilihat tanda-tanda kewujudannya melalui pertembungan pemikiran antara para pendukung status quo. Pertembungan berlaku dalam semua bidang perbahasan Islam dan isu semasa seperti isu agama dan politik, dakwah dan diayah, Islam dan kebangsaan, Islam dan ketidakadilan sosial, budaya Islam dan budaya Barat, pendidikan Islam dan pengajaran sekular.¹⁵⁷ Gerakan Islam pada waktu itu terutamanya ABIM bertindak sebagai jurubicara ummah dan menjadikan Islam sebagai ideologi perjuangan dakwahnya dan menolak segala bentuk ideologi ciptaan manusia seperti sekularisme, kapitalisme dan sosialisme. Ini dapat dilihat dengan begitu banyak program seminar dan diskusi yang membincangkan soal itu dan mewujudkan budaya baharu dalam arah aliran pemikiran intelektual Muslim di Malaysia.¹⁵⁸

Hujung tahun 1970-an memperlihatkan komitmen untuk melaksanakan Islam yang begitu kuat tanpa bantuan kerajaan. Gerakan Islam seperti ABIM misalnya mula menterjemahkan pemikiran dan idea dalam bentuk tindakan praktis dengan penubuhan institusi pendidikan, dakwah dan ekonomi. Terbentuknya Taman Asuhan Kanak-kanak Islam atau TASKI (1975), Dewan Pustaka Islam (1976), dan Koperasi Belia Islam (1977) sejak hujung tahun 1970-an juga memperlihatkan perubahan yang menarik apabila sebuah gerakan Islam mula menterjemahkan Islam dalam bentuk institusi yang

¹⁵⁶ Mohammed Redzuan Othman et.al “Pertubuhan Sukarela Islam dan Pembinaan Negara Bangsa: Peranan ABIM dalam Usaha Penerbitan Sepanjang 33 Tahun Penubuhannya,” dalam Seminar Antarabangsa Kesusasteraan Melayu (VIII : 6-8 Jul 2004: Bangi) penyelenggara: Shaiful Bahri Md. Radzi, Khatijah Ismail, Solehah Ishak dan Hanapi Dollah. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2004. hlm. 448-460.

¹⁵⁷ Ahmad Zaki Haji Abd. Latif, *Transformasi Gerakan Islah*, hlm. 111-119.

¹⁵⁸ Muhammad Abu Bakar, *Penghayatan Sebuah Ideal: Suatu Tafsiran Tentang Islam Semasa*. hlm 73-234.

sifatnya lebih *functional* sebagai suatu sumbangan kepada masyarakat.¹⁵⁹ Penubuhan institusi ini telah merubah dan membentuk masyarakat terpelajar Melayu. Penghantaran anak-anak untuk mengikuti kelas tadika di TASKI juga telah mendapat sambutan yang menggalakkan, dan dianggap sebagai pendidikan alternatif sehingga menjadi *main stream* dalam pendidikan prasekolah di Malaysia sehingga sekarang.¹⁶⁰

Kebangkitan Semula Islam Dan Pemantapan Cara Hidup *Islamik*

Dekad 1970-an merupakan dekad pengasasan kefahaman Islam baharu dalam masyarakat Melayu yang dikenali sebagai kebangkitan semula Islam. Idea dan perubahan tingkah laku ke arah kehidupan yang lebih Islamik dapat dirasakan dalam setiap bidang kehidupan. Dekad kedua kebangkitan semula Islam pada awal tahun 1980-an apabila Dr Mahathir Mohamad mengambil alih kepimpinan negara dengan menjadi Perdana Menteri Malaysia yang keempat.¹⁶¹ Pada masa itu juga, pemimpin belia dan gerakan Islam terkenal dan berpengaruh iaitu Anwar Ibrahim menyertai barisan kepimpinan baharu dalam parti pemerintah yang diwakili UMNO serta memainkan peranan penting dalam proses Islamisasi kerajaan di bawah pimpinan Dr Mahathir Mohamad selaku Perdana Menteri.¹⁶²

Perubahan dasar dan komitmen pemerintah dalam hal keislaman jelas dengan sokongan terbuka pimpinan negara dengan menginstitusikan Islam sebagai dasar negara. Ini dibuat memandangkan golongan terpelajar Melayu pada sekitar tahun 1970-an mula

¹⁵⁹ Ahmad Zaki Haji Abd. Latif, *Transformasi Gerakan Islah*, hlm. 124.

¹⁶⁰ Norazlan Hadi Yaacob, "ABIM dan Sumbangannya Terhadap Islamisasi di Malaysia," dalam Azmul Fahimi Kamarulzaman *et al*, 2009, *Proceedings Of The MACASIC*, Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, UKM. hlm, 524-530.

¹⁶¹ Mohd. Rumaizuddin Ghazali, *Pembangunan Islam di Malaysia dalam Era Mahathir*. Nilai: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia, 2011, hlm. 62.

¹⁶² Norazlan Hadi Yaacob *et al*. "Berebut Menjadi Soleh: Persaingan UMNO dan PAS di Malaysia". Kertas kerja International Conference on Indonesia-Malaysia Relations IV. Universitas Andalas, Sumatera, Indonesia, 1-3 November 2010, hlm. 1-20.

terdedah dengan kefahaman Islam baharu. Oleh itu, sebahagian besar mereka yang memegang jawatan tinggi dalam kerajaan, sektor swasta dan politik turut memainkan peranan penting dalam penginstitutionan tersebut.¹⁶³ Peranan aktif Anwar Ibrahim juga turut menyumbang dalam proses ini. Sumbangan beliau yang paling ketara iaitu pada tahun 1982 apabila kerajaan telah memperkenalkan dasar Islamisasi secara serius dan mencadangkan penubuhan Universiti Islam Antarabangsa (UIA) tanpa terikat dengan Akta Universiti dan Kolej, Dasar Pelajaran Kebangsaan (DPK), Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) serta Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM). Turut diperkenalkan pembentukan sistem kewangan Islam dengan menubuhkan bank Islam di Malaysia pada tahun 1983. Dasar Islamisasi ini memang diterima oleh majoriti rakyat, termasuk bukan Islam.¹⁶⁴

Presiden UMNO ketika itu, Dr Mahathir Mohamad dalam Mesyuarat Agung UMNO pada tahun 1982 menyatakan perlunya umat Islam meningkatkan amalan berunsur Islam selain memastikan mereka berpegang teguh pada ajaran Islam, maka kerajaan mula meningkatkan komitmen terhadap proses Islamisasi.¹⁶⁵ Beberapa langkah telah dilakukan oleh kerajaan, antaranya pembatalan import daging tidak halal, larangan berjudi khusus kepada orang Islam di Genting Highlands, penubuhan perbankan Islam, penubuhan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), pengenalan kursus Tamadun Islam sebagai kursus wajib universiti, penubuhan syarikat Insurans Islam, dan penubuhan institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).¹⁶⁶

¹⁶³ Ibid., hlm 2-10.

¹⁶⁴ Ahmad Zaki Haji Abd. Latif, *Transformasi Gerakan Islah*, hlm. 113-126.

¹⁶⁵ Ucapan Dasar Presiden UMNO, Mesyuarat Agung UMNO 1982. Lihat juga Norazlan Hadi Yaacob *et al.*, "Berebut Menjadi Soleh: Persaingan UMNO dan PAS di Malaysia". 2010.hlm. 1-20.

¹⁶⁶ Harold Crouch, *Government And Society in Malaysia*, New South Wales, Allen & Unwin Ltd, hlm 171. Lihat juga Ahmad Sunawari Long, "Islam di Malaysia: Era Mahathir" dalam Mazlan Ibrahim *et al.*, *Islam Pasca Kemerdekaan*, Karisma: Shah Alam, 1996. hlm 7-13.

Peranan Malaysia terhadap Islam di peringkat antarabangsa juga semakin penting di bawah era Dr Mahathir Mohammad, khususnya apabila beliau meningkatkan hubungan bilateral dengan beberapa negara Islam bagi menguatkan lagi hubungan ekonomi, sosiobudaya, spiritual dan politik. Sebagai Perdana Menteri, beliau telah mengadakan lawatan rasmi ke negara-negara teluk, diikuti lawatan Timbalan Perdana Menteri ke Mesir dan Jordan. Malaysia juga menyatakan kesanggupan untuk menyelesaikan atau menjadi orang tengah dalam Perang Iran-Iraq. Imej Islam Malaysia di peringkat antarabangsa juga menjadi antara faktor penting dalam kejayaan Barisan Nasional (BN) memenangi Pilihan Raya Umum 1982. Isu Palestin melalui forum PBB, OIC dan ASEAN turut menjadi bukti penglibatan Malaysia di peringkat global. Kesungguhan ini dibuktikan melalui pengiktirafan kerajaan Malaysia kepada Yaser Arafat sebagai wakil masyarakat Islam Palestin.¹⁶⁷ Dasar Malaysia di peringkat antarabangsa dilihat sebagai berjaya meletakkan Malaysia sebagai negara contoh dalam kalangan negara Islam.¹⁶⁸

Proses Islamisasi juga telah berjaya meningkatkan keyakinan diri terhadap Islam oleh generasi muda Melayu di bandar serta membawa masyarakat Islam lebih dekat kepada Islam. Kecenderungan orang Melayu untuk bercakap mengenai jihad dalam menyelesaikan masalah masyarakat juga semakin meningkat walaupun isu tersebut turut mengundang keresahan dalam kalangan bukan Islam yang bimbang bahawa kerajaan akan menubuhkan sebuah kerajaan Islam dengan pelaksanaan undang-undang Islam sepenuhnya.¹⁶⁹ Dengan komitmen penuh kerajaan terhadap Islam, pemimpin negara telah mengumumkan Malaysia sebagai sebuah negara Islam di hadapan bukan

¹⁶⁷ Jerry Bass, "Malaysia in 1982: A New Frontier?" dlm. *Asian Survey*, Vol. 23, No. 2, 1993. hlm. 195. Lihat juga keseluruhan kajian Shanti Nair, *Islam in Malaysia Foreign Policy*, New York, Routledge, 1997.

¹⁶⁸ Ahmad Sunawari Long, "Islam di Malaysia: Era Mahathir", hlm. 8.

¹⁶⁹ Norazlan Hadi Yaacob, *Berebut Menjadi Soleh: Persaingan UMNO dan PAS di Malaysia*, hlm. 1-20.

Islam di Majlis Perasmian Persidangan Perwakilan Parti Gerakan Rakyat Malaysia (GERAKAN) ke-30 pada 29 September 2001 di Menara PGM.¹⁷⁰

Kejayaan penerapan dan penginstitution Islam oleh kerajaan juga mendapat pujian daripada seorang sarjana, iaitu Osman Bakar yang menegaskan bahawa proses Islamisasi ini berjaya menonjolkan kejayaan umat Islam terutama dalam bidang pendidikan dan ekonomi. Walaupun terdapat negara lain seperti Pakistan cuba melaksanakan dasar ini, namun telah menemui kegagalan.¹⁷¹ Secara terperinci, penginstitution Islam di Malaysia dibuat dengan beberapa langkah. Langkah-langkah ini dikenal pasti sebagai akibat daripada tekanan yang positif daripada kelompok gerakan dakwah dekad 1970-an dan berjaya mengubah kefahaman masyarakat Islam di Malaysia.

Kesimpulan

Kedatangan Islam ke alam Melayu yang mengalami proses yang panjang berjaya merubah bentuk dan cara hidup masyarakat Melayu. Pada peringkat awal, Islam berjaya menukar pandangan hidup keagamaan masyarakat dan juga menjadi satu sistem sosial yang lengkap. Kedatangan penjajah juga walaupun memberi kesan negatif tetapi dari sudut pengalaman Islam masih kekal menjadi amalan utama masyarakat. Pada zaman

¹⁷⁰Harold Crouch, *Government and Society in Malaysia*, hlm 172, Untuk perbincangan lanjut polemik pengistiharan negara Islam, lihat kajian R Sivaperegasa P Rajanthiran, *Pengistiharan Malaysia Sebagai Negara Islam oleh Tun Dr. Mahathir Mohammad pada 29 September 2001: Bantahan DAP dan PAS*, Sham Alam:UITM. 2010.Diskusi tentang kontroversi pengisytiharan Malaysia sebagai negara Islam, lihat Mohammad Abu Bakar, *Polemik Negara Islam dan Pembudayaan Politik Malaysia*, Petaling Jaya: Institut Perkembangan Minda (INMIND), 2002. Patricia Martinez, "The Islamic State or the State of Islam in Malaysia", *Contemporary Southeast Asia*, Vo. 23, No.3 (Disember 2001). Perbincangan tentang negara Islam di Malaysia dari segi konseptual lihat, Rahimin Affandi dan Mohd. Faizal Malik, "Adakah Malaysia Sebuah Negara Islam?", *Jurnal Yadim*, Bilangan Kelima, Dis 2003, hlm. 1-15.

¹⁷¹ Osman Bakar, *World Conference Of Islamic Scholar* Julai, 10-12-2003-, <http://snni.org/events/ulama/rpp.shtm?pp/pe 2002-5>

penjajahan, Islam menjadi kekuatan utama masyarakat dalam menentang penjajahan Barat. Ini menunjukkan kesedaran Islam adalah sangat sinonim dengan masyarakat Melayu. Perkembangan Islam ini juga disumbangkan oleh ulama yang menjalankan fungsinya sebagai pemimpin masyarakat sehingga menjadikan Islam sebagai perkara yang penting bagi masyarakat Melayu. Penubuhan beberapa majalah dan institusi pendidikan pondok dan madrasah ini juga turut memberi kesedaran keislaman kepada masyarakat sehingga menimbulkan kesedaran nasionalisme untuk menentang Inggeris sehingga Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada 1957.

Gerakan *Islah* yang dipelopori oleh Ulama reformis berjaya mewujudkan satu persekitaran pemikiran *islamik* yang dinamik terutamanya dari idea-idea yang dilontarkan dalam beberapa majalah seperti *al Imam*. Idea ini menarik minat masyarakat untuk membuat perubahan, walaupun begitu, gerakan ini belum berjaya menubuhkan beberapa organisasi agama yang dominan dalam memperjuangkan kemerdekaan. Pada awal kemerdekaan Tanah Melayu, Islam dipinggirkan dalam arus pentadbiran negara. Menjelang akhir tahun 1960-an telah berlaku perubahan apabila bangkitnya arus kesedaran Islam yang dikenali sebagai kebangkitan semula Islam pada awal tahun 1970-an. Kesedaran ini yang berdasarkan idea *Islah* yang diperjuangkan ulama reformis sebelum merdeka telah merubah struktur dan pembentukan identiti masyarakat Melayu-Islam di Malaysia. Dekad 1970-an boleh dianggap sebagai zaman baharu pengislaman masyarakat Melayu. Kesedaran yang digerakkan oleh golongan dakwah terutamanya generasi terpelajar Melayu dalam organisasi seperti ABIM memberi impak yang sangat besar. Perubahan masyarakat ke arah kehidupan yang lebih berunsur Islam masih berlaku hingga hari ini.

Era 1970-an yang ditandai oleh kelahiran ABIM dan gerakan pelajar berjaya merubah suasana pengamalan Islam dalam masyarakat. Kelahiran ABIM ini menjadi fenomena baru kebangkitan semula Islam di mana mereka berjaya mempengaruhi mahasiswa di kampus yang merupakan golongan menengah masyarakat Melayu ketika itu. Pengislaman golongan mahasiswa ini secara tersusun dan agak menyeluruh telah berjaya merubah struktur sosial masyarakat Melayu kelas menengah ketika itu. Inilah yang menjadikan kebangkitan semua Islam pada dekad ini mudah tersebar dan berjaya merubah masyarakat yang mengamalkan Islam secara sempurna.

zaman kampus lagi. Selain itu, bab ini juga akan membincangkan struktur organisasi ABIM dan idea-idea utama kepimpinan ABIM.

Idea Penubuhan

Gerakan mahasiswa pada tahun 1960-an merupakan generasi baru aktivis mahasiswa yang menjadikan Islam sebagai asas perjuangan serta mempunyai kesedaran sosial yang mendalam. Golongan ini menjadikan Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM) sebagai wadah gerakan mahasiswa bagi membawa kembali umat agar menerima Islam sebagai suatu sistem yang dinamik dan serba lengkap.¹ Keprihatinan dan penglibatan mereka terhadap gerakan mahasiswa telah mencetuskan idea penubuhan Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM). Penubuhan ABIM adalah atas kesedaran kurangnya pertubuhan belia yang mengambil berat dan memberi perhatian kepada soal-soal yang berkaitan dengan Islam secara serius kerana pada waktu itu pergerakan belia lebih tertumpu kepada aktiviti sosial yang bercorak hiburan, kebudayaan, pendidikan dan pakaian seragam semata-mata.² Pada tahun 1961, PKPIM telah menjadi sebuah badan yang kukuh daripada segi keupayaannya menangani isu semasa dengan keahliannya seramai 100 ribu orang yang terdiri daripada golongan pelajar institusi pengajian tinggi.³

Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM) merupakan satu-satunya badan pada peringkat kebangsaan yang menyatukan seluruh persatuan pelajar Islam di semua peringkat di Malaysia. Penubuhan PKPIM adalah lanjutan daripada satu

¹ Pamphlet Angkatan Belia Islam Malaysia, "Penggerak Kebangkitan Umat".tt. hlm.1-5.

² Ahmad Zaki Abdul Latiff, Pengaruh Pemikiran Agama Timur Tengah terhadap Perkembangan Politik di Malaysia, 1971-2004, Tesis PhD, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 2008. hlm. 30-50.

³ Muhammad Nur Manuty, Perception of Social Change in Contemporary Malaysia: A Critical Analysis of ABIM's Role and Its Impact among the Muslim Youth, Tesis PhD, Temple University, 1988, hlm. 74-75.

seminar yang dianjurkan pada 4 September 1960 iaitu “Seminar Pelajar Islam Se-Malaya”.⁴ Dalam seminar tersebut, satu resolusi telah dicapai untuk menubuhkan sebuah persatuan pelajar yang berasaskan Islam. Oleh itu telah ditubuhkan pada 31 Mac 1961 bertempat di Asrama Kedua, Universiti Malaya.⁵ Pada peringkat awalnya PKPIM dikenali dengan nama Persatuan Kebangsaan Pelajar-pelajar Islam Persekutuan Tanah Melayu (PKPIPTM) dan selepas penubuhan Malaysia pada tahun 1965, PKPIPTM bertukar namanya kepada PKPIM yang disesuaikan dengan penukaran nama negara.⁶

Pada peringkat nasional ketika itu sudah terdapat beberapa persatuan belia iaitu Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) dan Persatuan Kebangsaan Pelajar Malaysia (PKPM) sebagai wadah pelajar yang terawal dibentuk oleh tiga kaum terbesar selepas kemerdekaan, namun begitu mereka tidak bergerak atas nama idealisme Islam.⁷ Idea pembentukan PKPIM dirancang oleh sekumpulan pelajar yang terdiri daripada 10 orang pemimpin pelajar dari lima buah institusi pengajian tinggi ketika itu iaitu dari Universiti Malaya, Maktab Teknik Kuala Lumpur (sekarang Universiti Teknologi Malaysia), Maktab Pertanian Malaysia (sekarang Universiti Putra Malaysia), Kolej Islam Malaya (sekarang Maktab Perguruan Islam) dan Maktab Perguruan Bahasa.⁸

PKPIM ditubuhkan dengan objektif untuk menjadi satu badan yang mewakili pelajar Islam dan merapatkan tali persaudaraan di antara semua pelajar di Malaysia serta akan menjadi badan induk kepada persatuan pelajar Islam di Malaysia dalam

⁴ Mohd Hilmi Ramli, *et al*, *PKPIM 5 Dasawarsa*, Gombak: PKPMI. 2009. hlm. 18-19.

⁵ Ibid., 18-23.

⁶ Ibid., 19-24.

⁷ Habibullah Samsuddin, *PKPIM Matlamat dan Dasar Pergerakan*, Tamrin Kepimpinan dan Pengurusan Organisasi – PKPIM, 20-25 Jun 1987, hlm. 1. Zambry Abd Kadir dan Muhammad Idris Ibrahim, *Sejarah Perjuangan, Cabaran dan Masa Depan PKPIM Sebagai Wadah Gerakan Pelajar Islam di Malaysia*, dalam PEPIAT, *Gagasan 21 Menangani Era Globalisasi Agenda Generasi Muda Serantau*, Persatuan Persekutuan Pelajar Islam Asia Tenggara (PEPIAT), 1995, hlm. 176.

⁸ Kertas Penubuhan PKPIM, tanpa tahun. hlm.1-4.

menjana sebarang kegiatan berkaitan para pelajar.⁹ Ini bermakna PKPIM merupakan wadah yang berperanan sebagai wakil pelajar Islam yang berkaitan dengan masalah pelajaran, kebudayaan dan kemasyarakatan. Selain itu juga, PKPIM turut mewakili pelajar-pelajar Islam di persidangan Islam di dalam dan di luar negara serta merapatkan hubungan menerusi kerjasama dengan persatuan-persatuan yang sama dasar perjuangannya.¹⁰

Sumbangan terpenting PKPIM ialah peranannya dalam menyemarakkan semangat kebangkitan Islam dalam kalangan masyarakat pelajar. Kesedaran Islam yang diusahakan melalui aktiviti PKPIM ini telah berjaya membentuk kelompok-kelompok kecil yang menumpukan kepada perbincangan persoalan kehidupan mencakupi segenap bidang sosiopolitik, ekonomi, pendidikan dan sebagainya tetapi bertunjangkan kepada cara hidup Islam. Anwar Ibrahim yang menjadi Presiden PKPIM pada tahun 1969 membawa idealisme ini kepada seluruh masyarakat pelajar yang akhirnya menimbulkan kesedaran terhadap gerakan kebangkitan Islam dalam kalangan pelajar ketika itu. PKPIM berkembang dengan pesat selepas tercetusnya peristiwa 13 Mei 1969 kerana ia merupakan wadah kepada pelajar yang peka terhadap perjuangan isu-isu masyarakat yang memerlukan pembelaan sekitar tahun 1960-an dan 1970-an.¹¹ PKPIM adalah antara gerakan pelajar yang lantang dalam menyuarakan kepincangan corak pemerintahan dan kepimpinan pemerintah rentetan daripada tragedi 13 Mei 1969.¹²

Sewaktu Anwar Ibrahim menjadi Presiden PKPIM, gerakan pelajar menjadi semakin lantang memperjuangkan aspirasi Islam dalam masyarakat. PKPIM ketika itu sangat dikenali dalam kalangan para pelajar termasuk juga masyarakat awam dan

⁹ Ibid.

¹⁰ Mohd Hilmi Ramli, *et al*, *PKPIM 5 Dasawarsa*, hlm. 20-35.

¹¹ Muhammad Idris Ibrahim, *Sekitar Perjuangan Persatuan Kebangsaan Pelajar-Pelajar Islam Malaysia (PKPIM)*, hlm. 168.

¹² Mohd Hilmi Ramli, *PKPIM 5 Dasawarsa*, hlm. 20-30.

kerajaan. Terdapat ahli-ahli PKPIM yang telah tamat belajar di peringkat universiti namun berminat untuk meneruskan lagi perjuangan melalui organisasi yang dirasakan lebih sesuai bagi golongan seperti mereka. Oleh itu pembentukan satu organisasi belia yang boleh dijadikan sebagai wadah bagi golongan pelajar yang telah menamatkan pengajian untuk terus melibatkan diri dalam aktiviti berbentuk dakwah ini telah diilhamkan dan diusahakan sejak tahun 1967 lagi kerana memandangkan pentingnya ditubuhkan satu organisasi untuk menyatukan belia-belia Islam di negara ini.¹³ Perbincangan dan usaha beberapa bekas pimpinan PKPIM dengan sokongan sebahagian siswazah yang pulang dari luar negara setelah menamatkan pengajian inilah yang menyumbang terhadap penubuhan ABIM.¹⁴

Pada tahun 1969, PKPIM telah mengadakan satu perjumpaan khas bagi membincangkan penubuhan ABIM yang telah diadakan di Institut Teknologi Mara (sekarang UITM), Jalan Othman, Petaling Jaya.¹⁵ Perjumpaan ini dihadiri orang wakil-wakil dari badan gabungannya iaitu Persatuan Mahasiswa Islam, Universiti Malaya (PMIUM), Kesatuan Siswa Siswi, Institut Teknologi MARA (KSITM), Kesatuan Pelajar-pelajar Kolej Islam Malaya (KPKIM), Kesatuan Pelajar-pelajar Islam, Maktab Perguruan Bahasa (KPIMBB), Persatuan Pelajar-pelajar Islam Maktab Teknik Kuala Lumpur, Persatuan Pelajar Islam Maktab Pertanian Malaya (PPISMPPM) dan lain-lain lagi.¹⁶ Dalam perjumpaan khas ini telah diputuskan untuk menubuhkan pertubuhan belia Islam dan sebuah jawatankuasa penaja telah dilantik. Anwar Ibrahim telah dilantik sebagai pengerusi, setiausahanya dipegang oleh Mohd Jamil Mukmin dan Suhaimi Kamarudin

¹³ Ucapan Pengerusi Jawatankuasa Penaja ABIM dalam Minit Mesyuarat Agong Penubuhan Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Dewan Kuliah A, Fakulti Islam UNIKEB, 8 ogos 1971. hlm. 1.

¹⁴ *Minit Mesyuarat Agong Penubuhan Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM)*, Dewan Kuliah A, Fakulti Islam UNIKEB, 8 Ogos 1971. hlm.2.

¹⁵ Ibid.

¹⁶ Ibid.

dilantik menjadi Penasihat undang-undang yang ditugaskan untuk menggubal perlembagaan dengan mengambil kira pandangan semua pihak.¹⁷

Pertubuhan ini berjaya ditubuhkan pada 14 Jun 1971 dan dinamakan Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM). Penubuhannya dirasmikan oleh Datuk Hamzah Abu Samah, Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan Malaysia pada ketika itu. Presiden penaja ABIM pertama ialah Abdul Wahab Abdullah. Walau bagaimanapun pendaftaran ABIM hanya diluluskan oleh Pejabat Pendaftaran Malaysia pada 17 Ogos 1972.¹⁸ Kelewatan ini disebabkan oleh wujudnya pihak-pihak tertentu yang cuba mendesak supaya penubuhan ABIM ini ditangguhkan ekoran daripada peristiwa demonstrasi pada 14 Jun 1971 iaitu demonstrasi anti Thailand sempena lawatan Perdana Menteri Thailand Thanom Kittikachorn oleh pelajar dan belia-belia Islam di Malaysia mengenai isu penindasan minoriti umat Islam di Selatan Thailand.¹⁹

Permohonan rasmi penubuhan ABIM telah dikemukakan kepada pejabat pendaftaran pada 26 Oktober 1971. Namun permohonan ini hanya diluluskan setahun kemudian iaitu pada 17 Ogos 1972 dengan nombor pendaftaran 1161 (Selangor). Dengan itu, ABIM telah ditubuhkan secara rasmi pada tahun 1972.²⁰ Kelulusan ini telah dilaporkan secara besar-besaran di media dan akhbar utama ketika itu.²¹ Bermula daripada tarikh ini, penubuhan ABIM peringkat negeri dan daerah giat dijalankan dan keahliannya mula meningkat dari sehari ke sehari. Pada 14 Februari 1973 bertempat di Fakulti Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Petaling Jaya, satu mesyuarat agung luar biasa telah diadakan kerana terdapat kekosongan pimpinan di Jawatankuasa Pusat.

¹⁷ Mohd Jamil Mukmin, *Gerakan Islam di Malaysia*, hlm, 30-50.

¹⁸ Lihat sijil pendaftaran ROS 1972.

¹⁹ Mohd Jamil Mukmin, *Gerakan Islam di Malaysia*, hlm, 30-50.

²⁰ *Laporan Lima Bulan Pertama ABIM (Ogos 1972 - Januari 1973)*, Fail Sekretariat.

²¹ *Utusan Malaysia* bertarikh 1 September 1972 melaporkan ‘setelah menunggu selama hampir satu tahun akhirnya pendaftaran ABIM diluluskan’.

Mesyuarat Luar Biasa ini perlu diadakan segera untuk membolehkan gerak kerja ABIM berjalan lancar.²²

Kepimpinan ABIM yang datangnyanya dari bekas pimpinan PKPIM merupakan antara sebab ABIM dapat berkembang. Anwar Ibrahim yang merupakan salah seorang yang terlibat sebagai pengasas penubuhan ABIM ini mengharapkan alumni PKPIM dapat menyalurkan komitmen mereka terhadap gerakan dakwah melalui ABIM. Dalam ucapannya pada pelancaran penubuhan ABIM sempena Persidangan Agung Tahunan PKPIM ke-10 di Fakulti Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Petaling Jaya Anwar Ibrahim menggariskan betapa perlunya aktivis PKPIM memerlukan wadah belia Islam setelah tamat belajar.²³ Penglibatan secara aktif aktivis mahasiswa di universiti tempatan ini terutamanya yang terlibat dalam PKPIM menunjukkan bahawa kelompok inilah yang paling banyak menyumbang terhadap proses penubuhan ABIM.

Peranan Anwar Ibrahim

Anwar Ibrahim sebagai pemimpin pelajar ketika itu sangat berperanan dalam mengambil inisiatif penubuhan ABIM. Beliau yang merupakan pimpinan PKPIM, PBMUM dan Setiausaha Agong MBM banyak mengambil inisiatif dalam mengerakkan belia.²⁴ Bakat kepimpinannya telah terserlah sejak peringkat sekolah rendah lagi apabila terpilih sebagai ketua murid dan aktif dalam kegiatan ko-kurikulum. Semasa menuntut di Maktab Melayu Kuala Kangsar, sifat kepimpinan beliau semakin ketara sehingga ke peringkat pengajian tinggi. Kewibawaan beliau sebagai pemimpin kian menonjol apabila dipilih sebagai Setiausaha Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia

²² *Minit Persidangan Mesyuarat Agung Luar biasa ABIM*, 14 Februari 1973, hlm. 1.

²³ *Ucapan Anwar Ibrahim di Kongres PKPIM*.

²⁴ Mohd Jamil Mukmin, *Gerakan Islam di Malaysia*, hlm. 30-50.

(PKPIM) (1967/68), Presiden PKPIM (1969-1971)²⁵ dan Presiden Persatuan Bahasa Melayu (PBMUM) (1969/70) semasa menuntut di Universiti Malaya.²⁶

Penglibatan Anwar Ibrahim dalam proses penubuhan ABIM bermula pada penghujung tahun 1960-an menerusi penyertaannya sebagai salah seorang daripada kelompok pencetus awal kepada pembentukan gagasan ABIM di mana beliau dilantik menjadi Pengerusi Penaja ABIM.²⁷ Pada tahun 1969, Anwar Ibrahim menghadiri Perhimpunan Belia Dunia (*WAY*) di London dan kesempatan ini beliau telah membuat pertemuan dengan beberapa aktivis pelajar Malaysia yang menuntut di sana terutamanya dengan Razali Nawawi yang ketika itu menjadi pemimpin pelajar Islam Malaysia (*MISG*) di London.²⁸ Pertemuan tersebut telah menimbulkan idea kepada Anwar Ibrahim agar perlunya usaha ke arah mewujudkan suatu wadah gerakan Islam sebagai kesinambungan perjuangan aktivis pelajar Islam di dalam dan luar negeri yang telah kembali ke tanah air.²⁹ Hasil daripada perbincangan tersebut telah mengukuhkan lagi idea Anwar Ibrahim dan aktivis mahasiswa di Malaysia yang telah memikirkan hal yang sama sejak penglibatan aktif mereka di dalam persatuan pelajar di dalam kampus dan juga di dalam PKPIM. Justeru itu, Anwar Ibrahim berserta aktivis dalam PKPIM berusaha bersungguh-sungguh ke arah merealisasikan gagasan tersebut.³⁰

²⁵ Buku *Cenderamata Khas Konvensyen Pelajar Islam Se-Malaysia, Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM), 1987*, hlm. 49-50.

²⁶ Noordin Bin Abd Razak, P.B.M.U.M. *Persatuan Bahasa Melayu Universiti Malaya Satu Kajian Tentang Perubahan Sikap Mahasiswa Melayu Universiti Malaya, Kajian Sarjana Muda, Universiti Malaya, 1971/72*, hlm. 156.

²⁷ Mohd Jamil Mukmin, *Gerakan Islam di Malaysia*, hlm. 30-50.

²⁸ Temu bual dengan Razali Nawawi di Kota Bharu, Kelantan pada 19 April 2010. Beliau menjelaskan pada waktu itu beliau menumpang di rumah Wan Ismail Wan Ibrahim di London kerana ingin menghadapi peperiksaan. Kedatangan Anwar Ibrahim ke London menyebabkan berlaku perbincangan berkaitan aktiviti keislaman di Malaysia. Lihat juga Mohd Jamil Mukmin, *Gerakan Islam di Malaysia*, hlm. 30-50.

²⁹ Ibid.

³⁰ Mohd Jamil Mukmin, *Gerakan Islam di Malaysia*, hlm. 30-50.

Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) telah ditubuhkan sempena Persidangan Tahunan Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM) Ke-10 di Dewan Al-Malik Faisal, Fakulti Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia Kuala Lumpur. Sebaik selesai persidangan tersebut, satu Mesyuarat Agung Penubuhan ABIM telah diadakan di tempat yang sama. Mesyuarat yang dihadiri oleh seramai 114 orang ahli ini adalah untuk membincang dan menerima perlembagaan ABIM serta melantik beberapa Ahli Jawatankuasa Penaja Rasmi ABIM.³¹

Dasar dan Objektif Penubuhan ABIM

Sebagai sebuah pertubuhan berdaftar di bawah undang-undang Malaysia, ABIM tidak terkecuali menjelaskan tujuan, bentuk dan cara pergerakan serta ruang lingkup aktiviti. Antara objektif dan tujuan ABIM ialah pertama, menegak, mengembang dan memperjuangkan cita-cita islamiah sesuai dengan ajaran al-Quran dan sunnah Rasulullah SAW. Kedua, menjalankan dakwah islamiah dengan syarat mendapat kebenaran daripada jabatan agama Islam yang berkenaan. Ketiga, menggembeleng tenaga belia Islam seluruhnya untuk sama-sama bekerjasama memberi bantuan dan lapangan termasuk sosial, pelajaran, kebudayaan, falsafah dan teknologi. Keempat, mewakili belia-belia Islam di persidangan dalam dan luar negeri dan yang kelima, menjalankan kegiatan lain yang tidak berlawanan dengan al-Quran dan sunnah Rasulullah SAW.

Gagasan perjuangan ABIM diperjelaskan lagi dalam resolusi Mukhtamar Senawi ABIM ke-10 sempena genap 10 tahun di Universiti Malaya pada 9 Ogos 1981 iaitu³², pertama, ABIM akan berpegang kepada prinsip, dasar dan matlamat perjuangan iaitu

³¹ Lihat "Senarai Ahli yang Hadir Mesyuarat Penubuhan ABIM", Minit Mesyuarat Agong Penubuhan Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Dewan Kuliah A, Fakulti Islam UNIKEB, 8 Ogos 1971.

³² *Laporan Mukhtamar Senawi ABIM 1981*, hlm. 6.

Islam diperjuangkan sebuah sistem menyeluruh tanpa disokong oleh sifat-sifat perkauman, materialisme atau nasionalisme sempit. Kedua, ABIM akan terus menghayati dan mewujudkan manusia mukmin yang mempunyai komitmen yang penuh terhadap perjuangan Islam. Ketiga, ABIM akan terus mempraktikkan uslub perjuangan yang melibatkan semua aspek termasuklah ekonomi, sosial, pendidikan, perundangan dan antarabangsa. Keempat, ABIM akan terus bergerak dalam perjuangannya yang menuntut kebebasan dan keadilan sebagai prinsip-prinsip Islam yang perlu diterima dan dihormati oleh semua pihak. Kelima, ABIM akan terus memperjuangkan sikapnya yang asal iaitu memupuk kefahaman antara agama dan kaum berdasarkan ciri dan akhlak sejati. Keenam, ABIM akan terus mengutamakan matlamat seluruh kegiatannya untuk memberi kefahaman Islam menerusi dakwah dan tarbiah yang luas. Ketujuh, ABIM akan terus berfungsi sebagai satu gerakan Islam pembina generasi dengan idea pendorong yang akan memimpin masyarakat yang sempurna bersumberkan keyakinan akidah dan mendorong ke arah amalan dan tindakan yang berteraskan Islam. Kelapan, ABIM akan terus bekerjasama dengan semua pihak selagi kerjasama itu dapat membantu melaksanakan Islam yang tulen.³³ Berdasarkan kepada objektif dan tujuan tersebut, dapat disimpulkan bahawa ABIM merupakan sebuah gerakan belia yang menjadikan Islam sebagai asas perjuangan.

Struktur Organisasi ABIM

Peringkat tertinggi dalam struktur pentadbiran ABIM ialah Majlis Syura Tertinggi ABIM. Segala keputusan penting hendaklah dibincangkan dalam Majlis Syura Tertinggi ABIM seperti pelantikan pimpinan ABIM Pusat dan ABIM Negeri.³⁴ Ahli Syura yang dilantik terdiri daripada lima pimpinan kanan Exco Pusat, Yang Dipertua

³³ *Laporan Mukhtar Senawi ke 10*. hlm. 3-5.

³⁴ Temu bual dengan Razali Nawawi di pejabat ABIM Kelantan pada 19 April 2010.

ABIM Negeri dan lantikan dalam kalangan tokoh-tokoh yang difikirkan perlu menganggotai Majlis Syura. Pada peringkat negeri juga ditubuhkan Majlis Syura Negeri. Struktur dan organisasinya sama dengan Majlis Syura Pusat.³⁵ Majlis Syura Tertinggi tidak dimasukkan dalam struktur organisasi yang dikemukakan kepada pendaftar pertubuhan. Majlis Syura Tertinggi merupakan badan tertinggi yang menjadi penasihat dan pembuat keputusan penting sejak ABIM ditubuhkan.³⁶

Pentadbiran ABIM dikelolakan oleh Mukhtamar Belia Islam (MBI) yang mengandungi beberapa jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Kerja Pusat, Jawatankuasa Tetap, Jawatankuasa Khas, Jawatankuasa Negeri dan Wilayah Persekutuan, Jawatankuasa Daerah dan Jawatankuasa Unit.³⁷ Mukhtamar Belia Islam (MBI) adalah badan penguasa yang tertinggi bagi ABIM. ABIM juga telah menggariskan dengan jelas status dan kuasa Perwakilan ABIM dalam mukhtamar iaitu MBI terdiri daripada wakil-wakil yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Negeri, Wilayah Persekutuan dan wakil-wakil yang ditetapkan oleh Mukhtamar Tahunan Daerah-daerah dan ahli Jawatankuasa Kerja Pusat.³⁸

Presiden diberi kuasa untuk mencalonkan nama-nama ahli Jawatankuasa Kerja Pusat untuk disahkan oleh MBI di mukhtamar tahunan mengikut Bab 5 ceraihan 5.1.2.4 dan juga akan menyimpan ucapan dasar bagi Pihak Jawatankuasa Kerja Pusat untuk

³⁵ Minit Mesyuarat Majlis Syura Kebangsaan kali ke-42. Penstrukturan semula Majlis Syura Peringkat Kebangsaan pada 15hb. Jun. 2006, di Bilik Persidangan Syura, ABIM, Pusat.

³⁶ Temu bual dengan Profesor Datuk Dr Mohammad Redzuan Othman yang merupakan Pengerusi Majlis Syura Kebangsaan pada 3 Ogos 2000 di pejabatnya di Universiti Malaya.

³⁷ *Perlembagaan ABIM, Fasal 5.2.* hlm.7.

³⁸ Tiap-tiap daerah akan diwakili oleh 2 orang dan tidak lebih dari 5 orang yang ditetapkan oleh Mukhtamar Tahunan Daerah. Perwakilan bagi daerah adalah seperti berikut iaitu bilangan anggota daerah yang kurang daripada seratus 100 orang, di peruntukkan 2 orang wakil. Manakala bilangan anggota daerah antara 100 dan seratus 150, diperuntukkan 3 orang wakil. Bilangan anggota daerah antara 150 dan 200 orang, diperuntukkan 4 orang wakil. Manakala bilangan anggota daerah lebih dari 200 orang, diperuntukkan 5 orang wakil. Sekiranya seseorang wakil ke MBI dilantik ke Jawatankuasa Kerja Pusat, dia dengan sendirinya lucut daripada menjadi wakil MBI dan tempatnya sebagai wakil akan digantikan dalam tempoh 3 minggu daripada tarikh lantikan tersebut. Ibid.

disahkan oleh MBI di Mukhtar Tahunan serta menjadi Pengerusi semua mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pusat dan menandatangani semua cek bersama-sama dengan Setiausaha Agung atau Setiausaha Kewangan bagi akaun yang dibuka dengan bank atas nama Jawatankuasa Kerja Pusat ABIM.³⁹ Sepanjang tempoh dari tahun 1971 sehingga 2008, ABIM dipimpin oleh lima orang Presiden iaitu Razali Nawawi, Anwar Ibrahim, Siddiq Fadzil, Azam Abdul Rahman dan Yusri Mohamad.

Dalam struktur kepimpinan ABIM terdiri daripada Jawatankuasa Kerja Pusat yang bertanggungjawab langsung kepada MBI. Jawatankuasa Kerja Pusat adalah terdiri daripada:

Jadual 1: Struktur Kepimpinan ABIM

Presiden
Timbalan Presiden
Naib Presiden
Naib Presiden (Ketua Biro Hal Ehwal Wanita)
Setiausaha Agung
Setiausaha Kewangan
Penolong Setiausaha Agung
Ketua Biro Dakwah
Ketua Biro Penerangan
Ketua Biro Pendidikan
Ketua Biro Pembangunan Sosial
Ketua Biro Penyelidikan
Ketua Biro Ikhtisas
Ketua Biro Penataran
Ketua Biro Pembangunan Sosial
Ketua Biro Tugas-tugas Khas

Sumber: Perlembagaan ABIM

³⁹ Pada waktu yang sama Presiden diberi kuasa untuk memanggil mesyuarat MBI dan mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pusat serta memberi arahan kepada mana-mana Jawatankuasa Tetap untuk mengadakan mesyuarat apabila difikirkannya mustahak. Presiden juga berhak menghadiri mesyuarat-mesyuarat tersebut dan berhak pula bercakap tetapi tidak berhak mengundi kecuali jika ada tercatat di lain tempat dalam perlembagaan ini dan mengeluarkan kenyataan kepada umum bagi pihak ABIM. *Perlembagaan ABIM*. Fasal 2.1.1.1., Presiden. hlm. 5.

Manakala Timbalan Presiden berfungsi untuk membantu Presiden dalam menjalankan tugasnya dan boleh menggantikan Presiden sekiranya jawatan Presiden kosong dan mengambil alih segala tugas dan kuasanya mengikut Bab 5 ceraiian 5.2.2.1.1 dan 5.2.2.1.2 seperti mana yang pernah berlaku di mana Fadzil Mohd Noor memangku jawatan Presiden ABIM pada tahun 1974 akibat penahanan Anwar Ibrahim dalam ISA dan Siddiq Fadzil memangku jawatan Presiden ABIM apabila Anwar Ibrahim memasuki UMNO pada tahun 1982. Perlembagaan ABIM juga memperuntukkan kuasa bahawa Timbalan Presiden juga berfungsi sebagai Pengerusi Jawatankuasa Tamrin Al-Kader.⁴⁰

Struktur organisasi ABIM juga memperuntukkan jawatan Naib Presiden yang akan menjalankan tugas-tugas Presiden serta menjalankan tugas Timbalan Presiden apabila Presiden atau Timbalan Presiden tidak dapat menjalankan tugas.⁴¹ Manakala portfolio Setiausaha Agung pula merupakan orang ketiga terpenting dalam struktur ABIM di mana Setiausaha Agung akan mengetuai pentadbiran MBI seperti mana yang diputuskan oleh Jawatankuasa Kerja Pusat.⁴²

Biro-Biro merupakan tulang belakang dalam organisasi harian ABIM. Biro Dakwah diketuai oleh Ketua Biro Dakwah yang akan menjadi Pengerusi Jawatankuasa Biro Dakwah serta mengadakan penerangan mengenai Islam dari semasa ke semasa kepada anggota-anggota ABIM dan masyarakat umum serta mengadakan kursus-kursus dakwah dan kelas-kelas bimbingan Islam dalam kalangan anggota ABIM dan masyarakat serta menjalankan usaha mengeluarkan buku-buku dan majalah-majalah mengenai Islam. Pada waktu yang sama memberi pertolongan kepada penerbitan,

⁴⁰ *Perlembagaan ABIM*, Fasal 5.2.2.2.2, Timbalan Presiden, hlm. 5.

⁴¹ *Perlembagaan ABIM*, Fasal 5.2.2.2.3, Naib Presiden, hlm. 6.

⁴² *Perlembagaan ABIM*, Fasal. 5.2.2.4, Setiausaha Agung, hlm. 6

menganjur perjumpaan, seminar, simposium, dialog, kongres untuk kegiatan dakwah Islam serta menjadi Setiausaha kepada Jawatankuasa *Tamrin al-Kader*.⁴³ Manakala Ketua Biro Penerangan pula berfungsi memberi penerangan dari semasa ke semasa mengenai ABIM kepada belia Islam dan masyarakat serta menyebarkan penerangan yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Kerja Pusat, dalam masa yang sama Ketua Biro Penerangan juga menjadi Pengerusi Jawatankuasa Biro Penerangan yang bertanggungjawab di atas semua penerbitan dan pengedaran penerbitan ABIM serta menjalankan usaha-usaha untuk mencari makalah dan tulisan yang selaras dengan perjuangan ABIM supaya dapat diterbitkan bagi mengukuhkan perjuangan ABIM.⁴⁴ Memandangkan penerbitan adalah perkara yang penting dalam memperkembangkan ABIM, maka Ketua Biro Penerbitan bertanggungjawab merancang dan melaksana segala urusan penerbitan ABIM serta bertanggungjawab untuk menghubungi penerbit untuk mencetak dan menerbitkan bahan terbitan ABIM serta bertanggungjawab menyusun sistem pengedaran bahan-bahan terbitan ABIM supaya sampai ke serata tempat.⁴⁵

ABIM juga memperuntukkan Biro khusus berkaitan wanita, oleh itu kerusi Naib Presiden yang diperuntukkan kepada wanita yang dikenali sebagai Ketua Biro Hal Ehwal Wanita dan menjadi Pengerusi Jawatankuasa Biro HELWA. Biro ini berfungsi untuk mengadakan usaha bagi faedah wanita Islam serta berusaha ke arah merapatkan hubungan di antara wanita Islam, supaya dapat bergerak cergas untuk mencapai tujuan ABIM serta mengadakan khidmat-khidmat yang sesuai bagi wanita Islam kepada masyarakat.⁴⁶

⁴³ *Perlembagaan ABIM*. Fasal 5.2.2.2.7. Ketua Biro Dakwah, hlm. 7.

⁴⁴ *Perlembagaan ABIM*. Fasal 5.2.2.2.8. Ketua Biro Penerangan, hlm. 7.

⁴⁵ *Perlembagaan ABIM*. Fasal 5.2.2.2.8. Ketua Biro Penerangan, hlm. 7.

⁴⁶ *Perlembagaan ABIM*, Fasal 5.2.2.2.9, Biro HELWA, hlm. 8

Pendidikan adalah salah satu daripada kegiatan utama ABIM. Oleh itu terdapat Biro khusus yang mengurus hal ehwal pendidikan yang diketuai oleh Ketua Biro Pendidikan. Fungsinya ialah untuk menjalankan penyelidikan mengenai pelajaran bagi menambahkan pengetahuan anggota dalam semua cabang ilmu dan mengkaji segala kesulitan yang dihadapi oleh belia-belia Islam dalam negeri ini mengenai pelajaran, pendidikan, kebajikan, dan sebagainya serta membuat usul-usul kepada Jawatankuasa Kerja Pusat untuk menyelesaikan masalah berkenaan serta mengadakan ceramah untuk belia-belia Islam.⁴⁷ Salah satu Biro yang penting dalam ABIM ialah Ketua Biro Penyelidikan yang akan menjadi Pengerusi Jawatankuasa Biro Penyelidikan untuk menjalankan penyelidikan mengenai hal-hal yang berhubung dengan kebajikan anggota dan umat Islam dan menulis laporan mengenainya dan mengemukakan kepada Jawatankuasa Kerja Pusat. Ketua Biro Penyelidikan juga berfungsi mengkaji perkembangan-perkembangan semasa dan kesannya ke atas pergerakan ABIM dan menasihati Jawatankuasa Kerja Pusat sewajarnya mengenai hal-hal tersebut. Oleh itu mereka hendaklah menubuhkan dan mengendalikan satu pusat dokumentasi bagi disimpan segala dokumen yang berkaitan serta bertanggungjawab menubuhkan dan menyelenggarakan perpustakaan untuk anggota ABIM. Unit ini dikenali sebagai Arkib ABIM Pusat.⁴⁸

Ketua Biro Ikhtisas akan menjadi Pengerusi Jawatankuasa Biro Ikhtisas yang bertujuan untuk menggalakkan penghayatan prinsip-prinsip Islam di dalam bidang ikhtisas dan juga berfungsi untuk mengumpul dan menyatupadukan golongan ikhtisas Islam serta menggalakkan serta menyelaraskan penubuhan dan perjalanan ikhtisas Islam.⁴⁹ Perlembagaan ABIM juga memperuntukkan sebuah Biro yang dikenali sebagai

⁴⁷ *Perlembagaan ABIM*, Fasal 2.2.2.2.5. Biro Pendidikan, hlm.9.

⁴⁸ *Perlembagaan ABIM*, Fasal 2.2.2.2.6. Biro Penyelidikan. hlm.9.

⁴⁹ *Perlembagaan ABIM*, Fasal 2.3.3.3.3. Biro Iktisas, hlm. 9.

Biro Penataran yang diketuai oleh Ketua Biro Penataran sebagai Pengerusi Jawatankuasa Biro Penataran.⁵⁰Memandangkan hal-hal sosial yang berkembang dalam masyarakat dengan begitu serius, ABIM juga memperuntukkan Exco yang dikenali sebagai Biro Pembangunan Sosial dan Ketua Biro tersebut akan menjadi Pengerusi Jawatankuasa Biro Pembangunan Sosial yang berfungsi untuk mengadakan projek untuk berkhidmat kepada masyarakat amnya dan belia-belia Islam khasnya serta berusaha ke arah membantu belia-belia Islam yang perlukan bantuan serta berusaha mengadakan rancangan-rancangan lain yang sesuai untuk kebajikan.⁵¹Manakala Ketua Biro Tugas-tugas Khas akan menjadi Pengerusi Jawatankuasa yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Kerja Pusat iaitu menjalankan tugas-tugas yang berkaitan dengan Jawatankuasa yang ditetapkan serta menasihati Jawatankuasa Kerja Pusat dalam bidang yang berkaitan. Beliau juga akan melaksanakan tugas-tugas lain yang ditentukan oleh Jawatankuasa Kerja Pusat dari semasa ke semasa.⁵²

Bagi melicinkan urusan pentadbiran, Jawatankuasa Kerja Pusat akan mengadakan sekurang-kurangnya 6 mesyuarat dalam setahun.⁵³ Agenda bagi mesyuarat yang pertama akan diadakan dalam tempoh 2 minggu selepas hari penghabisan Muktamar Tahunan, termasuk pelantikan semua Jawatankuasa Tetap. Semua mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pusat akan dipanggil oleh Setiausaha Agung.⁵⁴ABIM juga mempunyai Jawatankuasa Tetap ABIM Pusat seperti berikut:

⁵⁰ *Perlembagaan ABIM*, Fasal 2.3.3.34, Biro Penataran, hlm. 9.

⁵¹ *Perlembagaan ABIM*, Fasal 2.3.3.34, Biro Pembangunan Sosial, hlm. 9.

⁵² *Perlembagaan ABIM*, Fasal 2.3.3.34, Biro Tugas-Tugas Khas, hlm. 9.

⁵³ *Perlembagaan ABIM*, Fasal 2.3.3.34, Jawatankuasa Kerja Pusat, hlm. 9.

⁵⁴ Ibid.

Jadual 2 : Senarai Jawatankuasa Tetap ABIM

Jawatankuasa Biro Pendidikan
Jawatankuasa Hal Ehwal Luar
Jawatankuasa Kaderisasi
Jawatankuasa Pengurus Persidangan
Jawatankuasa Kewangan
Jawatankuasa Biro Pembangunan Sosial
Jawatankuasa Biro Hal Ehwal Wanita (HELWA)
Jawatankuasa Biro Penerangan
Jawatankuasa Biro Penyelidikan
Jawatankuasa Pentadbiran
Jawatankuasa Biro Penataran
Jawatankuasa Biro Ikhtisas
Jawatankuasa Biro Tugas-tugas Khas

Sumber : Perlembagaan ABIM

Jawatankuasa Biro Pendidikan terdiri dari Ketua Biro Pendidikan yang akan dengan sendirinya menjadi Pengerusi Jawatankuasa ini dan seorang Setiausaha yang dilantik oleh Jawatankuasa Kerja Pusat dengan persetujuan Pengerusi Jawatankuasa berkenaan. Tugas jawatankuasa ini ialah mengkaji segala kesulitan yang dihadapi oleh belia-belia Islam dalam negeri ini mengenai pelajaran, pendidikan, kebajikan dan sebagainya serta membuat usul-usul kepada Jawatankuasa Kerja Pusat untuk menyelesaikan masalah berkenaan. Ia juga menjalankan usaha-usaha yang difikirkan patut untuk meninggikan taraf pelajaran dan pengetahuan belia-belia Islam seluruhnya serta menyebarkan penerangan tentang tugas-tugasnya kepada anggota ABIM menerusi Ketua Biro Penerangan. Tugasnya juga adalah untuk mengusahakan kegiatan-kegiatan yang boleh menolong belia-belia mencapai ketinggian pelajaran yang sesuai dengan tujuan ABIM.

55

Memandangkan ABIM merupakan pertubuhan yang ingin menjalin hubungan dengan seluruh gerakan belia dan gerakan Islam seluruh dunia, maka satu jawatankuasa diperuntukkan untuk mengurus hal ini yang dikenali sebagai Jawatankuasa Hal Ehwal Luar yang terdiri dari seorang Naib Presiden yang akan

⁵⁵ *Perlembagaan ABIM*, Fasal 2.3.3.34, Jawatankuasa Pendidikan, hlm. 9.

menjadi Pengerusi Jawatankuasa ini dan seorang Setiausaha yang dilantik oleh Pengerusi dengan persetujuan Jawatankuasa Kerja Pusat. Manakala lima orang ahli Jawatankuasa akan dilantik oleh Pengerusi dengan persetujuan Jawatankuasa Kerja Pusat. Jawatankuasa ini berfungsi membuat perhubungan dan mengeratkan tali persahabatan serta bertukar penerangan dengan persatuan-persatuan belia di dalam dan di luar negeri. Fungsinya juga untuk menyambut pelawat-pelawat rasmi dan belia-belia dari luar negeri serta menyebarkan penerangan tentang tugas-tugasnya kepada anggota-anggota ABIM menerusi Ketua Biro Penerangan. Pada waktu yang sama ia menguruskan lawatan muhibah belia-belia Islam dalam dan luar negeri.⁵⁶

Jawatankuasa Kaderisasi pula terdiri dari salah seorang Naib Presiden yang akan menjadi Pengerusi Jawatankuasa ini manakala seorang Setiausaha yang dilantik oleh Pengerusi dengan persetujuan Jawatankuasa Kerja Pusat dan lima orang ahli Jawatankuasa yang dilantik oleh Pengerusi dengan persetujuan Jawatankuasa Kerja Pusat.⁵⁷ Terdapat juga jawatankuasa khas yang menguruskan persidangan yang dikenali sebagai Jawatankuasa Pengurusan Persidangan yang terdiri dari Setiausaha Agung yang sendirinya akan menjadi Pengerusi Jawatankuasa ini. Manakala Ketua Perhubungan dengan sendiri menjadi setiausaha Jawatankuasa ini dan tiga orang ahli Jawatankuasa yang dilantik oleh Jawatankuasa Kerja Pusat dengan persetujuan Pengerusi Jawatankuasa ini dan ia bertugas untuk membuat segala persediaan untuk Muktamar Tahunan.⁵⁸

Jawatankuasa Kewangan pula terdiri dari Setiausaha Kewangan dengan sendirinya menjadi Pengerusi Jawatankuasa ini dan seorang Setiausaha yang dilantik

⁵⁶ *Perlembagaan ABIM*, Fasal 2.3.3.34. Jawatankuasa Luar, hlm. 9.

⁵⁷ *Perlembagaan ABIM*, Fasal 2.3.3.3.5. Jawatankuasa Kaderisasi, hlm. 9.

⁵⁸ *Perlembagaan ABIM*, Fasal 2.3.3.3.6. Jawatankuasa Pengurusan Persidangan, hlm. 9.

oleh Jawatankuasa Kerja Pusat dengan Persetujuan Pengerusi Jawatankuasa berkenaan.⁵⁹ Terdapat juga satu jawatankuasa yang mengendalikan hal berkaitan pembangunan sosial yang dikenali sebagai Jawatankuasa Biro Pembangunan Sosial yang terdiri dari Ketua Biro Pembangunan Sosial dengan sendirinya akan menjadi Pengerusi Jawatankuasa ini dan seorang Setiausaha yang dilantik oleh Jawatankuasa Kerja Pusat dengan persetujuan Pengerusi yang berkenaan.⁶⁰

Manakala Jawatankuasa Biro Hal Ehwal Wanita (HELWA) pula terdiri dari Ketua Biro Hal Ehwal Wanita yang dengan sendirinya menjadi Pengerusi Jawatankuasa ini. Seorang Setiausaha yang dilantik oleh Jawatankuasa Kerja Pusat dengan persetujuan Pengerusi Jawatankuasa yang berkenaan serta lima orang ahli yang dilantik oleh Jawatankuasa Kerja Pusat dengan persetujuan Pengerusi yang berkenaan. Tugas mereka adalah mengadakan usaha bagi faedah wanita Islam, mengadakan perjumpaan-perjumpaan, ceramah-ceramah, kegiatan-kegiatan yang lain bagi mendapatkan hubungan di antara wanita Islam serta merancang kegiatan yang dapat dilaksanakan oleh wanita Islam bagi faedah masyarakat. Jawatankuasa ini juga bertujuan menggalakkan kaum wanita supaya mengambil peranan yang cerdas bagi meninggikan taraf hidup masyarakat dalam semua bidang serta berusaha membimbing wanita Islam untuk mendapatkan pendidikan yang sesuai. Ia juga berperanan untuk mengadakan kegiatan-kegiatan yang sesuai untuk menarik minat terhadap Islam di kalangan wanita

⁵⁹ Manakala 3 orang ahli Jawatankuasa yang dilantik oleh Jawatankuasa Kerja Pusat dengan persetujuan Pengerusi yang berkenaan. Jawatankuasa ini bertugas untuk menyediakan anggaran belanjawan tahunan untuk dikemukakan oleh Setiausaha Kewangan kepada Jawatankuasa Kerja Pusat serta menyediakan Penyata Kewangan Tahunan dan Neraca Kira-kira yang disediakan oleh Setiausaha Kewangan untuk diluluskan oleh Mukhtar Tahunan serta mencari punca-punca kewangan. *Perlembagaan ABIM*, Fasal 2.4.4.4.7 Jawatankuasa Kewangan, hlm. 9.

⁶⁰ Manakala empat orang ahli Jawatankuasa yang dilantik oleh Jawatankuasa Kerja Pusat dengan persetujuan Pengerusi yang berkenaan. Tugas utamanya ialah untuk menjaga kebajikan anggota-anggota ABIM dan berusaha berkhidmat untuk kebaikan belia Islam khususnya dan masyarakat amnya serta mengambil perhatian mengenai kedudukan keluarga anggota-anggota ABIM dan berusaha untuk membantu fakir miskin. Ibid.

bukan Islam ⁶¹ Jawatankuasa Biro Penerangan pula terdiri dari Ketua Biro Penerangan dengan sendirinya menjadi Pengerusi Jawatankuasa ini dan seorang Setiausaha yang dilantik oleh Jawatankuasa Kerja Pusat dengan persetujuan Pengerusi yang berkenaan. Manakala lima orang ahli Jawatankuasa yang dilantik oleh Jawatankuasa Kerja Pusat dengan persetujuan Pengerusi yang berkenaan. Tugas mereka ialah memperkenalkan ABIM kepada belia-belia Islam Malaysia khasnya dan masyarakat amnya. Ia juga bertujuan untuk menyalurkan kepada anggota ABIM akan kegiatan dan usaha ABIM dari semasa ke semasa serta menyalurkan penerangan-penerangan yang dikeluarkan oleh ABIM, Jawatankuasa Kerja Pusat dan Jawatankuasa Tetap kepada anggota-anggota. Jawatankuasa ini juga berperanan membuat usaha-usaha dan kegiatan-kegiatan secara penerangan yang akan memberi faedah kepada belia-belia Islam khasnya dan masyarakat amnya serta berusaha menerbitkan akhbar, majalah bulanan dan risalah-risalah yang sesuai.⁶²

Jawatankuasa Biro Penyelidikan terdiri dari Ketua Biro Penyelidikan dengan sendirinya menjadi Pengerusi Jawatankuasa ini dan seorang Setiausaha dan 5 orang ahli Jawatankuasa yang dilantik oleh Pengerusi dengan persetujuan Jawatankuasa Kerja Pusat.⁶³ Manakala Jawatankuasa Pentadbiran dipengerusikan oleh Setiausaha Agung, manakala Penolong Setiausaha Agung akan menjadi Setiausaha Jawatankuasa ini. Sepuluh orang ahli Jawatankuasa yang dilantik oleh Pengerusi Jawatankuasa ini dengan persetujuan Jawatankuasa Kerja Pusat.⁶⁴

⁶¹ *Perlembagaan ABIM*, Fasal 2.3.3.3.4. Jawatankuasa HELWA. hlm. 10.

⁶² *Perlembagaan ABIM*, Fasal 2.3.3.3.4. Jawatankuasa Penerangan, hlm. 10.

⁶³ Tugas mereka ialah menjalankan penyelidikan mengenai hal-hal yang berhubung dengan kebajikan ahli-ahli dan umat Islam khasnya dan masyarakat dan negara amnya serta mengkaji perkembangan-perkembangan semasa dan kesannya ke atas pergerakan ABIM. Jawatankuasa ini juga berfungsi untuk menubuh dan mengendalikan satu pusat dokumentasi bagi disimpan segala dokumen yang berkaitan serta menubuh dan menyelenggarakan perpustakaan untuk ahli-ahli. *Perlembagaan ABIM*, Fasal 2.3.3.3.5. Jawatankuasa Penyelidikan. hlm. 10.

⁶⁴ Jawatankuasa ini bertugas membantu Setiausaha Agung dalam hal-hal perancangan pengurusan pentadbiran ABIM serta mengendali kursus-kursus pengurusan bagi ahli-ahli Jawatankuasa Biro-Biro dan kakitangan Sekretariat ABIM di semua peringkat serta membantu Setiausaha Agung dalam

Terdapat juga satu jawatankuasa yang dikenali sebagai Jawatankuasa Biro Penataran yang terdiri dari ahli-ahli yang dipengerusikan oleh Ketua Biro Penataran. Manakala seorang Setiausaha dan lima orang ahli Jawatankuasa yang dilantik oleh Pengerusi Jawatankuasa ini dengan persetujuan Jawatankuasa Kerja Pusat.⁶⁵ Jawatankuasa Biro Ikhtisas dipengerusikan oleh Ketua Biro Ikhtisas. Seorang Setiausaha dan lima orang ahli Jawatankuasa yang dilantik oleh Pengerusi Jawatankuasa ini dengan persetujuan Jawatankuasa Kerja Pusat.⁶⁶ Jawatankuasa Biro Tugas-tugas Khas pula dipengerusikan oleh Ketua Biro Tugas-tugas Khas. Empat orang ahli bagi setiap Jawatankuasa yang dilantik oleh setiap Pengerusi Jawatankuasa ini dengan persetujuan Jawatankuasa Kerja Pusat.⁶⁷

ABIM juga mempunyai jawatankuasa tersendiri pada peringkat negeri yang juga mempunyai struktur yang hampir sama seperti di peringkat pusat. Jawatankuasa ini sebenarnya memperkukuhkan lagi ABIM di peringkat negeri. Jawatankuasa tersebut seperti yang ditunjukkan dalam rajah berikut:

menjalankan sebarang tugas keorganisasian yang ditentukan dari semasa ke semasa. *Perlembagaan ABIM, Fasal 2.4.4.4.5. Jawatankuasa Pentadbiran*, hlm. 10.

⁶⁵Tugas mereka ialah menjalankan usaha-usaha dakwah terhadap masyarakat bukan Islam serta menyediakan kemudahan dan bantuan bagi pemeluk-pemeluk Islam yang baru serta memberi bimbingan dan kefahaman Islam yang sebaik-baiknya kepada pemeluk-pemeluk Islam yang baru dan melaksanakan tugas-tugas lain yang ditentukan oleh Jawatankuasa Kerja Pusat dari semasa ke semasa. *Perlembagaan ABIM, Fasal 2.4.4.4.6* hlm. 10.

⁶⁶ Jawatankuasa ini bertugas untuk berusaha ke arah menggalakkan penghayatan prinsip-prinsip Islam di dalam bidang ikhtisas serta mengumpul dan menyatupadukan golongan ikhtisas Islam untuk kepentingan masyarakat Islam dan juga menggalak dan menyelaraskan penubuhan dan perjalanan badan-badan ikhtisas Islam. *Perlembagaan ABIM, Fasal 2.4.4.4.7.* hlm.10.

⁶⁷ Jawatankuasa ini bertugas menjalankan tugas-tugas yang berkaitan dengan bidang yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Kerja Pusat setelah dipersetujui oleh MBI. Fungsinya juga melaksanakan tugas-tugas lain yang ditentukan oleh Jawatankuasa Kerja Pusat dari semasa ke semasa serta membantu Setiausaha Agung dalam menjalankan sebarang tugas keagensian yang ditentukan dari semasa ke semasa. *Perlembagaan ABIM, Fasal 2.4.4.4.8.* hlm.10.

Jadual 3 : Struktur Organisasi ABIM Peringkat Negeri

Yang Di Pertua
Timbalan Yang Di Pertua
Setiausaha
Setiausaha Kewangan
Penolong Setiausaha
Ketua Biro Hal Ehwal Wanita (HELWA)
Ketua Biro Perhubungan
Ketua Biro Penerangan
Ketua Biro Pembangunan Sosial
Ketua Biro Pendidikan
Ketua Biro Ekonomi
Ketua Biro Penyelidikan
Ketua Biro Siswazah
Ketua Biro Tugas-tugas Khas

Sumber : Perlembagaan ABIM

Lima ahli Jawatankuasa Negeri/ Wilayah Persekutuan terdiri daripada Yang Di Pertua, Timbalan Yang Di Pertua, Setiausaha, Setiausaha Kewangan dan Penolong Setiausaha akan dilantik oleh Jawatankuasa Kerja Pusat berdasarkan cadangan daripada Jawatankuasa peringkat daerah dan penilaian Jawatankuasa Kerja Pusat. Ahli Jawatankuasa lainnya akan dipilih oleh muktamar tahunan negeri/ Wilayah Persekutuan.⁶⁸

ABIM juga mempunyai Jawatankuasa ABIM Daerah yang dipilih semasa Muktamar Tahunan ABIM Peringkat Daerah. Nama-nama untuk jawatan yang di atas hendaklah dicadangkan dan disokong dan pemilihan dijalankan dengan cara mengundi oleh anggota-anggota di dalam Muktamar Tahunan ABIM Peringkat Daerah. Semua pegawai boleh dilantik semula tiap-tiap tahun. Jawatankuasa ini akan mengelola dan

⁶⁸ Pada umumnya mereka berfungsi mengendalikan segala urusan di antara Jawatankuasa Kerja Pusat dengan Jawatankuasa Peringkat Daerah serta melicinkan dan menyelaraskan kerja-kerja yang dijalankan oleh Jawatankuasa Peringkat Daerah. Jawatankuasa juga menjalankan kegiatan-kegiatan ABIM di peringkat Negeri/Wilayah Persekutuan serta menerima arahan daripada Jawatankuasa Kerja Pusat dari semasa ke semasa. Beliau juga akan mengadakan mesyuarat dari semasa ke semasa dan memilih wakil-wakil untuk menyertai Muktamar Tahunan atau Muktamar Khas atau perjumpaan-perjumpaan lain di Peringkat Pusat atau di negeri-negeri lain. *Perlembagaan ABIM*. Fasal 3.3.3.3.1. Jawatankuasa Negeri, hlm. 11.

mengaturkan kerja-kerja harian ABIM di peringkat daerah mengikut Perlembagaan ABIM dan arahan-arahan Jawatankuasa Kerja Pusat dan Muktamar Tahunan.⁶⁹

Struktur yang tersusun ini membolehkan ABIM menjalankan kerja dengan begitu baik. Kelancaran dalam berorganisasi juga menyumbang kepada perkembangan ABIM hingga ke hari ini. Perwujudan jawatan Presiden dan di bantu oleh Timbalan Presiden serta Naib-naib Presiden, Setiausaha Agung dan Ahli Jawatankuasa Kerja Pusat membolehkan ABIM bekerja sebagai satu pasukan. Penubuhan ABIM di peringkat negeri dan daerah juga menyumbang kepada kelancaran organisasi ABIM.

Pentadbiran Sekretariat ABIM

Segala urusan pentadbiran serta pengurusan ABIM sebagai sebuah organisasi diuruskan di Sekretariat ABIM Pusat (SAP). Pada awal penubuhan ABIM, segala urusan pentadbiran organisasi telah diuruskan dengan memanfaatkan sepenuhnya kemudahan di Yayasan Anda Akademik. Dalam keputusan mesyuarat Ahli Jawatankuasa Kerja Pusat pada 17 Jun 1973, ABIM memutuskan untuk menumpang serta memanfaatkan kemudahan yang ada di pejabat Yayasan Anda dengan seorang petugas Yayasan Anda ditugaskan untuk membantu.⁷⁰ ABIM pada peringkat awal operasi sekretariatnya menumpang pejabat Yayasan Anda Akademik. Mesyuarat Ahli Jawatankuasa Kerja Pusat pada 30 September 1973, akhirnya memutuskan untuk mengambil seorang Setiausaha Kerja Sepenuh Masa dengan bayaran gaji RM 100.00.⁷¹

⁶⁹ *Perlembagaan ABIM*, Fasal 3.3.3.3.2 Jawatankuasa Daerah. hlm.11.

⁷⁰ *Minit Mesyuarat Ahli Jawatankuasa Kerja Pusat* pada 17 Jun 1973, hlm. 2-6.

⁷¹ *Minit Mesyuarat Ahli Jawatankuasa Kerja Pusat* pada 30 September 1973, hlm. 2-7.

Semenjak daripada itu, dari semasa ke semasa struktur organisasi SAP telah berkembang bergantung kepada keperluan. Di antara perkembangan tersebut ialah dengan mewujudkan beberapa bahagian serta jawatan penting di SAP. Sekitar awal tahun 1980-an segala hal ehwal pentadbiran SAP secara sepenuh masa diketuai oleh Setiausaha Pengelola ataupun Setiausaha Kerja yang akan menyelia pergerakan pegawai ataupun petugas SAP dan dibantu oleh Penolong Setiausaha Pengelola yang kebiasaannya turut menguruskan bahagian kewangan SAP. Antara inovasi penting pengurusan SAP yang berlaku pada awal tahun 1980-an ialah pengenalan sistem pengurusan keahlian yang sistematik di mana seorang kerani keahlian telah dilantik.⁷² Pengurusan hal ehwal keahlian yang turut meliputi urusan penyediaan laporan tahunan setiap daerah dan negeri merupakan perkara penting yang sering dibicarakan baik ketika mesyuarat ahli jawatankuasa pusat (AJKP) ABIM mahupun menjadi bahan perbincangan utama ketika muktamar.⁷³

Pada tahun 1986 jawatan pegawai penerbitan telah diwujudkan untuk menyelia proses penerbitan serta pengeluaran risalah di samping pembentukan unit rakaman dan percetakan yang merupakan asas utama kepada pembentukan bahagian arkib dan pusat sumber ABIM sebagaimana yang dikenali pada hari ini.⁷⁴ Di samping itu, beberapa bahagian ataupun teras pengurusan lain turut diwujudkan bergantung kepada keperluan serta keadaan semasa. Sebagai contoh pada sekitar akhir tahun 1980-an dan awal 1990-an; ABIM telah menggerakkan dua projek berikut iaitu Program Penyertaan Pembangunan Komuniti PPPK-Amal dan Muslim Minoriti ABIM (MMA).⁷⁵ Pegawai-pegawai yang dilantik dikhususkan untuk mengurus pelaksanaan projek ini. SAP juga pernah melantik pegawai ataupun petugas khusus untuk bahagian Tarbiyyah, Kaderisasi

⁷² *Dokumen laporan Muktamar Sanawi ABIM Kali Ke-13*. hlm. 1-7.

⁷³ *Kompilasi Minit Mesyuarat AJKP dan Laporan Muktamar Tahunan 1980-an*

⁷⁴ *Dokumen Laporan Tahunan Muktamar Tahunan Ke-15, 1986*. hlm.1-7.

⁷⁵ PPPK-Amal merupakan program pembangunan masyarakat manakala MMA merupakan program khusus untuk hal ehwal masyarakat Muslim minoriti seperti Rohingya.

ataupun Regenerasi, Antarabangsa, dan Pendidikan.⁷⁶ Kesemua pegawai tersebut bertanggungjawab secara langsung dengan exco berkenaan dengan setiap gerak kerja mereka di sekretariat dipantau oleh Setiausaha Pengelola.

Pengurusan Sekretariat ABIM Pusat (SAP) semenjak 1987 diterajui secara sepenuh masa oleh Setiausaha Agung ABIM iaitu Anuar Tahir (1987-1992), diikuti Ahmad Azam Abdul Rahman (1993-1997), Shahrin Kassim (1999-2003), Azizuddin Abd Aziz (2003-2005), dan Khairul Ariffin Mohd Munir (2005-2008).⁷⁷ Sebelum itu segala urusan sekretariat sepenuh masa diterajui oleh Setiausaha Kerja, Setiausaha Pengelola, Setiausaha Eksekutif ataupun Pengurus. Pengurusan SAP diterajui oleh Setiausaha Agung ABIM sebagai Ketua Pegawai Eksekutif yang kebiasaannya bertugas secara sepenuh masa. Setiausaha Agung ABIM dibantu oleh seorang pengurus yang kebiasaannya dilantik dari salah seorang exco yang turut bertugas secara sepenuh masa.⁷⁸ Peranan seseorang Setiausaha Agung dalam pengurusan Sekretariat adalah sepertimana telah diperincikan menerusi perkara 5.2.2.5 yang antaranya menetapkan, *pertama*, Seseorang Setiausaha Agung akan menjadi Pengerusi Jawatankuasa Pentadbiran, *kedua*, Seseorang Setiausaha Agung bertanggungjawab menyelia rancangan untuk mendapatkan dan meningkatkan penyertaan anggota baru di dalam aktiviti aktiviti dan *ketiga*, Seseorang Setiausaha Agung akan mengadakan dan menyimpan buku-buku daftar anggota dan rekod-rekod lain.⁷⁹

Pada kebiasaannya Setiausaha Agung ABIM dan Penolong Setiausaha Agung bertugas sepenuh masa di samping exco-exco yang lain. Adakalanya Penolong Setiausaha Agung secara automatik akan bertindak sebagai pengurus Sekretariat ABIM

⁷⁶ Kompilasi Laporan-Laporan Muktamar Sanawi ABIM serta Minit Mesyuarat AJKP (1981-2004).

⁷⁷ Temubual dengan mantan Setiausaha Agung ABIM Khairul Ariffin Munir di UPSI pada 1 Jun 2012.

⁷⁸ *Dokumen Laporan Tahunan Muktamar Tahunan Ke-44*, hlm .31-33.

⁷⁹ Ibid.,

Pusat manakala Exco-Exco sepenuh masa yang lain akan dilantik mengetuai sesuatu jabatan ataupun bahagian. Sebagai contoh, dalam struktur organisasi Sekretariat ABIM Pusat untuk sesi 1999-2003 Timbalan Presiden mengetuai Sekretariat Tarbiyyah yang berpusat di Pusat Latihan ABIM, Sungai Ramal Dalam, Kajang, Selangor manakala Penolong Setiausaha Agung dilantik sebagai Pengarah Pejabat Presiden untuk sesi 1999-2001.⁸⁰ Untuk sesi kepimpinan 2003-2005, Penolong Setiausaha Agung turut dilantik sebagai Pengurus Bahagian Operasi manakala dua Naib Presiden ABIM turut mengetuai dua jabatan ataupun bahagian penting dalam operasi SAP.⁸¹

Di bawah seliaan exco sepenuh masa perjalanan operasi SAP dibantu oleh penolong pengurus yang dipilih di kalangan staf yang berpengalaman serta berkemampuan. Penolong Pengurus akan menyelia gerak kerja pegawai eksekutif yang disusun mengikut bahagian-bahagian tertentu.⁸² Setiap gerak kerja pegawai eksekutif akan dibantu oleh pembantu eksekutif ataupun pembantu am. Pada setiap penghujung tahun, prestasi setiap petugas akan dinilai oleh pihak pengurusan tertinggi berdasarkan kepada konsep Sasaran Kerja Tahunan (SKT). Setiap petugas akan dinilai berdasarkan kepada pencapaian SKT yang telah dipenuhi. Berdasarkan kepada penilaian ini, aspek kenaikan pangkat serta gaji para petugas ABIM akan dinilai. Bahkan peringatan serta tindakan disiplin juga akan dikenakan sekiranya petugas ABIM berkenaan didapati tidak memenuhi SKT yang ditetapkan di samping terdapat pelanggaran etika perkhidmatan yang ditetapkan Skim Perkhidmatan Staf ABIM.

Secara umumnya, pengurusan operasi ataupun Sekretariat ABIM Pusat telah diletakkan di bawah Bahagian Urusan Gerakan dan Organisasi. Bahagian utama

⁸⁰ *Perlembagaan Rasmi ABIM*. hlm. 9.

⁸¹ Naib Presiden (Antarabangsa) ABIM, Shahrin Kassim merupakan Pengerusi Islamic Outreach ABIM manakala Puan Nordiran Idris selaku Naib Presiden (HELWA) mengetuai bahagian pembangunan Sosial.

⁸² *Dokumen Laporan Mukhtamar Tahunan ABIM Kali Ke-44*, hlm. 31-33.

pengurusan SAP iaitu Bahagian Urusan Gerakan dan Organisasi di mana bahagian menyelaraskan segala urusan pentadbiran dan operasi ABIM di peringkat kebangsaan. Pengurusan Sumber Manusia ABIM turut berada di bawah seliaan bahagian Urusan Gerakan dan Organisasi khusus dalam pengurusan dalaman SAP, yang antara lain turut meliputi penganjuran kursus-kursus pemantapan serta pembangunan staf di samping penganjuran Multaqa Para Petugas Jamaah.⁸³ Keseriusan ABIM untuk membangunkan sumber daya manusia yang efisien dapat dinilai menerusi peranan bahagian pengurusan sumber manusia ataupun pada ketika ini dikenali sebagai bahagian pentadbiran dan personel.⁸⁴

Bahagian urusan gerakan juga menyelaras serta memantau pentadbiran setiap cawangan ABIM di peringkat negeri serta daerah. Manakala untuk bahagian Keahlian dan Undang-Undang, ia bertanggungjawab menguruskan pendaftaran serta kemaskini keahlian, di samping memantau pendaftaran serta laporan tahunan ABIM Daerah dan Negeri. Bahagian Arkib dan Pusat Sumber turut memainkan peranan penting untuk menjadikan SAP sebagai pusat rujukan ataupun arkib utama segala dokumentasi penting mengenai ABIM terutama sekali dalam bentuk dokumen penting berupa laporan serta kertas kerja dan buku-buku penerbitan ABIM. Adakalanya bahagian ini juga turut menguruskan dokumentasi dalam bentuk audio visual ataupun rakaman. Diantara bahan-bahan dokumentasi yang turut disimpan di bawah bahagian ini ialah koleksi Kuliah Tafsir *Maudhuiy*, rakaman seminar serta program-program anjuran ABIM.⁸⁵

⁸³ Multaqa Para Petugas Jamaah adalah program tahunan yang dianjurkan untuk menghargai sumbangan para petugas ABIM.

⁸⁴ *Dokumen Laporan Mukhtamar Tahunan ABIM Kali Ke-44*, hlm. 31-33.

⁸⁵ Temu bual dengan Puan Fathiah Makhtar, pegawai arkib ABIM di Pejabat ABIM pada 3 Jun 2010.

Pengurusan Bahagian Kewangan Bahagian secara dasarnya diketuai oleh Setiausaha Kewangan. Bahagian ini ditubuhkan bagi menyelaraskan dan memusatkan semua urusan kewangan dan penyaluran dana bagi pelaksanaan program-program dakwah ABIM. Selaras dengan perkembangan semasa, Bahagian Media dan Teknologi Maklumat turut ditubuhkan serta menjadi asas penting operasi Sekretariat ABIM Pusat (SAP). Bahagian ini menguruskan aspek pengurusan media dan pembangunan teknologi maklumat ABIM. Aspek pengurusan media meliputi urusan perhubungan awam dengan para pengamal media serta perancangan dan pelaksanaan usaha untuk mengangkat imej ABIM di kalangan masyarakat. Manakala aspek pengurusan Teknologi Maklumat pada awalnya meliputi aspek pengurusan laman web sebelum ia dikembangkan meliputi pelbagai saluran media sosial. Pada awalnya pengurusan kedua-dua aspek ini digerakkan di bawah bahagian yang berlainan.⁸⁶ Dalam perubahan terkini yang dibuat selepas muktamar ABIM pada tahun 2008, bahagian ini turut menguruskan aspek penyimpanan rakaman-rakaman program-program penting seperti seminar anjuran ABIM dan agensi.⁸⁷

Bahagian Pembangunan Sosial merupakan bahagian penting yang banyak menggerakkan program-program kemasyarakatan ABIM. Bahagian ini menguruskan segala program kebajikan serta pembangunan sosial ABIM termasuk mengumpul serta menyalurkan bantuan, di samping memberi khidmat kaunseling serta sebarang pertanyaan kepada mereka yang memerlukan. Antara inovasi utama bahagian ini penganjuran Kempen Seorang Sekampit Beras (KSSB) yang telah digerakkan semenjak tahun 2006 yang mana ia merupakan program amal yang dianjurkan sempena ketibaan bulan Ramadhan. Bahagian Pembangunan Sosial ABIM turut berperanan dalam menganjurkan pelbagai program ceramah kekeluargaan Bahagian Antarabangsa.

⁸⁶ Struktur organisasi Sekretariat ABIM Pusat Sesi 2003-2005.

⁸⁷ Temubual dengan Puan Faktiah Makhtar, pegawai ABIM di pejabatnya pada 23 Julai 2010.

Bahagian ini pula memainkan peranan strategik memberikan respon terhadap suasana konflik antarabangsa dengan tumpuan kepada rantau Asia Tenggara dan melibatkan umat Islam di peringkat antarabangsa seperti permasalahan etnik Rohingya, Uyghur, Syria dan Palestin.⁸⁸

Pada Januari 1994, SAP telah menubuh Skim Saraan Staf ABIM. Skim ini dilaksanakan untuk memenuhi keperluan kebajikan para petugas ABIM yang menggerakkan program bagi pihak pertubuhan tersebut. Ia merangkumi skim saraan berasaskan kepada pencapaian ataupun kelulusan akademik dan pengalaman, serta pemberian elaun-elaun tambahan.⁸⁹ Setiap petugas SAP layak menerima pembayaran emolumen atau gaji di samping imbuhan serta pelbagai faedah sepertimana yang diperuntukan menerusi undang-undang buruh di negara ini. Antara peruntukan tersebut ialah caruman dalam bentuk Kumpulan Simpanan Wang Pekerja (KWSP), PERKESO (Pertubuhan Keselamatan Sosial Pekerja), di samping perlindungan insurans ataupun takaful dan pembiayaan perubatan.⁹⁰ Kadar pembiayaan emolumen ataupun gaji kepada para petugas SAP ini sering dikemas kini bergantung kepada perkembangan semasa. Komitmen kepimpinan ABIM untuk memenuhi komitmen pembiayaan emolument ini dapat dinilai menerusi pelbagai inisiatif untuk mengembangkan sumber kewangan. Ia termasuk menggalakkan sumbangan daripada ahli-ahli di samping memanfaatkan agensi-agensi seperti Koperasi Belia Islam (KBI) untuk menjana pendapatan buat menampung operasi SAP.⁹¹

⁸⁸ *Dokumen Laporan Tahunan Muktamar Tahunan ABIM Ke-44*, hlm. 31-33.

⁸⁹ *Kertas Dasar Skim Saraan Staf ABIM (SSSA)*, Januari 1994, hlm. 1-12.

⁹⁰ Ibid.

⁹¹ *Kompilasi Laporan Muktamar Tahunan ABIM Dan Minit Mesyuarat Ahli Jawatankuasa Kerja Pusat (AJKP) ABIM sekitar tahun 1990-an*.

Perkembangan Kepimpinan ABIM

ABIM menjadikan dakwah dan tarbiah sebagai agenda penting untuk mendekati masyarakat. Dalam ucapan dasar Mukhtamar Sanawi ke-7 yang berlangsung di Melaka, Presiden ABIM, Anwar Ibrahim mengungkapkan:

“ABIM sejajar dengan dasarnya sejak penubuhannya hinggalah sekarang akan terus bertindak sebagai gerakan Islam... ABIM sebagai gerakan Islam akan terus memperjuangkan Islam dalam erti kata yang lengkap dengan dasar aqidah kepada soal kebajikan dan dakwah dalam hubungan ihsan bayna'nas (berbaik sesama manusia) terus memperjuangkan ijtima'iyah keadilan sosial dalam masyarakat dan menjadi jurubicara dan suara umat yang bertanggungjawab...”⁹²

ABIM merupakan sebuah pertubuhan belia Islam yang tidak sama dengan pertubuhan lain yang hanya menjalankan program kebudayaan, malam amal atau menjalankan program seperti badan-badan sosial yang lain.⁹³ Sejak penubuhannya hingga 2008, ABIM telah diterajui oleh lima orang Presiden yang dilantik dengan persetujuan Majlis Syura.⁹⁴ Mereka ialah Razali Nawawi (1972-1973), Anwar Ibrahim (1973-1982), Siddiq Fadzil (1982-1991), Muhamad Nur Manuty (1991-1996), Ahmad Azam Abd. Rahman (1997-2005) dan Yusri Mohammad (2006-2009) .

Razali Nawawi yang juga merupakan pengasas ABIM dilantik menjadi Presiden ABIM yang pertama untuk sesi 1971-1974 .⁹⁵ Aspek utama yang dilakukan oleh Razali Nawawi ialah melatih ahli ABIM melalui proses pentarbiahan ahli supaya dapat

⁹²Anwar Ibrahim, “*Tanggungjawab Meneruskan Risalah*” Ucapan Dasar Mukhtamar ABIM ke-7, pada 27hb. Julai, 1978, di Sekolah Munshi Abdullah, Melaka.

⁹³Mingguan Bumi, Sabtu, 4hb. September, 1992 Komentor Minggu bertajuk “*Ahli biasa yang binggung cabar pemimpinnya.*”

⁹⁴ Temu bual dengan Profesor Madya Dr Shahrudin Badaruddin, Timbalan Pengerusi Majlis Syura Kebangsaan. Di Universiti Malaya pada 20 September 2010.

⁹⁵ *Risalah*. “Menelusuri 20 Tahun Perjuangan ABIM” Februari 1991, Bil 1, hlm, 11. Walaupun ABIM sebagai pertubuhan belia yang terikat dengan pejabat pendaftaran pertubuhan (ROS), ABIM tidak mengikuti organisasi belia yang lain dimana Presiden dan Exco dipertandingkan. Dalam ABIM, jawatan tertinggi di cadangkan dan dibincangkan dalam Majlis Syura. Majlis Syura ini dianggotai oleh pemimpin tertinggi ABIM. Perbincangan yang dilakukan oleh mereka inilah yang menjadi keputusan tentang barisan kepimpinan ABIM yang dilantik. Temubual dengan mantan Presiden ABIM yang pertama iaitu Razali Nawawi pada 19 April 2010 di Kota Bharu, Kelantan.

meneruskan perjuangan Islam dengan berjaya. Oleh itu diwujudkan program usrah dengan menjadikan pendidikan kerohanian yang berasaskan kepada amalan pembacaan mathurat sebagai satu keutamaan kepada semua ahli ABIM.⁹⁶ Kepimpinan Razali Nawawi berjaya membawa ABIM ke tengah masyarakat dan diterima masyarakat umum. Berslogankan misi dakwah amar makruf dan nahi mungkar, Razali Nawawi berjaya memperluaskan ABIM ke seluruh negara Razali Nawawi menjelaskan cabaran menjadi pendakwah :

“Cabaran dan rintangan yang dialami dalam usia kita semula ini seharusnya dijangka. Belum pernah wujud dalam sejarah bahawa mana-mana gerakan yang progresif bertemakan prinsip Islam berusaha menegak yang makruf dan melarang yang mungkar; berusaha mengukuhkan keadilan dan membanteras kejahilan dan kezaliman yang ditentang secara terang terangan atau tipu muslihat yang halus.”⁹⁷

Sepanjang tiga tahun menerajui ABIM, Razali Nawawi berjaya memperkembangkan organisasi dengan melatih ahli ABIM dengan latihan perkaderan di pelbagai peringkat supaya menjadi aktivis yang mampu berhadapan dengan rintangan dan halangan. Menurut beliau:

“Pendukung ABIM harus cepat dewasa untuk menganggap bahawa cabaran dan masalah pergerakan, tekanan langsung atau halus, fitnah dan rasa curiga, dakyah dan hasutan... semuanya itu yang dijangka belaka, riak-riak kecil semata jika dibandingkan dengan tugas menghadapi gelombang besar. Tahun 1973/1394 hijrah merupakan tahun-tahun berkembangnya ABIM di peringkat daerah dan unit”⁹⁸

Pada muktamar ABIM yang kedua, Razali Nawawi telah melancarkan garis panduan *Usrah dan Tamrin al-Kader* serta memberikan penekanan yang khusus bahawa kedua-dua kegiatan tersebut sebagai asas organisasi ABIM.⁹⁹ Pada muktamar

⁹⁶ Temu bual bersama Razali Nawawi di pejabat ABIM Kelantan pada 19 April 2010. Lihat juga Berita ABIM, bil 7, 1993, hlm.4. “Perkukuhkan visi gerakan sempena muktamar Senawi 21, Razali Nawawi”.

⁹⁷ *Penyata Tahunan Muktamar Tahunan ke-3*, ABIM 12-15hb Rejab 1394/ 1-4hb Ogos 1974. hlm1.

⁹⁸ Ibid., hlm. 1.

⁹⁹ Temu bual dengan Razali Nawawi di pejabat ABIM Kelantan pada 19 April 2010. *Risalah*. “Menelusuri 20 Tahun Perjuangan ABIM” Febuari 1991, Bil 1, hlm, 11.

Khas ABIM di Kota Baharu kali keempat pula, telah dirangka kurikulum usrah dan tamrin serta jadual perlaksanaannya di semua peringkat. Menurut beliau lagi:

“Agak dikesalkan bahawa terdapat Jawatankuasa di beberapa peringkat yang masih belum menjadikan kegiatan usrah sebagai tradisi ABIM. Kegiatan Usrah sepatutnya dijadikan kegiatan ASAS setiap anggota dan berjalan secara informal sepanjang masa”¹⁰⁰

Ini menunjukkan bahawa Razali Nawawi mahu ABIM memberi keutamaan dan kepentingan proses tarbiah kepada ahlinya dan diwajibkan untuk mendalami ilmu dalam program usrah. Razali Nawawi amat bimbang sekiranya program usrah tidak dapat berjalan dengan sempurna kerana program tersebut merupakan benteng kekuatan peribadi ahli dalam usaha dakwah dalam masyarakat. Tegas beliau:

“Begitulah juga dengan kegiatan Tamrin kerana dengan latihan secara teratur dan berdisiplin sahaja kita akan dapat meningkatkan kualiti peribadi anggota: memperdalam pemahaman terhadap erti perjuangan, ciri-ciri asasi sebuah gerakan Islamiah. Langkah permulaan Tamrin di negeri hanya dapat memenuhi tujuan kegiatan tetapi masih belum memenuhi maksud ”peningkatan kualiti” sepertimana yang dicita-citakan itu”¹⁰¹

Selain daripada mengadakan kegiatan usrah, institusi majlis syura juga telah mula dibentuk. Jawatankuasa Kerja Pusat telah diberi mandat oleh Muktamar ABIM kedua untuk mengusahakan pembentukan Majlis Syura sebagai badan perunding dan penasihat ABIM.

“Setelah mengambil masa untuk memikirkan keanggotaan; bentuk serta bidang tugas Majlis syura, maka Jawatankuasa kerja memutuskan supaya dapat dibentuk satu majlis syura bertaraf badan perunding penasihat ABIM tanpa keanggotaan yang tetap dan berjalan secara internal sahaja.”¹⁰²

¹⁰⁰ *Risalah*. “Menelusuri 20 Tahun Perjuangan ABIM” Febuari 1991, Bil 1, hlm. 1-11.

¹⁰¹ Ibid.

¹⁰² *Laporan Tahunan ke-3*. hlm. 4.

Syura yang pertama telah dihadiri oleh wakil-wakil negeri dan dua tetamu khas iaitu Syed Muhammad Naquib al Attas dan Setiausaha Agung IIFSO Ahmad Totonji.¹⁰³ Dalam perbincangan di Majlis Syura yang pertama telah merumuskan perlunya menyatukan aktiviti dan pemikiran ABIM kerana terdapat perbezaan cara dan penekanan serta perlu usaha yang serius untuk melahirkan kader-kader yang komited terhadap Islam dan juga perlu untuk ahli ABIM meningkatkan lagi ilmu.¹⁰⁴

ABIM juga mula menjalinkan hubungan dengan pertubuhan-pertubuhan Islam luar negara serta banyak menerima tetamu dari luar negara iaitu tokoh-tokoh belia dan pemimpin pelajar yang menerajui gerakan pelajar.¹⁰⁵ Setelah berjaya meletakkan ABIM di landasan yang betul, beliau menyerahkan kepimpinan ABIM kepada Anwar Ibrahim yang menjadi presiden ABIM yang kedua iaitu sesi 1974-1981.¹⁰⁶ Penglibatan Anwar

¹⁰³ Ibid., hlm. 3.

¹⁰⁴ Ibid., hlm 5.

¹⁰⁵ Di antaranya ialah Ali Tariqi, utusan khas Presiden Muamar Gaddafi, Dr. Ahmad Totonji, Setiausaha Agung *International Islamic Federation Of Students Organisation (IIFSO)* Hassan Khan Setiausaha Belia Islam Fiji, Bapak Tenku Daud Barueh, Ulama dan Pejuang Islam (DI) dari Aceh, Mohd Faruqi, Pengarang IMPACT sebuah majalah yang dikeluarkan di London, rombongan Jawatankuasa Penyiasat Umat Islam di Filipina yang dihantar oleh sekretariat Islam. Semua perjumpaan-perjumpaan tersebut telah memberikan kesan yang positif di atas perjuangan ABIM. Temu bual dengan Razali Nawawi di pejabat ABIM Kelantan di Kota Bharu pada 19 April 2010.

¹⁰⁶ Anwar Ibrahim telah dilahirkan pada 10 Ogos 1947 di Cherok Tok Kun, Bukit Mertajam Pulau Pinang. Mendapat pendidikan awal di sekolah Stowell Bukit Mertajam dan seterusnya di Maktab Melayu Kuala Kangsar, Perak (MCKK) dari tahun 1960-1967. Pada tahun 1967 beliau telah melanjutkan pelajarannya ke Universiti Malaya dan memperoleh Ijazah pertama dalam bidang Pengajian Melayu pada tahun 1971. Bakat kepimpinan Anwar Ibrahim telah mula berkembang sejak dibangku sekolah lagi. Di peringkat sekolah beliau terpilih menjadi ketua murid dan aktif dalam kegiatan ko-kurikulum. Ketokohan Anwar Ibrahim terserlah semasa menuntut di Universiti Malaya, Presiden Persatuan Pengajian Melayu. Pernah juga memegang jawatan sebagai Setiausaha Agung PKPIM sesi 1967/68 dan kemudiannya sebagai Presiden PKPIM selama tiga penggal berturut-turut 1968/69, 1969/70 dan 1970/71. Malah kepimpinan beliau semakin terserlah selaku Presiden Persatuan Bahasa Melayu (PBMUM) pada tahun 1968-1969. Menerusi kedua-dua pergerakan ini, PKPIM dan PBMUM, Anwar telah mengembangkan idealisme Islamnya terhadap isu-isu masyarakat Islam di dalam dan luar negara. Beliau telah menyertai demonstrasi anti Amerika pada tahun 1971, demonstrasi Tunku Abdul Rahman, demonstrasi anti Akta Universiti dan Kolej serta memperjuangkan soal Bahasa Kebangsaan dengan mendesak penubuhan UKM. Di peringkat kebangsaan beliau pernah menjawat jawatan Setiausaha Majlis Belia Malaysia (1970) dan Presiden Majlis Belia Malaysia (1972-1976). Manakala di peringkat antarabangsa pula beliau pernah menjadi AJK Asean Youth Council (1971), AJK World Assembly Youth (1973), AJK WAMY (1976-1982), AJK UNESCO (1987-1990), AJK IIFSO Kawasan Asia dan Pasifik (1977-1980) dan AJK Institut Pemikiran Islam Antarabangsa-ISTAC (1981-1984).

Ibrahim dalam ABIM bermula sejak awal penubuhannya lagi kerana beliau merupakan ahli Jawatankuasa Penaja penubuhan dan juga pencetus awal penubuhannya.¹⁰⁷

Pada tahun 1971, dalam Persidangan Agung PKPIM kali ke-10, Anwar Ibrahim telah dilantik sebagai salah seorang ahli jawatankuasa Penaja penubuhan ABIM bersama Ahmad Ismail yang dilantik sebagai Naib Pengerusi, Fauzi Abd Rahman sebagai Setiausaha, Sanusi Junid sebagai Bendahari dan jawatankuasa yang lain ialah Mohd Zain Hj Hamzah, Dasuki Hj Ahmad, Mahmud Kitom berserta dengan penasihat undang-undang Hj Suhaimi bin Kamaruddin dan Abdullah Halim Baginda wakil Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan (KKBS).¹⁰⁸

Kepimpinan Anwar Ibrahim berjaya memperkembangkan ABIM dengan begitu pesat, dalam era kepimpinannya juga beliau menghadapi banyak cabaran terutamanya hubungan ABIM dengan pihak pemerintah menjadi lebih tegang. Ini disebabkan oleh penglibatan beliau dalam demonstrasi Baling pada tahun 1974 sehingga beliau ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) selama dua tahun.¹⁰⁹ Sebahagian pengkaji mengatakan bahawa era kepimpinan ABIM tahun 1970-an terutama semasa pimpinan ABIM diterajui oleh Anwar Ibrahim bersifat lebih radikal.¹¹⁰

Pada era ini juga, ABIM dikenali sebagai kumpulan pendesak yang berpengaruh dalam menuntut pihak kerajaan agar membuat perubahan khususnya memperkukuhkan unsur-unsur Islam dalam semua bidang sama ada politik mahupun bidang

¹⁰⁷ *Buku Cenderamata, PKPIM*, Persidangan Agung ke -10. hlm. 3.

¹⁰⁸ Mohd Jamil Mukmin, *Gerakan Islam Di Malaysia*, hlm. 30-50.

¹⁰⁹ Ibid.

¹¹⁰ Hairany Naffis, "Politik Kumpulan Pendesak Islam Dalam Pembentukan Dan Pelaksanaan Dasar-Dasar Di Malaysia:1970-1985." dlm. Hairany Naffis (ed) *Amalan Politik di Malaysia:Esei Pilihan*. Bangi: Penerbit Jabatan Sains Politik. Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan. UKM. 1993. hlm. 57-61.

pendidikan.¹¹¹ Contohnya kepimpinan ABIM menghantar memorandum pelajaran kepada Kementerian Pelajaran yang menuntut lapan perkara penting agar sistem pelajaran negara berubah kepada konsep dan Falsafah Pendidikan Islam secara menyeluruh.¹¹² ABIM juga mendesak agar kerajaan membuat pendirian tegas tentang penubuhan universiti Islam di negara ini dan menubuhkan suruhanjaya untuk mengkaji dan menyelidik laporan lengkap mengenai segala aspek yang berhubung dengan penubuhan universiti tersebut. ABIM berasa kesal terhadap sikap kerajaan yang memendamkan idea universiti Islam itu begitu lama.¹¹³

Pendekatan ABIM pada era Anwar Ibrahim lebih radikal sifatnya dan sudah tentulah ia menjadi cabaran terhadap kerajaan sedia ada. Ketiadaan pembangkang dalam sistem politik di Malaysia ketika itu telah menyebabkan ABIM menjadi begitu menonjol kerana parti PAS sebagai parti pembangkang utama di Malaysia telah memasuki Barisan Nasional pada tahun 1974. Keadaan ini menjadikan ABIM menjadi pertubuhan yang sangat kritikal pada kerajaan ketika itu. Konflik politik di dalam Barisan Nasional pada tahun 1977 yang menyebabkan PAS disingkirkan oleh UMNO pada 13 November 1977 menjadi isu penting ketika itu.¹¹⁴ Peristiwa tersebut menyebabkan Anwar Ibrahim bersama-sama ABIM secara keseluruhannya mengambil sikap membantu PAS meneruskan perjuangannya.¹¹⁵ Majlis Syura ABIM ketika itu telah bersetuju untuk membenarkan beberapa tokoh ABIM untuk memainkan peranan dalam memberikan semangat dan suntikan baru kepada PAS.¹¹⁶

¹¹¹ Ibid.

¹¹² *Memorandum Pelajaran ABIM (Angkatan Belia Islam Malaysia) Kepada Kementerian Pelajaran*, hlm. 3.

¹¹³ Anwar Ibrahim, “*Jelaskan Wadah Perbaharui Tekad*”, Ucapan Dasar Presiden ABIM, 7 Disember 1975, hlm. 1-10.

¹¹⁴ Untuk melihat tersingkirnya PAS dari Barisan Nasional, lihat kajian Kamarulzaman Yusof, *PAS Era Asri Hj Muda*, Tesis MA, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya. 2005. hlm. 111-150.

¹¹⁵ Temu bual dengan Razali Nawawi di pejabat ABIM Kelantan pada 19 April 2010.

¹¹⁶ Shaharuddin Badaruddin, *Demokrasi dan Perubahan Aksi Politik Malaysia: Kajian Terhadap Pendekatan Perjuangan Pertubuhan Berlandaskan Islam, 1981-2008*. Tesis PhD, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya. 2011. hlm. 285-288.

Fadhil Mohd Noor sebagai Timbalan Presiden ABIM ketika itu telah mula aktif bersama Parti Islam SeMalaysia (PAS) dan menjadi calon pilihan raya bagi PAS pada 1978. Pimpinan lain yang terlibat seperti Nakahei Hj Ahmad, Abdul Hadi Awang dan beberapa pimpinan peringkat negeri telah bergerak aktif dan berjaya menguasai teraju kepimpinan PAS di pelbagai peringkat.¹¹⁷ Hubungan yang rapat antara PAS dan ABIM pada ketika itu membolehkan beberapa pimpinan ABIM diberi jawatan tinggi dalam PAS seperti Fadzil Noor yang merupakan Timbalan Presiden ABIM sehingga menjadi Presiden PAS pada tahun 1989.¹¹⁸

Anwar Ibrahim berjaya meluaskan pengaruh ABIM bukan sahaja di Malaysia namun berjaya dikembangkan ke luar negara terutamanya kepada pelajar Malaysia diseberang laut. Kepimpinannya juga berjaya mempengaruhi pelajar-pelajar di universiti sehingga gerakan mahasiswa di kampus telah didominasi oleh ABIM.¹¹⁹ ABIM juga bergerak aktif di luar negara iaitu di Amerika Syarikat dan Kanada yang diwakili oleh *Malaysian Islamic Study Group*. Kepimpinan beliau memperlihatkan ABIM begitu agresif mendesak kerajaan untuk melaksanakan tuntutan agama dalam semua aspek kehidupan, beliau juga mempunyai cita-cita yang besar untuk merealisasikan sistem Islam dalam masyarakat Malaysia.¹²⁰

Pada tahun 1982 Anwar Ibrahim mengambil keputusan untuk meletakkan jawatan sebagai Presiden ABIM untuk menyertai UMNO. Kemasukan Anwar Ibrahim ke dalam UMNO menjadi pertikaian dalam kalangan ahli ABIM dan juga pimpinan gerakan Islam di Malaysia ketika itu.¹²¹ Setelah kemasukan Anwar Ibrahim ke dalam UMNO,

¹¹⁷ Shahrudin Badaruddin, *Aksi Politik Pertubuhan Sukarela Islam*, hlm. 12.

¹¹⁸ Muhaimin Sulam, *Kepimpinan Politik Fadhil Mohd Noor*. Tesis MA, Fakulti Sains Kemanusiaan, UKM. 1999. hlm. 34-45.

¹¹⁹ Zainah Anwar, *Kebangkitan Islam di Kalangan Pelajar*, hlm. 19-25.

¹²⁰ Mohd Jamil Mukmin, *Gerakan Islam di Malaysia*, hlm. 35-55.

¹²¹ Badlihasham Mohd Nasir, *Dinamisme dalam Gerakan Islam*, hlm. 123-130.

Siddiq Fadhil telah mengambil alih kepimpinan ABIM sebagai Presiden ABIM ketiga (1982-1991).¹²² Penglibatan Siddiq Fadhil bermula dengan memegang jawatan sebagai Ketua Biro Penerangan ABIM Pusat. Ketokohan dan keterampilan Siddiq Fadhil menyebabkannya dilantik menjadi Naib Presiden ABIM pada tahun 1979-1982 dan dilantik menjadi Timbalan Presiden ABIM pada tahun 1981-1982.¹²³

Penglibatan Anwar Ibrahim bersama UMNO menyebabkan berlaku pergolakan yang sangat serius dalam kalangan pendukung gerakan Islam di Malaysia. Walaupun pada dasarnya pemergian Anwar Ibrahim dibenarkan oleh Majlis Syura ABIM yang mengambil masa yang panjang dalam perbincangan berkaitan isu ini, tetapi ramai dalam kalangan ahli ABIM tidak merestui tindakannya yang memilih parti UMNO sebagai wadah politik.¹²⁴ Fenomena ini berbeza dengan kemasukan Fadhil Mohd. Nor ke dalam PAS yang direstui oleh pimpinan ABIM termasuk Anwar Ibrahim sendiri.

¹²² Beliau dilahirkan di Kampung Sungai Tiang Darat, Rungkup, Bagan Datoh, Perak pada 4 Januari 1947. Mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Sungai Tiang Darat, Bagan Datoh, Perak pada tahun 1954 hingga 1959. Selepas itu beliau melanjutkan pelajarannya di Sekolah Menengah Izuddin Shah, Ipoh pada tahun 1959 hingga tahun 1966 di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Menengah Agama. Setelah tamat persekolahan, beliau melanjutkan pelajarannya dalam bidang perguruan di Maktab Perguruan Bahasa, Lembah Pantai, Kuala Lumpur dari tahun 1967 hingga 1968 di peringkat Sijil Perguruan Menengah. Setelah berkhidmat selama dua tahun beliau melanjutkan pelajarannya di Universiti Malaya sehingga mendapat ijazah pertama dalam bidang Pengajian Melayu dan Pengajian Islam pada tahun 1971 hingga 1974. Dengan mendapat B. A (Hons) kelas pertama membolehkan beliau dilantik sebagai tutor di Universiti Kebangsaan Malaysia. Kemudiannya melanjutkan pengajiannya di peringkat sarjana dalam bidang Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu di Institut Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu UKM pada tahun 1975 hingga 1978 dan dianugerahkan Sarjana Persuratan Melayu. Beliau telah memperoleh Ijazah Doktor Falsafah di UKM pada tahun 1989 dalam bidang Kebudayaan Melayu dan Falsafah Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia iaitu penerima pertama Ijazah Doktor Falsafah dari Institut Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu. Pada peringkat awal kerjaya beliau sebagai Guru (Bahasa Melayu dan Sejarah) di Sekolah Menengah Rendah Selekoh, Bagan Datoh, Perak (1969-1971). Pada tahun 1974-1978 beliau berkhidmat sebagai tutor di Institut Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, UKM. Selepas itu beliau menjawat jawatan sebagai Pensyarah di Institut Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu di UKM pada tahun 1978-1987. Pada tahun 1987-1993, menjadi Pensyarah di Jabatan Persuratan Melayu, Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan di universiti yang sama. Kemudian dilantik sebagai Profesor Madya di Jabatan Persuratan Melayu, Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, UKM dari tahun 1993. Pada 4 Januari 2002, beliau bersara wajib dalam perkhidmatan kerajaan. Selepas bersara beliau telah diamanahkan oleh ABIM untuk menerajui Kolej Dar Al-Hikmah, Kajang, Selangor sebagai Presiden Kolej.

¹²³ Badlihiham Mohd Nasir, *ABIM dan PAS Dalam Gerakan Dakwah di Malaysia*. Kuala Lumpur:DBP. hlm. 95-120.

¹²⁴ Ibid.,

Akibat daripada peristiwa 1982 itu, ahli-ahli ABIM berpecah kepada beberapa kelompok tertentu dan menjadikan ABIM dalam suasana perpecahan yang serius.¹²⁵

Setiausaha Agung ABIM ketika itu iaitu Kamaruddin Jaafar telah mengeluarkan kenyataan rasmi bahawa ABIM menerima peletakan jawatan Anwar Ibrahim dan merelakan beliau untuk bergiat aktif dalam politik tetapi dalam kalangan ahli ABIM tetap menganggap bahawa Anwar Ibrahim belot kepada seluruh gerakan Islam.¹²⁶ Oleh itu terdapat banyak risalah telah disebarkan dalam muktamar ABIM ke-11 pada tahun 1982 yang membantah kemasukan Anwar Ibrahim ke dalam UMNO dan melihat kemasukanya tidak menepati kehendak syarak.¹²⁷

Siddiq Fadzil terpaksa menghadapi cabaran ini dengan meredakan kembali suasana pergolakan di dalam ABIM. Salah satu tugas utama Sidek Fadzil ketika itu ialah untuk menyelesaikan masalah dalaman ABIM akibat daripada tindakan Anwar Ibrahim menyertai UMNO. Kepimpinan Siddiq Fadzil berusaha keras untuk memulihkan kembali imej ABIM yang dikritik oleh sebahagian ahli dan juga gerakan Islam lain. Pendekatan yang diambil dengan tidak memusuhi Anwar Ibrahim dan berusaha dengan gigih memperkukuhkan ahli-ahli ABIM yang masih setia.¹²⁸

Pada Muktamar ABIM ke-11, Siddiq Fadzil telah membuat gagasan semula ABIM dengan ucapan dasarnya bertajuk *Garis-garis Besar Haluan Perjuangan* sebagai usaha memantapkan arah masa depan ABIM dalam menghadapi masalah

¹²⁵ Kelompok pertama, kumpulan yang terus setia dengan kepimpinan semasa yang dipimpin oleh Siddiq Fadhil. Kelompok kedua ialah kemasukan pimpinan dan ahli ABIM peringkat negeri ke dalam perjuangan PAS. Manakala kelompok ketiga merupakan ahli-ahli ABIM yang mengambil sikap tunggu dan lihat. Akhirnya lesu dalam perjuangan iaitu golongan yang tidak mempunyai kepastian. Badlihasham Mohd Nasir, *Dinamisme Dalam Gerakan Islam*, hlm. 123-130,

¹²⁶ Kenyataan Khas Setiausaha Agung ABIM berkaitan kemasukan Anwar Ibrahim ke dalam UMNO.

¹²⁷ Badlihasham Mohd Nasir, *Dinamisme Gerakan Islam* hlm. 32-59.

¹²⁸ Temu bual dengan Siddiq Fadzil di pejabatnya Kolej Darul Hikmah pada 21 Januari 2010.

semasa dan cabaran masa depan.¹²⁹ Pada muktamar ABIM ke-12 pula, Siddiq Fadzil telah mengungkapkan konsep mengenai “*Cabaran-cabaran Abad Kebangunan*” yang menegaskan supaya cabaran tersebut harus disahut untuk memastikan bahawa apa yang dinamakan era kebangunan semula Islam itu benar-benar akan segera menjadi realiti.¹³⁰ Manakala pada Muktamar ke-13, Siddiq Fadzil telah memperkukuhkan lagi ucapannya dengan tajuk “*Da’i-Pembina Aqdah-Pembangun Ummah*”, yang merupakan amanat pelaksanaan dakwah sebagai strategi ABIM sebagai sebuah gerakan Islam.¹³¹

Siddiq Fadzil berjaya membawa pendekatan yang sederhana iaitu pendekatan *corrective participation, partner in nation building, revolution from within* dan penerapan nilai-nilai Islam. Pendekatan ini meninggalkan kesan yang cukup positif terutamanya daripada segi penerapan nilai-nilai Islam dalam pelbagai aspek kehidupan masyarakat Malaysia sama ada politik, ekonomi dan sosial. Ini memandangkan pada ketika itu kerajaan melaksanakan program Islamisasi dan mendapat sambutan meluas terutamanya dalam kalangan kelas menengah masyarakat Melayu.¹³² Perubahan sikap terhadap kerajaan ini menyebabkan ABIM berjaya merubah imejnya iaitu daripada imej slogan *table banging* dan *trouble making* kepada *problem solving* dan *trouble shooting*.¹³³

Pendekatan ABIM ketika ini telah mendapat tempat dan diterima oleh jentera kerajaan. Ketika kerajaan melancarkan program Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam pada tahun 1982, ABIM bersikap proaktif dan mendukung dasar tersebut kerana melihat dasar ini sebagai ruang untuk mempertingkatkan kefahaman serta penghayatan dan pelaksanaan model Islam dalam pentadbiran negara. Proses Islamisasi akan

¹²⁹ *Ucapan Dasar, Muktamar ABIM ke -11*, 1982.hlm.3-5.

¹³⁰ *Ucapan Dasar, Muktamar ABIM ke-12*, 1983.hlm.2-6.

¹³¹ *Ucapan Dasar, Muktamar ABIM ke-13*, 1984. hlm.3-7.

¹³² *Risalah*, Bil.5/Oktobre 2001.hlm. 6.

¹³³ *Ibid.*, hlm. 6.

berkembang lebih baik dalam suasana aman apabila mendapat sokongan kerajaan.¹³⁴ Sikap dan pendekatan yang dibawa oleh Siddiq Fadzil tidak disenangi oleh gerakan Islam lain terutamanya PAS.¹³⁵

PAS menganggap Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam adalah strategi UMNO memeralatkan Islam demi survival politik mereka.¹³⁶ Namun demikian ABIM tetap tegas dengan pendirian dakwahnya dan mempertahankan sokongan selektifnya terhadap kerajaan. Hasil ketegasan kepimpinan ABIM era Siddiq Fadzil mempertahankan prinsip dakwah, berlakunya peningkatan kualiti keislaman di negara ini. Siddiq Fadzil berjaya memulihkan ketidakstabilan ABIM di mana berjaya memperkembangkan semula ABIM dalam kalangan masyarakat dan juga pihak pemerintah.¹³⁷ Pemikiran Siddiq Fadzil telah berjaya mempengaruhi ahli-ahli ABIM dalam memperkukuhkan institusi Islam.

Pemikiran *Manhaj Maliziy* dan pendekatan non-partisan merupakan idea Siddiq Fadzil yang terpenting.¹³⁸ Sebagai sebuah gerakan Islam, Siddiq Fadzil menyedari bahawa tugas merealisasikan Islam sebagai satu sistem yang lengkap bukan terletak di bahu pihak berkuasa semata-mata oleh itu dikembangkan pelbagai institusi ABIM. Dalam ucapan dasarnya Siddiq Fadzil menjelaskan :

“Sebagai Du’ah tanggungjawab kita hanyalah menyeru, bukan menghukum. Penentuan kedudukan aqidah seseorang bukan tanggungjawab individu tetapi menjadi tanggungjawab pemerintah Islam yang melaksanakan syariat Allah kerana

¹³⁴ Rencana Khas, Sempena sambutan 30 tahun ABIM, Ahmad Azam Abdul Rahman, *ABIM: Mempertahankan Dakwah dalam Arus Politik Semasa*. Minda Gerakan. *Risalah*, Keluaran khas, hlm.2.

¹³⁵ Badlihasham Mohd Nasir, *Dinamisme dalam Gerakan Islam*, hlm. 13-15.

¹³⁶ Ibid.

¹³⁷ Temu bual dengan Anuar Tahir yang merupakan Setiausaha Agung ABIM ketika itu di pejabatnya di Alor Setar pada 12 Mei 2010.

¹³⁸ Model Dakwah ABIM, Siri Monograf, *Meniti Sejarah Membangun Ummah*, Biro Tarbiyyah dan Dakwah ABIM, Anjung Rahmat, 2005, hlm. 23-37. Lihat juga Wawancara Eksklusif bersama Presiden ABIM Ahmad Azam bin Abd. Rahman. *Risalah*, Bil.5/Okttober. Sisipan Khas sempena 30 tahun ABIM.

setiap golongan Muslim zimmi dan murtad masing-masing menerima layanan yang berbeza-beza. Mengkafirkan seseorang Muslim mempunyai implikasi yang amat besar, penafian keislaman seseorang membawa kepada penafian dan pencabulan terhadap 'hurumi'- perkara-perkara yang menjadi hak seseorang Muslim ke atas Muslim yang lain iaitu darahnya, harta bendanya dan kehormatannya.¹³⁹

Setelah berjaya meletakkan ABIM dalam keadaan stabil dan berkembang dengan baik, Siddiq Fadzil telah mengundur diri daripada jawatan Presiden ABIM dan digantikan oleh Muhammad Nur Manuty.¹⁴⁰ Muhammad Nur Manuty meneruskan pendekatan sederhana yang diasaskan oleh Siddiq Fadzil dengan mengisi dan berkerjasama dalam melaksanakan program-program Islamisasi kerajaan.¹⁴¹ Pada dekad 1990-an pimpinan ABIM begitu komited mengisi program-program yang dianjurkan oleh pihak kerajaan seperti mengisi program-program yang dianjurkan oleh Biro Tatanegara, Jabatan Perdana Menteri. Penglibatan ini dilaksanakan demi mempercepatkan proses kefahaman Islam kepada pelbagai peringkat dalam masyarakat.¹⁴²

Program tersebut diisi dengan program kerohanian seperti kuliah agama dan qiamullail. Begitu juga dengan program-program di bawah Kementerian Belia dan

¹³⁹ *Ucapan Dasar Muktamar Sanawi ke-13*. hlm.17.

¹⁴⁰ Muhammad Nur Manuty dilahirkan pada 12hb. Disember 1949 di Jelai Batu Kurau, Perak. Bermula dengan pendidikan rendah di Sekolah Kebangsaan Jelai dan Madrasah Al-Rushdiyyah, Jelai. Kemudian beliau melanjutkan pelajarannya di Sekolah Menengah Ugama Izzuddin Shah, Ipoh dari tahun 1962 hingga tahun 1967. Setelah menamatkan pengajiannya di Sekolah Menengah Ugama Izzuddin Shah, beliau menyambung pelajarannya di Kolej Islam Malaya di Petaling Jaya bermula pada tahun 1968 hingga tahun 1970 dalam bidang Syari'ah. Muhammad Nur adalah graduan pertama di Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, UKM pada tahun 1974. Pada tahun 1978, beliau telah melanjutkan pelajarannya ke Universiti Temple, Philadelphia, Amerika Syarikat dan memperoleh Ijazah Sarjana dalam bidang Pemikiran Islam Semasa dan Perbandingan Agama. Memperoleh PhD dalam bidang yang sama dan di Universiti Temple, pada tahun 1988. Memulakan kerjaya awalnya sebagai seorang Pensyarah di Jabatan Pengajian Arab dan tamadun Islam, UKM dari tahun 1974 hingga tahun 1983. Setelah itu beliau berhijrah ke Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) sebagai pensyarah di Markas Ilmu Teras pada tahun 1983 hingga 1990. Kerjaya beliau diteruskan sebagai Prof. Madya di Jabatan Usuluddin dan Perbandingan Agama dari tahun 1990 hingga Jun 1999.

¹⁴¹ Ucapan dasar Mohammad Nor Manuty di *Muktamar Senawi ABIM*. hlm.3-6.

¹⁴² *Laporan Muktamar ABIM 1995/1996*, hlm .6-8.

Sukan terutamanya program remaja dan belia diisi dengan kefahaman Islam.¹⁴³ ABIM mula menerapkan program-program yang berlandaskan Islam di dalam institusi pemerintah sehingga banyak program-program yang dianjurkan oleh institusi kerajaan berubah kepada bentuk yang agak *Islamik* secara umumnya.¹⁴⁴ Penerbitan-penerbitan yang membentuk kefahaman Islam yang lebih mendalam di samping tidak menolak erti kemajuan dan pembangunan telah dipergiatkan terutama kemasukan Anwar Ibrahim berada dalam posisi kerajaan yang penting ketika itu.¹⁴⁵ Kemasukan Anwar Ibrahim dalam UMNO dan kerajaan sebenarnya telah memberikan ruang yang cukup besar terhadap pelaksanaan nilai dan pemikiran Islam.

Walaupun ABIM telah berkembang dengan pesat dan diakui pada peringkat antarabangsa namun demikian Muhammad Nor Manuty tidak lupa keperluan bagi memperkukuhkan organisasi ABIM sendiri. Pada Muktamar ABIM ke-22 di Air Keroh, Melaka, beliau melancarkan pelaksanaan program yang dikenali sebagai *Partner in Nation Building-Rakan dalam Pembinaan Negara Bangsa*.¹⁴⁶ Selain itu, Muhammad Nor Manuty juga telah melontarkan idea dan pemikiran terpenting beliau sewaktu memimpin ABIM iaitu berkaitan kefahaman dan pelaksanaan siasah syariah.

Faham 'Siasah Syar'iiyyah' adalah sebuah manifestasi universalisme Islam. Sebagai sebuah negara majmuk daripada segi ras, agama, bahasa dan adab resam faham siasah syariah itu mat relevan dengan usaha-usaha pemantapan Islam yang sedang berlaku di negara ini. Dengan kata lain, siasah syariah adalah satu aplikasi prinsip syariah dalam sistem politik Islam dengan tujuan untuk memenuhi kepentingan warga negara, mengelakkan keburukan yang berlaku, mewujudkan masyarakat yang harmonis dengan prinsip-prinsip umum syariah sekalipun kadangkala bertentangan dengan pandangan

¹⁴³ Ibid.

¹⁴⁴ Temu bual dengan Ahmad Azam Abdul Rahman di pejabatnya di Gombak pada 9 Mei 2010.

¹⁴⁵ Mohammed Redzuan Othman et al "Pertubuhan Sukarela Islam dan Pembinaan Negara Bangsa: Peranan ABIM dalam Usaha Penerbitan Sepanjang 33 Tahun Penubuhannya," dalam Seminar Antarabangsa Kesusasteraan Melayu (VIII : 6-8 Jul 2004: Bangi) penyelenggara: Shaiful Bahri Md. Radzi, Khatijah Ismail, Solehah Ishak dan Hanapi Dollah. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2004. hlm. 448-460.

¹⁴⁶ *Minit Mesyuarat Muktamar ABIM ke-22*, pada 27hb.Ogos 1993. di Dewan Hang Jebat, Air Keroh, Melaka.

mujtahid. Sesungguhnya faham siyasah syariah sentiasa terikat dengan prinsip syariah yang berpaksi kepada prinsip 'thawahit' (tetap) dan 'Mutaghayyir' (berubah-ubah).¹⁴⁷

Mohammad Nur Manuty melihat bahawa pemikiran *siyasah syariah* perlu dilihat secara positif kerana sistem politik di Malaysia yang berasaskan demokrasi yang menjadikan suara majoriti yang akan memenangkan pilihan raya. Kebebasan bersuara adalah satu prinsip utama dalam Islam. Oleh itu demokrasi dapat memberi ruang pelaksanaan Islam secara lebih meluas dan berkesan. Pemikiran yang diketengahkan ini berjaya menjadi panduan kepada ABIM untuk bergerak dalam politik ketika itu.¹⁴⁸

Kestabilan yang telah dibina sebelum ini diteruskan dan dimanfaatkan oleh kepimpinannya dalam usaha memperkembangkan ABIM. Hubungan yang baik dengan pihak pemerintah telah diambil peluang sepenuhnya bagi memperkukuhkan elemen Islamisasi dalam pentadbiran kerajaan serta isu-isu Islamisasi yang diperjuangkan oleh ABIM sebelum ini.¹⁴⁹ Ahli ABIM diberi peluang untuk terlibat dalam program Islamisasi kerajaan terutamanya program di pelbagai kementerian untuk memperkukuhkan elemen keislaman dalam pentadbiran kerajaan.¹⁵⁰

Walaupun pada peringkat nasional, penglibatan ahli ABIM ini memberi kesan yang positif terhadap perkembangan Islam di Malaysia tapi ia memberi kesan sebaliknya kepada ABIM kerana kehilangan aktivis yang lebih banyak masa ditumpukan pada program-program kerajaan. Perkara ini memberi kesan jangka panjang kepada ABIM terutamanya terhadap pembinaan generasi akan datang. Masalah ini cuba diselesaikan dengan mengadakan program "kembali ke pangkalan". Program

¹⁴⁷ *Ucapan Dasar. Muktamar Sanawi ke-22*. 27 Ogos 1993, Dewan Hang Jebat, Melaka. hlm. 7-8.

¹⁴⁸ Ibid. *Berita ABIM*. Bil 4, 1993. "Siyasah Syariah Penyelesaian Kepada Kemelut Ummat", hlm. 1.

¹⁴⁹ Temu bual dengan Ahmad Azam Abdul Rahman di pejabatnya di Gombak pada 9 Mei 2010.

¹⁵⁰ Pada waktu itu ahli ABIM menjawat jawatan penting dalam kerajaan seperti di universiti, Biro Tata Negara, Institut Aminudin Baki dan beberapa kementerian. Temu bual dengan Ahmad Azam Abdul Rahman di pejabatnya di Gombak pada 9 Mei 2010. Lihat juga Badlihasham Mohd Nasir, *ABIM dan PAS Dalam Gerakan Dakwah di Malaysia*. hlm. 170-184.

ini dilancarkan sebagai salah satu usaha untuk memulihkan kembali kesatuan pemikiran dalam kalangan ahli ABIM yang berada dalam pelbagai organisasi dan perkerjaan yang begitu kompleks sifatnya.¹⁵¹ Setelah kepimpinan Mohammad Nor Manuty, kepimpinan ABIM di amanahkan kepada Ahmad Azam Abdul Rahman.¹⁵²

Ahmad Azam merupakan Presiden ABIM sepenuh masa dan dikenali sebagai seorang aktivis gerakan dakwah di peringkat nasional dan antarabangsa. Sewaktu menjadi presiden ABIM, terdapat dua cabaran besar yang terpaksa dihadapi iaitu peristiwa penyingkiran Anwar Ibrahim dari UMNO dan kerajaan pada tahun 1998, *kedua* ialah peristiwa 11 September 2001 yang akhirnya melahirkan '*Islamophobia*'. Penyingkiran dan pemecatan Anwar Ibrahim daripada jawatan Timbalan Perdana Menteri, penahanan serta layanan yang diterimanya serta proses mahkamah yang dilaluinya menimbulkan kemarahan orang ramai.¹⁵³ Penglibatan aktif ABIM dalam menimbulkan kesedaran rakyat terhadap erti hak, kebenaran dan keadilan serta prinsip-prinsip demokrasi cukup berkesan. Kelantangan ABIM dalam menyuarakan isu-isu

¹⁵¹ Terdapat ahli-ahli ABIM yang meninggalkan ABIM untuk memasuki politik dan berkhidmat di badan-badan kerajaan diseru untuk kembali ke pangkal ABIM dan meneruskan proses tarbiah serta ukhuwah yang telah renggang hubungannya. Kealpaan ahli ABIM membina generasi pelapis amat merisaukan kepimpinan Majlis Syura Tertinggi. Temu bual dengan Ahmad Azam Abdul Rahman di pejabatnya di Gombak pada 9 Mei 2010. *Berita ABIM*, "Dekad Kaderisasi", Bil 5, 1997. hlm 4-7, 10-11. *Berita ABIM*. Bil 4, 1996, "Perlancaran Dekad Kaderisasi", hlm. 2.

¹⁵² Beliau dilahirkan pada 21hb. Jun 1960 di Gombak, Selangor. Mendapat pendidikan di St. John Institution, Kuala Lumpur. Seterusnya melanjutkan pelajarannya ke Institut Teknologi Mara, Shah Alam dan lulus Diploma Pentadbiran Awam. Kemudian melanjutkan pelajaran ke Indiana State University dan memperoleh ijazah pertama dalam bidang Business Administration. Mendapat Ijazah Sarjana, di Stephen F. Austin State University, Texas. Kerjaya awal beliau ialah menjawat jawatan sebagai Pegawai MARA Daerah Seberang Perai Utara, Pengurus Latihan, Institut kajian Dasar, Pengarah Latihan P & Q Consult Sdn. Bhd, dan pensyarah Pengurusan, Institut Pengajian Ilmu-ilmu Islam. Terlibat secara langsung dalam NGO Islam di peringkat antarabangsa sebagai Ahli Jawatankuasa *World Assembly of Muslim Youth (WAMY)*, *Internasional Islamic Federation of Students Organization (IIFSO)*. Pada tahun 2005, beliau dipilih sebagai Jawatankuasa Penaja *United Nation-Islamic World (UN-IW)* yang bersidang di Istanbul Turki pada 1 Mei 2005 yang dianggotai oleh NGO Muslim seluruh dunia dan OIC Humanitarian Forum. Selain daripada itu beliau telah dilantik menjadi Ahli Majlis Perundingan Belia Negara Penggal XXIV dan XXV tahun 2003-2004. Penglibatan aktif dalam pergerakan beliau menyebabkan beliau dianugerahkan Pingat Bakti Belia Malaysia (P.B.B.M) pada 12 Ogos 2005 oleh Majlis Belia Malaysia. Dilantik sebagai Naib Presiden Persatuan Wadah Pencerdasan Umat (WADAH) 2008.

¹⁵³ Shaharuddin Badaruddin, *Demokrasi dan Perubahan Aksi Politik Malaysia*, hlm. 285-300.

keadilan ini mengakibatkan para pemimpinnya ditahan di bawah peruntukan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA).¹⁵⁴

Ahmad Azam telah memperkukuhkan lagi ABIM terutamanya berkaitan hal ehwal antarabangsa yang bersifat kemanusiaan. Minat dan keprihatinannya untuk menyelesaikan masalah umat Islam antarabangsa dapat dilihat dengan jelas dalam era kepimpinannya dimana telah dilancarkan pelbagai program bersifat antarabangsa, contohnya Misi Keamanan Sejagat yang mempunyai klinik bergerak yang lengkap juga membantu para petani menyalurkan air ke ladang-ladang. Ibu pejabat Misi Keamanan Sejagat di Peshawar pernah menjadi tumpuan bukan sahaja oleh mangsa perang tetapi juga NGO-NGO yang lain untuk mendapatkan bantuan.¹⁵⁵ Misi bantuan terhadap masalah umat Islam antarabangsa diteruskan dan cuba mencari jalan penyelesaian terbaik untuk menangani masalah umat Islam.

Krisis politik pada peringkat nasional yang berlaku pada tahun 1998 akibat daripada pemecatan Anwar Ibrahim dari UMNO dan kerajaan telah menyebabkan ABIM terheret secara langsung ke dalam pergolakan politik negara.¹⁵⁶ Ahmad Azam menjelaskan “Perhatian Kerajaan terhadap ABIM memang luar biasa kali ini kerana

¹⁵⁴ *Berita Harian*, 21 September 1998. Lihat juga *Utusan Malaysia*, 21 September 1998. *Aliran*, 1998, FEER 15 November 1998 dan SUARAM 2002. Senarai penuh sembilan belas orang yang di tangkap adalah seperti berikut; Datuk Ahmad Zahidi (Ketua Pergerakan UMNO Malaysia), Ruslan Kassim (EXCO Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia dan Ketua Pemuda UMNO Negeri Sembilan), Dato’ Kamaruddin Jaafar (Pengerusi Institut Kajian Dasar –IKD) , Ahmad Azam Abdul Rahman (Presiden ABIM), Mukthar Ridwan (Timbalan Presiden ABIM), Abdul Halim Ismail (Naib Presiden ABIM), Shahrudin Badaruddin (Setiausaha Agung ABIM), Dr.Siddiq Baba (Timbalan Rektor hal ehwal pelajar Universiti Islam Antarabangsa), Tamunif Mokhtar (Ketua UMNO Bandar Tun Razak), Dato’Kamaruddin Mohd Noor (ADUN SEMERAK dan Ketua UMNO Bahagian Pasir Putih), Dr. Zambry Abdul kadir (Pengarah CELDES) yang juga Ketua Pemuda UMNO Bahagian Lumut, Amidi Abdul Rahman (Presiden PKPIM), Ahmad Sabrimi Sidek (Setiausaha Agung PKPIM), Abdul Malek Hussein (Bekas Setiausaha Kerja Pemuda PAS Pusat) dan Zulkfli Nordin (Peguam dan bekas Aktivis UMNO). ABIM merupakan Teras kepada gerakan Reformasi. Lihat laporan lengkap dari *Berita Harian dan Utusan Malaysia*, 3 hingga 10 Oktober 1998.

¹⁵⁵ Laporan Setiausaha Agung, Di Persidangan Majlis Syura ke-38, 17 Ogos, 2002, Kompleks Dar Al-Hikmah, Kajang. hlm 4. Lihat juga *Laporan Tahunan Muktamar Sanawi ABIM Ke-31*, pada 6-9 September 2002, Di Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin (KUSZA), Kuala Terengganu.

¹⁵⁶ “Anwar Ibrahim dilucut jawatan”, dlm. *Berita Harian*, 3 September 1998. “Anwar removed from Cabinet” dlm *News Strait Times* 3 September 1998. dan “Anwar removed as DPM, Finance Minister”, dlm. *Buisness Times* , 3 September 1998.

kelantangannya telah menyebabkan empat pimpinan utamanya disumbat ke dalam penjara di bawah ISA”¹⁵⁷ Penubuhan Parti Keadilan Nasional (PKN) pada 1999 telah memberi kesan besar kepada ABIM kerana sebahagian besar mantan pimpinan ABIM dan juga ahli Majlis Syura Tertingginya terlibat aktif dalam parti tersebut.¹⁵⁸ Sebagai Presiden ketika itu Ahmad Azam terpaksa menghadapi suasana ini dengan hati-hati :

“Atas pertimbangan ini, saya berpandangan bahawa kita harus menyokong Barisan alternatif (bukan pembangkang) untuk menentang Kerajaan Barisan Nasional. Sokongan dan dukungan kita haruslah tertumpu kepada PAS dan PKN. Manamana ahli ABIM yang mempunyai minat dan kecenderungan politik digalakkan untuk terlibat dengan menyertai salah satu daripada parti tersebut”¹⁵⁹

Pandangan Ahmad Azam sebagai Presiden ABIM berjaya mempengaruhi ahli-ahli ABIM dalam membuat keputusan dalam pilihan raya ketika itu serta memberikan kesan yang besar kepada ABIM dan masyarakat. Reaksi kerajaan ketika itu sangat negatif terhadap ABIM seolah-olah sumbangan ABIM sebelum ini terhadap negara dilupakan sebegitu sahaja.¹⁶⁰ ABIM juga menghadapi pelbagai tuduhan menerusi media sebagai dalang dalam membakar semangat mahasiswa untuk membela pihak tertentu, mengetuai perhimpunan haram untuk menentang kerajaan berikutan pemecatan Anwar Ibrahim. Malah ABIM dituduh dengan pemberian 5 juta ringgit dari akaun Anwar Ibrahim.¹⁶¹

Reaksi kerajaan yang negatif ini menyebabkan sebahagian besar ahli ABIM hilang kepercayaan terhadap kerajaan. Walaupun berhadapan dengan suasana tegang terutamanya hubungan dengan pihak kerajaan, beliau terus dengan pendekatan dakwah secara berhikmah dan cuba menyelesaikan kemelut politik ketika itu dengan

¹⁵⁷ Ahmad Azam Abdul Rahman, “*Agenda Era Kebangkitan Ummat*”, Edaran Terhad, *SULIT*, Dibentangkan dalam Bengkel Khas Era Kebangkitan Ummat, 10-11 April 1999.hlm. 5.

¹⁵⁸ Temu bual dengan Shahrudin Badaruddin di Universiti Malaya pada 20 Ogos 2010. Shahrudin Badaruddin, *Demokrasi dan Perubahan Aksi Politik Malaysia*, hlm. 285-300.

¹⁵⁹ Tamadun, Oktober 1998, *Reformasi ABIM*, hlm. 60-63.

¹⁶⁰ Temu bual dengan Ahmad Azam Abdul Rahman pada 9 Mei 2010.

¹⁶¹ Shahrudin Badaruddin, *ABIM dan Politik*, hlm. 35.

mempelopori agenda penyatuan ummah.¹⁶² Apabila Perdana Menteri ketika itu iaitu Dr. Mahathir Mohammad membuat gesaan supaya parti-parti Melayu berbincang dan berunding demi perpaduan ummah, ABIM antara organisasi yang terawal memberi respons yang positif dengan berusaha mempertemukan dua tokoh pemimpin politik Melayu ketika itu iaitu Dr. Mahathir Mohamad sebagai Presiden UMNO dengan Fadzil Mohd Nor sebagai Presiden PAS dalam program Syarahan Perpaduan Palestin.¹⁶³

Pada peringkat antarabangsa, peristiwa 11 September 2001 menjadi cabaran terbesar dimana umat Islam dan gerakan Islam dilabel sebagai pengganas.¹⁶⁴ Senario ini memberikan kesan terhadap ABIM dan badan-badan gerakan Islam yang lain di seluruh dunia termasuk Malaysia. Pada waktu yang sama, ketidaktentuan politik pada peringkat tempatan juga menjadikan beliau lebih berhati-hati untuk memimpin ABIM bagi menjamin survival umat. Ahmad Azam melontarkan idea prinsip *wasatiyyah*, iaitu prinsip kesederhanaan dalam perjuangan dan juga gagasan pemikiran *ummatik* yang berteraskan nilai dan ajaran progresif Islam. Ahmad Azam memilih tema *Meniti Era Transisi, Menjana Hikmah Nabawi*, sebagai tema Muktamar Sanawi ABIM ke-32. Dalam ucapan dasarnya dijelaskan bahawa:

“Meniti bermaksud melangkah dengan penuh hati-hati untuk menelusuri laluan bagi mencapai sesuatu tujuan. Penituan yang berjaya hingga ke hujung laluan memerlukan langkah yang cermat dan bertimbang; tidak terlalu ke kiri dan tidak pula cenderung ke kanan. Ini bermaksud kita terus mempertahankan prinsip wasatiyyah khususnya dalam suasana yang sedang kita lalui sekarang iaitu musim peralihan atau perubahan kepada satu kedudukan baru yang lebih matang.”¹⁶⁵

Ahmad Azam mengambil sikap yang serius berkaitan isu perpaduan dan berusaha untuk mempertemukan tokoh pimpinan politik negara ketika itu untuk berbincang mengenai

¹⁶² Temu bual dengan Ahmad Azam Abdul Rahman di pejabatnya pada 9 Mei 2010.

¹⁶³ Ahmad Azam Abdul Rahman, *Membangun Belia Islam*, hlm. 34-45.

¹⁶⁴ Peristiwa pengeboman *World Trade Centre WTC* di New York pada 11 September 2001 telah memberi kesan yang sangat besar terhadap hubungan Barat dan Islam.

¹⁶⁵ *Ucapan Dasar, Muktamar Sanawi ke-32*, 6 September 2003, Anjung Rahmat, Gombak, Selangor. hlm. 2.

masalah umat Islam dan dalam waktu yang sama beliau menekan gagasan pemikiran ummatik. Menurut Ahmad Azam:

“Gagasan pemikiran ummatik harus berteraskan nilai dan ajaran progresif Islam untuk melihat sesuatu perubahan sosial dalam sesebuah masyarakat dan tamadun. ‘Social change’ atau transformasi sosial ialah inti sebenar semangat risalah Islam itu sendiri. Melakukan perubahan sosial tidak sahaja menjadi tuntutan kepada umat, malah seluruh bangsa dan agama lain di dunia ini mendorong kepada semangat dan tujuan yang sama untuk menjayakan pembentukan tamadun yang berteraskan prinsip-prinsip kemanusiaan sejagat”¹⁶⁶

Menurut Ahmad Azam, prinsip kebenaran dan keadilan tidak boleh dikorbankan, oleh itu beliau membantah sekiranya ada pihak menganggap ABIM sebagai anti pemerintah dan pro pembangkang atau sebaliknya. Dalam ucapan dasarnya ke-34, bertajuk *Memimpin Perjuangan: Merangsang Kejayaan Masa Depan*:

“Jangan diukur ABIM ini dari kaca mata politik yang sifat utamanya adalah partisan dan memakai formula *zero-sum game* yang mengutamakan siapa menang dan siapa kalah. Pendekatan politik non-partisan dalam pengertian bebas dan pendirian tidak terikat dengan politik kepartian, adalah politik dakwah yang menjunjung prinsip kebenaran dan keadilan”¹⁶⁷

Agenda perpaduan ummah sering dilontarkan dengan berusaha untuk mempertemukan pimpinan politik Melayu sehingga lahirnya Piagam Perpaduan Ummah yang mengandungi lapan isi kandungan utama perpaduan. Piagam Perpaduan Ummah ini dilancarkan bagi merintis jalan kepada usaha perpaduan ummah khususnya umat Islam di Malaysia.¹⁶⁸ Pada tahun 2005, Ahmad Azam mengundurkan diri dan digantikan dengan pemimpin yang lebih muda iaitu Yusri Mohammad yang menjadi Presiden ABIM kelima (2005-2009).¹⁶⁹

¹⁶⁶ *Ucapan Dasar, Muktamar ABIM ke-29*, Dewan Al – Malik Faisal, Petaling Jaya, 31-3 September 2000. hlm. 21.

¹⁶⁷ *Ucapan Dasar, Muktamar Sanawi ke-34*, Dewan KWSP, Kajang, 19 Ogos 2005, hlm . 5.

¹⁶⁸ Piagam Perpaduan Ummah ditandatangani oleh Perdana Menteri Malaysia Tun. Dr. Mahathir Mohammad dengan Presiden PAS Dato’ Hj. Fadhil Mohd Nor pada 8hb.Mei 2002. Di Dewan Bahasa dan Puskata, Kuala Lumpur. Lihat Piagam Perpaduan, Sekretariat ABIM, Anjung Rahmat, Gombak

¹⁶⁹ Yusri Mohammad dilahirkan di Kota Bharu, Kelantan. Sebelum menjawat sebagai Presiden ABIM, beliau aktif di PKPIM sehingga menjadi Presiden PKPMI. Mendapat pendidikan di UIAM dan SOAS,

ABIM pada ketika itu telah menjalani perubahan transisi generasi kepimpinan. Majoriti kepimpinan ABIM terdiri daripada golongan belia berumur bawah 40 tahun. Perubahan ini sejajar dengan pengenalan Akta Pertubuhan Belia 2007 yang mengehendkan umur para pemimpin belia di bawah 40 tahun.¹⁷⁰ Dalam temu bual bersama akhbar *The Sun*, beliau mengatakan pertukaran adalah sesuatu perkara yang positif dalam tradisi ABIM.¹⁷¹ Yusri Mohammad mengatakan bukanlah satu perkara yang asing kerana ABIM pernah dipimpin oleh generasi muda pada awal-awal era penubuhannya. Menerusi temu ramah itu juga Yusri Mohammad menegaskan ABIM akan mengambil pelbagai pendekatan untuk menjadi suara umat Islam secara efektif. Selain mengambil pendekatan konfrontasi, ABIM juga akan mengamalkan pendekatan diplomasi serta terbuka untuk berdialog serta bekerjasama dengan pelbagai pihak.¹⁷²

Dalam Muktamar Sanawi ABIM Kali Ke-36 yang bertemakan “*Jati diri Gerakan Mendepani Gerakan Zaman*”, Yusri Mohammad telah menggariskan tiga agenda besar seperti iaitu agenda penghayatan dan kedaulatan Islam di Malaysia, agenda perpaduan dan keharmonian bangsa Malaysia dan pemerkasaan dan kesepaduan pendidikan. Agenda penghayatan dan kedaulatan Islam di Malaysia diketengahkan untuk mempertahankan kedaulatan Islam dalam sistem politik serta perundangan di negara ini. Penekanan juga diberikan untuk mengukuhkan penghayatan serta kefahaman agama dalam kalangan umat Islam. Agenda perpaduan dan keharmonian Bangsa Malaysia pula dibuat untuk menyeru ke arah kesepaduan bangsa Malaysia dengan keutamaan diberikan untuk merapatkan jurang komunikasi antara kaum di negara ini.

London. Sewaktu menjadi Presiden ABIM, beliau banyak terlibat dalam soal membabitkan kepentingan umat Islam seperti penglibatan aktifnya bersama kumpulan PEMBELA.

¹⁷⁰ Pada waktu kepimpinan beliau, kerajaan mengadakan akta baru di mana pertubuhan belia termasuk ABIM harus dipimpin oleh belia yang tidak melebihi 40 tahun.

¹⁷¹ Husna Yusop “Giving Voice to Islam,” *The Sun*, 17 Februari 2006.

¹⁷² Ibid.,

Agenda ini turut menekankan perpaduan dalam kalangan umat Melayu Islam dalam setiap aspek. Manakala agenda Pemeraksanaan dan Kesepaduan Pendidikan diberikan penekanan secara khusus menerusi agenda ini kerana ia merupakan fokus utama ABIM semenjak awal penubuhannya. ABIM merupakan satu-satu gerakan berasaskan belia yang menguruskan rangkaian institusi pendidikan yang luas. Agenda ini turut menekankan kesepaduan dalam pendidikan dengan perhatian terhadap perkembangan *Ruhaniyyah-Aqliyyah*.¹⁷³

Sepanjang kepimpinan Yusri Mohammad, ABIM secara agresif menggerakkan advokasi dalam isu-isu yang menyentuh kepentingan umat Islam dan kedudukan istimewa Islam dalam Perlembagaan Persekutuan dan melancarkan Pertubuhan Pembela-pembela Islam (PEMBELA) pada 16 Julai 2006 yang dianggotai beberapa pertubuhan-pertubuhan utama Islam di Malaysia yang diketuai ABIM.¹⁷⁴ Selain daripada PEMBELA, ABIM juga turut berperanan aktif di dalam beberapa badan gabungan NGO-NGO Islam. Antara pertubuhan tersebut ialah *Allied Coordinating Committee Of Islamic NGOs* (ACCIN).¹⁷⁵ Di bawah kepimpinan baru ABIM dalam tahun 2005, ABIM berusaha untuk mengembalikan semula imejnya daripada terjebak dalam politik reformasi.

Yusri Mohamad selaku Presiden ABIM yang baru telah berusaha untuk mengembalikan semula sifat non partisan ABIM walaupun ini tidak bermakna ABIM tidak berhubung langsung dengan ahli politik. ABIM mesti selalu berhubung dengan parti politik atas kapasiti badan dakwah iaitu nasihat-menasihati. Bagi Yusri Mohamad, episod reformasi telah melarikan ABIM daripada elemen-elemen asasnya dalam memperjuangkan Islam. Melalui pendekatan baru yang berdasarkan kepada Agenda 3 P

¹⁷³ Yusri Mohamad, *Kemurnian Risalah Paksi Kejayaan Misi Dakwah*, Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), 2006. hlm.2-7.

¹⁷⁴ *Laporan Muktamar ABIM 2008.*, hlm. 12-16. *Risalah* , Bil 1, Ogos 2008. hlm. 6-10.

¹⁷⁵ Ibid.

iaiatu Pembela, Prihatin dan Pendidik, strategi ini adalah semata-mata untuk mengembalikan ABIM di landasan yang sebenarnya.¹⁷⁶ Kepimpinan generasi ketiga ABIM berusaha untuk meneroka formula baru terutamanya dalam meneruskan dinamika dan kelangsungan gerakan Islam.¹⁷⁷

Penjenamaan semula ABIM melibatkan kaedah untuk mengembalikan peranan ABIM sebagai sebuah gerakan utama dalam membela hak orang-orang Melayu Islam di Malaysia. Kerjasama dan koordinasi antara gerakan dakwah Islam adalah diperlukan untuk memberikan impak yang besar kepada masyarakat. Dengan isu-isu semasa dan percubaan untuk menafikan hak perlembagaan berkaitan dengan Islam, terutamanya yang datang daripada gerakan sekular liberal di Malaysia, ABIM telah berusaha untuk menyatukan kesemua Pertubuhan Sukarela Islam dengan mempertahankan Kontrak Sosial Kemerdekaan yang telah menatijahkan Kedudukan Istimewa Orang-orang Melayu yang menjadi tunjang kepada Perlembagaan Persekutuan.¹⁷⁸

ABIM telah mengisytiharkan penentangannya kepada beberapa gerakan yang melemahkan umat Islam seperti Islam Liberal, Pluralisma Keagamaan dan juga pejuang hak asasi manusia yang berteraskan kepada sekularisma.¹⁷⁹ ABIM berusaha untuk menentang elemen yang cuba menjadikan Perlembagaan Persekutuan sebagai sebuah perlembagaan yang sekular. ABIM juga berusaha untuk menjelaskan kedudukan Islam sebagai asas kepada perlembagaan persekutuan, walaupun dari segi hakikatnya

¹⁷⁶ Sila lihat Ucapan Dasar Yusri Mohamad, "Jatidiri Gerakan Mendepani Cabaran Zaman". Muktamar Sanawi ABIM, 2007. Juga lihat tulisan Amran Mohamad, "Mengapa Penjenamaan Semula ABIM: Melalui 3P" dalam *Demi Masa*, 29 September 2007.

¹⁷⁷ Kepimpinan di bawah Yusri Mohamad telah membawa satu pendekatan baru untuk menentukan formula terbaik dalam gerak kerja dakwah. Untuk menyemarakkan idea tersebut, sebuah buku karya Dr. Al-Kaylani bertajuk *Kebangkitan Generasi Salahuddin* telah diterbitkan oleh ABIM dan dijadikan sebagai bahan bacaan utama ahli ABIM. Sila rujuk Majid Irsan Kaylani, *Kebangkitan Generasi Salahuddin dan Kembalinya A-Aqsa ke Pangkuan Islam*, Selangor: ABIM dan Thinkers Library, 2009.

¹⁷⁸ Amran Mohamad, "Mengapa Penjenamaan Semula," hlm. 2.

¹⁷⁹ Isu ini diulas oleh Muhammad Uthman el-Muhammady, *Pascamodenism dan Islam: Satu Pandangan Awal*, Selangor: Akademi Kajian Ketamadunan, 2004.

perlembagaan tersebut tidak menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara Islam, tetapi dalam waktu yang sama, tidak juga menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara sekular.¹⁸⁰

ABIM telah menjadi penggerak utama kepada PEMBELA (Pertubuhan-Pertubuhan Pembela Islam) dan juga ACCIN (*Allied Coordinating Committee on Islamic Non Governmental Organization*). PEMBELA adalah gabungan 70 pertubuhan NGO Islam dimana gabungan ini tertubuh daripada mesyuarat ACCIN yang merupakan gabungan 14 pertubuhan NGO Islam yang pada peringkat awalnya ditubuhkan untuk menentang penubuhan Interfaith Commission (IFC).¹⁸¹

Sesudah Pilihan raya Umum Ke-12, ABIM bersuara secara proaktif dalam beberapa isu yang timbul susulan daripada keputusan pilihan raya tersebut. Isu ini termasuk kontrak sosial yang dikatakan cuba dibangkitkan oleh pihak-pihak tertentu. Antara lain ia meliputi hak keistimewaan Orang Melayu, hak masyarakat bukan Islam. Selain daripada itu ABIM turut memantau secara serius perkembangan beberapa isu seperti Kalimah Allah serta perebutan hak penjagaan anak membabitkan pasangan Islam dan bukan Islam.¹⁸²

Keadaan ini berlaku kerana dikatakan ada usaha daripada pihak-pihak tertentu untuk menentang fahaman liberal serta sekular. Berdasarkan kepada premis tersebut ABIM turut menggiatkan usaha untuk menggarap pemikiran serta falsafah

¹⁸⁰ Lihat Yusri Mohamad, "Kemurnian Risalah Paksi Kejayaan Misi Dakwah", hlm. 28-29.

¹⁸¹ Dalam tahun 2005, Majlis Peguam telah mempelopori satu cadangan untuk menubuhkan Suruhanjaya Antara Agama ataupun Interfaith Commission tetapi cadangan ini telah dibantah gabungan pertubuhan Islam yang dinamakan sebagai ACCIN. Tujuan Suruhanjaya ini adalah untuk menubuhkan satu badan yang bertindak sebagai penasihat dan perunding untuk mempromosikan keharmonian keagamaan dan perpaduan kebangsaan. PAS dan ACCIN telah memboikot persidangan ini kerana menganggapnya sebagai anti Islam. Lihat SUARAM, *Malaysia Human Rights Report 2006, Civil and Political Rights*, Petaling Jaya: SUARAM, 2007, hlm. 82-83.

¹⁸² Temu bual dengan Khairul Arifin Munir, aktivis ABIM ketika itu di UPSI pada 29 Oktober 2011.

Islam. Lanjutan daripada itu, kepimpinan Yusri Mohamad turut mengetengahkan kepentingan aspek kerohanian. ABIM telah menganjurkan pelbagai program kerohanian seperti Kuliah Hikam yang diisi oleh Syeikh Ahmad Fahmi Zam Zam di samping meraikan para ulama' serta ilmuwan Islam. ABIM juga mengambil inisiatif menerbitkan buku *Kebangkitan Generasi Salahuddin dan Kembalinya Al-Aqsa ke Pangkuan Islam* yang merupakan terjemahan karya Dr. Majid Irsan al-Kaylani.¹⁸³

Buku ini menekankan kepentingan aspek kerohanian dalam kebangkitan Islam dengan merujuk aspirasi kejayaan Salahuddin Al-Ayyubi menawan semula Masjidul Al-Aqsa. Aspek ini diberikan penekanan utama dalam ucapan-ucapan dasar beliau sepanjang beliau menjadi Presiden. Dalam ucapan dasar beliau yang terakhir, beliau menegaskan aspek ini yang diungkap sebagai *manhaj ilmiah ruhaniyyah* merupakan asas penting kekuatan generasi-generasi awal pengasas ABIM.¹⁸⁴ Perbincangan ini dapat menyimpulkan bahawa ABIM berkembang bergantung kepada kepimpinan utama yang memimpinnya. Memandangkan ABIM merupakan pertubuhan belia Islam yang terdiri daripada golongan cerdik pandai Melayu menyebabkan mereka mempunyai asas intelektualisme yang cukup untuk membuat pemikiran baru.

Kesimpulan

Penubuhan ABIM pada tahun 1971 memberi kesan yang besar terhadap perkembangan Islam di Malaysia. Sebagai sebuah pertubuhan belia Islam ABIM dapat menampung program yang dilaksanakan oleh mahasiswa Islam. Proses penubuhan ABIM disumbangkan oleh generasi belia ketika itu terutamanya generasi Anwar Ibrahim dalam PKPIM. Penglibatan PKPIM sangat jelas dalam penubuhan ABIM memandangkan

¹⁸³ Pemimpin ABIM pada era ini gigih mempopularkan idea dari buku ini.

¹⁸⁴ Ucapan dasar Yusri Mohammad, *Kemurnian Risalah Paksi Kejayaan Misi Dakwah*. hlm. 3-6.

hampir kebanyakan pimpinan awal ABIM berasal dari aktivis PKPIM. Peranan Anwar Ibrahim juga penting dalam penubuhan ABIM. Sebagai Presiden PKPIM ketika itu, beliau mengambil inisiatif untuk mengumpulkan beberapa pihak bagi membincangkan penubuhan ABIM. Kekuatan organisasi PKPIM dan kepimpinan Anwar Ibrahim yang dinamik berjaya menyakinkan pelbagai pihak dan individu lain diluar PKPIM untuk menyokong idea penubuhan ABIM.

ABIM dibentuk menggunakan struktur organisasi moden. Strukturnya itu yang hampir menyamai sebuah parti politik dan mempunyai cawangan pada setiap negeri dan daerah menyebabkan ABIM dapat berkembang dengan begitu cepat serta dapat menjalankan fungsinya sebagai kumpulan pendesak. Selain dari itu, pentadbiran ABIM yang ditadbir oleh Sekretariat ABIM Pusat dengan mempunyai struktur yang jelas dan kakitangan tetap yang terlatih dan diberi gaji tetap juga menyumbang kepada pesatnya perkembangan ABIM.

Perkembangan ABIM yang begitu pesat juga disumbangkan oleh faktor kepimpinan yang dinamik. Presiden yang pertama Razali Nawawi telah meletakkan asas yang kukuh dalam pembinaan generasi ABIM pada peringkat awal dengan memperkenalkan sistem usrah yang memberi implikasi besar terhadap pemahaman masyarakat terhadap Islam. Manakala Anwar Ibrahim yang mempopularkan ABIM dengan gaya kepimpinannya yang bersifat konfrontasi dan sering mendesak kerajaan. Ini sebenarnya menyumbang kepada peningkatan minat generasi muda terhadap ABIM. Di bawah kepimpinan Siddiq Fadzil, ABIM mula berada dalam suasana kematangan oleh itu pergerakan ABIM pada dekad ini lebih kepada pemantapan ilmu secara dalaman. Gaya kepimpinan ini juga diteruskan oleh penerusnya terutama oleh Mohammad Nor Manuty. Walau bagaimanapun kepimpinan ABIM mula berubah pada

dekad kepimpinan Ahmad Azam Abdul Rahman apabila berlaku krisis politik ketika itu menyebabkan ABIM kembali bersifat radikal dan gaya kepimpinan beliau diteruskan oleh Presiden sesi berikutnya iaitu Yusri Mohammad.

University of Malaya

BAB 4

MEMBINA GENERASI *ISLAMIK*

Pengenalan

Membina generasi pelapis adalah suatu perkara yang penting dalam meneruskan kepimpinan pada masa hadapan. ABIM semenjak awal penubuhannya lagi menjalankan pelbagai program untuk melatih kepimpinan pada masa hadapan. Kepimpinan ABIM yang berlatar belakang golongan lepasan pengajian tinggi cuba membuat pelbagai program yang bersifat *islamiy* untuk menyedarkan masyarakat terutamanya golongan berpendidikan. Usaha awal mereka ialah mengandakan hubungan dengan golongan pelajar di kampus pada ketika itu. Hubungan ini mudah dilakukan kerana aktivis mereka pada peringkat awal ialah sebahagian pimpinan utama mahasiswa di universiti tempatan.

Gerakan pelajar yang dipelopori segolongan anak muda yang menuntut di universiti mempunyai falsafah perjuangan yang tersendiri berasaskan kesedaran dan kepekaan dalam perkembangan politik dan isu semasa negara. Perjuangan mahasiswa adalah manifestasi dari status mereka sebagai pelajar universiti yang terdedah kepada dunia semasa. Elemen ini memberi kesan kepada kehidupan mereka dalam masyarakat khususnya di kampus. Gagasan yang didukung oleh gerakan pelajar ini diperjuangkan melalui proses interaksi mereka dengan kerajaan dan pentadbir universiti melalui kegiatan yang dianjurkan.

Sebagai sebuah organisasi belia, ABIM mempunyai hubungan yang rapat dengan kepimpinan pelajar di kampus. Hubungan ini membolehkan ABIM mencari aktivis baru pimpinan mahasiswa kampus untuk dibawa masuk dalam kepimpinan utama ABIM. Penglibatan ABIM sangat jelas di universiti tempatan terutamanya melalui PKPIM dan PMIUM. Memandangkan kepimpinan utama ABIM berasal daripada kepimpinan mahasiswa di universiti tempatan dan luar negara menyebabkan mereka mempunyai hubungan yang simbiosis dan sangat rapat. Bab ini akan membincangkan peranan dan sumbangan ABIM dalam melahirkan generasi *Islamik* terutama penglibatan mereka dalam gerakan kampus dan pertubuhan belia. Hubungan yang rapat inilah memudahkan ABIM untuk menjalankan aktiviti mereka sehingga menjadi organisasi yang disegani ketika itu. Selain dari itu, mereka memperkenalkan sistem pengkaderan baru yang dikenali sebagai *usrah*. Mereka juga gigih menerbit buku serta menterjemahkan bahan berkaitan Islam ke dalam bahasa Melayu bagi memberi kesedaran kepada masyarakat. Pembudayaan ilmu ini menjadi asas kepada ABIM untuk membina generasi yang memahami dan mengamalkan Islam.

Hubungan ABIM Dengan Persatuan Pelajar Dan Belia

Hubungan ABIM dengan persatuan pelajar dan belia tempatan adalah sangat erat. Aktivis ABIM merupakan bekas pimpinan pelajar di universiti.¹ Persatuan pelajar yang terawal ialah PKPMI kerana ia merupakan pertubuhan induk yang menghimpun pelajar Islam pada peringkat kebangsaan.² Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM) ditubuhkan bertujuan untuk menjadi satu badan yang mewakili pelajar-pelajar Islam Malaysia dan merapatkan tali persaudaraan di antara semua pelajar di Malaysia. PKPIM juga menjadi badan induk kepada persatuan-persatuan pelajar Islam di

¹ Zainah Anwar, *Kebangkitan Islam Di Kalangan Pelajar*, Kuala Lumpur: IBS. 1992. hlm. 15-30. Lihat Hilmi Ramli, *PKPMI 4 Dekad*. Kuala Lumpur:PKPIM. 2009. hlm.19-20.

² Hilmi Ramli, *PKPMI 4 Dekad*.hlm. i-iii.

Malaysia dalam melaksanakan kegiatan berkaitan dengan para pelajar.³ Ini bermakna PKPIM sebagai wadah yang berperanan sebagai wakil untuk mengemukakan tuntutan dan permintaan pelajar Islam kepada pihak berkenaan terutamanya yang berkaitan dengan masalah pelajaran, kebudayaan, kemasyarakatan dan lain-lain. Selain itu, ia turut mewakili pelajar-pelajar Islam di persidangan Islam di dalam dan di luar negara serta merapatkan persaudaraan Islam menerusi kerjasama dengan persatuan-persatuan yang sama dasar perjuangannya dengan PKPIM.⁴

Perjuangan PKPIM tidak hanya terhad kepada golongan pelajar malah menjangkau kepada permasalahan umat sejagat. Karya-karya tokoh besar gerakan Islam dijadikan sebagai bahan perbincangan dan perbahasan bagi meningkatkan kefahaman Islam sebenar.⁵ Sekumpulan mahasiswa yang meminati Islam berjaya dihasilkan yang menumpukan perbincangan berkaitan persoalan sosiopolitik, ekonomi, pendidikan dan sebagainya tetapi bertunjangkan kepada cara hidup Islam.⁶ Anwar Ibrahim sebagai Presiden PKPIM telah membawa idealisme ini kepada seluruh masyarakat pelajar yang akhirnya telah menimbulkan kesedaran terhadap gerakan kebangkitan Islam dalam kalangan pelajar ketika itu.⁷ PKPIM semakin menonjol selepas tercetusnya peristiwa 13 Mei 1969 kerana berjaya mencetuskan kesedaran Islam dalam kalangan generasi muda. PKPIM yang peka terhadap perjuangan isu-isu masyarakat yang perlukan pembelaan sekitar tahun-tahun 1960-an dan 1970-an turut menjadikan pertubuhan ini terkenal dalam masyarakat.⁸

³ Hilmi Ramli, *PKPIM 5 Dekad*. hlm. i-iv. Mohamad Jamil Mukmin, *Gerakan Islam di Malaysia, Kesenambungan, Perubahan dan Respons 1947-2000*. Shah Alam:UITM. hlm. 35-45.

⁴ Ibid., hlm. 19-25. Lihat juga Latifah Sanip, *Struktur Pimpinan dan Haluan Kepimpinan Abim dalam Menangani Perkembangan Dunia Moden dan Pembentukan Generasi Pemimpin*, Latihan Ilmiah, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1993, hlm. 12.

⁵ Mohd Hilmi Ramli, hlm. 7-19.

⁶ Ibid.

⁷ Mohamad Jamil Mukmin, *Gerakan Islam di Malaysia*. hlm.35-45.

⁸ Muhammad Idris Ibrahim, *Sekitar Perjuangan Persatuan Kebangsaan Pelajar-pelajar Islam Malaysia (PKPIM), dalam PEPIAT, Gagasan 21 Menangani Era Globalisasi Agenda Generasi Muda Serantau*. hlm. 168.

Melalui penyebaran idea keislaman yang dihasilkan oleh Sayyid Qutb, Hasan al-Banna dan Abul A'la al-Mawdudi serta tokoh yang lain yang terlibat dalam mengerakkan kefahaman ideologi Islam telah menjadi bahan pembacaan wajib dan menjadi rujukan ahli.⁹ Usaha-usaha menterjemahkan buku-buku bermutu keagamaan dari karya-karya Bahasa Inggeris dan Arab ke dalam Bahasa Melayu giat dilaksanakan dan disebarkan ke seluruh kampus. Golongan mahasiswa di bawah kepimpinan Anwar Ibrahim mulai mempelajari Islam secara serius dan membentuk kumpulan-kumpulan usrah bagi membahaskan kajian Islam.¹⁰ PKPIM menampakkan peranan yang cukup berkesan dalam membentuk pemikiran generasi pelajar ke arah yang lebih kritis berasaskan ajaran Islam.

Perjuangan PKPIM telah menyumbang kepada pelaksanaan institusi Islam di negara ini dengan melaksanakan melalui resolusi seminar, konvensyen, persidangan-persidangan dan gesaan terhadap penubuhan institusi-institusi berlandaskan ajaran Islam. Demikian juga desakan terhadap kerajaan supaya melaksanakan penubuhan universiti Islam seperti yang disuarakan pada tahun-tahun 1960-an dan 1970-an. Kesungguhan ini terbukti menerusi Kongres Universiti Islam yang diadakan sempena Persidangan Agung Persatuan Kebangsaan Pelajar-pelajar Islam Malaysia kali Ke-10 pada tahun 1971. PKPIM merupakan persatuan pelajar yang terawal mengusul kepada pemerintah penubuhan Universiti Islam bersama-sama ABIM dan seterusnya memperjuangkan pelaksanaan sehingga ia ditubuhkan pada tahun 1986.¹¹ Anwar Ibrahim sebagai Presiden PKPIM ketika itu telah mengutus surat kepada Perdana Menteri berkaitan hasrat PKPIM yang inginkan pihak kerajaan menubuhkan sebuah universiti yang berasaskan kaedah Islam.¹²

⁹ Ahmad Zaki Abdul Latif, *Transformasi Gerakan Islah*, hlm. 119.

¹⁰ Zainah Anwar, *Kebangkitan Islam di kalangan Pelajar*, hlm. 23-50.

¹¹ Mohd Jamil Mukmin, *Gerakan Islam di Malaysia* hlm. 24-31.

¹² Mohd Hilmi Ramli, *PKPMI 5 Dasawarsa*, hlm. 46.

Pada dekad 1970-an, terutamanya ketika Anwar Ibrahim sebagai Presiden PKPIM, suara gerakan pelajar ini semakin tegas dan lantang memperjuangkan aspirasi Islam dalam masyarakat. Perjuangan PKPIM tidak hanya berfokus kepada masalah pelajar tetapi menjangkau ke sempadan geografi apabila ia menyuarakan keprihatinannya terhadap permasalahan umat Islam di dunia lain seperti isu umat di Palestin, Selatan Thailand dan Selatan Filipina.¹³

Pada awal tahun 1970-an, latihan kader dakwah (LKD) mula diperkenalkan yang melibatkan mahasiswa kampus sekitar Kuala Lumpur. Suasana masyarakat Melayu dan sebahagian pentadbiran kerajaan ketika itu yang masih mengamalkan gaya kehidupan Barat menjadi sebab utama kenapa latihan ini diadakan.¹⁴ Program ini menumpu kepada latihan terhadap sekelompok mahasiswa yang berbakat daripada segi kepimpinan supaya menjadi penggerak utama gerakan di kampus setelah menamatkan latihan. Penekanan terhadap masalah akidah menjadi perkara utama yang bagi pembinaan kesedaran dan semangat dalam kalangan peserta.¹⁵ Anwar Ibrahim dan beberapa anak muda yang lahir daripada latihan kader dakwah (LKD) inilah yang menjadi sebahagian daripada mahasiswa yang terlibat aktif dalam program keislaman di kampus.¹⁶

Jikalau dilihat kepada kepimpinan PKPIM di akhir tahun 1960-an dan awal tahun 1970-an, ia didominasi oleh aktivis ABIM, contohnya Anwar Ibrahim menjadi Presiden PKPIM semenjak tahun 1969 sehingga tahun 1970, selepas itu pula diambil alih oleh Kamaruddin Mohd Noor pada sesi 1971-1972 dan Ramli Ibrahim pada sesi

¹³ Mohd Jamil Mukmin, *Gerakan Islam di Malaysia*, hlm. 24-30.

¹⁴ Zainah Anwar, *Kebangkitan Islam Di Kalangan Pelajar*, hlm.35-50.

¹⁵ Hasnah Ibrahim, *Persatuan Mahasiswa Islam Universiti Malaya*, Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.1979. hlm. 17-25.

¹⁶ Zainah Anwar, *Kebangkitan Islam di Malaysia*, hlm. xxi-xxii.

1972-1973.¹⁷ Semua mereka itu adalah pimpinan utama ABIM apabila ABIM ditubuhkan. Justeru itu dapat disimpulkan bahawa ABIM dan PKPIM ialah merupakan pertubuhan yang dipimpin oleh aktivis yang sama.

Jadual 4 : Senarai AJK PKPIM 1968-1969

SENARAI JAWATANKUASA KERJA PKPIM 1969 – 1970	
JAWATAN	NAMA
Yang Di Pertua	Anwar Ibrahim
Timbalan Yang Di Pertua	Robani Yusoff
Naib Yang Di Pertua Antarabangsa	Mohd Fahim Yaacob
Setiausaha Agung	Zakaria Hashim
Setiausaha Kewangan	Aman Mohd Nor
Setiausaha Tadbir	Halim Abdullah
Setiausaha Penerbitan	S. Kamaruddin . S. Ahmad
Setiausaha Kebajikan	Ahmad Badrin Mohammad
Setiausaha Penerangan	Abdul Munir Yaacob
Setiausaha Perhubungan	Mahmood Kitom
Setiausaha Kebudayaan dan Sukan	Jabar Mohammad
Setiausaha Hal Ehwal Wanita	Alsimah Amir

Sumber : Laporan Tahunan PKPIM 1968-1969

Kepimpinan PKPIM yang dipimpin oleh Anwar Ibrahim mula menggerakkan kesedaran Islam dalam kegiatan yang dianjurkan oleh PKPIM. Kepimpinan sesi ini memperlihatkan bahawa mereka inilah yang akan terlibat secara langsung dalam penubuhan ABIM serta menjalankan kegiatan yang bersifat keislaman.¹⁸ Anwar Ibrahim yang menjadi Presiden PKPIM memainkan peranan utama dalam penubuhan ABIM dimana beliau yang mengambil inisiatif untuk berjumpa dengan pelbagai pihak dalam usaha menubuhkan ABIM dan turut terlibat sebagai jawatankuasa penaja penubuhan ABIM dan seterusnya menjadi Presiden ABIM pada tahun 1974-1982.¹⁹ Manakala Zakaria Hashim yang menjadi Setiausaha Agung PKPIM juga terlibat dalam

¹⁷ Mohd Hilmi Ramli, *PKPMI 5 Dasawarsa* , hlm. 27-30.

¹⁸ Ibid.

¹⁹ Mohd Jamil Mukmin, *Gerakan Islam di Malaysia*, hlm.31-33.

penubuhan ABIM sebagai ahli jawantakuasa penaja sehingga beliau menjadi Naib Presiden ABIM pada awal tahun 1970-an. Aktivis PKPIM yang lain seperti Mahmood Kitom yang menjadi Setiausaha Perhubungan PKPIM pada sesi itu merupakan aktivis ABIM yang aktif dan menjadi salah seorang ahli jawatan kuasa dalam penubuhan ABIM²⁰ Penglibatan mereka secara aktif inilah yang menyumbang kepada penubuhan ABIM pada 1971.

Jadual 5 : Senarai AJK PKPIM 1969-1970

SENARAI JAWATANKUASA KERJA PKPIM 1970 – 1971	
JAWATAN	NAMA
Yang Di Pertua	Anwar Ibrahim
Timbalan Yang Di Pertua	Mansor Abd Rahman
Naib Yang Di Pertua Antarabangsa	Zakaria Hashim
Setiausaha Agung	Jamil Mokmin
Setiausaha Kewangan	Shahabuddin Rashid
Setiausaha Tadbir	Dom'ami Husain
Setiausaha Penerbitan	Ab. Khalid Ahmad
Setiausaha Kebajikan	Mohammad Din
Setiausaha Penerangan	Ayub Kassim
Setiausaha Perhubungan	Abu Asmara
Setiausaha Kebudayaan dan Sukan	Ab. Kadir Yusoff
Setiausaha Hal Ehwal Wanita	Salimah Ab. Samad
Pengerusi Biro Pelajaran	T. Kamaruddin T. Mohammad
Pengerusi Biro Tabung Derma Pelajar	Hanafi Saad
Pengerusi Biro Kesihatan	Mohd. Ali Mohammad

Sumber : Laporan Tahunan PKPIM 1969-1970

Pada sesi 1969-1970, Anwar Ibrahim masih dikekalkan menjadi Presiden PKPIM, begitu juga dengan Zakaria Hashim yang bertukar kepada jawatan Naib Yang Dipertua Antarabangsa.²¹ Pelantikan ini memperkuatkan lagi unsur-unsur keislaman dalam kegiatan PKPIM. Pada sesi ini Jamil Mukmin yang merupakan salah seorang penaja utama penubuhan ABIM telah dilantik sebagai Setiausaha Agung PKPIM.²²

²⁰ Ibid.,

²¹ Mohd Hilmi Ramli, *PKPMI 5 Dasawarsa*, hlm. iiv-iv.

²² Mohd Jamil Mukmin, *Gerakan Islam di Malaysia*, hlm.24-33.

Kepimpinan utama PKPIM ialah orang yang sama terlibat dalam proses penubuhan dan perkembangan ABIM. Pada sesi ini kegiatan PKPIM banyak mengadakan latihan peringkat dalaman dan mengedar serta menterjemah buku keislaman daripada tokoh Islam yang menjadi pencetus kepada kesedaran dan kefahaman Islam dalam kalangan pelajar.²³

Jadual 6: Senarai AJK PKPIM 1970-1971

SENARAI JAWATANKUASA KERJA PKPIM 1970 – 1971	
JAWATAN	NAMA
Yang Di Pertua	Anwar Ibrahim
Timbalan Yang Di Pertua	Abu Asmara
Naib Yang Di Pertua Antarabangsa	Halim Abdullah
Setiausaha Agung	Kamaruddin Mohd Nor
Setiausaha Kewangan	Ghazali Hussain
Setiausaha Tadbir	Jalil Din
Setiausaha Penerbitan	Ismail Yusoff
Setiausaha Kebajikan	Adalan Osman
Setiausaha Penerangan	Ahmad Osman
Setiausaha Perhubungan	Mohammad Kassim
Setiausaha Kebudayaan dan Sukan	Shafie Mohammad
Setiausaha Hal Ehwal Wanita	Aminah Kasbon
Pengerusi Biro Pelajaran	Dawani Lidin
Pengerusi Biro Tabung Derma Pelajar Islam	Hanafi Saad
Pengerusi Biro Kesihatan	Tahir Azhar
Pengerusi Biro Badan Usaha Mahasiswa	Ab. Rahman Salleh

Sumber : Laporan Tahunan PKPIM 1970-1971

Pada sesi 1970-71 Anwar Ibrahim masih diberi kepercayaan sebagai Presiden PKPIM manakala aktivis dan pemimpin utama ABIM selepas Anwar Ibrahim iaitu Kamaruddin Mohd Noor dilantik sebagai Setiausaha Agung PKPIM menggantikan Jamil Mukmin.²⁴ Pengekalan Anwar Ibrahim sebagai Presiden PKPIM merupakan

²³ Mohd Hilmi Ramli, *PKPIM 5 Dekad*, hlm. 17-33.

²⁴Kamaruddin Mohd Noor dimanahkan menjadi Naib Presiden ABIM khususnya menjaga hal ehwal antarabangsa terutama dengan penglibatannya dalam *WAMY*. Beliau juga antara pimpinan kanan ABIM yang mengikuti jejak Anwar Ibrahim memasuki politik dengan terlibat aktif dalam UMNO sehingga menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri Semarak, Pasir Putih Kelantan pada tahun 1995. Lihat juga

faktor yang sangat penting dalam memperkembangkan PKPIM. Sebagai pemimpin senior dan karismatik beliau berjaya menarik aktivis baru menyertai kepimpinan PKPIM. Sebagai Presiden PKPIM Anwar Ibrahim berjaya mengerakkan aktivis PKPIM untuk bersama-sama menubuhkan ABIM disamping peranan daripada beberapa tokoh Islam lain ketika itu.²⁵

Jadual 7: Senarai AJK PKPIM 1971-1972

SENARAI JAWATANKUASA KERJA PKPIM 1971 – 1972	
JAWATAN	NAMA
Yang Dipertua	Kamaruddin Mohd Nor
Timbalan Yang Di Pertua	Ramli Ibrahim
Naib Yang Dipertua Antarabangsa	Zulkifli Abidin
Setiausaha Agung	Mohammad Noor Manuty
Setiausaha Kewangan	Mohd Nasir Ab. Samad
Setiausaha Penerbitan	Mohd Afendi Ismail
Setiausaha Penerangan	Sidek Fadhil
Setiausaha Kebajikan	Azahari Awang
Setiausaha Perhubungan	Mohammad Kassim
Setiausaha Kebudayaan dan Sukan	Shafie Shamsuddin
Setiausaha Hal Ehwal Wanita	Habibah Abdullah
Pengerusi Biro Pelajaran dan Penyelidikan	Ahmad Bakir Hj. Mohammad
Pengerusi Tabung Derma Pelajar Islam	Bahrin Ismail
Pengerusi Biro Kesihatan	Tahir Azhar
Pengerusi Biro Badan Usaha Mahasiswa	Nik Mat Nik Daud

Sumber : Laporan Tahunan PKPIM 1971-1972.

PKPIM terus dipimpin oleh aktivis ABIM apabila Kamarudin Mohd Noor dilantik sebagai Presiden PKPIM dan beberapa pemimpin pelapis PKPIM yang akan menjadi pemimpin utama ABIM pada masa hadapan seperti Ramli Ibrahim dsebagai Timbalan

Shaharuddin Badaruddin. *Masyarakat Madani dan Politik: ABIM dan Proses Demokrasi*. Shah Alam:IDER. 2016. hlm. 170.

²⁵ Temubual dengan Siddiq Fadzil di pejabatnya pada 9 Ogos 2009. Lihat juga Mohd Jamil Mukmin, *Gerakan Islam di Malaysia*, hlm.24-33.

Presiden.²⁶ Manakala Muhammad Nor Manuty dilantik sebagai Setiausaha Agung yang baru dan Siddiq Fadzil dilantik sebagai Setiausaha Penerangan. Siddiq Fadzil dan Muhammad Nor Manuty ini merupakan pemimpin masa depan ABIM yang dilatih di PKPIM sehingga mereka menjadi Presiden ABIM seterusnya.²⁷ Kepimpinan PKPIM sesi ini sangat penting kerana pada tahun 1971 merupakan tahun penubuhan ABIM.

Jadual 8: Senarai AJK PKPIM 1972-1973

SENARAI JAWATANKUASA KERJA PKPIM 1972 – 1973	
JAWATAN	NAMA
Yang Dipertua	Ramli Ibrahim
Timbalan Yang Di Pertua	Sidek Fadhil
Naib Yang Dipertua Antarabangsa	Jamal Talib
Setiausaha Agung	Mohammad Noor Manuty
Setiausaha Kewangan	Abdullah Alias
Setiausaha Penerbitan	Ibrahim Ali
Setiausaha Penerangan	Ab. Rahman Rukaini
Setiausaha Kebajikan	Mahmud Mohammad
Setiausaha Perhubungan	Jaafar Yassin
Setiausaha Kebudayaan dan Sukan	Mahmud Abu Bakar
Setiausaha Gerakan Kempen Kesedaran	Mat Ali Mat Daud
Setiausaha Hal Ehwal Wanita	Habibah Abdullah
Pengerusi Biro Pelajaran dan Penyelidikan	Ayub Kassim
Pengerusi Tabung Derma Pelajar Islam	Ahmad Tajuddin Ab. Hamid
Pengerusi Biro Kesihatan	Suhaimi .Ab. Halim
Pengerusi Biro Badan Usaha Mahasiswa	Ab. Halim Sulaiman

Sumber : Laporan Tahunan PKPIM 1972-1973

Aktivis ABIM mengukuhkan kedudukannya dalam penguasaan kepimpinan utama PKPIM di mana pada sesi 1972-1973, Ramli Ibrahim dilantik sebagai Presiden PKPIM menggantikan Kamaruddin Mohd Noor yang telah dilantik menjadi salah seorang Naib

²⁶ Ramli Ibrahim aktif dalam ABIM sehingga menjadi Naib Presiden. Sewaktu Anwar Ibrahim dipecat dari UMNO pada tahun 1998 dan menubuhkan Parti Keadilan Nasional, beliau turut bertanding pilihanraya sehingga dilantik sebagai Ahli Parlimen Kota Bharu, Kelantan pada tahun 1999. Shahrudin Badaruddin. *Masyarakat Madani dan Politik*, hlm.168.

²⁷ Siddiq Fadzil dilantik menjadi Presiden ABIM 1982-1991 manakala Muhammad Nur Manuty menjadi Presiden ABIM 1991-1996.

Presiden ABIM. Siddiq Fadzil pula telah dilantik sebagai Timbalan Presiden PKPIM dan Muhammad Nor Manuty dikekalkan sebagai Setiausaha Agung PKPIM.²⁸ Penglibatan aktivis ABIM sebagai pemimpin PKPIM sebenarnya sebagai latihan kepimpinan untuk mereka memimpin ABIM pada masa hadapan. Strategi ABIM melatih pemimpin dalam kalangan mahasiswa terutama PKPIM ini merupakan salah satu faktor utama kenapa ABIM berkembang dengan begitu pesat ketika itu dan mempengaruhi masyarakat menengah Melayu terutamanya tahun 1970-an dan 1980-an.²⁹

Pada tahun 1971, PKPIM mengadakan program Gerakan Kempen Kesedaran yang merupakan program membantu masyarakat yang dilakukan oleh PKPIM sejak beberapa tahun sebelumnya.³⁰ Anwar Ibrahim selaku Pengarah program ini menyatakan bahawa tujuan program ini adalah sebahagian daripada usaha menggerakkan masyarakat desa supaya dapat menikmati proses pembangunan negara secara lebih positif. Di samping itu, secara langsung menimbulkan kesedaran dalam kalangan generasi muda Islam ketika itu terhadap dakwah Islamiyah serta perubahan sikap sesuai dengan tuntutan masa.³¹ Program ini berjaya memperkenalkan PKPIM ke tengah-tengah masyarakat.³²

Memandangkan para penggerak PKPIM adalah generasi pelajar maka timbul persoalan apakah saluran yang dapat berfungsi seperti organisasi ini apabila mereka menamatkan alam mahasiswa di institusi pengajian nanti. Mereka telah mengambil

²⁸ Lihat senarai pimpinan PKPIM dalam lampiran.

²⁹ Zainah Anwar, *Kebangkitan Islam Dikalangan Pelajar*, hlm.45

³⁰ Mohd Hilmi Ramli, *PKPIM 5 Dekad*, hlm.56

³¹ *Disekitar Pergerakan PKPIM*, Dokumentasi PKPIM, hlm. 66.

³² Mohd Jamil Mukmin, *Gerakan Islam di Malaysia*, hlm.28-30. Lihat juga Mohd Hilmi Ramli, *PKPIM 5 Dekad*, hlm. 19-23.

inisiatif untuk menubuhkan ABIM pada Persidangan Tahunan Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM) Ke-10 pada tahun 1971 sebagai wadah bagi meneruskan kesinambungan gerakan dakwah yang telah dimulakan semasa bergelar pelajar.³³ Inilah yang menjadikan hubungan ABIM dan PKPIM sangat rapat.

Zainah Anwar menjelaskan bahawa gerakan kebangkitan Islam yang dipelopori ABIM pada era 1970-an merupakan gelombang pertama dalam kebangkitan semula Islam di Malaysia.³⁴ Pandangan ini ada benarnya kerana mereka menguasai kepimpinan pelajar universiti ketika itu yang pada umumnya didominasi oleh aktivis ABIM.³⁵ Suara ABIM menjadi tumpuan utama gerakan pelajar di negara ini dan pengaruhnya meluas di kampus-kampus. Kekuatan dan kelantangan ABIM menyuarakan pelbagai isu sekitar persoalan umat Islam mempengaruhi rentak dan nada kepimpinan mahasiswa. Pendekatan ABIM tidak mendesak secara melulu terhadap pembentukan negara Islam tetapi melihat Islam dalam bentuk yang lebih toleran dan moderat. Pandangan sebegini menarik hati masyarakat untuk turut serta dengan idealisme yang dibawa oleh ABIM.³⁶

Salah satu perkara utama yang mencirikan gerakan kebangkitan Islam dalam kalangan pelajar ialah corak pergerakannya yang hampir sama dan saling pengaruh mempengaruhi antara satu sama lain. Selain daripada PKPIM, PMIUM juga merupakan pertubuhan pelajar Islam yang berpengaruh terutamanya di tahun 1970-an. PMIUM ditubuhkan pada tahun 1950-an di Universiti Malaya, Singapura atas inisiatif pelajar Islam ketika itu iaitu Syed Mohammad Naquib Al-Attas.³⁷ Apabila Universiti Malaya berpindah ke Kuala Lumpur pada tahun 1959, PMIUM turut beralih operasinya ke

³³ Mohd Jamil Mukmin, *Gerakan Islam di Malaysia*, hlm.32

³⁴ Zainah Anwar, *Kebangkitan Islam di Kalangan Pelajar*, hlm. 12-35.

³⁵ Lihat senarai kepimpinan PKPIM dan PMIUM yang dilampirkan dalam lampiran.

³⁶ Zainah Anwar, *Kebangkitan Islam di Kalangan Pelajar*, hlm. 12-35.

³⁷ Ibid.

Kuala Lumpur. Perpindahan ini menyebabkan pergerakan pelajar ini mula menampakkan kegiatan yang menyumbang kepada gerakan kebangkitan Islam dalam kalangan pelajar.³⁸ Kemunculan PMIUM sebagai sebuah pergerakan pelajar dengan mengambil pendekatan Keislaman turut menyumbang kearah kesedaran Islam di kampus-kampus ketika itu.

Melalui aktivisnya di dalam PKPIM dan juga ahlinya yang juga pimpinan utama PMIUM memudahkan ABIM menjalankan kegiatan keislaman di kampus tempatan. Selain daripada itu juga, faktor Anwar Ibrahim yang pernah menjadi pimpinan utama PKPIM turut memudahkan lagi ABIM untuk menjalankan aktiviti dengan mendapatkan kerjasama dari PMIUM.³⁹ Jelas disini menunjukkan bahawa aktiviti yang dijalankan pada peringkat awal terutamanya tahun 1970-an dan awal 1980-an adalah cerminan daripada aktiviti ABIM.

PMIUM mula mengadakan program yang bersifat kebajikan sebagai salah satu cara mendekati masyarakat. Kegiatan ini adalah penting memandangkan pada waktu itu golongan mahasiswa dipandang tinggi oleh masyarakat awam, apalagi sebahagian masyarakat Melayu masih banyak berada dalam kemiskinan serta kehidupan mereka yang tidak bercirikan Islam.⁴⁰ Di Kuala Lumpur, mereka mengadakan pelbagai program kelas bimbingan di kawasan setinggan di Kampung Sentosa, Jalan Kelang

³⁸ Hasnah Ibrahim, *Persatuan Mahasiswa Islam*, hlm. 13-25.

³⁹ Anwar Ibrahim pernah menjadi Presiden PKPIM sesi 1969/70 manakala ia menjadi Setiausaha Penerangan PMIUM sesi 1969/70. Pada waktu yang sama beliau juga merupakan Presiden PBMUM. Mohd Jamil Mukmin, *Gerakan Islam di Malaysia*, hlm.. 32.

⁴⁰ Mereka menumpukan perhatiannya kepada masyarakat Islam di luar bandar serta kawasan-kawasan setinggan yang banyak di sekitar ibu kota. Perkhidmatan kebajikan yang diberikan oleh PMIUM ialah seperti ceramah-ceramah, kelas-kelas bimbingan untuk penuntut-penuntut yang bakal menduduki sijil pelajaran Malaysia, SRP serta kempen kesedaran. Khidmat ini biasanya dijalankan pada waktu cuti panjang. Mereka mengadakan khidmat kelas bimbingan di tempat kawasan mereka, program ini berlaku di Kelantan, Terengganu, Kedah, Pahang, Melaka, Perlis, Negeri Sembilan dan Perak. Hasnah Ibrahim, *Persatuan Mahasiswa Islam Universiti Malaya*, hlm.79.

Lama dan Kampung Kinabalu.⁴¹ Selain memberi kelas bimbingan, aktiviti ceramah juga turut di adakan. Pada awal tahun 1971, PMIUM bersama - sama dengan PKPIM dan PBMUM telah mengadakan projek yang berusaha untuk membantu masyarakat luar bandar. PMIUM menyertai *Gerakan Kempen Kesedaran* yang dianjurkan oleh PKPIM dengan tujuan untuk menimbulkan kesedaran dalam kalangan pelajar-pelajar dan mahasiswa, dengan mengorientasikan diri mereka sesuai dengan kehidupan masyarakat desa, membantu dalam usaha menggalakkan masyarakat desa supaya dapat menikmati projek-projek pembangunan negara.⁴²

Pada 18 Mei 1971, Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) secara rasminya diluluskan dan dikuatkuasakan ke atas mahasiswa Malaysia walaupun mendapat tentangan daripada oleh pihak pembangkang di Dewan Rakyat.⁴³ Penggubalan AUKU ini adalah untuk mengekang dominasi mahasiswa di peringkat kebangsaan selepas pasca 13 Mei 1969. Sebelum 13 Mei 1969, mahasiswa terlibat secara langsung dengan kegiatan politik terutamanya kepada parti pembangkang dengan mengedarkan 1000 ribu manifesto mahasiswa bermula pada 19 April 1969 sehingga mengakibatkan pihak Perikatan mengalami kekalahan teruk di beberapa buah negeri. Selain itu juga kerajaan gagal membendung kegiatan demonstrasi anti Tunku.⁴⁴ Kegiatan demonstrasi mahasiswa pada ketika itu berlaku secara meluas terutamanya di Kuala Lumpur dimana mereka sentiasa mengambil berat isu-isu yang berlaku dalam masyarakat setempat apalagi isu yang melibatkan umat Islam baik di dalam negara mahupun diluar negara.

⁴¹ Ibid.,

⁴² Ibid. Lihat juga Mohd Jamil Mukmin, *Gerakan Islam di Malaysia*, 29. hlm. 29. Lihat juga PKPIM. *Laporan Gerakan Kempen Kesedaran (GKK) PKPIM, 1972-73*. Kuala Lumpur. 1973. Lihat juga Mohd Hilmi Ramli, *PKPIM 5 Dekad*, hlm. 19-23

⁴³ Muhamad Abu Bakar, *Mahasiswa Mengugat*, Pustaka Antara: Kuala Lumpur, 1971, hlm. 13-19.

⁴⁴ Ibid.

Jadual 9: AJK PMIUM 1971-1972

SENARAI AHLI JAWATANKUASA KERJA PMIUM 1971 – 1972	
JAWATAN	NAMA
Yang Di Pertua	Ismail Mina Ahmad
Penolong Yang Di Pertua	Tahir Azhar
Setiausaha Kehormat	Mohd. Nor Hj. Nawawi
Penolong Setiausaha Kehormat	Kamaruddin Mansor
Bendahari Kehormat	Jamil Ariffin
Ketua Helwi	Ku Zam-Zam Idris
Setiausaha Helwi	Norsiah Yusuf
Ahli Jawatankuasa	Zainal Abidin Abdul Rahman Wan Mahmood Ibrahim Kamaruddin Mansor Kassim Othman Jamil Ariffin Rozali Ishak

Sumber : Laporan Muktamar PMIUM 1971-1972.

PMIUM tetap melibatkan diri dalam demonstrasi walaupun Akta Universiti Dan Kolej (AUKU) baru diperkenalkan, Ismail Mina Ahmad yang juga aktivis ABIM dilantik sebagai Yang Dipertua PMIUM untuk sesi 1971/1972. Ismail bersama lebih 2000 mahasiswa Melayu - Islam telah mengadakan perhimpunan aman membantah lawatan rasmi 3 hari oleh Tun Thanum Kittikachorn selaku Perdana Menteri Thailand dan beberapa menteri lain ke Malaysia pada 14 Jun 1971.⁴⁵ Demonstrasi ini dibuat sebagai bantahan kepada kerajaan Thailand diatas layanan buruk terhadap masyarakat Islam di Selatan Thailand.⁴⁶ Selain dari itu, pelbagai kegiatan demonstrasi dan boikot dilakukan antaranya ialah kempen boikot kuliah yang diadakan selepas 2 hari isu ini diwacanakan di *Speakers Corner*, Universiti Malaya.⁴⁷ Pada 16 Oktober 1971 pula, PMIUM, PKPIM dan ABIM serta beberapa pertubuhan lain telah menganjurkan

⁴⁵ Hasnah Ibrahim, *Persatuan Mahasiswa Islam Universiti Malaya*. hlm. 131-140.

⁴⁶ Mohd Jamil Mukmin, *Gerakan Islam di Malaysia*, hlm, 30.

⁴⁷ Natijahnya, 19 orang mahasiswa Islam telah ditangkap oleh pihak polis dan dibebaskan pada 17 Jun 1971 hasil ikat jamin oleh Prof Ungku Aziz (9 orang) dan Datuk Dr Ariffin Marzuki(10 orang). Hasnah Ibrahim, *Persatuan Mahasiswa Islam*, hlm. 225-277.

perhimpunan aman di depan kedutaan Amerika Syarikat, Kuala Lumpur demi membantah campur tangan Amerika di Timur Tengah.⁴⁸

PMIUM juga telah menganjurkan perhimpunan aman di depan kediaman rasmi pengetua Kolej Kediaman Kelima, Universiti Malaya demi menyokong penguatkuasaan dasar dan peraturan universiti berhubung salah laku moral. Demonstrasi aman ini diadakan ekoran satu tunjuk perasaan oleh segolongan mahasiswa di depan bangunan pentadbiran universiti pada hari Jumaat 15 Jun 1971 kerana membantah penyingkiran 3 mahasiswa dari Kolej Kediaman Kelima disebabkan salah laku moral.⁴⁹ Tindakan demonstrasi yang dilakukan oleh PMIUM seperti mana yang tersebut di dalam surat mereka kepada Pengetua Kolej Kelima yang antara lain berbunyi:

“Demonstrasi kami itu berpunca dari satu demonstrasi segelintir siswa-siswi pada sebelah petang hari Jumaat bersamaan dengan 15 hb Jun 1973 di bangunan Universiti Malaya. Kami mendengar berita gulungan siswa siswi itu menentang tindakan yang kononya telah diambil oleh Pengetua Kolej Kelima terhadap tiga orang penghuni kolej tersebut”.⁵⁰

Penglibatan aktivis PMIUM yang juga adalah aktivis ABIM sangat penting dalam gerakan pelajar ketika itu seperti yang diperlihatkan dalam perbincangan ini. Sesi kepimpinan PMIUM tahun 1971-1972 juga menyaksikan seorang pemimpin pelapis ABIM di peringkat nasional telah mula dikesan dan terlibat aktif di PMIUM iaitu Mohd Noor Nawawi yang dilantik sebagai Setiausaha Agung.⁵¹

⁴⁸ Ibid.,

⁴⁹ Ibid.,

⁵⁰ Ibid., hlm. 235.

⁵¹ Mohammad Noor Nawawi merupakan salah seorang pemimpin utama ABIM. Beberapa sesi beliau diamanahkan sebagai Naib Presiden ABIM. Sewaktu Anwar Ibrahim menubuhkan Parti Keadilan Nasional, beliau turut serta memasukinya dan bertanding atas tiket parti tersebut dalam pilhanraya Umum 1999 di Sabak Bernam, Selangor. Lihat Shahrudin Badaruddin, *Masyarakat Madani dan Politik*. hlm. 152.

Jadual 10: AJK PMIUM 1972-1973

SENARAI AHLI JAWATANKUASA KERJA PMIUM 1972 – 1973	
JAWATAN	NAMA
Yang Di Pertua	Siddiq Fadzil
Naib Yang Di Pertua	Mahmud Naim
Setiausaha Kehormat	Mohd. Salleh Jaafar
Penolong Setiausaha Kehormat	Kamaluddin Yusuf
Bendahari Kehormat	Mohd. Noor Zakaria
Ketua Helwi	Fatimah Ali
Ahli Jawatankuasa	Yassin Sulaiman Ramly Mat Zain Rashid Adam Yahya Bakar Razali Ishak

Sumber : Laporan Muktamar PMIUM 1972-1973

PMIUM sesi 1972/1973 jauh lebih proaktif dan dinamik. Di bawah kepimpinan Siddiq Fadzil yang juga aktivis PKPIM dan ABIM, perjuangan PMIUM dilanjutkan dalam bentuk tradisi mencabar sebagaimana yang dilakukan oleh kepimpinan sebelumnya. Pada zaman ini penyebaran idea kefahaman Islam diperhebat sehingga mewujudkan persekitaran baru di kampus Universiti Malaya.⁵² Di peringkat kampus PMIUM mula terlibat secara langsung sebagai Jawatankuasa Kerja Orientasi Minggu Siswa (JKO) . Kesan daripada penglibatan aktif mereka diprogram tersebut, PMIUM dapat menganjurkan aktiviti seperti sembahyang berjemaah, kuliah subuh maghrib, sambutan Maulidur Rasul secara besar-besaran di Dewan Tuanku Canselor, Universiti Malaya.⁵³

Pada 3 Disember 1974, berlaku satu peristiwa yang melibatkan petani miskin yang dikatakan kelaparan di Baling, Kedah. Peristiwa ini menimbulkan kesedaran di kalangan mahasiswa Melayu Islam untuk membantunya. PMIUM telah pergi ke Baling

⁵² Hasnah Ibrahim, *Persatuan Mahasiswa Universiti Malaya*, hlm. 142.

⁵³ Ibid., hlm.

untuk membela nasib rakyat yang kebuluran dan kesempitan hidup. Inisiatif ini telah menggemparkan masyarakat dan menggugat kewibawaan pihak kerajaan ketika itu.⁵⁴ Pada 19-21 November 1974, para petani telah memulakan demonstrasi dan sehingga 21 Desember 1974 jumlahnya telah meningkat sehingga 13.000 orang. Kemuncak demonstrasi pada 1 Desember 1974 apabila sejumlah 30,000 petani telah berkumpul di Baling, Kedah. Untuk menyatakan sokonganya, dua hari kemudian sejumlah 5,000 pelajar telah berarak ke Kuala Lumpur terutamanya di Masjid Negara . Seramai 1,128 pelajar di tahan . Pada bulan Desember 1974 kerajaan telah mengeluarkan kertas putih yang bertajuk “ Communist Party of Malaya Activities with the University of Malaya Chinese Language Society”, sedangkan yang terlibat ketika itu hanyalah persatuan mahasiswa universiti tempatan dan juga ABIM.⁵⁵

Beberapa siri perhimpunan aman dilancarkan secara besar-besaran di seluruh negara Gelombang kesedaran yang berlaku secara besar-besaran ini memaksa pihak kerajaan melancarkan operasi pembersihan dengan melakukan tangkapan ke atas para pemimpin mahasiswa. Pindaan AUKU 1971 dilakukan untuk kali kedua pada tahun 1975 demi mengekang kebangkitan mahasiswa ketika itu.⁵⁶

Pada penghujung tahun 1970-an, berlaku Revolusi Iran 1979 dan ini telah memberi kesan tentang peranan ulama dalam mengulingkan pemerintah yang zalim keseluruh dunia Islam termasuk Malaysia.⁵⁷ Pimpinan gerakan Islam di Malaysia turut melawat Iran pada tahun 1979 dan tahun 1980 bagi melihat sendiri perkembangan Islam di sana. Anwar Ibrahim antara generasi terawal belia Islam yang diundang oleh pemimpin revolusi Iran melawat Iran, selain itu aktivis ABIM yang juga pimpinan

⁵⁴ *Risalah ABIM*, Disember 1974. hlm. 7-9.

⁵⁵ Shahrudin Badaruddin, *Masyarakat Madani dan Politik* . hlm. 18.

⁵⁶ *Risalah ABIM*, Disember 1974. hlm. 7-9.

⁵⁷ Ahmad Zaki Abdul Latif, *Transformasi Gerakan Islam*, hlm. 123-130.

mahasiswa universiti tempatan termasuk dari PKPIM dan PMIUM juga turut membuat lawatan ke Iran.⁵⁸

Jadual 11: EXCO PMIUM Sesi1980 – 1981

BARISAN EXCO PMIUM 1980 – 1981	
JAWATAN	NAMA
Presiden	Mohammad Redzuan Othman
Timbalan Presiden	Sahlan Ismail
Setiausaha Agung	Azmi Shah Suratman
Bendahari	Ruslan Haji Kassim
Ahli jawatankuasa	Shafie Saad Mohd. Idris Mahmud Alaudin Ismail Azami Zaharim Badariah Abd. Rashid Jamaluddin Yaakub Ahmad Shabri Cheek

Sumber : Laporan PMIUM 1980-1981

Kampus Universiti Malaya turut mengalami kesan terhadap peristiwa tersebut. Revolusi Iran 1979, telah menguatkan iltizam PMIUM dalam mendominasi arus politik kampus tersebut. Di Universiti Malaya terdapat juga kumpulan pelajar yang dikenali sebagai Republik Islam yang menjalankan program keislaman. Revolusi Iran 1979, telah menguatkan iltizam PMIUM dalam mendominasi arus politik kampus tersebut. Di Universiti Malaya terdapat juga kumpulan pelajar yang dikenali sebagai Republik Islam yang menjalankan program keislaman. Nama ini diambil sempena dengan kebangkitan Revolusi Iran.⁵⁹ Pada sesi akademik 1979/1980 aktivis PMIUM bertanding di Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Malaya dan berjaya menguasai pemilihan..⁶⁰ Sesi PMIUM sesi ini juga turut memperlihatkan kepimpinannya didominasi oleh aktivis

⁵⁸ Temu bual dengan Mohammad Redzuan Othman di pejabatnya di Universiti Malaya pada 20 Ogos 2010.

⁵⁹ Zainah Anwar, *Kebangkitan Islam di Kalangan Pelajar*. hlm. 23-30.

⁶⁰ Mereka ialah Mohammad Redzuan Othman bagi kerusi calon Fakulti Sastera dilantik sebagai Setiausaha Agung. Samin Ongki, *Persatuan Mahasiswa Islam Universiti Malaya 1980-an*, hlm. 17-23.

ABIM..⁶¹ Kepimpinan yang dinamik pada ketika ini menyebabkan PMIUM yang didominasi oleh ABIM begitu berpengaruh dalam kampus sehingga dapat menguasai perjalanan aktiviti pelajar khususnya di Universiti Malaya.

Pilihan raya kampus sesi akademik 1981/1982 yang diadakan pada 24 Julai 1981, telah menyaksikan kumpulan pelajar yang dikenali sebagai *Islamic Group* berjaya mendominasi kerusi Majlis Perwakilan Pelajar, Universiti Malaya.⁶² Salah satu sumbangan besar PMIUM yang berjaya menguasai kepimpinan MPMUM ialah menghapuskan acara yang mengandungi unsur yang menyalahi agama dan juga mengandungi unsur perjudian yang telah menjadi acara tradisi saban tahun di Universiti Malaya.⁶³ Pada sesi ini juga memperlihatkan bahawa aktivis ABIM mendominasi kepimpinan PMIUM.⁶⁴

Komitmen PMIUM untuk melaksanakan tanggungjawab dakwah dengan mendominasi kerusi Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Malaya (MPPUM) dimulakan sejak tahun 1977 lagi. PMIUM melakukan penentangan terbuka kepada MPPUM kerana melakukan pesta ria kebajikan yang disokong oleh pihak Hal Ehwal Pelajar (HEP) dan telah mengisytiharkan pemulauan acara tersebut sejak tahun 1980 sehingga tahun 1983.⁶⁵ Penglibatan aktif aktivis PMIUM terhadap program-program yang

⁶¹ Mereka ialah Mohammad Redzuan Othman yang telah dilantik sebagai Yang Di Pertuan PMIUM, beliau merupakan Naib Presiden ABIM tahun 1990-an dan juga memegang jawatan terpenting dalam ABIM sekarang iaitu sebagai Pengerusi Majlis Syura Kebangsaan. Selain itu perlantikan Sahlan Ismail sebagai Timbalan Yang DiPertua, Azmi Shah Suratman sebagai Setiausaha Agung, Azami Zaharin dan Ahmad Shabery Cheek yang merupakan aktivis ABIM memperkukuhkan pengaruh ABIM dalam PMIUM Temu bual dengan Azamin Zaharin iaitu Timbalan Yang Dipertua PMIUM ketika itu di Universiti Malaya pada 9 Ogos 2010. Lihat juga Samin Ongki, *Persatuan Mahasiswa Islam*, hlm. 17-23.

⁶² Ibid.

⁶³ Ahmad Shabery Cheek merupakan aktivis ABIM di negeri Terengganu, begitu juga Azamin Zaharin, Takiyuddin Hassan dan Hazizan Md Noon yang pernah aktif dalam ABIM. Samin Ongki, *Persatuan Mahasiswa Islam Universiti Malaya 1980-an*, hlm. 17-23.

⁶⁴ Temu bual dengan Azamin Zaharin di Universiti Malaya pada 9 Ogos 2010. Lihat juga Samin Ongki, *Persatuan Mahasiswa Islam Universiti Malaya 1980-an*, hlm. 17-23.

⁶⁵ Samin Ongki, *Persatuan Mahasiswa Islam*, hlm. 17-23.

berlawanan dengan kehendak agama dikampus menunjukkan bahawa kesedaran mereka terhadap Islam dipupuk semenjak zaman universiti lagi. Justeru itu, apabila keluar universiti mereka mula aktif bersama ABIM dalam program-program keislaman yang lebih luas cakupannya pada peringkat kebangsaan,⁶⁶

Kemasukan Anwar Ibrahim ke dalam UMNO pada bulan Mac tahun 1982 telah memberi implikasi besar terhadap gerakan pelajar Islam di universiti tempatan dan juga di luar negara. Di Universiti Malaya, gerakan Islam telah berpecah kepada dua kelompok utama iaitu mahasiswa Islam yang pro kepada ABIM dan PKPIM dan mahasiswa Islam yang pro kepada PAS.⁶⁷ Mulai tahun 1982, PAS berjaya mengambil alih kepimpinan gerakan mahasiswa Islam di kampus melalui kemenangan calonnya Muhammad Hussin yang menewaskan calon ABIM. Bermula dari inilah penguasaan ABIM semakin berkurangan di kampus.⁶⁸

Penguasaan ABIM dalam kepimpinan PKPIM dan PMIUM terutamanya tahun 1970-an dan awal 1980-an sangat jelas di mana aktivis mereka menguasai kepimpinan utamanya. Kegiatan persatuan mahasiswa ketika itu sebenarnya cerminan daripada kegiatan yang dilakukan oleh ABIM. Hubungan simbiosis inilah yang menyumbang kepada perkembangan ABIM yang begitu cepat ketika itu. Aktivis yang dilatih dalam aktiviti kampus inilah yang menjadi penggerak utama program kesedaran Islam di Malaysia sama ada dalam politik, pentadbiran awam atau universiti.⁶⁹ Aktivis pelajar

⁶⁶ Temubual dengan Prof Dato Dr Mohammad Redzuan Othman di Universiti Malaya pada 20 Ogos 2015.

⁶⁷ Temu bual dengan Azamin Zaharin yang aktif sebagai pimpinan PMIUM ketika itu pada 17 Ogos 2010.

⁶⁸ Temu bual dengan Azamin Zaharin yang aktif sebagai pimpinan PMIUM ketika itu pada 17 Ogos 2010.. Lihat juga Samin Ongki, *Persatuan Mahasiswa Islam*, hlm. 33-38. Lihat juga Hasnah Ibrahim, *Persatuan Mahasiswa Islam Universiti Malaya*, hlm.35-54.

⁶⁹ Temul bual dengan Azamin Zaharin di Universiti Malaya pada 17 Ogos 2010.

tahun 1970-an dan 1980-an yang bersentuhan dengan kegiatan keislaman di kampus inilah yang menjadi penggerak utama kegiatan dakwah di Malaysia sehingga kini.⁷⁰

Selain daripada terlibat dengan persatuan pelajar, Aktivis ABIM juga terlibat dalam Majlis Belia Malaysia (MBM). Majlis Belia Malaysia atau MBM merupakan sebuah badan belia terbesar yang menghimpunkan sebahagian besar organisasi belia negara yang ada di bawahnya dengan aspirasi untuk menyatukan semua organisasi belia tempatan dan berfungsi sebagai badan penyelaras bagi aktiviti belia negara.⁷¹ Sebelum merdeka merupakan cawangan *The World Assembly of Youth (WAY)* atau Majlis Belia Sedunia di tanah air.⁷² *WAY* merupakan badan induk yang didominasi oleh kerajaan British. Pada peringkat awal, kepimpinan MBM didominasi oleh kalangan belia bukan Melayu sehinggalah Anwar Ibrahim mengambil alih tampuk kepimpinan MBM pada tahun 1971 sebagai wakil PKPIM dan atas nama ABIM pada tahun 1972.⁷³ Kepimpinan Anwar Ibrahim menjadikan MBM berubah wajah dan menggerakkan haluannya dengan kesedaran Islam yang semakin memuncak dalam kalangan belia. PKPIM juga yang turut menyertai MBM merupakan pertubuhan berteraskan Islam yang pertama menganggotai MBM.⁷⁴

⁷⁰ Temul bual dengan Shahrudin Baharuddin di Universiti Malaya pada 20 Ogos 2010.

⁷¹ Keanggotaan MBM terdiri daripada pertubuhan-pertubuhan keagamaan seperti Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Persatuan Belia Kristian, Persatuan Belia Buddhist Malaysia, Majlis Belia Hindu, Pekerja Muda Kristian dan Persatuan Belia Methodist. Manakala pertubuhan pelajar kebangsaan yang bergabung ialah seperti Persatuan Kebangsaan Pelajar-Pelajar Islam Malaysia dan Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung. Sementara persatuan sosial bukan beruniform pula seperti Gerakan Belia 4B, Pergerakan Pemuda Malaysia, Gerakan Belia Bersatu Malaysia (GBB) dan persatuan beruniform diwakili oleh Persatuan Pandu Puteri, Pengakap, Persatuan St. John, Ambulan Malaysia, Briged Putera Malaysia. Gabungan Majlis Belia Negeri-negeri ialah seperti Persatuan Belia Sarawak, Persatuan Belia Kebangsaan Sabah, Majlis Belia Negeri Johor, Perak, Kedah, Pulau Pinang, Pahang, Melaka dan beberapa buah persatuan belia negeri yang lain Lihat juga Hussin Mohammad, *Gerakan Belia di Malaysia*. Gateway Publishing: Kuala Lumpur, 1987, hlm. 17-32. Lihat juga *Laporan Tahunan Majlis Persidangan Agung Tahunan MBM*, 21 Mei 2000. hlm. 3-10.

⁷² Mohd Jamil Mukmin, *Dasar Belia Negara-Satu Tinjauan*, hlm. 7-20.

⁷³ Ibid.,

⁷⁴ Hussin Mohammad. *Gerakan Belia di Malaysia*. hlm. 184-185.

Hubungan kerjasama MBM tidak terhad kepada *WAY* sahaja tetapi juga pada peringkat Perhimpunan Belia Sedunia di Berlin pada tahun 1973. Sokongan daripada aktivis kampus dan beberapa badan gabungan belia yang lain seperti ABIM, PKPIM dan beberapa Majlis Belia di setiap negeri menyumbang kepada kejayaan Anwar Ibrahim sebagai pimpinan MBM pada tahun 1971 sehingga tahun 1976 dan membawa gerakan belia sebagai gerakan serius dan berperanan sebagai agen perubahan masyarakat.⁷⁵

Penglibatan ABIM sebagai badan gabungan MBM dapat dilihat daripada segi kepimpinan dan perubahan pemikiran golongan belia yang lebih proaktif. Sebelum merdeka, MBM lebih dikenali sebagai sebuah pertubuhan sukarela yang bersifat pertubuhan pengisi masa lapang.⁷⁶ Namun kehadiran ABIM di dalam MBM telah berjaya membawa perubahan terhadap persepsi tersebut menjelang tahun 1970-an di mana ABIM lantang membawa suara belia dalam memperjuangkan permasalahan rakyat. Karisma kepimpinan MBM yang diterajui terutamanya oleh Anwar Ibrahim telah meletakkan MBM sebagai kumpulan pendesak yang berorientasikan kepada perjuangan majoriti golongan belia.⁷⁷

ABIM yang mempunyai hubungan rapat dengan PKPIM berjaya merebut pucuk pimpinan MBM pada sesi 1974/76. Kejayaan ini menandakan bermulanya era perubahan dalam MBM. Kejayaan ini sangat besar ertinya bagi ABIM kerana mereka merupakan golongan paling minoriti dalam struktur gabungan MBM di mana mereka

⁷⁵ *Rencana Pengarang*, Berita Harian, 23 September 1998. Mohd Jamil Mukmin, *Dasar Belia Negara-Satu Tinjauan*, hlm. 14.

⁷⁶ Latifah Sanip, *Struktur Kepimpinan Belia*, hlm.53-60. Lihat juga Hussin Mohamad., *Gerakan Belia di Malaysia*. hlm. 184-185.

⁷⁷ Ab Ghani Bin Che Amat, *Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM), Satu Analisa Ringkas Tentang Organisasi dan Ideologi Pergerakannya*, Latihan Ilmiah, Universiti Malaya, hlm. 84-85. Lihat juga Hussin Mohamad., *Gerakan Belia di Malaysia*. hlm. 184-185.

berhadapan dengan golongan yang begitu popular ketika itu seperti Pertubuhan Belia 4B, MBS, dan GPMS yang diketuai oleh Suhaimi Kamaruddin yang juga merupakan seorang tokoh kuat UMNO.⁷⁸

Jadual 12: Senarai EXCO MBM 1974/76

Yang DiPertua	Anwar Ibrahim (ABIM)
Naib Yang DiPertua	1. Azham Ab. Wahab (MAYC) 2. Zulkifli Ab. Hamid (SANYA) 3. Idris Jusi (PKPIM)
Setiausaha Agung	Ab. Halim Abdullah (PKPIM)
Bendahari	S. Rajaratnam (Majlis Belia Hindu)
Ahli Jawatankuasa	1. Rahmah Othman (MAYC) 2. Wilfred Lingam (SANYA) 3. Halim Arshat (PKPIM) 4. Arifin Sedi (SABERKAS) 5. Ibrahim Ali (PKPIM) 6. Mohd Jamil Mukmin (MBNS)

Sumber : Laporan Majlis Belia Malaysia 1974/1976

Melihat kepada barisan Exco MBM di atas, dapati 5 kerusi daripada 12 kerusi adalah dipegang oleh aktivis ABIM dan PKPIM.. Walaupun jumlah ini masih lagi minoriti dipandang daripada segi keseluruhan jumlah kerusi, tetapi mereka mempunyai kuasa yang besar kerana tiga jawatan tertinggi MBM ini adalah dipegang oleh mereka, iaitu jawatan Presiden, Naib Presiden dan Setiausaha Agung. Jawatan-jawatan ini adalah satu kombinasi yang kuat bagi membuat satu tindakan yang berkesan.⁷⁹

Kepimpinan Anwar Ibrahim cuba mengubah perlembagaan MBM seperti tidak membenarkan calon yang berumur lebih dari 40 tahun bertanding untuk merebut jawatan tertinggi MBM. Langkah ini diambil adalah dengan tujuan untuk memberi peluang yang lebih luas kepada golongan muda sesuai dengan sifat belia pertubuhan

⁷⁸ Hussin Mohamad., *Gerakan Belia di Malaysia*. hlm. 184-185.

⁷⁹ Ibid.,

ini.⁸⁰ Sebelum perlembagaan MBM ini diubah, kerap kali pucuk pimpinan MBM dipegang oleh orang yang sudah berumur yang tidak lagi mempunyai semangat belia.⁸¹ Atas sebab itu, kerap kali MBM ini terseret ke dalam kancah politik sehingga menjadikan konsep belia itu begitu kabur sekali.

Dasar baru MBM yang membenarkan kegiatan berasaskan keagamaan dan kerohanian menyebabkan banyaknya aktiviti yang berbentuk kerohanian. Oleh itu, ABIM yang secara langsung terlibat di dalam bidang ini, mereka telah diberi kepercayaan untuk mengendalikannya. Dalam Rancangan Khidmat Masyarakat misalnya, MBM telah memberikan mandat sepenuhnya kepada PKPIM yang sebahagian besarnya aktivis ABIM untuk menjalankannya dengan pembiayaan yang keseluruhannya ditanggung oleh MBM.⁸²

Dalam program “*Rancangan Khidmat Masyarakat PKPIM-MBM*” yang diadakan pada 1-6 Mei 1979, di Sik, Kedah, perbelanjaan yang diberikan oleh MBM kepada PKPIM adalah sebanyak \$8,000.00.⁸³ Demikian juga program yang diadakan di mukim Macap, Keluang, Johor pada bulan Mei tahun 1978 sebelumnya adalah atas tanggungan MBM.⁸⁴ Faedah daripada kerjasama seperti ini dapat dirasakan apabila ABIM-PKPIM berpeluang masuk ke dalam masyarakat bagi memperkenalkan satu cara hidup yang sebenarnya seperti yang dikehendaki oleh Islam.⁸⁵

Di sepanjang projek tersebut setiap peserta dikehendaki bersembahyang berjemaah di surau-surau dengan mengajak sama keluarga angkat mereka yang menyertai jemaah tersebut. Manakala masa di antara Maghrib dan Isyak dan kadang-

⁸⁰ Ibid.

⁸¹ Latifah Sanip, *Struktur Kepimpinan Belia*, hlm.53-60.

⁸² Ibid.

⁸³ Ab Ghani Bin Che Amat, *Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM)*, hlm.84-85.

⁸⁴ Ibid., hlm.85-90.

⁸⁵ *Laporan Program “Rancangan Khidmat Masyarakat PKPIM-MBM”* 1-6 Mei 1979, Fail Sekretariat. hlm. 1-7. Lihat juga Ab Ghani Bin Che Amat, *Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM)*, hlm.84-85.

kadang selepas waktu Isyak akan dipenuhi dengan perbincangan dan penerangan tentang Islam mengikut maksudnya yang sebenar; iaitu sebagai satu cara hidup yang tidak ada pemisahan antara ibadat dan kehidupan.⁸⁶ Daripada laporan didapati ada orang-orang kampung yang tidak sembahyang. Tetapi disebabkan anak angkat yang tinggal selama satu minggu bersama-sama mereka itu mengajak mereka sembahyang maka mereka pun ikut apabila disertai dengan penerangan yang jelas yang sebelum itu mungkin mereka tidak mempunyai peluang untuk mendengarnya, maka diharapkan titik permulaan mereka itu akan langsung membina penerusan dalam hidup mereka.⁸⁷

Namun begitu tidak semua dapat menerima cara pendekatan MBM ketika ini. Setiap badan gabungan mempunyai autonomi sendiri daripada segi pelaksanaan dasar dalam kalangan masyarakat belia dan pemerintah.⁸⁸Kepelembagaan prinsip badan gabungan yang terdapat dalam MBM menyebabkan MBM mengalami konflik dalaman beberapa ketika. Penglibatan MBM dalam demonstrasi pada 3 Disember 1974 telah mengakibatkan beberapa buah badan gabungan mengambil tindakan keluar daripada MBM.⁸⁹ Kehilangan sebahagian badan gabungannya adalah kerana tidak bersetuju dengan penglibatan sebahagian pimpinan MBM dalam demonstrasi tersebut.⁹⁰

Namun selepas pertengahan tahun 1970-an, masalah yang melanda MBM semakin pulih sehingga membolehkannya memainkan peranan memperjuangkan kepentingan masyarakat belia selaras dengan tuntutan-semasa. Gagasan perpaduan terus diberi perhatian dalam tahun-tahun 1980-an dan 1990-an.⁹¹ MBM berperanan melaksanakan dasar-dasar yang diputuskan oleh kerajaan khususnya Dasar Belia Negara menerusi badan-badan gabungannya. MBM membawa haluan gerakan belia ke

⁸⁶ Ibid.,

⁸⁷ Ibid.,

⁸⁸ Latifah Sanip, *Struktur Pimpinan dan Haluan Kepimpinan Abim*, hlm. 64.

⁸⁹ Hussin Mohamad., *Gerakan Belia di Malaysia*. hlm. 186-187.

⁹⁰ Ibid.

⁹¹ Ibid.,

arah belia sebagai rakan pembangunan berdasarkan governan yang baru iaitu transformasi daripada keadaan sedia ada kepada suatu keadaan baru yang mempunyai hubungan sinergi antara tiga sektor (kerajaan, perniagaan dan masyarakat sivil) pada kedudukan yang adil.⁹²

Pada peringkat belia nasional, ABIM semakin mengukir nama menerusi sumbangannya terhadap pembinaan belia melalui MBM ini. Perubahan yang paling besar dibawa ialah menanamkan kesedaran Islam dan mempraktikkannya sebagai '*way of life*' dalam diri masyarakat belia khususnya.⁹³ Pengiktirafan diberikan oleh pelbagai pihak di pelbagai peringkat terhadap sumbangan ABIM terhadap pembangunan belia negara. Di antaranya ialah termasuklah Anugerah Belia Negara yang diberikan oleh kerajaan kepada pimpinan belia dari ABIM pada tahun 1997.⁹⁴ Ini membuktikan bahawa pendekatan ABIM dalam pengiktirafan ini mengembalikan semula kegemilangan kepimpinan ABIM dalam gerakan belia negara⁹⁵.

ABIM mempelopori program-program belia seperti program Embun Hidayah dan turut menyokong usaha-usaha kerajaan melaksanakan agenda Rakan Muda, Program Perintis Bina Sahsiah dan lain-lain.⁹⁶ Program Embun Hidayah merupakan projek khas ABIM terhadap kelompok belia yang dilihat kurang mahir dalam mengatur diri menghadapi cabaran sezaman. Sehubungan itu, Kelab Embun Hidayah telah ditubuhkan pada 1 Januari 1991.⁹⁷ Program ini telah menghimpunkan belia-belia yang telah tersasar untuk kembali kepada landasan yang sebenar. Menerusi PPPK-ABIM,

⁹² Saifudin Abdullah, *Mengangkat Martabat Perjuangan Belia*, (Kuala Lumpur: Majlis Belia Malaysia, 2000, hlm. 23-24.

⁹³ Ab Ghani Bin Che Amat, *Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM)*, hlm. 73-74.

⁹⁴ "Mohd Jamali harumkan nama MBS Anugerah Belia Negara Kategori Kesukarelaan dan Masyarakat", *SALAM MBS*, November 1997, Bil 1, hlm. 28-29.

⁹⁵ Laporan Sekretariat, *Majlis Syura Tertinggi ABIM*, 1994, hlm. 5-6.

⁹⁶ Berita Minggu, 23 Jun 1996.

⁹⁷ *Laporan Tahunan Mukhtar Sanawi ABIM 1994/95*, Angkatan Belia Islam Malaysia, 1991, hlm. 32.

kelompok tersebut kembali digerakkan dan dirangsang pembinaan diri dengan pembentukan kemahiran dan peningkatan keyakinan serta penggemblengan sumber tenaga yang ada dalam lingkungan mereka.⁹⁸

Sumbangan ABIM dalam pembinaan generasi belia telah menghasilkan kelompok belia yang berupaya bertindak sebagai katalis dalam masyarakat dan turut mendapat pengiktirafan daripada pelbagai pihak. Suasana ini dapat dilihat pada pertengahan tahun 1980-an sehingga tahun 1990-an dan dibuktikan menerusi paparan-paparan di media-media elektronik dan cetak. Imej ABIM yang semakin terserlah di mata umum telah mengundang persatuan-persatuan belia daripada pelbagai bangsa yang lain untuk berkongsi sama dalam mencontohi usaha-usaha pembangunan belia ABIM. Pada arena kepimpinan belia nasional, ABIM diberi kepercayaan untuk menduduki posisi yang strategik.

Kepimpinan Pelajar Islam Di Kampus

Kesedaran Islam dalam kalangan pelajar jelas dilihat menerusi gerakan perjuangan mahasiswa kampus di institusi pengajian tinggi. Selain faktor lepasan mahasiswa yang telah mempunyai kesedaran keislaman, gerakan dakwah dalam kalangan pelajar turut dipengaruhi semangat yang ditiupkan oleh para cendekiawan Islam dunia melalui tulisan-tulisan mereka yang begitu hebat mengkritik barat. Tulisan tokoh Islam terkenal seperti Syed Qutb digunakan dengan meluas dalam kalangan penggerak-penggerak dakwah ketika itu.⁹⁹ Di samping itu, cetusan karya-karya kritis daripada tokoh-tokoh Islam seperti Hasan al-Banna, Abul A'la al-Maududi dan lain-lain terhadap peradaban Barat menjadi mendorong generasi muda khususnya mahasiswa melancarkan gerakan

⁹⁸ Ibid.

⁹⁹ Siddiq Fadhil, *Pemikiran Barat Moden Para Cendekiawan Muslim dengan Tumpuan di Alam Melayu*, Tesis Ph.D, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1989, hlm. 220.

kebangkitan Islam ini. Tulisan-tulisan mereka menjadi bahan bacaan popular dalam kalangan aktivis-aktivis Islam di institusi-institusi pengajian tinggi.¹⁰⁰ Ketika inilah munculnya sekumpulan mahasiswa yang telah ada kesedaran Islam terutamanya kelompok pelajar dalam PKPIM yang diketuai oleh Anwar Ibrahim sehingga membawa kepada penubuhan ABIM.¹⁰¹

Para aktivis pelajar Islam melihat bahawa kesedaran Islam mampu meresapi dan dihayati oleh mahasiswa jikalau mampu menyajikan Islam dalam bentuknya yang paling murni. Berbekalkan semangat yang diperoleh menerusi perbincangan dan sokongan daripada sebahagian besar cendekiawan Islam ketika itu, kegiatan dakwah dilihat begitu dalam kegiatan mahasiswa di kampus.¹⁰² Ini telah wujud perasaan ingin membebaskan diri dari dominasi barat dalam jiwa generasi muda ini dan ingin mengamalkan kehidupan yang bersesuaian dengan nilai-nilai Islami.¹⁰³

Di Universiti Malaya peranan Syed Mohamad Naquib al-Attas adalah sangat penting dalam memberi kesedaran Islam kepada golongan mahasiswa.¹⁰⁴ Mahasiswa generasi Anwar Ibrahim di Universiti Malaya ketika itu mempunyai hubungan yang rapat dengan beliau yang juga merupakan Dekan di Fakulti Sastera Dan Sains Sosial, Universiti Malaya.¹⁰⁵ Sumbangan sangat besar dalam memberi semangat dan kesedaran terhadap pengamalan dan cara berfikir aktivis mahasiswa Islam ketika itu.¹⁰⁶ Kritikan-kritikan yang tajam dan idea-idea penting Syed Muhahamd Naquib al Attas terhadap persoalan Islam dan peradaban Barat telah merubah dunia intelektualisme Melayu yang

¹⁰⁰ Temu bual dengan Anuar Tahir yang merupakan aktivis pelajar Islam di ITM ketika itu pada 12 Mei 2010 di pejabatnya di Alor Setar. Lihat juga Ahmad Zaki Abdul Latif, *Transformasi Gerakan Islah*, hlm. 120-133. Zainah Anwar, *Kebangkitan Islam Di kalangan Pelajar*, hlm. 23-25.

¹⁰¹ Mohd Jamil Mukmin, *Gerakan Islam di Malaysia*, hlm. 31-33.

¹⁰² Temubual dengan Siddiq Fadzil di pejabatnya pada 21 Januari 2009.

¹⁰³ Temu bual dengan Anuar Tahir di pejabatnya di Alor Setar, Kedah pada 12 Mei 2010.

¹⁰⁴ Ibid.,

¹⁰⁵ Zainah Anwar, *Kebangkitan Islam di kalangan Pelajar*, hlm. 23-25.

¹⁰⁶ Ibid.

masih terkongkong dalam cara pandang Barat.¹⁰⁷ Karya Syed Muhammad Naquib al Attas yang berjudul *Islam Dalam Sejarah Kebudayaan Melayu* yang mengkritik kebudayaan barat menjadi bacaan wajib mahasiswa dan sangat mempengaruhi masyarakat akademik ketika itu.¹⁰⁸

Syed Muhammad Naquib al Attas telah menumbuhkan keyakinan kepada generasi muda Islam terhadap keunggulan Islam menerusi ceramah-ceramah yang disampaikan dan tulisan tulisannya yang sangat relevan dengan semangat kebangkitan Islam.¹⁰⁹ Menurut Kamarudin Mohd Noor, Syed Mohammad Naquib al Attas ketika itu menyokong penuh kumpulan Islam ini serta matlamat perjuangannya. Selepas kuliah, pelajar-pelajar ini tidak pergi ke perpustakaan atau terus pulang, sebaliknya mereka kerap pergi ke pejabat atau rumahnya untuk berbincang panjang lebar berkaitan Islam sebagai pengubah kepada semua kehidupan moden.¹¹⁰ Kesannya kesedaran generasi muda ini jelas dilihat apabila berlakunya gelombang kebangkitan Islam dalam kalangan pelajar institusi pengajian tinggi khususnya menerusi pergerakan beberapa persatuan pelajar utama di universiti tempatan.

ABIM sebagai gerakan Islam yang berasaskan pelajar mempunyai hubungan rapat dengan gerakan pelajar di kampus seperti PKPMI dan PMIUM. Melalui aktivisnya di dalam PKPIM dan juga ahlinya yang juga pimpinan utama PMIUM memudahkan ABIM menjalankan kegiatan keislaman di kampus tempatan. Memandangkan Anwar Ibrahim pernah menjadi pimpinan utama PKPIM memudahkan lagi ABIM menjalankan aktiviti dengan mendapatkan kerjasama dengan Persatuan

¹⁰⁷ Abdul Rahman Abdullah, 1998. *Pemikiran Islam Di Malaysia: Sejarah Dan Aliran*. Kuala Lumpur:DBP, hlm. 384-389.

¹⁰⁸ Temu bual dengan Siddiq Fadzil di Kolej Darul Hikmah pada 21 Januari 2009

¹⁰⁹ Lihat Zainah Anwar, *Kebangkitan Islam Di Kalangan Pelajar*, hlm. 23-25. Abdul Rahman Abdullah, 1998, *Pemikiran Islam*, hlm, 384-389.

¹¹⁰ Zainah Anwar, *Kebangkitan Islam di kalangan Pelajar*, hlm. 27-30.

Mahasiswa Islam Universiti Malaya.¹¹¹ Ini juga disebabkan oleh hampir semua aktivis utama PMIUM j merupakan aktivis ABIM.¹¹²

Kegiatan penting yang dilakukan oleh persatuan mahasiswa bagi memantapkan program keislaman di kampus di mana anggota PMIUM dan PKPIM ke majlis-majlis kepimpinan yang dianjurkan oleh ABIM dan PKPIM seperti kursus latihan Angkatan Pendakwah Pelajar-pelajar Islam Malaysia (LAPIMM) yang dijalankan di seluruh negara. Tujuan LAPPIM ini adalah untuk membentuk peribadi, meningkatkan kualiti kepimpinan, membina ketahanan diri menghadapi masalah, memupuk semangat perpaduan, menanamkan semangat takwa serta menimbulkan kesedaran dan rasa tanggungjawab serantau.¹¹³ Lawatan-lawatan PKPIM dan ABIM keluar negeri, misalnya pada 5 April hingga 18 hb April 1972, 18 delegasi rombongan PMIUM mengikuti lawatan ke Indonesia. Ia bertujuan untuk memenuhi undangan yang dibuat oleh Himpunan Mahasiswa Islam Indonesia (HMI) di Malaysia, serta untuk mempelajari pengurusan dakwah *islamiyah* dari institusi agama di Indonesia dan mengumpul bahan berkaitan keagamaan serta mengeratkan lagi hubungan antara pelajar Malaysia dan Indonesia.¹¹⁴

Lawatan ke Indonesia ini memberi implikasi yang besar terhadap perkembangan PMIUM dalam memperjuangkan dakwah *islamiyah* di universiti tempatan. Organisasi pelajar Indonesia yang lebih tersusun dan lama di dalam berorganisasi telah dapat membekalkan latihan kepimpinan serta usrah yang baik.¹¹⁵ Setelah mendapat latihan kepimpinan yang baik, PMIUM mula mengadakan latihan kepimpinan tersendiri.

¹¹¹ Samin Ongki, *PMIUM Era 1980-an*, hlm, 17-25.

¹¹² Lihat senarai kepimpinan PMIUM dan PKPIM.

¹¹³ *Laporan Pelaksanaan LAPPIM, Laporan Sekretariat PMIUM*, hlm. 1-7. Hasnah Ibrahim, *Persatuan Mahasiswa Islam Universiti Malaya*, hlm. 33-42.

¹¹⁴ Hasnah Ibrahim, *Persatuan Mahasiswa Islam Universiti Malaya*, hlm. 73-90.

¹¹⁵ *Ibid.*,

Program ini telah memberi kesan yang besar terhadap kesedaran Islam di kalangan mahasiswa di kampus. Kegiatan-kegiatan yang bercorak hiburan yang berlawanan dengan syariat seperti pesta tari menari, meminum arak telah ditentang hebat oleh aktivis Islam di kampus.¹¹⁶

Latihan kepimpinan Islam di Universiti Malaya diperkenalkan oleh PMIUM bagi mewujudkan jemaah pelajar Muslim yang teguh dengan akidah dan prinsip keislaman. Di samping itu ia juga bertujuan untuk menghidupkan dan memperkembangkan bakat kepimpinan dalam kalangan pelajar Muslim. PMIUM beranggapan sebagai generasi baru golongan terpelajar merupakan golongan yang memahami masalah sebenar yang dihadapi oleh masyarakat dan mampu pula untuk merumuskan sesuatu penyelesaian terhadapnya.¹¹⁷ LKIUM mula diperkenalkan oleh PMIUM pada tahun akademik 1974/1975.¹¹⁸ Tujuan yang disarankan dalam penganjuran ini ialah untuk melatih pelajar yang kebanyakannya ke arah pendidikan barat memahami Islam yang lebih baik, memupuk semangat ukhuwah islamiyah dalam kalangan pelajar Islam Universiti Malaya, melatih calon pemimpin yang berdasarkan prinsip Islam, memupuk moral yang tinggi dalam kalangan mahasiswa berasaskan al-Quran dan hadis dan memberi kefahaman Islam yang mendalam daripada segi teori dan praktikal.¹¹⁹

Program ini diisi dengan ceramah, *usrah*, forum, kuliah subuh, majlis *taalim*, dan ibadah seperti puasa dan sembahyang malam. Kebanyakan peserta datang dari pelbagai fakulti. LKIUM pada sesi ini berjaya dilakukan sebanyak tiga kali. Tradisi LKIUM ini juga dilakukan pada sesi akademik berikutnya pada tahun 1976/1977

¹¹⁶ Ibid., 199-210.

¹¹⁷ Laporan Pelaksanaan LKIUM, Fail Sekretariat PMIUM 1974/1975, hlm. 1-9.

¹¹⁸ Hasnah Ibrahim, *Persatuan Mahasiswa Islam Universiti Malaya*, hlm. 35-42.

¹¹⁹ Ibid.,

sebanyak dua kali iaitu LKIUM ke-4 dan ke-5.¹²⁰ Manakala pada sesi 1977/78 berjaya dilakukan sebanyak tiga kali iaitu LKIUM ke-5, 6 dan 7.¹²¹ Peningkatan ini menggambarkan permintaan yang tinggi dalam kalangan mahasiswa ketika itu untuk mengikutinya sehingga LKIUM ini telah menjadi projek wajib PMIUM pada sesi berikutnya. Penglibatan mahasiswa dalam latihan ini sebenarnya memberi kesedaran yang sangat besar terhadap pemahaman mereka berkaitan ajaran Islam sehingga mereka menjadi komited dalam pengamalan Islam dalam kehidupan sehari-hari. Selain daripada itu PMIUM juga giat menjalankan program *tamrin* kepada pelajar sehingga aktiviti ini cukup popular di kampus ketika itu.¹²²

PMIUM mula melibatkan diri dalam program minggu orientasi di kampus. Pada waktu itu kehidupan mahasiswa terutamanya di Universiti Malaya dipenuhi dengan program yang bersifat anti Islam.¹²³ Penglibatan PMIUM dalam acara rasmi universiti seperti minggu orientasi ini sangat penting kerana ia dapat menimbulkan kesedaran kepada mahasiswa tentang Islam. Program orientasi yang dianjurkan oleh mereka dilakukan dengan memperbanyakkan aktiviti keislaman seperti mengadakan aktiviti sembahyang berjemaah, kuliah agama seperti subuh dan maghrib di kolej.¹²⁴

Memandangkan penyebaran ilmu adalah sangat penting untuk memberi kesedaran keislaman, PMIUM melalui HELWI menganjurkan program yang bersifat ceramah insentif. Misalnya pada 22 Oktober hingga 22 Oktober 1976 hingga 24 Jun dan 26 Jun 1977 bagi sesi 1976/77 dianjurkan ceramah insentif di Dewan kuliah F, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya yang disampaikan oleh ahli

¹²⁰ *Laporan Perlaksanaan LKIUM, Fail Sekretariat PMIUM 1974/1975*, hlm. 1-9.

¹²¹ *Ibid.*

¹²² Hasnah Ibrahim, *Persatuan Mahasiswa Islam Universiti Malaya*, hlm. 35-42.

¹²³ *Ibid.*, hlm. 44-59.

¹²⁴ *Ibid.*,

akademik dan aktivis Islam ketika itu termasuklah Anwar Ibrahim.¹²⁵ Minat yang mendalam dalam kalangan mahasiswa ini menyebabkan PMIUM terus menganjurkan program keilmuan seperti seminar siswi, simposium masyarakat Islam dan forum - forum perbincangan.¹²⁶

Simposium Masyarakat Islam dan Cabaran Semasa merupakan projek tahunan PMIUM. Contohnya pada sesi 1977/78 telah diadakan simposium tersebut di Auditorium Besar, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya yang disampaikan oleh Siddiq Fadzil dan Muhammad Kamal Hassan.¹²⁷ Manakala seminar siswi yang dianjurkan melibatkan ahli akademik pada ketika itu seperti Hassan Langgulung, Fatimah Mohammad, Nik Abdul Rashid Abd Majid¹²⁸ dan Anwar Ibrahim sendiri turut terlibat memberi ceramah dalam program tersebut.¹²⁹ Ini membuktikan bahawa ABIM mempunyai hubungan yang sangat erat dengan aktivis Islam dalam kalangan mahasiswa.

Kegiatan Islam di universiti juga sebenarnya turut disumbangkan oleh kesedaran Islam yang dipupuk sebelum memasuki universiti. Yayasan Anda yang terletak berdekatan dengan Universiti Malaya merupakan sebuah sekolah swasta yang diasaskan oleh ABIM. Yayasan Anda ini ditubuhkan serentak dengan pelancaran ABIM.¹³⁰ Anwar Ibrahim dan Kamarudin Mohd Noor menubuhkan yayasan ini iaitu sebuah

¹²⁵ Hasnah Ibrahim, *Persatuan Mahasiswa Islam*, hlm. 174-175.

¹²⁶ Ibid.,

¹²⁷ Siddiq Fadzil yang merupakan bekas pimpinan PMIUM dan ABIM menyampaikan tajuk yang berjudul *Gerakan-gerakan pembangunan semula masyarakat* manakala Mohammad Kamal Hassan dengan judul *Islam dan cabaran Zaman Moden*. Ibid.

¹²⁸ Tajuk yang dibincangkan dalam seminar ialah *Wanita Islam dalam Pergolakan Zaman* yang terdiri dari panel iaitu Hassan Langgulung, Fatimah Mohammad dan Nik Abdul Rashid Nik Abdul Majid. Terdapat juga kertas kerja lain yang bertajuk *Penjelasan maruah wanita Oleh sebaran Am* yang disampaikan oleh Nik Safiah Karim dan diulas oleh Faisal Othman dari UKM dan Habibah Abdullah dari HELWA ABIM. Ibid.

¹²⁹ Manakala Anwar Ibrahim menyampaikan ceramah yang bertajuk yang bertajuk *Dilema Pemikiran Wanita Islam Masa Kini*. Ibid.

¹³⁰ Ibid.

sekolah swasta yang memberi pendidikan lanjutan kepada pelajar yang tercicir daripada sistem pendidikan kerajaan, terutamanya orang Melayu.¹³¹ Pelajar-pelajar di Yayasan Anda didedahkan dengan amalan kehidupan yang berasaskan Islam. Cara berpakaian dan berkelakuan menurut Islam dikuatkuasakan. Bilik darjah dibahagi dua untuk membezakan kelas lelaki dan perempuan. Semua pelajar perempuan menutup kepala untuk menunjukkan kesopanan mereka. Lulusan Yayasan Anda yang pertama pada tahun 1974 merupakan antara pelajar wanita pertama di Universiti Malaya yang memakai tudung kepala.¹³²

Pada waktu ini juga pakaian yang menutup aurat mula dipraktikkan sepenuhnya di kampus-kampus utama di Malaysia seperti Universiti Malaya, Institut Teknologi Kebangsaan (UTM), Universiti Pertanian Malaysia serta ITM. Mahasiswa mula terdedah dengan kegiatan usrah serta program-program keagamaan seperti *qiamullail*, kuliah maghrib dan subuh, serta ceramah agama.¹³³ Penerbitan buku keagamaan juga semakin rancak sama ada buku tempatan, buku berbahasa Inggeris serta buku dari Indonesia. Ini telah menyemarakkan lagi kesedaran Islam dalam kalangan mahasiswa.¹³⁴ Program keislaman yang dijalankan di kampus tempatan ketika itu memberi sumbangan besar terhadap kesedaran Islam dalam kalangan generasi pelajar sehingga mereka mampu menjadi pemimpin masyarakat yang menghayati dan mengamalkan Islam.

¹³¹ Zainah Anwar, *Kebangkitan Islam di Kalangan Pelajar*, hlm.43.

¹³² Ibid.

¹³³ Ibid., hlm 18. Ahmad Zaki Abdul Latif, *Transformasi Gerakan Islah*, hlm. 123-134.

¹³⁴ Fadzullah Jamil, *The Reawakening The Islamic Consciousness In Malaysia:1970-1987*. Tesis PhD, University of Edinburgh, 1997. hlm. 27-30. Lihat juga Mohammad Nor Manuty, *Perception of Social Change in Cotemporary Malaysia: A Critical Analysis of ABIM Role and Imapct Among Muslim Youth*. Tesis PhD, Temple University, 1987. hlm. 83-90.

Memperkukuh Sistem *Usrah* dan *Tarbiah*

Kekuatan sesebuah organisasi Islam atau gerakan Islam terletak kepada pengukuhan pengisian dan pendidikan dalamannya. Pendidikan dalaman ini kepada gerakan Islam adalah ibarat seperti nadi dan jiwa yang akan memastikan kelangsungan gerakan tersebut. ¹³⁵Ia juga bertindak sebagai pembekal tenaga kepada gerakan Islam yang sememangnya mempunyai tugas besar untuk mengajak manusia kembali kepada jalan agama Islam yang sebenar, satu tanggungjawab yang diwarisi dari ulama yang telah sekian lama menyuluh jiwa -jiwa manusia dengan jalan agama. Tanggungjawab sebesar ini sudah pasti harus diawali dengan persiapan yang kukuh terutamanya dari segi kekuatan dalaman. ¹³⁶

Dalam sistem pendidikan gerakan Islam, bentuk pengisian dalaman ini terjelma dalam acuan *usrah* iaitu pertemuan kelompok kecil secara berkala. Ia merupakan sebuah nukleus dalam gerakan Islam yang akhirnya membentuk jaringan yang lebih besar yang memperkukuhkan institusi sebuah gerakan Islam. Dalam pertemua *usrah* inilah segala bentuk pengisian, perbincangan dan perbahasan dijalankan meliputi pelbagai disiplin ilmu dan isu-isu yang berkaitan Islam dan kehidupan. Selain itu aktiviti -aktiviti yang memperkukuhkan amalan keagamaan dan memperatkan hubungan antara ahli yang dijalankan di dalam *usrah*. ¹³⁷

Kejayaan *usrah* secara dasarnya bergantung kepada dua faktor penting iaitu kekuatan sukatan pendidikannya dan keberkesanan ketua yang melaksanakannya (nuqaba) yang mengendalikan *usrah*. Kekuatan *usrah* merujuk kepada sukatan yang

¹³⁵ Mohd Farid Shahrar, *Manhaj Pendidikan Gerakan Islam: Sukatan dan Kaedah Perlaksanaan Usrah*. Kuala Lumpur: ABIM. 2009 dalam Pendahuluan, t.t.

¹³⁶ Ibid.

¹³⁷ Ibid.

lengkap termasuk pemilihan tajuk yang sesuai, objektif yang jelas, penilaian pencapaian ahli dan penyediaan sumber-sumber rujukan utama. Manakala keberkesanan nuqaba berkait dengan kemampuannya memandu perbincangan dan keseluruhan perjalanan *usrah* dengan baik. Selain dari itu, kejayaan *usrah* juga terletak kepada dinamika *usrah* secara keseluruhan. Walaupun sukatan disediakan dalam tahap dan had tertentu namun *usrah* yang sebenar ialah *usrah* yang mampu mengarap idea dan isu-isu yang dibahaskan disamping mampu untuk mengaitkannya dengan cabaran lingkungan yang berada diluar gerakan.¹³⁸

Kedudukan *usrah* dalam ABIM merupakan komponen terpenting yang berkait terus dengan kelangsungan idealisme ABIM. *Usrah* mula diperkenalkan oleh Razali Nawawi sejak awal penubuhan ABIM lagi. Idea pelaksanaan *usrah* ini diilhamkan menerusi pengalaman beliau dengan gerakan Islam antarabangsa seperti Ikhwanul Muslimin dan Jamaat Islami semasa menuntut di London.¹³⁹ Menurut Abdul Halim El-Muhammady, *usrah* merupakan satu proses pentarbiahan yang penting iaitu pertemuan mingguan di tempat kediaman seseorang ahli sama ada secara rasmi atau tidak yang bertujuan melakukan suatu proses pembinaan diri secara bersepadu.¹⁴⁰ Panduan *usrah* ABIM menjelaskan proses ini merangkumi penghayatan amalan rohaniah, mendalami ilmu-ilmu Islam yang asas dan umum, pembinaan jiwa *harakah* yang mantap, pengukuhan disiplin, peneguhan persaudaraan Islam sesama anggota keluarga ABIM dan memotivasikan kefahaman terhadap cabaran-cabaran semasa serta alternatif yang dapat dikemukakan.¹⁴¹

¹³⁸ Ibid.

¹³⁹ Ibid.

¹⁴⁰ Abdul Halim El-Muhammady, *Risalah Tarbiyyah*, Petaling Jaya: Angkatan Belia Islam Malaysia, 1999, hlm. 29.

¹⁴¹ Lihat *Panduan Usrah ABIM*, ta.t. hlm 2-10.

Secara umum *usrah* membawa maksud keluarga. Terdapat juga tafsiran bahawa *usrah* sebagai sekumpulan individu mukmin yang beriman dengan agama Islam, berusaha dan tolong-menolong antara satu sama lain dengan tujuan untuk memahami dan menghayati Islam berdasarkan kepada perintah Allah S.W.T.¹⁴² Oleh itu *usrah* yang diamalkan dalam ABIM bukan sekadar suatu kelas pengajian ilmu semata-mata tetapi suatu program pengarahannya yang sistematik kepada seseorang ahli untuk meningkatkan potensi diri dari segi rohaniah dan jasmaniah serta berupaya bertindak secara proaktif dalam menyebarkan pengertian Islam di persekitarannya.¹⁴³ Menerusi *usrah* anggota ABIM dididik dengan menghayati al-Quran.¹⁴⁴

ABIM telah meminjam konsep *usrah* daripada Ikhwan al Muslimun dan menggunakannya sebagai satu mekanisme penting memperkukuhkan organisasi jemaah. Penggunaan istilah *usrah* membuktikan betapa kuat pengaruh Ikhwan al Muslimun terhadap ABIM. Idea *usrah* dilakukan melalui pengalaman para pengasas ABIM dengan beberapa gerakan Islam seperti Ikhwan al Muslimun dan Jamaat Islami. Kertas kerja mengenai *usrah* telah dibentangkan pertama kali oleh Razali Nawawi di Masjid Negara pada bulan Disember tahun 1972 yang bertajuk "Konsep dan Struktur Organisasi *Usrah*".¹⁴⁵ Berbeza dengan Ikhwan al Muslimun, ABIM mengadakan *usrah* di rumah-rumah ahlinya, bukan di masjid sepertimana yang dilakukan oleh Ikhwan al Muslimun. *Usrah* ABIM yang pertama dilakukan pada bulan Mac tahun 1972.¹⁴⁶

ABIM telah menubuhkan satu jawatankuasa untuk menilai program *usrah* yang dibuat, laporan penilaian ini menjelaskan *usrah* adalah suatu institusi bersepadu di mana berkembangnya *usrah* adalah disebabkan adanya ahli-ahli yang bersifat komited.

¹⁴² Ibid. Abdul Halim El-Muhammady, *Risalah Tarbiyyah*, hlm. 29.

¹⁴³ *Panduan Usrah ABIM*, ta.t. hlm 2-10.

¹⁴⁴ Ibid.

¹⁴⁵ Md Sidin Ishak. *Angkatan Belia Islam Malaysia (1971-1996)*. Kajang: Blue T. 1996. hlm.40.

¹⁴⁶ Ahmad Zaki Abdul Latiff, *Transformasi gerakan Islam*. hlm. 123.

Perbezaan latar belakang pendidikan dalam kalangan ahli-ahli *usrah*, kadang-kala mewujudkan konflik pemikiran sesama ahli. Justeru itu, di sini perlunya kehadiran naqib yang berwibawa dan mampu berperanan secara efektif. Setiap ahli ABIM diwajibkan menganggotai satu *usrah* di setiap peringkat sama ada peringkat Jawatankuasa Pusat, negeri, daerah dan unit.¹⁴⁷

Perlaksanaan dibuat dengan bersistem dan mengikut prinsip-prinsip tertentu yang menyumbang kepada pembinaan peribadi mulia.¹⁴⁸ Menerusi *tarbiah* yang diperoleh dalam *usrah* inilah, maka keterikatan ukhuwah setiap ahli yang menghadiri *usrah* lebih erat.¹⁴⁹ Bagi memastikan pengurusan kegiatan *usrah* ABIM berjalan dengan baik, satu jawatankuasa khas ditubuhkan iaitu Jawatankuasa Dakwah dan Usrah. Namun sejajar dengan perubahan suasana kini dan cabaran semasa, pengendalian sistem *usrah* ABIM telah ditadbir oleh jawatankuasa lain iaitu Jawatankuasa Tarbiyah Kebangsaan yang dipengerusikan oleh Timbalan Presiden.¹⁵⁰ Memandangkan dakwah dan *tarbiah* merupakan teras utama dalam pelaksanaan segala bentuk program dan kegiatan yang dirancang.

“Masing-masing mengakui bahawa proses *tarbiah* yang terlaksana masa lalu telah memberi sumbangan besar ke arah pembentukan peribadi yang kukuh dan pembinaan komitmen yang tinggi terhadap gerakan di kalangan pimpinan dan juga ahli-ahli. Mereka; ahli-ahli dan barisan *qiadah*, kekal menjadi pancang yang kuat dan kukuh

¹⁴⁷ Laporan Penilaian *Usrah ABIM 2004*, hlm.1-7.

¹⁴⁸ Terdapat tiga konsep asas yang perlu dilakukan semasa *usrah* iaitu *taaruf* (berkenalan), *tafahum* (kesefahaman) dan *ta'awun* (bantu-membantu). *Taaruf* bukan sekadar terbatas kepada nama, pekerjaan dan latar belakang diri anggota yang sedikit, malah lebih dari itu dimaknakan dengan pengemasan yang lebih di minda terhadap latar belakang pendidikan, sifat diri dan watak peribadi sehingga setiap daripada jiwa yang mengikuti *usrah* merasakan bahawa setiap anggota *usrah* adalah sebahagian daripada diri mereka. Manakala *tafahum* (kesefahaman) adalah prinsip kedua yang perlu ada dalam setiap jiwa yang menghadiri *usrah*. *Tafahum* yang dimaksudkan adalah menimbulkan persefahaman antara jiwa-jiwa dalam kelompok *usrah* yang diikuti. Prinsip seterusnya adalah *ta'awun* (saling bantu-membantu). Setiap individu yang telah terdidik menerusi *usrah* harus mengenali dan memahami antara satu sama lain dan mempunyai sifat tolong-menolong dan mudah memberi bantuan moral dan material. Islam juga menitik beratkan sifat kerjasama dan bantu-membantu ke arah kebaikan antara semua pihak. Keutamaan kepada pemahaman dan penghayatan konsep asas *usrah* ini adalah perlu kerana secara tidak langsung akan mengukuhkan kesedaran bersaudara dan yang membezakan antara mereka adalah ketakwaan.. Ibid. Abdul Halim El-Muhammady, *Risalah Tarbiyyah*, hlm. 29.

¹⁴⁹ Abdul Halim El-Muhammady, *Risalah Tarbiyyah*, hlm. 29.

¹⁵⁰ Ibid.

mendukung cita dan wawasan perjuangan walaupun pada saat terpaksa menghadapi cabaran-cabaran yang hebat. Mereka tidak berundur dari Medan bila menghadapi tantangan, tidak mudah patah diserang ribut dan taufan, tidak menyerah bila berhadapan dengan mehnah dan fitnah”¹⁵¹

Proses *tarbiah* yang dijalankan membolehkan ABIM bertahan kerana kegiatan usrah yang melibatkan pembinaan kesedaran dan kefahaman Islam serta pembinaan sahsiah Islamiah dalam kalangan ahli dan pimpinan. Berasaskan kegiatan usrah, lahirnya tokoh-tokoh aktivis ABIM yang mempunyai kemampuan untuk memperkukuhkan ABIM. Pembinaan peribadi yang kukuh melalui Biro Dakwah dan Tarbiyah ABIM, menyebabkan ABIM tidak ketandusan kepimpinan daripada peringkat pusat hinggalah di peringkat negeri dan daerah.¹⁵²

ABIM meyakini bahawa program *tarbiah* merupakan aspek penting dalam memantapkan kekuatan ahlinya. Pengurusan *tarbiah* yang tersusun membolehkan ABIM meneruskan idealisme perjuangannya dengan persamaan idea di semua peringkat sebagaimana visi Biro Dakwah dan Tarbiyah iaitu:

“Terbentuknya di berbagai-bagai peringkat, kepimpinan ABIM yang berilmu, berakhlak dan beradab, iltizam dengan gerakan, berani dan memiliki ketajaman pemikiran serta kemampuan membuat pembacaan-pembacaan yang tepat terhadap setiap perkembangan, menghayati serta mempertahankan pendekatan dakwah serta sedia berkorban demi perjuangan menegakkan kebenaran dan keadilan Islam”¹⁵³

Biro Dakwah dan Tarbiyah ABIM menyelaras aktiviti usrah peringkat pusat dan negeri agar dilaksanakan pada setiap hari Isnin malam Selasa. Manakala usrah peringkat daerah dan unit dijalankan pada hari Selasa malam Rabu. Semua program

¹⁵¹ Minda Madani, Abdul Halim Ismail, Pengerusi Majlis Tarbiyyah Kebangsaan, September 2002. hlm. 1.

¹⁵² Ibid.,

¹⁵³ Buletin Berkala Sekretariat Dakwah dan Tarbiyyah, September 2002.hlm. 4.

usrah dilaksanakan secara serentak di seluruh negara.¹⁵⁴ Kekuatan aktiviti *usrah* ini ialah sembahyang Maghrib dan Isyak secara berjemaah dengan bacaan wirid *Mathurat*.¹⁵⁵

Bagi memperkukuhkan lagi kesatuan pemikiran dan perjuangan, ABIM menubuhkan Jawatankuasa Majlis Tarbiyah Kebangsaan. Mesyuarat Majlis Tarbiyah Kebangsaan pertama diadakan pada 4 April 2002 di Kompleks Dar al-Hikmah, Sg Ramal, Kajang, telah menyelaraskan pelaksanaan *usrah* dan tamrin di peringkat zon dan pusat.¹⁵⁶ Jawatankuasa ini dibentuk bagi memastikan semua aspek pemikiran dan perjuangan ABIM sama ada di peringkat dalam dan luar negeri mampu ditangani dengan baik tanpa sebarang konflik.¹⁵⁷ Pengurusan *tarbiah* ABIM yang dirancang dan dipantau secara menyeluruh berdasarkan resolusi tersebut sebenarnya mampu melahirkan barisan kepimpinan ABIM di semua peringkat.¹⁵⁸ Kurikulum *usrah* yang sering dinilai bagi memastikan *usrah* yang dilaksanakan setiap minggu oleh ahli mampu melahirkan aktivis gerakan yang berjuang demi *survival* ummah. Ditegaskan semula oleh Presiden ABIM dalam Muktamar Sanawi ke-18.

“Saudara-saudara para aktivis gerakan Islam, marilah kita rebut saat strategik sekarang ini dengan menggembeleng tenaga menjulang kalimat Allah, mengangkat martabat umat, menyongsong ketibaan abad 21 dengan segala cabaran dan tantangannya. Kita telah sama-sama menyaksikan pelbagai gelagat dan kerenah yang membawa petanda bahawa abad 21 akan merupakan abad persaingan sengit. Generasi muda para aktivis gerakan Islam harus

¹⁵⁴ Temu bual dengan Shahrudin Badaruddin di Universiti Malaya pada 20 Ogos 2010.

¹⁵⁵ Bacaan *Mathurat*, diamalkan oleh ahli gerakan Islam Ikhwan Muslimin, yang dipelopori oleh Hassan al-Banna. Razali Nawawi merupakan tokoh ABIM yang mempelopori bacaan *Mathurat* ini dalam *usrah* ABIM ketika beliau menjadi Ketua Biro Dakwah pada tahun 1977 hingga 1979.

¹⁵⁶ Ibid.

¹⁵⁷ Jawatankuasa ini akan bersidang dan membuat keputusan-keputusan serta mengemukakan beberapa resolusi bagi memperkukuhkan ABIM. Mesyuarat Majlis Tarbiyah Kebangsaan (MTK) yang kedua diadakan pada 5 April 2002 dan telah dihadiri oleh Timbalan-timbalan YDP negeri dan wakil membuat perakuan dan resolusi memperkukuhkan institusi *usrah*. *Laporan Majlis Majlis Tarbiyah Kebangsaan (MTK)*, hlm. 1-10

¹⁵⁸ Ibid.

siap memaksimumkan kekuatan untuk berjuang demi *survival* ummah”¹⁵⁹

Dalam ucapan dasar sempena muktamar ABIM, ahli-ahli ABIM sentiasa diberikan semangat dan rancangan demi mempertahankan Islam. Persiapan melahirkan generasi muda yang berwibawa perlu diteruskan bagi menghadapi pelbagai cabaran pada masa akan datang. Melalui proses *tarbiah* ini, ahli-ahli ABIM mempunyai penyatuan pemikiran bagi melaksanakan program-program dakwah. Pemikiran *Manhaj Maliziy* dapat disebarkan melalui program *tarbiah* kepada ahli-ahli ABIM.¹⁶⁰

Tamrin ialah perkataan Arab yang membawa maksud latihan. Sementara istilah *Al-Kader* pula dipinjamkan daripada perkataan Latin yang bermakna seseorang yang menjalani latihan untuk menegak sebuah pertubuhan atau organisasi. *Tamrin Al-Kader* digabungkan sebagai satu rangkai kata yang lazim dalam ABIM dengan pengertian yang jelas mencakupi seluruh aspek keinsanan seutuhnya. *Tamrin* pula merupakan latihan perkaderan yang mesti dijalankan sebanyak dua kali setahun.¹⁶¹

Perlaksanaan kegiatan *tamrin* mempunyai beberapa tahap yang perlu dilaksanakan di setiap peringkat ABIM secara berkala iaitu *tamrin* asas, *tamrin* peningkatan dan *tamrin* lanjutan. Pengisian *tamrin* sentiasa disemak dan pengubahsuaian yang dilakukan adalah bersesuaian dengan keperluan semasa. Pengemaskinian yang dilakukan adalah untuk memastikan peningkatan mutu ahli

¹⁵⁹ *Ucapan Dasar Muktamar Sanawi ABIM ke-18*, Siddiq Fadzil, 17 November 1989, di Dewan Al-Malik Faisal, Universiti Islam Antarabangsa, Petaling Jaya Selangor, hlm. 19.

¹⁶⁰ Ibid.

¹⁶¹ Abdul Halim El-Muhammady, *Risalah Tarbiyyah*, hlm. 29. Oleh yang demikian, program *tamrin* bermatlamatkan untuk membina kefahaman Islam dengan pendekatan yang sesuai mengikut iklim sesebuah tempat. Secara langsung ia menyumbang kepada keperluan-keperluan asas dalam segenap segi yang diperlukan bagi kepentingan gerakan. Kegiatan ini juga dapat menanam kesedaran kepada ahli untuk menyumbang secara langsung dalam perjuangan dengan keupayaan masing-masing. Kegiatan yang dijalankan merangkumi aktiviti

ABIM supaya lebih berkesan dalam menerjah gelombang perjuangan gerakan semasa. Menerusi pelaksanaannya pula, penyatuan fikiran (*wahdatul fkr*) dan penyeragaman gerak kerja antara ahli-ahli dan organisasi direncanakan agar pelaksanaannya seimbang dan sistematik.¹⁶²

ABIM juga meminjam istilah *tamrin* daripada Ikhwan al Muslimun untuk tujuan latihan kader-kader dakwah dengan membentuk kurikulum *Tamrin al Kadernya* sendiri. Kepentingan latihan pembentukan kader-kader dakwah terhadap pemimpin -pemimpin gerakan Islam di peringkat belia dan pelajar dicetuskan dari salah satu lujnah yang diadakan semasa Muktamar Sanawi ke 3 ABIM di Seremban pada Ogos tahun 1974. Menurut Muhammad Nur Manuty, konsep *tarbiyah* ABIM adalah peniruan daripada Ikhwan al Muslimun.¹⁶³

Pada tahun 1996 satu program yang dinamakan Dekad Kaderisasi telah dilancarkan oleh Muhammad Nur Manuty sebagai program pembinaan generasi pelapis.¹⁶⁴ Gagasan ini diadakan dengan hasrat meningkatkan kualiti diri ahli dengan pemikiran-pemikiran harakah dan persoalan semasa. Program ini menumpukan kepada usaha pembangunan regenerasi ABIM daripada aspek kepimpinan, keahlian, pengurusan dan latihan serta ekonomi bermula tahun 1996 sehingga 2006.¹⁶⁵ Kepimpinan ABIM melihat terdapat kecenderungan yang menunjukkan sebahagian kecil lepasan pimpinan pelajar yang menganggotai ABIM menerusi wadah PKPIM merasa keliru bahkan hilang kepercayaan kepada beberapa individu yang berada dalam

¹⁶² Abdul Halim El-Muhammady, *Risalah Tarbiyyah*, hlm. 12-13.

¹⁶³ Ahmad Zaki Abdul Latiff. *Transformasi Gerakan Islah*. hlm. 121.

¹⁶⁴ Ucapan Dr Muhammad Nor Manuty sempena pelancaran Dekad Kaderisasi.

¹⁶⁵ Ibid.

gerakan dakwah lantaran tiadanya roh amal *jama'iy* seperti yang pernah disuarakan oleh Muhamad Nur Manuty, mantan Presiden ABIM keempat.¹⁶⁶

Penglibatan ahli ABIM dengan kegiatan *usrah* ini telah menimbulkan kefahaman baru berkaitan Islam. *Usrah* yang diadakan pada setiap minggu bergantung kepada pengurusan ABIM setempat. Ahli-ahli ABIM setempat akan berkumpul di rumah ahli ABIM mengikut giliran. Program ini biasanya dibuat pada waktu malam. Mereka akan berkumpul dengan membawa keluarga bersama. Program dimulai dengan solat maghrib secara berjemaah. Selepas itu baru diadakan perbincangan berkaitan isu Islam yang sudah ditetapkan tajuknya pada peringkat awal. Amalan bacaan *mathurat* menjadi amalan bacaan wajib bagi setiap ahli ABIM.¹⁶⁷

Pada peringkat awal *usrah*, program membaca al-Quran dan terjemahan serta tafsiran dilakukan. Pada umumnya terdapat beberapa kitab tafsir yang digunakan bergantung kepada kewibawaan naqib iaitu seorang ketua yang dilantik bagi memimpin program tersebut. Kitab tafsir yang popular dan sering digunakan dalam *usrah* ABIM ialah Tafsir al Azhar, karya ulama besar dari Indonesia iaitu HAMKA. Penggunaan kitab tafsir ini mempunyai sejarah tersendiri kerana HAMKA cukup popular di Malaysia semenjak tahun 1960-an lagi. Selain itu, Tafsir al Azhar yang menggunakan bahasa Indonesia memudahkan ahli ABIM memahaminya.¹⁶⁸ Selain dari itu juga digunakan kitab tafsir dan al Qura'an karangan Ibn Kathsir, *Tafsir Ibn Kathir*, Sayyid Qutb, *Fi Zilal al-Quraan*, M.Yusuf Ali, *Comentary of the Quran* dan sebagainya.¹⁶⁹

¹⁶⁶ Muhamad Nur Manuty, *Persiapan Menuju Alaf Baru*, Kertas Ucapan Utama Pelancaran Dekad Kaderisasi, 2 September 1996, hlm. 5.

¹⁶⁷ Temu bual dengan Ustaz Wan Hassan Wan Mohammad, bekas YDP ABIM Kelantan di pejabat ABIM di Kota Bharu pada 12 Julai 2010.

¹⁶⁸ Temu bual dengan Ahmad Azam Abdul Rahman di Pejabatnya di Gombak pada 9 Mei 2010. Lihat juga Mohd Farid Shahrin, *Risalah Tarbiyah ABIM*. 2010. Kuala Lumpur:ABIM. Hlm. 5-12.

¹⁶⁹ Mohd Farid Shahrin, *Risalah Tarbiyah ABIM*. hlm. hlm. 295.

Selain daripada perbincangan Tafsir, perbincangan berkaitan Hadith, Akhlak, Aqidah, Fiqh, Fiqh Harakah, Isu Kekeluargaan dan pandangan alam juga menjadi keutamaan dalam *usrah*. Buku panduan *usrah* ABIM dengan jelas meletakkan kurikulum atau silibus yang ideal bagi pelaksanaan *usrah*. Kitab-kitab penting karangan Hassan al Banna, Abu Hassan Ali al Nadwi, Yusuf Qardawy dan sangat popular dalam *usrah* ABIM pada tahun-tahun 1970-an sehingga sekarang.¹⁷⁰ Karya-karya pemikir moden juga mula dibincangkan dalam *usrah* yang dijalankan seperti Syed Mohmmad Naquib al Attas.¹⁷¹ Setelah selesai perbincangan mereka akan mengadakan solat Isyak berjemaah dan diakhiri dengan jamuan makan.¹⁷² Oleh itu dapat dilihat dengan jelas bahawa pengamalan *usrah* ini mampu menjaga hubungan silaturahim sesama ahli ABIM selain daripada meningkatkan kefahaman Islam.

Pembudayaan Ilmu Dalam Membina Generasi

ABIM sangat mementingkan pembudayaan ilmu dalam masyarakat. Ini dapat dilihat daripada ucapan pimpinan mereka pada peringkat awal lagi. Oleh itu untuk membentuk generasi *islamiy* yang mempunyai kesedaran dan amalan Islam yang benar. ABIM telah berusaha untuk menerbit serta menterjemahkan buku-buku keislaman yang mempunyai idea-idea besar yang mampu memberi kesan kepada masyarakat.¹⁷³ Justeru itu, penerbitan adalah antara wahana utama yang digunakan ABIM secara konsisten semenjak penubuhannya bagi menjayakan agenda pembudayaan Islam dan mencapai

¹⁷⁰ Ibid.,

¹⁷¹ Temu bual dengan Akmal Hisham Abdul Rahim pada 26 Mac 2010 di pejabat ABIM. Beliau sering mengikuti *usrah* ABIM dan mendapati bahawa kefahaman agama semakin bertamabh akibat daripada pengajian dalam *usrah* ini.

¹⁷² Temu bual dengan Ustaz Wan Hassan Wan Mohammad pada 12 Julai 2010, bekas YDP ABIM Kelantan di pejabat ABIM di Kota Bharu.

¹⁷³ Temubual dengan Ahmad Azam Abdul Rahman di pejabatnya di Gombak pada 15 Jun 2009.

cita-cita Islamiahnya, Oleh itu penerbitan digunakan sebagai saluran dalam berinteraksi dengan khalayak sosial.¹⁷⁴

Penerbitan ABIM dapat dipecahkan kepada beberapa pola yang berbeza. Pola-pola ini muncul memandangkan penerbitan ABIM ialah projek organisasi yang harus bersesuaian dengan matlamat organisasi. Penerbitan ABIM juga merupakan citra kedinamikan organisasi ABIM itu sendiri memandangkan ABIM sebagai organisasi massa perlu berinteraksi secara berterusan dengan perubahan-perubahan sosial persekitarannya. Penerbitan adalah antara wahana utama yang digunakan sebagai saluran dalam berinteraksi dengan khalayak sosial dan perkembangan sejarah negara.¹⁷⁵

Terdapat empat pola penerbitan ABIM yang dipecahkan kepada era perkembangan idea-idea Islam di Malaysia, pertama iaitu era pemupukan kesedaran Islam. Penerbitan awal buku-buku ABIM bermula pada sekitar dekad 1970-an dan dekad ini merupakan era kebangkitan kesedaran Islam yang muncul tidak sahaja di Malaysia, malah menjadi satu fenomena di seluruh dunia. Dalam konteks Malaysia, kesedaran Islam telah terbit dan muncul lebih awal lagi di mana ia adalah sumbangan para ulama-ulama tempatan dan kesan dari penyebaran risalah-risalah ilmu dari luar negara terutama karya-karya yang ditulis dari Timur Tengah.¹⁷⁶ Namun, di peringkat generasi pelajar dan belia, kesedaran Islam mula digerakkan secara tersusun setelah penubuhan Persatuan Kebangsaan Islam Malaysia (PKPIM) pada tahun 1961 dan ABIM pada 1971. Minat dan kesedaran masyarakat terhadap idea-idea pembangunan berasaskan Islam telah meningkat dengan tinggi dan ini menuntut organisasi dakwah membimbing dan memimpin kebangkitan ini secara lebih bermakna.¹⁷⁷

¹⁷⁴ Mohammed Redzuan Othman, *Pertubuhan Sukarela Islam* hlm. 448-460.

¹⁷⁵ Ibid.

¹⁷⁶ Ibid.

¹⁷⁷ Ibid.

Perjuangan ABIM pada era ini tertumpu kepada usaha pemurnian pandangan masyarakat terhadap agama Islam yang terpesong akibat daripada fahaman sekularisme. Pembudayaan Islam perlu bermula pada usaha pembaharuan pemikiran masyarakat Islam itu sendiri.¹⁷⁸ Ini memerlukan masyarakat memahami Islam seutuhnya sebagai satu agama yang sempurna dan lengkap meliputi segenap aspek kehidupan manusia. Untuk itu, penerbitan ABIM telah memainkan peranan yang amat signifikan dalam membetulkan salah tanggapan masyarakat terhadap Islam menerusi percetakan dan pengedaran buku-buku yang bertemakan kefahaman dan pembaharuan ini.¹⁷⁹

Buku-buku ABIM menekankan keperluan dan kepentingan umat Islam kembali memahami dan menghayati asas dan teras pemikiran Islam. Tema ini dapat dilihat dalam beberapa buku yang diterbitkan ABIM antaranya, *Satu Tinjauan Tentang Konsep Taqwa* oleh Mohd Nakhaie Ahmad,¹⁸⁰ *Di bawah Naungan al-Quran* oleh Sayid Qutb yang diterjemahkan oleh Siddiq Fadil¹⁸¹ dan *Faham Agama dan Asas Akhlak* oleh Syed Muhamad Naquib al-Attas.¹⁸² Dalam menegaskan betapa bahayanya fahaman sekularisme dan modenisme kepada umat Islam, ABIM telah menerbitkan *Islam and Secularisme* oleh Syed Muhamad Naquib al-Attas dan *Islam dan Modenisme* oleh Wan Muhamad Ali dan Muhamad Uthman Muhammady.¹⁸³ Memandangkan keyakinan umat Islam terhadap agama telah luntur, satu buku yang ditulis oleh Syed Qutb telah diterjemahkan dan diterbitkan ABIM iaitu 'Masa Depan di Tangan Islam'.¹⁸⁴ Ini bagi

¹⁷⁸ Temubual dengan Shaharuddin Badaruddin di Universiti Malaya pada 20 Ogos 2010.

¹⁷⁹ Temu bual dengan Ahmad Azam Abdul Rahman di pejabatnya di Gombak pada 15 Jun 2009..

¹⁸⁰ Nakhaie Ahmad, *Satu Tinjauan Tentang Konsep Taqwa*. Kuala Lumpur:ABIM. 1974.

¹⁸¹ Sayid Qutb. *Di bawah Naungan al-Quran*. Kuala Lumpur:ABIM. 1977.

¹⁸² Syed Mohammad Naquib al Attas, *Faham Agama dan Asas Akhlak*. Kuala Lumpur:ABIM. 1977.

¹⁸³ Syed Muhammad Naquib al Attas, *Islam and Secularisme*. Kuala Lumpur:ABIM.1978

¹⁸⁴ Idea Syed Qutb sangat berpengaruh di Malaysia. Oleh itu penterjemahan buku ini adalah sangat bertepatan untuk menarik minat pembaca Islam. Lihat Mohd Fauzi Zakaria, *Konsep Hakimiah dan Pengaruhnya di Malaysia*, hlm 25-120.

memberikan keyakinan semula bahawa penyelesaian terhadap sebarang permasalahan boleh didapati menerusi ajaran Islam.

Dalam era *kedua* iaitu ekstremisme dan radikalisme terutamanya pada tahun 1980-an ditandai oleh kemunculan semangat yang berkobar-kobar terhadap Islam sehingga membawa kepada berkembangnya elemen ekstrem dan radikal dalam kalangan sebahagian masyarakat Islam. Era ini muncul kesan daripada peningkatan kesedaran terhadap cita-cita Islam itu sendiri dan faktor layanan buruk yang dilakukan oleh pemerintah dunia Islam terhadap aktivis dan penggerak Islam.¹⁸⁵ Namun, akibat dari kesedaran perjuangan dan reaksi balas yang tidak terkawal dan dipimpin telah memberi kesan negatif terhadap kehidupan masyarakat setempat. Di Malaysia, muncul elemen persaingan tidak sihat antara pergerakan dakwah sehingga saling tuduh menuduh tentang kredibiliti antara satu dengan lain kerana terlalu ekstrem dengan fahaman dan perjuangan wadah masing-masing. Kesan yang lebih parah ialah timbul sikap memusuhi pihak-pihak tertentu yang tidak menyokong dan menentang perjuangan sesuatu wadah sehingga timbul fenomena takfir - menuduh individu dan kumpulan telah terseleweng akidahnya kerana perbezaan ideologi dan pendapat.¹⁸⁶

ABIM sebagai organisasi belia Islam dan penerbitannya sebagai saluran cuba menangani isu ini memandangkan ia suatu gejala yang berbahaya kepada keutuhan masyarakat Islam. Beberapa penerbitan telah dilakukan antaranya *Islam Dakwah yang Syumul, Kebangunan Islam di Antara Tantangan dan Ekstrimisme* oleh Dr. Yusof al-Qardawi,¹⁸⁷ *Islam di Antara Kejahilan Umat dan Kelesuan Ulama'* oleh A.Qadir

¹⁸⁵ Mohammed Redzuan Othman, *Pertubuhan Sukarela Islam dan Pembinaan Negara Bangsa*: hlm 448-460.

¹⁸⁶ Temu bual dengan Ahmad Azam Abdul Rahman di pejabatnya di Gombak pada 15 Jun 2009.

¹⁸⁷ Yusof al-Qardawi, *Islam Dakwah yang Syumul, Kebangunan Islam di Antara Tantangan dan Ekstremisme*. Kuala Lumpur: ABIM. 1983..

Audah,¹⁸⁸ *Masalah Dakwah dan Pendakwah* oleh Fathi Yakan,¹⁸⁹ *Risalah Jurubicara Umat* oleh Siddiq Fadil,¹⁹⁰ *Perbezaan Aliran Mazhab Fiqh: Perkembangan dan Masalah* oleh Abdul Halim el-Muhammady¹⁹¹ dan *Adab Berbeza Pendapat dalam Islam* oleh Thaha Jabir al-Alwani.¹⁹² Penerbitan sebegini mampu memberi perspektif baru berkaitan isu pertembungan dan perbalahan dalam masyarakat ketika itu akibat daripada persaingan PAS dan UMNO dalam politik.

Penerbitan ini memperlihatkan kesungguhan ABIM dalam merungkaikan kerumitan yang berlaku dalam masyarakat Islam akibat dari pelbagai pendapat dan pendekatan yang diambil oleh individu dan perkumpulan dakwah dalam mencapai cita-cita pergerakan masing-masing.¹⁹³ Mesej utama penerbitan ABIM ialah keperluan untuk menghormati dan menghargai pandangan yang pelbagai serta kepentingan umat Islam dan aktivis dakwah kembali kepada asas dan adab Islamiah dalam mencapai cita-citanya. Namun, pada dekad ini juga dilihat beberapa penerbitan yang bersifat penerusan kepada usaha pemupukan kesedaran Islam menerusi perbincangan yang lebih luas, berat dan spesifik. Ini dapat dilihat dalam penerbitan buku *Islam and Culture* oleh Ismail Raji Faruqi,¹⁹⁴ *Hukum Islam Dipertikai?* oleh Razali Nawawi,¹⁹⁵ *Pemerintahan Islam*, Ayatullah Khomeini¹⁹⁶, *Islam and Sociological Perspectives* oleh Abu Bakar a. Bagader,¹⁹⁷ *Islam dalam Sejarah Kebudayaan Melayu* oleh Syed Mohammad Naquib al-Attas dan beberapa lagi.¹⁹⁸

¹⁸⁸ A. Qadir Audah, *Islam di Antara Kejahilan Umat dan Kelesuan Ulama*, Kuala Lumpur. ABIM.1981.

¹⁸⁹ Fathi Yakan, *Masalah Dakwah dan Pendakwah*. Kuala Lumpur. ABIM.1982.

¹⁹⁰ Siddiq Fadil, *Risalah Jurubicara Umat*, Kuala Lumpur, ABIM.1981.

¹⁹¹ Abdul Halim el-Muhammady, *Perbezaan Aliran Mazhab Fiqh: Perkembangan dan Masalah*. Kuala Lumpur: ABIM. 1986.

¹⁹² Thaha Jabir al-Alwani, *Adab Berbeza Pendapat dalam Islam*. Kuala Lumpur: ABIM.1989.

¹⁹³ Mohammad Redzuan Othman, hlm. 448-450.

¹⁹⁴ Ismail Raj Faruqi, *Islam and Culture* oleh Ismail Raj Faruqi. Kuala Lumpur, ABIM.1980.

¹⁹⁵ Razali Nawawi, *Hukum Islam Dipertikai*, Kuala Lumpur ABIM.1983.

¹⁹⁶ Ayatullah Khomeini, *Pemerintahan Islam*, Kuala Lumpur, ABIM.1983.

¹⁹⁷ Abu Bakar a. Bagader, *Islam and Sociological Perspectives*, Kuala Lumpur, ABIM.1983.

¹⁹⁸ Syed Naquib al-Attas, *Islam dalam Sejarah Kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur. ABIM.1999.

Manakala pada era *ketiga* iaitu era rakan dalam pembangunan negara pula ditandai pada dekad 1990-an dan awal tahun 2000-an sebagai satu reaksi terhadap sikap positif kerajaan terhadap program-program bercorak keislaman di negara ini. Program-program ini adalah usaha pengukuhan terhadap Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam yang diperkenalkan kerajaan pada sekitar awal 1980-an.¹⁹⁹ Beberapa institusi Islam telah ditubuhkan seperti Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Bank Islam, Takaful Islam, Sistem Perbankan Tanpa Faedah (SPTF) dan Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM). Program pengukuhan juga dilihat pada pengenalan Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah dan Menengah dan Mata Pelajaran Tamadun Islam dan Asia di peringkat Pengajian Tinggi.²⁰⁰ Sikap kerajaan terhadap Islam disambut baik oleh ABIM dan semenjak itu cuba menyumbang dengan proaktif menerusi penglibatan secara langsung dan tidak langsung sebagai rakan dalam pembangunan negara. Pendekatan baru dalam gerakannya dilakukan atas asas bahawa sudah tiba masanya persoalan Islam tidak diungkapkan dalam bentuk pengucapan sahaja malah menerusi penciptaan model-model yang praktik untuk diikuti dan dinikmati oleh masyarakat.²⁰¹

Penerbitan ABIM dalam dekad ini memperlihatkan tahap kematangan baru menerusi tema-tema yang lebih serius dan praktis bagi memenuhi tuntutan dan sikap baru dalam pergerakannya. Ini tergambar dalam buku *Islam and Human Rights* oleh Sheikh Showkat Hussain,²⁰² *Undang-undang Jenayah Islam* oleh Paizah Ismail,²⁰³ *Masalah Perumahan: Penyelesaian Menurut Perspektif Islam* oleh Mohd Ali Baharum,²⁰⁴ *Islamic Law, Its Scope dan Equality* oleh Said Ramadhan,²⁰⁵ *Islamic*

¹⁹⁹ Mohammad Redzuan Othman, *Pertubuhan Sukarela Islam* hlm. 448-460.

²⁰⁰ Ibid.

²⁰¹ Temu bual dengan Dr Shahrudin Badaruddin di Universiti Malaya pada 20 Ogos 2010.

²⁰² Sheikh Showkat Hussain, *Islam and Human Rights*. Kuala Lumpur. ABIM.1991.

²⁰³ Paizah Ismail, *Undang-undang Jenayah Islam*. Kuala Lumpur. ABIM.1991.

²⁰⁴ Mohd Ali Baharum, *Masalah Perumahan: Penyelesaian Menurut Perspektif Islam*. Kuala Lumpur. ABIM.1991.

²⁰⁵ Said Ramadhan, *Islamic Law, Its Scope dan Equality*. Kuala Lumpur:ABIM.1992.

Criminal Law and Criminal Behaviour oleh Hashim Mehat,²⁰⁶ *The Problem of Ideas in the Muslim World* oleh Malik Bennabi,²⁰⁷ *Islam dan Perhubungan Antarabangsa* oleh Ali Ali Mansur,²⁰⁸ *Matra Tamadun Islam* oleh Rasid Muhamad,²⁰⁹ *Fiqh Kenegaraan, Golongan Bukan Muslim dalam Masyarakat Islam* oleh Dr. Yusof al-Qardawi,²¹⁰ *Agama dan Negara* oleh Mustafa as-Sibai,²¹¹ *Teori Politik Islam* Abu Al-Ala Maududi,²¹² *Pendidikan Islam dan Peranannya dalam Pembangunan Ummah* oleh Abdul Halim Muhammady dan beberapa lagi.²¹³

Corak penerbitan pada dekad ini memperlihatkan isu-isu yang ditangani pada dekad ini lebih bersifat kenegaraan dan ketamadunan. Ini sejajar dengan tahap perkembangan pemikiran umat Islam sendiri serta tuntutan-tuntutan semasa yang perlu dipenuhi sebagai menyahut sikap pemerintah yang memperlihatkan minat terhadap persoalan kenegaraan menurut perspektif Islam. Namun sebagai organisasi dakwah, agenda membaharui komitmen dan kefahaman umat Islam tetap diteruskan menerusi penerbitan buku-buku yang bertemakan ilmu yang sentiasa relevan sepanjang masa seperti buku *Concepts of The Quran* oleh Fathi Osman,²¹⁴ *Pengenalan Ahli Sunah Wal Jemaah* oleh Sayed Muhamad Akil Ali al-Mahdali diterjemahkan oleh Sidi Ahmad Abdullah²¹⁵, *Keyakinan Hakiki: Kewujudan Maha Pencipta dan tugas Makhluq di Alam Semesta* oleh Muhamad Said Ramadhan al-Buti²¹⁶, *Bagaimana Berinteraksi dengan al-*

²⁰⁶ Hashim Mehat, *Islamic Criminal Law and Criminal Behaviour*. Kuala Lumpur: ABIM, 1993.

²⁰⁷ Malik Bennabi, *The Problem of Ideas in the Muslim World*. Kuala Lumpur: ABIM, 1994.

²⁰⁸ Ali Ali Mansur. *Islam dan Perhubungan Antarabangsa*. Kuala Lumpur: ABIM, 1994..

²⁰⁹ Rasid Muhamad, *Matra Tamadun Islam*. Kuala Lumpur: ABIM, 1996.

²¹⁰ Yusof al-Qardawi, *Fiqh Kenegaraan, Golongan Bukan Muslim dalam Masyarakat Islam*. Kuala Lumpur: ABIM, 1999.

²¹¹ Mustafa as-Sibai. *Agama dan Negara* oleh Mustafa as-Sibai. Kuala Lumpur: ABIM, 2000.

²¹² Abdul Halim Muhammady. *Pendidikan Islam dan Peranannya dalam Pembangunan Ummah*. Kuala Lumpur: ABIM, 2002.

²¹³ Mohammad Redzuan Othman, *Pertubuhan Sukarela Islam dan Pembinaan Negara Bangsa: Peranan ABIM dalam Usaha Penerbitan Sepanjang 33 Tahun Penubuhannya*. hlm 448-460.

²¹⁴ Fathi Osman, *Concepts of The Quran*. Kuala Lumpur: ABIM, 1997.

²¹⁵ Sayed Muhamad Akil Ali al-Mahdali, *Pengenalan Ahli Sunah Wal Jemaah*: Kuala Lumpur. ABIM, 1997.

²¹⁶ Muhamad Said Ramadhan al-Buti, *Keyakinan Hakiki: Kewujudan Maha Pencipta dan tugas Makhluq di Alam Semesta*. Kuala Lumpur: ABIM, 1996.

Quran oleh Muhamad Ghazali²¹⁷, *Risalah Tarbiyyah ABIM* oleh Abdul Halim El-Muhammady²¹⁸ dan beberapa lagi.

Pada era *kempat* iaitu era perpaduan ummah terutama pada dekad 2000. ABIM mula membahaskan keperluan untuk umat Islam kembali bersatu tanpa mengira fahaman politik.²¹⁹ Usaha telah dilakukan untuk mempertemukan pemimpin-pemimpin politik nasional. Agenda perpaduan ummah ini dilihat sebagai reaksi terhadap pertembungan politik umat Melayu setelah pemecatan Anwar Ibrahim pada 1998. Beberapa penerbitan berhubung dengan tema ini mula diterbitkan antaranya buku *Politik Melayu dan Penyatuan Ummah* yang disunting oleh Abdul Halim Ismail.²²⁰ Pola ini dilihat masih baru daripada aspek penerbitannya walaupun daripada segi persuratan yang lain seperti majalah berkala ABIM, *Risalah* dan *ABIM's View* serta Laman Sawang ABIM telah membahaskan tema ini begitu meluas dan konsisten semenjak awal 2000.²²¹

Di samping pola penerbitan juga ditandai oleh tema utama ABIM sepanjang sejarah perjuangannya, terdapat beberapa buku yang diterbitkan kerana menjelaskan isu-isu besar dan penting yang berlaku dalam sejarah umat Melayu Islam. Antaranya ialah masalah salah faham sebahagian masyarakat terhadap kewibawaan hadis dalam sumber perundangan dan akhlak umat Islam, dan masalah pergerakan al-Arqam. Sebagai sebuah gerakan massa, ABIM menerusi wahana penerbitannya menerbitkan secara khusus berkenaan tajuk ini bagi memberi penjelasan kepada masyarakat tentang

²¹⁷ Muhamad Ghazali, *Bagaimana Berinteraksi dengan al-Quran*. Kuala Lumpur: ABIM.1996.

²¹⁸ Abdul Halim El-Muhammady, *Risalah Tarbiyyah ABIM*. Kuala Lumpur :ABIM.1994.

²¹⁹ Mohammad Redzuan Othman, *Pertubuhan Sukarela Islam* hlm. 448-460.

²²⁰ Ibid.

²²¹ Lihat *Risalah ABIM*, 2002, hlm. 2-7.

persoalannya secara lebih mendalam dan apakah pendirian dan sikap yang perlu diambil oleh umat Islam dalam mendepani isu-isu tersebut.²²²

Dalam menghuraikan masalah golongan anti hadis, ABIM menerbitkan buku *Islam dan al-Hadith- Satu Analisis Ke Atas Usaha-usaha Merosakkan Peribadi dan Autoriti Rasulullah s.a.w* oleh Abdul Halim El-Muhamady²²³, dan bagi menjelaskan masalah al-Arqam, ABIM menerbitkan buku *Penyelewengan al-Arqam dari Aqidah Quran dan Sunnah Mengikut Perspektif Ahli Sunnah Wal Jemaah*, juga oleh Abdul Halim El-Muhammady.²²⁴ ABIM tidak sahaja memberikan reaksi terhadap isu tempatan malah juga antarabangsa. Perjuangan rakyat Palestin, peperangan di Afghanistan dan Bosnia Herzegovina mengundang ABIM menerbitkan buku *ABIM dan Perjuangan Rakyat Palestin* oleh Mohd. Rumaizuddin Ghazali,²²⁵ *Afghanistan Fajar Baru* oleh Md Sidin Ishak²²⁶ dan *Bosnia* oleh Fatini Yaacob.²²⁷

Corak penerbitan ABIM memperlihatkan secara jelas sifat kedinamikannya dalam berperanan dan menyumbang kepada pembinaan negara bangsa di Malaysia dalam konteks memperkukuh dan memperkasakan dasar agama yang merupakan unsur teras di mana Islam adalah agama rasmi negara ini dan ia dianuti oleh majoriti rakyatnya. Penerbitan-penerbitan ABIM telah menjadi sumber utama dan berpengaruh kepada umat Islam dan bukan Islam di negara ini dalam memahami pengertian, sikap dan pendirian yang sebenar dalam pelbagai aspek ilmu dan isu.²²⁸

²²² Mohammad Redzuan Othman, *Pertubuhan Sukarela Islam* hlm 448-460.

²²³ Abdul Halim El-Muhamady, *Islam dan al-Hadith- Satu Analisis ke Atas Usaha-Usaha Merosakkan Peribadi dan Autoriti Rasulullah S.A.W.* Kuala Lumpur: ABIM. 1995.

²²⁴ Abdul Halim El-Muhammady, *Penyelewengan al-Arqam dari Aqidah Quran dan Sunnah Mengikut Perspektif Ahli Sunnah Wal Jemaah*. Kuala Lumpur: ABIM.1994.

²²⁵ Mohd. Rumaizuddin, *ABIM dan Perjuangan Rakyat Palestin*. Kuala Lumpur: ABIM.2003.

²²⁶ Md Sidin Ishak, *Afghanistan Fajar Baru*. Kuala Lumpur: ABIM.1989.

²²⁷ Fatini Yaacob, *Bosnia*, Kuala Lumpur: ABIM.1994.

²²⁸ Mohammad Redzuan Othman, *Pertubuhan Sukarela Islam* hlm. 448-460.

Perlu juga dijelaskan, sekiranya diteliti setiap penerbitan ABIM, ia memaparkan ciri-ciri yang tersendiri. Tema ini merangkumi, Pertama, tema pemikiran dalam penerbitannya adalah penghuraian terhadap Islam sebagai addin dalam erti dan maksud yang syumul dan sejagat. Kedua, penumpuan penerbitan ini ialah kepada pembaharuan pemikiran dan perbahasannya banyak tertumpu kepada pengenalan tafsiran baru daripada perspektif yang disandarkan kepada ilmu-ilmu teras dalam Islam. Ketiga, penerbitan ABIM bersifat ilmiah iaitu memenuhi kriteria sebuah kajian yang ilmu dalam konteks masa kini. Hampir kesemua penerbitannya mempunyai rujukan-rujukan dan nota kaki yang boleh disemak dari semasa ke semasa. Dalam kata lain, penerbitan ABIM menunjukkan sikap bertanggungjawab terhadap amanah ilmu. Keempat, sebahagian penerbitannya bersifat antisipasi dan proaktif dalam erti menghuraikan persoalan-persoalan masa depan secara lebih awal memandangkan persoalan tersebut bakal dihadapi oleh umat Islam pada masa depan. Kelima, ia juga bersifat responsif dalam menjelaskan isu-isu yang berkembang dalam masyarakat. Ini sebagai mencirikan organisasi ABIM sendiri dalam berinteraksi dengan persekitarannya. Keenam, penerbitan ABIM juga bersifat kritikal terhadap persoalan-persoalan semasa sebagaimana usahanya dalam merungkaikan elemen ekstremisme yang berkembang dalam masyarakat. Namun, sikap kritis tersebut dibina atas dasar rasional yang seimbang, bukan menerusi tindakan menuduh tanpa sebarang bukti. Ciri-ciri ini membuktikan komitmen ABIM terhadap agenda pembudayaan Islam yang perlu dijayakan secara berterusan dalam mempersiapkan minda, akhlak dan sistem masyarakat untuk menerima Islam sebagai satu cara hidup yang lengkap dalam kerangka yang lebih luas dan mencabar.²²⁹

²²⁹ Ibid.

Sebagai menunjukkan komitmen terhadap kepentingan bidang kesusasteraan dalam proses pembudayaan Islam, ABIM telah menerbitkan satu antologi puisi yang ditulis Niamat Yusof yang berjudul *Madarij* pada tahun 1996.²³⁰ Buku ini mengandungi tema-tema pemikiran dan perjuangan ABIM serta pengalaman penulisnya yang merupakan antara pengasas dan penaja ABIM.²³¹ Perlu juga disebutkan iaitu dalam usaha memperkayakan khazanah persuratan Islam dan Melayu, ABIM secara langsung telah mendukung agensi-agensi pemikiran, pendidikan dan penerbitan seperti penubuhan Akademi Kajian Ketamadunan (AKK) yang menumpu kepada penerbitan karya-karya yang bersifat wacana tinggi dalam bentuk monograf dan surat berita. Antara bahan yang telah diterbitkan ialah, *Islam: A Contemporary Islamic Discourse* oleh Kamar Oniah Kamaruzzaman,²³² *Metafora Melayu: Bagaimana Pemikir Melayu Mencipta Makna* oleh Hassan Ahmad²³³ dan *Pasca Modernisme dan Islam: Satu Pandangan Awal* oleh Muhamad Uthman el-Muhammady.²³⁴ AKK juga menerbitkan surat berita yang dinamakan *Madaniyat* yang memaparkan tulisan dan rencana semasa yang diedarkan secara percuma kepada masyarakat.²³⁵

ABIM mempunyai agensi penerbitannya iaitu Dewan Pustaka Islam (DPI) yang bertanggungjawab mencetak dan mengedarkan buku-buku terbitannya dan terbitan luar yang difikirkan bermanfaat. Menerusi agensi ini, penerbitan ABIM telah dilakukan semenjak penubuhannya sehingga ke hari ini.²³⁶ Peranan penerbitan ABIM dalam mengukuhkan agenda pembudayaan Islam sebagai asas dalam proses pembinaan negara bangsa nampaknya sungguh berkesan. Ini dapat dilihat kepada tahap kematangan

²³⁰ Beliau merupakan aktivis ABIM tahun 1970an dan menjadi pimpinan utama ABIM Kedah.

²³¹ Mohammad Redzuan Othman. *Pertubuhan Sukarela Islam*, hlm . 448-460.

²³² Kamar Oniah Kamaruzzaman, *Islam: A Contemporary Islamic Discourse*. Kuala Lumpur: ABIM. 2003.

²³³ Hassan Ahmad, *Metafora Melayu: Bagaimana Pemikir Melayu Mencipta Makna*. Kuala Lumpur: ABIM. 2003.

²³⁴ Lihat *Madaniyat*,

²³⁵ Ibid.

²³⁶ Mohammad Redzuan Othman, *Pertubuhan Sukarela Islam* hlm. 448-460.

masyarakat terhadap Islam semakin meningkat. Kini Islam tidak lagi ditanggapi sebagaimana pada era awal kesedarannya. Islam telah difahami sebagai satu sistem kehidupan yang *syumul* dan lengkap.

Wacana Islam di negara ini juga tidak lagi sekitar permasalahan fikah ibadat tetapi meliputi konsep dan tatacara kenegaraan. Islam juga bukan lagi menjadi isu perbincangan di surau dan masjid, tetapi merupakan tema di pentas politik negara dan merupakan salah satu sumber utama dalam pembuatan dasar negara pada masa kini. Suasana ini antara lain disumbangkan oleh penerbitan ABIM sebagai pelengkap kepada sumbangan oleh sektor-sektor masyarakat sivil dan pergerakan politik yang tumbuh dan berkembang di negara ini di samping para ulama dan ilmuwan tempatan.²³⁷

Di bidang pendidikan, ABIM telah menerbitkan *Jurnal Pendidikan Islam*. Usaha ini bagi memberi penjelasan tentang konsep ilmu bersepadu yang ingin dijayakan ABIM dalam sistem pendidikan negara. Penerbitan Jurnal Pendidikan Islam berjaya menghimpun artikel yang berkaitan idea islamisasi dan konsep pendidikan bersepadu.²³⁸ Ini memberi ruang kepada intelektual ABIM dan simpatisannya menulis dan mengembangkan idea islamisasi kepada khalayak yang lebih besar. Jurnal ini berjaya menghimpun sejumlah artikel yang sangat bermutu dalam bidang pendidikan terutamanya membahaskan persoalan Islam dan ilmu pengetahuan. Penyebaran jurnal ini sebenarnya telah menyebarluaskan faham islamisasi yang diperjuangkan ABIM sehingga menjadi perbincangan bersifat nasional. Ini dapat dilihat kepada artikel yang di terbitkan dalam jurnal tersebut.

²³⁷ Ibid.

²³⁸ Tokoh-tokoh penting pendidikan di Malaysia yang memperjuangkan konsep pendidikan bersepadu menyumbang artikel dalam jurnal ini seperti Wan Mohd Noor Wan Daud, Tajul Arifin Nordin, Osman Bakar dan Rosnani Hashim.

Pada peringkat awal penerbitannya, isu yang di bahaskan lebih kepada konsep dan pemahaman berkaitan pendidikan Islam. Ini disebabkan kerana pada waktu itu wacana ini baru berkembang. Idea-idea utama dalam pendidikan Islam di bahas dan dibincangkan dengan mendalam dengan penglibatan pakar-pakar pendidikan Islam dalam dan luar negara.²³⁹ Pada peringkat ini juga idea falsafah pendidikan Islam dibincangkan sehingga melahirkan idea pendidikan bersepadu yang menjadi asas kepada pembentukan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Penghujung tahun 1980-an dan awal tahun 1990-an jurnal ini mula membincangkan secara mendalam berkaitan Islamisasi pendidikan dan faham Islamisasi ilmu.²⁴⁰ Ini dapat di lihat bagaimana perbincangan yang menarik yang ditulis oleh intelektual Islam di Malaysia mahupun tulisan yang diterjemahkan dari tokoh pemikir antarabangsa ke bahasa Melayu. Perbincangan daripada artikel tersebut sangat jelas menunjukkan usaha ABIM untuk menerokai perbincangan berkaitan bagaimana sesungguhnya pendidikan Islam harus di

²³⁹ Abdul Ghani Hj Shamsuddin, 'Pendidikan Ruhaniyyat', *Jurnal Pendidikan Islam* (Kuala Lumpur), 1:1, Januari 1984 / Rabiulawal 1404, hlm.1-9, Abdul Halim El-Muhammady, 'Pendidikan Islam Skop dan Matlamatnya', *Jurnal Pendidikan Islam* (Kuala Lumpur), 1:1, Januari 1984 / Rabiulawal 1404, hlm.10-23. Ahmad bin Muhammad Said, 'Penjajahan Fikiran dan Pengaruh dalam Bidang Pendidikan', *Jurnal Pendidikan Islam* (Kuala Lumpur), 1:1, Januari 1984/Rabiulawal 1404, hlm. 24-33. Muhammad Uthman El-Muhammady, 'Pondok Education as Indigenous Education', *Jurnal Pendidikan Islam* (Kuala Lumpur), 1:1, Januari 1984/ Rabiulawal 1404, hlm. 52-65. Musa bin Matrak, 'Modenisasi dalam Pendidikan Islam', *Jurnal Pendidikan Islam* (Kuala Lumpur) 1:1, Januari 1984 / Rabiulawal 1404, hlm. 34-40. Zawawi bin Haji Ahmad, 'Struktur Pendidikan Islam', *Jurnal Pendidikan Islam* (Kuala Lumpur), 1:1, Januari 1984 / Rabiulawal 1404, hlm. 41-51 Abdul Halim El-Muhammady, 'Falsafah Pendidikan Kanak-kanak dalam Islam', *Jurnal Pendidikan Islam* (Kuala Lumpur), 1:2, Oktober 1984/Muharam 1405, hlm. 12-23, Ghazali Basri, 'Konsep dan Pengertian Pendidikan Menurut Perspektif Islam', *Jurnal Pendidikan Islam* (Kuala Lumpur), 1:2, Oktober 1984 / Muharam 1405, hlm. 1-11.

²⁴⁰ Wan Mohd Nor Wan Daud, 'Konsep Ilmu dan Implikasi kepada Perkembangan Kurikulum', *Jurnal Pendidikan Islam* (Kajang), 2:1, Januari 1989 / Jamadilakhir 1409, hlm.21-35, Zaini Ujang, 'Tinjauan Terhadap Pendidikan Bersepadu: Satu Sorotan dalam Pengajian Kejuruteraan Alam Sekitar', *Jurnal Pendidikan Islam* (Kajang), 2:1, Januari 1989 / Jamadilakhir 1409, hlm. 36-47. Awang Sariyan, 'Pengislaman Pendidikan Bahasa : Suatu Pernyataan Awal', *Jurnal Pendidikan Islam* (Kajang), 8:2, Disember 1998 / Sya'ban 1419, hlm.51-76. Ahmad Mohamad Said, 'Islamisasi Pendidikan: Peranan Pendidik', *Jurnal Pendidikan Islam* (Kajang), 8:3, November – Disember 1999 / Rejab – Syaaban 1420, hlm.21-30. Nor Zalmiah Jahidin, 'Islamisasi Pendidikan di Sekolah: Prospek dan Masalah', *Jurnal Pendidikan Islam* (Kajang), 8:3, November – Disember 1999 / Rejab – Syaaban 1420, hlm. 43-54. Mahyuddin bin Ashaari, Hj., 'Strategi Pendekatan Penyayang dalam Pendidikan', *Jurnal Pendidikan Islam* (Kuala Lumpur), 9:3, Jun 2001 / Rabiulawal 1422, hlm. 1-8, Ahmad bin Mohd Said, 'Konsep, Pelaksanaan Pendidikan Bersepadu : Kurikulum dan Latihan Guru', *Jurnal Pendidikan Islam* (Kuala Lumpur), 9:3, Jun 2001 / Rabiulawal 1422, hlm. 9-16, Hassan bin Langgulong, 'Islamisasi Pendidikan dari Perspektif Metodologi', *Jurnal Pendidikan Islam* (Kuala Lumpur), 9:3, Jun 2001 / Rabiulawal 1422, hlm.17-32, Zaid bin Ahmad, 'Epistemologi dan Dimensi Kemanusiaan dalam Kajian Bandar: Satu Analisis Menurut Perspektif Islam', *Jurnal Pendidikan Islam* (Kuala Lumpur), 9:3, Jun 2001 / Rabiulawal 1422, hlm. 33-42.

lihat dalam konteks bersepadu yang merangkumi kurikulum, falsafah ilmu dan dari perspektif Islam.

Gagasan ini berkembang begitu pesat di Malaysia dan perbahasan berkaitan epistemologi inilah yang memunculkan perbahasan berkaitan Islamisasi sains. Sekelompok intelektual dapat dilahirkan oleh ABIM dalam bidang ini seperti Osman Bakar.²⁴¹ Karya-beliau menjadi bacaan yang penting di Malaysia dan menjadi bacaan arus perdana ketika ini. Kegiatan penerbitan dan penterjemahan buku yang dilakukan oleh ABIM inilah yang turut menyumbang kepada kesedaran Islam dalam kalangan masyarakat. Penterjemahan buku daripada tokoh-tokoh penting Islam di peringkat antarabangsa memudahkan idea ini disebarluaskan dalam masyarakat. Penterjemahan ke dalam Bahasa Melayu daripada Bahasa Arab atau dari Bahasa Inggeris sesungguhnya memberi sumbangan yang besar terhadap khalayak yang tidak mempunyai pengetahuan dalam bahasa tersebut.

Kesimpulan

Sebagai sebuah organisasi belia yang diasaskan oleh gerakan pelajar di kampus, ABIM mempunyai hubungan yang sangat kuat dengan pelbagai persatuan pelajar terutamanya di awal penubuhannya. Sebahagian besar aktivis dan pimpinan ABIM merupakan aktivis PKPIM menyebabkan hubungan PKPIM dan ABIM telah berjalan dengan baik, bahkan aktivis PKPIM merupakan sumber pengkaderan ABIM sehingga kini. Pengaruh kepimpinan Anwar Ibrahim di peringkat awal menyebabkan ABIM mempunyai

²⁴¹ Osman Bakar merupakan bekas Setiausaha Agung ABIM. Beliau merupakan pemikir Islam yang terkenal. Mendapat pendidikan di University Temple Amerika Syarikat di bawah bimbingan Prof Dr Syed Hussin Nashr. Buku beliau yang terkenal ialah *Tawhid and Science* dan *Classification Of Knowledge In Islam*.

hubungan yang sangat akrab dengan pimpinan pelajar Islam terutamanya PMIUM serta di universiti lain.

Aktivis ABIM merupakan aktivis PKPIM dan PMIUM serentak oleh itu setelah keluar universiti mereka telah aktif di ABIM dan sebahagian besarnya juga telah aktif di Majlis Belia Malaysia. Ini disebabkan ABIM sebagai sebuah persatuan belia yang merupakan anggota gabungan MBM. Dalam waktu tertentu, pimpinan ABIM merupakan pimpinan utama MBM. Ini menunjukkan bahawa ABIM sangat mempengaruhi aktivis pelajar dan belia di Malaysia. Hubungan simbiosis antara ABIM dengan gerakan pelajar ini sebenarnya memudahkan ABIM menyebarkan idea keislaman sehingga melahirkan generasi yang menghayati Islam. Generasi pelajar yang dibina di kampus oleh ABIM ini menyumbangkan kepada kelahiran satu generasi yang memahami dan mengamalkan Islam sehingga menjadi pembudayaan dalam masyarakat Melayu sehingga kini.

Kejayaan ABIM menguasai kepimpinan Majlis Belia Malaysia terutamanya pada penghujung tahun 1970-an dan 1980-an juga menjadi faktor besar kenapa idea keislaman yang diperjuangkan ABIM mudah tersebar. MBM juga telah dijadikan pusat pengkaderan dan pembinaan generasi belia yang Islamiy. Program-program yang bersifat lebih islamiy telah mula di bawa masuk dalam program yang dianjurkan oleh MBM. Memandangkan MBM merupakan badan gabungan terbesar belia di Malaysia, sudah tentulah rangkaian yang dimilikinya itu mempercepatkan idea keislaman di sebar dengan begitu cepat keseluruh negara.

Pembudayaan ilmu yang dilakukan oleh ABIM sangat memberi kesan kepada generasi terpelajar ketika itu dan juga masyarakat Islam secara keseluruhannya.

Program *usrah* yang diasaskan oleh ABIM dan dikembangkan sehingga kini mampu memberi pendedahan yang bersifat fundamental berkaitan Islam. *Usrah* dan *tamrin* ini merupakan nadi kepada pembudayaan ilmu dalam ABIM. Program ini disebar luas di luar lingkungan ABIM dan menjadi aspek penting kepada pengamalan Islam dalam masyarakat Malaysia kini. Sitem *usrah* yang dijalankan menjadikan anggota ABIM mempunyai semangat kekitaan yang kuat sehingga melahirkan sekumpulan manusia yang sangat patuh kepada organisasi. Hasil perbincangan dalam *usrah* dan *tamren* menjadikan ahli ABIM dapat mempertingkatkan pengetahuan dan kefahaman berkaitan Islam dan seterusnya menjadi pengamalan dalam kehidupan seharian mereka. Walaubagaimanapun mereka juga bersikap tertutup kepada ideologi diluar ABIM kerana bahan bacaan serta perbincangan yang dibuat bersesuaian dengan ideologi yang dipegang oleh ABIM.

Kegiatan penterjemahan dan penerbitan buku keislaman ini berjaya memberi kefahaman dan penghayatan baru terhadap Islam. Buku-buku Islam bermutu dalam bahasa Arab dan bahasa Inggeris di terjemahkan ke dalam Bahasa Melayu dan ini dapat menyebar luaskan idea-idea penting Islam dalam masyarakat di Malaysia. Karya bermutu dan terpilih yang diterjemahkan ini menjadikan idea-idea utama kesarjanaan Islam mudah tersebar dalam khalayak ramai. Inilah salah satu faktor utama yang mempercepatkan perkembangan kefahaman Islam dalam masyarakat. Ini adalah satu perkara yang sangat penting dan berkesan dalam proses penyebaran ilmu. Penerbitan jurnal juga mampu memberi impak penting terutamanya kepada generasi intelektual yang membuat kajian faham ilmu Islam sehingga ia menjadi perbincangan arus perdana di Malaysia kini.

sifatnya terutamanya dalam merangka Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM) dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang sepadu sifatnya.

Selain dari itu, ABIM juga memahami bahawa masyarakat Malaysia terdiri dari pelbagai kaum dan agama. Idea-idea kesejagatan Islam disebarkan kepada masyarakat bukan Islam melalui kegiatan dakwah dengan menubuhkan IOA dan juga pelbagai program saudara baru. ABIM juga turut serta dalam membina hubungan pada peringkat antarabangsa dengan membuat hubungan dengan pelbagai pertubuhan Islam pada peringkat serantau dan antarabangsa. Penglibatan ABIM dalam program ini membantu umat Islam di negara lain ini turut menyumbang kepada terkenalnya Malaysia sebagai sebuah negara Islam.

Faham Islamisasi Ilmu

Faham islamisasi ilmu pada dekad moden dapat ditelusuri daripada kesedaran pemikir Islam tentang pentingnya menilai kembali konsep pendidikan dan ilmu dalam masyarakat Islam. Satu Persidangan Pertama Sedunia Mengenai Pendidikan Islam telah dilangsungkan pada 31 Mac sehingga 8 April 1977 di Makkah, anjuran Universiti al-Malik Abdul Aziz. Dilema sistem pendidikan yang runcing jelas terungkap dalam kata-kata para pendidik Muslim yang bersidang, iaitu:

“Sistem pendidikan yang telah diimport oleh negara-negara Islam dari Barat untuk memajukan peralatan tamadun mereka adalah memberi khidmat untuk tujuan kebendaan mereka. Ia memberi orang-orang Islam pengetahuan yang membantu mereka mencapai kemajuan teknologi. Tetapi pada masa yang sama ia mewujudkan dalam fikiran mereka kesangsian dan kacau bilau yang sama, penghancuran yang sama tentang keperibadian manusia dan dengan itu nilai deritanya sama seperti yang dideritai oleh Barat.”¹

¹ S.S Hussain dan S.A Ashraf, *Krisis Dalam Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1989. hlm. 34.

Intelktual Islam ketika itu beranggapan punca kepada kepincangan sistem pendidikan umat Islam yang seterusnya membawa kepada masalah kelesuan umat adalah disebabkan oleh fahaman sekuralisme serta dualisme. Sistem pendidikan ini telah menyebabkan para pelajar Muslim terpisah daripada visi Islam dan sekaligus daripadasejarah keagungan tamadun dan peradaban silam ummah.²

Salah seorang delegasi dari Malaysia yang hadir ke persidangan tersebut ialah Mohammad Kamal Hassan telah menjelaskan bahawa para ilmuwan memutuskan bahawa konsep-konsep sekular yang terkandung dalam pengajian kemanusiaan, sains sosial dan sains tabii perlu digantikan dengan konsep-konsep Islam.³ Buku-buku teks perlu ditulis semula berpandukan asas-asas Islami, buku-buku panduan untuk guru perlu dibentuk semula sebagai langkah menyelamatkan generasi Islam masa depan daripada serangan sekuralisme dan atheisme. Mereka juga sepakat bahawa pemisahan antara agama dari sistem pendidikan sekular yang sedang beroperasi di negara-negara umat Islam perlu digantikan. Tetapi ianya tidak mungkin tercapai dengan campur-aduk yang mendarat antara bidang-bidang sekular dan yang berorientasikan agama. Untuk tujuan ini mereka perlu menyatakan semula perspektif Islam tentang tabii manusia, tujuan dan matlamat kewujudan mereka dan peranan asasi pendidikan dalam membantu manusia mencapai matlamat akhirnya⁴

Sebagai satu penyelesaian masalah, persidangan telah mengeluarkan satu kenyataan falsafah pendidikan Islam yang mengungkapkan matlamat yang jelas iaitu untuk mengembangkan secara seimbang keseluruhan peribadi insan melalui melatih rohani, intelek, rasional, perasaan dan panca inderanya. Menurut persidangan lagi,

² Ismail Al-Faruqi, , *Islamization Of Knowledge:General Principles and Workplan*. Virginia: IIIT.1982. hlm. 15-16.

³Mohd Kamal Hassan, *Pendidikan Dan Pembangunan : Satu Perspektif Bersepadu*. Kuala Lumpur: Nurin. 1988. hlm. 217.

⁴ Ibid.

pendidikan seharusnya berperanan dalam usaha membangun serta memperkembang potensi insan secara menyeluruh merangkumi aspek rohaniah, intelektual, imaginasi, fizikal, saintifik dan bahasa. Proses ini meliputi setiap individu mahupun secara kolektif bagi mencapai kebaikan dan kesempurnaan. Matlamat ulung pendidikan untuk semua peringkat individu, komuniti dan kemanusiaan adalah bagi merealisasikan pengabdian yang lengkap terhadap Allah S.W.T.⁵

Persidangan turut mengemukakan resolusi tentang peri pentingnya memberi kesedaran kepada umat Islam supaya lebih menghargai dan menghormati kedudukan al-Qur'an sebagai sumber rujukan utama untuk semua isu dan permasalahan umat. Hasil persidangan juga turut membuat ketetapan bahawa perlunya meluaskan pengajian membaca al-Qur'an dan menghafaznya, bermula dari peringkat sekolah rendah dan beransur-ansur pula di bidang tafsiran di peringkat menengah, agar pelajar-pelajar dapat menghafaz sekurang-kurangnya beberapa bahagian daripada al-Qur'an dan memahaminya secara umum.⁶

Turut hadir ke persidangan tersebut dari Malaysia ialah Syed Mohammad Naquib al Attas yang juga menjadi salah seorang pembentang utama. Dalam persidangan tersebut, Naquib al-Attas menyampaikan salah sebuah makalah utama berjudul *"Premilinary Thoughts on the Nature of Knowledge and the Definition and Aim of Education"* yang mengandungi pemikiran beliau mengenai hakikat manusia,

⁵ Persidangan tersebut menegaskan bahawa sumber utama pendidikan terbahagi kepada dua kategori iaitu sumber wahyu dan akal manusia. Ilmu wahyu merupakan panduan yang diberikan oleh Allah S.W.T melalui al-Qur'an dan as-Sunnah yang dapat difahami dengan baik melalui penguasaan ke atas bahasa Arab. Manakala ilmu yang diperoleh melalui akal manusia pula terhasil apabila manusia menggunakan akal fikirandan pancainderanya untuk memahami, merenungi dan mengkaji setiap penciptaan Allah S.W.T di muka bumi ini .Ibid, hlm.218.

⁶ Haron Din dan Sobri Salamon, *Masalah Pendidikan Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Ar Rahmانيyah. 1988. hlm. 88.

ilmu pengetahuan, definisi dan tujuan pendidikan serta struktur universiti Islam.⁷ Persidangan tersebut merupakan satu peristiwa yang sangat penting dalam sejarah dunia pendidikan umat Islam. Keputusan yang dicapai semasa persidangan tersebut adalah bagi menyingkirkan dualisme pendidikan dan menggantikannya dengan pendekatan yang menyeluruh dan bersepadu.⁸

Persidangan ini membuat kesimpulan bahawa perlunya diwujudkan satu sistem pendidikan sahaja dan tidak lebih daripada itu, supaya kemelut sosial, politik dan ekonomi umat Islam dapat diselesaikan. Sistem yang tunggal ini perlu mempunyai skop atau pengkhususan yang sarat dengan nilai-nilai keislaman merangkumi seluruh aspek pendidikan termasuklah kurikulum, sukatan pengajaran, buku-buku teks serta kaedah pengajaran. Para cendekiawan pula perlu menjalankan kaji selidik yang asasi ke atas setiap cabang ilmu supaya selari dengan konsep Islam.⁹ Persidangan di Makkah ini seterusnya diikuti dengan siri-siri persidangan pendidikan di Islamabad (1980), Dhaka (1981), Jakarta (1982) dan Kaherah (1985).¹⁰

Syed Mohammad Naquib al Attas menganggap ilmu pengetahuan sebagai sesuatu yang tidak bebas nilai. Pada fahaman umum, sifat ilmu pengetahuan adalah berkecuali dan tidak berhubungan dengan tamadun yang mempeloporkannya. Akibatnya, umat Islam tanpa sedar menganggap kesemuanya sebagai 'pakej ilmu' dan berusaha mempelajari dan menerimanya secara total tanpa sebarang semakan dan pengubahsuaian. Umat Islam telah lupa bahawa ilmu moden tidak bebas nilai kerana ia telah dipengaruhi oleh pandangan keagamaan, kebudayaan dan filsafat manusia Barat.¹¹

⁷ Wan Mohd Nor Wan Daud, *Falsafah Dan Amalan Pendidikan Islam Syed M. Naquib al Attas*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya. 2005. hlm. 269.

⁸ Noor Hisham Md Nawi, *Konseptualisasi Semula Kurikulum Pendidikan Islam*. Tanjong Malim: UPSI. 2011. hlm. 254.

⁹ Mohd Kamal Hassan, *Pendidikan Dan Pembangunan*. hlm. 220.

¹⁰ Ahmad Mohamad Said, *Dualisme Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia. 1996. hlm. iii.

¹¹ Wan Mohd Nor Wan Daud, *Falsafah Dan Analan Pendidikan Islam*. hal. 269.

Ilmu pengetahuan moden adalah hasil daripada “kebingungan” yang meletakkan keraguan dan spekulasi setaraf dengan metodologi ilmiah. Pandangan filsafat Barat yang menyerap masuk ke dalam fikiran umat Islam telah menimbulkan fenomena yang dipanggil deislamisasi. Deislamisasi ini berlaku melalui proses penyamarataan kategori dasar pengetahuan iaitu ilmu fadhu ain dan ilmu fardhu kifayah yang mendorong kepada kebingungan terhadap hakikat masing-masing.¹²

Berdasarkan premis inilah muncul gagasan Islamisasi ilmu moden yang bertujuan untuk menyelesaikan krisis pendidikan umat Islam hari ini. Islamisasi ilmu merujuk kepada proses membina suatu metodologi untuk berurusan dengan ilmu dan sumbernya. Fungsi utama gagasan Islamisasi ilmu adalah untuk memperbaiki serta membina semula disiplin kemanusiaan, sains sosial dan sains tabii dengan suntikan dasar baru yang konsisten dengan Islam.¹³

Islamisasi ilmu pengetahuan moden pula merujuk kepada proses mengintegrasikan pelbagai disiplin ilmu moden ke dalam pandangan dunia Islam. Hal ini merujuk kepada proses penulisan semula buku teks peringkat universiti kurang lebih dua puluh bidang pengajian ilmu moden supaya selari berlandaskan visi Islam. Manakala Islamisasi sistem pendidikan pula merujuk kepada proses Islamisasi institusi pendidikan itu sendiri, Islamisasi orang yang terlibat, Islamisasi kurikulum, buku teks, peralatan mengajar, aktiviti kokurikulum, persekitaran dan sebagainya.¹⁴

Golongan akademik Muslim disarankan supaya memahirkan diri dalam disiplin ilmu moden disamping menguasai ilmu-ilmu agama berikutan peranan besar yang perlu dipikul oleh mereka untuk menulis semula buku teks, merangka kurikulum, teori,

¹² Ibid.,

¹³ Mohd Nasir Omar, *Gagasan Islamisasi Ilmu*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn.Bhd. 2005. hlm. 18-19

¹⁴ Noor Hisham Md Nawi, *Konseptualisasi Semula Kurikulum Pendidikan Islam*. hlm.251-256.

kaedah, falsafah dan matlamat pendidikan berdasarkan pandangan dunia dan visi Islam.

Berikutan hal ini, Ismail-Faruqi (1982) menegaskan bahawa:

Membentuk semula pengetahuan dengan mengaitkan Islam, bermakna mengislamkannya. Ini bererti proses menentukan semula menyusun semula fakta, memikirkan semula sebab dan perkaitan fakta, menilai semula kesimpulan, dan juga untuk merancang semula matlamat. Semua harus dilakukan dengan begitu rapi agar misi Islam diperkayakan dengan disiplin ilmu dan menepati tujuan Islam.¹⁵

Terdapat pelbagai pandangan serta definisi yang dikemukakan para ilmuan terhadap gagasan Islamisasi ilmu, bergantung kepada tahap kefahaman dan penafsiran masing-masing. Walau bagaimanapun, para tokoh ilmuan berpendapat bahawa kepelbagaian istilah tentang Islamisasi bukan suatu masalah selagi mana intipati, prinsip dan matlamat perjuangan adalah sama. Selain itu, terdapat juga berbagai-bagai kritikan yang dikemukakan bagi tujuan penambahbaikan. Beberapa istilah yang membawa pengertian yang hampir sama dengan gagasan Islamisasi turut diperkenalkan seperti desekularisasi, dewesternisasi, integrasi, holistik, kebangkitan semula dan kesepaduan sejagat. Namun, istilah-istilah tersebut tidak sekali-kali membawa maksud yang sama dengan istilah 'gagasan Islamisasi' sebagaimana yang telah diperkenalkan oleh pihaknya yang asal.¹⁶

Syed Muhammad Naquib al-Attas mendefinisikan Islamisasi sebagai pembebasan manusia; pertama dari tradisi tahyul, mitos, animis, kebangsaan dan kebudayaan dan selepas itu pembebasan akal dan bahasa dari sekularisme. Berdasarkan definisi ini, proses Islamisasi adalah berfokus kepada perubahan pemikiran dan keilmuan setiap individu Muslim. Sasaran utama proses Islamisasi bukanlah sistem, struktur mahupun organisasi dalam sesebuah masyarakat, bahkan manusia yang

¹⁵ Ismail Faruqi. *Pengislaman Ilmu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka. 1991.hlm. 23.

¹⁶ Noor Hisham Md Naw, *.Konseptualisasi Semula Kurikulum Pendidikan Islam* , hlm.. 251

merupakan agen penggerak yang paling asas.¹⁷

Gagasan Islamisasi ilmu kemudiannya dipopularkan oleh Ismail al-Faruqi. Beliau menganjurkan cendekiawan Islam supaya menguasai ilmu moden dan menyatukannya dengan ilmu Islam dalam satu sintesis kreatif. Definisi Islamisasi ilmu yang dikemukakan oleh beliau ialah memberikan definisi baru, mengatur dan menghubungkan data, menilai kembali kesimpulan-kesimpulan, mengulang kaji semula tujuan-tujuan hinggalah disiplin ilmu tersebut memperkayakan wawasan Islam dan bermanfaat bagi cita-cita Islam.¹⁸

Dalam hal ini, Ismail al-Faruqi menggariskan satu kerangka kerja sebagai panduan untuk usaha Islamisasi ilmu. Beliau menjelaskan lima tujuan dalam rangka untuk Islamisasi ilmu moden iaitu; yang pertama untuk menguasai disiplin moden. Yang kedua, untuk menguasai warisan Islam. Tujuan ketiga adalah bagi menentukan relevansi Islam yang tertentu bagi setiap bidang ilmu moden. Seterusnya, mencari-cari cara bagi melakukan sintesis yang kreatif antara ilmu moden dan ilmu warisan Islam. Manakala tujuan terakhir adalah bagi melancarkan pemikiran Islam ke arah jalan yang boleh membawanya memenuhi acuan Allah S.W.T.¹⁹

Maksud pengislaman ilmu pengetahuan adalah proses rangka kerja yang menyeluruh dan menentukan tahap individu dan masyarakat, untuk pemikiran dan tindakan, untuk pendidikan dan praktis, untuk pengetahuan dan organisasi, untuk pemerintah dan rakyat, untuk dunia masa kini dan akan datang. Pengislaman ilmu merupakan satu syarat sebagai asas untuk menegakkan satu rangka umat, untuk membentuk pandangan individu dan kolektif terhadap kehidupan serta untuk

¹⁷ Syed Muhammad Naquib al-Attas, *Islam And Secularism*. Kuala Lumpur:ISTAC.1978. hlm.44.

¹⁸ Wan Mohd Nor Wan Daud, *Falsafah Dan Amalan Pendidikan Islam*. hlm. 332.

¹⁹ Ismail al-Faruqi, *Islamization Of Knowledge*. hlm.28

mengembangkan aspek-aspek ideologi dan praktikalnya .²⁰

Tujuan pengislaman ilmu ialah untuk merumuskan kaedah ideologi Islam bagi membersihkannya daripada bidaah, korupsi, perpecahan umat yang dialami sejak beberapa abad lamanya. Ia juga bertujuan menyuburkan kembali pemikiran Islam dan kaedahnya dengan memberikannya jalan ke arah sumber utama warisan umat. Begitu juga ia bertujuan untuk mencapai kehandalan dalam pemikiran umat dalam segala jenis ilmu pengetahuan .²¹ Bagi Ismail al-Faruqi, Islamisasi ilmu moden ialah membawa ilmu Islam kepada ilmu moden sekular dan ilmu moden sekular kepada sistem Islam. Hal ini bermakna beliau mencadangkan pembinaan semula kedua-dua ilmu moden Barat dan ilmu tradisional Islam. Ketika membentangkan kertas kerjanya di Persidangan Islamisasi Ilmu kali Kedua di Islamabad pada 4 hingga 6 Januari 1982, Ismail al-Faruqi telah menggariskan 12 langkah yang diperlukan untuk tujuan pengislaman ilmu pengetahuan .²²

Huraian Ismail Faruqi tersebut telah menimbulkan minat dan perhatian dari sebahagian intelektual Muslim ketika itu. Misalnya Mohammed Yasin menyatakan bahawa langkah-langkah yang di huraikan oleh Faruqi boleh diringkaskan kepada tiga proses. Pertama, seseorang itu haruslah menguasai ilmu Barat moden dan berupaya membuat penilaian dan kritikan terhadap ilmu-ilmu ini dari segikaedah dan nilai-nilai yang terkandung di dalamnya. Keduanya, seseorang itu juga haruslah menguasai ilmu Islam dan membuat penilaian dari segi perspektif Islam, keperluan ummah pada masa ini dan pengetahuan moden terkini. Ketiga, menjalankan sintesis yang kreatif antara ilmu-ilmu Islam dan ilmu-ilmu moden .²³

²⁰ Ismail Faruqi. *Pengislaman Ilmu*. hlm. 101

²¹ Ibid. hlm. 103

²² Ibid. hlm 58-69

²³ Noor Hisham Md Nawi, *Konseptualisasi Kurikulum Pendidikan Islam*. hlm.259.

Bentuk kesepaduan yang dianjurkan oleh Ismail al-Faruqi adalah kesepaduan yang berfokuskan kepada ilmu iaitu ilmu Islam dan ilmu moden. Kedua-duanya perlu dianalisis dan kemudiannya disintesis secara kreatif sebelum dapat disepadukan. Pendekatan ini memerlukan usaha yang sangat gigih kerana seseorang yang bercita-cita untuk melaksanakannya perlu menguasai sebahagian besar khazanah keilmuan Islam dan disiplin ilmu moden. Ia mungkin juga boleh dilakukan secara kolektif atau diinstitusikan. Walau bagaimanapun, langkah-langkah yang dicadangkan lebih praktikal, jelas dan sistematik.²⁴

Terdapat pelbagai bentuk dan peringkat kritikan tentang gagasan Islamisasi ilmu. Umumnya kritikan tersebut boleh dibahagikan kepada tiga kelompok. Kelompok pertama ialah mereka yang mengkritik dan sekaligus menolak gagasan tersebut secara keseluruhan seperti Fazlur Rahman²⁵, Abdul Salam²⁶, Abdul Karim Soroush²⁷, dan Usep Fathuddin.²⁸ Kelompok kedua ialah mereka yang mengkritik aspek-aspek tertentu dalam gagasan Islamisasi ilmu dan tidak menolak gagasan tersebut secara keseluruhan seperti Ziaudin Sardar.²⁹ Manakala kelompok ketiga ialah mereka yang mengkritik gagasan Islamisasi ilmu dalam usaha untuk memperbaiki dan memajukan gagasan tersebut seperti Luaiy Sofi³⁰, Ibrahim Ragab³¹, Kazi³² dan Yassein.³³ Fazlur

²⁴ Ibid., Lihat juga Rosnani Hashim, *Gagasan Ilmu Pengentahuan Kotemporer*. hlm. 29-45

²⁵ Fazlur Rahman, "Islamization Of Knowledge: a response" dlm. *The American Journal Of Islamic Science*. 55.1.1988. hlm. 3-11.

²⁶ Abdul Salam. Kata Pengantar Pervez Hoodbhoy. *Islam and Science: Religious Orthodoxy and The Battle for Rationality*. Kuala Lumpur: S.A. Majeed. 1992.

²⁷ Abdul Karim Soroush. "The Possibility Of Islamization Of Knowledge", Kertas Kerja Seminar Antarabangsa Islam and Modernisme : The Fazlur Rahman Experiment. Istanbul. 22-23 Febuary 1991.

²⁸ Usep Fathuddin. "Perluakah Islamisasi Ilmu" dlm. Moeflich Hasbullah. *Gagasan dan Perdebatan Islamisasi ilmu Pengentahuan*. Jakarta: Pustaka Cidensindo. 2000.

²⁹ Ziaudin Sardar. "Islamization Of Knowledge Or Westernization Of Islam" dlm *Inquiry*. 1:17.1984. hlm. 39-45.

³⁰ Luaiy Sofi. "The Quest For an Islamic Methodology: the Islamization of Knowledge .Project in Second Decade" dlm. *The American Journal Of Islamic Social Science*. 10:1. 1999. hlm. 23-48.

³¹ Ibrahim Ragab. "On the Nature and scope of the Islamization Process. Toward Conceptual Carrication", *Intellectual Discourse*. 3;2. 1995. hlm. 113-122.

³² M.A. Kazi. "Islamizations Of Modern Science and Technology". Dlm. *Islam. Source and Purpose Of Knowledge*. Herdon: IIIT. 1988. hlm. 177-181.

³³ Yasin, Mohammed, "Islamization Of Knowledge: a Comprative Analysis of Faruqi and Rahman". *Muslim Education Quartley* 11:1.1993 . hlm. 2-40.

Rahman yang tidak bersetuju dengan gagasan Islamisasi ilmu kerana berpandangan bahawa ilmu pengetahuan pada dasarnya adalah baik dan tidak perlu diislamkan. Permasalahan ilmu hanyalah dari sudut penyalahgunaannya. Namun, pendokong gagasan Islamisasi ilmu menolak hujah yang dikemukakan oleh beliau. Fazlur Rahman menanggapi konsep ilmu sebagai *know-how* dan mempunyai dua sisi di mana ia bergantung kepada cara menggunakannya. Justeru, beliau membayangkan Islamisasi ilmu ialah usaha mengislamkan kaedah dan alat. Kaedah dan alat sememangnya neutral tetapi beliau mengabaikan konsep dasar tentang ilmu pengetahuan itu sendiri yang dibangunkan atas pandangan hidup tertentu. Beliau juga tidak sedar bahawa kaedah dan alat juga mempunyai nilai dan pandangan yang tersirat di dalamnya.³⁴

Terdapat juga intelektual muslim yang menolak gagasan ini. Abdul Salam yang menolak gagasan tersebut dengan berpandangan bahawa sains adalah mengkaji fakta, objektif, bebas daripada pengaruh manusia, budaya atau agama serta harus dipisahkan daripada nilai. Bagi mereka, sains adalah universal dan melangkaui sempadan bangsa, agama dan peradaban. Pendokong gagasan Islamisasi ilmu menyatakan bahawa pandangan Abdul Salam ini menunjukkan beliau menceraikan pandangan hidup Islam menjadi dasar metafizik kepada sains sedangkan pandangan hidup Islam berkait rapat dengan pemikiran dan aktiviti seseorang saintis. Seorang saintis akan bekerja sesuai dengan perspektifnya yang terkait dengan bingkai kerja dan pandangan hidup yang dimilikinya.³⁵

Golongan kedua adalah mereka yang mengkritik gagasan Islamisasi ilmu dalam

³⁴Wan Mohd Nor Wan Daud, 2005. *Falsafah Dan Amalan Pendidikan Islam*. hal. 342. Lihat kajian Muhammad Shafiq, "Islamization of Knowledge: Philosophy and Methodology and Analysis of The View and Ideas of Ismail R Faruqi, S. Hossein Nashr and Fazlur Rahman," *Hamdard Islamicus*, 28(3), 1985, hlm.1-19. Lihat juga Rosnani Hashim and Imran Rossidy, "Islamization Of Knowledge: A Comparative Analysis of The Conception of al-Attas and al Faruqi," *Intellectual Discourse*, 8 (1), 2000, hlm. 19-44.

³⁵Noor Hisham Md Nawi, *Konseptualisasi Kurikulum Pendidikan Islam*. hlm. 351. Lihat Abdul Salam. Kata Pengantar Pervez Hoodbhoy. *Islam and Science: Religious Orthodoxy and The Battle for Rationality*. Kuala Lumpur: S.A. Majeed. 1992.

aspek-aspek tertentu tetapi tidak menolaknya secara keseluruhan. Sebagai contoh, Ziaudin Sardar mengkritik tajam keseluruhan gagasan Islamisasi ilmu moden menurut pandangan Ismail al-Faruqi dan menyatakan bahawa gagasan dan perancangan tersebut mempunyai kecacatan yang sangat fundamental dan naif. Kritiknya yang berkaitan dengan perancangan Ismail al-Faruqi secara khusus ialah berkenaan dengan langkah kelima iaitu ‘menentukan penyesuaian Islam yang khusus terhadap disiplin ilmu moden’. Menurutny, tindakan tersebut kelihatan seakan-akan beliau melakukan sesuatu secara terbalik. Adalah salah untuk menyesuaikan Islam dengan disiplin ilmu moden bahkan disiplin ilmu modenlah yang seharusnya disesuaikan dengan Islam. Islam adalah agama yang sentiasa relevan sepanjang zaman dan sentiasa sesuai dengan segala perkembangan.³⁶

Pengkritik-pengkritik gagasan Islamisasi ilmu dengan maksud untuk memperbaiki dan memajukan gagasan tersebut adalah pendokong gagasan yang aktif. Mereka dari pelbagai aliran bersepakat bahawa ilmu sains moden bersifat euro-sentrik, mengalami proses penskularan dan memerlukan proses pemurnian semula. Walau bagaimanapun, mereka berselisih pendapat tentang metodologi pelaksanaannya sama ada hanya melibatkan ilmu sains moden atau turut melibatkan ilmu warisan Islam. Sebahagiannya seperti Ismail al-Faruqi, Abu Hamid Sulayman, Ibrahim Ragab dan Louay Safi menyatakan bahawa proses Islamisasi ilmu moden melibatkan pembinaan semula kedua-dua ilmu tersebut lantaran kelemahan pada kedua-duanya.³⁷

Manakala Syed Muhammad Naquib al-Attas, Ziauddin Sardar, Syed Ali Asyraf dan Taha Jabir al-Alwani berpandangan bahawa proses tersebut hanya melibatkan ilmu kontemporari kerana ilmu warisan Islam tidak tercemar dengan elemen sekularisme.

³⁶ Ziaudin Sardar. "Islamization Of Knowledge Or Westernization Of Islam" dlm *Inquiry*. 1:17.1984. hlm. 39-45.

³⁷ Noor Hisham Md Nawi, *Konseptualisasi Kurikulum Pendidikan Islam*. hlm. 351

Mereka berpandangan bahawa ilmu warisan Islam perlu dilihat semula tetapi dari perspektif tajdid dengan maksud memperbaharui kefahaman untuk membina konsep dan epistemologi baru dan bukannya membaik-pulih elemen-elemen yang terdapat di dalamnya. Dari perspektif pendidikan, polemik tersebut tidak menghalang mereka untuk bersepakat tentang keperluan setiap individu Muslim mempelajari ilmu-ilmu teras agama sehingga mempunyai kefahaman yang jelas dan mencukupi tentang Islam. Perbezaan pandangan tersebut juga menunjukkan bahawa terdapat pelbagai pendekatan dan metodologi yang dikemukakan untuk merealisasikan matlamat gagasan Islamisasi ilmu moden.³⁸

ABIM dan Idea Islamisasi Ilmu

Aktivis ABIM di universiti tempatan terutamanya generasi Anwar Ibrahim mula mendekati kehidupan Islam semenjak di universiti lagi. Pengaruh Syed Muhammad Naquib al-Attas sangat kuat dalam membentuk pola pemikiran masyarakat kampus ketika itu. Idea-idea Syed Muhammad Naquib al-Attas berkaitan idea Islamisasi menjadi asas utama dalam kegiatan ABIM.³⁹ Menurut Kamarudin Mohd Noor, Syed Mohammad Naquib al-Attas ketika itu menyokong penuh kumpulan Islam ini serta matlamat perjuangannya.⁴⁰

Semasa ABIM di bawah pimpinan Anwar Ibrahim, beliau telah mengadakan hubungan yang sangat rapat dengan pelbagai pertubuhan Islam pada peringkat antarabangsa dan ini telah memberi kesan yang sangat besar terhadap perkembangan

³⁸ Wan Mohd Nor Wan Daud, *Falsafah Dan Amalan Pendidikan Islam*. hlm.360

³⁹ Zainah Anwar, *Kebangkitan Islam di Kalangan Pelajar*. Kuala Lumpur. Fajar Bakti. 1987. hlm. 34. Lihat juga Charles Allers. *Anwar Ibrahim: Evolution Of A Muslim Democrat*. Singapore: Monnson Books. 2014. hlm. 47.

⁴⁰ Ibid.,

intelektualisme ABIM.⁴¹ Pertemuan ABIM dengan Ismail Faruqi yang juga merupakan penggerak fahaman islamisasi selain daripada Syed Mohammad Naquib al-Attas juga turut menjadi faktor besar kenapa fahaman islamisasi begitu berkembang di dalam ABIM. Hubungan yang akrab dengan kedua-dua tokoh inilah yang menjadi salah satu faktor yang menyumbang kepada berkembangnya fahaman islamisasi ilmu yang berasaskan kepada integrasi ilmu ke dalam ABIM.⁴² Keakraban ini dapat dilihat apabila Syed Mohammad Naquib al-Attas dan Ismail Faruqi sering diundang dalam beberapa muktamar ABIM pada peringkat awal, bahkan ABIM menghantar beberapa intelektualnya untuk menyambung pendidikan di bawah bimbingan al-Attas seperti Siddiq Fadzil⁴³, manakala terdapat juga aktivis ABIM seperti Osman Bakar dan Muhammad Nur Manuty yang menyambung pendidikan di Amerika Syarikat dengan bantuan Ismail Faruqi.⁴⁴

Perjuangan memajukan idea kesepaduan ilmu dan usaha-usaha ke arah islamisasi ilmu, memerangi pemikiran sekularisme yang terdapat dalam semua segi kehidupan, undang-undang, politik, ekonomi dan pendidikan. Ini dapat dilakukan oleh ABIM kerana terdapat tokoh-tokoh ilmuwan dalam pelbagai bidang yang menganggotai pergerakan ini. Mereka sering membentangkan kertas kerja dan menulis artikel dalam *Jurnal Pendidikan Islam*.⁴⁵ Idea ini berjaya menanamkan benih yang menjadi pencetus kepada perubahan dalam sistem pendidikan negara di peringkat institusi pendidikan tinggi dan sekolah. Dalam konteks kesepaduan ilmu, ABIM menekankan ilmu fardu

⁴¹ Lihat Ahmad Zaki Abdul Latif, 2006. *Transformasi Gerakan Islah dan Dakwah di Timur Tengah dan di Malaysia*. Shah Alam: UITM. hlm. 118-125.

⁴² Zainah Anwar, *Kebangkitan Islam di Kalangan Pelajar*. hlm. 34.

⁴³ Siddiq Fadzil mendapat pendidikan Ijazah Kedoktoran Falsafah melalui penyeliaan Prof Dr Syed Mohammad Naquib al-Attas di UKM pada tahun 1987. Beliau sangat memahami idea-idea al-Attas terutamanya yang berkaitan islamisasi. Temu bual dengan Siddiq Fadzil di pejabatnya di Kolej Dar al Hikmah pada 21 Januari 2009.

⁴⁴ Mereka ini menyambung pendidikan ke peringkat PhD di Universiti Temple, USA pertengahan tahun 1980-an sewaktu Ismail Faruqi bertugas di sana. Temu bual dengan Muhammad Nur Manuty di Bagan Serai pada 12 Februari 2013.

⁴⁵ Mahyudin Ashari, "Sejarah Pendidikan ABIM" dalam *Jurnal Pendidikan Islam*. Vol 4, 2008. hlm 6-9.

kifayah kepada institusi pendidikan agama dan sebaliknya kepentingan fardu ain kepada institusi pendidikan yang seimbang dan dapat mengelakkan gejala dualisme dalam pendidikan.⁴⁶

Pimpinan ABIM, Siddiq Fadzil melihat islamisasi adalah satu proses yang harus disokong oleh semua pihak. Walaupun begitu, menurut beliau islamisasi ialah;

“matlamat akhir islamisasi adalah sepenuhnya, bukan islamisasi tempelan, bagaimanapun kita sedia mengalukan sebarang langkah dan projek yang berfaedah kepada umat Islam seperti universiti Islam dan bank Islam sekiranya dilaksanakan dalam bentuk harapan ummah. ... tetapi bagi kita, dengan hanya mempunyai beberapa institusi Islam sahaja kita masih jauh daripada matlamat islamisasi yang sebenarnya. Walhasil institusi Islam boleh lahir di mana-mana, hatta di tengah-tengah kepungan institusi raksasa sekular seperti kelahiran Bank Islam di Luxemburg. Apa yang sebenarnya dituntut oleh umat Islam ialah islamisasi menyeluruh, bukan sekadar sebuah atau beberapa buah universiti Islam tetapi sistem pendidikan Islam bukan sekadar atau beberapa buah bank Islam tetapi sistem ekonomi Islam’.⁴⁷

Menurut Siddiq Fadzil lagi, islamisasi harus meliputi beberapa perubahan yang mendasar dan mempunyai program yang disusun menurut keutamaan dalam proses islamisasi.⁴⁸ Kefahaman islamisasi menyeluruh inilah yang menyebabkan ABIM melaksanakan pelbagai program untuk merealisasikan hasrat mereka seperti mengadakan sistem persekolahan tersendiri di samping giat menerbitkan karya-karya intelektual mereka dalam bidang islamisasi.⁴⁹

Dalam usaha menyebarluaskan pemikiran ABIM tentang pendidikan, ABIM mula menerbitkan Jurnal Pendidikan Islam pada tahun 1984. Jurnal ini menyediakan ruang kepada penyelidik, penulis dan ahli-ahli akademik mengemukakan hasil karya

⁴⁶ Rosnani Hashim, “Membina Generasi Berimu: Menilai Sumbangan ABIM dalam Pendidikan,” dalam *Risalah ABIM* September 2001. hlm. 7-10.

⁴⁷ Siddiq Fadhil, *Garis-Garis Besar Haluan Perjuangan*, Ucapan Dasar Mukhtar Senawi ABIM ke-11 bersamaan 3 September 1983 di Dewan Al Malik Faisal, Maktab Perguruan Islam, Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan. hlm. 1-3.

⁴⁸ Siddiq Fadhil, *Koleksi Ucapan Dasar Mukhtar Sanawi ABIM: Mengangkat Martabat Umat*: Dewan Pustaka Islam: Petaling Jaya, 1989, hlm. 13-15.

⁴⁹ Temu bual dengan Siddiq Fadzil di pejabatnya di Kolej Darul Hikmah, Kajang pada 21 Januari 2009.

dalam pelbagai aspek mengenai falsafah pendidikan, teori-teori pendidikan Islam, hasil kajian ilmiah, perubahan dan perkembangan kurikulum dalam semua peringkat persekolahan, pengislaman ilmu, ulasan buku dan persoalan semasa mengenai pendidikan Islam dan lain-lain.⁵⁰

Kemasukan Anwar Ibrahim ke dalam UMNO pada tahun 1982 telah memberi ruang kepada ABIM untuk turut serta dalam proses keislaman negara. Sewaktu Anwar Ibrahim menjawat Menteri Pendidikan, beliau turut serta membawa idea islamisasi yang diperjuangkan oleh ABIM dalam menggubal Falsafah Pendidikan Negara dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM). Memandangkan ABIM dianggotai oleh banyak intelektual terutamanya yang berkhidmat di institusi pengajian tinggi membolehkan mereka memberi input intelektual dalam pembinaan dasar yang baru ini.⁵¹ Aktivis ABIM juga telah mendesak kerajaan untuk membentuk falsafah pendidikan, manakala beberapa intelektual ABIM yang berkhidmat di Kementerian Pendidikan memainkan peranan yang aktif menyebar luaskan fahaman pendidikan bersepadu dalam pembentukan falsafah pendidikan, antara tokoh terpenting ialah Ahmad Mohammad Said yang berkhidmat di Pusat Perkembangan Kurikulum.⁵²

⁵⁰ Contoh beberapa artikel dalam Jurnal Pendidikan Islam terbitan ABIM. Wan Mohd Nor Wan Daud, 'Konsep Ilmu dan Implikasi kepada Perkembangan Kurikulum', *Jurnal Pendidikan Islam* (Kajang), 2:1, Januari 1989 / Jamadilakhir 1409, hlm.21-35, Zaini Ujang, 'Tinjauan Terhadap Pendidikan Bersepadu: Satu Sorotan dalam Pengajian Kejuruteraan Alam Sekitar', *Jurnal Pendidikan Islam* (Kajang), 2:1, Januari 1989 / Jamadilakhir 1409, hlm. 36-47. Awang Sariyan, 'Pengislaman Pendidikan Bahasa : Suatu Pernyataan Awal', *Jurnal Pendidikan Islam* (Kajang), 8:2, Disember 1998 / Sya'ban 1419, hlm.51-76. Ahmad Mohammad Said, Haji, 'Islamisasi Pendidikan: Peranan Pendidik', *Jurnal Pendidikan Islam* (Kajang), 8:3, November – Disember 1999 / Rejab – Syaaban 1420, hlm.21-30. Nor Zalmiah Jahidin, 'Islamisasi Pendidikan di Sekolah: Prospek dan Masalah', *Jurnal Pendidikan Islam* (Kajang), 8:3, November – Disember 1999 / Rejab – Syaaban 1420, hlm. 43-54.

⁵¹ Shaharuddin Badarudin. 2016. *Masyarakat Madani dan Politik: ABIM dan Proses Demokrasi* Shah Alam: IDER. hlm . 71.

⁵² Di antara aktivis ABIM yang gigih ialah Hj Ahmad Said, mantan Ketua Perhubungan ABIM ini ialah antara pegawai kanan di Kementerian Pelajaran, idealisme islamisasi ABIM telah dikembangkan di Kementerian Pendidikan melalui ceramah, pembentangan kertas kerja dan sesi dialog. Di peringkat awal ia mendapat tentangan daripada pegawai kanan yang lain. Walau bagaimanapun usaha beliau ini diteruskan sehingga mendapat sambutan daripada warga kementerian. Temu bual penulis dengan Ahmad Mohammad Said di Pejabat Kolej Dar al Hikmah, Kajang pada 9.30 pagi 21 Januari 2009.

Usaha yang serius dan berjaya meyakinkan beberapa tokoh penting di Kementerian Pendidikan ketika itu serta peranan Anwar Ibrahim sebagai Menteri Pendidikan menyebabkan kerajaan mula melancarkan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang pertama. Falsafah Pendidikan Negara yang dilancarkan pada 1987 berbunyi:

“Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah untuk melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat serta negara”.⁵³

Kewujudan falsafah ini menyebabkan semua pihak terutamanya pendidik dan ibu bapa tidak ragu-ragu lagi dengan hasrat, nilai dan hala tuju sistem pendidikan negara. Dalam penyata falsafah tersebut, dapat dilihat dengan jelas hasrat dan hala tuju pendidikan yang bercorak individu dan juga masyarakat. Kalau diteliti dengan mendalam kandungan kedua-dua falsafah tersebut adalah sama dengan falsafah pendidikan ABIM yang dirangka lebih lama. Falsafah Pendidikan ABIM seperti berikut,

“ Pendidikan adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang harmonis dan seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, berdasarkan kepercayaan kepada Allah untuk melahirkan insan yang berilmu pengetahuan, beriman dan berakhlak mulia, berketrampilan, bertanggungjawab sebagai hamba dan khalifah yang boleh memberi sumbangan terhadap ummah.”⁵⁴

Kedua-duanya selaras iaitu ke arah melahirkan insan yang baik dan sekali gus merupakan anggota masyarakat dan warganegara yang cemerlang. Pembentukan falsafah pendidikan negara ini menunjukkan bahawa idea islamisasi pendidikan yang diperjuangkan ABIM telah berjaya diurusperdanakan.

⁵³ *Falsafah Pendidikan Kebangsaan*. Kementerian Pendidikan Malaysia: Kuala Lumpur.

⁵⁴ Lihat Falsafah Pendidikan ABIM dalam Mahyuddin Ashaari, “ Pendidikan Sekolah Rendah, Menengah dan Tahfiz ABIM: Rasional Falsafah, Kurikulum dan Operasi” , *Jurnal Pendidikan Islam*. Jilid 13. Bil 1. Ogos 2008. hlm. 18.

Menurut Osman Bakar, falsafah ini mengandungi konsep utama seperti insan yang seimbang dan harmonis sebagai matlamat terpenting pendidikan, pendidikan adalah proses yang berterusan serta bertujuan memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu termasuk potensi intelek dan rohaninya. Proses ini juga didasarkan kepada kepercayaan dan kepatuhan kepada tuhan untuk membentuk warganegara yang baik, berguna dan berakhlak dan juga sebagai matlamat pendidikan dan pencapaian kesejahteraan diri diharmonikan dengan pencapaian kesejahteraan masyarakat dan negara.⁵⁵ Adalah jelas bahawa falsafah pendidikan negara yang dinyatakan di atas selaras dengan kehendak ajaran Islam dan menunjukkan adanya beberapa perubahan konsep asasi sifatnya kepada falsafah pendidikan negara sebelumnya. Keenam-enam perkara yang tersenarai di atas merupakan prinsip-prinsip pendidikan negara yang diutarakan oleh Islam. Oleh itu daripada segi teori, falsafah pendidikan negara kini tidak boleh dianggap sebagai sekular.⁵⁶

Aktivis ABIM yang berkhidmat di Kementerian Pendidikan telah mengadakan beberapa siri penerangan dan menyebarkan pelbagai konsep baru kurikulum yang lebih bersepadu sifatnya. Hasil usaha yang serius ini telah menyebabkan Kementerian Pendidikan pada tahun 1987/1988 menggantikan kurikulum menengah yang sepatutnya dinamakan kurikulum baru sekolah menengah dengan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM).⁵⁷ Langkah ini adalah bertujuan memastikan semua mata pelajaran yang diajar tidak terpisah antara satu sama lain, malahan berkaitan dan bersifat sepadu. Unsur utama yang digunakan untuk mewujudkan kesepaduan ini ialah nilai. Kesepaduan

⁵⁵ Osman Bakar, "Implikasi Gerakan Dakwah Terhadap Pendidikan Negara" dalam *Gerakan Dakwah dan Orde Islam di Malaysia: Strategi Masa Depan*. Petaling Jaya: Selangor. ABIM, 1993. hlm. 51

⁵⁶ Ibid., hlm. 51.

⁵⁷ Temu bual penulis dengan Hj Ahmad Said Muhammad pada 21 Januari 2009, lihat juga tulisan beliau Ahmad Muhammad Said, *Menyoroti Perkembangan Pendidikan Bersepadu dalam Sistem Pendidikan Negara*, dalam pasca Sidang Pendidikan Tinggi Islam 1-V. Kolej Dar al Hikmah : Kajang, 2009. hlm.73-80.

ini merupakan salah satu ciri khas pemikiran islamisasi ABIM yang bersifat sepadu dan menolak dualisme.⁵⁸

Memandangkan perubahan kurikulum adalah penting. Projek merubah kurikulum yang bersesuaian dengan semangat Islam adalah sangat penting. Kurikulum merupakan teras kepada sesebuah institusi pendidikan sehingga dianggap sebagai ratu dalam ilmu pendidikan. Jika kurikulum bersifat responsif, dinamik, vibran dan kreatif, ia bukan sahaja mampu memberikan institusi tersebut kemampuan daya saing, malahan hasrat dan cita-cita luhurnya dapat direalisasikan. Membina kurikulum yang tepat sangat penting kerana ia adalah komponen yang mencerminkan falsafah pendidikan sesebuah institusi pendidikan dan merupakan mekanisme bagi mencapai matlamat sesuatu institusi. Kebanyakan institusi pendidikan di negara Islam meminjam keseluruhan atau sebahagian daripada kurikulumnya daripada Barat yang mendokong falsafah sekular yang menyebabkan sistem pendidikan di negara umat Islam bermasalah.⁵⁹

Islamisasi kurikulum juga merupakan satu proses mengislah atau memurnikan kembali keseluruhan gagasan, struktur, matlamat dan reka bentuk kurikulum supaya kembali kepada ajaran Tauhid. Ia merupakan satu bentuk pembaharuan kurikulum dalam kategori perubahan metamorphistik di mana ia merombak hampir kesemua struktur kurikulum yang sedia ada untuk diolah semula supaya bertepatan dengan roh dan matlamat asal pendidikan Islam.⁶⁰

Sebagai langkah permulaan kepada proses Islamisasi kurikulum di Malaysia, Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (1983) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah

⁵⁸ Ibid.,

⁵⁹ Noor Hisham Md Nawi, *Konseptualisasi Pendidikan Islam*. hlm.264.

⁶⁰ Ibid. hlm.251

Menengah (1988/89) diperkenalkan dengan konsep pendidikan bersepadu. Kurikulum sekolah rendah yang dahulu dikenali sebagai Kurikulum Baru Sekolah Rendah telah diselaraskan dengan Falsafah Pendidikan Negara pada tahun 1993/94. Semenjak itu ia dikenali sebagai Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR).⁶¹

Konsep pendidikan sepadu ini telah diilhamkan dan diterima sejak 30 Oktober 1984. Kementerian Pendidikan telah melaksanakan penggunaan strategi bersepadu ini di peringkat sekolah menengah yang dinamakan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM). Dalam hal ini, Laporan Kabinet 1979 dan Falsafah Pendidikan Negara (FPN) telah menggariskan beberapa perkara sebagai landasan kepada penggubalan KBSM. Antaranya, Laporan ini menekankan kepentingan pendidikan akhlak dan agama sebagai matlamat pendidikan di samping kepentingan pendidikan untuk pembangunan ekonomi negara.⁶² Langkah ini adalah bertujuan untuk memastikan semua mata pelajaran yang diajar tidak terpisah di antara satu sama lain, malahan berkaitan berkaitan dan bersifat bersejarah. Unsur utama yang telah digunakan untuk mewujudkan kesepaduan itu ialah unsur nilai. Unsur nilai yang dimaksudkan di sini ialah nilai-nilai murni. Nilai-nilai ini dari segi kognitifnya akan disisipkan melalui semua mata pelajaran.⁶³

Selain penglibatan ABIM melalui pegawainya yang berkhidmat di Kementerian Pendidikan, ABIM sendiri secara organisasi turut serta memperkukuhkan Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM) dengan mengadakan beberapa program yang dianjurkan, contohnya Bengkel KBSM telah diadakan pada 28 September 1986 di Kajang dengan dihadiri oleh 30 peserta.⁶⁴ Bengkel ini menyediakan maklum balas

⁶¹ Ahmad Mohammad Said, *Dualisme Dalam Pendidikan*. hlm. 16.

⁶² Ibid., hlm. 14

⁶³ Ibid.

⁶⁴ *Laporan Tahunan Muktamar Senawi ke-15*, 6 Disember 1986. hlm. 1-7.

terhadap KBSM kepada Kementerian Pendidikan Malaysia. Perbincangan diadakan untuk menyediakan draf kurikulum dan falsafahnya serta memberi kefahaman kepada masyarakat. ABIM juga menganjurkan Simposium Pendidikan di Universiti Islam Antara Bangsa Malaysia (UIAM) pada 19 dan 20 September 1987 dengan tema *Cadangan Perlaksanaan KBSM*. Simposium ini dihadiri oleh ahli ABIM dan pegawai-pegawai kerajaan dan kehadiranannya mencecah 200 orang.⁶⁵

Dalam simposium tersebut, dua kertas kerja telah dibentangkan iaitu *KBSM Menurut Pandangan Kami* dan *Cadangan Perlaksanaan KBSM di dalam Masyarakat Majmuk*.⁶⁶ Kesan daripada ABIM menganjurkan simposium ini maka KBSM mengalami perubahan dan penerapan nilai Islam serta turut memberikan impak positif terhadap pendidikan di Malaysia. Untuk memberi kefahaman terhadap pendidikan Islam dan konsep ilmu bersepadu yang diperkenalkan oleh ABIM maka dianjurkan Muzakarah Pendidikan ABIM I yang diadakan pada 3 April 1988 bertemakan *Muzakarah Isu Semasa dalam Pendidikan Negara*. Muzakarah ini dihadiri 30 peserta dan Muzakarah Pendidikan Islam II pula diadakan pada 23 Oktober 1988 dan dihadiri oleh 150 peserta.⁶⁷

Penubuhan Universiti Islam Antarabangsa pada tahun 1982 juga dikaitkan dengan sumbangan idea intelektual ABIM. Memang diakui jasa Perdana Menteri ketika itu yang memberi ruang dan kebenaran untuk melaksanakan Islam juga merupakan faktor besar dalam perkembangan islamisasi tetapi dengan bantuan Anwar Ibrahim dan intelektual ABIM yang menjayakan program tersebut telah merealisasikan penubuhannya.⁶⁸ Kewujudan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) boleh

⁶⁵ *Laporan Tahunan Muktamar Senawi ke-16*, 4-7 Disember 1987. hlm 2-6.

⁶⁶ Ibid.,

⁶⁷ *Laporan Tahunan Muktamar Senawi ke 17*, Disember 1988. hlm. 1-8.

⁶⁸ Muhammad Nur Manuty, "Anwar Ibrahim dan Perjuangan Penubuhan Universiti Islam". dalam *Jejak Seorang Pejuang*. IDE Research: Shah Alam. 2015. hlm. 34-36.

dianggap sebagai kejayaan Malaysia melahirkan sebuah pusat pengajian tinggi yang diharap dapat memenuhi aspirasi dan cita-cita umat Islam di negara ini ke arah menyediakan pendidikan Islam peringkat tinggi yang bersepadu.

Dakwah Melalui Institusi Pendidikan

Dalam usaha menyebarkan dakwah secara berkesan. ABIM mengambil pendekatan dengan menubuhkan beberapa institusi pendidikan bagi menyebarkan idea islamisasi yang menjadi asas perjuangannya. Pada peringkat awal proses penyebaran islamisasi pendidikan, aktivis ABIM telah menubuhkan beberapa sekolah pendidikan swasta yang berpaksikan islamisasi ilmu sepadu sebagai institusi sokongan.

Pada tahun 1972, Anwar Ibrahim dan Kamarudin Mohd Noor telah menubuhkan Yayasan Anda di Kampung Baru, Kuala Lumpur yang kemudiannya berpindah ke Lembah Pantai, Kuala Lumpur.⁶⁹ Mulai tahun 1978, Yayasan Anda telah menubuhkan cawangan di Pulau Pinang yang diketuai oleh Dol Malik Kasim dan Syed Muhd Dawillah bin Syed Abdullah.⁷⁰ Pada tahun 1976, aktivis ABIM lepasan universiti tempatan yang terdiri dari Abdul Halim Ismail, Mohd Anuar Tahir, Mohamad Redzuan Othman, Jamaludin Nawawi, Jamaludin Maiden dan Mohammad Munawar menubuhkan Institut Sofar di Ipoh yang merupakan sekolah persendirian yang mencontohi Yayasan Anda.⁷¹ Di Kedah, aktivis ABIM menubuhkan Institut Salman di Sungai Petani, yang

⁶⁹ Yayasan Anda ditubuhkan oleh Anwar Ibrahim dan beberapa aktivis ABIM ketika itu untuk membantu generasi muda Melayu yang tercicir dalam bidang pendidikan. Mereka mengadakan kelas untuk pelajar mengambil peperiksaan STPM dan mendapat sambutan menggalakkan daripada masyarakat ketika itu. Nagata. *The Reflowering Of Malaysian Islam*. hlm. 92. Lihat juga Charles Allers. *Anwar Ibrahim: Evolution Of A Muslim Democrat*. hlm. 53.

⁷⁰ Mahyuddin Ashaari, *Sejarah Pendidikan ABIM*, hlm. 5-21. Mahyiddin Ashaari. *Pendidikan Alternatif Bersepadu*. hlm. 10-13.

⁷¹ Temu bual dengan Anuar Tahir di pejabatnya di Alor Setar pada 12 Mei 2010. Lihat juga Mahyuddin Ashaari, *Sejarah Pendidikan ABIM*, hlm. 5-21.

diasaskan oleh Tahir Ali, Zulkifli Mahmud, Mohd Azmi Abdul Hamid dan beberapa pimpinan ABIM daerah pada tahun 1978.⁷²

Pimpinan ABIM Kedah yang lain seperti Fadzil Noor, Ismail Mina, Zainuddin Abd Rashid dan Shafei pula menubuhkan Yayasan Budi di Alor Setar pada tahun 1978.⁷³ Di Terengganu pula aktivis ABIM menubuhkan Institut Berakan pada tahun 1976 yang diasaskan oleh Abu Bakar Cik, Abu Bakar Abdullah dan Abdul Ghani Ambak.⁷⁴ Manakala aktivis ABIM Sabah menubuhkan Yayasan Budi pada tahun 1982 di Kota Kinabalu yang dipelopori oleh Amen Senen dan Sapawi Ahmad.⁷⁵ Penubuhan beberapa persekolahan swasta ini telah menjadi medium utama penyebaran idea-idea islamisasi ABIM pada peringkat awal kepada golongan terpelajar. Sebagai contoh, sejumlah pelajar Institut Sofar, Ipoh bukan sahaja berjaya cemerlang dalam bidang akademik bahkan menjadi peneraju kepada persatuan dan gerakan pelajar di peringkat kampus mahupun di peringkat nasional.⁷⁶

Memahami pentingnya islamisasi pendidikan, pada 22 Oktober 1974, satu rombongan AJK ABIM Pusat yang diketuai oleh Osman Bakar yang merupakan Ketua Biro Pendidikan ABIM telah mengadakan pertemuan dengan Menteri Pelajaran Malaysia ketika itu Dr Mahathir Mohammad. Pertemuan ini diadakan bagi menyampaikan keprihatinan ABIM tentang dasar pelajaran dan pendidikan. Lanjutan daripada pertemuan ini, ABIM telah menyediakan satu memorandum lengkap kepada Menteri Pelajaran, yang mana kandungan memorandum tersebut antara lain menegaskan,

⁷² Mahyuddin Ashaari, *Sejarah Pendidikan ABIM*, hlm. 5-21. Lihat juga Muhyiddin Ashaari. *Pendidikan Alternatif Bersepadu*. hlm. 10-13

⁷³ Ibid., hlm 7-8.

⁷⁴ Temu bual dengan Abu Bakar Chik pada 13 Jun 2010 di Kuala Lumpur. Lihat juga Mahyuddin Ashaari, *Sejarah Pendidikan ABIM*, hlm. 5-21. Lihat juga Muhyiddin Ashaari. *Pendidikan Alternatif Bersepadu*. hlm. 10-1

⁷⁵ Ibid., hlm. 5-21.

⁷⁶ Temu bual dengan Anuar Tahir mantan guru di Institut Sofar pada 12 Mei 2010 di Alor Setar.

“Dalam usaha kita untuk melahirkan dan menghidupkan satu sistem pendidikan yang sihat dan dinamis di Malaysia, kita harus mengkaji perspektif pendidikan pada keseluruhannya. Berdasar bukan sahaja sejarah mengenai tamadun-tamadun lain pada zaman silam. Di samping itu, kita hendaklah mengambil pengajaran daripada pengalaman politik, ekonomi dan sosial negara-negara Barat, yang mengamalkan pendidikan sekular, betapa sistem itu telah gagal melahirkan masyarakat yang sejahtera dan bahagia, adil dan saksama serta berakhlak tinggi, meskipun pembangunan kebendaan telah mencapai satu taraf yang tidak ada tolok bandingnya dalam sejarah manusia”.⁷⁷

Perkara yang diutarakan di dalam memorandum tersebut ialah mewajibkan mata pelajaran agama Islam. Memorandum ini telah menggesa Kementerian Pelajaran supaya mengkaji semula kedudukan mata pelajaran agama Islam dalam sistem pendidikan Negara, dari segi struktur dan sukatan pelajarannya, supaya pendidikan agama lebih berkesan. ABIM mencadangkan supaya mata pelajaran agama Islam diwajibkan ke atas semua pelajar Islam dan bukan Islam dari sekolah peringkat rendah hinggalah ke Pusat Pengajian Tinggi. Untuk peperiksaan-peperiksaan utama, di mana Bahasa Malaysia diwajibkan lulus sebagai syarat kelulusan keseluruhan peperiksaan itu, syarat seumpamanya ini juga perlulah dikenakan ke atas mata pelajaran agama Islam. Syor ini adalah sangat penting kerana melalui cara ini, pendidikan akhlak akan menjadi keutamaan dalam kalangan guru dan para pelajar.⁷⁸

Satu dari soal pokok yang diutarakan di dalam memorandum itu ialah mengenai konsep dan falsafah pendidikan Islam. ABIM telah menganjurkan agar Kementerian Pelajaran pada masa itu menyediakan buku teks tentang konsep dan falsafah pendidikan Islam untuk kegunaan para guru dan pelatih di Maktab-maktab Perguruan dan juga para pensyarah Pusat Pengajian Tinggi. Amat perlu bagi golongan ini untuk memahami

⁷⁷ Osman Bakar, *Implikasi Gerakan ABIM Terhadap Sistem Pendidikan di Malaysia*, hlm 11. Lihat juga Mohd Jamil Mukmin, *Gerakan Islam di Malaysia*, hlm. 123-150. Lihat *Memorandum Pelajaran ABIM 1974*. Fail Arkib ABIM.

⁷⁸ Ibid.,

konsep dan falsafah pendidikan Islam supaya timbul kesedaran dan rasa tanggungjawab untuk memperjuangkan matlamat pendidikan tersebut.⁷⁹

Perkara ketiga yang terkandung di dalam Memorandum Pelajaran 1974 itu ialah mengenai masalah kekurangan guru-guru agama. Mengikut penilaian ABIM pada masa itu, kekurangan guru-guru agama sama ada dari segi kuantiti dan kualiti adalah sangat buruk jika dibandingkan dengan masalah kekurangan guru-guru dalam mata pelajaran lain. Masalah ini bukan sahaja berlaku di sekolah-sekolah luar bandar tetapi juga di bandar. Bagi menyelesaikan masalah ini ABIM telah mengemukakan dua syor iaitu syor jangka pendek mengadakan kursus semasa cuti sekolah untuk guru-guru agama. Sementara dari segi jangka panjang pula ialah mengesa kementerian supaya menubuhkan Maktab Perguruan Islam dengan tujuan bagi melatih guru-guru agama untuk mengajar mata pelajaran agama Islam di sekolah-sekolah. Perkara keempat yang dibangkitkan oleh ABIM di dalam memorandum yang berkenaan ialah mengenai penubuhan Universiti Islam di negara ini. Dalam konteks ini ABIM telah mendesak kerajaan supaya membuat satu pendirian tentang penubuhan Universiti Islam. ABIM juga telah mendesak kerajaan supaya menubuhkan Suruhanjaya untuk mengkaji dan menyediakan laporan lengkap mengenai perkara ini.⁸⁰

Dalam konteks ini ABIM telah mendesak kerajaan supaya membuat satu pendirian tentang penubuhan Universiti Islam dan menubuhkan Suruhanjaya untuk mengkaji dan menyediakan laporan lengkap mengenai perkara ini.⁸¹ ABIM sebagai kumpulan pendesak selain menyediakan memorandum juga telah melaksanakan program pendidikan yang difikirkan sesuai. Menurut Osman Bakar, dalam mendesak pihak kerajaan melaksanakan sesuatu perkara yang bersifat dasar, biasanya ABIM juga

⁷⁹ Ibid.,

⁸⁰ Mohd Jamil bin Mukmin, *Gerakan Islam Di Malaysia*. hlm.36

⁸¹ Ibid.,

menyarankan cara perlaksanaannya.⁸² Oleh itu, ABIM memulakan usaha dakwah dalam membentuk sendiri institusi pendidikan contoh dengan menubuhkan TASKI.

Memorandum Pelajaran 1974 yang dikemukakan ABIM kepada Kementerian Pelajaran sangat menitikberatkan pendidikan tadika dan meminta kerajaan menyelaraskan pelajaran yang diberikan kepada tadika di seluruh negara bagi menjamin perkembangan sihat tadika-tadika berkenaan, selaras dengan matlamat pendidikan negara.⁸³ Menurut memorandum itu lagi, pengawasan ke atas perjalanan tadika-tadika yang dianjurkan oleh badan-badan atau pertubuhan-pertubuhan asing harus mendapat perhatian untuk mengekalkan kanak-kanak Malaysia yang mengikutinya daripada terpengaruh dengan fahaman dan kebudayaan asing. Sebuah jawatankuasa khas hendaklah ditubuhkan untuk menentukan prinsip-prinsip penubuhan-penubuhan dan perjalanan tadika-tadika.⁸⁴

Timbul idea dan perbincangan dalam kalangan aktivis ABIM untuk mengadakan pendidikan pra sekolah kerana pada waktu itu belum terdapat kelas pendidikan pra sekolah di Malaysia. ABIM Kedah di bawah pimpinan Niamat Yusuf menubuhkan TASKI pada tahun 1975 dengan mengguna pakai kurikulum percubaan. ABIM Kedah juga turut menganjurkan Kursus Perguruan TASKI pertama pada tahun 1979 di Sekolah Makrimul Akhlak, Langgar yang dihadiri seramai 24 orang guru yang mengikuti kursus ini selama lapan bulan. Pensyarahnya terdiri daripada Niamat Yusuf, Ghazali Abdullah, Abu Bakar Awang, Ibrahim Yaacob dan Syeikh Ahmad Abdullah.⁸⁵

⁸² Osman Bakar, *Implikasi Gerakan ABIM Terhadap Sistem Pendidikan di Malaysia*. hlm. 11.

⁸³ Mohd Jamil bin Mukmin, *Gerakan Islam Di Malaysia*. hlm.36

⁸⁴ Osman Bakar, *Implikasi Gerakan ABIM Terhadap Sistem Pendidikan di Malaysia*. hlm. 11.

⁸⁵ Mahyuddin Ashari, *Sejarah Pendidikan ABIM*, hlm. 1-9. Lihat juga Muhyiddin Ashaari. *Pendidikan Alternatif (Bersepadu) : Pengalaman dan Cabaran ABIM dalam Pendidikan Formal Selama Dua Dekad*. Kajang: Yayasan Takmir Pendidikan. 2011. hlm. 13-21.

Pada tahun 1981 ABIM telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa Tetap Kurikulum Taman Asuhan Kanak-kanak Islam (TASKI) yang diketuai oleh Dr Muhammad Nor Manuty untuk menyusun kurikulum. Jawatankuasa ini telah menghasilkan draf pertama yang dilancarkan pada Muktamar *Sanawi* ABIM Pusat pada tahun 1982 di Kolej Islam Kelang, Selangor. Draft awal ini mengandungi tujuan dan objektif pendidikan TASKI, sukatan pelajaran, kaedah perlaksanaan, penilaian dan pengukuran.⁸⁶ Setelah itu beberapa TASKI baru telah ditubuhkan, antara yang terawal ditubuhkan ialah TASKI al Huda, Peringgit, Melaka pada Januari 1979, TASKI Teras, Jernang, Selangor dan TASKI Masjid Batu Hampar, Pendang, Kedah. Pada tahun 1983 TASKI mula ditubuhkan di seluruh negara dan bilangannya meningkat kepada 69 buah di seluruh negara. Peningkatan ini amat memberangsangkan sehingga pada tahun 2002, TASKI mempunyai 20,000 orang murid dan 976 guru.⁸⁷

Idea ini terus berkembang dengan penubuhan Kelas Tahfiz al-Quran yang kebanyakannya ditubuhkan di Selangor, Pahang, Kuala Lumpur dan Kelantan. Kurikulumnya telah digubal oleh Abdul Halim Muhammady yang bertujuan untuk menampung murid lepasan TASKI yang telah memasuki sekolah rendah. Pada tahun 2005, terdapat 65 buah kelas tahfiz al-Quran di seluruh Malaysia dengan bilangan pelajar ialah 7725 orang dan mempunyai guru seramai 284 orang.⁸⁸ Perkembangan idea islamisasi pendidikan ini terus berkembang dengan penubuhan Sekolah Rendah Islam (SERI). Biro Pendidikan ABIM Pusat telah menganjurkan tiga siri muzakarah

⁸⁶ Mahyudin Ashari, *Pendidikan Sekolah Rendah, Menengah dan Tahfiz ABIM*. hlm. 2-9. Abdul Rahman Kurais, *Laporan Biro Pendidikan ABIM*. ABIM, 1996. Lihat juga Abdul Aziz Jemain, "Taman Asuhan Kanak-kanak Islam ABIM", Kertas Kerja dibentangkan di Seminar Pendidikan Kebangsaan ABIM, Julai, 2002.hlm. 1-10.

⁸⁷ Ibid.,

⁸⁸ Ibid.

pendidikan peringkat kebangsaan bagi membincangkan secara mendalam mengenai aspek pendidikan terutamanya asas pembentukan kurikulum.⁸⁹

Sebuah jawatankuasa khas ditubuhkan untuk merangka dan menyediakan kurikulum SERI yang dipengerusikan oleh Abdul Rahman Kurais. Biro Pendidikan ABIM pula telah menganjurkan siri-siri bengkel mengenai kurikulum, islamisasi mata pelajaran, panduan guru, buku teks dan latihan guru. SERI pertama ditubuhkan pada 3 Januari 1989 oleh ABIM Pusat yang beroperasi di Pusat Latihan ABIM, Kampung Sungai Ramal Dalam, Kajang, Selangor dengan menggunakan Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah Kementerian Pendidikan.⁹⁰ Pada tahun 1989, dua buah sekolah di Kedah iaitu SERI ABIM Alor Setar dan SERI ABIM Sungai Petani dan satu di Kelantan iaitu SERI ABIM Al Hikmah di Tanjung Mas, Kota Bharu telah ditubuhkan. SERI ABIM Johor juga telah ditubuhkan pada tahun 1990 di Johor Baharu begitu juga dengan SERI ABIM Negeri Sembilan di Seremban, SERI Al Huda di Gombak (ABIM Wilayah Persekutuan) dan SERI ABIM Pahang di Kuantan. Pada tahun 1993, ditubuhkan SERI al-Ummah Taiping dan SERI al-Ummah Manjung. Sekolah-sekolah ini dikelolakan oleh sebuah lembaga pengelola ABIM Perak dan dalam tahun 2001 juga ditubuhkan SERI Diniah Sungai Bakap, Seberang Perai oleh ABIM Pulau Pinang. Pada tahun 2003, manakala ABIM daerah Hulu Langat menubuhkan SERI al-Hikmah, Taman Sikamat, Kajang.⁹¹

Memandangkan sambutan masyarakat terhadap Sekolah Rendah Islam amat menggalakkan menyebabkan ABIM mula memikirkan dengan serius penubuhan

⁸⁹ Abdul Rahman Kurais, *Laporan Biro Pendidikan ABIM*. ABIM, 1996. Lihat juga Mahyuddin Ashaari, *Sejarah Pendidikan ABIM*, hlm. 5-21. Lihat juga Muhyiddin Ashaari. *Pendidikan Alternatif Bersepadu*. hlm. 13-21.

⁹⁰ *Laporan Biro Pendidikan ABIM dalam Laporan Muktamar Senawi ABIM*, 1996, hlm. 3-5.

⁹¹ Mahyudin Ashari, *Sejarah Pendidikan ABIM*, hlm. 5-23. Lihat juga Muhyiddin Ashaari. *Pendidikan Alternatif Bersepadu*. hlm. 23-35.

Sekolah Menengah Islam (SEMI) bagi menyediakan pendidikan di peringkat sekolah menengah untuk memberi ruang kepada pelajar lepasan sekolah rendah Islam menyambung pelajaran di peringkat sekolah menengah. Bagi memantapkan idea ini Biro Pendidikan menganjurkan Konvensyen Pendidikan Kurikulum Sekolah Menengah Islam yang diadakan pada 25 Jun 1989 di Pusat Latihan ABIM Kajang.⁹² Konvensyen Pendidikan ABIM telah mencadangkan penubuhan SEMI dengan mengambil model Kolej Islam Klang atau Sekolah Menengah Agama Persekutuan (SMKA) dengan kurikulum tambahan dalam pengajian Islam seperti Fiqh dakwah, tafsir dan bahasa Arab di samping berusaha menerapkan nilai-nilai Islam dalam mata pelajaran Sains, Matematik, Sejarah, Bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Sekolah Menengah Islam ABIM pertama ialah Maahad Al Ummah yang ditubuhkan pada 18 Disember 1989 di Chemor, Perak. Beberapa tahun berikutnya ditubuhkan Sekolah Menengah Islam (SEMI) Kajang dan di Seremban pada tahun 1999.⁹³

Pada tahun 2000, Persidangan pendidikan ABIM Perak ke-2 memutuskan penubuhan Maahad Lil Banat di Behrang, Tanjung Malim, Perak manakala ABIM Wilayah Persekutuan menubuhkan Sekolah Menengah al Huda pada tahun 2001 di Taman Koperasi Polis 2, Batu Caves, Selangor. SEMI Diniah pula ditubuhkan pada tahun 2002 di Sungai Bakap, Seberang Perai, Pulau Pinang.⁹⁴ Penubuhan begitu banyak SERI dan SEMI ini sebenarnya memberi ruang yang cukup besar untuk ABIM menerapkan dan menyebarkan fahaman islamisasi ilmu dan pendidikan bersepadu kepada masyarakat yang lebih luas.

Memandangkan ABIM memperjuangkan konsep pendidikan bersepadu sudah tentulah mereka mempraktikan pendidikan bersepadu di intitusi milik mereka dengan

⁹² Ibid.,

⁹³ Ibid.

⁹⁴ *Laporan Mukhtamar Senawi ABIM*, Biro Pendidikan, 2000, hlm. 1-6.

pendekatan ini. Pendidikan bersepadu ABIM terkandung dalam Falsafah Pendidikannya yang tersendiri. seperti berikut,

Pendidikan adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang harmonis dan seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, berdasarkan kepercayaan kepada Allah untuk melahirkan insan yang berilmu pengetahuan, beriman dan berakhlak mulia, berketrampilan, bertanggungjawab sebagai hamba dan khalifah yang boleh memberi sumbangan terhadap ummah.⁹⁵

Pernyataan falsafah ini menjelaskan bahawa pendidikan ialah proses membangun insan yang berlaku sepanjang hayat, dilaksanakan secara sepadu dan menyeluruh. Pendidik juga harus memahami, bahawa manusia adalah makhluk Allah S.W.T. yang terdiri daripada empat komponen utama, iaitu rohani, intelek, emosi dan jasmani. Oleh itu pendidikan Islam boleh melahirkan insan seimbang yang matlamat dan tujuan hidup sebagai hamba Allah s.w.t. , Pendidikan juga adalah untuk mencapai kemajuan di dunia dan kesejahteraan di akhirat dan mampu melahirkan insan yang soleh berperanan membangun ummah dan negara.⁹⁶

Kurikulum SERI ABIM sangat berbeza dengan sekolah harian biasa. ABIM melihat sistem pendidikan yang melahirkan ilmu agama dengan ilmu dunia atau akademik adalah tidak harmonis dan tidak seimbang. Pemisahan unsur-unsur insaniah dalam kurikulum pendidikan sudah pasti melahirkan generasi yang tidak seimbang, yang akan menyebabkan kehidupan generasi akan datang kehilangan matlamat dan pegangan hidup.⁹⁷ Oleh itu Kurikulum Pendidikan Bersepadu dibina dan dicipta untuk memenuhi hasrat membangun manusia yang berilmu, beriman, berakhlak mulia,

⁹⁵ Lihat Falsafah Pendidikan ABIM dalam Mahyuddin Ashaari, "Pendidikan Sekolah Rendah, Menengah dan Tahfiz ABIM: Rasional Falsafah, Kurikulum dan Operasi", *Jurnal Pendidikan Islam*. Jilid 13. Bil 1. Ogos 2008. hlm. 18

⁹⁶ Ibid.,

⁹⁷ Ibid., hlm. 19. Lihat juga Mahyuddin Ashaari, *Sejarah Pendidikan ABIM*, hlm. 5-21. Lihat juga Muhyiddin Ashaari. *Pendidikan Alternatif Bersepadu*. hlm. 23-35.

bertanggungjawab, berketerampilan, berkemampuan membangun kesejahteraan ummah dan mencapai keredhaan Ilahi.⁹⁸

Dari sudut komponen kurikulum Pendidikan Bersepadu adalah terdiri daripada lima Komponen Teras dan empat Komponen Asas. iaitu Komponen Teras mengandungi: Ilmu Tauhid (aqidah), Fiqah Akhlak Islamiyyah, Al-Quran dan Al-Sunnah atau Sirah Nabawiyyah. Manakala Komponen Asas mengandungi; bahasa dan Komunikasi, Kemanusiaan dan Matematik, Sains/Sains Sosial Pembangunan Ilmu Keusahawanan.⁹⁹

Kurikulum pendidikan bersepadu yang dipraktik di Sekolah ABIM meletakkan al-Quran dan As-Sunnah sebagai ilmu teras dan wajib dipelajari sebagai *fardhu' ain*. Sementara ilmu-ilmu lain dibariskan sebagai ilmu asas yang dipelajari mengikut kepentingan dan keperluan, sebagai ilmu *fardhu kifayah* dan disebut juga sebagai ilmu elektif atau pelengkap.¹⁰⁰ Salah satu aspek utama dalam persekolahan ABIM ialah dengan menjadikan pendidikan Al-Quran sebagai Ilmu Teras yang diberi tumpuan khusus.¹⁰¹

Dakwah dengan Masyarakat Bukan Islam

Sebagai sebuah pertubuhan belia Islam yang berasaskan dakwah, ABIM juga mengadakan pendekatan tertentu dalam berdakwah kepada masyarakat bukan Islam. Pertambahan masyarakat bukan Islam yang memeluk agama Islam dari tahun ke tahun telah menggerakkan ABIM untuk mewujudkan suatu organisasi khas bagi membimbing

⁹⁸ Ibid., hlm. 20. Lihat juga Muhyiddin Ashaari. *Pendidikan Alternatif Bersepadu*. hlm. 23-35.

⁹⁹ Ibid., hlm. 21.

¹⁰⁰ Ibid., hlm. 22.

¹⁰¹ Ibid.,

mereka. Pada Muktamar Sanawi ke-12 ABIM Biro Tugas-tugas Khas secara khusus ditubuhkan bagi tujuan tersebut.¹⁰² Aktivis ABIM telah memikirkan secara serius tentang dakwah kepada bukan Islam. Oleh itu diwujudkan *Islamic Outreach ABIM* atau ringkasnya IOA pada 26 Oktober 1986 yang berpusat di 3402, Jalan Ampang Hilir 2, 05000 Kuala Lumpur.¹⁰³ Pada peringkat awal, IOA menggunakan ruang pejabat Kamaruddin Mohd Nor iaitu Setiausaha Agung *WAMY*. Pelancaran IOA telah disempurnakan oleh Siddiq Fadzil, Presiden ABIM ketika itu.¹⁰⁴

Penubuhan IOA bermatlamat menyampaikan syiar Islam, membimbing mereka yang berminat terhadap Islam serta memberi tunjuk ajar kepada saudara-saudara baru Islam. IOA memberi tumpuan terhadap aspek kefahaman masyarakat bukan Islam tentang risalah Islam di samping berperanan sebagai pusat bagi mendapatkan maklumat berkaitan Islam. IOA ditubuhkan bertujuan untuk menerangkan Islam kepada masyarakat bukan Islam menerusi pendekatan yang mudah difahami menurut perspektif yang sebenar. Penubuhannya juga sebagai wahana untuk memberi pendidikan dan bimbingan yang secukupnya kepada mereka yang baru memeluk Islam atau dikenali sebagai saudara baru. Pada masa yang sama berusaha untuk membina serta memupuk semangat ukhuwah Islamiah dalam kalangan mereka menerusi kegiatan anjurannya.¹⁰⁵

ABIM memahami bahawa Malaysia merupakan sebuah masyarakat majmuk. Oleh itu IOA menggunakan pendekatan berlandaskan prinsip keterbukaan, toleransi dan diplomasi dalam penyampaian ajaran-ajaran Islam yang sebenar. Kebanyakan aktiviti IOA khususnya kelas-kelas pengajian menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar, kerana mereka yang baru memeluk agama Islam kurang mahir berbahasa

¹⁰² *Laporan Muktamar Senawi ABIM ke 12*, hlm. 3-5.

¹⁰³ *Laporan IOA*, 2000, hlm. 1-15.

¹⁰⁴ Azizuddin Ahmad, *Laporan IOA*, 18 Jun 2000, hlm. 2.

¹⁰⁵ *Ibid.*,

Malaysia.¹⁰⁶ Namun begitu, bahasa Malaysia dan bahasa ibunda sesuatu bangsa masih digunakan berdasarkan keperluan.

Program-program yang dijalankan oleh IOA adalah menjurus kepada pendidikan daripada segi rohani, jasmani, kebajikan, sosial dan ekonomi berorientasikan kasih sayang dan hubungan kekeluargaan. Pada umumnya, program yang diadakan dapat dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu bimbingan dan pendidikan, kebajikan dan penerbitan yang mana ada bersifat berterusan, konsisten dan bermusim.¹⁰⁷ Program-program IOA dijalankan secara percuma seminggu sekali setiap hari Ahad secara rutin dan berencana. Program hari Ahad merupakan program yang terawal dimulakan dengan bermula operasinya IOA. Program lain juga turut diadakan seperti melawat pesakit di hospital (1990), Program Tajaan Anak-anak Miskin (1991), Program Islamic Care (1995), Pusat Penyelidikan Antara Agama (1996), Telebantu (1996), Kursus Perkahwinan (1996) dan *Study Circle* (1997).¹⁰⁸

IOA juga menyediakan kelas bimbingan dan pendidikan Islam yang mudah difahami khususnya bagi mereka yang ingin memeluk Islam. Program Hari Ahad (*Sunday Programme*) merupakan program terbuka dan menjadi tulang belakang dalam kegiatan dakwah kepada masyarakat bukan Islam. Program ini merupakan aktiviti asas yang bersifat kelas dan dikendalikan seminggu sekali secara percuma setiap hari Ahad. Kelas yang diadakan termasuk kelas pengenalan, kelas asas, kelas pertengahan, kelas muqaddam, kelas bahasa Arab dan tafsir al-Quran.¹⁰⁹ Program ini bertujuan membimbing dan mendidik komuniti bukan Islam ke arah pemahaman dan penghayatan Islam sebenarnya. Pendidikan yang diberi berdasarkan modul-modul yang

¹⁰⁶ Laporan IOA, Fail Sekretariat ABIM Pusat, 2000, hlm. 1-15.

¹⁰⁷ Ibid.,

¹⁰⁸ Ibid., hlm. 8. Lihat juga Laporan IOA 2000, hlm. 1-9.

¹⁰⁹ Laporan Aktiviti IOA, 2000, hlm. 1-10.

telah ditetapkan merangkumi aspek syariat, muamalat dan pendidikan agama secara universal mengenai kebersihan, kesihatan dan lain-lain. Mereka yang datang bukan sahaja untuk memeluk agama Islam tetapi untuk menambah pengetahuan ¹¹⁰

Selain itu, sesi kaunseling atau *Support Group* turut diusahakan antara saudara-saudara baru bagi membincangkan masalah dan kemusykilan tentang Islam. ¹¹¹IOA mengatur strategi tersendiri dalam mengendalikan penyampaian maklumat kepada kelompok bukan Islam yang disasarkan. Bahan-bahan percetakan merupakan salah satu wahana penting dalam merealisasikan matlamat ini. Inisiatif diambil dengan menerbitkan bahan-bahan percetakan seperti pamflet, risalah dan buku-buku tentang Islam dalam bahasa Inggeris. Antara bahan terbitan tersebut ialah *Islam at Glance*, *Moral System of Islam*, *Prophethood in Islam*, *Concept Worship in Islam*, *Concept God in Islam*, *Human Rights in Islam*, *What They Say About Islam*, *What They Say About Muhammad*, *Life After Death*, *You Should Know This Man*, *The Sword of Islam* dan sebagainya.¹¹² Penerbitan ini merupakan bahan WAMY yang telah dibenarkan penggunaannya oleh IOA. Hanya *In Search of Truth* dan *Islamic World View and Way of Life* sahaja merupakan dua terbitan IOA. Bahan-bahan tersebut diedarkan secara percuma kepada orang ramai dengan meletakkannya di tempat-tempat strategik seperti hotel, chalet, pusat-pusat membeli-belah dan tempat-tempat lain yang menjadi tumpuan ramai.¹¹³

Selain daripada program pendidikan, kebajikan dan penerbitan, IOA tidak ketinggalan melebarkan jaringan aktiviti dakwahnya dalam kalangan komuniti orang asli khususnya di Kelantan, Perak dan kawasan sekitar negeri Selangor. Memandangkan

¹¹⁰ *Islamic Outreach ABIM, Aktiviti, 2000*. hlm. 3-5.

¹¹¹ *Islamic Outreach ABIM, 1998*, hlm 3-5.

¹¹² *Laporan Aktiviti IOA, 2000*, hlm. 1-10.

¹¹³ Azizuddin Ahmad, *Islamic Outreach ABIM*, 18 Jun 2000, hlm. 4

kawasan penempatan komuniti orang Asli dibatasi oleh faktor geografi seperti hutan dan tanah berbukit, IOA telah mengambil inisiatif menjalankan program bersama bagi mendekatkan komuniti ini dengan masyarakat luar.¹¹⁴ Penjelasan mengenai Islam diterapkan melalui pelbagai pendekatan sosioekonomi. Bagi memantapkan pemahaman terhadap Islam, komuniti orang Asli yang baru memeluk agama Islam disediakan pelbagai aktiviti khusus untuk memberi bimbingan dan pendidikan kepada mereka. Program yang telah dijalankan oleh IOA ialah penubuhan Pusat Latihan Kaum Asli (PULKA), aktiviti bulan Ramadan dan Sistem Ansar. Semua aktiviti ini dilaksanakan di pusat IOA Ampang Hilir, Kuala Lumpur.¹¹⁵ PULKA merupakan program yang direncanakan khusus untuk mereka yang baru memeluk Islam. Mereka diwajibkan untuk menetap di sini dalam tempoh satu hingga tiga bulan. Mereka yang terlibat akan diberikan kelas-kelas pendidikan tentang Islam dan didedahkan kepada kursus kemahiran seperti pertukangan, teknik menanam yang lebih berkesan dan cara hidup seharian yang menepati tuntutan Islam.¹¹⁶

Selain itu, program bulan Ramadan diadakan bagi membimbing komuniti orang asli yang baru memeluk Islam memahami dan menghayati pengertian Ramadhan dalam Islam. Aktiviti yang dijalankan meliputi berbuka puasa bersama, bersahur dan solat tarawih berjemaah di masjid-masjid berdekatan. Mereka yang mengikuti program ini datang dari pelbagai tempat dan daerah dan dikehendaki tinggal dalam tempoh tertentu di tempat yang dipilih oleh IOA dan terdiri daripada golongan remaja dan orang dewasa.¹¹⁷ Sistem Ansar ataupun Program Keluarga Angkat diadakan khusus bagi komuniti orang asli bagi membimbing dan membantu mereka yang baru memeluk Islam daripada segi sosial, kewangan, pendidikan dan sebagainya. Mereka akan tinggal

¹¹⁴ *Islamic Outreach ABIM*, hlm. 4.

¹¹⁵ *Islamic Outreach ABIM, 2007 Planing*, hlm. 3.

¹¹⁶ *Laporan dan Aktiviti IOA, 2000*. hlm. 3-5.

¹¹⁷ *Ibid.*,

bersama keluarga angkat dalam tempoh tertentu. Program ini dapat membantu mereka mengamalkan cara hidup sebagai seorang Muslim dan meningkatkan keyakinan bahawa hidup bermasyarakat dan hidup beragama adalah penting.¹¹⁸ Secara langsung dapat mengeratkan hubungan antara komuniti orang Asli dengan masyarakat luar.

IOA menyusun operasinya kepada unit-unit yang digerakkan oleh beberapa pasukan sukalerawannya. Salah satu unit yang dikelolakan di bawah IOA ialah *Islamicare Programme* yang diwujudkan pada 2 April 1995 bertujuan membantu mereka yang kurang bernasib baik seperti golongan istimewa, golongan miskin, juvana bermasalah dan penghuni-penghuni rumah kebajikan.¹¹⁹ Satu lagi unit yang turut menyumbang dalam usaha dakwah IOA ialah Projek Komuniti Banting yang dimulakan sejak Januari 1989. Projek ini merupakan aktiviti pembangunan komuniti dalam kalangan saudara baru berketurunan India di Banting, Selangor.¹²⁰ Program ini tidak sekadar menyediakan khidmat bantuan pinjaman kewangan bagi saudara baru yang berhasrat meningkatkan taraf hidup mereka, malah turut menyediakan khidmat sosial yang lain seperti kelas-kelas agama, khidmat klinik bergerak dan mengendalikan latihan dakwah untuk saudara-saudara baru.¹²¹

ABIM dalam kegiatan dakwahnya turut menekankan soal kebajikan seorang Muslim. Oleh demikian, Program Ziarah Pesakit Hospital telah diletakkan sebagai satu unit yang beroperasi di bawah IOA.¹²² Aktiviti program ini diadakan dengan kerjasama Wad Kanser dan Neurologi, Hospital Besar Kuala Lumpur. Program ini bertujuan untuk meringankan bebanan emosi dan fizikal pesakit jangka panjang iaitu mereka yang menghidap penyakit berat dan boleh membawa maut khususnya bagi pesakit yang

¹¹⁸ Ibid.

¹¹⁹ Ibid.

¹²⁰ *Islamic Outreach ABIM, Laporan Projek Banting*, hlm. 3-5.

¹²¹ Ibid.

¹²² *Islamic Outreach ABIM, Planing 2007*, hlm. 9.

datang dari jauh. Sementara bagi pesakit kanak-kanak yang tidak berpeluang ke sekolah kerana berada di hospital akan diajar dengan pelbagai ilmu seperti fardu ain dan didengarkan cerita yang baik daripada pembacaan buku cerita.¹²³ Usaha murni IOA menampakkan kesan yang baik bagi pesakit dan sanak saudara pesakit yang terlibat. IOA menyediakan khidmat kaunseling dan bimbingan untuk para pesakit dan keluarga yang menanggung tekanan emosi akibat dari sakit yang dihadapi. Untuk itu, beberapa petugas sepenuh masa khusus bagi mengawasi pelaksanaan program ini telah diwujudkan bagi melicinkan gerak kerja.¹²⁴

Usaha IOA tidak terbatas dalam lingkungan tempatan sahaja, malah turut merentasi masyarakat bukan Islam dari luar yang berada dalam negara. Kemelut Vietnam pada awal tahun 1990-an telah menyebabkan Malaysia menjadi tumpuan pelarian. Oleh itu, bermula tahun 1991, IOA telah menjalankan program dakwah dalam kalangan pelarian ini yang ditempatkan di Kem Sungai Besi, Kuala Lumpur.¹²⁵ Kelas-kelas pengenalan Islam dikendalikan bagi pelarian Vietnam yang baru memeluk Islam. Bantuan berbentuk keperluan harian dan pengetahuan turut diberikan dalam menjalani kehidupan sebagai seorang Muslim. Sungguhpun kini mereka telah dihantar pulang, namun IOA masih meneruskan hubungan yang telah terjalin dan menyumbang sebarang bentuk bantuan berdasarkan kemampuannya.¹²⁶

Di samping itu, IOA turut menyediakan kemudahan seperti perpustakaan, khidmat kaunseling, penerbitan, aktiviti sosial dan juga kebajikan.¹²⁷ Usaha-usaha yang dilakukan oleh IOA dalam membantu saudara-saudara baru kini menampakkan

¹²³ Ibid.

¹²⁴ *Islamic Outreach ABIM, Program Hospital*, 2000, hlm. 1-3.

¹²⁵ *Islamic Outreach ABIM, Laporan Program Vietnam*, 1996, hlm. 1-9.

¹²⁶ Temu bual dengan Ahmad Azam Abdul Rahman di pejabatnya pada 22 Mei 2010.

¹²⁷ *Islamic Outreach ABIM, Laporan Program Vietnam*, 1996, hlm. 1-9.

kejayaan yang memberangsangkan. Usaha gigih IOA yang tidak jemu mengadakan aktiviti dan pelbagai program telah berjaya meningkatkan jumlah saudara baru. Ini menunjukkan bahawa dakwah terhadap bukan Islam ini mendatangkan implikasi yang besar. Ini dapat dilihat dalam jadual berikut:

Jadual 13: Pemelukan Islam IOA

	L	P	Bawah 25	Atas 25	Malaysia	Bukan Malaysia	
2005	25	26	2	49	22	29	51
2004	46	29	10	65	27	48	75
2003	33	30	10	53	32	31	63
2002	26	23	11	38	22	27	49
2001	43	28	9	62	27	44	71
2000	30	25	5	50	21	34	55
1999	26	10	3	33	16	20	36
1998	19	23	4	38	24	18	42
1997	17	26	2	41	13	30	43
1996	57	32	7	82	29	60	89
1995	73	31	17	87	20	84	104
1994	55	37	21	71	34	58	92
1993	58	30	28	60	6	82	88
1992	61	46	19	88	31	76	107
1991	30	14	0	44	23	21	44
1990	13	13	4	22	17	9	26
1989	38	15	9	44	22	31	53
1988	5	3	0	8	6	2	8
Jumlah	655	441	161	935	392	704	1096

Sumber : Laporan IOA ABIM 2005

Penglibatan Dakwah Pada Peringkat Antarabangsa

Hubungan ABIM dengan gerakan Islam antarabangsa telah bermula seawal penubuhannya lagi dan dikembangkan dengan begitu pesat terutama pada zaman kepimpinan Anwar Ibrahim. Pelbagai jawatankuasa dibentuk oleh ABIM bagi memperjuangkan umat Islam yang tertindas pada peringkat antarabangsa. ABIM menubuhkan Agensi Bantuan Rakyat Malaysia (AMAL) bagi membantu umat Islam di

Afghanistan, perlancaran Tabung Perpaduan Palestin pada 12 Julai 1982 bagi menyalurkan bantuan kepada umat Islam yang tertindas di serata dunia.¹²⁸ Penglibatan secara aktif ABIM dalam *World Assembly Muslim Youth (WAMY)* telah menyebabkan ABIM dikenali sebagai pertubuhan Islam yang penting di Asia.¹²⁹ Perlantikan beberapa pimpinan kanan ABIM menduduki Exco penting dalam *WAMY* seperti bekas Setiausaha Agungnya iaitu Mohd Anuar Tahir sebagai Jawatankuasa Eksekutif Perhimpunan Belia Islam Sedunia (*WAMY*) bagi rantau Asia Tenggara dan Asia Timur, begitu juga dengan Kamaruddin Mohd Nor yang dilantik ke jawatan yang sama sebelum dari itu.¹³⁰

ABIM membantu kelompok minoriti umat Islam di Selatan Thailand yang mengalami penindasan. Sikap simpati ini ditunjukkan dengan terlibat dalam demonstrasi membantah sikap kerajaan Thailand sempena lawatan Perdana Menteri ketika itu iaitu Thanom Titikachon ke Malaysia. ABIM menyiarkan berita-berita berkaitan dengan masalah minoriti umat Islam dalam *Risalah*. Pendedahan ini dikemukakan bagi memperlihatkan isu sebenar masalah umat Islam minoriti.¹³¹

Untuk memperkukuhkan keprihatinan ABIM terhadap masalah umat Islam minoriti di negara lain. ABIM telah mengemukakan resolusi berkaitan dengan nasib minoriti umat Islam pada muktamar ABIM ke 9.¹³² ABIM mengutuk perbuatan pembunuhan beramai-ramai umat Islam di Moradabad, India dengan menyerahkan

¹²⁸ *Risalah*, Tahun Kelapan, 1402/1982 Bil : 3, KDN 0330/82. hlm.17.

¹²⁹ Di antaranya ialah Islamic Centre of Japan, Korea Muslim Student Association, Chinese Muslim Association of Taiwan, Muslim Student Union of Pakistan, Islamic Jamiat-e-Talaba Pakistan, Sri Lanka Muslim Federation, University of Singapore Muslim Society, Brunei State Youth Council, Hong Kong Islamic Youth Association, Young Muslim Association of Thailand, Bangladesh Islamic Charta Shibir, Student Islamic Movement of India, Nepal Muslim Youth Studies Cercle, Dewan Dakwah Indonesia, Australia Federation of Muslim Student Association, Internasional Muslim Association of New Zealand (IMAN) dan Fiji Muslim Youth Organization. Ibid., hlm. 18.

¹³⁰ Kenyataan Akhbar, Setiausaha ABIM dipilih Menduduki Jawatankuasa Eksekutif WAMY, 2 Februari 1993. 10-4, The Right Angle, Jalan 14/22, Petaling Jaya.

¹³¹ *Risalah*, Bil. 4. Vol./ 11/86.hlm.6-7.

¹³² *Risalah*, Bil 4, 1980, hlm. 18-19.

nota bantahan kepada kerajaan India melalui Pesuruhjaya Tinggi India di kedutaan India. Nota bantahan ini diserahkan pada 24 September 1980 oleh Anwar Ibrahim dan Kamaruddin Mohd Noor.¹³³ Pertemuan telah diadakan selama dua jam bagi mendapatkan penjelasan berhubung dengan isu tersebut serta mendesak kerajaan India supaya mematuhi Piagam Bangsa-Bangsa Bersatu. Penglibatan ABIM terhadap isu umat Islam minoriti di negara lain menyebabkan ABIM dianggap cuba campur tangan dalam urusan negara luar. Penglibatan ABIM berkaitan Isu umat Islam di Selatan Thai telah direspon dengan negatif oleh pihak berkuasa Thailand dimana Bangkok Post pada 19 Disember 1980, menyiarkan berita bahawa ABIM terlibat menyokong dan melatih pejuang Pertubuhan Pembebasan Pattani Bersatu (*Pattani United Liberation Organization-PULO*), namun kenyataan tersebut dinafikan oleh ABIM dan menyifatkan bahawa tuduhan itu sebagai fitnah yang sangat keterlaluan terhadap ABIM.¹³⁴

Peranan ABIM terhadap umat Islam minoriti telah mendapat pengiktirafan masyarakat Islam antarabangsa di mana ABIM telah dijemput bagi menghadiri “International Conference for Liberation of Muslim Land” yang dianjurkan oleh Islamic Council of Europe (ICE) pada 24hb hingga 27 Mei 1979. Dalam pertemuan tersebut semua perwakilan sepakat mendesak agar Palestin dan wilayah-wilayah Islam lain dibebaskan dan golongan minoriti Islam diberikan perlindungan khususnya di Cyprus, India, Filipina dan Selatan Thai.¹³⁵ Berkaitan isu umat Islam di Kashmir dimana rakyatnya tertekan dengan keganasan yang dilakukan oleh tentera India turut mendapat perhatian ABIM.¹³⁶ Manakala di Myanmar, masyarakat Rohingya telah didikriminasikan menyebabkan ABIM telah meminta kerajaan Myanmar menghormati hak asasi manusia

¹³³ Ibid., hlm. 18.

¹³⁴ *Risalah*, Bil.5, 1980, hlm.2.

¹³⁵ *Risalah* Bil. 1, 1979, hlm. 24-25.

¹³⁶ Ucapan Dasar Mukhtar Sanawi ke-23, 22 Ogos 1994, Universiti Pertanian Malaysia, lihat juga *Koleksi Ucapan Dasar, ABIM*, 2003, hlm 139-141.

dengan menamatkan segera kegiatan pembunuhan, penindasan, pengusiran dan pemusnahan harta benda serta penahanan tanpa dibicarakan.¹³⁷ Isu-isu hak kemanusiaan sejagat terus diperjuangkan tanpa mengira batas sempadan kenegaraan.

ABIM mengutuk keras tindakan yang dilakukan pelbagai pihak terhadap pencerobohan hak kemanusiaan terhadap umat Islam. ABIM sentiasa menghantar nota-nota bantahan terhadap negara-negara yang melakukan penindasan, begitu juga penghantaran memorandum kepada kerajaan dengan memberikan pandangan berkaitan kedudukan masyarakat Islam seperti yang berlaku di Chechnya, Afghanistan dan Palestin. Ini menunjukkan bahawa usaha ABIM ini juga mempunyai persamaan dengan pendekatan Kerajaan Malaysia ketika itu berkaitan isu-isu sejagat khususnya yang berkaitan dengan isu keamanan dan kemanusiaan sejagat.¹³⁸

Untuk memperkukuhkan kegiatan pada peringkat antarabangsa, ABIM menubuhkan Barisan Bertindak Rakyat Malaysia, yang dikenali sebagai *Malaysian Action Front (MAF)* pada bulan Mei 1992. Ini dibuat untuk menyelaraskan bantuan pada peringkat antarabangsa. Badan ini berfungsi untuk menangani isu-isu kemanusiaan sama ada di peringkat nasional mahupun antarabangsa yang dianggotai oleh NGO termasuklah pertubuhan politik dan agama sebanyak 51 buah pertubuhan.¹³⁹ Matlamatnya untuk mengumpul maklumat dan mengkaji perkembangan politik antarabangsa dan menyuarakan pandangan pertubuhan-pertubuhan rakyat Malaysia khususnya mengenai hak asasi manusia.¹⁴⁰ Berkaitan isu Bosnia, MAF melancarkan Kempen Tandatangan Menentang Militia Serb di Bosnia Herzegovina pada 21 Februari 1993. Kempen tersebut telah diperluaskan ke negara-negara lain yang mempunyai

¹³⁷ Ibid., hlm 140.

¹³⁸ Temu bual dengan Ahmad Azam Abdul Rahman di pejabatnya di Gombak pada 15 Jun 2009.

¹³⁹ *Laporan Tahunan Muktamar Sanawi ke -22, 1992/1993*, hlm.18.

¹⁴⁰ Ibid.

hubungan rapat dengan ABIM, *IIFSO* dan *WAMY*. Penyerahan 15,000 tandatangan kepada Setiausaha Agung PBB dibuat pada 5 Mei 1993 dan perhimpunan dan penyerahan memorandum khas ini dilakukan pada 17 Mei 1993, bagi membantah sikap Barat dan Majlis Keselamatan PBB yang gagal menghentikan keganasan di Bosnia. Selain daripada itu MAF telah mengadakan Perhimpunan Menentang Dominasi Kuasa Besar pada 25 Julai 1993¹⁴¹.

Beberapa tokoh NGO di Malaysia telah memberikan penerangan terhadap isu yang diketengahkan. Mohd. Anuar Tahir selaku Setiausaha ABIM ketika itu memberikan ucapan mengenai dasar negara-negara besar yang tidak seimbang. MAF juga melancarkan Kempen Memboikot Barangan Keluaran Amerika Syarikat pada 10 Ogos 1993. Barangan keluaran Amerika Syarikat seperti *Coca Cola*, *Pepsi Cola*, *Mc Donald*, *Kentucky Fried Chicken*, *Esso*, *Caltex* dan *Marlboro*. Pemboikotan ini dibuat oleh MAF sehingga 24 Oktober 1993.¹⁴² Berdasarkan program-program yang dilancarkan, banyak isu masyarakat umat Islam dapat diketengahkan.

Konflik berkaitan Bosnia telah menyebabkan ABIM mengambil inisiatif untuk membuka pejabat *Malaysia Relief Central-ABIM (MCRA)* di Croatia bagi menguruskan pengagihan bantuan kemanusiaan. ABIM berjaya mengusahakan kemasukan hampir 300 orang pelarian Bosnia ke Malaysia. ABIM berjaya menguruskan kumpulan pertama seramai 100 orang. Badan-badan lain juga terlibat dalam membantu Bosnia seperti PERKIM, PERYATIM dan *Regional Islamic Da'wah Council of Southeast Asia and the Pasific (RISEAP)* di bawah pengawasan Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. MCRA meluaskan operasinya dengan memindahkan pejabatnya ke Sarajevo, Bosnia dan menjadi pusat pelaksanaan program pendidikan,

¹⁴¹ Ibid.,

¹⁴² Ibid., hlm.19.

kesihatan dan pembangunan belia dengan beberapa NGO.¹⁴³ Lebih 10,000 kanak-kanak terbunuh dan 30,000 tercedera di Bosnia.¹⁴⁴

Terbentuknya pejabat MCRA di Sarajevo memudahkan ABIM menyalurkan pelbagai bantuan kepada masyarakat Islam Bosnia. ABIM juga telah membuka pejabat *Malaysia Relief Agency (MRA)* di Uzbekistan setelah negara itu bebas daripada pemerintahan Rusia. ABIM berkerjasama dengan Universiti Malaya untuk menubuhkan pusat pengajian Bahasa Melayu di Universiti Tashkent. Petugas-petugas ABIM dapat menjalankan tugasnya dalam usaha memberikan kesedaran Islam dalam kalangan penduduk Uzbekistan.¹⁴⁵ Walaupun hanya dua tahun iaitu dari tahun 1995 hingga tahun 1996, sukarelawan ABIM mampu memberikan sokongan kepada negara Uzbekistan khususnya dalam hal-hal yang berkaitan dengan amal *Islami*.

Memandangkan terlalu banyak isu yang melanda umat Islam ketika itu menyebabkan ABIM mengambil inisiatif menubuhkan *Global Peace Mision (GPM)* Malaysia pada 26 September 2001 dan ini telah memperkukuhkan lagi penglibatannya pada peringkat antarabangsa.¹⁴⁶ Konflik yang berlaku di Afghanistan akibat serangan oleh Rusia pada 17 Oktober 2001 telah mendorong ABIM untuk melancarkan Misi Keamanan Sejagat (MKS) dan berjaya menggabungkan 78 NGO dalam rombongan misi peninjau ke Peshawar pada 22 Oktober 2002. Pejabat operasi MKS di Peshawar dibuka pada 26 Oktober 2002¹⁴⁷ bertanggungjawab menyalurkan bantuan segera kepada 3,000 pelarian Afganistan di sempadan dan melaksanakan program-program jangka panjang.¹⁴⁸ Misi yang dibawa oleh GPM-ABIM bagi memastikan umat Islam

¹⁴³ Ibid., hlm.79.

¹⁴⁴ *Berita*. Bil. 4/1992/1413, No 18. Tahun Ketiga. Edisi Khas Bosnia. hlm.11.

¹⁴⁵ *Laporan Tahunan Muktamar ABIM ke-31*, 6-9 September 2002. hlm.79.

¹⁴⁶ *Laporan Tahunan Sekretariat Antarabangsa*, Muktamar ABIM ke-34, hlm.70.

¹⁴⁷ Ibid.

¹⁴⁸ Ibid.

yang tidak bernasib baik dapat dibela seperti Afganistán, Kashmir, Pakistan, Sri Lanka, Indonesia, Timar Leste, Cambodia, Vietnam, Australia, Iraq, Iran dan Azerbaijan (pelarian Chechnya).¹⁴⁹

Selain dari itu, ABIM juga turut terlibat membantu masyarakat Muslim Rohingya yang menjadi mangsa kempen penghapusan yang didukung oleh kerajaan mereka sendiri. Pusat Pendaftaran Rohingya ABIM-UNHCR (*United Nation High Commissioner For Refugees*) telah ditubuhkan pada 1 Oktober 2003.¹⁵⁰ Bagi memastikan kebajikan dan nasib mereka terpelihara, ABIM mengusahakan pendaftaran pelarian Rohingya di Malaysia pada tahun 2001 dengan kerjasama pihak UNHCR. Pada bulan Oktober 2003, pihak UNHCR telah memberi mandat kepada ABIM untuk memperbaharui pendaftaran pelarian Rohingya secara lebih terancang dan teratur. UNHCR memberikan segala kemudahan seperti bantuan kewangan dan teknikal kepada ABIM untuk menguruskan pelarian Rohingya.¹⁵¹

Untuk memperkukuh kefahaman Islam terhadap perlarian, ABIM telah mengadakan kelas al-Quran dan kelas fardu ain yang dijalankan di Pejabat ABIM di Anjung Rahmat, Kuala Lumpur. Para pegawai PPRA-ABIM, telah diberi latihan intensif oleh UNHCR dalam berurusan dengan pelarian Rohingya. Pejabat PPRA-ABIM juga telah menerima kunjungan daripada pihak ibu pejabat UNCHR di Geneva. Staf PPRA-ABIM telah melibatkan diri secara aktif dengan pihak UNHCR melalui program-program anjuran UNHCR sejak 9 Mac 1992.¹⁵² ABIM turut berkerjasama dengan Persatuan Perubatan Islam Malaysia (PPIM) dan Berita Harian untuk

¹⁴⁹ Ibid., hlm. 70. Lihat *Siaran Media ABIM*, UHNCR Still has no Room for Rohingya Refugess, 31 Januari 2002, N0-3-2, Jln 46B/26, Pusat Bandar Sri Rampai, Kuala Lumpur. Ibid., hlm. 70.

¹⁵⁰ Pusat Pendaftaran Rohingya ABIM (PPRA)-(UNHCR), ditubuhkan pada 1 Oktober 2003 dengan tujuan untuk memperbaharui pendaftaran pelarian Rohingya yang telah dikenalpasti oleh pihak UNHCR.

¹⁵¹ *Laporan Sekretariat Antarabangsa, Muktamar ABIM ke-33*, hlm.48.

¹⁵² Ibid., hlm.67-68.

menganjurkan kutipan derma Tabung Bantuan Rohingya bagi memberikan kesedaran tentang sikap kerajaan Myanmar terhadap nasib umat Islam Rohingya.¹⁵³

Di antara isu antarabangsa yang menjadi perhatian ABIM secara serius ialah berkaitan umat Islam di Palestin. Sejak awal pertubuhannya, menjalankan beberapa aktiviti bagi membela nasib umat Islam Palestin. Pada 29 November 1979, ABIM telah membuat kenyataan akhbar menyatakan rasa tidak puas hati serta mengutuk penubuhan sebuah negara Israel. ABIM menentang keras sokongan kuasa-kuasa besar terhadap penubuhan sebuah negara haram Yahudi.¹⁵⁴ ABIM konsisten memperjuangkan isu ini dan dalam setiap penerbitan suara ABIM sering memuatkan isu-isu keganasan dan kekejaman Israel Yahudi.¹⁵⁵

Pada setiap Muktamar Sanawi, ABIM menyuarakan pandangan atas penindasan dan kekejaman Israel. Malah dalam muktamar pada tahun 1979, ABIM menggariskan beberapa resolusi berkaitan dengan masalah umat Islam di Palestin dan menentang keras keputusan perjanjian Camp-David pada 29 Mac 1979,¹⁵⁶ iaitu perjanjian antara Mesir dan Israel kerana perjanjian tersebut merupakan perjanjian yang amat merugikan umat Islam Palestin dan negara-negara Arab.

“Adalah tidak munasabah bagi mana-mana pihak untuk mendukung satu keputusan yang diperbuat atas arahan Amerika Syarikat yang ingin menjaga kepentingan sekutunya Israel, dan mengorbankan kepentingan serta hak rakyat Palestin dan Arab yang dijajah dan dicerobohi sekian lama”¹⁵⁷

Sebagai bantahan, ABIM menghantar surat bantahan kepada Presiden Mesir Anwar Sadat, Dr. Kurt Waldheim, Dato’ Husssein Onn dan Yasser Arafat dengan menjelaskan

¹⁵³ Ibid.

¹⁵⁴ *Risalah*, Bil.1.1980, hlm. 14. Tajuk: Perluasan Kuasa Zionis Umat Islam Masih Dikaburi.

¹⁵⁵ Temubual dengan Ahmad Azam Abdul Rahman di pejabatnya di Gombak pada 15 Jun 2009.

¹⁵⁶ Moshe Dayan, *Break Through*, Weidenfeld and Nicolson, London, 1981, hlm.267.

¹⁵⁷ *Risalah*, Bil. 4, 1979, hlm.,22.

pendirian ABIM terhadap isi perjanjian yang amat merugikan umat Islam.¹⁵⁸ Mukhtar Sanawi ABIM tahun 1979 juga telah sebulat suara mendesak pihak kerajaan Malaysia agar menyatakan pendirian tegas dalam menyokong perjuangan Palestin.¹⁵⁹ ABIM turut menganjurkan Perhimpunan Perpaduan Palestin pada 4 Julai 1982 di Dewan Al-Malik Faisal untuk menyokong perjuangan Palestin menghadapi Zionis Israel.¹⁶⁰

“ABIM memainkan peranan yang sangat besar dalam isu Palestin ini. Semangat yang telah ditunjukkan oleh barisan pimpinan ABIM telah memberikan kesedaran yang besar kepada masyarakat Islam. Tabung dilancarkan bagi membantu umat Palestin yang tertindas. Pada 12 Julai 1982, sebanyak \$37,517.40 telah terkumpul setelah pelancarannya dilakukan pada 22 hb. Jun 1982. Malah Setiausaha ABIM, Kamaruddin Jaffar telah mengumumkan kerjasama dengan akhbar Mingguan tanah air untuk menyiarkan ruangan khas senarai nama-nama penderma Tabung Perpaduan Palestin ABIM”.¹⁶¹

ABIM menganjurkan satu perhimpunan besar-besaran bagi mengutuk tindakan Israel dan sikap PBB yang menyebelahi zionis Yahudi.¹⁶² Himpunan tersebut mendapat sambutan dari pelbagai NGO Islam dan orang-perseorangan. ABIM sekali lagi mendesak PBB dan juga OIC supaya lebih prihatin ke atas penderitaan umat Islam di Palestin. Malah ABIM mendesak kerajaan Malaysia agar tidak membuat sebarang hubungan dagangan dengan Israel.¹⁶³ Bagi ABIM keputusan kerajaan Malaysia untuk mengadakan hubungan dagang dengan Israel, walaupun secara beransur-ansur, akan memberi lonjakan moral yang amat diperlukan oleh rejim Zionis untuk mendapatkan pengiktirafan dan status sebuah negara berdaulat Israel. ABIM mengharapkan kerajaan Malaysia menjalinkan hubungan perdagangan yang lebih

¹⁵⁸ *Risalah*, Bil. 2., 1979, hlm.,26. Lihat juga, *Siaran Media*, Ploy Against US-Israel conjugal crimes, 3 July 2002, Anjung Rahmat, Kuala Lumpur.

¹⁵⁹ *Risalah*, Bil, 3., 1978, hlm., 8.

¹⁶⁰ 5hb. Julai 1982, ABIM menghantar kawat bantahan kepada Kerajaan Amerika Syarikat, di Kuala Lumpur, Kepada Setiausaha Agong PBB, dan kepada setiausaha Agung OIC (Organization of Islamic Conference). Lihat ketetapan Perhimpunan Perpaduan Palestin.

¹⁶¹ *Risalah*, Bil. 3/82. hlm. 4.

¹⁶² Rencana Dalam *Risalah* bertajuk “Kemelut Asia barat-Suatu Cabaran Jihad, *Risalah*, Tahun Kelapan 1402/1982 Bil. 3.hlm. 12-13.

¹⁶³ Kenyataan Akhbar ABIM, Hubungan Dagang dengan Israel, 16 Januari 1996/25 Syaaban 1416, 10-4, *The Right Angle*, Jalan 14/22, Petaling Jaya.

bermanfaat dengan Palestin dari Israel.¹⁶⁴ Dalam menyatakan bantahan secara terbuka, ABIM berjaya menghantar nota bantahan kepada Duta Besar, Amerika Syarikat pada 4 Julai 1982. Lebih 1,000 orang hadir mewakili pelbagai pertubuhan dari seluruh masyarakat Malaysia mengiringi nota bantahan tersebut.¹⁶⁵

Pada Muktamar Sanawi ABIM ke-11, ABIM telah membuat resolusi mengenai Palestin. Pimpinan ABIM secara tegas membuat ketetapan untuk terus menyokong perjuangan rakyat Palestin serta mendesak negara-negara Islam supaya bersatu dalam mencari penyelesaian yang mutlak dan muktamad dengan menggunakan segala pengaruh dan kuasa ekonomi serta ketenteraan yang ada pada mereka bagi jihad untuk membebaskan Baitul Maqdis dan mewujudkan negara Palestin yang merdeka dan berdaulat.¹⁶⁶

ABIM berpandangan bahawa kaedah perundingan bagi penyelesaian konflik yang berlaku dengan Israel dan kuasa-kuasa Barat hanya merugikan umat Islam. Oleh sebab itu, ABIM mendesak negara-negara Islam bersatu bagi menyelesaikan masalah Palestin dan berusaha ke arah pembebasan Baitul Maqdis. ABIM turut melancarkan penubuhan Tabung Perpaduan Palestin (*Palestine Solidarity Fund*) bagi membantu penderitaan rakyat Palestin yang tertindas akibat serangan biadab Israel ke atas Lubnan. Pengumuman penubuhan tabung tersebut dilakukan oleh Kamaruddin Jaffar di satu sidang akhbar pada 22 Jun 1982 di Ibu Pejabat ABIM.¹⁶⁷ Pada 12 Jun 1982, ABIM mengutus tiga pucuk surat kawat kepada Yasser Arafat, pemimpin Pertubuhan Pembebasan Palestin (PLO), Setiausaha Pertubuhan Negara-negara Islam(OIC) di

¹⁶⁴ Ibid.

¹⁶⁵ Nota Bantahan kepada Duta Besar Amerika Syarikat di Kuala Lumpur dari Perwakilan Masyarakat Islam Malaysia

¹⁶⁶ *Resolusi-resolusi Muktamar ABIM ke-XI*, 5 September 1989. Kuala Lumpur, hlm., 5.

¹⁶⁷ *Risalah*, Bil.3/82. Serangan biadab Israel di Lubnan; ABIM Lancar "Tabung Perpaduan Palestin" hlm. 17.

Jeddah dan Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di New York.¹⁶⁸ Kesungguhan ABIM mengutuk serangan Israel, dengan menghantar surat kawat menegaskan sikap ABIM mengutuk keganasan Israel. Pada 17 Jun 1982, ABIM menghantar sepucuk surat kawat berasingan kepada Duta Besar Amerika Syarikat di Kuala Lumpur. Kandungan penuh kawat tersebut adalah seperti berikut:

“Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) merakamkan bantahan sekeras-kerasnya terhadap penggunaan undi pembatal Amerika Syarikat di Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (MKPBB) bagi menghalang resolusi yang menggesa diberhentikan segera kekejaman dan jenayah terbaru Zionis Israel ke atas rakyat Palestin dan Lubnan. Oleh yang demikian, kita ingin mengulangi sikap kita untuk menyokong sepenuhnya perjuangan hak rakyat Palestin di bawah pimpinan PLO untuk mengembalikan tanah air mereka”¹⁶⁹

Ketegasan ABIM menyokong perjuangan Palestin terserlah apabila melancarkan tabung bantuan kewangan bagi membantu menyelesaikan masalah pelarian Palestin dan kempen memboikot barangan Amerika Syarikat.¹⁷⁰ ABIM berusaha memboikot barangan Amerika dengan memasang sepanduk serta pengedaran risalah serta taklimat-taklimat mengenai keganasan Israel dan sekutunya. ABIM juga telah mengadakan rapat umum atau ceramah-ceramah serta penerangan untuk memastikan keberkesanan kempen tersebut. Siddiq Fadzil sebagai pemangku Presiden ABIM dalam *Risalah* ABIM Bil.3 1402/ 1982, muka depan menegaskan bahawa, Keganasan Israel di Lubnan: *JAWAB DENGAN JIHAD*. Dengan kata-kata semangat tersebut beliau menegaskan:

“Kita merupakan generasi yang kebetulan dilahirkan untuk menyaksikan kebiadaban Israel yang berterusan mencabul dan menceroboh kedaulatan rakyat dan wilayah Arab-Islam termasuk Masji’l-Aqsa. Kita tidak dilahirkan ke dunia untuk *observer* dan pemerhati yang pasif kepada kebiadaban ini, tetapi adalah untuk menghadapi serta menanganinya dengan jihad dan pengorbanan.”¹⁷¹

¹⁶⁸ Ibid.

¹⁶⁹ Ibid.

¹⁷⁰ Surat Arahan, Kempen Memulaukan Barangan Amerika Syarikat, pada 1hb.Oktobre 1982, kepada semua setiausaha ABIM Negeri dan Daerah

¹⁷¹ Ibid., *Risalah*, Bil 3. 1982. hlm.1.

Siddiq Fadzil menegaskan keperluan untuk berjihad menghadapi Israel sekurang-kurang jihad dengan harta, kerana umat Islam tidak boleh bergantung dengan PBB semata-mata. Berkaitan dengan *Perjanjian Damai Sadat-Begin-Carter*, ABIM mengutuk sekeras-kerasnya tindakan Anwar Sadat yang menyokong dan menyebelahi pihak Yahudi. ABIM melihat perjanjian itu sebagai satu pakatan khianat bagi memecahbelahkan umat Islam di Palestin.¹⁷² Bersempenaan Muktamar Sanawi ke-16, ABIM mengeluarkan resolusi muktamar bagi memberi kesedaran kepada umat Islam di seluruh dunia agar mempertahankan maruah umat Islam daripada pencabulan secara biadab oleh Israel terhadap masjid dan kota suci umat Islam. ABIM juga amat kesal dengan sikap umat Islam yang tidak berupaya melakukan apa-apa tindakan dalam usaha mempertahankan hak asasi dan keadilan rakyat Palestin. ABIM mengutuk pembunuhan rakyat Palestin yang tidak berdosa oleh Zionis.¹⁷³

Pada 8 Mei 2002, ABIM sekali lagi menunjukkan rasa tanggungjawab yang berterusan terhadap masalah yang dihadapi oleh umat Islam Palestin. Bagi mengajak masyarakat Islam di Malaysia supaya sentiasa membantu perjuangan Palestin. ABIM mengadakan Syarahan Perdana Palestin dan Kemanusiaan. Dua tokoh penting kepimpinan negara dapat bersatu dalam membicarakan hal-hal yang berkaitan dengan kepentingan umat Islam di Palestin.¹⁷⁴ ABIM berjaya meyakinkan masyarakat Malaysia dalam usaha membantu perjuangan Palestin. Program ini berjaya menyatukan masyarakat Malaysia tanpa mengira fahaman politik, latar belakang bangsa dan agama. ABIM lebih mengutamakan perpaduan umat, dan melihat kepada titik persamaan daripada membahaskan perkara-perkara yang tidak sehaluan. Syarahan Perdana tersebut mampu memberikan gambaran tentang kezaliman Zionis Israel terhadap umat Islam

¹⁷² Ibid.,

¹⁷³ Ibid.,

¹⁷⁴ Syarahan Perdana Palestin dan Kemanusiaan, pada 8 Mei 2002, di Dewan Bahasa dan Pustaka, antara Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr. Mahathir Mohammad dan Presiden PAS Dato Fadhil Mohd Noor. Siaran langsung TV1 dan TV3.

Palestin. Tanpa mengira ideologi, mereka dapat menyuarakan kezaliman yang dilakukan oleh Israel.

ABIM juga turut membantu masyarakat Islam Afghanistan dengan menggerakkan ahli-ahlinya supaya mengadakan solat hajat, kutipan derma Tabung Afghanistan telah dilancarkan oleh ABIM. Pada 8 Januari 1980, ABIM turut menghantar nota bantahan kepada Kerajaan Rusia melalui Dutanya Dr. B. T. Koulit di Kedutaan Besar Rusia di Kuala Lumpur.¹⁷⁵ ABIM dalam nota bantahannya mendesak pihak tentera Rusia agar mengundurkan dirinya dari Wilayah Afghanistan. ABIM juga telah menggerakkan tabung Afghanistan bagi membantu pelarian-pelarian serta berjaya mengumpulkan sumbangan berupa wang ringgit dan pakaian terpakai. Lebih daripada \$100,000 ringgit dan 6 tan pakaian berjaya dikumpulkan. Sumbangan tersebut telah disalurkan kepada pejuang Afghanistan melalui kerjasama kerajaan Pakistan.¹⁷⁶ ABIM menggunakan media massa bagi menggerakkan kesedaran dan keprihatinan umat Islam Afghanistan dalam kalangan masyarakat Islam.

ABIM sangat menonjol dalam penyelesaian konflik umat Islam di Bosnia dengan memberikan pelbagai bantuan bagi mangsa peperangan di Bosnia-Herzegovina bersama dengan badan-badan NGO yang lain. Rakyat Malaysia amat prihatin dengan penderitaan saudara seagama di luar negara.¹⁷⁷ ABIM mendesak Mesyuarat Menteri-menteri Luar OIC supaya bertindak mencari penyelesaian kepada isu penyembelihan beramai-ramai umat Islam di Bosnia-Herzegovina. ABIM mendesak supaya mesyuarat memutuskan langkah-langkah segera atas nama kesatuan negara-negara Islam setelah

¹⁷⁵ Siaran Media ABIM, Military Solution Still Not The Answer, 8 October 2001, N0-3-2, Jalan 46B/26, Pusat Bandar Sri Rampai, Kuala Lumpur.

¹⁷⁶ *Laporan Tahunan ABIM Pusat, 1979/1980*. hlm. 34.

¹⁷⁷ *Tabung Keamanan Sejagat ABIM-Kosovo* 6 April 1999, http://WWW.Abim.org.my/media/99_berita_4d.html 1/19/02, hlm. 1.

PBB dan negara Barat membiarkan kekejaman terus berlaku.¹⁷⁸ ABIM turut menyeru OIC supaya memutuskan hubungan diplomatik dengan Yugoslavia serta memboikot sepenuhnya negara penjenayah dan meminta OIC supaya menggunakan kekuatan ketenteraan bagi menyelamatkan umat Islam di Eropah. ABIM dengan kerjasama *Malaysian Sociological Research Institute (MASRI)*, Yayasan Salam dan Yayasan Pembangunan Ummah (YPU) membantu rakyat Bosnia dengan membekalkan ubat-ubatan dan pakaian musim sejuk kepada rakyat Bosnia pada tahun 1995. Segala bantuan yang dihantar amat penting kepada mangsa peperangan khususnya semasa musim sejuk.¹⁷⁹

ABIM turut menubuhkan sekolah persediaan bagi membantu kanak-kanak Bosnia. Mata pelajaran yang diajarkan ialah sejarah negara Bosnia, Bahasa Bosnia dan Bahasa Melayu. Ini dibuat agar masyarakat Bosnia yang berada di Malaysia mengetahui tentang sejarah negara mereka sendiri. Sebuah badan yang diberi nama Badan Bertindak Bosnia (BBB) telah menganjurkan rapat umum pada tahun 1994, di Stadium Merdeka telah berjaya menggerakkan NGO dan masyarakat bagi menyatakan perjuangan rakyat Bosnia dan menentang dasar-dasar Barat yang bersikap dingin dalam usaha menyelesaikan masalah Bosnia.¹⁸⁰ ABIM mendesak Kesatuan Eropah, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, OIC serta warga dunia yang cinta kedamaian untuk segera mengisytiharkan kemerdekaan Bosnia-Herzegovina dan mengambil tindakan segera untuk menyekat pertumpahan darah di wilayah tersebut.¹⁸¹

¹⁷⁸ Kenyataan Akhbar, Kawat Khas Sempena Persidangan OIC, 1 Disember 1992, 10-4, The Right Angle, Jalan 14/22, Petaling Jaya. Selangor.

¹⁷⁹ Mohd Asri Mohd Ali, *Bosnia Antara Kerakusan Kuasa-Kuasa Barat dengan Kelesuan Masyarakat Antarabangsa*, Dewan Masyarakat, Dewan Bahada dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1994, hlm.50.

¹⁸⁰ Ibid., hlm.50.

¹⁸¹ Kenyataan Akhbar 03 Mac 1992/ 28 Sya'ban 1412. lihat juga kenyataan Akhbar

Badan Bertindak Bosnia (BBB) yang ditubuhkan bertindak menyelaraskan semua pertubuhan bukan kerajaan di Malaysia dalam memberikan bantuan kepada mangsa di Bosnia-Herzegovina. BBB telah berjaya mengutip RM1,348,303.16 pada tahun 1994. Kempen kutipan derma ini dilakukan melalui akhbar-akhbar utama di Malaysia serta kerjasama pihak Berkuasa Negeri.¹⁸² Keprihatian masyarakat Malaysia berjaya mengutip lebih daripada US\$3.2 juta.¹⁸³ Keadaan ini jelas memperlihatkan bahawa ABIM berjaya memainkan peranan utama dan menjadi pemangkin bagi melaksanakan misi bantuan Bosnia-Hezegovina. ABIM menjadi badan perancang utama di Malaysia dalam merangka program bantuan kepada rakyat Bosnia.

ABIM mengambil inisiatif untuk menjaga kebajikan dan menyediakan penempatan rakyat Bosnia Herzegovina di Malaysia.¹⁸⁴ Program Pembelaan Rakyat Bosnia (PPRBORM), dilancarkan pada 9 Jun 1992, dengan nama Kempen Kutipan Tabung Bosnia-ABIM atau Tabung Bosnia-ABIM. ABIM menjalankan Program Penajaan Anak-anak Bosnia (PBAB). Program ini diilhamkan oleh Dr. Izet Aganovic, Presiden Persatuan Kebajikan Islam Bosnia (MERHAMET). Anak-anak Bosnia diberi latihan dan pendidikan sehingga akhirnya mereka akan pulang untuk membangunkan semula negara Bosnia.¹⁸⁵ Program-program selamatkan Bosnia dilancarkan bagi membantu masyarakat Islam Bosnia. Pelancaran Tabung Perubatan Bosnia pada 20 Ogos 1992 oleh Persatuan Perubatan Islam Malaysia (PPIM) dengan kerjasama ABIM dan Kumpulan akhbar *The New Straits Times* bagi meneruskan sumbangan perubatan kepada mangsa perang Bosnia.¹⁸⁶

¹⁸² *Bosnia Fund To Be Over Soon*, The Star, 12 Ogos 1994.

¹⁸³ *Caring M'sians Raise RM3.2 m For Bosnians*, New Straits Times, 5 April 1996.

¹⁸⁴ *Berita*, Edisi Khas Bosnia, 1992, hlm.10.

¹⁸⁵ *Laporan Tahunan, Muktamar Sanawi ABIM ke-21*, hlm.30-31.

¹⁸⁶ *Ibid*.

ABIM berusaha meyakinkan pihak kerajaan Malaysia untuk terus membantu misi bantuan ke Bosnia. Jawatankuasa penyelaras bantuan Bosnia telah dibentuk yang diterajui oleh Ketua Setiausaha, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat.¹⁸⁷ Kesungguhan ABIM, dalam menangani isu-isu Bosnia, menyebabkan ABIM mendapat sokongan padu dari masyarakat Malaysia. Nama Malaysia turut terkenal di dunia kerana usaha ABIM memperjuangkan isu-isu Bosnia.¹⁸⁸

ABIM juga turut terlibat secara langsung di dalam Perikatan Rakyat Malaysia untuk memberikan penentangan terhadap peperangan di Iraq. ABIM mengutuk serangan tentera bersekutu yang diketuai Amerika Syarikat ke atas Iraq.¹⁸⁹ Pada 2 April 2003, ABIM melancarkan Misi Keamanan Sejagat dan menghantar delegasi ke Iran pada 25 April 2003 bagi memberikan bantuan. Pada 2 April 2003, ABIM juga menghantar delegasinya ke Jordan bagi meninjau cara bantuan disalurkan. Delegasi ke Jordan pula berjaya membawa bantuan perubatan dan makanan yang bernilai lebih RM2 juta yang disalurkan melalui Kota Baghdad, Iraq.

ABIM turut menyalurkan bantuan kepada masyarakat Islam Sri Lanka akibat perang saudara yang berlaku dengan melancarkan Tabung Kemanusiaan' untuk membolehkan rakyat Malaysia memberikan sumbangan kewangan kepada mangsa perang. Sumbangan tersebut disalurkan kepada sebuah pertubuhan bukan kerajaan yang bergerak aktif membantu mangsa yang terlibat. NGO ini telah mengendalikan 4 pusat perkhemahan yang boleh menampung lebih 60,000 orang mangsa perang.¹⁹⁰

¹⁸⁷ *Laporan Tahunan Muktamar Sanawi ke-25, 1995/1996*. hlm.60.

¹⁸⁸ Sorotan Peristiwa Perang di Bosnia-Herzegovina dan Peranan ABIM. *Laporan Tahunan Muktamar Sanawi ABIM ke-25*. hlm.58-60.

¹⁸⁹ Kenyataan Akhbar, Mengutuk Serangan Tentera Bersekutu Terhadap Iraq, 14 Januari 1993, 10-4, The Right Angle, Jalan 14/22, Petaling Jaya.

¹⁹⁰ *Siaran Media ABIM*, 13 Januari 2002, Pelancaran Tabung Sierra Leone-ABIM, Januari 2002.N0 3-2, Jalan 46B/26, Pusat Bandar Sri Rampai, 53000, Kuala Lumpur.

Penglibatan ABIM pada peringkat antarabangsa ini memberi implikasi yang besar terhadap nasib umat Islam pada peringkat antarabangsa dan juga memberi kesan positif terhadap negara. Penglibatan ABIM ini memberi kesan yang sangat positif di mana Malaysia turut dikenal sebagai sebuah negara Islam. Kesannya juga ialah ABIM dapat membantu masyarakat Islam di negara lain yang sedang mengalami konflik. Hubungan ini juga turut meletakkan ABIM sebagai sebuah pertubuhan Islam yang disegani dan berpengaruh pada peringkat antarabangsa. Dalam konteks masyarakat Malaysia, penglibatan ABIM ini berjaya menarik simpati rakyat Malaysia terhadap masalah umat Islam di negara lain seperti di Palestin, Bosnia dan Afghanistan.

Kesimpulan

ABIM berjaya menjalankan banyak program dakwah kerana mempunyai barisan kepimpinan yang menonjol dan berpendidikan tinggi. Selain itu kekuatan struktur organisasi yang mempunyai jaringan keluar negara juga menyumbang ke arah peningkatan program dakwah. Pada peringkat awal, usaha agresif ABIM menyebarluaskan fahaman islamisasi ilmu pengetahuan berjaya memberi impak yang positif terhadap kesedaran masyarakat terutamanya inteligensia Melayu. Untuk merealisasikan idea islamisasi ilmu, mereka menubuhkan institusi pendidikan sendiri sebagai institusi contoh. Di antara yang terpenting ialah TASKI, SERI dan SEMI. Penubuhan sekolah yang bercirikan Islam ini telah mempercepatkan proses penyebaran idea ABIM berkaitan fahaman Islam dan pendidikan bersepadu. Sambutan yang mengalakkan daripada masyarakat berkaitan sekolah berciri Islam ini memaksa kerajaan mengadakan pendidikan pra sekolah serta sekolah menengah yang berasaskan pendidikan Islam yang bersepadu sehingga menjadi fenomena biasa di Malaysia pada hari ini.

Usaha ini diteruskan dengan melobi pihak kerajaan untuk menstrukturkan kembali Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang lebih bercirikan kepada konsep pendidikan Islam. Pengwujudan falsafah pendidikan ini sebenarnya telah merubah kepada hala tuju pendidikan negara. Wujudnya falsafah pendidikan yang bersifat sepadu dan mengandungi nilai-nilai murni menjadikan pendidikan di Malaysia lebih holistik sifatnya. Mewujudkan Kurikulum Pendidikan Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) turut mempercepatkan penyebaran idea pendidikan bersepadu di Malaysia. Implikasinya telah melahirkan satu bentuk baru kurikulum yang lebih *Islamiy* sifatnya sehingga berjaya merubah perwatakan murid dan sektor pendidikan di negara ini..

ABIM juga terlibat secara langsung dalam usaha menyebarkan luas kegiatan dakwah dalam kalangan masyarakat bukan Islam dengan penubuhan IOA. Penglibatan dalam masyarakat bukan Islam ini berjaya membantu pihak kerajaan dalam usaha menyebarkan dakwah dalam kalangan bukan Islam. Program yang dianjurkan oleh IOA sangat membantu golongan baru saudara Islam dan juga mampu mempereratkan hubungan antara masyarakat Islam dan bukan Islam di Malaysia.

Selain itu juga, penglibatan ABIM yang aktif membolehkan mereka terlibat secara langsung memberi bantuan kepada komuniti Islam pada peringkat antarabangsa. Malaysia yang dikenali dan dihormati sebagai negara Islam contoh juga tidak dapat dilepaskan daripada peranan ABIM di mana penglibatan mereka pada peringkat antarabangsa dengan jelas membantu nama Malaysia dalam komuniti Islam antarabangsa. Penglibatan ABIM dalam program keislaman antarabangsa menjadikan keadaan umat Islam mudah terbela dengan lebih baik. Ini dapat dilihat dengan jelas terutamanya dalam konflik di Palestin dan Bosnia Herzegovina dimana Malaysia

merupakan negara umat Islam yang paling menonjol dalam memberi bantuan terhadap konflik tersebut. Hal ini tidak dapat dipisahkan daripada peranan aktif ABIM.

University of Malaya

dipraktikkan terutama selepas tahun 1982. Konsep dan pendekatan ini penting kerana ia membezakan pendekatan ABIM dengan beberapa pertubuhan Islam lain ketika itu.

Selain itu juga pendekatan politik penyatuan ummah yang dipelopori ABIM juga dibincangkan. Pendekatan politik ini yang meletakkan kepentingan penyatuan menjadi keutamaan ABIM dalam pendekatan politiknya. Pendekatan ini dilakukan kerana sebagai aktivis dakwah yang kadang-kadang terpaksa memasuki wilayah politik praktis di Malaysia. Semenjak dari tahun 1970-an, ABIM konsisten dengan idea penyatuan ini. Kritik dan desakan ABIM dalam soal politik tidak meninggalkan fungsi utama ABIM sebagai pertubuhan belia Islam. Oleh itu penubuhan kumpulan PEMBELA pertengahan tahun 2000-an menunjukkan ABIM perhatian kepada persoalan akidah umat Islam.

Menentang Akta Pertubuhan

Sepanjang penglibatan ABIM dalam politik telah memperlihatkan ABIM menggunakan beberapa prinsip dakwah dan tarbiyah sebagai asas kepada perjuangannya dan ini bermakna bahawa segala persoalan, cabaran, krisis dan kemelut kemanusiaan terutamanya yang menyentuh politik mestilah ditangani dari kaca mata pendakwah dan mengikut prinsip-prinsip dakwah yang sejati. Semasa kemunculan ABIM, suasana negara adalah dipenuhi dengan pelbagai krisis yang melibatkan masalah kemiskinan, kemunduran, ketidakseimbangan ekonomi, dan isu-isu yang melibatkan bahasa, rasuah, pendidikan, keadilan sosial serta agama Islam. Dalam suasana begitulah ABIM bangkit

sebagai pengkritik yang lantang dan bersedia untuk berkonfrontasi dengan pihak berkuasa dalam proses untuk menangani masalah umat.¹

Pada akhir tahun 1970-an, proses kebangkitan Islam telah mengecilkan lagi sokongan akar umbi kepada pemerintah pusat, terutamanya dikalangan pengundi Melayu. Proses kebangkitan Islam ini telah menarik minat kelompok belia dan pelajar untuk terlibat dalam kegiatan belia dan gerakan Islam. Satu gabungan antara PAS dan ABIM dalam kelompok pembangkang telah meningkatkan lagi momentum politik gerakan Islam. Matlamat akhir gerakan ini ialah penubuhan sebuah negara Islam dengan perundangan dan syariat Islam menjadi agenda utama mereka.²

Diantara tahun 1979 sehingga 1981, pengaruh ABIM dikatakan telah tersebar di kawasan luar bandar atas dasar perjuangan untuk menghapuskan kemiskinan yang dicetuskan oleh ABIM di akhir tahun 1970-an. Di kawasan bandar pula pengaruh ABIM telah menjangkau ke kampus-kampus universiti. Untuk membendung fenomena ini, kerajaan telah meletakkan peraturan yang ketat, terutamanya untuk mengekang pengaruh gerakan Islam di universiti dengan menghadkan dan membataskan kempen politik di kampus, terutamanya sewaktu pilihan raya kampus, menghukum pemimpin dan penyokong ABIM di Jabatan-Jabatan kerajaan dan juga meminda Akta Pertubuhan.³

¹ Ucapan Dasar Ahmad Azam Abdul Rahman dalam tahun 2001 bertajuk, "Gerakan Dakwah dan Pembangunan Negara: Muhasabah dan Isti'dad.". Lihat Ahmad Azam Abdul Rahman, *Memimpin Belia Islam, Menangani Globalisasi dan Hegemoni*, Kuala Lumpur: Blue T Publication, 2008, hlm. 103. Von Der Mehden telah menulis bahawa kebanyakan para pemimpin ABIM dilihat merbahaya oleh kerajaan dan kerjasama ABIM dengan PAS memberikan masalah kepada UMNO pada tahun 1970-an. Kekuatan intelektual dengan menggunakan kaedah komunikasi terkini memberikan kelebihan kepada ABIM dan dianggap sebagai pembangkang yang paling berpotensi (*formidable potential opposition*). Fred R. Von Der Mehden, "The Political and Social", hlm. 227.

² Temu bual dengan Shaharuddin Badaruddin di Universiti Malaya pada 20 Ogos 2010.

³ David Camroux, "State Responses to Islamic Resurgence in Malaysia, Accommodation, Co-Option and Confrontation", *Asian Survey*, Vol. XXXVI, September 1996, hlm. 859.

Pindaan Akta Pertubuhan ini telah menerima tentangan daripada ABIM, kesatuan sekerja, persatuan perubatan, persatuan pengguna sehinggalah kepada Majlis Peguam.⁴ Dalam tahun 1980, ABIM telah dilihat sebagai sebuah pertubuhan yang digeruni oleh kerajaan. Suasana ini timbul adalah hasil persaingan politik diantara UMNO dan PAS dan kekuatiran kepada pihak pemerintah ialah pemimpin ABIM akan terlibat secara aktif dalam PAS. Menambahkan lagi kepada kerisauan tersebut adalah kekerapan mesyuarat di antara DAP dan ABIM dalam menangani isu Akta Pertubuhan telah menimbulkan satu jangkaan akan berlakunya satu kerjasama politik dalam waktu yang terdekat.⁵

Pada tahun 1982, ketika akta pertubuhan ingin dipinda oleh pihak kerajaan, terdapat kira-kira 14,000 pertubuhan yang berdaftar dengan akta pertubuhan 1966. Ini menunjukkan bahawa semua pertubuhan tersebut adalah tertakluk dengan peruntukan yang terkandung dalam akta tersebut. Pada tahun 1981, kerajaan telah membentangkan undang-undang pindaan terhadap akta pertubuhan 1966 di parlimen.⁶ Pindaan ini telah menimbulkan reaksi yang kurang senang dalam kalangan pelbagai pertubuhan pada waktu itu.⁷ ABIM telah memainkan peranan yang penting dalam menggerakkan dan menganjurkan satu barisan bagi mengambil beberapa langkah yang wajar dalam usaha mengembalikan hak kebebasan dalam kalangan persatuan dan pertubuhan.⁸

Peranan yang dimainkan oleh Anwar Ibrahim sebagai Presiden ABIM ketika itu sangat menonjol di mana Anwar telah mengambil langkah untuk menggabungkan

⁴ Kamarulnizam Abdullah, *The Politics Of Islam Cotemporary Malaysia*. Bangi:Kajang. 2003.hlm. 156-161.

⁵ Fred R. Von der Mehden, "Malaysia in 1980: Signals to Watch", *Asian Survey*, Vol. XXI, No. 2, Februari 1981, hlm. 246.

⁶ Akta ini dipinda bertujuan untuk mengawal persatuan dan pertubuhan yang cenderung agak radikal. Lihat *Risalah ABIM* 1982, Disember, hal 2-8.

⁷ Pertubuhan belia dan parti politik merasakan akta ini dibuat untuk mengawal pergerakan mereka. Lihat Chandra Muzafar, 1961 act, 1982, hlm. 1-10.Kamarulnizam Abdullah, 2003. *The Politics Of Islam Cotemporary Malaysia*. .hlm. 156-161.

⁸ Ibid.,

persatuan dan pertubuhan-pertubuhan di Malaysia sebagai tindakan awal membantah cadangan pindaan tersebut.⁹ Hasilnya, pada 19 hb Mac 1981 Anwar berjaya menghimpunkan wakil-wakil dari 19 buah pertubuhan. Pertemuan ini diadakan di sekretariat ABIM Pusat, Kuala Lumpur.¹⁰ Dalam pertemuan tersebut kata sepakat berjaya diambil untuk menandatangani memorandum yang menyatakan kekesalan pertubuhan-pertubuhan tersebut terhadap cadangan pindaan itu. Pertemuan itu juga sepakat untuk menemui Pemangku Perdana Menteri ketika itu, Dr. Mahathir Mohammad dan Menteri Hal Ehwal dalam Negeri dan pada waktu yang sama berusaha untuk mendapatkan sebanyak mungkin sokongan dari pertubuhan lain.¹¹

Dalam perjumpaan tersebut, wakil-wakil pertubuhan yang hadir dalam perbincangan melihat pindaan tersebut sebagai satu tindakan terburu-buru, membataskan hak mengulas dan membincangkan soal-soal politik dan kemasyarakatan, kuasa dan hak mentafsir pendaftar pertubuhan dan menteri adalah bertentangan dengan lunas-lunas keadilan serta kuasa menghukum tanpa diberi peluang untuk merayu kepada mahkamah adalah bercanggah dengan keluhuran undang-undang dan turut membataskan hak mahkamah.¹² Pelantikan Anwar Ibrahim sebagai pengerusi penyelaras bagi tindakan tersebut menunjukkan kepimpinan beliau dan ABIM pada ketika itu diiktiraf sebagai pertubuhan yang berpengaruh.¹³ Dari sudut lainnya ia berjaya menyatukan semua NGO Islam dan bukan Islam dalam satu wadah bagi menentang akta pertubuhan tersebut. Dalam konteks ini *Risalah* ABIM ada menyebut:

⁹ Ibid., *Risalah ABIM*, 1982.hlm. 2-8.

¹⁰ Ibid.,

¹¹ Ibid.

¹² Lihat *Risalah ABIM*, 1982.hlm. 1-9.

¹³ Ibid., *Risalah ABIM*, Jun 1981, hlm. 2-8.

“ini adalah satu perkembangan yang sihat kerana berbagai-bagai golongan dan organisasi telah bertemu dan mengadakan perbincangan yang tentunya dapat memupuk perpaduan nasional...”¹⁴

Pertemuan dan perbincangan dihadiri wakil daripada pelbagai pihak yang berkepentingan.¹⁵ Ekoran daripada perjumpaan ini telah menarik minat tidak kurang daripada 118 buah persatuan termasuk parti-parti politik, kesatuan sekerja dan badan-badan profesional.¹⁶

ABIM berusaha gigih menggembelng massa bagi membantah akta ini. Mukhtar ABIM yang diadakan pada tahun tersebut sebulat suara mendesak agar akta Pertubuhan Pindaan 1981 segera dimansuhkan oleh Kementerian Dalam Negeri kerana akta tersebut membawa implikasi yang buruk terhadap usaha-usaha badan-badan dakwah dalam rangka menjalankan tugas amal makruf dan nahi mungkar dalam skop yang lebih luas.¹⁷ Ekoran dari tentangan yang berterusan dan terus meningkat itu telah memaksa kerajaan mengambil sikap untuk bersedia mengadakan usaha perundingan.¹⁸

Musa Hitam selaku Menteri Dalam Negeri ketika itu telah mengadakan dialog selama tiga jam dengan wakil-wakil pertubuhan. Dalam perjumpaan tersebut, beliau telah memberi jaminan akan mengkaji semula berdasarkan maklum balas orang ramai.¹⁹ Pada bulan Disember 1982, pindaan kali kedua telah dibentangkan di Parlimen, tetapi masih mengandungi ciri-ciri yang masih belum boleh diterima oleh pertubuhan

¹⁴ Ibid., hlm. 3-6.

¹⁵ Wakil dari ABIM, PKPIM, Kumpulan Pengajian Islam ITM (KPITIM), Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP), Persatuan Pengguna Alam Sekitar Malaysia (EPSM), Jamiah Dakwah Selangor dan Wilayah Persekutuan, Persatuan Bekas Mahasiswa Timur Tengah (PBMTT), Kesatuan Jurutera Malaysia, Aliran Kesedaran Negara (ALIRAN), Pekerja Pemuda Kristian (YCW), Persatuan Orang-orang Buta Malaysia Barat, Persatuan Siswazah Universiti Malaya, Persatuan Ulama Malaysia (PUM), Persatuan Siswazah Selangor (SGS), Persatuan Siswazah ITM (SISTEM), Kesatuan Pekerja-pekerja Persatuan Alat-alat Pengangkutan dan Sekutu (TEU). Ibid., hlm. 2-7.

¹⁶ Chandra Muzaffar, "Kisah Akta Persatuan", dalam *Cabaran-Cabaran Semasa*. Aliran: Pulau Pinang. 1986. hlm. 70-75.

¹⁷ *Laporan Mukhtar Sanawi ABIM* kali ke 10, 1982, hlm. 3-7.

¹⁸ *Risalah ABIM*, hlm.2-7.

¹⁹ Chandra Muzaffar, *Kisah Akta Persatuan*, hlm.70-75.

tersebut.²⁰ Walaupun begitu, kejayaan ABIM menyatukan semua gerakan NGO dan melebarkan pengaruhnya dalam isu ini telah menjadikan ABIM sebagai sebuah pertubuhan yang dihormati dan boleh meyatukan pelbagai pihak. Sebahagian pengkaji melihat isu Akta Pertubuhan yang merugikan pelbagai pertubuhan NGO dan politik termasuk ABIM inilah yang menjadi sebahagian faktor kenapa Anwar Ibrahim memasuki UMNO pada tahun 1982.²¹

Membudayakan Pendekatan Non-Partisan

ABIM sebagai sebuah pertubuhan belia Islam mengambil pendekatan non partisan iaitu tidak berpihak kepada mana-mana parti politik terutama dalam persaingan politik antara PAS dan UMNO. Razali Nawawi menjelaskan bahawa pendekatan non-partisan itu membawa makna ABIM secara rasmi tidak menyokong mana-mana parti politik.²² Perlembagaan ABIM Fasal 3.12 mentakrifkan ABIM sebagai sebuah pertubuhan yang tidak terlibat secara langsung dengan parti-parti politik. Walaubagaimanapun, ABIM tidak pernah menghalang ahli-ahlinya terlibat secara aktif dalam parti politik dengan syarat harus meletak jawatan terlebih dahulu sebagai pimpinan ABIM.²³

Kepimpinan tertinggi ABIM melalui Majlis Syura ABIM telah menjelaskan bahawa ahli ABIM yang terlibat dalam politik mestilah terlebih dahulu meletakkan jawatan sebagai pimpinan ABIM,²⁴ walaupun dari sudut perlembagaan ABIM membenarkan dan tiada tindakan tatatertib kepada ahli ABIM jika melanggar perkara-

²⁰ *Risalah ABIM*, hlm. 2-6.

²¹ Kamarulnizam Abdullah, *The Politics Of Islam Cotemporary Malaysia* .hlm. 156-161.

²² Temu bual dengan Razali Nawawi di pejabat ABIM Kota Bharu, Kelantan. 19 April 2010.

²³ Perlembagaan ABIM, Fasal 3.12.

²⁴ Persidangan Syura ABIM ke-10, ABIM merelakan Anwar Ibrahim bergerak aktif dalam parti politik.

perkara perlembagaan perkara 8.4 dalam bab tata tertib.²⁵ Siddiq Fadzil, Presiden ABIM ketiga, menyifatkan konsep non-partisan adalah berkecuali daripada segi penglibatan dalam parti tetapi bukan bermaksud untuk menyekat ahli berbincang soal perkembangan politik. Isu disebut sebagai *politically independence* atau *independence political force*. Siddiq Fadzil berpandangan bahawa perbincangan dan diskusi yang menyangkut politik harus diteruskan bagi melihat Islam dapat dilaksanakan secara menyeluruh di Malaysia.²⁶

ABIM menganggap bahawa kepentingan dakwah adalah lebih penting dari survival politik kepartian, oleh itu pendekatan non-partisan ini mempunyai asas yang kukuh untuk dilaksanakan dalam proses dakwah di Malaysia. Bagi ABIM, pertembungan yang berlaku antara dua parti politik Melayu ketika itu iaitu PAS dan UMNO sebagai pertembungan yang sangat merugikan ummah.²⁷ Pendekatan non partisan ini dapat menjadikan ABIM bebas bertindak untuk menyokong atau menolak sesuatu perkara dengan pendirian yang tegas dan pendekatan ini memberi kemenangan kepada semua pihak. Menurut Siddiq Fadzil,

sokongan ABIM terhadap mana-mana parti akan menyebabkan ABIM kehilangan kredibiliti dan pandangan ABIM dalam sesuatu isu tidak akan didengari oleh masyarakat umum kerana dilihat mewakili parti politik tersebut. Oleh itu, ABIM percaya bahawa pendekatan non partisan yang diambil merupakan pendekatan yang baik dalam gerakan dakwah dan tidak semestinya berjuang dalam medan politik. Medan dakwah dan medan politik mempunyai pendekatan yang berbeza tetapi saling berkaitan antara satu sama lain. Menjadi jurubicara umat adalah keutamaan ABIM dalam perjuangan memartabatkan Islam di Malaysia.²⁸

Sebagai sebuah pertubuhan belia Islam yang berperanan membawa perubahan dalam masyarakat, ABIM melihat aspek politik dan pendekatan melalui parti politik

²⁵ *Perlembagaan ABIM, Bab 8: Tata tertib*. Perkara 8.4. Seseorang anggota persatuan boleh diambil tindakan tata tertib terhadapnya apabila ia didapati sabit melakukan kesalahan.

²⁶ Siddiq Fadzil, Ucapan, *Persidangan Kali Pertama Majlis Syura Kebangsaan (MSK)* pada hari Ahad 21 rejab 1428H/ 5hb.Ogos 2007. Di Dewan Syura Kolej Dar al-Hikmah, Kajang Selangor.

²⁷ Ibid.,

²⁸ Siddiq Fadzil, *Koleksi Ucapan Dasar Presiden ABIM*. Bangi: ABIM. 1992. hlm. 13-18.

juga penting. Lidah rasmi ABIM, *Risalah*, sering mengajak masyarakat Melayu melakukan perubahan cara hidup kepada cara kehidupan Islam yang sesuai dengan konsep Islam sebagai “*a way of life*”.²⁹ Sebahagian pengkaji melihat ABIM sering kali dilihat tidak konsisten dalam pendirian politiknya terutama pendirian yang sering berubah-ubah berkaitan hubungan dengan kerajaan.³⁰ Mengamalkan dasar terbuka dan bersedia untuk bekerjasama dengan sesiapa sahaja tanpa mengira fahaman politik terutama dalam hal-hal yang berkaitan dengan kebajikan akan menguntungkan Islam secara keseluruhannya.³¹

Siddiq Fadzil menjelaskan bahawa ABIM bukan sebagai parti politik dan kerana itu penglibatan politik yang bersifat kepartian tidak seharusnya mengatasi kepentingan gerakan Islam.³² Siddiq Fadzil juga menegaskan kembali berkaitan pendekatan non-partisan ini iaitu:

“Walaupun ABIM bukan sebuah parti politik dalam konteks sistem demokrasi hari ini, tetapi sebagai sebuah gerakan Islam yang memperjuangkan Islam seutuhnya ABIM tidak dapat mengelak dari berbicara dan berperanan dalam politik serta mempunyai *vision* politik, malah gerakan Islam seharusnya merupakan satu kekuatan politik yang layak diperhitungkan”³³

Ketika memberi ucapan dasar ke-16, Siddiq Fadzil menegaskan bahawa ABIM tidak pernah menyokong mana-mana parti politik, tetapi ABIM boleh memberikan sokongan kepada parti-parti politik berdasarkan isu-isu dan kepentingan umat Islam. Oleh itu ABIM akan menyokong sesebuah parti politik ketika menjelang pilihan raya sekiranya sesebuah parti tersebut membawa kepada keselamatan dan kesejahteraan umat Melayu

²⁹ Ibid.

³⁰ Kritikan di buat oleh beberapa pengkaji seperti Badlihisam Mohd Nasir, *Dinamisme Gerakan Islam*, hlm. 34-38.

³¹ Siddiq Fadzil, *Ucapan dasar Presiden ABIM*. hlm. 1-18.

³² Siddiq Fadzil, *Koleksi Ucapan Dasar*, Dewan Pustaka Islam, Kuala Lumpur, 1989, hlm. 24-25.

³³ Ucapan Dasar, *Muktamar Sanawi ABIM Pusat Ke-16*, Dewan Al-Malik Faisol. Petaling Jaya. hlm. 16.

Islam.³⁴ Pada tahun 1978 iaitu sewaktu berlaku krisis politik negara yang menyebabkan berlakunya penyingkiran PAS dari kerajaan telah mendorong ABIM untuk menyokong PAS.³⁵ Sokongan ini berasaskan kepada prinsip perjuangan untuk menegakkan keadilan. Presiden ABIM ketika itu telah menegaskan:

“Umat Islam sewajarnya memastikan bahawa undi tidak diberikan kepada golongan anti Islam dan golongan yang bersubahat dengan golongan yang anti Islam atau yang menerima Islam sebagai faham terpisah daripada persoalan masyarakat dan keadilan... Gunakanlah kuasa memilih sesuai dengan sikap dan pendirian kita sebagai seorang Muslim. Mendukung calon yang mempunyai akhlak baik daripada wadah yang berteraskan Islam dan yang mampu bertindak menentang kepalsuan dan kezaliman dalam masyarakat.”³⁶

Anwar Ibrahim telah menegaskan bahawa ABIM tetap tidak menyokong mana-mana parti yang anti Islam atau yang bekerjasama dengan golongan anti Islam atau parti yang mengamalkan sekular.³⁷ Menjelang Pilihan Raya Umum tahun 1978, ramai ahli ABIM telah bertindak menyokong PAS dan terlibat dalam kempen-kempen pilihan raya untuk memenangkan calon-calon PAS, walaupun begitu, penglibatan ahli ABIM ini adalah atas kapasiti individu dan bukan atas nama organisasi.³⁸ Pimpinan ABIM ketika itu menjelaskan bahawa semua ahli ABIM boleh melibatkan diri dalam pilihan raya memandangkan mereka adalah sebahagian daripada warganegara Malaysia dan berhak untuk menyertai mana-mana parti politik di dalam sebuah negara demokrasi.

“Bagi orang yang mampu membuat pertimbangan yang adil, peletakan jawatan itu sudah lebih dari cukup untuk mempertahankan sifat non-partisan ABIM. Malah, kalau

³⁴ Ibid.

³⁵ Kamarulnizam Abdullah, *The Politics Of Islam Cotemporary Malaysia* .hlm. 154.

³⁶ *Risalah ABIM*, Anwar Ibrahim, Febuari 1978, hlm. 1.

³⁷ Ibid.,

³⁸ Ibid.

menurut kebiasaannya berlaku di kalangan lain-lain badan belia/dakwah, peletakan jawatan itu sebenarnya tidak perlu”³⁹

Walaupun begitu, mereka harus meletakkan jawatan dalam ABIM terlebih dahulu untuk berkecimpung dalam politik kepartian kerana ABIM tetap dengan pendekatan non-partisannya.⁴⁰

Anwar Ibrahim berkempen bagi pihak PAS untuk menunjukkan ketidaksetujuan ABIM terhadap pendekatan politik kerajaan ketika itu.⁴¹ Selain tidak bersetuju dengan undang-undang darurat dan pelaksanaan pilihan raya, ABIM juga melihat bahawa terdapat banyak perbezaan ideologi antara ABIM dan pihak berkuasa.⁴² Penglibatan ABIM dalam politik di Kelantan menyebabkan ramai ahli ABIM Kelantan ditukarkan tempat kerja dalam masa 24 jam oleh pihak berkuasa atas alasan terlibat aktif dalam politik.⁴³ Ini menyebabkan ABIM Kelantan hampir lumpuh akibat pertukaran tersebut.⁴⁴ Hubungan pihak pemerintah dengan ABIM juga bertambah tegang apabila Fadzil Mohd Noor iaitu Timbalan Presiden ABIM ketika itu telah dipecat sebagai pensyarah di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) kerana bertanding pilihan raya umum atas tiket PAS pada tahun 1978.⁴⁵ ABIM menunjukkan sikap agresif menentang keputusan kerajaan memecat bekas pimpinannya itu.⁴⁶

Pada tahun 1982 iaitu sewaktu Anwar Ibrahim memasuki UMNO pula telah menyebabkan berlaku konflik perpecahan dalam kalangan ahli ABIM. Ini disebabkan pendekatan politik ABIM sebelum itu dilihat cenderung untuk menyokong perjuangan

³⁹ *Risalah*, Julai/Ogos 1978. hlm.1.

⁴⁰ Rencana Pengarang dalam *Risalah ABIM* keluaran Julai/Ogos tahun 1978,

⁴¹ *Ibid.*, *Risalah ABIM*, 1978, hlm. 2-6.

⁴² *Ibid.*

⁴³ *Risalah ABIM*, Bil 6/92./ Lapan Tokoh ABIM ditukar Serta Merta,

⁴⁴ Laporan Tamrin Qiyadi, kali ke-4, Pada 5-8hb. April 1979, di UKM, Bangi.

⁴⁵ *Risalah ABIM*, November/Disember, 1978, hlm. 16-17.

⁴⁶ Kenyataan Akhbar, *Risalah*,. 1978, hlm., 20, Lihat juga Ucapan Dasar Presiden, Muktamar Sanawi ABIM Ke-7, 28hb.Julai 1978, Batu Berendam Melaka.

PAS. Sebahagian ahli ABIM ketika itu tidak merestui tindakan Anwar Ibrahim memasuki UMNO.⁴⁷ Terdapat juga sebahagian ahli ABIM yang mengkritik kepimpinan ABIM kerana membenarkan Anwar Ibrahim meletak jawatan sebagai Presiden ABIM.⁴⁸ Keadaan ini memaksa Siddiq Fadzil sebagai pemangku Presiden ABIM ketika itu untuk membuat penegasan kepada ahli-ahli ABIM tentang penglibatan ABIM dalam politik. Siddiq Fadzil menegaskan kembali tentang ABIM dan politik dalam Ucapan Dasar bertajuk “*Garis-garis Besar Haluan Perjuangan*”. Penegasan Siddiq Fadzil yang jelas dalam ucapan dasar Presiden di muktamar ABIM.

“Gerakan Islam dengan cita-cita dan program kerjanya yang demikian rupa ternyata mempunyai bidang peranan yang luas-seluas bidang cakupan al-Quran dan as-Sunnah, seluas bidang cakupan Islam sebagai addin, Islam sebagai aqidah dan syariah, moral dan undang-undang, politik dan ekonomi. Kerana itulah kadang-kadang kita dilabel orang sebagai badan politik. Kita adalah badan Islam yang memperjuangkan Islam, utuh dengan segala isi dan kandungannya. Bagi kita Islam adalah padu dan kompak yang tidak mengenal pemecahan. Yang nyata kita bukan partai politik dan kerana itu peranan politik kita tidak berbentuk kepartian yang menumpu pada persaingan merebut kuasa dalam proses pilihan raya.”⁴⁹

Sewaktu menyampaikan ucapan dasar sulungnya dalam Muktamar ke-11, Siddiq Fadzil menegaskan sekali lagi bahawa ABIM adalah sebuah gerakan Islam yang sifatnya lebih besar daripada sesebuah parti politik.

“Oleh itu bagi pendukung-pendukung gerakan Islam perhitungan politik kepartian tidak seharusnya mengatasi kepentingan gerakan Islam dan jawharu I’-amal ‘I-Islamiy”⁵⁰

⁴⁷ Antara ahli ABIM yang memasuki PAS ialah Fadzil Mohd Noor, Hadi Awang, Mohd Nakhaei Ahmad, Syed Ibrahim. Manakala ahli ABIM yang menjejaki mengikuti Anwar Ibrahim memasuki UMNO ialah Kamaruddin Jaafar, Kamaruddin Mohd Noor. Ini menyebabkan berlaku perpecahan dalam ABIM. Shaharuddin Badaruddin, 2017. *Masyarakat Madani dan Politik: ABIM dan Proses Demokrasi*. Shah Alam: IDER. hlm. 40.

⁴⁸ Badlihisham Mohd Nasir, *Dinamisme Gerakan Dakwah di Malaysia*, hlm. 123-150.

⁴⁹ Siddiq Fadzil, Pemangku Presiden, *Ucapan Dasar, Muktamar Sanawi ABIM ke-11*, Garis-Garis Besar Haluan Perjuangan, Maktab Perguruan Islam, Petaling Jaya, 5 September 1982. hlm. 26.

⁵⁰ Ibid., hlm. 26.

Siddiq Fadzil terpaksa memberi ingatan kepada ahli ABIM ini bagi mengembalikan semula keyakinan ahli-ahli dan menyusun semula strategi dakwah kerana kepentingan ABIM lebih penting dari menyertai parti politik yang terbatas ruang dakwahnya.⁵¹ Tindakan dan idealisme perjuangan ABIM melewati kepentingan sebuah parti politik.

“Umat Islam Malaysia sekurang-kurangnya terpisah dalam politik dan ideologi. Kita menyaksikan wujudnya UMNO, PAS, BERJASA, HAMIM dan kini Angkatan 46. Umat Islam yang kini menduduki lebih kurang separuh daripada jumlah penduduk Malaysia menghadapi kegawatan politik perpecahan yang menggetarkan”⁵²

Menjelang pilihan raya umum tahun 1990 pula telah menyaksikan konflik politik masyarakat Melayu akibat perpecahan dalaman UMNO sehingga melahirkan Parti Melayu Semangat 46 (PS46).⁵³ ABIM melihat suasana politik ini merugikan umat Islam dan memberikan pandangan bahawa kepentingan Islam lebih diutamakan daripada kepentingan kelompok. Presiden ABIM ketika itu iaitu Siddiq Fadzil telah memberikan bayangan tentang hala tuju politik masyarakat Islam dalam Ucapan Dasarnya sebagai Presiden ABIM dalam Muktamar Sanawi ke-19, bertajuk “*Keprihatinan Umat dalam Senario 90-an*”, antara lain beliau menyarankan:

“Pilihan raya adalah hari rakyat, hari mereka membuat keputusan besar sama ada hendak membaharui mandat yang telah diberikan kepada parti pemerintah yang lalu, atau memberikannya kepada parti alternatif. Saudara-saudara sedang berhadapan dengan persoalan besar, apakah pentadbiran sekarang-dengan segala kelemahan dan kekuatannya –memerlukan alternatif? Kalau memang ada alternatif yang lebih baik, tentulah persoalannya menjadi mudah. Tetapi apakah ada alternatif yang sebenar-benarnya alternatif? Atau cuma bersiap sekadar untuk menambah kerusi, bukan untuk memerintah atau memberi alternatif? Sebagai golongan yang memperjuangkan aspirasi Islam, termasuk aspirasi

⁵¹ Temubual dengan Dr Siddiq Fadzil di pejabatnya pada 21 Januari 2009.

⁵² Zambry Abd. Kadir, *Cabaran Umat Islam Selepas 1990*, Al- Islam, hlm. 8-9.

⁵³ Penubuhan Semangat 46 dan perubahan politik di Malaysia antara 1988 sehingga 1990 diulas dengan mendalam oleh Hari Singh, “Political Change in Malaysia, The Role of Semangat 46”, *Asian Survey*, Vol. XXXI, No. 8, August 1991, hlm. 712-72.

politiknya, saudara-saudara akan memilih wadah yang mampu menerima titipan amanah penyaluran aspirasi politik Islam itu.”⁵⁴

Kenyataan tersebut menunjukkan ABIM memberikan penegasan secara tersirat bagi terus menyokong pimpinan yang ada iaitu sebagai meneruskan dasar-dasar Islam ketika itu.

“Demikianlah kita memasuki dekad kedua, tahun-tahun 1980-an di tengah-tengah semarak kebangkitan Islam yang semakin ketara dan meluas, menghimbau umat dari segala sektor dan golongan - rakyat massa, menghimbau umat dari segala sektor dan golongan - rakyat dan para penguasa. Angin perubahan mula bertiup menukar iklim politik tanah air, orientasi pentadbiran negara mula memperlihatkan warna kehijau-hijauan. Himbauan semangat kebangkitan Islamlah yang menyegarkan semula dasar Penerapan Nilai-nilai Islam yang selama ini telah layu akibat tidak pernah dipedulikan.”⁵⁵

Kecenderungan ABIM untuk menyokong kerajaan yang dipimpin oleh UMNO ketika itu dapat difahami kerana ABIM merasakan program Islamisasi yang dianjurkan kerajaan pada tahun 1980-an sangat memberi manfaat pada umat Islam. Presiden ABIM ketika itu membuat kenyataan bahawa pentadbiran kerajaan Malaysia yang mula menampilkan warna hijau-kehijauan yang membawa makna kerajaan yang memerintah telah melaksanakan dasar-dasar Islam yang perlu diberi sokongan.⁵⁶

Selain dari itu juga, faktor Anwar Ibrahim yang berada dalam UMNO dan kerajaan juga boleh dianggap sebagai faktor kenapa ABIM mendukung kerajaan ketika itu. Oleh itu dapat difahami kenapa ABIM tidak menyokong hubungan antara PAS dan Semangat 46 ketika itu. Respons PAS sangat negatif sifatnya di mana tuduhan bahawa ABIM menyokong kerajaan, malah ABIM ditohmah sebagai bukan

⁵⁴ Koleksi Ucapan Dasar Muktamar Sanawi ke-19, (1990), *Keprihatinan Umat: Dalam Senario Politik 90-an*, ABIM, Kuala Lumpur, 2003, hlm. 28.

⁵⁵ Ibid., hlm. 22.

⁵⁶ Ibid., *Al-Islam*, Zambry Abd.Kadir, hlm. 9.

sebuah harakah Islamiah⁵⁷ dan ABIM boleh dikategorikan sebagai badan sekular yang nasionalis.⁵⁸ Zaman inilah bermula berlakunya pertembungan terbuka antara PAS sebagai sebuah parti Islam terbesar dengan ABIM.⁵⁹

Pada tahun 1990-an, ABIM mempunyai hubungan yang baik dengan kerajaan dan turut terlibat dalam program keIslaman. Penglibatannya ini tidak menghalang ABIM memperjuangkan perkara asas Islam seperti persoalan hukum Islam. Berkaitan pelaksanaan hukum hudud ABIM menjelaskan:

“Sesuai dan selaras dengan pendirian ABIM selama ini melalui pernyataan-pernyataan yang telah dibuat dalam muktamar-muktamar, seminar-seminar dan wacana-wacana; ABIM menggalakan sebarang bentuk usaha dan komitmen daripada mana-mana Kerajaan Negeri dan Pusat ke arah melaksanakan undang-undang Islam, termasuk hukum hudud yang menjadi sebahagian daripadanya. Bagi ABIM, umat Islam wajib mengimani kesempurnaan seluruh hukum Islam dan kemampuannya dalam menyelesaikan keseluruhan permasalahan umat.”⁶⁰

Bagi ABIM, isu pelaksanaan atau Islamisasi undang-undang merupakan suatu perkara yang wajar dibincangkan selain turut menyokong dan terlibat dalam penubuhan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Bank Islam dan Syarikat Takaful Islam serta Sistem Perbankan Tanpa Faedah yang merupakan bukti kejayaan ABIM dalam mendesak kerajaan untuk melaksanakannya.⁶¹

⁵⁷ Mohd Sayuti Omar, *Anwar Ibrahim: Mimpi dan Realiti*, Tinta Merah, 1990, hlm. 19.

⁵⁸ Abdul Halim Kasim, *Semangat UMNO Hancur*, AZ Distribution, 1988, hlm. 62-63.

⁵⁹ Ibrahim Ahmad, 1989. *Konflik UMNO PAS dalam Isu Islamisasi*. Petaling Jaya: IBS. hlm. 30-55. Lihat juga Norazlan Hadi Yaacob, “Berebut Menjadi Soleh: Persaingan PAS dan UMNO di Malaysia, 1982-2008” Kertas kerja di bentangkan dalam Persidangan Antarabangsa Hubungan Malaysia-Indonesia di Universiti Andalas, Padang, Sumatera Barat, Indonesia. hlm. 1-20.

⁶⁰ *ABIM, Isu-isu Semasa, 1990-1992*, Kenyataan Akhbar, Pelaksanaan Hukum Hudud, 05 Mei 1992/01 Zul Qaedah 1412.

⁶¹ Temu bual dengan Shahrudin Badaruddin di Universiti Malaya pada 20 Ogos 2010. Lihat juga Ahmad Zaki Abdul Latif, *Transformasi Gerakan Islah*, hlm. 123-130.

Walaupun hubungan ABIM dengan pihak kerajaan sangat baik pada tahun 1990-an tidak menjadikan ABIM sentiasa bersetuju dengan kerajaan dalam semua isu. ABIM kekal bebas dan non partisan dan kritikal terhadap beberapa isu terutamanya yang menyentuh isu hak orang-orang Melayu seperti tanah rezab Melayu. ABIM telah mengkritik Dr Mahathir yang menyebutkan bahawa adalah sesuatu yang memalukan sekiranya tanah-tanah simpanan Melayu dikekalkan kerana ia membuktikan orang Melayu masih lemah dan bukan tuan yang sebenar di negaranya sendiri. Dalam kritiknya, Pengarah Program Penyertaan Pembangunan Komuniti ABIM, Mohd Azmi Abdul Hamid berkata adalah tidak wajar sesiapa pun dari kalangan orang Melayu berasa malu dan lemah terhadap kewujudan tanah rezab Melayu.⁶² ABIM juga membincangkan beberapa dasar luar negara secara kritikal dan menilainya dengan saksama.⁶³ Selain itu juga, ABIM turut menganjurkan beberapa siri diskusi untuk memberikan saranan dalam menyelesaikan beberapa permasalahan yang timbul pada ketika itu. Antara isu yang hangat diperkatakan antara tahun 1994 sehingga 1996 adalah seperti Akta Pendidikan Kebangsaan,⁶⁴ Dasar Pembangunan Desa,⁶⁵ Akta Keganasan

⁶² Kritikan ini telah memanjangkan polemik rizab tanah Melayu apabila Abdullah Ahmad Badawi, Naib Presiden UMNO menyebutkan bahawa mesej Perdana Menteri itu jelas bahawa tanah rizab perlu dibangunkan kerana bernilai tinggi dan tidak wajar dijadikan kawasan terbiar. Lihat "Tanah rizab bernilai komersial perlu dimaju," *Utusan Malaysia*, 16 Oktober 1996 dan "ABIM not happy with PM's view on Malay Reserves", *The Star*, 15 Oktober 1996. Lihat "Tanah rizab: Usah pertikai pandangan Perdana Menteri", *Berita Harian*, 16 Oktober 1996.

⁶³ ABIM telah meminta kerajaan Malaysia supaya mendesak Majlis Pemulihan Undang-undang dan Peraturan Negara Myanmar (SLORC) berlaku adil kepada bangsa Rohingya, *Watan* 29 September 1996. Begitu juga kritikan ABIM terhadap Amerika Syarikat akibat menyerang Iraq, Embargo UN kepada Sudan dan perdamaian Filipina-MNLF. Lihat *FOKUS ABIM*, Tahun 1, Bil. 1 Ogos 1996-Oktober 1996. Lihat juga Shahrudin Badaruddin, *Masyarakat Madani dan Politik*, hlm.5

⁶⁴ Seminar Tertutup Akta Pendidikan 1995 anjuran Biro Pendidikan ABIM Pusat telah berlangsung pada 7 Januari 1996 bertempat di Pusat Latihan ABIM, Kajang. Seminar tersebut adalah untuk membahaskan pelbagai isu yang berkaitan dengan Akta Pendidikan 1995 yang dipersoalkan daripada sudut keseimbangan antara industri pendidikan dengan kecemerlangan pendidikan, isu pendidikan Islam dan juga isu kedaulatan Bahasa Melayu. Hasilnya adalah Deraf Resolusi: Seminar Tertutup Akta Pendidikan 1995. Untuk melihat deraf penuh, rujuk Shahrudin Badaruddin (ed.), *ABIM dan Dasar Kerajaan*, Petaling Jaya: ABIM, 1996, hlm. 1-9.

⁶⁵ Program Desa Wawasan anjuran Kementerian Pembangunan Luar Bandar telah diisytiharkan secara rasmi oleh Perdana Menteri Malaysia, Dr Mahathir Mohamad pada bulan Jun 1996. Secara proaktifnya, PPPK-ABIM telah menganjurkan satu Bengkel Perancangan Pembangunan Desa di Kompleks Belia Ipoh, Perak pada 24 Mac 1996.. Lihat Shahrudin Badaruddin, *ABIM dan Dasar Kerajaan*, hlm. 11-34.

Rumahtangga,⁶⁶ Akta Tanah⁶⁷ dan juga isu yang melibatkan Alam Sekitar.⁶⁸ ABIM mengambil inisiatif dengan mengeluarkan memorandum kepada kementerian yang terbabit dan kenyataan-kenyataan yang dikeluarkan dalam akhbar-akhbar harian. Penggunaan cara ABIM yang tersendiri adalah juga lanjutan daripada pandangan beberapa pemikir politik yang menyarankan supaya ABIM melakukan tindakan secara berhikmah.⁶⁹

Dalam konteks pilihan raya, ABIM mempunyai pendirian yang tersendiri yang menimbulkan kecurigaan dan kebimbangan sama ada dalam kalangan parti politik pembangkang mahupun pihak kerajaan.⁷⁰ ABIM tetap memainkan peranannya sebagai kumpulan pendesak yang melampaui sesebuah parti politik. Tuntutan dan desakannya mula menggugat parti pemerintah dan ada kalanya menjadi rakan pemerintah dalam pembangunan negara.

“Wadah kita sendiri harus dipertahankan terus sebagai Harakah Islamiah yang non-partisan dengan program dan stail bekerja tersendiri”⁷¹

Walaupun turut terlibat dengan politik, pendirian ABIM sangat jelas bahawa pimpinan yang terlibat aktif tidak boleh memegang jawatan dalam ABIM. Pada Pilihan Raya tahun 1999 menyaksikan ramai pimpinan ABIM di peringkat pusat dan negeri

⁶⁶ Helwa ABIM telah menganjurkan Bengkel Tertutup Akta Keganasan Rumahtangga pada 9 Februari 1994. Lihat Resolusi Bengkel Tertutup Mengenai Keganasan Rumahtangga, dalam Shahrudin Badaruddin, *ABIM dan Dasar Kerajaan*, hlm. 35-43.

⁶⁷ Akta Pengambilan Tanah 1960 telah memberi kuasa yang begitu tinggi kepada kerajaan negeri untuk mengambil tanah milik individu atas nama pembangunan oleh itu PPPK-ABIM telah membuat satu memorandum Kempen Selamatkan Tanah Melayu. Lihat Shahrudin Badaruddin, *ABIM dan Dasar Kerajaan*, hlm. 45-58.

⁶⁸ Projek Hidroelektrik Bakun telah menjadi isu sensasi bagi politik Malaysia dalam tahun 1996. Akibat penentangan daripada Badan Bukan Kerajaan dalam komuniti di Bakun, maka mahkamah telah memutuskan bahawa projek ini tidak sah dari segi perundangan. *Berita ABIM* pada 1 Ogos 1995.

⁶⁹ Chandra Muzaffar menyebutnya sebagai “*don’t rock the boat*,” kerana tindakan tersebut hanya akan menyukarkan lagi kedudukan Anwar Ibrahim yang cuma mempunyai satu tapak sahaja sebelum menjadi Perdana Menteri. Pandangan dikeluarkan oleh Chandra Muzaffar sewaktu ABIM menganjurkan pertemuan dengan beliau pada tahun 1996. Lihat Shahrudin Badaruddin, *Masyarakat Madani dan Politik*, hlm. 14

⁷⁰ Ibid.,

⁷¹ *Risalah ABIM*, Mac/April. 1981, hlm. 1.

menyertai parti-parti politik untuk bertanding. Mereka meletakkan jawatan terlebih dahulu sebelum aktif dalam parti masing-masing. Begitu juga penglibatan aktivis ABIM dalam pertandingan pilihan Raya Umum 2004 dan 2008 dengan meletak jawatan terlebih dahulu dalam ABIM sebelum memasuki pilihan raya.⁷²

Semenjak dari awal lagi ABIM ditohmah akibat daripada penglibatannya dalam pilihan raya terutamanya dari pihak kerajaan. Misalnya penglibatan ABIM dalam Pilihan Raya Umum 1978 dikatakan sebagai alat kepada perjuangan PAS dan menyeleweng daripada perjuangan asal. Malah dalam ruangan Rencana Pengarang, Utusan Melayu telah menyatakan bahawa ABIM bukan lagi sebuah pertubuhan dakwah.⁷³ Perkara sama berulang pada tahun 1999 dimana ABIM dituduh menjadi dalang membakar semangat generasi muda khususnya golongan mahasiswa untuk membela Anwar Ibrahim dengan mengadakan perhimpunan-perhimpunan haram menentang pihak kerajaan akibat pemecatan tersebut. ABIM telah menerima tamparan yang hebat berikutan dengan pemecatan Anwar Ibrahim dengan tohmahan bahawa ABIM menyebarkan maklumat palsu, menjejaskan ketenteraman awam, mencetus huru-hara dan menerima 5 juta ringgit dari akaun peribadi Anwar Ibrahim.⁷⁴ Siddiq Fadzil dikritik hebat oleh media utama kerajaan kerana dituduh menghina Perdana Menteri sebagai Firaun.⁷⁵

Pendekatan non-partisan yang menjadi asas pegangan ABIM turut tergugat terutamanya mulai tahun 1998 dimana memperlihatkan penglibatan aktif ahlinya dalam gerakan reformasi akibat daripada pemecatan Anwar Ibrahim dari UMNO dan

⁷² Temu bual dengan Shaharuddin Badaruddin di Universiti Malaya pada 20 Ogos 2010.

⁷³ Utusan Melayu, 5 Julai 1978. Rencana Pengarang tersebut mendesak agar ABIM menyatakan pendiriannya berhubung dengan sikapnya sebagai badan dakwah ataupun dakyah politik PAS. Di pihak kerajaan penglibatan bekas pimpinan ABIM di lihat sebagai menyebelahi parti politik iaitu PAS.

⁷⁴ Shaharuddin Badaruddin, *Masyarakat Madani dan Politik*. hlm.77.

⁷⁵ “PM dakwa Siddiq Fadzil hasut pelajar”, *Berita Harian*, 20 Julai 1999. Dr Siddiq cemar kewibawaan pendidik. *Berita Harian*, 20 Julai 1999.

kerajaan.⁷⁶ Penglibatan yang aktif dalam gerakan ini menyebabkan pimpinan tertinggi ABIM telah ditahan oleh pihak berkuasa pada 21 September 1998.⁷⁷ Tidak sukar untuk merungkai persoalan penglibatan ABIM ketika itu kerana tuduhan melampau terhadap Anwar sebenarnya sangat mengejutkan seluruh masyarakat terutamanya yang beragama Islam ketika itu.⁷⁸ ABIM menjadi pendukung utama dalam gerakan reformasi bersama NGO lain seperti JIM, PKPIM, Akademi Sains Islam Malaysia (ASASI) dan melancarkan Gerakan Reformasi Rakyat yang bertujuan untuk menyuburkan idealisme rakyat bagi menghayati dan memperjuangkan nilai kebenaran serta keadilan dalam bidang politik, ekonomi dan sosial.⁷⁹

Pendekatan non-partisan yang dikemukakan oleh ABIM menyumbang kepada pengukuhan dan perkembangan ABIM. Sifatnya yang tidak menyokong parti politik secara melulu menjadikan ABIM menjadi lebih berpengaruh. Pendekatan non-partisan ini juga berjaya menjadikan ABIM untuk bertindak berdasarkan kepentingan umat Islam melebihi kepentingan politik kepartian. Adalah tidak tepat mengatakan non partisan itu tidak berpihak sama-sekali kepada mana-mana isu atau pihak tertentu, tapi sokongan itu atas dasar agama dan memberi keuntungan kepada umat Islam. Oleh itu ABIM berjaya menyebarkan idea-idea Islam dalam masyarakat tanpa perlu merasa takut kepada pihak-pihak yang tidak menyukainya

⁷⁶ Temubual dengan Ahmad Azam Abdul Rahman di pejabatnya di Gombak pada 15 Jun 2009.

⁷⁷ Antara yang ditahan ialah Presiden ABIM, Ahmad Azam Abdul Rahman, Timbalan Presiden ABIM, Moktar Ridzwan. Setiausaha Agung ABIM, Shahrudin Badaruddin, Naib Presiden ABIM, Abdul Halim Ismail. Lihat Shahrudin Badaruddin. *Masyarakat Madani dan Politik*. hlm. 76.

⁷⁸ Ibid. hlm. 77.

⁷⁹ Ibid. hlm. 77-78.

Pemikiran *Manhaj Maliziy* dan Penyatuan Ummah

Semenjak dari awal kepimpinan ABIM menegaskan bahawa alam Melayu mempunyai adab dan budaya yang tersendiri dan model dakwah yang dipelopori oleh para pendakwah terdahulu mempunyai kemahiran yang tinggi untuk memimpin umat Melayu Islam ketika itu. Pemikiran *Manhaj Maliziy* secara dasarnya merujuk kepada pendekatan ketidakbergantungan kepada kaedah gerakan-gerakan Islam yang lain seperti Ikhwan Muslimin di Timur Tengah dan Jama'at Islami di India dan di Pakistan atau pendekatan siasah dari Iran.⁸⁰ ABIM mengambil pendekatan dakwah mengikut acuan Malaysia tanpa meniru secara keseluruhan model pelaksanaan gerakan Islam dari luar negara. ABIM hanya mengambil pengalaman gerakan Islam luar negara untuk dijadikan contoh perlaksanaanya yang difikirkan bersesuaian untuk dilaksanakan terhadap gerakan Islam Malaysia.⁸¹

Salah satu perkara penting dalam era kebangkitan Islam adalah wujudnya pendekatan yang pelbagai dalam cubaan untuk merealisasikan negara Islam. Di satu pihak, ada kumpulan atau golongan umat Islam yang percaya bahawa penubuhan negara Islam dilakukan dengan cara apapun termasuklah cara revolusi atau pendekatan radikal. Di pihak lain, muncul kumpulan yang menghendaki perjuangan menubuhkan negara Islam perlu dibuat mengikut lunas undang-undang dan sistem demokrasi yang dianut dikedua-dua negara dan berasaskan kepada pertimbangan kewujudan masyarakat majmuk yang perlu dikekalkan.⁸²

⁸⁰ Mohd Farid Mohd Shahrar, *Pengukuhan Manhaj Maliziy Melalui Pemerkasaan Budaya Ilmu*, Monograf Memahami Pendekatan Dakwah Manhaj Maliziy, Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia, Kuala Lumpur, 2007.hlm. 22.

⁸¹ Temu bual dengan mantan Presiden ABIM Ahmad Azam Abdul Rahman di pejabatnya di Gombak pada 15 Jun 2009. Lihat juga Mohd Farid Mohd Shahrar,, *Pengukuhan Manhaj Maliziy Melalui Pemerkasaan Budaya Ilmu*, hlm. 20-22.

⁸² John Funston, "Malaysia", dalam Mohammad Ayoob (pnyt.), *The Politics of Islamic Reassertion*, London: Croom Helm, 1981.

Di Malaysia, hasrat untuk merubah masyarakat dengan lebih radikal banyak dikaitkan dengan kejayaan peristiwa Revolusi Iran pada 1979. Ramai di kalangan aktivis Islam sama ada terutamanya daripada kalangan parti Islam mahupun daripada kalangan gerakan Islam bukan parti politik terpengaruh dengan peristiwa yang bersejarah dalam dunia Islam itu. Kejayaan Revolusi Iran telah mempengaruhi PAS sama ada dalam barisan kepimpinan mahupun di peringkat akar umbi.⁸³ Mundurnya Datuk Asri Muda dari kepimpinan parti PAS pada 1982 sedikit sebanyak merupakan sumbangan segolongan pemuda beraliran radikal yang terpesona dengan pendekatan revolusi di Iran.⁸⁴

Radikalnya PAS yang ditonjolkan pasca kepimpinan Asri dikatakan dipengaruhi oleh kemunculan golongan ulama muda seperti Abdul Hadi Awang dan pemimpin yang lain seperti Nakhaie Ahmad dan Fadzil Nor yang berasal daripada ABIM.⁸⁵ Tokoh-tokoh ini mempunyai kemampuan berpidato yang baik mengenai perjuangan dan gagasan negara Islam. PAS menggambarkan dirinya sebagai golongan *mustadafin* (lemah dan tertindas) bagi menentang UMNO yang dilabel sebagai *mustakbirin* (penindas).⁸⁶ Meskipun mengakui Revolusi Iran memberi inspirasi kepada perjuangan Islam, para pemimpin PAS menafikan cuba menerapkannya di Malaysia sebagaimana tuduhan UMNO. Pemimpin PAS ketika itu terutamanya Abdul Hadi Awang mengatakan seandainya PAS terpengaruh dan cuba meniru Iran, sudah tentu PAS tidak akan menyertai proses pilihan raya. PAS masih percayakan demokrasi bagi merubah pemerintah dan ini menjadi bukti PAS tidak menyokong keganasan dalam merealisasikan penubuhan negara Islam.⁸⁷

⁸³ Lihat "A Storm in the North", *Asiaweek*, 24 Ogos 1984.

⁸⁴ Lihat Talib Yusof, "Siapa Tentukan Masa Depan PAS?", *Panji Masyarakat*, September 1983, hlm. 20.

⁸⁵ Ahmad Zaki Abdul Latif, *Transformasi Gerakan Islam*, hlm. 125.

⁸⁶ Lihat "A Storm in the North", *Asiaweek*, 24 Ogos 1984.

⁸⁷ Lihat "We Believe in Democracy", *Asiaweek*, 24 Ogos 1984, hlm. 30.

Kejayaan menumbangkan kepimpinan Asri Muda dan beralihnya kepimpinan parti ke golongan berpendidikan agama yang agak radikal ini memberi dimensi baharu terhadap penglibatan PAS dalam sistem pilihan raya di negara ini.⁸⁸ Malah, ada sebahagian dari mereka yang tidak sabar dengan pendekatan pilihan raya dan mencadangkan supaya meniru ala Iran bagi merealisasikan hasrat menubuhkan negara yang berdasarkan syariat Islam.⁸⁹ Lantaran itu, pendekatan PAS sepanjang pertengahan tahun 1980-an disifatkan sebagai pendekatan yang radikal.⁹⁰

Corak radikalisme juga dikatakan sebagai punca kepada munculnya fenomena kafir-mengkafir oleh penyokong PAS terhadap UMNO pada era 1980-an. PAS menuduh UMNO telah terkeluar dari ajaran Islam kerana sanggup bekerjasama dengan bukan Islam, bersikap asabiyah dan berjuang atas dasar nasionalisme sempit. Tuduhan-tuduhan terhadap UMNO ini dipengaruhi oleh ucapan-ucapan pemimpin parti dan salah satunya dalam satu ucapan penting Abdul Hadi Awang yang dikenali dengan Amanat Haji Hadi yang cukup kontroversi.⁹¹

Akibat tuduhan-tuduhan yang dilandasi oleh kefahaman konservatif itu telah mengundang reaksi yang cukup keras daripada UMNO. Parti pemerintah itu mencabar PAS untuk berdebat untuk menghuraikan isu kafir tersebut yang akan disiarkan secara langsung di kaca televisyen.⁹² Walau bagaimanapun, kerana dikhuatiri program debat itu boleh mencetuskan suasana ketegangan, memecahbelahkan umat Islam dan

⁸⁸ Talib Yusof, "Siapa Tentukan", hlm. 20.

⁸⁹ Kamarulnizam Abdullah, *The Politics of Islam in Contemporary Malaysia*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2003, hlm. 194.

⁹⁰ Farish A. Noor, "Blood, Sweat and Jihad: The Radicalization of the Political Discourse of the Pan-Malaysian Islamic Party (PAS) from 1982 Onwards", *Contemporary Southeast Asia, A Journal of International and Strategic Affairs*, Vol. 25, No. 2, August 2003, hlm. 206-207.

⁹¹ Azhar Yaacob. 2005. Strategi Dakwah Rasulullah : Kajian Terhadap Perlaksannanya Dalam PAS. Tesis PhD, Akademi Pengajian Islam. Universiti Malaya. 2005. hlm. 284.

⁹² Untuk keperluan debat itu, UMNO telah menyiapkan tiga orang tokohnya yang dikenali mempunyai kriteria ulama dan latar aktivis Islam iaitu Wan Mokhtar, Anwar Ibrahim dan Ibrahim Azmi Hasan. Manakala di pihak PAS dibarisi oleh Abdul Hadi Awang, Nakhaie Ahmad dan Harun Taib, *Panji Masyarakat*, No 451, 1984.

menjejaskan kewibawaan hal-ehwal Islam yang berada di bawah kuasa Sultan, program debat itu dibatalkan oleh Yang Dipertuan Agong pada November 1984.⁹³ Susulan daripada itu, kerajaan juga mengharamkan ceramah-ceramah politik PAS dan menangkap beberapa orang pemimoin PAS dengan menggunakan ISA.⁹⁴

Kemuncak daripada tindakan yang agak radikal ini ialah tragedi Memali yang berlaku pada 19 November 1985.⁹⁵ Kerajaan dalam buku putih yang diterbitkannya menuduh keganasan di Memali yang dipimpin oleh salah seorang pemimpin PAS negeri Kedah iaitu Ibrahim Libya yang dipengaruhi oleh amanat Hadi. Amanat yang dijadikan sebagai justifikasi untuk menentang pemerintah *taghut* dan apabila mati dianggap sebagai mati syahid.⁹⁶ Beberapa kejadian keganasan yang membabitkan penyokong PAS dan UMNO turut berlaku sebelumnya di Kuala Terengganu pada 1982 dan di Lubuk Merbau ketika pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Padang Terap pada 1985.⁹⁷

Siri keganasan itu digambarkan sebagai kesan secara tidak langsung dari corak radikalisme PAS berikutan kegagalan PAS dalam pilihan raya 1982 yang hanya memenangi satu kerusi parlimen dan 15 kerusi negeri.⁹⁸ Pendekatan konservatif dan bercorak radikal ini dikritik oleh pelbagai pihak. Pendekatan PAS yang cenderung radikal dalam kegiatan keagamaan pada dekad 1980-an ini tidak dipersetujui oleh gerakan Islam lain. Dalam hal ini, ABIM lebih mengutamakan pendekatan *wasatiyyah*, dakwah yang disesuaikan dengan realiti tempatan dan menolak cara-cara keganasan

⁹³ Lihat "The Rulers Head Off a Clash", *Asiaweek*, Nov 23, 1984.

⁹⁴ Keempat orang yang ditangkap itu adalah ADUN Terengganu Abu Bakar Chik, Mohamed Sabu, Bunyamin Haji Yaakob dan Ghazali Hasbullah. Lihat "A Crackdown on Muslim Radicals", *Asiaweek*, 27 July 1984.

⁹⁵ Lihat, "Clash in Kedah", *Asiaweek*, 29 Nov 1985.

⁹⁶ Lihat Government White Paper. Threat to Muslim Unity and National Security, 1984.

⁹⁷ Kamarulnizam Abdullah, *The Politics of Islam*, hlm. 194.

⁹⁸ Mengenai keputusan pilihan raya 1982 lihat Diane K. Mauzy, "The 1982 General Elections in Malaysia: A Mandate for Change?", *Asian Survey*, Vol. 23, No. 4 (April 1983).

dan revolusi. Latarbelakang dan suasana inilah yang menyebabkan ABIM mengambil pendekatan yang lebih sederhana dengan membawa pendekatan *Manhaj Maliziy*.⁹⁹

Manhaj Maliziy merupakan pendekatan yang lebih fleksibel yang diperkenalkan ABIM terhadap cubaan atau cara yang dipakai oleh sesetengah pihak dalam memperjuangkan Islam sama ada melalui cara-cara keganasan mahupun pendekatan liberal atau sekularisme. ABIM bergerak di atas platform kesederhanaan Islam (*wasatiyyatul Islam*) yang harus sedia menyesuaikan perubahan dan sejalan dengan nurani dan citarasa budaya umat.¹⁰⁰ Lantaran itu, ABIM menolak pendekatan yang keras terutamanya pada tahun 1980-an.

Aspek-aspek fleksibel dan anjal dalam berdakwah dan berpolitik ini penting kerana prinsip utama *Manhaj Maliziy* ini bertitik tolak dari premis bahawa alam Melayu mempunyai cabarannya yang tersendiri. Malaysia sebagai negara yang unik dan masyarakat yang majmuk sudah pasti memerlukan kaedah dan model dakwah berasaskan kepada nilai budaya setempat. Melalui *Manhaj Maliziy* yang diperkenal dan dipopularkan oleh Siddiq Fadzil ini, gerakan Islam di Malaysia mampu untuk menyaring pendekatan yang dikemukakan oleh gerakan Islam yang lain dan menyesuakannya dengan konteks negara Malaysia dan Alam Melayu.¹⁰¹ Oleh sebab itu, pendekatan dakwah dan politik yang bercorak keras dan bersifat revolusi sebagaimana yang biasa berlaku di kawasan Timur Tengah, tidak sesuai dan tidak tepat diamalkan di Alam Melayu. Penduduk Nusantara ini dikenali sebagai penduduk yang berbudi bahasa,

⁹⁹ Mohd Farid Mohd Sahrn, "Pemeriksaan Ilmu Asas Dakwah Manhaj Maliziy: Perspektif ABIM", kertas kerja yang dibentangkan dalam Seminar Antarabangsa Dakwah dan Generasi Muda, pada 10-11 September 2007 di UKM.

¹⁰⁰ ABIM, *Mengangkat Martabat*, hlm. 151.

¹⁰¹ Mohd Farid Mohd Sahrn, *Pemeriksaan Ilmu*, hlm. 2.

harmoni, toleran dan lemah lembut. Dari segi sejarahnya Islam turut disebarkan ke Nusantara dengan cara yang damai dan mengutamakan pendekatan kompromi.¹⁰²

Namun demikian, *Manhaj Maliziy* yang memberi fokus kepada pendekatan penyesuaian dan dakwah berorientasi tempatan mesti berpandukan kepada al-Qur'an dan Sunnah.¹⁰³ Justeru, penglibatan ABIM dalam program menyedarkan masyarakat Islam di Malaysia dikenali sebagai gerakan Islam yang bercorak *islahi* (reformis) terutama dari segi penentangan terhadap unsur khurafat, sinkretik dan tradisi-tradisi budaya Melayu yang tidak berasaskan kepada etika dan prinsip ajaran Islam yang sejati.¹⁰⁴

Berkaitan dengan pendekatan dakwah, ABIM dilihat lebih independen meskipun dari beberapa segi ABIM dipengaruhi oleh bahan bacaan dan pemikiran ideolog gerakan *haraki* di Timur Tengah seperti Ikhwanul Muslimin dan Jamaat Islami di Pakistan yang dikenali mempunyai pendirian keras dan radikal, akan tetapi ABIM tidak mengikuti pendekatan tersebut.¹⁰⁵ ABIM hanya mengambil perkara-perkara yang baik dari pemikiran tokoh *haraki* tersebut terutama dari segi ideologi Islamisnya dan menolak pendekatan radikal dan pemahaman tekstual gerakan tersebut. ABIM, mempunyai ketulenan pemikiran tersendiri, bukan hanya sebagai 'carbon copy' dari gerakan lain.¹⁰⁶

Lantaran itu, pendirian ABIM demikian itu menjadikannya sebagai pertubuhan Islam yang berperanan sebagai 'rakan dalam pembinaan negara' (*partner in nation*

¹⁰² Azyumardi Azra, "Kebangkitan Islam akan Muncul Dari Melayu", *Ulumul Qur'an*, No. 1, VII/TH 1996, hlm. 19-23.

¹⁰³ Mohd Farid Mohd Sahran, "Pemeriksaan Ilmu", hlm. 2.

¹⁰⁴ Ibid.

¹⁰⁵ Ahmad Zaki Abdul Latif, *Transformasi Gerakan Islah*, hlm. 13.

¹⁰⁶ ABIM, *Mengangkat Martabat*, hlm. 114.

building) atau dalam istilah bekas Presiden ABIM Siddiq Fadzil sebagai *corrective participation*.¹⁰⁷ Walaupun sebelum dari itu berperanan sebagai kumpulan pendesak dan kritikal terhadap kerajaan, ABIM mengambil peranan sebagai pemecah masalah (*problem solving*), realistik, praktikal dan mengemukakan formula dan program yang konkrit sesuai perspektif Islam terhadap agenda kerajaan.¹⁰⁸

Secara konseptual, Siddiq Fadzil yang mencetuskan idea dan pemikiran *Manhaj Maliziy* menjelaskan bahawa ABIM melaksanakan model dakwah yang tersendiri yang beroperasi dalam lingkungannya tersendiri tanpa meniru secara keseluruhan mana-mana gerakan Islam lain di luar negara.¹⁰⁹ ABIM berpandangan bahawa pendekatan yang diambilnya mampu menghadapi realiti di dalam negara tanpa meniru secara keseluruhan pendekatan gerakan Islam luar negara. Pengalaman yang dilalui oleh gerakan Islam yang lain sekadar menjadi rujukan serta pengajaran untuk melaksanakan tuntutan dakwah di Malaysia yang sama sekali berbeza. Menurut beliau:

“Teras *Manhaj Maliziy* adalah al-Quran dan al-Sunnah dan kaedah operasinya adalah dalam konteks yang realistik dan sesuai dengan peredaran masa dan persekitaran. Ia tidak bermaksud untuk menyamakan dengan Manhaj Rasulullah tetapi penekanannya kepada *Manhaj Maliziy* ini ialah dalam konteks aplikasi model Manhaj Rasulullah dalam konteks persekitaran Malaysia dan Alam Melayu”¹¹⁰

Timbul satu fenomena exstremisme takfir umumnya adalah di latarbelakangi oleh keadaan dan suasana tertentu termasuklah wujudnya jurang kontradiksi yang amat

¹⁰⁷ Lihat Siddiq Fadzil dan Muhammad Nur Manuty, *Koleksi Ucapan Dasar Muktamar Sanawi ABIM Keprihatinan Umat dan Transformasi Sosial*, Kuala Lumpur, ABIM, 2003, hlm. 33. Ahmad Fauzi mencatat tempoh 1991-1998 sebagai tempoh matang dan pragmatik dalam melihat perkembangan ABIM. Huraian lanjut lihat Ahmad Fauzi Abdul Hamid, *Islamist Realignment and the Rebranding of the Muslim Youth Movement of Malaysia*, *Contemporary Southeast Asia*, Vol. 30, No. 2, 2008, hlm. 217-219.

¹⁰⁸ ABIM, *Mengangkat Martabat*, hlm: 112.

¹⁰⁹ Ahmad Azam Abd Rahman, *Prinsip Manhaj Maliziy (Pengalaman ABIM)*, Seminar Dakwah Kebangsaan Memahami Pendekatan Dakwah Manhaj Maliziy. 4 April 2007, Anjung Rahmat. Lihat juga Monograf, *Memahami Pendekatan Dakwah Manhaj Maliziy*, Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia, Kuala Lumpur. 2007. hlm. 15-20.

¹¹⁰ Ibid.

ketara di antara realiti masyarakat dengan idealisme kehidupan Islamiyah yang serba unggul; jurang luas yang menimbulkan rasa kecewa yang mendalam dalam kalangan generasi muda yang idealis dan rasa kecewa yang membawa kepada sikap menolak masyarakat yang di luar kelompok sendiri.¹¹¹ Selain itu, penindasan yang berlebihan dari pihak pemerintah ke atas aktivis-aktivis Islam dan penindasan melampau yang menimbulkan reaksi yang melampau dari pihak yang dimangsakan. Begitu juga kedangkalan ilmu para aktivis Islam sendiri tentang hukum hakam dan kaedah-kaedahnya, kedangkalan yang mengakibatkan keberanian melulu dalam menghukum dan menuduh orang dengan pelbagai gelaran.¹¹² Pendekatan ini sudah tentu bercanggah dengan pemikiran dakwah ABIM yang sama sekali tidak membenarkan kaedah yang menyemarakkan pelabelan takfir dalam dakwah dan lebih menekankan kepada pendekatan pendakwah bukan penghukum.¹¹³

Dalam konteks pemikiran politik, terutamanya memasuki tahun 1980-an, ABIM menampilkan beberapa gagasan penting berasaskan realiti masyarakat Malaysia yang berbilang bangsa dan agama.¹¹⁴ Gagasan seperti hikmah dalam berdakwah dan berpolitik, memperkenalkan pendekatan *Manhaj Maliziy* dan menggunakan kaedah penglibatan dan pembetulan (*corrective participation*) adalah antara anjuran idea yang selaras dengan pemikiran politik ABIM. Ini menunjukkan ABIM bukanlah sebuah gerakan yang idealis semata-mata, tetapi juga realistik dalam mengemukakan pendekatannya didalam masyarakat.¹¹⁵

¹¹¹ Ahmad Zaki Abdul Latif, *Transformasi Gerakan Islah*. hlm. 70-78.

¹¹² Siddiq Fadhil, Ucapan Dasar Presiden ABIM dalam Muktamar ke-13, 1984.

¹¹³ Pendekatan ini telah dipopularkan oleh Sheikh Hasan al-Hudaybi seorang pemimpin utama Ikhwan Muslimun Mesir. Beliau masih mempertahankan pendekatan sederhana dalam berdakwah. Tulisan asal beliau bertajuk *Du'at La Qudat, al-Qahirah*: Dar at-Taba'ah wa an-Nasyr al-Islami, 177. Buku ini diterjemahkan oleh ABIM dalam tahun 1985. Lihat Hasan al-Hudaybi, *Pendakwah Bukan Penghukum*, Kuala Lumpur: ABIM, 1985. Untuk keterangan lanjut, lihat Badlihisham Mohd Nasir, "Ketokohan dan Pemikiran Dakwah," hlm. 71.

¹¹⁴ Lihat Badlihisham Mohd Nasir, "Ketokohan dan Pemikiran Dakwah Dato Dr. Siddiq Fadhil", *Jurnal Usuluddin*, Bil. 27, Januari 2008-Jun 2008, Universiti Malaya, hlm. 63.

¹¹⁵ Badlihisham Mohd Nasir, "Ketokohan dan Pemikiran Dakwah". hlm. 63.

Pendekatan *Manhaj Maliziy* juga berdasarkan kepada dakwah menggunakan kaedah dan ciri Malaysia, dengan tidak mengambil pendekatan gerakan Islam di luar negara secara total. Dalam konteks politik telah terangkum di dalamnya beberapa asas yang telah menjadi panduan kepada gerakan ABIM. Pendekatan ini tidak bergantung secara mutlak kepada gerakan Islam yang lain terutamanya dari Ikhwan Muslimun di Timur Tengah dan Jamaat Islami di Indo- Pakistan ataupun pendekatan siyasah yang revolusioner dari Iran. Pendekatan ini merupakan satu penegasan kepada hakikat perlunya gerakan Islam mempunyai pendekatan yang tersendiri dengan mengambil kira persekitaran dan lingkungan dan menolak peniruan secara membabi buta.¹¹⁶

Antara ciri-ciri penting *Manhaj Maliziy* ialah dasar tidak berparti (*non-partisan*) dan kekuatan politik yang bebas (*independent political force*), iaitu ABIM akan terlibat secara langsung di dalam proses politik negara tanpa menjadi parti politik. Bermaksud di sini iaitu ABIM boleh mempengaruhi iklim politik negara agar proses ini akan mendorong kearah Islamisasi yang lebih berkesan dan bermakna. Dalam melaksanakan kaedah ini ABIM boleh menyokong atau membangkang mana-mana parti politik tanpa terikat dengan pengaruh ideologi dan dasar mereka.¹¹⁷

Pendekatan *Manhaj Maliziy* menekankan juga persoalan perpaduan Ummah dalam politik negara. Atas asas itu ABIM mempunyai kebebasan di dalam meletakkan pendirian politiknya dan ABIM boleh memberikan sokongan kepada mana-mana parti politik Melayu sama ada UMNO atau PAS asalkan kepentingannya adalah untuk Islam. Agenda perpaduan ummat senantiasa menjadi tema utama dalam politik ABIM. Atas

¹¹⁶ Mohd Farid Mohd Shahrin, *Isu-isu Dalam Pemikiran Islam*, Kuala Lumpur: ABIM, 2008, hlm. 145.

¹¹⁷ Dalam Ucapan Dasar Ahmad Azam Abdul Rahman yang bertajuk “Memugar Idealisma Perjuangan”, dalam tahun 1998, beliau telah menjelaskan lagi pengertian *Manhaj Malaziy* iaitu pendekatan dakwah Malaysia yang tidak semestinya sama dan serupa dengan pendekatan yang diambil di negara-negara lain lantaran ragam dan senario tempatan adalah berbeza. Sila lihat Ahmad Azam Abdul Rahman, *Memimpin Belia Islam*, hlm. 8-9.

asas itulah ABIM sentiasa mengambil pendekatan perpaduan dan pemersatu di antara dua parti terbesar Melayu. Pendekatan *Manhaj Malizie* sebagai satu pendekatan telah berjaya membuahkan kejayaan sehingga ada pihak yang sebelum ini mengecam pendekatan ABIM, kini terpaksa mengikut jejak langkah sepertimana yang pernah dilakukan oleh ABIM.¹¹⁸

Dalam mencapai strategi dakwahnya ABIM melakukan beberapa pendekatan yang bersifat mendesak secara berkonfrontasi kepada suatu pendekatan yang berhikmah dalam menangani masalah ummat. Strategi yang digunakan ialah dengan memperkuat elemen Islam dalam UMNO dan memperkukuhkan elemen sederhana dalam PAS sebagai satu usaha untuk meredakan sebarang ketegangan politik untuk mencapai perpaduan ummat yang dicita-citakan. Pendekatan ABIM yang ingin mempersatukan ummah ini senantiasia dicurigai oleh kedua-dua belah parti politik yang senantiasia mengharapkan sokongan padu daripada ABIM sendiri. Namun begitu, sekiranya ada mana-mana parti politik yang bertindak merugikan kepentingan Islam, maka ABIM boleh bertindak untuk menentang keputusan parti politik tersebut.¹¹⁹

Pendirian rasmi ABIM dalam soal politik dapat dirumuskan seperti berikut. Pertamanya, dalam pergerakannya, ABIM tidak akan melibatkan diri di dalam mana-mana kegiatan parti politik. Kedua, ABIM telah memilih untuk tidak terlibat secara langsung di dalam persaingan perebutan kuasa tetapi sebaliknya memilih untuk menyampaikan Islam kepada semua rakyat yang berbilang parti dan kepada pemerintahan dengan sikap berbaik dengan semua tanpa memilih kelompok. Ketiga, ABIM tidak pernah menghalang mana-mana anggotanya untuk menyertai mana-mana

¹¹⁸ Siddiq Fadhil, *Islamic Movement in the '90' Vision and Strategy*, Petaling Jaya: ABIM, 1992, hlm. 4. Sila lihat Badlisham Mohd Nasir, "Ketokohan dan Pemikiran Dakwah". hlm. 77.

¹¹⁹ Shahrudin Badaruddin, *Masyarakat Madani dan Politik*. hlm.43.

parti politik asal sahaja mereka tidak melibatkan organisasi ABIM di dalam kegiatan siasah parti berkenaan.¹²⁰

Terdapat tiga faktor yang mendorong teretusnya manhaj tersebut. Pertamanya ialah kemasukan Anwar Ibrahim ke dalam UMNO telah menyebabkan ABIM menukar pendekatannya dari bersifat radikal kepada pendekatan yang lebih sederhana. Keduanya ialah terdapat kecenderungan aktivis gerakan Islam di Malaysia untuk melihat Malaysia dari perspektif Mesir, Pakistan ataupun Iran. Ketiganya ialah kebanyakan bahan-bahan yang diterjemahkan dari Timur Tengah lebih bernada konfrontasi yang bersifat penentangan kepada pemerintah secara revolusi.¹²¹

Namun begitu, dalam melihat kepada pendekatan politik dakwah, ABIM berpandangan bahawa penglibatan dalam sistem pilihan raya bukanlah suatu kaedah yang asasi (*ushub asasi*) atau tugas utama (*jawhar al-amal*), tetapi hanyalah sebagai perkara kedua (*umur janabiyyah*).¹²² Siddiq Fadzil menegaskan bahawa aktiviti politik tidak boleh diletakkan mengatasi kepentingan gerakan Islam dan juga tugas utama Islam itu sendiri. Sifat ABIM sebagai sebuah organisasi dakwah yang non-partisan sebenarnya mempunyai lebih banyak peranan yang boleh dimainkan.¹²³

Menurut ABIM pendekatan *Manhaj Maliziy* ini mampu untuk membangunkan Islam di Malaysia sesuai dengan latarbelakang sosiobudaya masyarakatnya. Ahmad Azam Abdul Rahman menjelaskan bahawa tanpa membuat penyeragaman pendekatan

¹²⁰ Mohd Anuar Tahir, *Pendirian Politik ABIM*, Petaling Jaya: ABIM, 1993.

¹²¹ Ahmad Zaki Abdul Latif, *Pengaruh Gerakan Islam Timur Tengah Dalam Perkembangan Pemikiran Agama dan Politik Masyarakat Melayu (1971-1998)*, Tesis PhD untuk Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2002, hlm. 237.

¹²² Siddiq Fadhil, *Garis-garis Besar Haluan Perjuangan*, dalam Koleksi Ucapan Dasar Muktamar Sanawi ABIM, *Mengangkat Martabat Umat*, hlm. 19.

¹²³ Lihat Siddiq Fadhil, "Menyahut Cabaran Abad Kebangunan," dalam Koleksi Ucapan Dasar Muktamar Sanawi ABIM, *Mengangkat Martabat Umat*, hlm. 66.

dakwah di seluruh dunia kerana ABIM percaya bahawa perbezaan dan sensitiviti umat di dunia berbeza antara satu sama lain. Masalah umat di Asia Tenggara berbeza dengan masalah umat di Eropah. Kaedah ala Malaysia (*Manhaj Maliziy*) yang sudah tentu berbeza dengan pendekatan yang harus dilakukan di negara-negara lain.¹²⁴ Walaupun pada peringkat awal terdapat juga sebahagian tokoh ABIM terlibat dalam demonstrasi dan melontarkan pemikiran-pemikiran radikalisme namun selepas kemasukan Anwar Ibrahim ke dalam UMNO, ABIM semakin matang.

“Aliran Radikalisme dalam ABIM mulai berkurangan berikutan penghijrahan Anwar Ibrahim ke dalam UMNO pada tahun 1982. Lalu bermulalah “kematangan” ABIM yang menjurus kepada semangat kerjasama dan meninggalkan retorik politiknya. ABIM melihat bahawa politik Islam tidak akan tercapai dengan hamburan caci maki dan kata-kata kesat kepada mad’u. Gerakan Islam tidak seharusnya menjadi juara mengutuk mad’u, tetapi sebaliknya menghampirinya dengan penuh hikmah dan lemah lembut, sesuai dengan corak pendekatan alam Melayu yang beransur-ansur dan sopan itu.”¹²⁵

Malaysia yang mempunyai masyarakat majmuk yang berbilang bangsa dan agama perlu tampil dengan pendekatan dakwah yang lebih komprehensif dan berwibawa.

“Dengan demikian gerakan Islam di Malaysia seharusnya mampu tampil sebagai model gerakan Islam dalam masyarakat majmuk. Dengan kata lain, dari sinilah seharusnya lahir model pluralisme yang terjelma daripada pengalaman menangani realiti kemajmukan berasaskan prinsip dan nilai wahyu. Dalam kaitan ini apa yang disebut sebagai *Manhaj Maliziy* itu harus meliputi pemikiran tentang isu-isu seperti: dialog ketamadunan dan toleransi antara agama, politik perkongsian kuasa dan pelaksanaan syariat (*tatbiq al-syari’ah*) dalam masyarakat majmuk.”¹²⁶

¹²⁴ Badlihisam Mohd Nasir, *Ketokohan dan Pemikiran Dakwah Dato’ Dr. Siddiq Fadzil*, hlm. 61-80,

¹²⁵ Badlihisam Mohd Nasir dan Che Yusof Che Mamat, *Isu Etika dalam Politik Gerakan Islam: Sorotan Terhadap PAS*. JEBAT 29, 2009. hlm 25-47.

¹²⁶ Siddiq Fadzil, 21 April 2007. *Dakwah dan Transformasi Sosial: Pendekatan Kemalaysiaan*, Akademi Kajian Ketamadunan, Kolej Dar al-Hikmah, hlm. 5.

Menurut Ahmad Azam Abd Rahman, walaupun ada negara-negara luar ingin menjadikan ABIM sebagai model gerakan dakwah di negara mereka seperti Thailand, Burma, Filipina dan Afrika Selatan yang mengenali ABIM secara dekat, namun Ahmad Azam menegaskan bahawa perlunya mereka berdakwah mengikut situasi negara masing-masing.¹²⁷ Pengalaman negara masing-masing penting dalam usaha untuk mempertingkatkan kefahaman Islam dalam kalangan masyarakat.¹²⁸ Kejayaan ABIM dalam memperkenalkan pemikiran *Manhaj Maliziy* dan bersama pemerintah merangka pembangunan yang berasaskan Islam di Malaysia terutamanya pada dekad 1980-an dan 1990-an telah menarik minat beberapa gerakan Islam serantau seperti di Indonesia terutamanya pada tahun 1990-an yang menyaksikan pendekatan gerakan Islam di Indonesia mula berubah apabila Ikatan Cendekiawan Muslim Indonesia (ICMI) ditubuhkan di mana mereka mula mendekati pemerintah.¹²⁹

Kemasukan Anwar Ibrahim ke dalam UMNO menyebabkan ABIM menghadapi masalah perpecahan, namun kewibawaan Siddiq Fadzil ketika itu yang menjadi pemangku Presiden ABIM berjaya mengatasinya. Ini menunjukkan bahawa kemasukan Anwar Ibrahim ke dalam UMNO telah memberi kesan yang besar terhadap ABIM. Penentangan ahli pada pelbagai peringkat di seluruh negara telah membawa kepada kemelut kepimpinan semasa ketika itu sehingga tidak dihormati. Percanggahan pendapat dan pemikiran tercetus dalam kalangan pemimpin peringkat negeri dan juga ahli-ahli di peringkat negeri.¹³⁰

Siddiq Fadzil yang dilantik menjadi Presiden ABIM ketiga dalam ucapan penangguhannya menyatakan bahawa pucuk pimpinan tidak pernah merasa diri mereka

¹²⁷ Temu bual Ahmad Azam Abd Rahman di pejabatnya di Gombak pada 15 Jun 2009..

¹²⁸ Ibid.

¹²⁹ Mochtar Maseud, *Islam Dan Demokrasi Di Indonesia*, hlm. 13-15.

¹³⁰ Temu bual dengan Siddiq Fadzil di Kolej Darul Hikmah pada 21 Januari 2009.

sebagai orang yang paling layak. Oleh itu tidak timbal soal layak atau tidak¹³¹Ucapan penangguhan tersebut menggambarkan kesungguhan beliau selepas itu untuk memperkemaskan organisasi ABIM. Dalam ucapan dasar sulungnya yang bertajuk “*Garis-Garis Besar Haluan Perjuangan*”,Siddiq Fadzil telah menggariskan dasar, sikap dan arah tuju perjuangan ABIM yang dipertikaikan oleh pelbagai pihak termasuk oleh sebahagian ahli ABIM sendiri. Penegasan Siddiq Fadzil dalam Mukhtamar Sanawi ke-11:

“Kita adalah pendukung dakwah dan pelanjut risalah, gerakan kita terangkai dalam kesinambungan siri perjuangan mursalin dan mujahidin di sepanjang usia dunia yang pada pokoknya membawa misi yang sama: membawa manusia mengabdikan diri seutuh dan setulusnya kepada Allah - mengabdikan dalam erti yang setulen dan seluas-luasnya, tunduk dan azur sepenuhnya kepada ajaran Samawi, patuh dan setia sebulat-bulatnya kepada tata hidup rabbani”¹³²

Siddiq Fadzil menjadikan idea *al-Manhaj* ‘*l-Maliziyy* sebagai teras kegiatannya yang meliputi tiga perkara iaitu kepemimpinan antarabangsa, model pembangunan sosial dan penggerak politik pemersatu.¹³³ Oleh itu jelas menunjukkan bahawa penyebaran idea dan pemikiran *Manhaj Maliziyy* telah menjadikan wacana dan pengamalan agama di Malaysia tidak berkonflik seperti di negara Islam yang lain. Pemikiran *Manhaj Maliziyy* yang berpaksikan realiti masyarakat Malaysia menjadikan idea-idea keislaman mudah tersebar dengan mengambil kira kedudukan masyarakat Melayu dan masyarakat lain. Jelas di sini idea non-partisan dan *Manhaj Maliziyy* ini menyumbang kepada pengamalan Islam yang berkesan di Malaysia.

¹³¹ Zulkifli Daud, *ABIM 1971-1996*, hlm. 64.

¹³² Ucapan Dasar ABIM ke-11, hlm. 5. Lihat juga Zulkifli Daud, *ABIM 1971-1996*, hlm. 63.

¹³³ Ibid.

Politik Penyatuan Ummah

Dalam konteks politik, terutamanya politik partisan, ABIM masih mengambil pendekatan untuk menegakkan kebenaran dan memperjuangkan keadilan. Pendekatan untuk mengkritik kerajaan dalam tahun 1970-an telah membawa pemimpin-pemimpin ABIM ke pentas politik, terutamanya dalam Pilihan Raya Umum tahun 1978. Beberapa pimpinan kanan ABIM telah menyertai parti PAS seperti Fadzil Mohd. Noor, Nakhaie Ahmad, Syed Ibrahim Syed Abdul Rahman dan juga pimpinan ABIM peringkat negeri seperti Abdul Hadi Awang di Terengganu.¹³⁴ Namun begitu, atas dasar dakwah, pendekatan tersebut tidak menghalang ABIM daripada bekerjasama dengan kerajaan Pusat apabila ABIM telah berjaya menganjurkan bulan dakwah pada tahun 1978.¹³⁵

Terdapat tokoh-tokoh lain yang masuk ke dalam PAS adalah agak terancang hasil perbincangan di Morib, Selangor di akhir tahun 1977. Ini dilakukan akibat anjuran daripada pandangan Muhammad Natsir iaitu seorang tokoh Islam yang di hormati dari Indonesia supaya perjuangan PAS dikembangkan, maka projek penyaluran darah atau *blood transfusion* tokoh-tokoh ABIM dilakukan.¹³⁶

Sumbangan besar ABIM terutamanya dalam PAS ialah menukarkan konsep dan wajah Pemuda PAS dengan mencadangkan pengamalan syura, mengintelektualkan ulama dan memulakan sistem *tarbiyyah* seperti *tamrin*, *usrah* dan

¹³⁴ Lihat tesis Ahmad Zaki Abdul Latif, "Pengaruh Gerakan Islam Timur Tengah" hlm. 214. Lihat juga Shahrudin Badaruddin, *Masyarakat Madani dan Politik*. hlm. 40.

¹³⁵ Bulan Dakwah yang dianjurkan bersama dengan kerajaan Pusat telah memberikan peluang kepada ABIM untuk masuk ke dalam agensi kerajaan dan sekolah-sekolah secara rasmi dan ruang dakwah kepada sektor kerajaan itu digunakan sepenuhnya untuk menjelaskan prinsip-prinsip perjuangan ABIM. Temubual dengan Siddiq Fadhil pada 21 Januari 2009 di Sg. Ramal, Kajang.

¹³⁶ Antara tokoh-tokoh yang masuk PAS ialah seperti Fadzil Mohd. Noor, Nakhaie Ahmad, Syed Ibrahim Syed Abdul Rahman yang berada di peringkat Pusat, manakala di peringkat negeri pula ialah Abdul Hadi Awang di Terengganu dan Yahya Othman di Kelantan. Satu kelebihan kepada ABIM dalam tahun 1970-an ialah apabila PAS berada dalam BN, terdapat ramai dari tokoh-tokoh muda telah berjuang aktif di dalam ABIM. Shahrudin Badaruddin, *Masyarakat Madani dan Politik*. hlm.117.

sebagainya.¹³⁸Sebahagian besar perubahan yang berlaku dalam tahun 1980-an dalam PAS adalah berpunca dari bekas-bekas pimpinan ABIM yang menduduki jawatan tertentu dalam PAS terutama melalui kepimpinan mudanya. Tradisi intelektual yang dibawa daripada ABIM diteruskan ke dalam PAS, begitu juga dengan sistem latihannya yang sistematik telah menukarkan gaya kerja PAS kepada sistem yang agak profesional dan memikat kelompok intelektual baru ke dalam PAS.¹³⁹

Dalam tahun 1980-an, suasana baru muncul dalam politik ABIM apabila Anwar Ibrahim membuat keputusan untuk terlibat di dalam UMNO. Kesan besar adalah apabila Anwar Ibrahim masuk dalam Pemuda UMNO dan cuba untuk mengubah pendekatan dan arah perjuangan di dalam kepimpinan Pemuda UMNO.¹⁴⁰Terdapat juga tokoh-tokoh ABIM yang menduduki jawatan penting sebagai petugas politik seperti menjadi Setiausaha Politik dan Pegawai Khas kepada Menteri Persekutuan ataupun Menteri Besar.¹⁴¹ Penglibatan pemimpin ABIM dalam kerajaan diakui berjaya menggerakkan beberapa institusi pendidikan, ekonomi dan pemikiran kearah Islam.¹⁴²

¹³⁸ Ibid. hlm.118.

¹³⁹ Lihat Mohd Fadli Ghani, *Dewan Pemuda PAS: Suatu Kajian Terhadap Tahap-Tahap Perkembangan Organisasi Dalam Era Bertindak, 1975-2003*, Projek Sarjana di Pusat Pengajian Sejarah, Politik dan Strategi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2003. hlm. 70-100.

¹⁴⁰ Kesannya ialah terdapat mereka yang cuba menjejaki Anwar Ibrahim seperti tokoh kepimpinan ABIM Pusat seperti Kamaruddin Md. Noor dan Kamaruddin Jaafar dan kemudiannya dituruti oleh Fuad Hassan. Lihat Shahrudin Badaruddin, *Masyarakat Madani dan Politik*. hlm. 118.

¹⁴¹ Tokoh di peringkat Pusat seperti Mustapha Kamil Ayub telah menjadi Setiausaha Politik kepada Muhyiddin Yassin, Alies Noor Abdul menjadi Setiausaha Politik kepada Mohd. Najib Tun Razak. Tokoh-tokoh lain yang berkerja di peringkat negeri adalah seperti Jamil Mukmin yang berkhidmat dengan Rahim Tamby Chik dan juga petugas-petugas politik seperti Zulkifli Daud yang bergerak dengan Muhammad Mohd Taib di Selangor. Kelompok inilah yang disebut sebagai budak-budak Anwar atau *Anwar boys* yang memainkan peranan untuk mengujudkan satu kekuatan dalam UMNO sendiri. Pembentukan team Wawasan mempunyai kaitan dengan peranan yang dimainkan oleh orang-orang ABIM dalam UMNO. Lihat Shamsul Akmar, "Rivalry forgotten at ABIM do", *Sunday Star*, August 25, 1996. Lihat Shahrudin Badaruddin, *Masyarakat Madani dan Politik*. hlm.118.

¹⁴² Ini dapat dilihat dalam beberapa intitusi seperti Universiti Islam Antarabangsa, Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YPEIM), Institut Kajian Dasar (IKD), Biro Tatanegara (BTN), Antara tokoh pimpinan ABIM Pusat yang terlibat dalam institusi ini adalah seperti Idris Jauzi yang berkhidmat di Institut Aminuddin Baki yang menubuhkan satu unit Pembangunan Komuniti dan kemudiannya berpindah ke Biro Tatanegara. Sidek Baba yang juga berperanan di Institut Aminuddin Baki dan kemudiannya dihantar ke Universiti Islam Antarabangsa. Malek Awang Kecil memimpin Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia, sementara Ahmad Azam Abdul Rahman telah mengendalikan program kerjasama antara IKD dan Majlis Belia Malaysia. Lihat Badlihisam Mohd Nasir, *Dakwah Gerakan Islam*, hlm. 16.

Politik ABIM tahun 1998 daripada satu gerakan sivil kepada gerakan politik selepas layanan yang buruk yang diterima oleh Anwar Ibrahim daripada kepimpinan negara dan penggunaan jentera kerajaan yang keterlaluan untuk membunuh karier politik bekas mantan Presiden ABIM tersebut. Kepimpinan ABIM yang diterajui oleh Ahmad Azam Abdul Rahman bagi sesi 1997-1999 mempunyai satu sikap terutamanya pada tahun 1998, iaitu jika Anwar Ibrahim menjadi Perdana Menteri, maka ABIM akan benar-benar menjadi kumpulan pendesak agar segala cita-cita Islamisasi dapat dilaksanakan dengan berkesan.¹⁴³

Pada Pilihan Raya Umum ke 10 (1999) situasi pilihan raya menjadi semakin panas kesan daripada isu pemecatan Anwar Ibrahim. Isu politik dalam negara berkaitan dengan penyingkiran Anwar Ibrahim daripada UMNO merupakan isu yang mendasari perkembangan politik pada penghujung tahun 1990-an. Anwar Ibrahim dipecat daripada jawatan Timbalan Perdana Menteri, Timbalan Presiden UMNO, Ketua Perhubungan UMNO Pulau Pinang dan jawatan-jawatan lain dalam parti berkuatkuasa 4 September 1998 selepas satu mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO. Keadaan ekonomi yang lemah serta isu pemecatan Anwar Ibrahim dijadikan senjata utama oleh parti pembangkang untuk menunjukkan kelemahan kerajaan UMNO dan BN. Tidak dinafikan PRU ke 10 (1999) merupakan pilihanraya yang cukup getir buat UMNO dan BN.¹⁴⁴

Pemecatan dan layanan buruk terhadap Anwar Ibrahim mendominasi, mendasari dan menjadi pemangkin kepada kemunculan isu-isu lain dalam Pilihan Raya Umum ke 10 pada tahun 1999. Sentimen anti Mahathir, penentangan terhadap penyelewangan, penyalahgunaan kuasa, korupsi dan kronisme, keinginan kepada kerajaan yang

¹⁴³ Lihat kertas “Gagasan Madinah”, Rekod Minit Mesyuarat ABIM 1998.

¹⁴⁴ Muhammad Nazri Mohammed Noor. 2009. *Politik Malaysia di Persimpangan Jalan:Praktik Politik Dalam PRU 2008 dan Kotemporari*. Petaling Jaya:SIRD. hlm. 71-93.

telus,urus tadbir yang baik serta hak asasi yang dihormati bukanlah merupakan isu baru. Walaubagaimanapun, pemecatan Anwar Ibrahim telah menyedarkan dan meningkatkan lagi keyakinan dan komitmen rakyat untuk menangani isu tersebut.¹⁴⁵ Setelah wujudnya perasaan simpati yang mendalam terhadap Anwar Ibrahim dan kemarahan meluap-luap kepada Mahathir, rakyat didapati telah bersedia melupakan isu dan kjepentingan kaum demi memperjuangkan isu bersama yang bersifat sejagat.

Pemecatan Anwar Ibrahim juga telah mengheret ABIM ke kancah politik nasional. Penubuhan gerakan reformasi rakyat (GERAK) yang diterajui oleh ABIM menyebabkan pendekatan ABIM sangat berbeza dengan strategi *partner in nation building* sebelum daripada peristiwa tersebut.¹⁴⁶ ABIM beranggapan reformasi adalah bertunjangkan kepada menghayati dan memperjuangkan nilai kebenaran serta keadilan dalam bidang sosial, ekonomi dan politik.¹⁴⁷ ABIM menubuhkan gerakan reformasi rakyat sehingga dapat bekerjasama dengan Jemaah Islamiyah Malaysia (JIM) yang mempunyai pendekatan politik yang sama. Majlis Syura Tertinggi ABIM telah membuat keputusan iaitu kalau Anwar Ibrahim membawa isu ini dalam bentuk demonstrasi, maka ABIM akan menarik diri daripada gerakan reformasi tersebut.¹⁴⁸ Walaupun begitu keputusan telah berubah akibat penangkapan empat pemimpin tertinggi ABIM.¹⁴⁹

¹⁴⁵ Ibid hlm. 43-49.

¹⁴⁶ Lihat "ABIM Ketuai Gerakan Reformasi," *Berita Harian* 7 September 1998 dan *Utusan Malaysia* 7 September 1998.

¹⁴⁷ Arba'iyah Mohd. Noor, "ABIM dalam gelombang politik negara", *Risalah* Bil. 5, Oktober 2001. Lihat juga Zafar Bangash, "Lessons for the Islamic Movement from Anwar's Episode". *Muslimedia*, Oktober 1-15, 1998.

¹⁴⁸ Keputusan Syura pada 16 September 1998 di Pusat Latihan ABIM, Sg. Ramal, Kajang sempena Mukhtamar ABIM.

¹⁴⁹ Antara yang ditahan ialah Presiden ABIM, Ahmad Azam Abdul Rahman, Timbalan Presiden, Mokhtar Ridzwan, Naib Presiden, Abd. Halim Ismail dan Setiausaha Agung, Shaharuddin Badaruddin. Ahmad Azam Abd. Rahman .Sila lihat Ahmad Azam Abdul Rahman, *Qiyadah Berwibawa Menganjak Ummah*, Kuala Lumpur: ABIM, 2008, hlm. 39-40.

Sikap agresif ABIM selepas peristiwa pemecatan Anwar Ibrahim adalah kerana tuduhan terhadap Anwar Ibrahim adalah tidak meyakinkan, selain daripada penggunaan jentera kerajaan secara keterlaluan untuk menghancurkan kredibiliti Anwar.¹⁵⁰ Sebagai Presiden ABIM ketika itu, Ahmad Azam Abdul Rahman menjelaskan bahawa ABIM tidak mempunyai pilihan selain menyokong gerakan reformasi kerana berpandangan nilai-nilai kebenaran dan keadilan telah dipinggirkan dan terpaksa bangkit untuk menyatakan kebenaran. Namun begitu, sebagai sebuah gerakan Islam yang meletakkan dakwah dan tarbiah sebagai teras pendekatannya, Ahmad Azam sedar bahawa penglibatan dalam politik ini meletakkan ABIM dalam keadaan yang sukar apalagi ABIM tidak mempunyai pengalaman dalam politik.¹⁵¹

Ahmad Azam Abdul Rahman menjelaskan bahawa tindakan ABIM membela Anwar Ibrahim dalam isu pemecatannya bukanlah atas alasan bahawa beliau mantan Presiden ABIM, tetapi atas prinsip keadilan dan bukannya pemujaan kepada tokoh seperti tuduhan pelbagai pihak.¹⁵² Sokongan dan penglibatan ABIM secara aktif dalam Gerakan Reformasi Rakyat (GERAK) pada tahun 1998 akibat daripada pemecatan Anwar Ibrahim dari kerajaan dan UMNO adalah merupakan tugas-tugas islah dan merupakan satu pernyataan perkongsian idealisme perjuangan.¹⁵³ Penglibatan ABIM yang sangat agresif pada ketika itu digambarkan dengan serangan dalam media massa yang menuduh ABIM menjadi dalang dalam membakar semangat mahasiswa.¹⁵⁴ ABIM juga dituduh mengetuai perhimpunan haram dan menyebarkan maklumat palsu tentang kepimpinan negara.¹⁵⁵

¹⁵⁰ Ahmad Azam, *Risalah*, Bil. 5/Oktober 2001.

¹⁵¹ Ahmad Azam Abdul Rahman, *Memimpin Belia Islam*, hlm. 39-40.

¹⁵² Alex Choong, "We are not defending Anwar, says ABIM Chief", *New Straits Times*, 14 September 1998.

¹⁵³ Ibid., Ahmad Azam Abdul Rahman, *Memimpin Belia Islam*, hlm. 27-28.

¹⁵⁴ Ibid.

¹⁵⁵ "Former ABIM Chief brainwashed students". dlm. *News Strait Times Press*, 20 Julai 1999.

Pada peringkat awal penglibatan ABIM dalam politik lebih kepada gerakan sivil, walaubagaimanapun penangkapan pimpinannya telah membawa ABIM kepada gerakan politik. PAS di bawah pimpinan Fadzil Mohd. Noor yang juga bekas Timbalan Presiden ABIM telah berjaya mengambil inisiatif menubuhkan GERAK (Gerakan Keadilan Rakyat) pada 27 September 1998 yang bermatlamat untuk menegakkan keadilan dan menentang kezaliman. GERAK telah berjaya menghimpunkan gerakan Islam dan NGO di Malaysia di bawah satu barisan dan berjaya menyelesaikan masalah perselisihan sesama mereka yang berlaku semenjak belasan tahun dahulu terutamanya selepas tahun 1980-an akibat daripada kemasukan Anwar Ibrahim ke dalam UMNO.¹⁵⁶

ABIM turut menyertai Gagasan Rakyat yang dipimpin oleh aktivis NGO iaitu Tian Chua daripada Suaram (Suara Rakyat Malaysia). Gagasan Rakyat telah berjaya menggabungkan seluruh pertubuhan masyarakat sivil yang memperjuangkan hak asasi manusia. Dalam persidangan yang dianjurkan oleh Gagasan Rakyat, ABIM telah mengambil inisiatif dengan menganjurkan supaya pertentangan antara PAS dan DAP dapat dikendurkan melalui satu gabungan untuk memudahkan pembentukan sistem dua parti di Malaysia. Persidangan Gagasan Rakyat ini telah berjaya meletakkan dua parti yang berlainan ideologi dan memudahkan parti politik untuk bergabung tenaga dalam membentuk Barisan Alternatif pada Pilihan Raya Umum 1999.¹⁵⁷

Bagi memastikan gerakan reformasi berjalan dengan teratur ia memerlukan sebuah organisasi yang sah daripada segi perlembagaan. Inisiatif telah diambil untuk menubuhkan ADIL (Pergerakan Keadilan Sosial) pada 10 Disember 1998.¹⁵⁸ Namun

¹⁵⁶ Mohd Shukri Salleh, *Reradikalisasi Gerakan Islam Di Malaysia*, hlm 2-7.

¹⁵⁷ Temu bual dengan Shahrudin Badaruddin di Universiti Malaya pada 20 Oktober 2010.

¹⁵⁸ Penubuhan ADIL telah dilewatkan untuk menanti penerimaan Ahmad Azam sebagai Jawatankuasa ADIL. ADIL telah dirasmikan sendiri oleh Presiden (Penaja) ADIL, Wan Azizah Wan Ismail dan perlantikan Jawatankuasa (Penaja) seramai 27 dan 24 penyokong terdiri dari pelbagai profesyen. Lihat

begitu, usaha untuk mendaftarkannya menemui kegagalan kerana tidak memperoleh kelulusan dari Kementerian Dalam Negeri. Kegagalan ini menyebabkan aktivis-aktivis ABIM telah mencadangkan beberapa pilihan. Pertama, menggunakan parti politik yang sedia ada, sama ada PAS ataupun Parti Rakyat Malaysia (PRM). Kedua, menubuhkan parti baru yang dikira agak mustahil pada ketika itu. Pendekatan yang ketiga yang berjaya menubuhkan parti iaitu menggunakan parti politik yang masih sah tetapi tidak aktif lagi (*dormant*) dan masih boleh digunakan untuk membawa mesej reformasi politik di Malaysia.¹⁵⁹ Oleh itu jelas menunjukkan bahawa aktivis ABIM yang mula merancang dan menubuhkan Parti Keadilan.¹⁶⁰

Badan tertinggi ABIM yang membuat keputusan melalui Majlis Syura ABIM mencadangkan penglibatan mantan-mantan pimpinan ABIM di peringkat Pusat dan juga ABIM Negeri secara keseluruhannya mestilah tidak melebihi 30 peratus daripada kekuatan parti Keadilan untuk memastikan supaya Keadilan disertai oleh semua kelompok penyokong gerakan reformasi. Bagi ABIM, Keadilan sebagai wadah politik baru merupakan saluran yang wajar dengan berusaha untuk mempengaruhi pengundi dan berupaya untuk menyalurkan isu-isu secara tegas.¹⁶¹

Sambutan yang mengalakkan daripada aktivis ABIM terhadap penubuhan Parti Keadilan Nasional dapat dilihat di beberapa negeri dimana penglibatan mereka yang serius dalam menubuhkan Parti Keadilan Nasional di peringkat negeri dan bahagian. Penglibatan ABIM dalam Pilihan Raya Umum Ke-10 ini adalah merupakan penglibatan

“Wan Azizah ketua penubuhan Adil”, *Utusan Malaysia*, 11 Disember 1998 dan “Azizah umum penubuhan Adil”, *Berita Harian*, 11 Disember 1998.

¹⁵⁹ Temu bual dengan Anuar Tahir di Pejabatnya di Alor Setar pada 12 Mei 2010. Beliau merupakan antara aktivis ABIM yang terlibat secara langsung dalam penubuhan Parti Keadilan Nasional dan gerakan reformasi. Shahrudin Badaruddin. *Masyarakat Madani dan Politik*. hlm. 79-82.

¹⁶⁰ Muhammad Hafiz Abdul Halim, *Gerakan Reformasi dan Kesannya ke atas Politik Malaysia*, hlm.127-128.

¹⁶¹ Temubual dengan Shahrudin Badaruddin di Universiti Malaya pada 20 Ogos 2010.

yang dikira menyeluruh. Walaupun daripada segi organisasinya ABIM masih mengekalkan sikap non-partisan,¹⁶² tetapi ahli-ahli ABIM diberikan kebebasan untuk menentukan pilihannya sama ada bertindak sebagai calon pilihan raya daripada Keadilan, PAS dan juga UMNO, manakala di peringkat DUN dan Parlimen telah ditubuhkan jentera penggerak, dan mereka yang masih mahu mengekalkan diri dalam sikap non-partisan juga boleh bergiat aktif dalam Pemantau pilihan raya.¹⁶³

Sokongan terhadap Barisan Alternatif mempunyai implikasinya yang tersendiri kerana telah menjadikan faktor Islam semakin penting kerana berjaya mengumpulkan aktivis Islam dalam satu barisan. Fenomena ini dijelaskan oleh Siddiq Fadzil sebagai reformasi *islahi*.¹⁶⁴ Manakala Presiden ABIM ketika itu iaitu Ahmad Azam pula menyebutkan bahawa dengan kelahiran Barisan Alternatif ini, ABIM akan menjadi kekuatan ketiga iaitu sebagai pemangkin kepada peningkatan kualiti program Islam dan Islamisasi untuk dilaksanakan oleh kedua-dua parti, sama ada oleh parti pemerintah ataupun parti pembangkang.¹⁶⁵

Pengundi Melayu yang rata-rata bersimpati dengan isu pemecatan Anwar Ibrahim mengalihkan sokongan kepada parti pembangkang terutamanya PAS pada Pilihan Raya Umum ke 10 (1999). Sokongan kepada PAS telah meningkat secara mendadak dan sokongan yang amat positif telah diterima oleh Parti Keadilan (KeADILan). PAS berjaya mengekalkan penguasaan di Kelantan, merampas Terengganu daripada UMNO, menafikan majoriti dua pertiga UMNO dan BN di Kedah,

¹⁶² Ibid.,

¹⁶³ Tidak kurang daripada 40 ahli ABIM bertanding yang terdiri daripada Ahli Majlis Syura iaitu Muhammad Nur Manuty, Mohd. Nor Nawawi, Sheikh Azmi, Ramli Ibrahim, Niamat Yusof dan Muhyidin Ashaari, Yang Dipertua ABIM Negeri iaitu Ahmad Mustapha di Kelantan dan Tarmizi Abd. Hamid di Perak, Exco Pusat ialah Ishak Md. Sood. Temu bual dengan Shahrudin Badaruddin, Setiausaha Agung ABIM ketika itu pada 20 Ogos 2010 di Universiti Malaya.

¹⁶⁴ Siddiq Fadzil, "Pilihan raya Malaysia 1999: Erti dan Implikasi kepada Gerakan Islam", *Risalah Bilangan 1*, 2000, hlm. 2.

¹⁶⁵ Ahmad Azam, *Risalah Bil. 5/Okt. 2001*. Lihat temu bual Ahmad Azam dengan Utusan Malaysia, "Orientasi Politik ABIM Berbeza", *Utusan Malaysia*, 19 November 2001.

meluaskan penguasaan di Perlis serta berjaya menembusi kubu kuat UMNO di Negeri Sembilan, Selangor, Melaka dan Johor. Analisis daripada keputusan PRU ke 10, memperlihatkan keputusan yang tidak begitu baik buat BN jika dibandingkan pada PRU ke 9 (1995). UMNO dan BN memenangi 102 kerusi daripada 144 kerusi Parlimen Semenanjung dan 148 kerusi daripada 193 kerusi parlimen diseluruh negara.¹⁶⁶

Sokongan kepada UMNO menurun daripada 76.5 peratus pada PRU ke 9 (1995) kepada 29.5 peratus pada PRU ke 10 (1999). Pada masa sama, sokongan kepada PAS meningkat daripada 7.7 peratus kepada 15 peratus. UMNO, iaitu parti komponen terbesar dalam Barisan Nasional paling merasai kesannya berbanding parti politik lain. Jumlah kerusi parlimen yang dimenangi UMNO pada PRU ke 10 (1999) telah berkurangan kepada 72 kerusi berbanding tahun 1995 (94 kerusi Parlimen). Kemerosotan kerusi DUN turut menyebabkan kemerosotan yang cukup ketara bagi kerusi BN di Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis.¹⁶⁷

UMNO mengalami tamparan hebat pada PRU ke 10 kerana 94 kerusi Parlimen yang dulunya di pegang oleh UMNO (1995) telah berkurangan kepada 72 kerusi pada 1999. Manakala, 231 kerusi yang sebelumnya dipegang oleh UMNO dalam DUN di Semenanjung Malaysia telah berkurang kepada 175 kerusi. Kemerosotan prestasi BN adalah berkaitan langsung dengan krisis politik berikutan pemecatan Anwar Ibrahim . Ini menyebabkan orang Melayu memberikan sokongan untuk PAS sebagai tanda protes kepada UMNO. Anwar Ibrahim dilihat sebagai tokoh penting dalam politik Malaysia dan mempunyai pengaruh yang sangat besar.¹⁶⁸Sebahagian besar rakyat amat bersimpati dengan tindakan pemecatan Anwar, khususnya orang Melayu.

¹⁶⁶Biro Analisa Politik SIRD. 1999. *Dilema UMNO: Analisis Pilihanraya Umum 1999*. Petaling Jaya: SIRD. hlm. 1-8.

¹⁶⁷ Ibid.

¹⁶⁸ Ibid.

Pada Pilihan Raya Umum 1999 juga menunjukkan bahawa pembangkang yang bergabung secara longgar berjaya memberi cabaran terhadap penguasaan Barisan Nasional dimana secara keseluruhannya UMNO yang menjadi tonggak kepada Barisan Nasional telah kehilangan pengaruh. Walaupun Barisan Alternatif kalah dalam pilihan raya 1999 namun peralihan kecenderungan pengundian Melayu kepada Barisan Alternatif telah memberikan petunjuk penting kepada pemerintah bahawa kelompok Melayu dan Islam di Malaysia telah memprotes sikap dan tindakan melampau kerajaan terhadap isu Anwar Ibrahim.¹⁶⁹ Bagi ABIM sendiri, pengalaman mengendalikan Pilihan raya 1999 dengan cara yang tersendiri adalah merupakan yang sangat berguna¹⁷⁰ Beberapa pimpinan ABIM bukan sahaja terlibat secara aktif dalam pilihan raya, tetapi juga terlibat sebagai Pemantau Pilihan raya.¹⁷¹

Walaupun ABIM menjadi pengkritik kerajaan pasca tahun 1998, mereka masih memikirkan kepentingan ummah terbanyak. Persaingan PAS dan UMNO yang semakin memecah belahkan masyarakat Melayu-Islam ketika itu menyebabkan ABIM memikirkan kembali pandangannya tentang politik. Selain dari itu, pemenjaraan Anwar Ibrahim pada tahun 1998 serta kekalahan tokoh ABIM dalam pemilihan Parti Keadilan menyebabkan pimpinan ABIM ketika itu mengambil inisiatif tidak terlibat dalam politik secara praktis.¹⁷²

Idea untuk menyatukan UMNO dan PAS mula muncul apabila berlaku tragedi pengeboman *Twin Towers* di New York pada 11 September 2001 yang dikatakan

¹⁶⁹ Muhammad Nazri Mohammed Noor. 2009. *Politik Malaysia di Persimpangan Jalan* hlm. 41-50.

¹⁷⁰ Siddiq Fadzil, "Pilihan raya Malaysia 1999", hlm. 2.

¹⁷¹ Shahrudin Badaruddin, "Pemantau Pilihan raya: Peranan Sektor Ketiga dalam Politik", *Risalah*, Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia, November 1999.

¹⁷² Temubual dengan Ahmad Azam Abdul Rahman di pejabatnya di Gombak pada 15 Jun 2009. Lihat juga Ahmad Azam Abdul Rahman, "Memadamkan Perseteruan, Menyuburkan Perdamaian", *Risalah*, Julai 2001.

dilakukan oleh penganas Arab. Ini telah memberikan implikasi tersendiri bagi gerakan Islam terutamanya di Malaysia. ABIM sebagai sebuah gerakan Islam tidak mempunyai pilihan melainkan kembali ke prinsip asalnya iaitu non-partisan untuk menyelesaikan masalah ummah dengan lebih berkesan.¹⁷³ Pimpinan ABIM bertemu dengan parti-parti politik bagi mengurangkan ketegangan politik terutamanya selepas pemecatan Anwar Ibrahim. ABIM mengambil pendekatan dakwah dan tarbiah bagi meredakan konflik.¹⁷⁴ Pimpinan ABIM ketika itu beranggapan bahawa usaha untuk mengelakkan konflik terbuka harus dilakukan untuk menyelamatkan ummah secara keseluruhannya.¹⁷⁵ Untuk memastikan proses ini berlaku ABIM telah mengambil inisiatif bertemu dengan Presiden setiap parti politik.¹⁷⁶

Proses melobi dan melakukan pelbagai pendekatan telah dilakukan untuk memastikan supaya parti politik terbesar Melayu Islam diantara PAS dan UMNO boleh duduk bersama dan berbincang tentang masalah ummah.¹⁷⁷ ABIM berpandangan isu yang boleh digembleng ialah berkaitan dengan isu Palestin kerana isu ini diperjuangkan oleh semua pihak di Malaysia sama ada kerajaan ataupun pembangkang.¹⁷⁸ Proses melobi ini memakan masa yang panjang dan melalui proses perundingan yang teliti.¹⁷⁹ Pertemuan dua tokoh politik dari dua parti politik Melayu Islam yang besar telah memberikan kesan besar dari sudut politik kersana dari segi sejarahnya belum pernah

¹⁷³ Ahmad Azam Abdul Rahman, *Memimpin Belia Islam*, hlm. 218.

¹⁷⁴ Abd. Halim Ismail, "Pertahankan prinsip Perjuangan", *Risalah*, Ogos/September 2002.

¹⁷⁵ Ahmad Azam, "Cabaran dan Keutamaan Gerakan Dakwah Pasca 11 September 2001" dalam Abd. Halim Ismail, *Politik Malaysia dan Penyatuan Ummah*, Kuala Lumpur: ABIM, 2002, hlm. 30.

¹⁷⁶ Seperti Perdana Menteri Malaysia, Dr Mahathir Mohammad, Presiden PAS, Fadzil Mohd. Noor, Presiden Keadilan, Dr Wan Azizah Wan Ismail dan Presiden PRM iaitu Dr Syed Husin Ali. Isu-isu yang dibawa dalam perjumpaan ini ialah berkaitan dengan perpaduan ummah, keadilan dan isu-isu yang menyentuh hak asasi manusia. Ahmad Azam, *Risalah*, Bil. 7, Mac/ April 2002.

¹⁷⁷ Untuk melaksanakan agenda ini memerlukan dicari satu titik persamaan yang membolehkan kedua-dua parti besar ini duduk sekali dan berbicara tentang masalah yang melanda umat dan pengajaran yang boleh didapati daripada perselisihan umat. Temu bual dengan Ahmad Azam Abdul Rahman pada 9 Mei 2010 di Anjung Rahmat, Gombak.

¹⁷⁸ Norazlan Hadi Yaacob, "Konflik Israel Palestin Dan Implikasinya Terhadap Gerakan Islam dan Politik di Malaysia, 1948- 2008", dalam WATEC 2012, Universiti Malaya, hlm. 45-56.

¹⁷⁹ Temu bual dengan Shahrudin Badaruddin di Universiti Malaya pada 20 Ogos 2010.

dua parti politik Melayu ini duduk atas pentas yang sama.¹⁸⁰ Bagi ABIM, peristiwa pertemuan Presiden UMNO iaitu Dr Mahathir Mohamad dan Presiden PAS, Fadzil Mohd. Noor dalam Syarahan Perdana: Palestin dan Kemanusiaan pada 8 Mei 2002 di Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) telah memberikan gambaran tentang keghairahan umat Islam untuk melihat wujudnya perpaduan dalam kalangan umat Islam.

Ahmad Azam Abdul Rahman menjelaskan bahawa pertemuan tersebut memberikan gambaran bahawa umat Islam keseluruhannya mempunyai hasrat yang sama untuk mencapai keamanan sejagat. Rata-rata orang Melayu sanggup mengetepikan fahaman politik masing-masing demi kemaslahatan umat.¹⁸¹ Walaupun begitu penyatuan ummah dilihat tidak mendapat hasil yang memuaskan apabila Fadzil Mohd. Noor meninggal dunia dan Mahathir Mohammad meletakkan jawatan pada bulan Oktober 2003.¹⁸²

Bagi ABIM, perjuangan yang merentasi batas kepartian adalah agak sukar kerana perjuangan tersebut kadangkala akan berakhir sama ada dengan memihak parti pemerintah sedangkan pada waktu yang lain gerakan ABIM seolah-olah cenderung kepada pembangkang. Ijtihad politik ABIM sememangnya kadangkala tidak popular, namun begitu, dalam banyak keadaan, ternyata keputusan yang dibuat ABIM adalah tepat terutama dalam konteks kemaslahatan ummah secara keseluruhannya.¹⁸³ ABIM berusaha untuk mengelakkan diri daripada terjebak ke dalam konflik politik kepartian dan cuba bertindak sebagai penengah yang non-partisan dan melihat permasalahan

¹⁸⁰ Ahmad Azam Abdul Rahman menyebutkannya dalam Ucapan Dasar yang bertajuk “Memimpin Perjuangan: Merangsang Kejayaan Masa Depan”. Sila lihat Ahmad Azam Abdul Rahman, *Memimpin Belia Islam*, hlm. 236.

¹⁸¹ *Berita Harian*, 10 Mei 2002, hlm. 4. Lihat juga Mohd Rumaizuddin Ghazali, “ABIM dan Agenda Penyatuan Ummah: Antara Tanggungjawab dan Cabaran”, *Minda Madani Online*, <http://www.mindamadani.my>, capaian 5 Januari, 2012.

¹⁸² Shaharuddin Badaruddin, *Masyarakat Madani dan Politik*. hlm. 94-95.

¹⁸³ Ahmad Azam Abdul Rahman yang bertajuk, “Gerakan Dakwah dan Pembangunan Negara: Muhasabah dan Isti’dad”. Sila lihat Ahmad Azam Abdul Rahman, *Memimpin Belia Islam*, hlm. 119.

ummah mengatasi kepentingan parti politik. ABIM berpandangan pada ketika itu, parti-parti politik yang terlibat dalam persaingan politik mestilah segera menyelesaikan persengketaan mereka di meja perundingan.¹⁸⁴ Perpecahan Melayu sudah sampai ke tahap yang kritikal dan merugikan dan satu pendekatan harus diusahakan untuk menyelesaikan permasalahan ini. ABIM mencadangkan satu konsep kongsi kuasa yang pernah dilaksanakan bersama-sama oleh UMNO dan PAS ketika mengasaskan Barisan Nasional dalam tahun 1970-an.¹⁸⁵

Ahmad Azam meletakkan empat isu utama yang perlu diselesaikan untuk mencapai proses perpaduan ketika itu. ialah keadilan terhadap Anwar Ibrahim, hubungan Kerajaan Negeri dan Persekutuan, pembahagian kuasa eksekutif-legislatif dan ruang demokrasi yang sihat¹⁸⁶ Usaha ABIM mempertemukan dua tokoh besar pimpinan parti Melayu ini menunjukkan dengan jelas bahawa ABIM meletakkan kepentingan ummah melebihi kepentingan politik kepartian demi kepentingan survival Islam. Walau bagaimanapun kritikan terhadap ABIM kuat berkaitan usahanya dalam proses penyatuan ini.¹⁸⁷

Pembebasan Anwar Ibrahim daripada penjara pada tahun 2004 telah memberi implikasi besar kepada ABIM dan juga politik negara. Memandangkan Anwar Ibrahim merupakan bekas Presiden ABIM yang berpengaruh dan masih menjaga hubungan dengan ABIM menyebabkan corak pergerakan politik ABIM ketika itu mula berubah. Anwar Ibrahim berjaya menyatukan parti-parti pembangkang yang bertelagah duduk dalam satu barisan pembangkang yang dikenali sebagai Pakatan Rakyat.¹⁸⁸ PAS sebagai salah satu parti pembangkang utama Melayu-Islam ketika itu menyokong Anwar

¹⁸⁴ Ahmad Azam Abdul Rahman, *Memimpin Belia Islam*, hlm. 236.

¹⁸⁵ Ibid., hlm. 120.

¹⁸⁶ Ibid.,

¹⁸⁷ Temubual dengan Ahmad Azam Abdul Rahman di pejabatnya di Gombak pada 15 Jun 2009.

¹⁸⁸ Biro Analisa Politik SIRD. 1999. *Dilema UMNO: Analisis Pilihanraya Umum 1999*. hlm. 1-20.

Ibrahim sepenuhnya. Aktivis gerakan Islam selain daripada ABIM seperti Jemaah Islamiyah Malaysia (JIM) dan beberapa tokoh masyarakat Islam turut mendukung perjuangan reformasi Anwar Ibrahim.¹⁸⁹

Aktivis ABIM ketika itu mula memikirkan kembali kedudukan umat Islam secara nasional. Bagi menyokong pembentukan sistem dua parti iaitu antara Parti Kerajaan dan Parti pembangkang menyebabkan sebahagian aktivis ABIM menyokong perjuangan Anwar Ibrahim dalam Pakatan Rakyat.¹⁹⁰ Ini dapat dilihat ramainya aktivis ABIM turut serta bertanding dalam pilihanraya tersebut samada atas tiket PAS mahupun Parti KeAdilan Nasional.¹⁹¹ Kemenangan diluar jangkaan dalam Pilihan Raya Umum ke 12 (2008) yang menyebabkan UMNO kalah di lima buah negeri seperti Kelantan, Pulau Pinang, Kedah, Perak, Selangor serta sebahagian besar Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur telah menunjukkan bahawa gerakan Anwar Ibrahim yang disokong oleh NGO Islam serta NGO Masyarakat Sivil dari pelbagai sektor dan kaum mendapat sokongan masyarakat¹⁹²

Keputusan Pilihan Raya Umum itu telah merubah bentuk dan corak politik Malaysia secara drastik dimana kekuatan kerajaan dan pembangkang seimbang.¹⁹³ Sebahagian aktivis ABIM terlibat dalam program-program keislaman dalam negeri yang dimenangi oleh Pakatan Rakyat sebagai salah satu cara mengembangkan islamisasi dan dakwah.¹⁹⁴ Penglibatan mereka ini harus dilihat sebagai salah satu upaya untuk menguatkan politik umat Islam di Malaysia.

¹⁸⁹ Shahrudin Badaruddin. *Masyarakat Madani dan Politik*. hlm. 78-79.

¹⁹⁰ Temul bual dengan mantan Setiausaha Agung ABIM, Dr Shahrudin Badaruddin di Universiti Malaya pada 24 Ogos 2010

¹⁹¹ Shahrudin Badaruddin. *Masyarakat Madani dan Politik*. hlm.119-124.

¹⁹² Ibid., Mohammad Redzuan Othman. *Pilihanraya Umum Malaysia ke 12: Isu dan Pola Pengundian*. Kuala Lumpur:Universiti Malaya. 2009. hlm. 52-71.

¹⁹³ Ibid.,

¹⁹⁴ Temul bual dengan mantan Setiausaha Agung ABIM, Dr Shahrudin Badaruddin di Universiti Malaya pada 24 Ogos 2010.

Kumpulan PEMBELA dan Isu Kedaulatan Islam

Selain daripada terlibat dengan politik penyatuan ummah. ABIM juga pada dekad 2000-an kembali aktif pada program-program asas mereka iaitu berkaitan hal ehwal dakwah dan kepentingan umat Islam sejagat.¹⁹⁵ Beberapa peristiwa yang berlaku pada dekad 2000-an menyebabkan ABIM mengerakkan ahlinya dengan menubuhkan Pertubuhan Pertubuhan Pembela Islam (PEMBELA). Ia adalah salah satu lagi inisiatif penting yang mempunyai signifikasi yang sangat penting dalam perkembangan gerakan Islam di negara ini. PEMBELA menyaksikan penyertaan pelbagai pertubuhan-pertubuhan (NGO-NGO) Islam utama seperti ABIM, PKPIM, JIM (Jemaah Islam Malaysia), Teras Pengupayaan Melayu (TERAS), Persatuan Peguam Syarie Malaysia (PGSM), Muslim Chinese Association Malaysia (MACMA), Peguam Pembela Islam (PPI) serta Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH) dan pelbagai NGO-NGO.¹⁹⁶ Bahkan PEMBELA juga berjaya menarik penglibatan serta sokongan daripada persatuan dan pertubuhan di peringkat negeri dan daerah.¹⁹⁷

Menerusi platform PEMBELA; untuk pertama kalinya pelbagai gerakan Islam, pertubuhan serta NGO yang mewakili kepentingan umat Islam bersatu untuk mencapai matlamat yang sama. Penubuhan PEMBELA dalam erti kata lain telah mencipta trend baru amalan koalisi atau gabungan kerjasama pintar (smart partnership) di kalangan NGO-NGO Islam di negara ini yang terdiri dari pelbagai latar belakang serta orientasi

¹⁹⁵ Temubual dengan Ahmad Azam Abdul Rahman di pejabatnya pada 15 Jun 2009.

¹⁹⁶ Penubuhan Peguam Pembela Islam (PPI) yang dipengerusikan oleh Zainur Zakaria, peguamcara & peguambela, bersama-sama dengan jawatankuasa yang telah dibentuk menggabungkan peguam-peguam Muslim, peguam-peguam syarie dan ahli akademik. Penubuhan PPI dilahirkan dengan semangat dan aspirasi peguam-peguam Muslim yang ingin memastikan kepentingan Islam terpelihara terutama dari sudut perundangan, telah dicetuskan dalam mesyuarat pada 12 Julai 2006 di Bilik Mesyuarat Mahkamah Syariah Kuala Lumpur hasil inisiatif PGSM. Lihat *Lampiran A, Dokumen Pertubuhan-Pertubuhan Pembela Islam (PEMBELA)*, hlm. 1-2

¹⁹⁷ Antara pertubuhan dan persatuan tersebut turut terdiri dari wakil-wakil penduduk taman perumahan, surau-surau serta masjid, dan pelbagai pertubuhan dakwah yang lain.

berbeza.¹⁹⁸ Ini memandangkan sebelum ini kebanyakan pertubuhan-pertubuhan Islam di negara ini dilihat sering bergerak di atas kapasiti pertubuhan masing-masing.

Secara ringkas PEMBELA adalah gabungan wakil-wakil NGO-NGO Islam yang prihatin dalam menangani pelbagai isu-isu berkaitan dengan kedudukan Islam di Malaysia. Penubuhan PEMBELA merupakan susulan daripada perbincangan khas di kalangan wakil-wakil NGO Islam berlangsung di Anjung Rahmat Gombak, pada hari Ahad 16 Julai 2006.¹⁹⁹ Pertemuan ini diadakan untuk membina sikap dan gerak kerja bersama di kalangan NGO-NGO Islam untuk menangani isu-isu berkaitan dengan kedudukan Islam di Malaysia. Mesyuarat tersebut memutuskan untuk menubuhkan gabungan dinamakan Pertubuhan-Pertubuhan (NGO) Pembela Islam (PEMBELA) sebagai rangkaian gerak kerja bersama pertubuhan-pertubuhan tersebut dengan ABIM merupakan sekretariat PEMBELA dan pengendali laman web rasmi gabungan tersebut: <http://www.myislamnetwork.net>.²⁰⁰

Penubuhan PEMBELA ini digerakkan dari keprihatinan terhadap beberapa kes-kes mahkamah yang melibatkan kedudukan Islam dalam sistem perundangan negara. Selain daripada kes Lina Joy, umat Islam di negara ini pada ketika itu dibayangi dengan pelbagai polemik lain antaranya kes Muhammad Abdullah @ Moorthy, Gerakan Kumpulan Artikel 11, dan Usul Penubuhan Suruhanjaya Antara Agama (IFC).²⁰¹ Berkaitan dengan kes ini, ABIM telah menganjurkan pelbagai program penerangan terutama dalam bidang perundangan. Kes Lina Joy dikatakan telah membuka wacana

¹⁹⁸ Sebagai contoh; di dalam PEMBELA ada pertubuhan yang mewakili golongan peguam (PGSM dan PPI), mewakili kepentingan masyarakat Islam bukan Melayu (MACMA, Al-Hunafa, Al-Jama'iyah).

¹⁹⁹ *Lampiran A, Dokumen Pertubuhan-Pertubuhan Pembela Islam (PEMBELA)*, hlm. 1-2.

²⁰⁰ Ibid.

²⁰¹ Kes Muhammad Abdullah @ Moorthy merujuk kepada perebutan untuk menguruskan jenazah beliau kerana kekeliruan berhubung status agama beliau sebelum mati. Manakala Gerakan Kumpulan Artikel 11 merujuk kepada advokasi untuk meminda perkara 121 (A) Perlembagaan Persekutuan yang telah meletakkan kekuasaan istimewa kepada Mahkamah Syariah. Suruhanjaya Antara Agama (IFC) merujuk kepada usaha untuk menubuhkan platform perantara yang menguruskan hal-ehwal antara agama.

baru dalam memahami kedudukan Islam dalam Perlembagaan Persekutuan. Peruntukan-peruntukan utama seperti Perkara 3, 12 (4), 11, 160, 74, dan 121 (A) telah hangat dibicarakan. Peruntukan 121 (A) sebagai contoh merujuk kepada bidang perundangan yang dikhususkan untuk Mahkamah Syariah dalam sistem kehakiman negara telah dipertikaikan dalam sesetengah kes.²⁰² Wacana ini diterjemahkan menerusi pelbagai program serta bengkel. Bahkan Presiden ABIM sendiri bersedia menghadiri sebuah forum anjuran DAP yang membicarakan isu tersebut. Makalah seperti *Risalah* serta *Demi Masa* turut membincangkan wacana tersebut. Tema perbincangan ini meliputi hak untuk menukar agama, pertindihan hak penjagaan antara pasangan Islam dan bukan Islam dan beberapa isu lain membabitkan perundangan Islam dalam sistem kehakiman negara.²⁰³

Antara gerak kerja yang telah ditumpukan PEMBELA antara lain membabitkan penyerahan memorandum kepada Presiden UMNO serta Majlis Raja-Raja Melayu, program-program taklimat dan sesi penerangan semasa, kempen mengumpul tandatangan, forum & seminar peringkat kebangsaan dan negeri, edaran brosur-brosur penerangan, pertemuan dengan tokoh-tokoh politik seperti YB Dato' Seri Mohd Radzi Tan Sri Sheikh Ahmad (selaku Setiausaha Agung UMNO) dan dialog dengan kumpulan-kumpulan bukan Islam. Seminggu setelah penubuhan PEMBELA iaitu pada 23 Julai 2006, telah diadakan Forum Syariah dan Cabaran Semasa di Masjid Wilayah Persekutuan Jalan Duta Kuala Lumpur. Antara resolusi yang dicapai dari forum tersebut ialah penegasan agar hak serta kedudukan istimewa Islam dalam Perlembagaan Persekutuan untuk dipelihara kerana ia adalah asas penting kepada kestabilan sosio-

²⁰² Sebagai contoh kes perebutan jenazah bekas pendaki Gunung Everest, Muhammad Bin Abdullah @ Moorthy, yang mana kes itu dirujuk kepada mahkamah Syariah.

²⁰³ *Risalah*, Bil 1, Ogos 2008. hlm. 6-10.

politik negara. Forum tersebut mendapat sambutan yang hangat di mana masjid tersebut dipenuhi dengan kehadiran seramai 10,000 hadirin.²⁰⁴

Antara kemuncak kepada mobilisasi serta kempen kesedaran yang digerakkan PEMBELA ialah penyerahan memorandum NGO-NGO Islam yang ditandatangani oleh umat Islam dari seluruh negara kepada Yang Mulia Engku Tan Sri Dato' Sri Ibrahim Bin Engku Ngah, selaku Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja Malaysia pada 6 Ramadhan 1427H \ 29 September 2006.²⁰⁵ Memorandum ini antara lain menggesa agar usaha digiatkan untuk mempertahankan kesucian dan kedaulatan Islam yang antara lain meliputi menangani usaha untuk menggangu-gugat status Islam sebagai agama negara sebagaimana yang termaktub di dalam Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan. Gesaan ini dikaitkan dengan usaha menubuhkan Suruhanjaya Antara Agama (Interfaith Commission), penubuhan kumpulan Hak Asasi Artikel 11 dan permohonan Azlina Jailani ataupun Lina Joy.²⁰⁶

Kesimpulan

ABIM telah mengalami pelbagai peringkat perkembangan semenjak penubuhannya sehingga kini. Pada ketika ABIM baru ditubuhkan suasana masyarakat masih menebal dengan fahaman sekularisme menyebabkan ABIM bertindak agak radikal dengan menentang pelbagai akta yang dirasakan berlawanan dengan Islam dan hak-hak asasi manusia. Kejayaan ABIM ini menonjol imejnya sebagai kumpulan pendesak yang berpengaruh ketika itu. Kejayaan ABIM mengetuai sekumpulan masyarakat sivil dari

²⁰⁴ Artikel "Wawancara Eksklusif Saudara Yusri Mohamad (Presiden/ Pengerusi Mesyuarat PEMBELA) Selepas Program 23 Julai 2006, <http://myislamnetwork.net/portal/modules/news/print.php?storyid=21> (Dilihat pada 21 Januari 2009).

²⁰⁵ Artikel "Wawancara Eksklusif Saudara Yusri Mohamad (Presiden/ Pengerusi Mesyuarat PEMBELA) Selepas Program 23 Julai 2006, <http://myislamnetwork.net/portal/modules/news/print.php?storyid=21> (Dilihat pada 21 Januari 2009).

²⁰⁶ Ibid.

pelbagai kelompok pertubuhan menjadikan ABIM sebagai kumpulan pendesak yang dihormati. Mengembeling massa bagi menentang akta pertubuhan merupakan kejayaan ABIM untuk mengetuai pelbagai pertubuhan tanpa mengira agama dan kaum. Kejayaan ini menjadikan ABIM dapat mewakili kepentingan masyarakat sivil ketika itu.

Sebagai pertubuhan belia Islam, ABIM juga berperanan untuk menyebarkan idea non partisan dan pendekatan *Manhaj Maliziy*. Idea ini adalah untuk memperjuangkan keadilan bagi semua pihak tanpa terikat dengan politik. Memperkenalkan faham non partisan dalam masyarakat terutamanya dalam pendekatan politik adalah upaya ABIM untuk menjadikan mesej Islam yang diperjuangkan dapat diterima oleh pelbagai pihak. Pada awal tahun 1970-an, ABIM dilihat radikal menentang dasar-dasar kerajaan dan dilihat bersamaan PAS dalam setengah perkara. Ini dilakukan kerana suasana politik ketika itu yang memerlukan pendekatan demikian. Walaubagaimanapun ABIM juga kekal berkerjasama dengan pihak kerajaan dalam setengah isu yang memberi kepentingan kepada umat Islam dimana ABIM terlibat dalam program menyokong dasar islamsisasi kerajaan terutamanya dalam dekad 1980-an dan 1990-an.

Krisis politik pada tahun 1998 menyebabkan ABIM hampir melibatkan diri sepenuhnya dengan politik dengan mengerakkan massa dan organisasi untuk menentang ketidakadilan sehingga tertubuhnya pelbagai NGO dan parti politik baru ketika itu. Walau bagaimanapun apabila berlaku krisis umat Islam yang diakibatkan oleh pengeboman *World Trade Centre* pada tahun 2001 dan berlaku perpecahan mendalam dalam kalangan umat Islam akibat persaingan politik. ABIM telah menganjurkan syarahan Palestin untuk merapatkan perpaduan ini. Ini menunjukkan bahawa ABIM bukan terikat pada politik kepartian tetapi lebih kepada kebenaran dan penyatuan ummah yang dianjurkan oleh agama. Selain dari itu, ABIM juga kekal memainkan

peranannya sebagai pertubuhan belia Islam yang menjaga kepentingan umat Islam. Penglibatan ABIM menerusi PEMBELA membuktikan bahawa ABIM kekal berperanan sebagai jurucakap umat Islam di Malaysia.

University of Malaya

Islam di Malaysia. Jangka masa antara 1971 sehingga 2008 telah menjadikan ABIM sebagai sebuah gerakan Islam yang telah mencuba pelbagai kaedah bagi memastikan Islam berjaya dimanifestasikan dalam kehidupan bermasyarakat. Fenomena kebangkitan Islam yang melanda Malaysia pada tahun 1970-an telah mendapatkan reaksi dan perhatian daripada kerajaan.

Reaksi daripada pihak kerajaan sangat beragam sifatnya. Pada tahun 1970-an tindakan keras dan agresif untuk membendung proses kebangkitan Islam ini dengan tindakan-tindakan perundangan dan menimbulkan konflik secara terbuka. Pendekatan kerajaan mula berubah mulai awal tahun 1980-an kerana perubahan pendekatan yang diambil oleh peserta kebangkitan Islam sendiri seperti ABIM. Reaksi yang lebih positif ini telah menimbulkan suasana yang lebih harmonis di terutamanya pada dekad 1990-an. Walau bagaimanapun pendekatan kerajaan mulai berubah menjadi lebih keras terutamanya pada penghujung tahun 1990-an akibat daripada suasana politik semasa ketika itu.

Selain daripada pihak kerajaan, reaksi dari pelbagai pertubuhan Islam yang lain terutamanya oleh Parti Islam SeMalaysia (PAS) dan Jemaah Islamiyah Malaysia (JIM) juga sangat penting untuk dianalisis bagi menilai proses kebangkitan Islam di Malaysia. Pertembungan, kerjasama dan persaingan sesama mereka berlaku akibat daripada tindak balas aktiviti yang dijalankan oleh ABIM. Pada waktu yang sama, sebagai sebuah masyarakat multi etnik dan agama, sudah tentulah masyarakat bukan Islam juga memberi reaksi yang pelbagai dalam proses kebangkitan semula Islam di Malaysia. Kesemua reaksi dari pelbagai pihak ini lah terutama reaksi dari pihak kerajaan yang menjadikan pelaksanaan Islam di Malaysia sangat dinamik dan agak berbeza dari sesetengah negara Islam lain.

Reaksi Kerajaan Pada Peringkat Awal

Kebangkitan semula Islam dikaitkan dengan kebangkitan semula agama dalam kehidupan masyarakat dan peribadi. Kesedaran individu terhadap kehidupan beragama menjadi semakin meningkat seperti penglibatan dalam amal ibadat (kehadiran di masjid, sembahyang, berpuasa), peningkatan program dan percetakan bahan agama, penekanan terhadap pakaian dan nilai Islam (bertudung dan menutup aurat). Pembaharuan yang lebih luas juga merangkumi penghayatan semula Islam dalam kehidupan masyarakat seperti penubuhan lebih banyak pertubuhan, undang-undang, bank, khidmat kebajikan masyarakat dan institusi pendidikan yang berorientasikan Islam.¹ Aspek penting yang menyumbang kepada kejayaan kebangkitan semula Islam ialah kejayaan menterjemahkan Islam sebagai satu cara hidup yang lengkap dan tersebar luas dalam masyarakat Melayu.²

Persoalan kebangkitan semula Islam muncul sebagai faktor yang penting di Malaysia. Dalam aspek politik ia memberi kesan tersendiri. Pada Pilihan Raya Umum tahun 1978 kempen politik yang bersifat keagamaan telah mempengaruhi proses politik di saat-saat kempen. UMNO yang mungkin merasa bimbang terhadap kesedaran Islam kerap kali menekankan usahanya bagi membela kedudukan Islam di sepanjang pemerintahannya. UMNO mengkritik PAS yang sanggup menyamakan ideologi parti itu dengan akidah Islam. PAS dilihat sebagai tidak ikhlas memperjuangkan Islam dan hanya bergerak bagi memenuhi nafsu politik beberapa pemimpin yang terlibat sahaja. Isu Islam diketengahkan bagi menjatuhkan

¹ Esposito, *Mitos Islam: Ancaman atau Realiti*, Bandung: Penerbit Mizan. 1994. hlm. 8

² Mohammad Redzuan Othman. *Merentasi Sempadan Yang Melewati Zaman, : Timur Tengah, Islam dan Masyarakat Melayu*. Kuala Lumpur. Universiti Malaya. 2015. hlm. 41.

kedudukan PAS. PAS pula mengungkit tentang ketiadaan usaha yang serius oleh UMNO untuk melihat pelaksanaan Islam sepenuhnya.³

Parti yang mewakili masyarakat Melayu seperti PAS dan UMNO menerima kesan atau setidak-tidaknya pengaruh daripada kebangkitan semula Islam ini. Kebangkitan semula Islam memberi kesan yang hebat terhadap parti politik Melayu sehingga menuntut perubahan besar kepada pemerintahan negara. Orang Melayu menjadi semakin kritis terhadap dasar pemerintah dengan memberi tekanan supaya Islam dilaksanakan dalam masyarakat dan negara. Implikasi kebangkitan semula Islam mempertajamkan lagi persaingan antara UMNO dan PAS terhadap Islam. Kedua-dua parti ini tidak mempunyai pilihan lain selain terpaksa tunduk kepada pengaruh kebangkitan semula Islam.⁴

UMNO sangat responsif kepada kebangkitan semula Islam. Kekuatan Islam sebagai simbol dan slogan yang kuat mempengaruhi orang Melayu, mendesak UMNO mengubah strateginya. Jika tidak, UMNO akan kehilangan pengaruh kerana bersikap antagonis terhadap tuntutan Islam. Oleh kerana arus kebangkitan semula Islam tidak dapat dibendung, alternatif terbaik menghadapi cabaran kebangunan Islam ini ialah dengan melaksanakan banyak program Islamisasi.⁵

UMNO juga tidak terkecuali menerima tempias daripada kebangkitan semula Islam. Sebab itulah, antara agenda politik utama Mahathir semasa awal pentabirannya ialah bagaimana menangani cabaran Islamis yang bukan sahaja datang daripada PAS tetapi sebenarnya juga daripada UMNO sendiri. Suara-suara

³ Mohammad Abu Bakar, *Penghayatan Sebuah Ideal: Satu Tafsiran Tentang Islam Semasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 1988. hlm.158.

⁴ Mohd Jamil Mukmin, *Gerakan Islam Di Malaysia, Kesenambungan, Respons dan Perubahan (1957-2000)*. Shah Alam:UITM. 2011. hlm. 2009. hlm. 24.

⁵ Ibrahim Ahmad, *Konflik UMNO PAS Dalam Isu Islamisasi*. Kuala Lumpur.IBS. 1989. hlm. 69.

untuk lebih Islam yang datang daripada dalam UMNO semakin kuat kedengaran sejak berakhirnya kedudukan PAS dalam Kerajaan Campuran PAS-Perikatan iaitu pada Disember 1977.⁶ Kebangkitan semula Islam yang berlaku menyebabkan UMNO terpaksa responsif terhadap impak kebangkitan Islam kerana UMNO menyedari mereka bukan sahaja berdepan dengan kumpulan yang ingin membawa masyarakat Islam ke tahap yang mengkehendaki Islam sebagai *ad-din*, tetapi juga golongan yang cuba memperjuangkan Islam bagi tujuan politik.⁷

UMNO sebagai parti yang menjadi tunjang pemerintahan negara, peka kepada aspirasi dan keperluan umat Islam memperkenalkan Dasar Islamisasi sebagai tindak balas terhadap kebangkitan semula Islam yang berlaku, termasuklah memperkenalkan program Islam dalam bidang pentadbiran, ekonomi dan pendidikan. Ibrahim UMNO sebagai parti yang menjadi kerajaan menganggap menjadi kewajibannya sebagai parti pemerintah untuk membela Islam yang menjadi sebahagian daripada kedudukan orang Melayu. Pentadbiran Mahathir juga dilihat bersungguh-sungguh untuk melaksanakan proses Islamisasi termasuklah mengasimilasikan nilai Islam ke dalam pentadbiran.⁸

Menurut Barraclough, cabaran kebangkitan Islam di Malaysia direspons kerajaan dengan empat pendekatan. Pertama, memberi jawatan penting kepada aktivis Islam. Kedua, melakukan kooptasi terhadap aktivis Islam ke dalam jabatan-jabatan dakwah yang diurus kerajaan. Ketiga, melakukan usaha bersungguh-sungguh untuk melaksanakan perkembangan Islam dengan meningkatkan kawalan

⁶ Syed Ahmad Hussain, "Politik Muslim Dan demokrasi Di Malaysia: Anjakan, Pertemuan dan Landasan Baru Persaingan Politik", dalam Mohd Izani Mohd Zain, *Demokrasi Dunia Islam : Perspektif Teori dan Praktik*. Kuala Lumpur. Penerbit Universiti Malaya. 2007. hlm.137.

⁷ Ibrahim Ahmad, *Konflik UMNO PAS dalam Isu Islamisasi*. hlm. 9.

⁸ Laila Suriya Ahmad Apandi dan Mohd Dino Khairri Sharifuddin, "Islam dan Kestabilan Politik dan Ekonomi: Kejayaan Malaysia", dalam Mohd Izani Mohd Zain, *Demokrasi Dunia Islam : Perspektif Teori dan Praktik*. Kuala Lumpur. Penerbit Universiti Malaya. 2007. hlm.243.

secara rasmi terhadap hal ehwal dan pendidikan Islam. Keempat, melakukan tindakan yang berunsur ancaman dan paksaan terhadap kumpulan-kumpulan menyeleweng mahupun kumpulan yang rasmi.⁹ Pihak berkuasa cenderung cuba untuk mengawal kesan kebangkitan Islam dengan memberi imej yang baik secara simbolik (pembinaan bangunan-bangunan Islam seperti masjid, pejabat dakwah), membela hak istimewa agama Islam mahupun bantuan secara langsung terhadap aktiviti-aktiviti keagamaan. Bagi menangani cabaran dakwah dan implikasi-implikasi politik, kerajaan membiarkan media arus perdana menurunkan berita-berita mengenai aktiviti dakwah dan meningkatkan program keagamaan di pejabat-pejabat. Dengan menonjolkan sikap keislaman, kerajaan ingin menolak dakwaan PAS sebagai satu-satunya pihak yang memperjuangkan Islam dan sekali gus mengetepikan tuntutan-tuntutan pelaksanaan Islam secara menyeluruh.¹⁰

Pendekatan ini sangat jelas terutamanya pada awal tahun 1982 di mana pentadbiran Mahathir Mohammad mempelawa Anwar Ibrahim memasuki UMNO dan seterusnya menjadi anggota kabinet.¹¹ Apabila kerajaan Malaysia memulakan dasar Islamisasi dalam jentera pentadbiran kerajaan, ABIM adalah antara gerakan Islam yang secara berani menyokong dan mendukung dasar ini. Melalui dasar rakan dalam pembinaan negara atau "*partner in nation building*" yang digagaskan pada akhir 1980-an, ABIM telah mengambil risiko dengan menerima kritikan yang hebat

⁹ Simon Barraclough, "Managing the Challenges of Islamic Revival in Malaysia, A Regime Perspective", *Asian Survey*, Vol. XXIII, No. 8, Aug 1983, hlm. 967.

¹⁰ Diane K. Mauzy and R.S Milne, *The Mahathir Administration*, hlm. 635. Lihat juga Camroux, D., "State Responses to Islamic Resurgence in Malaysia: Accommodation, Co-option and Confrontation", *Asian Survey*, vol. Xxxvi, no. 9, 1996, hlm. 861-864.

¹¹ Anwar Ibrahim memasuki UMNO pada tahun 1982 iaitu menjelang Pilihan Raya Umum pada tahun itu. Kemasukan Anwar Ibrahim ke dalam UMNO merupakan salah satu kejayaan terbesar pihak kerajaan yang mengambil pengkritiknya ke dalam kerajaan. Lihat Simon Barraclough, "Managing the Challenges of Islamic Revival in Malaysia, A Regime Perspective", *Asian Survey*, Vol. XXIII, No. 8, Aug 1983, hlm. 967. Lihat Jomo dan Ahmad Shabery Cheek, "Malaysia's Islamic movements", in J.S. Kahn and F. Loh Kok Wah (eds.), *Fragmented Vision*. Sydney : Asian Studies Association/Allen and Unwin, 1992. Lihat juga Jomo dan Ahmad Shabery Cheek, 'The Politics of Malaysia's Islamic Resurgence', *Third World Quarterly*, 10,2 (April), 1988. hlm. 843-868.

dari parti politik Islam dan pertubuhan Islam yang lain.¹² Pada tahun 1980-an, gerakan Islam menjadi alat politik yang penting di Malaysia. Kekuatan pengaruh PAS dan gerakan Islam seperti ABIM dalam mendominasi politik Islam di Malaysia sesungguhnya telah menggerunkan UMNO. Gabungan keduanya sudah tentu boleh memberikan kesan kepada politik negara kerana kedua-dua pertubuhan ini mempunyai cita-cita yang sama iaitu untuk menubuhkan sebuah negara Islam.¹³

Menurut perspektif pihak kerajaan, kemasukan Anwar Ibrahim mempunyai kesan berganda. Pertamanya, kemasukan Anwar Ibrahim boleh melemahkan kredibiliti ABIM sebagai satu kekuatan bangkangan dan juga telah berjaya memasukkan tokoh-tokoh yang berkalibar ke dalam UMNO, dimana dengan sendirinya kedudukan Islam dalam UMNO akan diperkukuhkan. Dalam aspek yang lain, kemasukan Anwar Ibrahim ke dalam UMNO telah menghilangkan sokongan ABIM di kawasan luar bandar apabila ramai ahlinya pada ketika itu telah masuk PAS. Di universiti pula ABIM telah dilihat sebagai kumpulan pendesak yang diterima oleh kerajaan dan dengan sendirinya ABIM telah kehilangan momentum sebagai sebuah pergerakan protes di kalangan pelajar.¹⁴ Pandangan ini ada benarnya kerana mulai tahun 1980-an ABIM kehilangan pengaruh keatas pelajar universiti dan sebahagian masyarakat Islam di luar bandar. Selain dari itu pertembungan terbuka antara aktivis ABIM dan PAS kelihatan pada dekad 1980-an dan 1990-an.¹⁵

¹² Temubual dengan Dr Siddiq Fadzil di pejabatnya di Kolej Dar al Hikmah, Kajang pada 21 Januari 2009.

¹³ Diane K. Mauzy and R.S. Milne, "The Mahathir Administration in Malaysia: Discipline Through Islam", *Pacific Affairs*, Vol. 56, No.4 1983/84, hlm. 631-634.

¹⁴ Camroux, D., "State Responses to Islamic Resurgence in Malaysia: Accommodation, Co-option and Confrontation", *Asian Survey*, vol. Xxxvi, no. 9, 1996, hlm. 861-864. Lihat juga Shahrudin Badaruddin, hlm. Demokrasi dan Perubahan Aksi Politik di Malaysia: Kajian Terhadap Pendekatan Perjuangan Pertubuhan Islam, 1981-2008. Tesis PhD. Universiti Malaya. hlm.284.

¹⁵ Norazlan Hadi Yaacob. et.al."Berebut Menjadi Soleh: Persaingan UMNO dan PAS di Malaysia". Kertas kerja di bentangkan di International Conference on Indonesia-Malaysia Relations IV. Universitas Andalas, Sumatera, Indonesia, 1-3 November 2010, hlm. 2-14.

Kerajaan dan Pelaksanaan Dasar Islamisasi

Sewaktu menyampaikan Ucapan Dasar Presiden semasa Perhimpunan Agung UMNO Ke-34 pada tahun 1982, Mahathir mengumumkan pelaksanaan Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam dalam Pentadbiran yang menjadikan islamisasi sebagai agenda kerajaan.¹⁶ Dasar ini merupakan dasar pertama islamisasi di Malaysia di bawah pentadbiran Mahathir yang dilaksanakan bagi memenuhi tuntutan rakyat Malaysia yang pada ketika itu semakin Islamik akibat proses kebangkitan semula Islam dari dalam dan luar negara. Pelaksanaan islamisasi adalah tindakbalas kepada arus kebangkitan semula Islam yang sukar untuk dibendung. Justeru itu, alternatif terbaik menghadapi arus tersebut ialah dengan melaksanakan Islamisasi. Islamisasi dalam abad ke-20 mengambil bentuk yang berbeza daripada sebelumnya. Islamisasi merupakan agenda terbesar kerajaan Malaysia akibat daripada fenomena kebangkitan semula Islam yang melanda negara ini sejak awal 1970-an dan disifatkan sebagai suatu konsep membudayakan masyarakat dengan prinsip dan nilai Islam. Usaha Islamisasi kerajaan telah berjaya memupuk kesedaran Islam dalam kalangan masyarakat.¹⁷

Selaras dengan pengiktirafan agama Islam sebagai agama Persekutuan dan peka kepada aspirasi umat Islam, kerajaan telah menunjukkan minat terhadap Islam dengan memperkenalkan program Islam dalam bidang tertentu terutama dalam pentadbiran dan sedikit sebanyak dalam kehidupan, ekonomi serta pendidikan. Selain daripada kakitangan kerajaan digalakkan mengkaji dan mengamalkan Islam, sekolah agama didirikan untuk mengajar pelbagai aspek Islam dan juga subjek biasa

¹⁶ Ibrahim Ahmad. *Konflik UMNO-PAS dalam Isu Islamisasi*, hlm.69.

¹⁷ Nagata, Judith. "Religious Ideology and Social Change: The Islamic Revival in Malaysia". *Pacific Affairs*, 53: 3, 1980. Lihat juga Ibrahim Ahmad. *Konflik UMNO-PAS*, hlm. 11. Lihat juga Jomo dan Ahmad Shabery Cheek, 'The Politics of Malaysia's Islamic Resurgence', *Third World Quarterly*, 10,2 (April), 1988. hlm. 843-868.

sekolah sehingga kepada penubuhan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, penubuhan Bank Islam (1983) dan Sistem Takaful Islam. Penekanan kepada nilai Islam menjadi semakin jelas setelah wujudnya pelbagai program yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan seperti pembangunan umat, kemerdekaan ekonomi, mewujudkan pentadbiran Bersih, Cekap dan Amanah, memperhebatkan usaha membanteras rasuah dan Kepimpinan Melalui Teladan.¹⁸

Pada era kepimpinan Dr Mahathir, proses Islamisasi yang dijalankan oleh kerajaan (UMNO) semakin mendapat tempat. Mahathir mengemukakan pandangan yang semakin tegas dalam soal orientasi Islamnya yang dilihat jelas berbeza berbanding dengan pemimpin sebelumnya dalam soal komitmen terhadap Islam, bukan sahaja kepada masyarakat Islam di Malaysia bahkan juga masyarakat Islam antarabangsa. Sejak mengambil alih pimpinan negara, Mahathir menyuarakan hasrat kerajaan untuk menjadi negara Islam yang kuat. Langkah tersebut bertujuan untuk memupuk nilai murni yang bukan beracukan elemen kebaratan dan dapat memanfaatkan semua rakyatnya yang terdiri daripada berbilang kaum.¹⁹

Terdapat dua faktor yang mempengaruhi kerajaan yang diterajui oleh UMNO dalam melaksanakan program Islamisasi. Pertamanya, dalam UMNO sendiri terdapat ramai golongan menengah Melayu yang sejak dahulu lagi menjadi penyokong kuat UMNO, terpengaruh dengan cita-cita fundamentalis Islam. Keadaan ini menyebabkan mereka semakin kritis terhadap perjuangan UMNO. Oleh kerana kebangkitan semula Islam mempengaruhi golongan menengah Melayu menyebabkan UMNO harus tunduk pada perkembangan yang berlaku demi

¹⁸Sivamugan Pandian, *Legasi Mahathir*, Kuala Lumpur: Utusan Publication and Distributors. 2005. hlm.190. Lihat juga Jomo dan Ahmad Shabery Cheek, 'The Politics of Malaysia's Islamic Resurgence', *Third World Quarterly*, 10,2 (April), 1988. hlm. 843-868.

¹⁹ Ibid., hlm.69-70.

survival politik. Keduanya, terdapat usaha daripada UMNO untuk menyaingi PAS terutamanya berkenaan dengan komitmen terhadap Islam. Anwar Ibrahim, bekas Presiden Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), memberikan impak yang besar kepada UMNO untuk melaksanakan Islam.²⁰

Sebagai pemimpin UMNO, Dr Mahathir turut menggerakkan kempen untuk meningkatkan imej UMNO terhadap Islam, penekanan kepada perpaduan sesama Islam, perisytiharan UMNO sebagai parti Islam terbesar di Malaysia serta ketiga terbesar dan tertua di dunia dan mendedahkan bahawa Iran sebagai sebuah negara Islam yang diiktiraf oleh PAS turut mengiktiraf Malaysia sebagai sebuah negara Islam. Pendedahan ini secara tidak langsung menolak tuduhan PAS bahawa kerajaan Malaysia mengamalkan sistem sekular.²¹

Beberapa tahun sebelum memegang jawatan Perdana Menteri, Dr Mahathir telah menyatakan kesediaannya untuk mengusahakan peranan yang lebih besar bagi Islam dalam masyarakat dan kerajaan. Hal yang demikian ini termasuklah janjinya untuk meningkatkan liberalisme dan toleransi politik serta membantu memujuk Anwar Ibrahim yang pada ketika itu merupakan Presiden ABIM dan bekas aktivis pelajar untuk menyertai UMNO. Kemasukan Anwar Ibrahim ke dalam UMNO yang satu ketika dulu begitu kritikal terhadap kerajaan, membolehkan UMNO berjaya mengetepikan seorang pengkritik yang lantang terhadap pertubuhan itu untuk

²⁰ Jomo dan Ahmad Shabery Cheek, 'The Politics of Malaysia's Islamic Resurgence', *Third World Quarterly*, 10,2 (April) :1988. hlm. 843-868. Lihat juga Simon Barraclough, "Managing the Challenges of Islamic Revival in Malaysia, A Regime Perspective", *Asian Survey*, Vol. XXIII, No. 8, Aug 1983, hlm. 967.

²¹ Ibid., Lihat juga Syed Ahmad Hussain, "Politik Muslim Dan demokrasi Di Malaysia: Anjakan, Pertemuan dan Landasan Baru Persaingan Politik", dalam Mohd Izani Mohd Zain, *Demokrasi Dunia Islam : Perspektif Teori dan Praktik*. Kuala Lumpur. Penerbit Universiti Malaya. 2007. hlm.134-140.

membolehkan memberi tumpuan menghadapi pesaing yang lain terutamanya PAS.²²

Usaha dakwah ABIM yang serius dan berkesinambungan terutamanya dalam bidang pendidikan dan menyebarkan kefahaman islamisasi kepada masyarakat telah memberi sumbangan yang besar terhadap kefahaman dan pengamalan Islam dalam masyarakat termasuk terhadap pegawai-pegawai kerajaan. Kesedaran ini menyumbang terhadap lahirnya pelaksanaan Islam secara institusi yang merangkumi pembentukan dasar, pembinaan infrastruktur dan pengukuhan undang-undang. Pelaksanaan Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam (DPNI) yang diumumkan oleh Perdana Menteri ketika itu merupakan reaksi awal yang sangat positif daripada pihak kerajaan berkaitan islamisasi yang idea asalnya disumbangkan oleh aktivis ABIM. Dari sudut definisinya, DPNI adalah sama dengan pengertian Islamisasi, tetapi daripada segi penekanannya difokuskan kepada jentera pentadbiran awam.²³

Pengenalan dasar ini pada peringkat awalnya bertujuan membantu kerajaan membanteras sebahagian pentadbir yang tidak berdisiplin dan tidak amanah semasa menjalankan tugas mereka dalam perkhidmatan. Penerapan nilai Islam ini diyakini dapat membantu mempertingkatkan produktiviti pentadbir kerana nilai-nilai Islam mendidik individu, khususnya penjawat awam agar menunjukkan sikap yang baik seperti tekun semasa menjalankan tugas, amanah dengan kerja yang dipertanggungjawabkan, taat kepada ketua, tidak ponteng kerja, tidak membuang

²² Ahmad Sunawari Long. "Islam di Malaysia: Era Mahathir". dlm. Mazlan Ibrahim dan Kamarudin Salleh. *Islam Pasca Kemerdekaan*, Shah Alam: Karisma Publication Sdn. Bhd. 2008, hlm. 9.

²³ Maznah Ali, *Dasar Penerapan Nilai Islam dalam Pentadbiran Awam: Satu Kajian Persepsi di INTAN, Bukit Kiara, Kuala Lumpur*, Tesis M.A., Universiti Malaya, 1991. hlm. 1-50.

masa dengan berbual kosong, selain dapat menyiapkan tugas dalam waktu yang ditetapkan.²⁴

Menurut Dr Mahathir Mohamad, pelaksanaan DPNI tidak bermaksud mengislamkan orang bukan Islam. Dasar ini hanya bertujuan menanam nilai-nilai Islam dalam jiwa pentadbir-pentadbir di Malaysia daripada peringkat bawah sehingga peringkat atas. Hanya melalui dasar ini maka masalah yang dihadapi pada masa tersebut boleh dihindarkan seperti produktiviti yang rendah, penyalahgunaan kuasa, penyelewengan, pembaziran harta benda kerajaan yang berlaku dalam sektor awam, dan amalan rasuah yang semakin menular ke dalam agensi-agensi kerajaan dan badan berkanun.²⁵ Sewaktu DPNI pertama kali diumumkan, kerajaan tidak meletakkan garis panduan yang jelas tentang pelaksanaannya. Oleh yang demikian, dasar ini telah digunakan sebagai suatu alasan atau peluang keemasan untuk pendakwah Islam menganjurkan beberapa program berunsur Islam pada peringkat awal pelaksanaannya.²⁶

Usaha juga telah dibuat untuk membina atau menyediakan ruang kecil untuk mendirikan solat di pejabat-pejabat kerajaan dan swasta. Hampir setiap jabatan kerajaan termasuk tempat awam seperti lapangan terbang juga telah menyediakan ruangan khas untuk surau. Ini merupakan perkembangan yang baik kerana dengan sebab dasar inilah pelbagai program berunsur Islam dapat dijalankan seperti penyediaan ruang untuk surau, mengadakan penerbitan khas mengenai nilai Islam, dan penubuhan institusi kewangan Islam.²⁷ Akibat penerapan DPNI, maka lahirnya

²⁴ Ibid. Lihat Syed Othman al-Habshi, "Dasar Penerapan Nilai Islam dan Implikasi dalam Sistem Kewangan Negara". Kertas kerja Seminar Penilaian Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam di Malaysia. Universiti Malaya, 26 November 1994, hlm. 1-4.

²⁵ Ibid.,

²⁶ Ibid.,

²⁷ Ibid.,

pelbagai institusi Islam terutamanya sistem kewangan Islam. Ini dapat dilihat dengan tertubuhnya Badan Perundingan Islam yang berperanan memberikan nasihat kepada Perdana Menteri. Seruan ke arah penubuhan institusi kewangan Islam di Malaysia bermula sejak negara mencapai kemerdekaan, iaitu sekitar penghujung tahun 1950-an lagi. Gelombang arus kebangkitan Islam sejak dekad 1970-an telah mewujudkan kesedaran kepada masyarakat Islam untuk kembali menghayati Islam secara menyeluruh. Penghayatan Islam secara lengkap ini turut merangkumi bidang ekonomi, sosial dan politik.²⁸

Dalam bidang perbankan, dekad 1970-an menyaksikan perbankan Islam telah muncul sebagai satu realiti baharu dalam arena antarabangsa. Kemunculan perbankan Islam ini sering dikaitkan dengan kebangkitan Islam dan aspirasi umat Islam untuk menghayati agama Islam dalam kehidupan mereka.²⁹ Pada peringkat awal, pihak kerajaan ingin mewujudkan sistem kewangan Islam yang mampu bergerak seiring dengan sistem perbankan konvensional, sekali gus menjadikan Malaysia sebagai negara pertama yang mengamalkan sistem perbankan dan kewangan “dua-dua”, iaitu secara konvensional dan mengikut prinsip Islam.³⁰ Perbankan Islam didefinisikan sebagai perbankan yang selaras dengan sistem nilai dan etos Islam. Sistem ini juga merujuk kepada setiap pertubuhan yang terlibat secara langsung dengan amalan kewangan berdasarkan syariah Islam dan menggunakan kaedah fiqh.³¹

²⁸ Mohd Jamil Mukmin. *Gerakan Islam Di Malaysia*. hlm.102.

²⁹ Norazlan Hadi Yaacob, “Dari Dasar Penerapan Nilai Islam Sehingga Wasatiyah: Perkembangan dan Pengubahsuaian Pelaksanaan Islam Kerajaan, 1981-2012”, dalam Ishak Saat *et al*, *Tinta Sejarah, Sumbangsih untuk Prof Dr Adnan Nawang*, Batu Pahat, UITHM, 2014. hlm .203-230.

³⁰ Abd. Munmin Ghani, *Sistem Kewangan Islam dan Pelaksanaannya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), 2005. hlm. 253-259.

³¹ Ibid., hlm. 253-259.

Hasrat kerajaan untuk menjadikan sistem kewangan Islam selari dengan sistem konvensional telah pun dimulakan dengan penubuhan Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB). Laporan Jawatankuasa Pemandu bagi Penubuhan Bank Islam telah mencadangkan supaya BIMB diberi tempoh selama sepuluh tahun untuk beroperasi tanpa persaingan yang tidak sihat. Tempoh ini dikira munasabah bagi BIMB membangunkan produk kewangan Islam, serta menguji dan memperbaikinya. Setelah sepuluh tahun beroperasi, kerajaan berpendapat wajar dikembangkan dan diperluaskan dengan harapan setiap lapisan masyarakat dapat memanfaatkannya.³²

Institusi Kewangan Islam yang pertama ditubuhkan dalam sistem kewangan Islam di Malaysia ialah Lembaga Urusan dan Tabung Haji (LUTH) pada tahun 1969. Ia merupakan salah satu daripada institusi tabungan dalam sistem kewangan Malaysia yang ditubuhkan untuk menggalakkan dan menyelaraskan aktiviti yang berkaitan dengan urusan fardu Haji. Penubuhan Tabung haji ini mempunyai dua objektif penting. Pertama, ialah menguruskan keperluan orang-orang Islam yang ingin menunaikan fardu haji. Kedua, membolehkan umat Islam berjimat dan menguruskan penyimpanan wang dengan selamat dan seterusnya membuat pelaburan mengikut syariah.³³

Sambutan umat Islam di Malaysia terhadap Tabung Haji amat menggalakkan. Keputusan kerajaan menubuhkan LUTH adalah satu keputusan yang tepat, dan kini bentuk dan operasi institusi ini telah menjadi model kepada beberapa institusi lain. LUTH kini bergiat secara aktif dalam beberapa sektor perladangan, industri, pertanian dan hartanah. Pelaburannya pula merangkumi pelaburan saham, pelaburan dalam anak syarikat hartanah, tabung amanah, dan sijil pelaburan kerajaan. Kejayaan

³² Ibid., 265.

³³ Mohd Jamil Mukmin, *Gerakan Islam di Malaysia*, hlm. 102.

operasi LUTH ini dapat dilihat daripada segi peningkatan dalam bilangan ahlinya. Hingga akhir tahun 1995, jumlah ahlinya meningkat kepada 2.7 juta orang berbanding 2.5 juta orang pada akhir tahun 1994. Jumlah sumber kewangan LUTH juga meningkat sebanyak RM803 juta atau 30.9 peratus menjadikannya sebanyak RM 3.4 bilion pada akhir tahun 1995.³⁴

Peranan Tabung Haji telah meningkat dengan pesat dari semasa ke semasa. Tabung Haji dan anak-anak syarikatnya telah melibatkan aktiviti pelaburannya dalam pelbagai sektor yang dibenarkan oleh syariah seperti perusahaan, perladangan, harta-benda, pembangunan, kewangan, saham korporat dan lain-lain. Jumlah aset Tabung Haji pada tahun 2000 lebih daripada RM 2 bilion. Dengan hasil pelaburan ini, Tabung Haji telah dapat menguruskan ahli-ahlinya menunaikan fardu haji dengan baik dan seterusnya berjaya memberi kadar pulangan kepada ahli-ahlinya.³⁵

Kejayaan penubuhan Bank Islam di Timur Tengah dalam bentuk moden juga telah menjadi pendorong kuat kepada masyarakat Islam di Malaysia untuk mendesak kerajaan mengadakan sistem perbankan yang selari dengan Islam. Berikutan kejayaan tersebut, Kongres Ekonomi Bumiputera pada tahun 1980 telah meluluskan satu resolusi mendesak kerajaan membenarkan LUTH menubuhkan bank Islam di Malaysia bagi tujuan menggerakkan dan melabur dana orang Melayu di dalam negara selaras dengan prinsip syariah Islam. Seminar Kebangsaan Mengenai Konsep Pembangunan Dalam Islam yang berlangsung di Universiti Kebangsaan Malaysia pada bulan Mac 1981 juga telah meluluskan satu resolusi bagi meminta kerajaan

³⁴ Lihat BNM Annual Report 1995, dipetik dlm. Abd Munmin Ghani, *Sistem Kewangan Islam*, hlm. 325-326.

³⁵ Lembaga Urusan dan Tabung Haji, Laporan Tahunan Tahun 2000, hlm. 3, Lihat Juga Mohd Jamil Mukmin, *Gerakan Islam Di Malaysia*, hlm. 103.

mengambil langkah segera untuk menggubal akta yang membolehkan penubuhan bank dan institusi kewangan yang beroperasi mengikut prinsip syariah Islam.³⁶

Pada 30 Julai 1981, kerajaan menubuhkan Jawatankuasa Pemandu bagi Penubuhan Bank Islam di Malaysia dengan melantik Raja Mohar Raja Badiozaman, Penasihat Khas kepada Perdana Menteri sebagai pengerusi jawatankuasa tersebut dan LUTH sebagai urus setianya. Laporan jawatankuasa pemandu ini diserahkan kepada Perdana Menteri pada 5 Julai 1982. Kerajaan memperakukan laporan tersebut, sekali gus menyaksikan Akta Perbankan Islam 1983 dan Akta Pelaburan Kerajaan dibentangkan di parlimen dan diluluskan pada bulan Mac 1983. Bank Islam yang pertama ditubuhkan di Malaysia ialah BIMB yang memulakan operasinya pada bulan Julai 1983 dengan penubuhan cawangan pertama BIMB di Kuala Lumpur. Pada 17 Januari 1992, BIMB telah disenaraikan di papan utama Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL). Dekad 1980-an juga merupakan fasa pertama pelaksanaan sistem perbankan Islam. Dekad 1990-an pula merupakan fasa kedua yang telah membawa sistem perbankan Islam daripada pinggiran kepada arus perdana perbankan negara.³⁷

Perkembangan BIMB yang menggalakkan pihak kerajaan telah mewujudkan satu skim yang di namakan skim perbankan tanpa faedah (SPTF) pada tahun 1993. Skim ini bertujuan bagi membolehkan institusi kewangan konvensional menawarkan produk-produk dan kemudahan-kemudahan semua institusi kewangan di negara ini telah menawarkan SPTF. Kemudian pada tahun 1999, kerajaan telah menubuhkan Bank Muamalat di bawah akta yang berasingan dengan BIMB. Bank Muamalah ini mengambil alih urus niaga SPTF yang selama ini dijalankan oleh bank Bumiputra

³⁶ Nor Mohamed Yakob. *Teori, Amalan dan Prospek Sistem Kewangan Islam di Malaysia*. Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd, 1996, hlm. ix.

³⁷ Abd Munmin Ghani. *Sistem Kewangan Islam*, hlm. 325-326.

Commerce Berhad. Bank ini juga telah berkembang dengan baik dan menubuhkan cawangannya di seluruh negara. Di samping itu Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Bank Rakyat) telah pun menawarkan kemudahan kewangan mengikut syariah pada tahun 1993.³⁸ SPTF kemudian telah dilancarkan oleh Menteri Kewangan ketika itu, iaitu Anwar Ibrahim pada bulan Mac 1993.³⁹

Bank Negara Malaysia (BNM) juga telah memperkenalkan pasaran wang antara bank secara Islam (*Islamic interbank bank money market*) pada tahun 1994. Aspek-aspek yang melibatkan Islam antara bank. *Kedua*, pelaburan antara bank dan *ketiga*, sistem penjelasan cek antara bank secara Islam. Pasaran wang antara bank secara Islam yang diperkenalkan ini adalah yang terawal seumpama ini di dunia.⁴⁰ Kerancangan sistem perbankan Islam dan kesedaran mendalam masyarakat tentang asas Islam terutama dalam bidang muamalat menyaksikan penubuhan sistem insurans secara Islam (takaful) untuk menggantikan sistem insurans konvensional. Malaysia merupakan negara pertama di Asia yang merintis perniagaan insurans secara Islam dengan penubuhan Syarikat Takaful Malaysia Sendirian Berhad pada tahun 1985. BIMB telah menubuhkan Syarikat Takaful Malaysia Berhad yang telah memulakan operasinya pada tahun 1985. Penubuhan STM ini bertujuan untuk menyediakan perlindungan daripada malapetaka dan bencana khususnya kepada masyarakat Islam dengan menggunakan mekanisme yang selaras dengan syariah. Semenjak penubuhannya, STM telah berjaya menyediakan pelbagai jenis insurans secara syariah termasuk pelan takaful keluarga yang memberi perlindungan dalam bentuk kewangan sekiranya berlakunya kemalangan atau kematian.⁴¹

³⁸ Bank Rakyat- Sejarah dlm <http://www.bankrakyat.com.my>, hlm 3. Lihat juga Mohd Jamil Mukmin, *Gerakan Islam di Malaysia*, hlm. 102.

³⁹ Abd Munmin Ghani. *Sistem Kewangan Islam*, hlm. 335-339.

⁴⁰ Nor Mohamed Yakob. *Teori, Amalan dan Prospek Sistem Kewangan Islam di Malaysia*. hlm. 58.

⁴¹ Abd Munmin Ghani, *Sistem Kewangan Islam*, hlm. 116.

Sambutan terhadap sistem takaful yang ditawarkan STM dalam kalangan umat Islam dan bukan Islam begitu menggalakkan. Oleh itu kerajaan telah membenarkan penubuhan satu lagi syarikat takaful iaitu dengan penubuhan anak syarikat *Malaysia National Insurance (MNI)* yang mula beroperasi pada tahun 1993. Penubuhan syarikat takaful ini adalah untuk menampung permintaan orang ramai, dan sehingga kini insurans Islam yang berlandaskan syariah telah diterima masyarakat dan berkembang dengan begitu meluas.⁴²

Kejayaan sistem insurans Islam atau takaful ini mendorong pihak kerajaan dan pemikir dakwah untuk meluaskan produk kewangan Islam dalam semua bidang. Dalam satu forum di Pulau Pinang pada tahun 1990, Jaafar Hussien yang merupakan Gabenor Bank Negara ketika itu, berpendapat bahawa dalam usaha kita mewujudkan satu sistem kewangan Islam yang lengkap dan canggih, adalah penting institusi-institusi di pinggir sistem perbankan seperti syarikat-syarikat pajak gadai juga diislamkan. Dengan matlamat untuk membantu golongan miskin serta mengembangkan sistem kewangan Islam di Malaysia, satu rancangan sistem pajak gadai Islam berdasarkan konsep *al-Rahnu* telah diperkenalkan.⁴³

Dekad 1970-an juga menyaksikan gerakan dakwah terutamanya ABIM begitu gigih mempromosikan idea Islamisasi ilmu pengetahuan. ABIM berusaha untuk menyedarkan masyarakat tentang kepentingan pendidikan yang berpaksikan kepada Islam. Oleh itu, perjuangan memajukan idea kesepaduan ilmu dan usaha-usaha ke arah islamisasi ilmu telah dilakukan. Idea ini berjaya menanamkan benih yang menjadi pencetus kepada perubahan dalam sistem pendidikan negara sama ada di

⁴² Ibid., hlm. 117. Lihat juga Nur Mohamed Yacob. *Teori, Amalan dan Prospek Sistem Kewangan Islam di Malaysia*. hlm. 116. Mohd Jamil Mukmin. *Gerakan Islam di Malaysia*. hlm. 103.

⁴³ Ibid., hlm. 353.

peringkat institusi pendidikan tinggi dan sekolah.⁴⁴ Konsep ini dibuat sebagai menyelesaikan permasalahan pendidikan dualisme dalam masyarakat Islam yang dipengaruhi oleh fahaman sekular. Hampir semua pemikir gerakan Islam beranggapan bahawa pendidikan Islam bersifat bersepadu. Oleh itu, ABIM melalui Biro Pelajaran yang dipimpin oleh Osman Bakar telah melancarkan Memorandum Pelajaran pada tahun 1974 untuk diserahkan kepada Menteri Pelajaran pada waktu itu, iaitu Dr Mahathir Mohamad. Memorandum tersebut menekankan konsep pendidikan yang diperjuangkan oleh gerakan Islam yang bersifat bersepadu dan dipersetujui untuk dilaksanakan.⁴⁵

Sebelum dilaksanakan oleh pihak kerajaan, gerakan Islam seperti ABIM telah merealisasikan program ini dengan menubuhkan *Jurnal Pendidikan Islam* yang memfokuskan isu islamisasi dan pendidikan bersepadu serta mendirikan sekolah persendirian yang dikenali sebagai Taman Asuhan Kanak-kanak Islam (TASKI) di peringkat prasekolah dan Sekolah Rendah Islam (SERI) ABIM di peringkat rendah dan menengah.⁴⁶ Kejayaan program ini turut dibawa dalam arus perdana negara apabila Anwar Ibrahim memasuki kabinet. Antara program pertama beliau ialah membincangkan penubuhan UIAM sebagai merealisasikan konsep islamisasi.⁴⁷ Idea

⁴⁴ Osman Bakar, "Implikasi Gerakan Dakwah Terhadap Pendidikan Negara" dalam *Gerakan Dakwah dan Orde Islam di Malaysia: Strategi Masa Depan*. 1993, Petaling Jaya: Selangor. ABIM, hlm. 45-52.

⁴⁵ Mohd Jamil Mukmin. *Gerakan Islam Di Malaysia*. hlm. 85. Lihat juga Osman Bakar, "Implikasi Gerakan Dakwah Terhadap Pendidikan Negara" hlm. 45-50.

⁴⁶ Osman Bakar, "Implikasi Gerakan Dakwah Terhadap Pendidikan Negara" hlm.45-52.

⁴⁷ Perlantikan Anwar Ibrahim sebagai Menteri Pendidikan bermula pada tahun 1986 sehingga tahun 1990. Beliau bertekad untuk melakukan agenda reformasi pendidikan. Usaha menentukan perancangan yang positif dilakukan oleh kementerian Pendidikan dengan mengkaji semula Akta Pelajaran 1961 yang dilihat secara menyeluruh ke arah menentukan reformasi yang perlu dilaksanakan untuk memperkukuh pelaksanaan Dasar Pendidikan Kebangsaan. Lihat Anwar Ibrahim, *Menangani Perubahan*. Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn.Bhd. 1989. hlm.64. Lihat juga Muhamad Hafiz Abdul Halim, *Gerakan Reformasi dan Kesannya Ke Atas Politik Malaysia, 1998-1999*. Tesis MA, Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, 2013. hlm. 67.

universiti Islam sebenarnya telah diperjuangkan oleh aktivis Islam sejak tahun 1960-an lagi.⁴⁸

Komitmen kepada pelaksanaan pendidikan Islam secara bersepadu ini kemudian menjadi agenda kerajaan setelah Anwar Ibrahim dilantik menjadi Menteri Pendidikan pada tahun 1986. Pembentukan Falsafah Pendidikan Negara menunjukkan idea yang terkandung di dalamnya mempunyai persamaan dengan Falsafah Pendidikan ABIM yang dirangka sebelumnya yang menunjukkan bahawa idea Islamisasi pendidikan yang diperjuangkan oleh ABIM telah berjaya diarusperdanakan.⁴⁹ Pengenalan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) merupakan usaha bagi melaksanakan pendidikan bersepadu ini. KBSR mula dilaksanakan tahun 1982/1983 dan KBSM dilaksanakan mulai 1989/90.⁵⁰

Satu lagi perubahan penting dalam masyarakat Islam di negara ini ialah berkaitan pakaian. Sebelumnya, dalam tahun 1960-an dan 1970-an, mahasiswi Islam di Universiti Malaya, maktab dan kolej, rata-ratanya memakai *skirt* dan *mini skirt* sama seperti mahasiswa bukan Islam. Tetapi, selepas tahun 1980-an, keadaannya berubah dengan ketara kepada pemakaian baju kurung serta bertudung dan seterusnya bermini telekung. Perubahan ini juga berlaku di sekolah rendah dan menengah. Pelajar juga diberi peluang untuk menunaikan solat ketika sesi

⁴⁸ Perjuangan menubuhkan universiti Islam di Malaysia telah bermula semenjak lama. PKPIM pernah mencadangkan kepada kerajaan untuk menubuhkan universiti ini. Sewaktu Anwar Ibrahim menjadi Presiden PKPIM. Beliau pernah menulis surat kepada Perdana Menteri ketika itu berkaitan penubuhan sebuah universiti yang berasaskan Islam. Lihat Hilmi Ramli, *PKPIM 5 Dekad*. hlm. 48. Lihat juga Muhamad Nur Manuty, "Anwar Ibrahim dan Perjuangan Penubuhan Universiti Islam", dlm *Anwar Ibrahim : Jejak Seorang Pejuang*. Shah Alam: IDER Research. 2015. hlm. 34-36. Mohd Jamil Mukmin, *Gerakan Islam Di Malaysia*, hlm. 35.

⁴⁹ Mohd Jamil Mukmin, *Gerakan Islam Di Malaysia*, hlm.79-81. Osman Bakar, "Implikasi Gerakan Dakwah Terhadap Pendidikan Negara", hlm. 45-52.

⁵⁰ Mohd Salleh Lebar, *Perubahan dan Kemajuan Pendidikan di Malaysia*, Nurin Enterprise : Kuala Lumpur. 1992. hlm. 155-157.

pembelajaran dan diasingkan antara pelajar lelaki dan perempuan dalam bilik darjah.⁵¹

Bagi UMNO, parti tersebut tidak pernah meminggirkan Islam dalam agenda perjuangannya. Bahkan, parti tersebut memperakukan antara lain perjuangan UMNO ialah “menegak, mempertahankan dan mengembangkan Islam, agama rasmi negara serta menghormati prinsip kebebasan beragama”.⁵² UMNO juga menyifatkan parti tersebut berusaha menyuburkan kefahaman Islam kepada rakyat melalui pelbagai bentuk program seperti pengajaran Jawi, Al-Quran, bahasa Arab dan Fardu Ain (j-QAF) dan Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) yang bertujuan membolehkan anak-anak Islam terdidik dengan perkara asas-asas agama.⁵³

Tindakan tersebut yang dilakukan oleh UMNO, sedikit sebanyak berjaya menangkis tanggapan bahawa lulusan pendidikan Islam tidak mempunyai nilai ekonomi dan sosial yang tinggi semakin lama semakin pupus. Sambutan yang begitu memberangsangkan telah mendorong kerajaan menyediakan pelbagai kemudahan bagi Pengajian Islam di negara ini sehingga wujudnya Kolej Islam, Maktab Perguruan Islam, Fakulti Pengajian Islam di universiti. Kemuncak segala kemudahan ini ialah penubuhan Univeriti Islam Antarabangsa Malaysia yang diakui oleh masyarakat antarabangsa.⁵⁴

Perubahan sistem pemerintahan kerajaan yang pasif kepada yang lebih positif terhadap Islam turut dipengaruhi oleh dua faktor. Pertama, cetusan semangat dan

⁵¹ Zainah Anwar, *Kebangkitan Islam Di Kalangan Pelajar*. hlm.34. Lihat juga Mohd Jamil Mukmin, *Gerakan Islam Di Malaysia*, hlm. 115.

⁵² Fasal 3.3. Perlembagaan UMNO.

⁵³ Norazlan Hadi Yaacob *et al.*, “Berebut Menjadi Soleh”, hlm. 1-20.

⁵⁴ Mohd Jamil Mukmin. *Gerakan Islam di Malaysia*. hlm. 85.

aktiviti kebangkitan Islam dekad 1970-an. Kedua, kebangkitan PAS yang memperjuangkan Islam, serta seruan untuk menganggap Islam sebagai suatu cara hidup yang merangkumi semua aspek kehidupan dan bukannya terhad kepada soal ibadat semata-mata. Akibat desakan badan dakwah seperti ABIM yang bersifat sebagai kumpulan pendesak, tokoh akademik reformis, serta sokongan golongan pro-Islam dalam jentera kerajaan menyebabkan pihak kerajaan mengambil sikap yang lebih positif dengan melakukan beberapa perubahan termasuk dalam bidang perundangan Islam.⁵⁵

Pada masa yang sama, arus kebangkitan Islam yang memberi kesedaran kepada masyarakat telah menyebabkan timbul isu-isu dan permintaan baharu iaitu persoalan melaksanakan sepenuhnya isu-isu tersebut. Oleh yang demikian, pihak kerajaan telah mengambil sikap menerima isu yang dibincangkan, atau sekurang-kurangnya menunjukkan minat dan bersikap pro-Islam dalam dasar negara.⁵⁶ Pihak kerajaan kemudiannya telah memperkenalkan dasar Islamisasi dalam pemerintahan negara secara berperingkat-peringkat seterusnya menjadi beberapa bentuk. Dalam konteks perundangan Islam, kerajaan telah memulakan beberapa langkah bagi mengukuhkan institusi perundangan negara ke arah yang lebih Islamik akibat kesedaran mendalam masyarakat terhadap Islam pada dekad 1970-an.⁵⁷

Pada tahun 1984, Kerajaan Persekutuan telah meluluskan Akta Mahkamah Syariah bidang kuasa jenayah (pindaan) 1984 sebagai usaha untuk menyusun dan meningkatkan struktur Mahkamah Syariah kepada tiga peringkat serta menyelaraskannya di seluruh negara. Pindaan ini memberi kuasa yang lebih kepada

⁵⁵ Ahmad Zaki Haji Abd. Latif, *Transformasi Gerakan Islah*, hlm. 111.

⁵⁶ Norazlan Hadi Yaacob *et al.*, "Berebut Menjadi Soleh", hlm. 1-20.

⁵⁷ Mohd Jamil Mukmin. *Gerakan Islam di Malaysia*, hlm. 64.

mahkamah syariah untuk menjatuhkan hukuman yang lebih berat sama ada penjara sehingga tiga tahun atau denda sehingga RM5000 atau sebat 6 kali rotan atau kedua-duanya sekali. Akta ini merupakan pindaan kepada Akta Mahkamah Syariah bidang kanun jenayah 1965 yang sangat sempit ruang lingkupnya. Selaras dengan pindaan tersebut, mahkamah syariah telah distrukturkan semula kepada tiga peringkat iaitu Mahkamah Rendah Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rayuan Syariah. Pindaan kepada Akta Mahkamah Syariah bidang kuasa jenayah 1965 yang dilakukan pada tahun 1984 yang memberi kuasa kepada mahkamah syariah menjatuhkan hukuman yang lebih berat itu merupakan satu perkembangan yang menggalakkan kepada sistem perundangan Islam di negara ini, walaupun ia belum lagi memenuhi sepenuhnya undang-undang jenayah Islam yang mutlak seperti perlaksanaan hukum hudud dan *takzir*.⁵⁸

Selaras dengan perubahan yang dilakukan oleh Kerajaan Persekutuan, beberapa buah negeri juga mengambil tindakan yang positif dengan membuat pindaan untuk melaksanakan undang-undang tersendiri mengenai acara jenayah dan undang-undang keterangan bagi Mahkamah Syariah. Negeri Kelantan telah membuat tindakan susulan dengan mengadakan Enakmen Kanun Jenayah Syariah 1985 Negeri Kelantan. Ini diikuti oleh negeri Kedah dengan Enakmen Kanun Jenayah Syariah 1988 Negeri Kedah. Seterusnya, pada tahun 1991, negeri Sarawak mengadakan Ordinan Kesalahan Jenayah Syariah dan dalam tahun yang sama negeri Melaka melaksanakan juga. Semua negeri di Malaysia telah meminda hukuman kesalahan jenayah syariah agar sesuai dengan peruntukan Akta Parlimen 1984. Wilayah

⁵⁸ Mahmood Saedon Awang Osman, *Institusi Pentadbiran Undang-Undang dan Kehakiman Islam*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. 1990, hlm. 242.

Persekutuan misalnya telah melaksanakan Akta Kesalahan Syariah Wilayah Persekutuan 1990 dan negeri Perlis telah melaksanakan Enakmen Kanun Jenayah.⁵⁹

Penubuhan Jawatankuasa Teknikal Undang-undang Syarak dan Sivil (JTSS) merupakan langkah yang dijalankan oleh kerajaan bagi mengembangkan dasar Islamisasi dalam bidang perundangan. Penubuhan JTSS dianjurkan oleh Bahagian Hal Ehwal Islam (BAHEIS) dan Pusat Islam, serta dianggotai oleh tokoh perundangan negara dalam pelbagai bidang yang dikenali dengan sikap pro-Islam dan mendukung idea *tajdid*. Tugas JTSS ialah mengkaji dan menyelaraskan undang-undang pentadbiran hal-ehwal Islam di seluruh negeri di Malaysia, menyediakan draf undang-undang dan prosedur Mahkamah Syariah yang baharu apabila difikirkan perlu, mengkaji peruntukan yang ada dalam undang-undang sivil yang difikirkan bercanggah dengan undang-undang Islam supaya ia dapat diselaraskan dengan Islam, mengemukakan cadangan dan perakuan berpandukan kajian yang dibuat terhadap draf undang-undang pentadbiran hal ehwal Islam yang disediakan kepada jawatankuasa induk (BAHEIS), Jabatan Perdana Menteri dan pihak lain yang terbabit untuk tindakan selanjutnya.⁶⁰

Dalam banyak hal, JTSS kurang diketahui oleh masyarakat umum kerana ia telah mengamalkan polisi berfungsi dalam keadaan kurang menonjol dan tidak digembar-gemburkan kepada masyarakat umum bagi mengelakkan timbulnya masalah dalam kalangan masyarakat majmuk di negara ini. Keseragaman dan penyelarasan konflik bidang kuasa Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil juga telah diusahakan oleh pihak kerajaan. Hasil daripada saranan JTSS, pihak kerajaan

⁵⁹ Ibid., hlm. 237. Lihat juga Mohd Jamil Mukmin. *Gerakan Islam di Malaysia*. hlm. 64-65.

⁶⁰ Ibid. Hussin Ahmad, "Islam dan Perundangan di Malaysia", dalam *Tasawur Islam, Jurnal Perspektif Islam*. Jilid 2/1995/1996. hlm.75. Lihat juga Mohd Jamil Mukmin. *Gerakan Islam di Malaysia*. hlm. 65.

telah meminda Akta A 704 Perkara 121 (A) pada tahun 1988.⁶¹ Walaupun begitu, masih wujud lagi beberapa peruntukan undang-undang sivil yang bertentangan dengan undang-undang Islam disebabkan undang-undang Malaysia adalah berasaskan *common law*. Oleh itu, JTSS telah mengkaji peruntukan tersebut untuk mempertingkat taraf Mahkamah Syariah.⁶²

Kerajaan juga berusaha meningkatkan taraf Mahkamah Syariah dan penyelarasan di peringkat negeri. Salah satu masalah yang dihadapi oleh Mahkamah Syariah adalah ketiadaan keseragaman keputusan dan pentadbiran Mahkamah Syariah di peringkat negeri. JTSS telah mencadangkan beberapa perkara untuk menyelesaikan masalah ini, Menyediakan peruntukan undang-undang yang lebih kemas dan lengkap bagi Mahkamah Syariah, peruntukan bidang kuasa keputusan-keputusan Mahkamah Syariah, penyelarasan dari sudut keputusan Mahkamah Syariah, menaik taraf pegawai yang terlibat dalam bidang kehakiman, penyusunan semula struktur dan pentadbiran Mahkamah Syariah dan pengasingan bidang tugas antara Majlis Agama Islam Negeri, Jabatan Hal Ehwal Agama Negeri dengan Mahkamah Syariah.⁶³

Sebelum pindaan ini dibuat, Mahkamah Sivil mempunyai kuasa untuk memutuskan kes-kes dalam bidang kuasa Mahkamah Syariah yang menyebabkan Mahkamah Syariah tidak berfungsi sepenuhnya dalam melaksanakan undang-undang Islam yang memang terhad daripada segi skopnya. Setelah berlaku pindaan, Mahkamah Sivil tidak berhak mempertikaikan keputusan Mahkamah Syariah. Dalam beberapa kes yang diputuskan selepas pindaan jelas menunjukkan peningkatan kuasa

⁶¹ Rahimin Afendi Abdul Rahim, "Gerakan *Tajdid* di Malaysia: Antara Teori dan Realiti" dlm. Mahmood Zuhdi Abdul Majid (ed.). *Dinamisme Pengajian Syariah*. Kuala Lumpur: Berita Publishing, 1997. hlm. 93-107.

⁶² Ibid., hlm. 93-107.

⁶³ Ibid., hlm. 99.

Mahkamah Syariah.⁶⁴ Usaha yang dibuat JTSS telah berjaya mempertingkatkan taraf Mahkamah Syariah, selain dapat memartabatkan perundangan Islam di negara ini. Walaupun begitu, banyak lagi yang perlu dilakukan untuk menstrukturkan seluruh sistem perundangan agar betul-betul mengikut kehendak agama Islam.⁶⁵

Perubahan perundangan yang dilaksanakan oleh kerajaan pada tahun 1980-an itu juga menjadikan Mahkamah Syariah bebas daripada gangguan Mahkamah Sivil dan kawalan Majlis atau Jabatan Agama Islam Negeri. Struktur Mahkamah Syariah ditetapkan pada tiga peringkat, iaitu Mahkamah Rendah Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rayuan Syariah. Rayuan boleh dibuat dari Mahkamah Rendah Syariah kepada Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Tinggi Syariah kepada Mahkamah Rayuan Syariah.⁶⁶ Perubahan di atas sangat positif dalam menaikkan taraf dan bidang kuasa Mahkamah Syariah, walaupun belum sampai tahap memuaskan. Walaupun berlaku perubahan dalam undang-undang sivil yang telah meletakkan Mahkamah Syariah setaraf dengan Mahkamah Sivil tetapi perubahan tersebut masih belum berjaya mengangkat status undang-undang Islam sebagai sumber utama perundangan negara.

Secara umumnya, reaksi kerajaan terhadap Islam akibat daripada desakan dari ABIM dengan perlaksanaan Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam kerajaan pada tahun 1982 telah memberi impak yang sangat besar terhadap perubahan pemahaman Islam dalam kalangan masyarakat. Kemasukan tokoh belia dan gerakan Islam dalam

⁶⁴ Ibid. Lihat juga Mohd Jamil Mukmin. *Gerakan Islam di Malaysia*. hlm. 66.

⁶⁵ Ibid.

⁶⁶ Mohd Jamil Mukmin, *Gerakan Islam di Malaysia*, hlm. 66. Sharifah Zaleha Syed Hassan & Sven Cenderron, *Managing Marital Disputes In Malaysia: Islamic Mediator and Conflict Resolution In the Syariah Court*. Curzon Press Ltd & Nordic Institutes Of Asian Studies. Surrey.1997. Lihat Rahimin Afendi Abdul Rahim, "Gerakan *Tajdid* di Malaysia: Antara Teori dan Realiti" hlm. 93-107.

kerajaan iaitu Anwar Ibrahim juga mempercepatkan proses pelaksanaan dasar ini. Bermula dengan penubuhan UIAM, pelaksanaan sistem kewangan Islam dengan pembentukan BIMB serta perubahan sistem perundangan Islam dan beberapa aspek dalam sistem pendidikan negara telah memberi kesan yang besar terhadap perkembangan Islam di Malaysia.

Reaksi Parti Islam SeMalaysia (PAS)

Penubuhan ABIM pada tahun 1971 di sambut baik oleh pimpinan PAS.⁶⁷ Sebahagian besar aktivis PAS dan ABIM adalah orang yang sama. Hubungan baik Anwar Ibrahim dan generasi seangkatannya dengan Presiden PAS waktu itu Asri Muda menunjukkan bahawa ABIM mempunyai hubungan yang sangat erat dengan PAS. Penyertaan PAS ke dalam Barisan Nasional pada tahun 1974 menjadikan suasana politik Malaysia dalam kekosongan dari aspek bangkangan kerana tidak adanya parti pembangkang ketika itu. Ini menjadikan ABIM menjadi kumpulan pendesak yang sangat berpengaruh.⁶⁸ Sebahagian besar ahli PAS yang kurang senang terhadap penyertaan PAS ke dalam Barisan Nasional menjadikan ABIM sebagai platform baru dalam perjuangan. Penyertaan beramai-ramai ahli PAS di dalam ABIM adalah kerana ABIM telah mengambil tempat PAS di dalam menyuarakan konsep Islam dan menjadi kumpulan pendesak kepada pihak kerajaan terutamanya mengenai isu-isu Islam dan beberapa perkara lain yang tidak bertepatan dengan Islam. Di anggarkan sekitar lapan ribu ahli PAS telah menyertai ABIM sekitar tahun 1974.⁶⁹

⁶⁷ Azhar Yaacob, Strategi Dakwah Rasulullah SAW Dalam Pembentukan Negara: Kajian Perlaksanaannya Oleh Parti Islam SeMalaysia (PAS). Tesis PhD. Akademi Pengajian Islam. Universiti Malaya. 2005. hlm. 377.

⁶⁸ Shahrudin Badaruddin, *Masyarakat Madani dan Politik*. hlm.22.

⁶⁹ Dewan Ulama PAS Pusat, *25 Tahun Kepimpinan Ulama: Membangun Bersama Islam*. Kuala Lumpur: Nurfair Street. 2009. hlm. 7. Lihat juga Shahrudin Badaruddin, *Masyarakat Madani dan Politik*. hlm.22.

Kesedaran orang Melayu terhadap Islam yang semakin berkembang pada awal tahun 1980-an turut memberi kesan kepada perkembangan NGO Islam seperti ABIM yang dilihat kritikal terhadap UMNO. Sebelumnya, ABIM merupakan platform kepada masyarakat Melayu yang ingin memperjuangkan Islam di luar daripada kerajaan ketika PAS bersama-sama dengan UMNO dalam BN. Setelah PAS disingkirkan daripada BN, terdapat beberapa pemimpin utama ABIM menyertai PAS.⁷⁰

Fadzil Mohammad Nor yang menjadi Timbalan Presiden ABIM pada tahun 1974 merupakan ahli PAS sebelum aktif dalam ABIM lagi. Pada tahun 1978, beliau bertanding dalam Pilihanraya Umum 1978 mewakili PAS.⁷¹ ABIM dan Anwar Ibrahim ketika itu berkempen bagi memenangkan beliau. Penyertaan ABIM dalam kempen pilihanraya ini menunjukkan bahawa ABIM menjadikan PAS sebagai sumber kekuatan politik.⁷²

PAS yang mengalami perubahan dalam kepimpinan berikutan pengunduran Asri Muda sebagai presiden telah menyaksikan kemasukan beberapa pemimpin ABIM seperti Fadzil Noor, Nakhaie Ahmad, Syed Ibrahim dan Abdul Hadi Awang sehingga memberi kekuatan baru kepada parti tersebut.⁷³ Mereka ini bersama-sama dengan tokoh ulama yang sedia ada dalam PAS seperti Nik Aziz dan Yusof Rawa yang kemudiannya telah memperkenalkan konsep kepimpinan ulama. Dalam usaha PAS untuk menerapkan konsep kepimpinan ulama, satu pindaan kepada perlembagaan parti diluluskan pada tahun 1983 untuk membentuk Majlis

⁷⁰ Shahrudin Badaruddin. *Masyarakat Madani dan Politik*. hlm. 40.

⁷¹ Muhaimin Sulam, Kepimpinan Politik Dato' Hj Fadzil Mohd Noor, Tesis MA, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan. UKM. 2003. hlm.42.

⁷² Shahrudin Badaruddin. *Masyarakat Madani dan Politik*. hlm. 40.

⁷³ Ahmad Zaki Abdul Latiff, *Transformasi gerakan Islam*, hlm.117.

Syura Ulama. Bagi PAS, kepimpinan ulama bukan sahaja diterajui oleh ulama semata-mata, tetapi hendaklah diisi dengan ciri- ciri pentarbiyahan, dakwah, ilmu dan satu gerakan yang menjadikan citra Islam sebagai teras dan matlamat perjuangan.⁷⁴

Anwar Ibrahim sebagai pemimpin utama ABIM dan aktivis mahasiswa pula menyertai UMNO pada 29 Mac 1982, iaitu beberapa minggu sebelum PRU-6 (1982) berlangsung. Anwar Ibrahim dianggap sinonim dengan ABIM. Malah suatu masa dahulu ada yang secara bergurau mengatakan singkatan ABIM itu ialah “Anwar Bin Ibrahim Malaysia”. Itu hanyalah sekadar bayangan betapa eratnya Anwar dengan pertubuhan belia Islam yang berpengaruh luas itu.⁷⁵

Terdapat juga pemimpin ABIM yang turut mengikuti jejak langkah Anwar untuk bersama-sama dalam UMNO. Penyertaan Anwar ke dalam UMNO menyebabkan ABIM mula berubah daripada pengkritik kepada pendukung dasar dan program UMNO terutamanya dalam soal islamisasi.⁷⁶ Kemasukan Anwar ke dalam UMNO yang dikaitkan dengan usaha Mahathir, seperti juga kemasukan PAS dalam kerajaan campuran dahulu telah mengikat kerajaan untuk melakukan lebih untuk Islam. Tindakan Anwar menyertai UMNO dengan niat mentarbiahkan UMNO dari dalam telah dianggap sebagai ‘mencuci najis dari dalam tong tahi.’⁷⁷ Anwar dibawa masuk ke dalam UMNO oleh Mahathir setelah menyedari bahawa Anwar berupaya

⁷⁴ Badlihasham Mohd Nasir. *Dinamisme Gerakan Islam dan Cabaran Semasa*. Shah Alam: Karisma Publication. hlm. 117.

⁷⁵ Mohd Firdaus Abdullah, *Komentor Politik dan Kebudayaan*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya. 2004. hlm. 112.

⁷⁶ Temubual dengan Shahrudin Badaruddin di Universiti Malaya pada 20 Ogos 2010.

⁷⁷ Rahman Shaari. *Politik Mahathir: Langkah dan Perhitungan*. Kuala Lumpur: D Enterprise. hlm. 129.

menarik sokongan kepada UMNO daripada golongan Muslim dan majoriti Melayu. Pada masa sama juga dapat memberikan imej Islam kepada UMNO.⁷⁸

Wujud pendapat mengatakan Ismail Faruqi yang memainkan peranan untuk membawa Anwar ke dalam UMNO. Dengan bertindak sebagai pergantara, Faruqi berjaya memujuk Anwar bahawa Dr Mahathir ‘mempunyai kecenderungan terhadap Pergerakan Islam’ dan dapat bekerja dengan Anwar serta ‘meneruskan matlamat Islam’.⁷⁹ Walau bagaimanapun, Mahathir mengemukakan tiga syarat kepada Anwar sebelum kemasukannya ke dalam UMNO. Tiga syarat tersebut ialah ABIM membatalkan semua hubungannya dengan PAS termasuklah bertanding atas tiket PAS semasa pilihan raya, membuang pandangan bahawa DEB sebagai tidak Islam dan menyokong peningkatan hak bumiputera dan ketiganya tidak mengutuk dasar pendidikan untuk orang Melayu.⁸⁰

PAS mengakui bahawa kehadiran Anwar dalam UMNO telah membantu meningkatkan legitimasi Islam UMNO di mata orang Melayu sehingga melemahkan kekuatan PAS. Usaha PAS untuk menawarkan sesuatu yang lebih daripada dasar Islamisasi UMNO dengan konsep negara Islamnya sukar mendapat tempat dalam kalangan pengundi Melayu. PAS semasa kempen PRU-7 (1986) di samping menekankan ketidakadilan sosial turut mengutarakan slogan ‘PAS Parti Allah’ yang memberikan tumpuan terutamanya kepada versi negara dan undang-undang Islamnya, termasuk janji untuk memperkenalkan hudud sebagai alternatif kepada ‘nasionalisme sekular UMNO’.⁸¹

⁷⁸ Shahrudin Badaruddin, *Masyarakat Madani dan Politik*. hlm .48. Jomo dan Ahmad Shabery Cheek, ‘The Politics of Malaysia’s Islamic Resurgence’, *Third World Quarterly*, 10,2 (April), 1988. hlm. 843-868.

⁷⁹ John Hilley. *Malaysia: Mahathirisme, Hegemoni dan Pembangkang Baru*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad. 2008. hlm.108.

⁸⁰ Lima syarat Mahathir kepada ABIM. *Risalah*. Bil.2/99. Oktober 1999.

⁸¹ Ibnu Hashim, *PAS Kuasai Malaysia*. Kuala Lumpur: GG Edar.Sdn.Bhd. 1993. hlm. 289-303.

Persaingan membawa suara masyarakat Melayu-Islam mendorong kedua-dua pihak saling mempertikaikan tafsiran Islam masing-masing. Peningkatan imej positif UMNO melalui pelaksanaan program Islamisasi telah mengundang respon yang tidak kurang agresif daripada PAS. Usaha pemerkasaan Islam yang dilakukan oleh UMNO mendapat kritikan oleh PAS. Bagi PAS, UMNO tidak melaksanakan pembangunan Islam yang sebenar-benarnya dan dilihat sebagai tidak ikhlas dalam memperjuangkan agenda tersebut. PAS mengkritik program Islamisasi Dr Mahathir sebagai hanya bersifat luaran dan tidak meletakkan asas sebuah negara Islam dan oleh itu, tidak memadai.⁸²

Pada bulan April 1984, Yusof Rawa pada waktu itu merupakan Presiden PAS dalam ucapan dasarnya yang bertajuk “Menggempur Pemikiran Assabiyah” di Muktamar Tahunan PAS mengkritik program Islamisasi UMNO dengan mendakwa program tersebut dilaksanakan sebagai salah satu cara UMNO meningkatkan ruang pengaruhnya terhadap orang Melayu. PAS menyifatkan rancangan Islamisasi UMNO sebagai salah satu pelaksanaan politik perkauman UMNO.⁸³ Di sebalik kritikan tersebut, UMNO menegaskan bahawa usaha parti dalam menegakkan syiar Islam di negara ini adalah selaras dengan kedudukan Islam sebagai agama persekutuan.

Reaksi terhadap kemasukan Anwar Ibrahim ke dalam UMNO juga telah menyebabkan kepimpinan PAS baru yang bermula pada 1982 telah mempopularkan konsep kepimpinan ulama dan memperjelaskan tujuan PAS tanpa berselindung untuk

⁸² Farish A. Noor. *Islam Embedded: The Historical Development Of The Pan Malaysia Islamic Party PAS (1951-2003)*. Kuala Lumpur: Malaysian Sociological Research Institute. 2004. hlm. 379-380.

⁸³ Yusof Rawa, “Mengempur Pemikiran Ashabiyah”. Ucapan Dasar Yang DiPertua PAS di Muktamar tahunan PAS ke 30 pada 13 April 1984.

mendirikan sebuah negara Islam yang berlandaskan hukum syariah.⁸⁴ Pada waktu ini, perubahan watak pimpinan dan anggota PAS jelas kelihatan sama ada dalam perilaku seharian dan corak politik mereka. PAS mula mengambil pendekatan Islam yang bersesuaian dengan dunia Arab. Ini sangat menonjol dari sudut pakaian yang mula mengenakan jubah dan kopiah putih sebagai pakaian harian sehingga menjadi ciri khas pada masa kini.⁸⁵ Ini dibuat seolah-olah untuk membezakan pengamalan Islam oleh kerajaan ketika itu dan corak politik PAS ini merupakan fenomena biasa bagi gerakan Islam politik di dunia ini yang pada umumnya memberi penekanan kepada dua perkara penting iaitu pembentukan sebuah negara Islam yang merangkumi pelaksanaan undang-undang syariah dan undang-undang jenayah hudud. Kedua-dua unsur ini dilihat sebagai *raison d'être* gerakan Islam politik.⁸⁶

Menyedari kepimpinan ulama merupakan strategi yang penting dalam mengembalikan keyakinan rakyat kepada PAS yang tewas teruk pada PRU 1978, kepimpinan PAS berusaha menggantikan kepimpinan nasionalisme Islam pimpinan PAS lama di bawah Asri Muda dengan tokoh-tokoh yang berpendidikan agama. Kemasukan tokoh ABIM ke dalam PAS telah mencorakkan bentuk baru PAS pada era ini dan meningkatkan imej PAS sebagai parti agama.⁸⁷

Melalui kepimpinan yang berasaskan ulama, mereka gigih menyebarkan fahaman Islam yang syumul melalui kegiatan ceramah, penulisan dan syarahan politik. Pada era ini, banyak buku berkaitan pemerintahan Islam telah diterbitkan dan

⁸⁴ Azhar Yaakob, *Strategi Dakwah Rasulullah*, hlm. 257-269.

⁸⁵ Norazlan Hadi Yaacob, *et al.*, "Berebut Menjadi Soleh", hlm. 1-20.

⁸⁶ Haris Zalkapli, 'Wacana Baharu Gerakan Islam.', dalam Mohd Izani Mohd Zain, *Demokrasi dan Dunia Islam: Perspektif Teori dan Praktik*, Penerbit Universiti Malaya: Kuala Lumpur, 2007, hlm. 352.

⁸⁷ Shahrudin Badaruddin. *Masyarakat Madani dan Politik*. hlm.23.

ini memberi arus kesedaran yang kuat kepada masyarakat Islam di Malaysia.⁸⁸ Selain karya pimpinan PAS, karya tokoh-tokoh gerakan Islam luar negara tentang negara Islam telah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu oleh pelbagai pihak yang akhirnya menjadi rujukan kepada PAS.⁸⁹ Hampir semua buku-buku yang ditulis dan diterbitkan PAS pada era ini bersifat *harakiy* untuk mengerakkan tentangan terhadap Islam kerajaan. Pada era ini juga, PAS berjaya menyebarkan pengaruhnya dalam kalangan warga kampus. Hampir semua gerakan mahasiswa di kampus pada tahun 1980-an dikuasai oleh PAS.⁹⁰ Ini juga memberi tekanan yang hebat kepada pemerintah.

Kerancangan strategi PAS dalam menggerakkan kefahaman masyarakat tentang negara Islam pada dekad 1980-an telah merangsang suasana radikal dalam kalangan ahli-ahli PAS. Dua ciri radikal yang dapat dikesan ialah kemahuan mereka menukar pemerintahan sekular kepada pemerintahan Islam dan menukar corak pemerintahan zalim kepada keadilan Islam.⁹¹ Inilah yang mengakibatkan timbulnya isu kafir mengkafirkan yang membawa kepada peristiwa debat agung UMNO PAS.⁹²

Golongan sekular dan nasionalis menggunakan dua isu itu bagi dijadikan hujah untuk menimbulkan keresahan dan ketakutan terhadap penglibatan Islam dalam politik demokrasi. Hujah-hujah seperti gerakan Islam hanya menggunakan demokrasi untuk mendapatkan kuasa dan kemudiannya memusnahkan sistem itu atau

⁸⁸ Harun Taib, *Kuasa Pemerintahan Islam*, 1981, Abdul Hadi Awang, *Islam: Penyelesaian Masalah Umat dan Negara, Jika Islam Mentadbir* 1984, *Konsep Negara Islam dan Matlamatnya* 1986,

⁸⁹ Diantara buku yang diterjemahkan ialah *Ke arah Sebuah Pemerintahan Islam* oleh Maududi 1981, *Pemerintahan Islam* oleh Ayatullah Khomaini 1983, *Mana Letaknya Negara Islam* karya A. Hashmy dari Indonesia turut menjadi rujukan ahli PAS. Lihat Azhar Yaakob, *Strategi Dakwah Rasulullah*. hlm . 264.

⁹⁰ Zainah Anwar, *Kebangkitan Pelajar di Kalangan Pelajar*, hlm. 56.

⁹¹ Azhar Yaakob, *Strategi Dakwah Rasulullah*. hlm .264. Abdul Rahman Hj. Abdullah, *Pemikiran Islam di Malaysia : Sejarah dan Aliran*. Pulau Pinang: DBP dan USM, 1998.hlm. 274-279.

⁹² Ibid. Lihat juga Mohammad Abu Bakar, "Konservertisme, Kafir Mengkafir dan Konflik Politik Kepartian Melayu", dlm *Jurnal Pemikir*, Julai- September 2000. hlm. 121-160.

sekurang-kurangnya melaksanakan dasar dan tindakan yang tidak demokratik dikumandangkan oleh sesetengah pimpinan UMNO yang tidak islamik. Di samping wujudnya tuduh menuduh yang mengatakan PAS mengkafirkan UMNO dan PAS mendakwa UMNO menuduh PAS mengkafirkan UMNO serta mendakwa PAS sebagai penjenayah akidah⁹³, wujud pula cabar mencabar supaya diadakan debat UMNO-PAS.⁹⁴ Debat agung ini dijadualkan pada 11 November 1984 dengan tajuk “ PAS mendakwa Ahli UMNO Kafir, dan barang siapa yang menentanginya, jika mati adalah mati syahid”,⁹⁵ walaubagaimanapun debat ini yang dijadualkan secara langsung oleh RTM dibatalkan menjelang berlangsungnya majlis tersebut. Majlis Fatwa Kebangsaan dan Majlis Raja-Raja memutuskan pembatalan debat UMNO-PAS atas nama Yang DiPertuan Agung pada 10 November 1984.⁹⁶

Pada era ini juga, tuduh menuduh antara pihak PAS dan kerajaan telah membawa kepada penangkapan beberapa pimpinan PAS oleh pihak kerajaan.⁹⁷ Kemuncak daripada persaingan ini ialah cubaan menangkap seorang ahli PAS iaitu Ibrahim Libya yang mengajar agama di Baling, Kedah. Pada 19 November 1985, pihak Polis telah mengadakan operasi secara kekerasan sehingga menyebabkan 14

⁹³ Dakwaan di buat oleh Abdul Hadi Awang dalam wawancara dengan majalah *Asiaweeks*, 24 Ogos 1984. Lihat juga laporan *Berita Harian* pada 3 Mac 1982, hlm.3, Lihat juga *Berita Harian*, 12 September 1982, hlm. 3.

⁹⁴ Pada November 1982, ADUN PAS, Wan Mutalib Embong telah mengusulkan kepada DUN Terengganu supaya membincangkan isu kafir mengkafirkan tetapi ditolak oleh Adun UMNO dengan alasan tidak ada faedah. Lihat *Utusan Malaysia*, 7 November 1982.

⁹⁵ Tajuk asal yang dikemukakan ialah “ Ekonomi, Hubungan Antarabangsa dan Perubatan”, kemudian dipinda kepada *Fatwa Hj Hadi* sebelum dipinda kepada tajuk tersebut, Lihat Azhar Yaakob, *Strategi Dakwah Rasulullah*, hlm. 286.

⁹⁶ *Berita Harian*, 11 November 1984. Lihat juga Ahmad Zaki Abdul Latiff, “ Isu Kafir Mengkafir dan Implikasinya Dalam Perkembangan Politik dan Sosial Masyarakat Melayu”. dlm *Jurnal Usuluddin*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam. Bil 17. Julai 2003. hlm 12-16.

⁹⁷ Pada 1982, dua orang pemimpin Dewan Pemuda PAS Terengganu, Muhammad Jusuh dan Abdul Latif Mohammad telah ditahan bawah ISA sebelum dikenakan akta kediaman terhad di Taiping. Pada 10 Julai 1984, tiga lagi pemimpin Dewan Pemuda PAS ditahan ISA iaitu Abu Bakar Cik, Buniyamin Yakub dan Muhammad Sabu. Lihat Riduan Mohd Nor, *Menggengam Bara: Menelusuri Perjuangan 50 Tahun Dewan Pemuda PAS Pusat dan Kezaliman ISA, 1953-2003*. Kuala Lumpur: Jundi Resources.2003. hlm.37.

ahli PAS terbunuh, 110 orang dipenjarakan dan 36 orang ditahan di bawah ISA.⁹⁸ Ibrahim Libya dituduh sebagai pembawa ajaran sesat dan penjenayah negara.⁹⁹ Bagi PAS, beliau dianggap sebagai mati syahid kerana mempertahankan umat Islam. Sebagai tindak balas terhadap tuduhan kerajaan, PAS telah menerbitkan beberapa buah buku mempertahankan tindakan Ibrahim Libya.¹⁰⁰ Peristiwa Memali ini telah menajamkan lagi permusuhan antara PAS dan UMNO.

Selain tindakan kekerasan, pihak kerajaan juga menerbitkan satu kertas putih yang cuba mengaitkan PAS dengan kegiatan yang boleh memecahkan masyarakat dengan memperalatkan agama.¹⁰¹ Bagi menjawab tuduhan tersebut, PAS telah menerbitkan satu buku yang bertajuk "*PAS Menjawab Kertas Putih Kerajaan*" yang mendedahkan hujah PAS yang menolak Malaysia sebagai negara Islam, termasuk menolak semua tuduhan yang dikenakan ke atas PAS. Perdebatan sebeginilah yang akhirnya mencetuskan tuduhan demi tuduhan yang akhirnya mencetuskan persaingan dan perbalahan antara PAS dan UMNO pada tahun 1980-an sehingga menimbulkan persoalan takfir (kafir-mengkafirkan) antara PAS dan UMNO.¹⁰²

⁹⁸ Ibid., hlm.39-40.

⁹⁹ Untuk bacaan lanjut sila lihat *Utusan Malaysia*, 24 November 1985..Lihat juga Zakaria Haji Ahmad, Malaysia in 1985, "The Beginnings of Sagas", *Asian Survey*, Vol. XXVI, No. 2, February 1986, hlm. 156

¹⁰⁰ Antara buku-buku tersebut ialah Dewan Ulama PAS Persekutuan, *Syahid Memali dan Penyelewengan Fakta*, Dewan Ulama PAS: Kuala Lumpur, 1986, Nakhaei Ahmad, *Syuhada Memali: Pendakwah Bukan Penderhaka*, GG Edar: Kuala Lumpur, 1986, Nik Abdul Aziz Nik Mat, *Malaysia Bukan Negara Fatwa*, GG Edar: Kuala Lumpur: tt. Fadzil Noor, Jabatan Penerangan PAS Pusat, *Percikan Shuhada*, Jabatan Penerangan PAS Pusat: Kuala Lumpur,tt.. Lihat Azhar Yaakob, *Strategi Dakwah Rasulullah*, hlm. 287.

¹⁰¹ Terdapat sekurang-kurangnya tiga tuduhan dibuat keatas PAS iaitu tindakan kafir mengkafir oleh PAS, kegiatan memulau dan kegiatan menghasut yang dianggap memperalatkan agama, selain ancaman ajaran sesat. Tujuan kertas putih yang bertajuk "*Ancaman Kepada Perpaduan Umat Islam Dan Keselamatan Negara*" ini adalah untuk mendedahkan anasir yang tidak bertanggungjawab kepada rakyat supaya rakyat mengetahui keadaan yang sebenar serta menjadi tanggungjawab kerajaan membanteras segala kegiatan seperti itu. Azhar Yaacob, *Strategi Dakwah Rasulullah*, hlm. 288.

¹⁰² Ahmad Zaki Abdul Latiff, " Isu Kafir Mengkafir dan Implikasinya Dalam Perkembangan Politik dan Sosial Masyarakat Melayu". dlm *Jurnal Usuluddin*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam. Bil 17. Julai 2003. hlm 12-16.

Bagi UMNO, kemasukan Anwar Ibrahim yang juga mantan pimpinan utama ABIM telah memberi imej yang baik terhadap islamisasi UMNO. Pada tahun 1980-an, beliau telah berjaya memainkan peranan berkesan dalam meningkatkan kedudukan Islam dalam sistem pendidikan tinggi negara, dan menubuhkan Bank Islam pada 1983. Kedudukan beliau dalam UMNO jelas semakin kukuh berikutan peranan berkesannya sebagai jurucakap Islam bagi UMNO. Sejumlah besar kelompok elit berpendidikan tinggi dan anggota gerakan Islam tertarik kepada karisma beliau. Melalui hubungan baik beliau dengan kelompok tersebut, sokongan kepada pihak penentang UMNO yang juga menggunakan bahasa Islam telah dapat dikurangkan. Beliau muncul sebagai tokoh harapan Islam bagi banyak pihak.¹⁰³ Kehadiran beliau dalam UMNO melambangkan komitmen baru parti itu kepada Islam. Ini telah mengikat kerajaan untuk melakukan yang lebih untuk Islam.¹⁰⁴

Kritikan dan desakan PAS terhadap kerajaan telah mengundang respons yang agak positif bagi pihak UMNO. Perlumbaan melaksanakan program Islamisasi antara UMNO dan PAS telah mendatangkan beberapa faedah kepada rakyat Malaysia amnya dan Melayu-Muslim khususnya. Melalui program Islamisasi yang dilaksanakan oleh kerajaan pimpinan UMNO seperti sistem perbankan Islam dan Universiti Islam Antarabangsa (UIA), rakyat Malaysia mendapat faedah daripada sistem perbankan alternatif dan sistem pendidikan tinggi yang berupaya membawa pemahaman yang lebih luas terhadap Islam.¹⁰⁵

¹⁰³ Haris Zalkapli, *Wacana Baharu Gerakan Islam*, hlm. 355.

¹⁰⁴ Syed Ahmad Hussein, 'Politik Muslim dan Demokrasi di Malaysia', hlm. 138.

¹⁰⁵ Haris Zalkapli, 'Wacana Baharu Gerakan Islam', hlm. 354. Lihat juga ulasan yang dikemukakan oleh Ibrahim Ahmad. *Konflik UMNO-PAS Dalam Isu Islamisasi*. Petaling Jaya: IBS Buku Sdn. Bhd, 1989.

Pada tahun 1990, penguasaan PAS terhadap Kelantan adalah petanda awal kejayaan kepimpinan ulama.¹⁰⁶ PAS telah memperkenalkan program *Membangun Bersama Islam* dalam proses untuk memperkukuhkan peranan Islam dalam politik dan ekonomi.¹⁰⁷ Perlaksanaan sistem kerajaan dan negara Islam tidak akan lengkap tanpa adanya sistem perundangan Islam dengan memperkenalkan undang-undang hudud. Untuk itu pada 25 November 1993 Kod Undang-undang Jenayah Syariah Negeri Kelantan (II) telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Kelantan.¹⁰⁸ Pengenalan kepada undang-undang syariah ini telah menimbulkan perdebatan yang hangat dan mendapat kritikan daripada beberapa pihak. Dr. Mahathir sendiri telah menolak usaha PAS tersebut dengan memberikan pandangan bahawa;

“Penguatkuasaan kanun jenayah yang digubal oleh kerajaan PAS di Kelantan, menurut kajian sehingga setakat ini tidak menampakkan dan tidak meyakinkan pakar-pakar perundangan Islam yang tidak mempunyai sebarang kepentingan politik bahawa ia selari dengan ajaran dan kehendak Islam sebagaimana diuruskan dengan bijaksana oleh Rasulullah dan para sahabat... maka kerajaan pusat akan mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap kerajaan PAS demi menjaga maruah dan ketinggian martabat Islam dan penganutnya.”¹⁰⁹

Jika diteliti lebih mendalam, persaingan PAS dan Barisan Nasional terutama pada masa Anwar Ibrahim menjadi sebahagian daripada pimpinan kerajaan ketika itu mengheret kepada persoalan yang lebih besar iaitu pertembungan pemikiran. ABIM dengan *Manhaj Maliziy* dan islamisasi ilmu berjaya melahirkan institusi kekal Islam seperti Bank Islam, UIAM, Sistem Perundangan Islam serta kewangan Islam. Ini

¹⁰⁶ Kepimpinan ulama dari segi politik terutamanya di Kelantan telah dilakukan secara berterusan, terutamanya berkaitan dengan urusan agama. Pemimpin PAS masih banyak mempunyai imej kekampungan dan kesederhanaan, dan pergaulan dan penglibatan mereka melalui kuliah subuh dan maghrib masih berjalan dan mendapat sambutan. Inilah kekuatan dan jaringan pengaruh PAS yang paling kental dan tidak pernah asing dalam kehidupan masyarakat Melayu Kelantan sejak sekian lama. Hussain Mohamed, “Pilihanraya Umum 1990: Budaya Politik Orang Melayu Kelantan”, *Jurnal Sarjana*, hlm. 106. hlm. 110.

¹⁰⁷ Mohamad Daud, Wan Mohd. Jamil dan Ramli Abdul Halim, *Status Kelantan Pasti Berubah*, Kota Bharu: Urusetia Penerangan Kerajaan Negeri Kelantan, 2000, hlm. 119-121.

¹⁰⁸ Lihat Mohammad Hashim Kamali, *Islamic Law in Malaysia: Issues and Developments*, Kuala Lumpur: Ilmiah Publishers, 2000.

¹⁰⁹ Surat yang dihantar oleh Dr. Mahathir kepada Nik Aziz Nik Mat. Lihat Ahmad Lutfi Othman, *Mahathir Khianati Melayu*, Batu Caves : Penerbitan Pemuda, 1994, hlm. 169-170.

menyebabkan PAS lebih banyak bercakap soal perundangan dan idea-idea *harakiy* bersifat perlawanan.¹¹⁰

Krisis politik pada tahun 1998 dimana Anwar Ibrahim di pecat dari jawatan Timbalan Perdana Menteri dan UMNO telah mengwujudkan suasana baru politik Islam di Malaysia. Pada peringkat awal PAS tidak mengambil berat persoalan yang terjadi terhadap Anwar. Walaubagaimanapun keadaan ini mula berubah dimana Presiden PAS ketika itu Fadzil Mohd Noor yang juga mantan Timbalan Presiden ABIM zaman kepimpinan Anwar menyokong gerakan reformasi yang dibawa oleh Anwar dan penyokongnya. Ini menjadikan PAS mula membuat pendekatan yang lebih lunak terhadap Anwar. Memandangkan hampir keseluruhan gerakan Islam, gerakan sivil dan intelektual berpengaruh di Malaysia menyokong perjuangan Anwar menyebabkan PAS terpaksa mengikutnya. Peristiwa ini berjaya menyambung kembali hubungan terputus antara Anwar Ibrahim yang disokong oleh ABIM dengan PAS.¹¹¹

Keadaan ini boleh dilihat dimana penyokong Anwar mula menjadikan PAS sebagai salah satu parti yang perlu disokong.¹¹² Pada era ini kemasukan ahli baru PAS mencapai ratusan ribu setiap bulan dan akhbar mingguan PAS iaitu Harakah terjual lebih daripada 600.000 setiap keluaran. PAS dan ABIM mula menjalin kerjasama politik kembali.¹¹³ Sebahagian besar mantan aktivis ABIM yang tidak

¹¹⁰ Norazlan Hadi Yaacob *et al.* "Berebut Menjadi Soleh: Persaingan UMNO dan PAS di Malaysia". Kertas kerja International Conference on Indonesia-Malaysia Relations IV. Universitas Andalas, Sumatera, Indonesia, 1-3 November 2010, hlm. 1-20.

¹¹¹ Temubual dengan Ahmad Subky Latif pada 23 Mei 2009 di Pejabat Agung PAS Kuala Lumpur. Lihat juga Norazlan Hadi Yaacob *et al.* "Berebut Menjadi Soleh", hlm. 1-20.

¹¹² Temubual dengan Shahrudin Badaruddin di Universiti Malaya pada 20 Oktober 2010.

¹¹³ Mohamad Hafiz Abdul Halim, *Gerakan Reformasi dan Kesannya Ke Atas Politik Malaysia*, hlm. 117.

berparti telah mula mendekati PAS sehingga dilantik menjadi calon Pilihanraya Umum mewakili PAS.¹¹⁴

Selain daripada itu, isu pemecatan Anwar juga dilihat bahawa seolah-olah gerakan Islam kembali bersatu dimana sepanjang tahun 1980-an dan 1990-an berlaku persaingan sesama mereka akibat tindakan Anwar memasuki UMNO dan kerajaan.¹¹⁵ Kejayaan PAS dalam Pilihan Raya Umum ke 10 (1999) telah menyaksikan Kelantan kekal di bawah pentadbiran PAS dan berjaya mengambil alih kekuasaan di Terengganu.¹¹⁶ Hubungan baik antara PAS dan ABIM juga dapat dilihat apabila pada tahun 2002 ABIM mengadakan Mukhtamar Sanawinya di Terengganu di mana PAS menguasai kerajaan negeri ketika itu.¹¹⁷ Sepanjang tempoh ini PAS dan ABIM dilihat bersama dalam pelbagai program dan isu yang diperjuangkan sehinggalah memasuki Pilihan Raya Umum ke 12.¹¹⁸ Pada PRU tahun 2008 telah menyaksikan pembangkang di bawah kepimpinan Anwar Ibrahim berjaya memenangi lima buah negeri iaitu Kelantan, Kedah, Selangor, Pulau Pinang, Perak dan kawasan Parlimen di Wilayah Persekutuan.¹¹⁹ Ini menunjukkan bahawa gabungan kekuatan Islam dalam pelbagai pertubuhan berjaya menjadi kuasa besar dalam menentukan undi dalam pilihanraya.

¹¹⁴ Shahrudin Badarudin. *Masyarakat Madani dan Politik*. hlm.83.

¹¹⁵ Muhammad Syukri Salleh, "Perkembangan Kontemporer Gerakan Islam di Malaysia: Pergeseran dari Konfrontatif ke Kooperatif", dalam Moeflich Hasbullah (pnyt), *Asia Tenggara Konsentrasi Baru Kebangkitan Islam*, Bandung: Fokusmedia, 2003. hlm. 188-203.

¹¹⁶ Biro Analisa Politik Strategic Info Research Development. *Dilema UMNO:Analisa Pilihanraya Umum 1999*. Kuala Lumpur: Strategic Info Research Development. 2000. hlm. 1-32.

¹¹⁷ Temubual dengan Shahrudin Badarudin di Universiti Malaya pada 20 Oktober 2010.

¹¹⁸ Shahrudin Badarudin, *Masyarakat Madani dan Politik*. hlm. 86.

¹¹⁹ Francis Loh Kok Wah, *Politik Baru di Malaysia*. Pulau Pinang:Penerbit USM. 2005. hlm. 5.

Reaksi Jemaah Islamiyah Malaysia (JIM)

Selain daripada PAS, JIM juga merupakan sebuah pertubuhan yang menggunakan pendekatan agama di Malaysia terutamanya mulai dekad 1990-an. Di antara gerakan Islam di Malaysia yang mempunyai aliran yang kuat untuk berpolitik ialah *Islamic Representative Council (IRC)* ataupun Majlis Syura Muslimun. Perkembangan dakwah yang berlaku dalam tahun 1970-an tidak hanya berlaku di dalam negara, tetapi juga perkembangannya menjangkau pelajar-pelajar Malaysia di luar negara. Pemikiran *Ikhwan Muslimun* yang dipelopori oleh Hasan Al-Banna serta pemikiran *Jamaat Islami* yang diasaskan oleh Abu Ala al-Maududi telah mempengaruhi pelajar-pelajar Malaysia terutamanya yang terlibat dengan *FOSIS*. Federation of the Students Islamic Societies ataupun *FOSIS*. Menyedari hakikat bahawa *FOSIS* adalah untuk masyarakat antarabangsa, pelajar-pelajar Malaysia telah menubuhkan Suara Islam (*Voice of Islam*) dan Majlis Syura Muslimin (*Islamic Representative Council*) yang ditubuhkan pada tahun 1975 oleh pelajar-pelajar di Brighton, Sussex University dan Brighton Technical College.¹²⁰

Melalui pengaruh dari *Jamaat Islami*, Suara Islam telah menyediakan platform untuk mereka bergerak di Malaysia melalui Parti Revolusi Islam (*Islamic Revolution Party*) yang percaya bahawa untuk mengubah masyarakat Islam, dakwah perlu dilakukan secara menyeluruh dan berbentuk revolusi. Negara Islam boleh tertegak cuma dengan cara perubahan sosial secara menyeluruh dan kelompok ini secara relatifnya menolak pergerakan yang lebih moderat dan lunak dari segi perjuangannya. Manakala IRC pula mempunyai pendekatan yang berbeza yang lebih

¹²⁰ Zainah Anwar, *Islamic Revivalism in Malaysia Dakwah Among Students*, Petaling Jaya: Pelanduk, 1987. hlm. 27. Lihat Siti Rafiah Abd. Hamid, "Malaysian Islamic Study Group (MISG) di Great Britain: Satu Analisa Mengenai Perkembangan, Pencapaian dan Masalah 1963-1986," Latihan Ilmiah Ijazah Sarjana Muda Sastera, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Sesi 1988/1989. hlm. 17-30.

berahsia sifatnya, sepertimana pendekatan Ikhwan Muslimin di Mesir. Gerakan IRC lebih menitik beratkan kepada proses pendidikan ataupun tarbiyyah dan cuba untuk meresap dalam masyarakat melalui jaringan-jaringan yang penuh dengan strategi dan kerahsiaan.¹²¹

Pendekatan inilah yang menyebabkan JIM dituduh cuba untuk melaksanakan strategi penyusupan (infiltrasi), iaitu mengubah dari dalam organisasi itu sendiri. Setelah pulang ke tanah air, mereka telah membawa gelombang kedua kebangkitan Islam di Malaysia.¹²² JIM merubah perjuangannya daripada bercirikan bawah tanah kepada perjuangan secara terbuka.¹²³ Dalam tahun 1980-an, dunia baru umat Islam telah menyaksikan percubaan dan pendekatan baru beberapa gerakan Islam di seluruh dunia. Penindasan yang dihadapi oleh gerakan Islam di seluruh dunia telah menjadikan beberapa kumpulan gerakan Islam membuat kesimpulan bahawa sebarang perjuangan untuk menegakkan Islam akan akhirnya berhadapan dengan konfrontasi dan permusuhan daripada rejim dan pemerintah yang tidak Islamik sifatnya. Gelombang pemikiran untuk mengendurkan konfrontasi dengan rejim pemerintah pada tahun 1980-an telah bertiup deras terutamanya di Malaysia.¹²⁴

Idea untuk mengelakkan konfrontasi dan konflik dengan rejim pemerintah telah memberi kesan kepada gerakan Islam untuk menilai semula pendekatannya dalam masyarakat. Sikap pemerintah yang tidak memusuhi Islam secara terbuka dan

¹²¹ Siti Hamisah Manan, *Gelombang Kebangkitan Dakwah Kampus*, Kuala Lumpur: JIMedia, 2009, hlm. 159.

¹²² Badlihasham Mohamad Nasir, *Dakwah and the Malaysian Islamic Movement*, Shah Alam: Karisma Publication, 2009, hlm. 99.

¹²³ Siti Hamisah Manan, *Gelombang Kebangkitan Dakwah*, hlm. 159-162.

¹²⁴ Saari Sungib, *Bersama Menggarap Erti Perjuangan*, Kuala Lumpur: Jamaah Islah Malaysia, 1999, hlm. 44. Lihat juga Shaharuddin Badaruddin, *Demokrasi dan Perubahan Aksi Politik di Malaysia: Kajian Terhadap Pendekatan Perjuangan Pertubuhan Islam, 1981-2008*. Tesis PhD. Universiti Malaya. hlm.284.

terdapatnya usaha-usaha untuk menjalankan reformasi daripada dalam pada masa itu hendaklah dilihat secara positif oleh gerakan Islam.¹²⁵

JIM telah ditubuhkan dalam iklim dan suasana yang sedemikian rupa.¹²⁶ JIM ditubuhkan pada 27 Julai 1990 berpandangan suasana aman ini hendaklah digunakan sepenuhnya untuk melaksanakan dakwah, pendidikan dan penerangan kepada masyarakat bukan Islam.¹²⁷ Pada peringkat awal kembalinya aktivis IRC daripada luar negara, kegiatan mereka berkisar kepada aktiviti usrah dan aktiviti kerohaniannya sepertimana yang dilakukan di luar negara. Aktivitinya banyak ditentukan oleh pendekatan untuk mengwujudkan semangat kekitaan ataupun *esprit de corps* dikalangan ahlinya.¹²⁸ Pergerakannya adalah lebih bersifat tersendiri dan tidak begitu menonjol di dalam masyarakat.¹²⁹ Untuk memberikan sumbangan yang lebih berkesan kedalam masyarakat, mereka telah mengambil keputusan untuk melibatkan diri dengan gerakan Islam yang sedia ada.¹³⁰

Pada akhir tahun 1970-an, antara gerakan Islam yang menonjol adalah ABIM dan PAS dan kebanyakan aktivis IRC yang pulang dari luar negara telah mengambil keputusan untuk meneruskan penglibatan gerakan Islam mereka dalam ABIM. Keputusan untuk melibatkan diri di dalam ABIM diambil kerana mereka merasakan bahawa ABIM mampu memainkan peranan untuk menyedarkan masyarakat. ABIM pada ketika itu dilihat sebagai organisasi yang kehadapan dan begitu lantang

¹²⁵ Ibid., hlm. 44.

¹²⁶ Ibid., hlm. 45

¹²⁷ Saari Sungib, *JIM 1991-1993, Menentukan Agenda Pemikiran*, Kuala Lumpur: JIM, 1993, hlm. 9.

¹²⁸ Siti Hamisah Binti Manan, *Kebangkitan Islam di Kalangan Pelajar di United Kingdom: Peranan Islamic Representative Council (1975-199)*, Tesis Ijazah Sarjana Sastera, Jabatan Sejarah, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi. 2003, hlm. 102.

¹²⁹ Lihat Zaid Kamaruddin, "Membina Permuafakatan Ummah Alam Dilimpahi Rahmah," Ucapan Dasar Presiden Perhimpunan Perwakilan Nasional ke-16, 2009 Pertubuhan Jamaah Islah Malaysia (JIM), Kuala Lumpur: JIM, 2009. hlm. 9.

¹³⁰ Siti Hamisah, "Kebangkitan Islam di Kalangan," hlm. 103.

menyuarakan isu-isu penghayatan Islam dalam pemerintahan negara. Penglibatan dalam ABIM diusahakan untuk memberikan sumbangan dalam memperkukuhkan ABIM dan penumpuan kegiatan mereka adalah dalam bidang tarbiyah atau pendidikan.¹³¹

Namun begitu, penglibatan mereka di dalam ABIM terhenti apabila Anwar Ibrahim menyertai UMNO, dan IRC telah mengambil sikap untuk mengkritik tindakan ABIM yang membenarkan Anwar Ibrahim memasuki UMNO. Bagi IRC, kemasukan Anwar Ibrahim kedalam UMNO hanya akan menjejaskan reputasi ABIM sebagai jurubicara umat.¹³² IRC juga khuatir ABIM akan kehilangan peranan strategik yang sedang dimainkannya dan tidak mungkin ABIM boleh meneruskan peranannya sebagai suara hati rakyat jika Anwar Ibrahim berada di dalam parti kerajaan.¹³³ Sudah tentu kritikan bekas ahli IRC ini menyebabkan ABIM memandang serong akan keikhlasan mereka menyertai ABIM sebelum ini, dan menyebabkan ABIM hilang kepercayaan kepada kelompok ini.¹³⁴

Kemasukan Anwar Ibrahim kedalam UMNO telah memberi peluang beberapa kelompok Islam yang lain untuk menjatuhkan imej ABIM. Bagi kelompok IRC kemasukan Anwar Ibrahim kedalam kerajaan adalah dikatakan sebagai bertentangan dengan prinsip syariah. Bagi mereka apa sahaja percubaan untuk merubah daripada dalam kerajaan dianggap selari dengan perbuatan *taghut* yang sudah tentu mengorbankan prinsip Islam itu sendiri. Kerana itu percubaan mesti dilakukan untuk merubah perspektif baru ABIM dari segi politik dan jika gagal,

¹³¹ Ibid., hlm. 103.

¹³² Siti Hamisah, "Kebangkitan Islam di Kalangan," hlm. 104.

¹³³ Zaid Kamaruddin, "Membina Permuafakatan Ummah," hlm. 9.

¹³⁴ Siti Hamisah, "Kebangkitan Islam di Kalangan," hlm. 104. Lihat juga Shahrudin Badaruddin, "Demokrasi dan Perubahan Aksi Politik di Malaysia". hlm.284-290.

usaha untuk menolak ABIM sebagai sebuah gerakan Islam mesti dilakukan sama ada di peringkat dalaman negara ataupun peringkat antarabangsa.¹³⁵

Perkembangan baru ini telah diambil peluang oleh IRC untuk menonjolkan pergerakan mereka sebagai alternatif kepada pergerakan Islam terutama di universiti tempatan. Di Universiti Malaya dalam tahun 1983, kelompok pelajar yang mengikuti IRC dan PAS telah bekerjasama dan berperanan untuk mengambil alih Persatuan Mahasiswa Islam Universiti Malaya (PMIUM) daripada ABIM. Aktiviti ABIM di kampus-kampus termasuk di daerah-daerah tertentu telah diresapi oleh pengaruh IRC. Usaha ini termasuk pengambil-alihan *Malaysian Islamic Study Group (MISG)* di Amerika Syarikat daripada pengaruh ABIM. Isu-isu yang dikemukakan termasuklah bangkangan mereka terhadap ijtiha Anwar Ibrahim masuk UMNO yang dianggap sebagai “mencuci najis dari dalam tong tahu”. Namun begitu, percubaan-percubaan yang dilakukan untuk mengambil alih ABIM melalui muktamar tahunan telah menemui kegagalan.¹³⁶

Perkembangan yang berlaku akibat kemasukan Anwar Ibrahim kedalam UMNO dan berlakunya ketidakpercayaan para generasi muda kepada ABIM telah membuka peluang kepada pimpinan IRC untuk tampil mengambil alih tanggungjawab mengawal pemuda dan pelajar di dalam dan di luar negara. Selepas kebanyakan kelompok IRC ini keluar daripada ABIM, mereka telah mula menumpukan perhatian kepada PAS sebagai organisasi pilihan, dan keputusan itu adalah berdasarkan kepada strategi untuk memperkuat PAS.¹³⁷

¹³⁵ Sila lihat Majlis Shura Muslimun (IRC), “Isu-Isu Semasa – Satu Analisa Gerakan Islam 1981-1983”, London: IRC, 1983. Lihat juga Shaharuddin Badaruddin, “Demokrasi dan Perubahan Aksi Politik di Malaysia”, hlm.284-290.

¹³⁶ Temubual dengan Saharuddin Badaruddin mantan Setiausaha Agung ABIM di Universiti Malaya pada 20 Ogos 2010.

¹³⁷ Siti Hamisah Manan, *Gelombang Kebangkitan Dakwah*, hlm. 158-159.

Pada ketika itu berlaku satu perubahan kepimpinan dalam PAS apabila Mohd. Asri Muda telah tersingkir dan digantikan dengan kepimpinan ulama di dalam PAS. Beberapa aktivis dalam IRC telah merintis kemasukan mereka dalam PAS, antaranya yang agak menonjol ialah Mustafa Abdul Kadir.¹³⁸ Bekas ahli IRC ini telah diminta untuk berperanan secara aktif dalam PAS dengan mengikut protokol dan prosedur parti PAS.¹³⁹ Sebahagian dari ahli-ahli IRC ini telah mengalami kenaikan yang terlalu cepat sehingga menimbulkan konfrontasi dalam PAS. Pembawaan watak dakwah yang memberikan penekanan kepada pentarbiyahan telah mencetuskan perbezaan dengan budaya parti politik yang lebih konfrontasional sifatnya.¹⁴⁰

Namun begitu, penglibatan IRC dalam PAS telah menimbulkan kecurigaan di kalangan kepimpinan PAS apabila terdapat percubaan Mustapha Abdul Kadir untuk menjadi Naib Ketua Pemuda PAS Pusat. Mustapha Abdul Kadir dikatakan cuba untuk mengambil alih kedudukan Ketua Pemuda PAS selepas Mustafa Ali berhasrat untuk mengundurkan diri.¹⁴¹ Strategi penyusupan ke dalam kepimpinan PAS sebenarnya adalah sebagai satu usaha untuk merubah PAS daripada dalam. Gandingan ulama dan profesional terutamanya golongan teknokrat akan memperkukuhkan lagi PAS pada ketika itu.¹⁴² Namun begitu, suasana ini telah menyebabkan terdapat usaha-usaha untuk meminggirkan pengaruh IRC daripada Pemuda PAS terutamanya daripada kalangan ahli-ahli yang mendukung fikrah PAS yang asal.¹⁴³ Kehadiran IRC dipersoalkan terutamanya di musim pemilihan dalam

¹³⁸ Siti Hamisah Manan, "Kebangkitan Islam", hlm. 104. Lihat juga Zaid Kamaruddin, "Membina Permuafakatan Ummah," hlm. 10.

¹³⁹ Siti Hamisah Manan, "Kebangkitan Islam", hlm. 104.

¹⁴⁰ Zaid Kamaruddin, "Membina Permuafakatan Ummah," hlm. 10.

¹⁴¹ Siti Hamisah, "Kebangkitan Islam", hlm. 105.

¹⁴² Zaid Kamaruddin, "Membina Permuafakatan Ummah", hlm. 10.

¹⁴³ Riduan M. Nor, *Mengenggam Bara*, hlm. 18. Lihat juga Askiah Adam, "Islam and Civil Society, Islamic NGOs and Electoral Politics," dalam Mavis Puthucheary and Norani Othman, *Elections and Democracy in Malaysia*, Bangi: UKM, 2005, hlm. 233.

parti PAS. Keadaan boleh menjadi tidak baik bagi PAS dan IRC pada ketika itu lalu IRC telah memutuskan untuk tidak menimbulkan pertentangan dalam PAS.¹⁴⁴

Melihat betapa berkesannya peranan yang dimainkan oleh Anwar Ibrahim di dalam UMNO dalam menyemarakkan institusi Islam turut mempengaruhi sebahagian aktivis JIM untuk memasuki UMNO.¹⁴⁵ Pertimbangan yang dilakukan ialah atas dasar pengaruh Anwar Ibrahim yang semakin dominan dalam UMNO dan potensinya yang boleh menjadi Perdana Menteri pada ketika itu. Walaupun begitu, anjuran ini gagal untuk mendapatkan sokongan majoriti ahli-ahli JIM. Sebahagian mereka yang menentang mendesak supaya JIM menjadi suatu wadah tersendiri yang berteraskan kepada tarbiyyah dan dakwah, sebagaimana yang dianjurkan oleh Ikhwan Muslimun di Mesir.¹⁴⁶ walaupun begitu terdapat beberapa aktivis JIM di luar negara yang bergerak atas nama IRC di UK dan MISG di Amerika Syarikat telah mengambil keputusan untuk masuk UMNO seperti Wan Hasni Wan Sulaiman, Abdul Rahim Ghouse, Azman Hussein dan Idrus Wan Chik.¹⁴⁷

Suasana gerakan reformasi yang berlaku dalam tahun 1998 sesungguhnya telah merubah pendekatan JIM terutamanya dari segi politik. JIM telah menjadi lebih terbuka dan mula menumpukan perhatian kepada asas-asas politik dan perjalanan demokrasi. Reformasi yang berlaku akibat daripada pemecatan Anwar ini berjaya mendekatkan ABIM dan JIM untuk bergerak bersama dalam soal perjuangan

¹⁴⁴ Zaid Kamaruddin, "Membina Permuafakatan Ummah", hlm. 10.

¹⁴⁵ "Usul Pendekatan Terhadap UMNO," kertas kerja JIM bertarikh 28 Februari 1990.

¹⁴⁶ Badlihiham Mohd Nasir, *Dinamisme Gerakan Islam*, hlm. 53. Lihat juga Shahrudin Badaruddin, "Demokrasi dan Perubahan Aksi Politik di Malaysia," hlm.284.

¹⁴⁷ Abdul Rahim Ghouse telah berjaya menempatkan diri sebagai Ketua Pemuda UMNO Bahagian Permatang Pauh dan Exco Pemuda UMNO Malaysia, manakala Wan Hasni Wan Sulaiman adalah Ketua Pemuda UMNO Bahagian Pasir Mas, Kelantan. Lihat Shahrudin Badaruddin, "Demokrasi dan Perubahan Aksi Politik di Malaysia," hlm.284.

masyarakat sivil ketika itu terutamanya dalam GERAK.¹⁴⁸ Selain itu juga, penubuhan Parti Keadilan Nasional (PKN) juga menjadikan ABIM dan JIM dilihat bersama kerana kedua-dua tokoh dari pertubuhan ini merupakan pimpinan utama Parti Keadilan Nasional pada peringkat awal.¹⁴⁹

Reaksi Masyarakat Bukan Islam

Secara umumnya, reaksi kalangan bukan Islam terhadap ABIM tidak kelihatan secara langsung. Walaubagaimanapun memandangkan ABIM sebagai salah satu penggerak utama Islamisasi terutamanya ketika Anwar Ibrahim berada dalam kerajaan telah turut ditanggapi oleh sebahagian komuniti bukan Islam. Pada umumnya terdapat dua bentuk reaksi iaitu yang pertama bersikap negatif. Mereka menanggapi dengan kekhuatiran yang melampau bahawa penubuhan negara Islam akan menjejaskan hak-hak golongan bukan Islam dan disertai tuduhan-tuduhan bahawa kerajaan telah bertindak tidak adil terhadap golongan lain atau kelompok minoriti lain. Akan tetapi, ada juga yang menanggapi dengan lebih bersikap positif dan mengatakan bahawa cita-cita penubuhan negara Islam yang kemudian mencetuskan pelaksanaan Islam dalam segala bidang merupakan hak yang diperuntukkan perlembagaan. Islam patut memperoleh kedudukan sebegitu berasaskan kepada realiti bahawa Islam adalah agama rasmi.¹⁵⁰

Di Malaysia, agenda Islamisasi yang dilakukan oleh pemerintahan sejak awal tahun 1980-an diyakini tidak akan menjadikan Malaysia sebagai negara Islam

¹⁴⁸ Muhammad Syukri Salleh, "Perkembangan Kontemporer Gerakan Islam di Malaysia" hlm. 188-203.

¹⁴⁹ Temubual dengan Shaharuddin Badaruddin di Universiti Malaya pada 20 Ogos 2010.

¹⁵⁰ Greg Fealy, "Islamisation and Politics in Southeast Asia: The Contrasting Cases of Malaysia and Indonesia", dalam Nelly Lahoud dan Anthony Johns (pnyt.), *Islam in World Politics*, London: Routledge Curzon, 2005, hlm. 152-169.

konservatif yang memberi kesan kepada pengabaian hak-hak golongan minoriti. Pandangan ini mewakili golongan yang merespons dalam sudut pandang peruntukan Perlembagaan. Menurut Rev. Paul Tan Chee Ing, Pengarah Pusat Penyelidikan Katholik, Mahathir telah memberi jaminan kepada mereka bahawa Malaysia akan kekal sebagai negara yang meletakkan Islam sebagai agama negara sebagaimana yang diperuntukkan dalam perlembagaan.¹⁵¹ Dengan erti kata lain, meskipun wujud Islamisasi yang cukup hebat di dalam pentadbiran, akan tetapi golongan bukan Islam yakin kerajaan tidak bercadang menerapkan undang-undang Islam sepenuhnya dan akan dikuatkuasakan kepada bukan Islam.¹⁵²

Sebagai sebuah negara yang terdiri dari masyarakat majmuk, terdapat sebahagian kalangan bukan Islam yang berpandangan sederhana yakin bahawa pendekatan kerajaan terhadap agenda Islam di dalam pentadbiran tidak menjejaskan hak-hak mereka sebagai warganegara. Masyarakat Cina yakin kepimpinan negara berpendirian pragmatik dan percaya kepada jaminan bahawa negara akan berlaku adil dan semua kepentingan mereka tetap terjaga.¹⁵³ Oleh itu, secara umumnya dalam kalangan masyarakat Cina tidak peduli dengan proses Islamisasi yang rancak di dalam negara selagi kepentingan dan kehidupan harian mereka tidak terjejas.

Masyarakat India juga mempunyai persepsi tersendiri terhadap proses islamisasi di Malaysia. Mereka menilai bahawa agenda pelaksanaan Islam yang diperkenalkan oleh kerajaan sebelum era kebangkitan Islam pada asasnya dapat diterima oleh kaum itu. Hal ini terutama merujuk kepada aktiviti dan tafsiran kedudukan Islam yang dibuat oleh pemimpin negara ketika itu berasaskan kepada

¹⁵¹ Lihat "Pandangan Bukan Islam tentang Islamisasi Malaysia", *Panji Masyarakat*, April 1983, hlm. 19.

¹⁵² Ibid.

¹⁵³ Diana K. Mauzy and R.S. Milne, "The Mahathir Administration in Malaysia: Discipline through Islam", *Pacific Affair*, Jil. 56, Bil. 4, Winter 1983-1984, hlm.

tafsiran yang menegaskan Islam hanya dijadikan sebagai agama rasmi. Walau bagaimanapun, berikutan peristiwa Revolusi Iran pada tahun 1979 memberi impak kepada masyarakat Islam untuk menubuhkan negara Islam. Situasi ini sekaligus merubah pendekatan dan pendirian kerajaan terhadap Islam yang menyaksikan dimensi agama menjadi aspek penting dalam dasar kerajaan.¹⁵⁴

Masyarakat bukan Islam yang terutamanya dari parti komponen BN, berpendapat dasar Islam dan pengislaman kerajaan tidak lebih dibuat berasaskan kepada faktor untuk menahan diri daripada asakan bertalu-talu gerakan Islam dan mengeneipkan pengaruh PAS yang menghendaki Islam sebagai teras dalam perundangan negara. Bagi kalangan bukan Islam, tindakan kerajaan ini merupakan strategi bagi menghadapi kebangkitan Islam dan sekaligus mengelakkan daripada penubuhan negara Islam PAS yang lebih menakutkan merekamisalnya dapat dilihat dalam reaksi Lim Kit Siang sebagai Ketua Pembangkang yang mengalu-alukan kenyataan Mahathir yang akan menindak tegas mana-mana pihak yang cuba menubuhkan negara Islam dengan cara-cara keganasan dan tidak demokratik. Sokongan DAP ini sesungguhnya mengejutkan memandangkan pendirian mereka yang sebelum itu selalu dilihat menentang dan kritikal terhadap dasar kerajaan..¹⁵⁵

Kenyataan ini bermakna bahawa golongan bukan Islam menentang terhadap usaha-usaha untuk menubuhkan negara Islam dengan tafsiran yang konservatif sebagaimana yang diperjuangkan oleh PAS. Penentangan ini termasuklah persepsi golongan bukan Islam bahawa konsepsi negara Islam melulu pelaksanaan hudud sebagai tujuan utama yang sering digambarkan dengan hukuman potong tangan,

¹⁵⁴ Tunku Abdul Rahman Putra et. al., *Contemporary Issues on Malaysian Religions*, Petaling Jaya: Pelanduk Publications, 1984, hlm. 77-78.

¹⁵⁵ Lihat, "Rapping the Firebrand", *Asiaweek*, 14 September 1984.

rejam dan hukuman kejam yang lain. Pada masa yang sama, bukan Islam menerima pendekatan yang lebih pragmatik dan realistik sebagaimana yang diperkenalkan oleh kerajaan memandangkan peruntukan perlembagaan menghendaki kaedah dan tafsiran yang sedemikian.¹⁵⁶

Berkaitan isu perlaksanaan hukum Islam, Lim Kit Siang sebagai Setiausaha Agung DAP telah mengkritik bahawa mereka yang meminta hukum Islam dilaksanakan di negara ini tidak sedar bahawa negara ini adalah negara berbilang kaum, berbilang agama, berbilang kebudayaan dan sekular. Usaha yang dilaksanakan dengan mengenyahkan hak dan perasaan ,

*a majority of Malaysians would result in great divisiveness and the most serious polarization the nation had ever experienced.*¹⁵⁷

Beliau mengingatkan orang bukan Islam supaya *desist from pressures and demands for an Islamic state and constitution and respect the basis on which Malaysia had been formed 29 years ago.*¹⁵⁸ Beliau juga memberikan komentar terhadap ABIM dengan menyebutkan :

*“If the Islamic movement finds it difficult to work with other non-Muslim religion, how could anyone expect an Islamic state constitution to unite Malaysians?”*¹⁵⁹

Polemik berpanjangan apabila Lim Kit Siang membuat kenyataan dengan menyatakan :

*“Malaysian Constitution should be amended to entrench the provision that the country is a secular state”, “it should be made an offence for anyone to question the secular basis of the constitution and the system of government”.*¹⁶⁰

¹⁵⁶ Lihat "Pandangan Bukan Islam", hlm. 19-20.

¹⁵⁷ Lihat Mohd. Nor Nawawi, "Undang-Undang Islam, Masyarakat Majmuk dan Hubungan Etnik di Malaysia", *Sarjana*, Jilid 4, Jun 1989, Jurnal Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, 1989. hlm. 144-146.

¹⁵⁸ Ibid.,

¹⁵⁹ Ibid.,

¹⁶⁰ Ibid.,

Usaha Islamisasi kerajaan menurut Lim Kit Siang “*had already aroused worry and fear among non-Muslim Malaysians that the secular basis of the nation was being subtly altered.*”¹⁶¹ Untuk menjawab isu ini Siddiq Fadzil telah menjawab:

“Konsisten dengan pendirian kita terhadap faham sekular yang pada dasarnya bertentangan pokok ajaran Islam, maka kita membantah dengan keras saranan memasukkan sebarang peruntukan baru dalam perlembagaan negarayang mengistiharkan bahawa Malaysia adalah sebuah negara sekular. Umat Islam sudah cukup merasa keberatan dengan unsur-unsur sekular yang sedia wujud dalam pelbagai bidang kehidupan ketika ini dan mereka tidak mungkin dapat menerima satu peruntukan dalam perlembagaan negara yang sedemikian sifatnya. Sebagai sebuah gerakan Islam penyalur aspirasi umat, ABIM akan menentang habis-habisan sebarang usul dan percubaan untuk mencatatkan dasar sekular dalam perlembagaan negara.”¹⁶²

Reaksi masyarakat bukan Islam yang negatif juga dapat dilihat dalam reaksi mereka yang cenderung lebih memilih untuk menjaga kepentingan golongan dan politik mereka berbanding melihat dalam konteks perlembagaan. Hal ini misalnya terlihat dalam reaksi mereka berkenaan dengan isu penubuhan UIA. Dalam reaksinya terhadap cadangan kerajaan untuk meminda Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 bagi membolehkan UIA ditubuhkan, Ahli Parlimen Sibul, Ling Sie Ming mengatakan bahawa penubuhan UIA sepatutnya dijadikan asas kepada golongan bukan Islam (khususnya bangsa Cina) untuk memiliki universiti sendiri iaitu Universiti Merdeka yang mewakili kepentingan kaum mereka.¹⁶³

Dalam erti kata lain, masyarakat Cina mendakwa dengan membenarkan penubuhan Universiti Islam Antarabangsa(UIA), kerajaan telah bertindak tidak adil kepada golongan bukan Islam yang tidak membenarkan penubuhan universiti swasta

¹⁶¹ Ibid.

¹⁶² Ibid.,

¹⁶³ Lihat Penyata Rasmi Parlimen Dewan Rakyat Parlimen Keenam Penggal Pertama, Jil. I, Bil. 43, Jumaat 10 Disember 1982.

yang diusahakan sepenuhnya oleh golongan bukan Islam.¹⁶⁴ Wakil rakyat DAP itu berkata, dengan sokongan lima juta rakyat berbangsa Cina dan empat ribu tandatangan daripada pelbagai persatuan dan komuniti Cina dalam bentuk petisyen yang kemudian dihantar ke kabinet dan Yang Dipertuan Agong, kerajaan tidak sepatutnya menolak hasrat itu dan menjadi kewajaran bagi komuniti Cina mempunyai universiti sendiri.¹⁶⁵

Wakil rakyat DAP yang lain, Chan Kok Kit mempersoalkan pendirian kerajaan itu dengan mengatakan:

" saya melahirkan rasa kesal saya bahawa kerajaan dalam meminda Akta Universiti dan Kolej Universiti tidak memberi pengecualian untuk penubuhan universiti swasta. Sekiranya kerajaan boleh memberi pengecualian untuk penubuhan universiti Islam yang kita tidak bantah, mengapakah pengecualian yang sama tidak diberi untuk membolehkan penubuhan universiti-universiti swasta seperti Universiti Merdeka?"¹⁶⁶

Selain dalam bentuk melakukan bantangan melalui parlimen, tanggapan bukan Islam yang bersikap reaktif agenda Islam di pentadbiran diterjemahkan dalam bentuk penubuhan badan yang mewakili kepentingan mereka. Salah satunya yang terkenal adalah *Malaysian Consultative Council of Buddhism, Cristianity, Hinduism and Sikhism* (MCCBCHS) yang diasaskan pada Ogos 1983.¹⁶⁷ Penubuhan NGO ini lebih banyak dilandasi kepada ketakutan-ketakutan yang melampau dan tidak berasas terhadap fenomena kebangkitan Islam yang dianggap menjejaskan kepentingan dan membahayakan kelangsungan agama mereka.¹⁶⁸

¹⁶⁴ Diana K. Mauzy and R.S. Milne, "The Mahathir Administration", hlm. 640.

¹⁶⁵ Menteri Pelajaran ketika itu iaitu Dr Sulaiman bin Hj Daud, telah menolak permohonan itu. ' kerajaan menolak usulan penubuhan Universiti Merdeka kerana dikhuatiri menjadi isu sensitif yang diperalatkan oleh pihak-pihak anti nasional bagi kepentingan mereka sendiri dan tidak menghiraukan kepentingan perpaduan kaum'. Penyata Rasmi Parlimen Dewan Rakyat Parlimen Keenam Penggal Pertama, Jil. I, Bil. 43, Jumaat 10 Disember 1982.

¹⁶⁶ Ibid.

¹⁶⁷ Raymond L. M. Lee, "Pattern of Religious Tension in Malaysia", *Asian Survey*, Vol. XXVIII, No. 4, April 1988, hlm. 413.

¹⁶⁸ Zulkiplie Abd. Ghani, "Kebangkitan Islam, Etnisiti dan Respons Non-Muslim di Malaysia", dalam Abdul Ghafar Hj Don et.al, (pnvt.), *Dakwah Kepada Non-Muslim di Malaysia: Konsep, Metod dan*

Kumpulan ini berperanan sebagai pendesak dan pelobi kepada kepentingan kumpulan mereka dan sekaligus kepada pendekatan kerajaan yang mereka anggap terlalu banyak memberi kompromi dan konsesi kepada umat Islam. Bagi melindungi kepentingan dan keberlangsungan agama MCCBCHS, serangkaian lobi dan desakan telah mereka lakukan. Pada bulan Januari 1993, MCCBCHS melobi pihak berkuasa Perak untuk tidak merobohkan empat puluh lima rumah ibadah bukan Islam. Pada tahun 1992, mereka mendesak kerajaan untuk tidak membenarkan penceramah Afrika Selatan iaitu Ahmed Deedat yang dikatakan menghina Bibel, untuk berceramah di RTM.¹⁶⁹

Pada 10 April 1990 kumpulan ini juga menghantar memorandum kepada Perdana Menteri Dr Mahathir Mohamad dan telah membangkitkan perkara-perkara berkaitan kursus Tamadun Islam yang didakwa memburuk-burukkan agama lain, kewujudan undang-undang yang menghalang bukan Islam menggunakan perkataan yang sinonim dengan Islam (kitab, solat), polisi radio dan televisyen yang tidak memberi ruang kepada agama-agama lain untuk mendapat slot siaran, penolakan visa bagi pendakwah bukan Islam masuk ke Malaysia dan Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Selangor 1989 yang dikatakan memaksa bukan Islam menerima pakai undang-undang syariah.¹⁷⁰

Selain dari itu, kumpulan Kristian turut mengasaskan *Christian Federation of Malaysia* (CFM) pada 1986. Organisasi ini merangkumi gereja-gereja dan pelbagai aliran dalam agama Kristian yang merangkumi *Council of Churches of*

Pengalaman, Bangi: Jabatan Dakwah dan Kepimpinan Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia, 1998, hlm. 75.

¹⁶⁹ Ibid.,

¹⁷⁰ Lihat Peter G. Riddle, "Islamization, Civil Society and Religious Minorities in Malaysia", dalam, K.S. Nathan dan Mohammad Hashim Kamali (pnyt). *Islam in Southeast Asia: Political, Social and Strategic Challenges for The 21st Century*, Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, 2005, hlm. 171-172. Zulkipli Abd. Ghani, "Kebangkitan Islam, Etnisiti", hlm. 76.

Malaysia (CCM) dan *National Evangelical Christian Fellowship* (NEF). Kesemua organisasi ini ahli kepada MCCBCHS.¹⁷¹ Meskipun ketiganya mempunyai perbezaan doktrin yang cukup ketara, tetapi mereka bersatu di bawah payung yang sama bagi menghadapi 'ancaman' dakwah dan agenda Islamisasi yang giat dirancang oleh kerajaan.¹⁷²

Ada dua isu utama yang menjadi fokus pertubuhan bukan Islam ini dalam menanggapi serangkaian dasar pengislaman di wilayah pentadbiran dan 'ancaman' penubuhan negara Islam dalam era kebangkitan Islam. Pertama, wujudnya perasaan terpinggirkan dari komuniti dan hal ehwal kebangsaan. Mereka berpendapat sepatutnya mereka dilibatkan dalam menentukan halatuju dasar pengislaman ini kerana golongan merekalah yang merasakan implikasi dasar tersebut. Mereka juga merasa tersepit dengan asakan gagasan negara Islam PAS yang lebih membuat risau dan menakutkan mereka.¹⁷³ Kedua, kebimbangan melulu potensi polarisasi kaum dan agama. Para pemimpin NGO bukan Islam memberi amaran bahawa dengan semakin kuatnya tuntutan penubuhan negara Islam, akan memberi kesan kepada agama lain. Dengan begitu, keadaan ini berpotensi mencetuskan polarisasi agama disebabkan kurangnya perhubungan yang baik antara Islam dan agama bukan Islam.¹⁷⁴

Reaksi berlebihan oleh sekumpulan masyarakat bukan Islam ini seolah-olah memberi gambaran bahawa fenomena kebangkitan Islam dan agenda Islam dalam pentadbiran membawa ancaman kepada polarisasi kaum dan agama di dalam struktur masyarakat yang pelbagai. Walau bagaimanapun, sepatutnya perspektif yang diberi keutamaan adalah bahawa pendekatan kerajaan terhadap Islam tidak lebih daripada

¹⁷¹ Peter G. Riddle, "Islamization, Civil Society", hlm. 171-172.

¹⁷² Zulkiplie Abd. Ghani, "Kebangkitan Islam, Etnisiti", hlm. 79.

¹⁷³ Peter G. Riddle, "Islamization, Civil Society", hlm. 166.

¹⁷⁴ Ibid., hlm. 182-184.

manifestasi kepada pelaksanaan perlembagaan Perkara 3 yang menjustifikasi kepada pelaksanaan dan peruntukan Islam.¹⁷⁵

Berdasarkan kepada tafsiran dan peruntukan perlembagaan mengenai status negara maka bukanlah perkara yang asing bagi kerajaan untuk melaksanakan agenda Islam di dalam pentadbiran. Pada asasnya, tuntutan umat Islam dan pendekatan kompromi pihak kerajaan dalam melaksanakan agenda Islam adalah dalam kerangka perlembagaan. Oleh sebab itu, sekiranya kalangan bukan Islam mempersoalkan atau membantah polisi dan pendekatan kerajaan bagi memartabatkan Islam tersebut, bantahan itu mudah ditolak.¹⁷⁶

Perbezaan mengenai tafsiran dan peruntukan perlembagaan di antara umat Islam dengan golongan bukan Islam. Di satu pihak, umat Islam merasakan peruntukan perlembagaan mengenai Islam dan segala hak istimewanya, memberi justifikasi yang besar kepada manifestasi pelaksanaan Islam di semua peringkat dan hal ehwal kehidupan. Di pihak bukan Islam, berpendapat bahawa dasar dan polisi Islam yang diperkenalkan kerajaan adalah bertentangan dengan perlembagaan yang menegaskan kebebasan beragama kepada rakyat. Setiausaha Majlis Uskup-Uskup Malaysia Brother Augustine Julian misalnya, berpendapat usaha pengislaman oleh kerajaan ini telah menghakis masa depan amalan budaya dan cara hidup orang bukan

¹⁷⁵ Dalam hal ini, Tun Abdul Hamid Mohamad mengatakan: "Kerajaan mengeluarkan berjuta-juta ringgit untuk pembangunan dan perkembangan perbankan Islam, kewangan Islam dan takaful sehingga kita berada di hadapan dalam bidang itu. Dalam negara, kita boleh melakukan aktiviti-aktiviti keislaman dengan menggunakan dana awam, termasuklah membina Universiti-Universiti dan Kolej Islam, menubuh Jabatan Hal Ehwal Agama Islam, mengadakan tilawah Al-Qur'an, Majlis Agama Islam, masjid-masjid, sekolah-sekolah agama Islam, rancangan agama dalam radio dan tevelisyen milik kerajaan, hinggalah kepada majlis-majlis tahlil dan ceramah agama dalam waktu pejabat, di bangunan pejabat. Abdul Hamid Mohamad, Islam dan Tafsiran Keperlembagaan oleh Mahkamah di Malaysia, kertas kerja yang dibentangkan dalam Muzakarah Pakar IKIM, Malaysia Kemelut Negara Islam Negara Sekular, 19 Februari 2013, hlm. 6

¹⁷⁶ Ibid.

Islam.¹⁷⁷Selain itu, pihak bukan Islam juga kerap kali mencetuskan retorik bahawa perlembagaan negara Malaysia adalah sekular bagi menolak hujah dasar pengislaman dan pelaksanaan idealisme Islam.¹⁷⁸

Pandangan dan reaksi yang negatif daripada kalangan bukan Islam terhadap agenda pengislaman ini dikatakan berpunca daripada kejahilan dan salah faham terhadap ajaran Islam.¹⁷⁹ Penerangan terhadap ajaran Islam hanya terhad kepada perkara-perkara yang umum sahaja seperti tidak boleh makan babi dan minum arak. Begitu juga dengan persepsi mereka terhadap umat Islam yang lebih suka dan selesa menggunakan perkataan khinzir berbanding babi, semakin menguatkan persepsi negatif bukan Islam bahawa Islam melarang apa yang mereka sukai.¹⁸⁰Akibatnya, seringkali kaum Melayu dan Islam disalaherti dan digambarkan oleh bukan Islam khususnya di kalangan komuniti Cina melihat Islam sebagai mundur, ekstrim, fundamentalis, konservatif dan mengongkong.¹⁸¹ Perbezaan perspektif inilah yang menyumbang terhadap kesalahfahaman masyarakat bukan Islam terhadap Islam yang digerakkan oleh pelbagai pihak termasuk ABIM.

Kesimpulan

Aktiviti ABIM semenjak penubuhannya pada tahun 1971 telah memberi implikasi tersendiri terhadap perkembangan Islam di Malaysia. Memandangkan ABIM berasal

¹⁷⁷ Abdull Rahman et.al, "Penerimaan Bukan Islam terhadap Proses Islamisasi di Malaysia", *Jurnal Hadhari*, Bil. 2 (2009), hlm. 38.

¹⁷⁸ Salah satu tokoh negara sekular adalah Lim Kit Siang yang juga ahli parlimen sejak tahun 1969 dan sekaligus tokoh veteran DAP yang dianggap mewakili bukan Islam yang berpengaruh, beliau konsisten 'memperjuangkan' Malaysia sebagai negara sekular sehingga ke hari ini. Lee Kam Hing dan Tan Chee Beng (pnyt), *The Chinese in Malaysia*, New York: Oxford University Press, 2000.

¹⁷⁹ Untuk paparan selanjutnya mengenai salah faham terhadap Islam lihat misalnya Danial Zainal Abidin, *Islam: The Misunderstood Religion*, Kuala Lumpur: PTS Publication & Distribution Sdn Bhd, 2007.

¹⁸⁰ Abdul Rahman, "Penerimaan Bukan Islam", hlm. 47-48.

¹⁸¹ Mohd Azhar Abd Hamid et.al., "Perspektif Orang Cina terhadap Agama Islam di Malaysia: Satu Tinjauan Awal", *Jurnal Teknologi (Social Sciences)* 60 (2013), hlm. 13.

daripada aktivis pelajar Islam di kampus telah menjadikan ABIM mempunyai hubungan yang rapat dengan PAS semenjak dari awal penubuhannya lagi. Suasana politik semasa ketika itu terutamanya selepas peristiwa 13 Mei 1969 menyebabkan PAS telah menerima inisiatif untuk memasuki barisan anggota kabinet. Kemasukan ini menyebabkan ruang politik pembangkang menjadi kosong ketika itu. Pada waktu inilah ABIM terutamanya di bawah kepimpinan Anwar Ibrahim berjaya mengambil alih fungsi PAS dalam mendesak kerajaan terutamanya melibatkan isu berkaitan Islam. Hubungan ini juga turut disumbangkan oleh penglibatan ahli ABIM dalam PAS yang begitu ramai ketika itu. Kemasukan aktivis ABIM ke dalam PAS telah mempererat lagi hubungan antara ABIM dan PAS. Selain dari itu, aliran pemikiran ABIM yang sangat radikal ketika itu turut di bawa masuk ke dalam PAS dan turut merubah pendekatan PAS. Sistem *usrah* juga turut di bawa ke dalam PAS menjadikan sistem pentarbiyahan PAS lebih tersusun.

Kemasukan Anwar Ibrahim ke dalam UMNO pada tahun 1982 telah menyebabkan hubungan ABIM dan PAS menjadi renggang. Untuk menjustifikasikan kemasukan Anwar ke dalam UMNO, ABIM lebih selesa dengan pendekatan membantu kerajaan dalam projek islamisasi. Pertembungan ini cukup kuat dirasakan terutamanya pada tahun 1980-an dan 1990-an. Program keislaman yang dianjurkan oleh pihak kerajaan cukup terasa terutamanya apabila Anwar Ibrahim memasuki kerajaan dan ABIM dilihat bersama dalam menganjurkan program islamisasi sehingga melahirkan pelbagai institusi seperti Universiti Islam Antarabangsa, Bank Islam, Sistem Perundangan Islam dan Sistem Pendidikan yang lebih *islamiy*. Pemecatan Anwar Ibrahim dari UMNO pada tahun 1998 telah memulihkan kembali hubungan ABIM dan PAS. Pada zaman ini, mereka sering mengadakan aktiviti bersama terutamanya dalam soal politik.

Selain dari itu, persaingan ABIM dan sebuah pertubuhan Islam yang lain iaitu JIM telah bermula semenjak tahun 1970-an lagi. Perbezaan pendekatan menyebabkan mereka bersaing dalam melaksanakan Islam. Kemasukan Anwar Ibrahim ke dalam UMNO pada tahun 1982 telah memburukkan lagi hubungan ABIM dan JIM. JIM mengkritik tindakan Anwar Ibrahim dan sudah tentulah kesannya terhadap ABIM sendiri. Pada era ini ABIM kehilangan pengaruh di kampus kerana JIM dan PAS berjaya mengambil alih kesemuanya. Terdapat sebahagian ahli JIM turut serta memasuki UMNO pada awal 1990-an kerana melihat keberhasilan islamisasi yang dilakukan oleh Anwar yang berada dalam kerajaan ketika itu. Pemecatan Anwar Ibrahim dari UMNO pada tahun 1998 turut memulihkan hubungan ABIM dan JIM dimana mereka turut serta dalam kegiatan yang dianjurkan oleh ABIM.

Reaksi masyarakat bukan Islam juga pelbagai dalam hal berkaitan islamisasi di Malaysia. Pada umumnya berlaku reaksi yang negatif akibat daripada kesalahan memahami masyarakat Islam. Reaksi negatif ini ditunjukkan dalam kenyataan akhbar, debat di Parlimen mahupun penulisan sesetengah pihak dari kalangan bukan Islam. Proses islamisasi yang digerakkan oleh ABIM sehingga menjadi agenda nasional dalam kerajaan terutamanya pada pertengahan tahun 1980-an sehingga 1990-an ini lah yang menimbulkan reaksi yang agak negatif bagi sebahagian masyarakat bukan Islam. Walaubagaimanapun, reaksi mereka berjaya diselesaikan secara baik oleh kerajaan ketika itu.

BAB 8

KESIMPULAN

Penubuhan ABIM pada tahun 1971 telah memberi kesan yang besar terhadap perkembangan dan pengamalan Islam dalam masyarakat di Malaysia. Organisasi belia Islam yang diasaskan oleh sekumpulan aktivis mahasiswa di universiti tempatan ini menjadi titik pemisah penting dalam perubahan Islam di Malaysia. Walaupun terdapat banyak faktor lain yang menyumbang terhadap kesedaran Islam pada tahun 1970-an tetapi faktor tersebut hanya sebagai pelengkap daripada kelahiran ABIM pada tahun 1971. Kebanyakan penulis Barat dan sebilangan penulisan sarjana Islam menumpukan kepada faktor-faktor luaran dan sampingan sebagai faktor utama kebangkitan Islam di Malaysia. Kajian ini membuktikan bahawa gerakan pelajar mempunyai sumbangan yang besar terhadap penubuhan ABIM. Ini dapat dilihat dalam ucapan dan penulisan yang dihasilkan oleh tokoh-tokoh gerakan Islam seperti yang diutarakan oleh pimpinan Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM) dan ABIM tidak menggambarkan asas perkauman tetapi bersifat universal.

Penyertaan generasi muda terpelajar secara menyeluruh dalam gerakan dakwah pada dekad 1970-an mempunyai hubungan dengan pelbagai faktor dalaman dan luaran yang saling berkaitan antara satu sama lain seperti faktor kegagalan Barat dengan kefahaman Islam sebagai cara hidup. Terdapat juga faktor yang sifatnya bersepadu dan mengukuhkan antara satu sama lain seperti faktor dasar luar kerajaan yang pro-Islam dan bantuan dana dari Timur Tengah terhadap perkembangan dakwah. Malah faktor etnik, peristiwa 13 Mei 1969, dan kelesuan parti pembangkang tetap berpengaruh dalam kebangkitan Islam, walaupun sering disebut sebagai faktor sampingan sahaja. Inilah

fenomena sebenar kebangkitan Islam yang mencirikan kesedaran menyeluruh bagi menentang arus kebangkitan sekularisme yang berkembang hebat ketika itu.

Anwar Ibrahim yang menjadi Presiden PKPMI pada tahun 1969 dan rakan-rakannya di dalam PKPIM membawa idealisme ini kepada seluruh masyarakat pelajar yang akhirnya menimbulkan kesedaran terhadap gerakan kebangkitan Islam dalam kalangan pelajar negara. Kelompok ini merupakan sebahagian daripada individu yang begitu komited untuk meneruskan risalah dakwah yang telah dimulakan ketika di peringkat kampus lagi. Hasil perahan fikiran inilah maka lahirnya Angkatan Belia Islam Malaysia dengan perlembagaan dan pendekatan yang tersendiri. Pertubuhan ini berjaya ditubuhkan dan dinamakan Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM). Peranan PKPIM dalam menubuhkan ABIM adalah sangat signifikan kerana dicetuskan oleh mantan aktivis PKPMI sendiri. Kepimpinan ABIM yang datangnya dari bekas pimpinan PKPIM merupakan antara faktor penting yang menyebabkan ABIM dapat berkembang dengan pesat dan menyeluruh. Selain itu terdapat juga faktor lain yang menyumbang kepada kelahiran ABIM iaitu faktor organisasi belia itu sendiri.

Perkembangan ABIM yang mengalami turun naik dalam gerakan dakwah Islam di Malaysia didorong juga oleh pelbagai faktor dalaman dan luaran. ABIM pada era 1970-an dikenali sebagai zaman yang sangat radikal dan dipenuhi dengan aksi perlawanan terhadap rezim penguasa ketika itu. ABIM terutamanya di bawah pimpinan Anwar Ibrahim berjaya menjadikan gerakan ini sebagai kumpulan pendesak yang sangat dihormati dalam masyarakat kerana berjaya membawa isu-isu yang bersifat nasional ketika itu. Kepimpinannya yang karismatik berjaya menjadi ikutan generasi pemuda ketika itu sehingga menjadi pertubuhan alternatif selain daripada parti politik dalam menyampaikan hasrat kepada kerajaan. Radikalnya ABIM ketika itu dapat dilihat

daripada tindakan demonstrasi yang mereka anjurkan sehingga sebahagian besar pimpinan mereka termasuk Anwar Ibrahim di tahan dalam tahanan ISA pada tahun 1974 melalui peristiwa demonstrasi Baling di Kedah.

Era radikal ABIM ini juga disumbangkan oleh suasana politik ketika itu dimana berlaku peristiwa 13 Mei 1969 sehingga menyebabkan berlaku pernyatuan politik Melayu dalam bentuk penubuhan Barisan Nasional. PAS sebagai parti pembangkang ketika itu dibawa masuk menganggotai kerajaan. Ketiadaan parti pembangkang ini menimbulkan ruang kosong dalam sistem politik di Malaysia. Ruang kosong inilah yang diisi oleh ABIM sehingga sehingga mendapat sokongan daripada semua pihak. Kepimpinan karismatik Anwar Ibrahim dan pengisian ruang kosong ini menjadikan ABIM sebagai pertubuhan belia Islam yang sangat berkesan ketika itu. Idealisme perjuangan ABIM ketika ini untuk merubah fahaman sekular yang menebal dalam masyarakat Melayu mendapat sambutan yang mengalakkan terutamanya daripada kelas menengah Melayu. Penubuhan sekolah persendirian seperti Yayasan Anda merupakan usaha awal ABIM untuk memperkenalkan idea pendidikan yang holistik yang berpaksikan kepada idea islamisasi ilmu untuk menggantikan fahaman sekular.

Kepimpinan ABIM ketika itu menyedari bahawa usaha-usaha pembaikan masyarakat melalui jalan pendidikan adalah usaha yang sangat penting dan mendesak. Penubuhan begitu banyak sekolah persendirian oleh aktivis ABIM yang menyerupai Yayasan Anda menjadi salah satu faktor besar yang menyebabkan idea perjuangan pendidikan ABIM mula tersebar ke seluruh negara. Corak pemikiran agama dan pengamalan agama yang shumul termasuk cara memakai pakaian yang menutup aurat ini telah diusahakan ABIM melalui institusi pendidikan yang dikuasai oleh mereka dan juga dengan kerjasama aktivis mereka di universiti tempatan. Ini menjadikan

perwatakan dan pegamalan kehidupan masyarakat terutamanya generasi belia pada ketika itu telah bertukar menjadi lebih *islamik*.

Kepimpinan ABIM yang karismatik ini menjadikan ABIM mula dikenali dalam politik nasional dan juga antarabangsa. Anwar Ibrahim membawa ABIM menjalankan hubungan dengan pelbagai pertubuhan Islam pada peringkat antarabangsa. Perlantikan ABIM sebagai wakil *WAMY* dan pelbagai pertubuhan Islam pada peringkat antarabangsa menjadikan ABIM sebagai pertubuhan yang disegani. Selain dari itu, hubungan peribadi dengan pelbagai tokoh dakwah dan pemikir Islam pada peringkat antarabangsa menjadikan ABIM sebahagian daripada rangkaian gerakan Islam yang dihormati pada peringkat antarabangsa. Hubungan ini menjadikan ABIM mudah untuk mengadakan pelbagai program keagamaan samada dalam usaha untuk mendapatkan dana dan juga menyebarkan idea-idea keislaman. Faktor ini sangat besar dalam melonjakkan nama ABIM sekaligus memudahkan menyebarkan idea Islam dalam masyarakat sebagai gerakan Islam yang mempunyai autoriti.

Kemasukan Anwar Ibrahim ke dalam UMNO menjadikan ABIM dan gerakan Islam lain di Malaysia menjadi bermasalah dan menimbulkan konflik sesama mereka. ABIM yang dipimpin oleh Siddiq Fadzil terpaksa menyelesaikan masalah ini dengan menguatkan pimpinan ABIM. Kemasukan Anwar Ibrahim ke dalam UMNO sebenarnya telah memberi ruang kepada ABIM untuk mengarusperdanakan kegiatan keislaman dalam bentuk pembuatan dasar kerajaan. Konsep pemikiran dakwah baru mula diutarakan pada dekad ini dengan mengutarakan gagasan pemikiran *Manhaj Maliziy*. Idea islamisasi yang diperjuangkan mereka telah diangkat menjadi program kerajaan dimana sistem pendidikan yang *islamik* dan sepadu sifatnya telah mula di rangka dengan mengadakan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan juga Kurikulum Bersepadu

Sekolah Menengah (KBSM) yang menjadikan kesepaduan nilai menjadi aspek utama dalam pengajaran. Selain dari itu dengan penerapan dan pelaksanaan Dasar Penerapan Nilai Islam (DPNI) juga telah memberi ruang baru kepada pelaksanaan Islam di Malaysia sehingga merubah struktur pentadbiran dan politik di Malaysia. Kelahiran institusi yang bersifat Islam seperti Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Bank Islam, Sistem Takaful dan Mahkamah Syariah telah menjadikan Malaysia dikenali pada peringkat antarabangsa sebagai sebuah negara Islam contoh. Sebahagian besar proses pembentukan institusi Islam di Malaysia di sertai oleh aktivis ABIM sebagai pemikir dan pelaksana.

Walaupun begitu, suasana ini sebenarnya menimbulkan kesan yang agak negatif kepada ABIM sendiri. ABIM pada dekad 1990-an dikenali sebagai penyokong kerajaan sehingga menjadikan hubungan ABIM dengan pelbagai gerakan Islam lain terutamanya PAS telah menghadapi masalah. Kejayaan islamisasi kerajaan yang didokong ABIM ini menjadikan sebahagian besar aktivisnya berkerja bersama kerajaan dan menjadikan tohmahan gerakan Islam lain bahawa ABIM ini ialah sebahagian daripada kerajaan mudah diterima oleh masyarakat. Implikasinya pada dekad ini adalah penguasaan ABIM terhadap kegiatan mahasiswa di kampus tempatan dan di luar negara semakin berkurangan dimana dapat dilihat bahawa PAS telah berjaya mengambil alih dan mendominasi seluruh kegiatan mahasiswa di kampus. Dari sudut jangka masa panjang ia merugikan ABIM untuk melahirkan satu generasi pelapis yang berkualiti seperti yang pernah mereka lahirkan pada dekad 1970-an dan awal 1980-an. Oleh itu kepimpinan ABIM pada dekad ini terutamanya dibawah kepimpinan Mohammad Nur Manuty mengalami penurunan dalam menguasai pengaruh terhadap masyarakat awam di Malaysia terutamanya masyarakat kampus dan masyarakat di luar bandar.

Pendekatan ABIM yang non partisan dan bergerak dengan berlandaskan fahaman *Manhaj Maliziy* merupakan kejayaan terbesar ABIM dalam merubah kefahaman masyarakat terhadap Islam. Ini juga menyebabkan perlaksanaan Islam dalam bentuk intitusi mudah terlaksana di Malaysia berbanding dengan negara Islam lain. Implikasi daripada fahaman ini menjadikan masyarakat Melayu yang beragama Islam dapat melaksanakan Islam tanpa merubah kebudayaan Melayu yang mereka amalkan sebelum ini asalkan tidak bercanggah dengan Islam. Pendekatan ini berjaya menarik generasi terpelajar Muslim dan kelas menengah Melayu untuk berubah. Pendekatan ini juga berjaya menjadikan Islam sesuai diamalkan dalam suasana masyarakat majmuk yang berbilang kaum di Malaysia. Pendekatan ini yang merangkumi prinsip non partisan menyebabkan ABIM dapat berkerjasama dengan pelbagai pihak samada pihak kerajaan atau pun pembangkang dalam sesuatu perkara berasaskan kepada kepentingan Islam. Inilah yang menyebabkan perkara yang berkaitan Islam sentiasa menjadi perkara yang penting di Malaysia dan sangat diperhatikan oleh pelbagai pihak.

Kelahiran ABIM menjadi begitu penting kerana berjaya merubah masyarakat terutamanya dari sudut cara pandang melihat sesuatu isu dengan kefahaman Islam yang betul. Idea islamisasi yang berasaskan fahaman pendidikan bersepadu telah berjaya merubah seluruh struktur pendidikan di Malaysia sehingga melahirkan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang sangat *Islamik* sifatnya. Implikasinya ialah seluruh cara pandang dalam pendidikan di Malaysia mula berubah kerana melihat dari sudut kesepaduannya. Ini telah melahirkan perubahan sikap dan pengamalan agama sehingga budaya menutup aurat, menjauhi perkara haram dan keinginan yang kuat untuk mengamalkan corak kehidupan Islam. Keadaan inilah yang menyumbang kepada berkembang suburnya institusi yang berasaskan Islam di Malaysia samada institusi pendidikan, ekonomi dan perundangan. Perubahan ini kekal sifatnya kerana masyarakat

selesa dengan suasana Islam ini. Oleh itu kajian ini dapat menyimpulkan bahawa perubahan besar-besaran ini adalah berdasarkan peranan dan sumbangan ABIM dalam kegiatan yang mereka lakukan.

Pendekatan politik yang diambil oleh ABIM juga menyumbang kepada berkembangnya kefahaman Islam. ABIM sebagai pertubuhan belia Islam telah berjaya menjalankan fungsinya sebagai kumpulan pendesak dengan mengadakan pelbagai aktiviti yang bersifat mendesak kerajaan samada dalam bentuk menghantar memorandum, berdemonstrasi dan juga aktif membuat kenyataan di media. Pada waktu yang sama, mereka juga sedaya upaya membuat tuntutan dan bersifat realistik sehingga mereka mampu melaksanakan sendiri sebagai intitusi contoh. Penubuhan beberapa intitusi pendidikan Islam tersendiri seperti TASKI dan SERI menjadikan ABIM dilihat mampu melaksanakan apa yang dituntut.

Pendekatan kepimpinan ABIM yang melihat politik sebagai wadah untuk memperjuangkan Islam terserlah dengan kemasukan Anwar Ibrahim ke dalam kerajaan. Implikasinya ialah sangat besar sehingga semua idea keislaman yang diperjuangkan oleh mereka berjaya diinstitusikan ke arus perdana. Penubuhan institusi Islam ini telah berjaya merubah Malaysia menjadi negara yang mempunyai komitmen untuk melaksanakan Islam dalam bentuk pembuatan dasar sehingga merubah keseluruhan masyarakat Malaysia moden. Perubahan ini bersifat kekal dan menjadikan masyarakat Melayu lebih *Islamiy*. Ini membuktikan bahawa pendekatan ABIM ini sangat tepat dan sesuai diamalkan dalam konteks masyarakat Malaysia.

Memandangkan ABIM dan persoalan kebangkitan Islam sangat luas sifatnya, dicadangkan pada masa hadapan kajian yang lebih khusus dilakukan. Diantara yang

boleh diketegahkan sebagai kajian di masa depan ialah bagaimana institusi pendidikan yang dibina oleh ABIM berjaya merubah masyarakat. Institusi dan fahaman keislaman mereka ini harus diteliti lebih mendalam untuk melihat hubungan antara idea pendidikan, penubuhan institusi pendidikan dan perlaksanaanya yang diamalkan pada peringkat yang lebih awal lagi iaitu pra sekolah mampu menjadikan masyarakat untuk mengamalkan kehidupan yang lebih Islamiy. Perubahan dalam bidang pendidikan ini dapat dilihat dengan lebih mendalam dengan mengkaji perkembangan dan bertambahnya sekolah-sekolah yang didirikan oleh ABIM.

Selain dari itu, aspek kepimpinan ABIM secara khusus terutamanya dalam era yang lebih khusus juga wajar menjadi kajian lanjutan. Contohnya era kepimpinan Anwar Ibrahim pada 1974-1981 wajar diteliti dengan lebih mendalam berasaskan kepada sumber primer ABIM sendiri. Ini adalah sangat penting kerana perkembangan ABIM yang begitu pesat sehingga dapat bertahan pada hari ini tidak dapat dipisahkan daripada kepimpinan Anwar Ibrahim yang karismatik yang telah meletakkan ABIM sebagai kumpulan pendesak utama ketika itu terutamanya pada era pertengahan dan akhir 1970-an. Idea-idea kepimpinan dan pemikiran Anwar Ibrahim harus diteliti dengan menggunakan analisis yang berdasarkan kepada teks ucapan serta hasil penulisan beliau sendiri. Ini akan memberi sumbangan besar dalam memahami proses kebangkitan semula Islam di Malaysia.

Aspek pemberdayaan wanita juga boleh dijadikan aspek kajian pada masa hadapan. ABIM sangat mengambil berat soal pemberdayaan wanita dengan menubuhkan Biro HELWA ABIM Pusat (Hal Ehwal Wanita) dan menjadikan salah satu jawatan Naib Presiden ABIM Pusat yang diperuntukkan kepada wakil HELWA. Pengwujudan biro khusus ini juga menjadikan ABIM begitu fokus dalam mengadakan

program-program yang berkaitan wanita serta sedaya upaya memberi wajah Islam dalam setiap kegiatan yang dianjurkan oleh mereka. Oleh itu ABIM berjaya melahirkan aktivis dakwah dalam kalangan wanita yang sangat terkenal dan mempengaruhi pemikiran berkaitan perjuangan wanita di Malaysia. Pemikiran aktivis wanita ABIM ini harus diteliti dengan mendalam untuk memahami pemikiran utama yang di perjuangkan oleh mereka dan pengaruhnya dalam masyarakat.

University of Malaya

BIBLIOGRAFI

DOKUMEN

DOKUMEN ANGKATAN BELIA ISLAM MALAYSIA (ABIM)

